

# **DEWAN MAJLIS**

**LAPORAN PENUH  
(HANSARD)**

**MESYUARAT PERTAMA DARI  
MUSIM PERMESYUARATAN KELIMA BELAS  
MAJLIS MESYUARAT NEGARA**

**HARI KHAMIS, SABTU, SELASA, RABU, KHAMIS,  
SABTU, ISNIN, SELASA, RABU, KHAMIS DAN SABTU,  
30 JAMADILAKHIR, 2, 5, 6, 7, 9, 11,12,13,14 DAN 16 REJAB 1440  
BERSAMAAN 7, 9, 12, 13, 14, 16, 18, 19, 20, 21  
DAN 23 MAC 2019**

**JILID 1**

**BERTEMPAT  
DI DEWAN PERSIDANGAN,  
MAJLIS MESYUARAT NEGARA,  
JALAN DEWAN MAJLIS,  
BANDAR SERI BEGAWAN,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

Diterbitkan oleh :  
Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat  
Jalan Dewan Majlis, BB3910  
Negara Brunei Darussalam

Cetakan Pertama 2019

**Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei  
Pengkatalogan Data-dalam-Penerbitan (Cataloguing-in-Publication)**

LAPORAN Penuh (Hansard) Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan  
Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara Tahun 2019 Jilid 1. -- Bandar Seri  
Begawan : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat, 2019.

407 p. 26 cm.

ISBN 978-99917-987-2-1 (Softcover)

1. Legislative--Congresses
2. Legislative--Brunei Darussalam--Congresses
3. Brunei Darussalam--Politics and government

328.595504 LAP (DDC 23)

Dicetak oleh :  
Jabatan Percetakan Kerajaan  
Jabatan Perdana Menteri  
Lapangan Terbang Lama  
Bandar Seri Begawan, BB3510  
Negara Brunei Darussalam.

## **JABATAN MAJLIS-MAJLIS MESYUARAT**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia  
Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib,  
PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL.,

**Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara**

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya  
Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar,  
DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.,

**Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara**

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB.  
**Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara**

Yang Mulia Awang Mohammad Ede Fadle bin Haji Shamsu  
**Pegawai Pentadbir Tingkat Khas**

Yang Mulia Dayangku Hajah Zaidah binti Pengiran Haji Petra,  
**Penolong Jurutulis**

Dayang Siti Ajeerah binti Najib,  
**Pegawai Perhubungan Awam**

### **PENYEDIAAN LAPORAN PENUH (HANSARD)**

#### **Bahagian Laporan**

Dayang Sarinah binti Haji Mohd. Hashim, Pemberita Majlis Kanan (Ketua Penyunting)  
Awang Haji Omar bin Tunjang, Pemberita Majlis Kanan (Penyunting)  
Dayang Zulia'ah binti Haji Mohd. Zanai, Pemberita Majlis (Pemberita Sambilan)  
Awang Norhakimin bin Nordin, Pemberita Majlis (Penyusun II)  
Dayang Noor Rosmawati binti Haji Ismail (Pencatat)

#### **Penyunting / Penyemak**

Awang Haji Rosman bin Abdul Jalil, Penolong Pentadbir  
Dayang Hajah Haslinda binti Haji Hidup, Ketua Penterjemah  
Awang Haji Moxin bin Haji Durahim (Mantan Pegawai Bahasa Kanan)

#### **Pemberita Sambilan**

Awang Junaidi bin Haji Metussin @ Haji Tuah,  
Penolong Pegawai Kerja Tingkat II, (Penyusun III)  
Dayang Hajah Rabayah binti Haji Mohamad, Setiausaha Sulit  
Dayangku Aminah binti Pengiran Abdul Rahman, Setiausaha Sulit  
Dayang Hajah Haspalela binti Haji Abdul Rane, Setiausaha Sulit  
Dayang Fatimah binti Bungsu, Setiausaha Sulit  
Dayang Hajah Sarimah binti Amit, Setiausaha Sulit  
Dayang Hajah Nurul Afifah binti Haji Lakat, Setiausaha Sulit  
Dayang Emma Malissa binti Haji Isakhan, Kerani Sulit

Awang Azmy bin Untong, Kerani Sulit  
Pengiran Syazwan bin Pengiran Haji Bakar, Kerani  
Dayang Hajah Adiliana binti Haji Damit, Kerani  
Dayang Susilawati binti Saie, Kerani  
Dayangku Rozainah binti Pengiran Haji Bakar, Kerani  
Awang Muhammad Syahafindey bin Husin, Kerani  
Dayang Irma Ratna Seri Ayu binti Brahim, Kerani  
Dayang Nurulidayah binti Haji Jafri, Kerani

### **Bahagian Penjilidan**

Awang Zaini bin Haji Ismail, Pegawai Rekod  
Dayang Raidah binti Haji Abdul Rahman, Penjilid Tingkat II.

<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>Hari KHAMIS, 30 Jamadilakhir 1440 / 7 Mac 2019</b>		
1.	Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	1
2.	<b>PERKARA I</b> – Doa Selamat	4
3.	Ucapan Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara	4
4.	<b>PERKARA II</b> –Mengesahkan Minit	5
5.	<b>PERKARA III</b> – Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam	5
6.	Doa Selamat	8
<b>Hari Sabtu, 2 Rejab 1440 / 9 Mac 2019</b>		
7.	Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	10
8.	Doa Selamat	13
9.	<b>PERKARA IV – KERTAS YANG DIBENTANGKAN DI ATAS MEJA KERTAS NO. 1 TAHUN 2019 – SENARAI PERINTAH - PERINTAH DARURAT YANG TELAH DILULUSKAN DALAM TAHUN 2018 MENURUT FASAL 83 DARI PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM</b>	14
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	14
10.	<b>PERKARA IV –KERTAS YANG DIBENTANGKAN DI ATAS MEJA KERTAS NO. 2 TAHUN 2019 – ANGGARAN HASIL DAN PERBELANJAAN NEGARA BAGI TAHUN KEWANGAN, 2019/2020</b>	15
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	15
11.	<b>PERKARA VI – USUL-USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS</b>	
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	16
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri	16
	Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri	16

<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	20
	Yang Berhormat Yang Haji Ramli bin Haji Lahit	20
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu	23
	Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad	25
	Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman	27
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	29
	Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman	32
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri	37
	Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung	40
	Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian	42
	Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis	44
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	46
	Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon	47
	Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin	50
	Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu	52
	Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari	54
	Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari	57
	Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad	60
	Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi bin Abdul Haadii	64
	Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin	66
	Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput	67
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim	70

<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
12.	<b>PERKARA VII – RANG UNDANG-UNDANG (2019) PERBEKALAN, 2019/2020</b>	
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	72
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	72
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	73
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	91
	<b>Hari Selasa, 5 Rejab 1440 / 12 Mac 2019</b>	
13.	Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	92
14.	Doa Selamat	95
15.	<b>PERKARA V – SOALAN-SOALAN YANG DIBERI NOTIS</b>	96
	Yang Berhormat Awang Hanapi bin Haji Siput	96
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri	96
	Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman	97
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim	97, 98
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri	99
	Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman	99
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri	101
	Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman	103
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	103
	Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad	104
	Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman	107

<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>SAMBUNGAN PERKARA VII – RANG UNDANG-UNDANG (2019) PERBEKALAN, 2019/2020</b>	
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	110
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim	112
	Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari	113
	Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong	114
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu	116
	Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad	116
	Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii	117
	Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi	118
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	120
16.	<b>Bab 2, Ceraian (1) dan (2)</b>	121
17.	JABATAN PERDANA MENTERI	121
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri	121
18.	<b>JABATAN PERDANA MENTERI Tajuk SA01A hingga Tajuk SA06A</b>	
	Yang Berhormat Awang Haji Mohaimin bin Haji Johari @ Jahari	126
	Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis	127
	<b>Tajuk SA07A hingga Tajuk SA12A</b>	127
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri	128
	Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad	128
	Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon	128
	Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman	130



<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari	132
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu	132
	Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu	134
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri	134
	Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman	140
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	140
	Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon	141
	Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin	141
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri	142
	<b>Tajuk SA14A hingga Tajuk SA25A</b>	144
	Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman	145
	Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii	146
	Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari	146
	Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari	146
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri	147
	Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu	148
	Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon	148
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	148, 149
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim	149
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri	150
	Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu	151
	Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian	152

<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
19.	<b>KEMENTERIAN PERTAHANAN Tajuk SB01A hingga Tajuk SB04A</b>	152
	Yang Berhormat Menteri Pertahanan II	152
20.	Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	163
21.	Doa Selamat	166
	<b>SAMBUNGAN PERKARA V– SOALAN-SOALAN YANG DIBERI NOTIS</b>	167
	Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari	167
	Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis	167
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri	167
	Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari	168
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri	168
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	169
	Yang Berhormat Awang Abdul Hamid bin Haji Mumin	169
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	170
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu	171
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	172
	<b>SAMBUNGAN PERKARA VII – RANG UNDANG-UNDANG (2019) PERBEKALAN, 2019/2020</b>	
	<b>SAMBUNGAN JABATAN PERDANA MENTERI Tajuk SA01A hingga Tajuk SA025A</b>	175
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri	175
22.	<b>KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI Tajuk SC01A</b>	186
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II	187

<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari	189
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II	190
	Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad	191
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II	191
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	191
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II	192
	Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman	193
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II	193
	Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput	194
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II	194
	Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman	195
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II	196
	Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin	197
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II	197
23.	<b>KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI</b> <b>Tajuk SD01A hingga Tajuk SD09A</b>	198
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekomomi II	198
	Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad	202
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekomomi II	203
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu	203
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekomomi II	204
	Yang Berhormat Awang Haji Emran din Haji Sabtu	205

<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	206
	Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari	207
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	207
	Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman	208
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	209
	Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon	210
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	210
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	211
	Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis	211
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	212
	Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman	214, 216
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	216
	Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari	217
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	218
	Yang Berhormat Nik Hafimi binti Abdul Haadii	219
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	219
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	219

<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	220
	Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari	221
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	221, 222
	Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman	223
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	224
	Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian	226
24.	<b>KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI Tajuk SE01A hingga Tajuk SE12A</b>	227
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	227
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu	234
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	235
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim	237
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	238
	Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu	239
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	240
	Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari	240
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	241
	Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad	241
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	242
	Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong	244
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	246

<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>Hari Khamis 7 Rejab 1440 / 14 Mac 2019</b>	
25.	Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	248
26.	Doa Selamat	251
	<b>SAMBUNGAN PERKARA V– SOALAN-SOALAN YANG DIBERI NOTIS</b>	252
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	252
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	253
	Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	253
	Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis	255
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	255
	Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput	257
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	257
	Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon	258
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal dalam Negeri	259
	Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput	262
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II	262
	<b>SAMBUNGAN PERKARA VII – RANG UNDANG-UNDANG (2019) PERBEKALAN, 2019/2020</b>	
	<b>SAMBUNGAN KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI Tajuk SC01A</b>	263
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II	263
	<b>SAMBUNGAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI Sambungan Tajuk SE01A hingga Tajuk SE12A</b>	
	Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput	265
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	265
	Yang Berhormat Pengiran Ali bin Pengiran Maon	266

<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	266
	Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin	267
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	268
	Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung	269
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	270
	Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh	271
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	272
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	272
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	273
	Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian	274
	Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis	276
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	277
	Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari	277
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	278
	Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad	280
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	281
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abd. Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim	281
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	282
	Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman	283
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	284

<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
27.	<b>KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN Tajuk SH01A hingga Tajuk SH06A</b>	285
	Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	285
	Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad	290
	Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	290
	Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin	292
	Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	293
	<b>SAMBUNGAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI Sambungan Tajuk SE01A hingga Tajuk SE12A</b>	297
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam negeri	297
	<b>SAMBUNGAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN Sambungan Tajuk SH01A hingga Tajuk SH06A</b>	298
	Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon	298
	Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	299
	Yang Berhormat Haji Umarali bin Esung	300
	Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	301
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu	303
	Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	304
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim	306
	Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	308
	Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput	310
	Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	310, 311
	Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin	312
	Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	314



<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis	316
	Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	316
	Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari	320
	Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	320
	Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman	322
	Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	323
	Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu	323
	Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	324
	<b>Hari Sabtu, 9 Rejab 1440 / 16 Mac 2019</b>	
28.	Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	327
29.	Doa Selamat	330
	<b>SAMBUNGAN PERKARA V– SOALAN-SOALAN YANG DIBERI NOTIS</b>	<b>331</b>
	Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman	331
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	331
	Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad	333
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	334
	Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad	335
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim	335
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	336
	Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis	337
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	337
	Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin	338, 339
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	339

<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>SAMBUNGAN PERKARA VII – RANG UNDANG-UNDANG (2019) PERBEKALAN, 2019/2020</b>	
	<b>SAMBUNGAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN</b>	341
	<b>Sambungan Tajuk SH01A hingga Tajuk SH06A</b>	
	Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	341
30.	<b>KEMENTERIAN PENDIDIKAN</b>	345
	<b>Tajuk SF01A hingga Tajuk SF06A</b>	
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	346
	Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari	351
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	353
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	354
	Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Jasa Haji Abdul Rahman	355, 356
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	358, 359
	Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Jasa Haji Abdul Rahman	360
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	362
	Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari	363
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	364
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	365
	Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin	367
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	368
	Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad	371
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	372
	Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman	374
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	375

<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon	376
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	377
	Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu	379
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	380
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	382
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	383
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	384
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	385
	Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad	386
	Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong	386
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	388
	Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin	389
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	391
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu	392
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	393
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim	394
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	395
	Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis	396
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	397
	Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput	398
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	399

<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian	400
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	402
31.	<b>KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA</b> <b>Tajuk SJ01A</b>	403
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	403

**DEWAN MAJLIS****Khamis, 30 Jamadilakhir 1440/7 Mac 2019****YANG DI-PERTUA  
DAN AHLI-AHLI MAJLIS  
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN  
(PERDANA MENTERI DAN  
MENTERI-MENTERI):**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Ekonomi dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, PSNB., DPMB., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, PSNB., SPMB., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, PSNB., SPMB., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, PSNB., SPMB., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Mohd Hussein, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof, PSNB., SMB., PIKB., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, DPKT., SMB., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:**

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, DPKT., DPMB., SNB., PBLI., PJK., PKLP.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim, DPMB., SNB., PJK., PKL.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:**

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, PSB., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad, SMB.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari, PIKB.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, PIKB.

**AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'B', Zon 1 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Kota Batu, Zon 3 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PSB., PIKB., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 4 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, Ketua Kampung Limau Manis, Zon 5 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Zon 2 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, PJK., PKL., Penghulu Mukim Liang, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, PIKB., Ketua Kampung Labi I, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, SUB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Tanjong Maya, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Bokok, Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

#### **HADIR BERSAMA:**

Yang Dimulihkan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

### **Mesyuarat mula bersidang pada pukul 10.00 pagi**

#### **Yang Dimulihkan Jurutulis:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ. Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari ini, hari Khamis, 30 Jamadilakhir 1440 bersamaan 7 Mac 2019 didahului dengan Doa Selamat.

#### **DOA SELAMAT**

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimulihkan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddien).

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
 اللَّهُمَّ أَلْحَمْدُ لَكَ kita bersyukur ke hadrat kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua, kita dapat bersama-sama hadir pada pagi ini di Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sesungguhnya Persidangan yang diadakan pada hari ini sangat signifikan, malah amat bersejarah kerana pada hari ini Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara akan dirasmikan sendiri oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji



Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Dengan itu saya mengalu-alukan kehadiran Ahli-Ahli Yang Berhormat.

**Yang Dimulihkan Jurutulis:** Perkara II, meneliti dan mengesahkan Minit Persidangan Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas yang telah bersidang selama dua belas hari bermula 17 hingga 29 Jamadilakhir 1439 bersamaan 5 hingga 20 Mac 2018 bertempat di Dewan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara, Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis, Bandar Seri Begawan.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, Minit Persidangan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas telah pun dikelilingkan kepada semua Ahli Yang Berhormat lebih awal. Saya percaya, Ahli-Ahli Yang Berhormat telah pun dapat meneliti dan menyemak Minit-Minit Mesyuarat yang berkenaan.

Maka saya ingin memberikan peluang kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat semua, jika ada yang ingin memberikan komen ataupun pindaan ataupun bantahan terhadap Minit ini, maka saya mempersilakan Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk berbuat demikian.

Nampaknya tidak ada Ahli-Ahli Yang Berhormat mempunyai sebarang komen ataupun pindaan atau bantahan, maka saya membuat kesimpulan bahawa isi

kandungan Minit Mesyuarat Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas ini diluluskan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebentar lagi Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara ini akan dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka untuk membolehkan majlis ini menunggu dan menjunjung keberangkatan baginda ke Majlis ini, saya tangguhkan Persidangan Majlis ini dulu.

Sekian, *وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته*

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**T I T A H**

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN  
HAJI HASSANAL BOLKIAH  
MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI  
AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR  
'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI  
WADDIEN, SULTAN DAN YANG  
DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI  
DARUSSALAM SEMPENA ISTIADAT  
PEMBUKAAN RASMI MESYUARAT  
PERTAMA DARI PERMESYUARATAN  
KELIMA BELAS MAJLIS MESYUARAT  
NEGARA PADA HARI KHAMIS,  
30 JAMADILAKHIR 1440  
BERSAMAAN 7 MAC 2019  
BERTEMPAT DI BANGUNAN DEWAN**

**MAJLIS, JALAN DEWAN MAJLIS,  
BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA  
BRUNEI DARUSSALAM.**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَبِهِ نَسْتَعِينُ  
عَلَى أُمُورِ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، وَالصَّلَاةِ  
وَالسَّلَامِ عَلَى أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ،  
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ  
أَجْمَعِينَ، وَبَعْدُ.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ Beta bersyukur ke hadrat  
اللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى , kerana dengan izin-  
Nya jua dapatlah kita berkumpul  
di Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi  
bagi Mesyuarat Pertama Dari Musim  
Permesyuaratan Kelima Belas  
Majlis Mesyuarat Negara pada hari  
ini.

Beta berharap majlis akan dapat  
bersidang dengan lancar dengan  
ahli-ahli dapat menyumbangkan  
buah fikiran yang bermanfaat untuk  
negara.

Persidangan selama beberapa  
minggu ini hendaknya mampu  
untuk menengahkan perkara-  
perkara strategik demi  
kesejahteraan rakyat dan  
penduduk.

Antara agenda utama dalam  
persidangan ini ialah ahli-ahli majlis  
akan membahaskan Anggaran Hasil  
dan Perbelanjaan Negara untuk  
Tahun Kewangan 2019/2020.

Beta penuh yakin peruntukan-  
peruntukan yang disediakan adalah  
benar-benar menepati keperluan  
negara. Semua program dan  
inisiatif yang dirancang tidak lain  
bertujuan untuk meningkatkan lagi  
kualiti kehidupan rakyat.

Maka sehubungan ini, sistem  
pentadbiran perlulah diperkukuh  
termasuk dasar - dasar dan  
peraturan-peraturan juga sentiasa  
dikemas kini supaya lebih telus dan  
berkesan.

Beta mengambil maklum Ahli-Ahli  
Majlis Mesyuarat Negara khasnya  
mereka yang dilantik telah  
mengadakan permuzakarah  
dengan kementerian-kementerian,  
termasuk mengadakan lawatan-  
lawatan bagi mengetahui secara  
lebih dekat akan kedudukan  
projek-projek yang telah  
dilaksanakan oleh kerajaan sama  
ada melalui Pelaburan Langsung  
Asing (*FDIs*), *Public Private  
Partnership (PPP)*, syarikat-  
syarikat swasta dan syarikat-  
syarikat yang berkaitan dengan  
kerajaan (*GLCs*).

Dalam hubungan ini, Beta ingin  
menasihatkan Ahli-Ahli Yang  
Berhormat supaya jangan  
mengemukakan soalan-soalan yang  
sudah pun pernah dibincangkan  
berulang kali tetapi berbincanglah  
mengenai perkara-perkara baharu  
seperti bagaimana menjana  
ekonomi dengan cara merencanakan  
lagi aktiviti-aktiviti mempelbagai-

kannya selaras dengan hasrat membina masa depan bangsa khususnya generasi muda.

Bercakap mengenai generasi, kita semua sedia maklum bahawa golongan belia adalah aset negara. Selaku ianya jentera pembangunan. Oleh itu, kementerian yang berkenaan hendaklah memastikan bahawa para belia itu diberikan suntikan semangat untuk meneruskan agenda pembangunan tanpa bosan-bosan.

Ini sesuai dengan kepesatan teknologi yang membawa perubahan besar dalam kehidupan termasuk kemajuan industri digital yang memfokus kepada *internet of things artificial intelligence* dan seumpamanya di mana *Fourth Industrial Revolution* akan menjadi salah satu agenda utama dalam memperkasa masyarakat khususnya masyarakat penuntut, peniaga dan pihak kerajaan sendiri termasuk akan mengubah landskap kehidupan seharian.

Meliputi pihak pengusaha, mereka juga perlu untuk mengambil kesempatan dari *Digital Economy* sambil meraih peluang dari perdagangan tanpa sempadan.

Menyentuh tentang ekonomi, Negara Brunei Darussalam tidak ketinggalan membina persekitaran yang kondusif di peringkat antarabangsa dengan menyertai beberapa perjanjian perdagangan

bebas dengan rakan-rakan serantau dan antarabangsa bagi memberi peluang pasaran di negara-negara berkenaan.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ, tidak lama lagi negara akan memuktamadkan rundingan *Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP)* iaitu satu perjanjian kerjasama ekonomi di antara negara-negara *ASEAN* dan enam negara lain yang terdiri daripada Australia, China, India, Jepun, Korea dan New Zealand yang akan membuka pasaran perniagaan kepada lebih 3 bilion penduduk.

Dalam hubungan ini, peniaga-peniaga tempatan wajarlah memanfaatkan kesempatan dari perjanjian-perjanjian tersebut dengan menaik taraf kualiti produk dan meningkatkan daya saing masing-masing yang tentunya secara tidak langsung dapat menyumbang kepada hasrat negara mempelbagaikan ekonomi. Ini bertepatan dengan keperluan negara mempunyai *industry roadmap* bagi kelangsungan ekonomi dan industri.

Bagaimanapun, kita sedikit rimas apabila sejak beberapa tahun kebelakangan ini pertumbuhan KDNK adalah kurang memberangsangkan berikutan dengan harga minyak global jatuh sedangkan sebahagian besar dari pendapatan negara bergantung kepada hasil minyak dan gas. Namun, اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ terdapat sektor-

sektor bukan minyak dan gas telah menunjukkan pertumbuhan positif seperti sektor perkhidmatan. Ini sudah barang tentu memerlukan *Whole of Nation Approach*, kerana jika jentera pentadbiran paling hadapan yang dibarisi oleh jemaah Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Tetap dan pegawai-pegawai kanan kerajaan tidak menunjukkan kerjasama dan kesepakatan padu dalam merealisasikan Wawasan Negara, maka sudah pasti segala perancangan yang dibuat akan menjadi sia-sia.

Dalam fenomena berkaitan, kita terus bimbang dengan kadar pengangguran yang kian meningkat. Ini tidak boleh dipandang ringan, kerana itu beta mahu supaya ia dikaji dan dicari jalan penyelesaian sama ada dalam jangka pendek mahupun jangka panjang, termasuk turut dikenal pasti ialah sejauh manakah sumber tenaga manusia dari pusat-pusat pengajian tinggi tempatan mahupun luar negara yang *marketable* dan relevan dengan situasi masa kini.

Ini juga adalah sebahagian dari kebajikan rakyat yang mesti diutamakan.

Menyebut kebajikan rakyat ini, turut terkandung ialah bantuan-bantuan dan subsidi-subsidi yang telah dihulurkan hendaknya, ia dilaksanakan dengan teratur

supaya tidak berlaku ketirisan atau penyalahgunaan di kalangan penerima.

Akhir sekali, beta berharap Persidangan Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini akan dapat memberikan lebih tumpuan kepada perkara-perkara yang strategik bagi mengukuhkan lagi pencapaian-pencapaian negara. Ahli-Ahli Yang Berhormat juga diharapkan akan dapat mengemukakan pandangan-pandangan atau saranan-saranan di dalam semua bidang yang menjadi tanggungjawab kepada kerajaan tanpa tertentu kepada perkara ekonomi semata-mata.

Beta ucapkan selamat bersidang. Sekian, وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

#### DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

(Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat meninggalkan majlis diiringi oleh Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara dan Pembesar-Pembesar Negara.)

**(Majlis Mesyuarat berehat  
sebentar)**

Sekian, *وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته*

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang  
semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

*بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ* Ahli-Ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu, marilah kita merafakkan rasa kesyukuran ke hadrat *اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* kerana dengan limpah dan izin-Nya jua Istiadat Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara telah pun selesai disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Perutusan Titah.

Maka bagi membolehkan majlis ini untuk menjunjung keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, berangkat bercemar duli untuk bergambar bersama-sama dengan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara dan seterusnya untuk meninggalkan bangunan ini, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang lagi, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* pada hari Sabtu, 2 Rejab 1440 bersamaan 9 Mac 2019 pada pukul 9.00 pagi.

**DEWAN MAJLIS****Sabtu, 2 Rejab 1440/9 Mac 2019****YANG DI-PERTUA  
DAN AHLI-AHLI MAJLIS  
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN  
(PERDANA MENTERI DAN  
MENTERI-MENTERI):**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Ekonomi dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, PSNB., DPMB., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, PSNB., SPMB., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, PSNB., SPMB., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam.  
**(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, PSNB., SPMB., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Mohd Hussein, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof, PSNB., SMB., PIKB., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, DPKT., SMB., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:**

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, DPKT., DPMB., SNB., PBLI., PJK., PKLP.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim, DPMB., SNB., PJK., PKL.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:**

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, PSB., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad, SMB.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari, PIKB.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, PIKB.

**AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'B', Zon 1 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Kota Batu, Zon 3 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PSB., PIKB., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 4 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, Ketua Kampung Limau Manis, Zon 5 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Zon 2 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, PJK., PKL., Penghulu Mukim Liang, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, PIKB., Ketua Kampung Labi I, Zon 2 - Daerah Belait.



Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, SUB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Tanjong Maya, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Bokok, Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

### **HADIR BERSAMA:**

Yang Dimulihkan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

### **Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.00 pagi**

**Yang Dimulihkan Jurutulis:**  
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari kedua hari Sabtu, 2 Rejab 1440 bersamaan 9 Mac 2019 didahului dengan Doa Selamat.

### **DOA SELAMAT**

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimulihkan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddien).

### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
اللَّهُمَّ الْحَمْدُ لِلَّهِ kerana dengan limpah rahmat-Nya jua, kita dapat sama-sama hadir pada hari ini dan bersidang bagi hari yang kedua di Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara.

Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita سَلَامٌ عَلَيْكَ يَا مُحَمَّدٌ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebagaimana yang kita sedia maklum, Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara ini telah selamat, selesai dan sempurna dilaksanakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pada hari Khamis, 30 Jamadilakhir 1440 / 7 Mac 2019.

Majlis ini sebagaimana lazimnya menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih atas keberangkatan

baginda bercemar duli dan titah yang dikurniakan oleh baginda itu.

Perutusan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam amat telus dan amat jelas bahawa baginda senantiasa prihatin terhadap kesejahteraan dan kebajikan rakyat dan penduduk di negara ini dan seterusnya menyeru Ahli-Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara ini untuk membuat pendekatan serta penelitian terhadap perkara-perkara strategik dalam usaha mempelbagaikan dan mengembangkan ekonomi sejajar dengan era yang kita hadapi ini.

Dalam memastikan usaha-usaha ini berjalan lancar, pihak-pihak yang berkenaan dan berkaitan diingatkan untuk terus menyediakan prasarana yang lebih kondusif di samping mengukuhkan *good governance* dalam semua aspek. Ini termasuklah bantuan-bantuan dan subsidi-subsidi yang dihulurkan dapat dimanfaatkan sebaiknya supaya ia tidak disalahgunakan.

Isu pengangguran sewajarnya ditangani secara holistik, manakala belia selaku generasi pelapis negara hendaklah ditangani agar mereka ini lebih *marketable* dan relevan untuk meneruskan agenda pembangunan negara kerana sememangnya isu ini memerlukan *whole of nation approach*.

Oleh yang demikian, dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara Kelima Belas ini, Ahli-Ahli Yang Berhormat hendaklah lebih teliti dan melihat keadaan secara 360° yang merangkumi semua aspek bagi meningkatkan kualiti kehidupan rakyat dan demi mencapai Wawasan Brunei 2035.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Di hadapan kita sekarang ada perkara-perkara yang perlu kita selesaikan dengan segera, dengan sebab itu, saya mencadangkan kita sekarang berpindah ke agenda seterusnya.

**Yang Dimulihkan Jurutulis:** Perkara IV. Kertas-kertas yang akan dibentangkan di atas meja. Kertas No.1 Tahun 2019 oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya dengan segala hormat memohon izin kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua untuk membentangkan di atas meja Kertas No. 1 Tahun 2019 iaitu Senarai Perintah-Perintah Darurat yang telah diluluskan dalam tahun 2018 menurut Fasal 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Dimuliakan Jurutulis:** Kertas No. 2 Tahun 2019 yang akan dibentangkan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ . السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
 dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya dengan segala hormatnya memohon izin kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua untuk membentangkan di atas meja Kertas No. 2 Tahun 2019 iaitu Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Negara bagi Tahun Kewangan 2019/2020. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebentar tadi Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah membuat kenyataan untuk membentangkan Senarai Perintah-Perintah Darurat Yang Telah Diluluskan dalam Tahun 2018 menurut Fasal 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam dan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II akan membentangkan Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Negara Bagi Tahun Kewangan 2019/2020. Maka saya izinkan bagi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berkenaan untuk membentangkan kertas-kertas yang dimaksudkan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ingin membuat kenyataan pada ketika ini. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
 السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, saya ingin mencadangkan bahawa menurut Peraturan 4(3) daripada Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Negara membolehkan supaya Perkara VI, *subsection* 1 iaitu Usul Yang Telah Diberi Notis yang akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri akan lebih dahulu dibincangkan dalam persidangan hari kedua ini.

Perkara ini saya cadangkan kerana ianya amat mustahak untuk disegerakan dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini. Oleh yang demikian, saya berharap cadangan ini akan dapat dipersetujui oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Ada sokongan?... nampaknya cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri untuk mendahulukan Perkara VI mendapat sokongan.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri:** بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ وَبَرَكَاتُهُ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya menyokong cadangan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri supaya Perkara VI, *subsection* 1 iaitu Usul Yang Telah Diberi Notis yang akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri akan lebih dahulu dibincangkan. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, setelah mendengar kenyataan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri yang telah pun disokong sepenuhnya oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, maka saya berpendapat perkara ini amat jelas dan tidak perlu kita bahaskan. Saya sekarang bertanya kepada Ahli Yang Berhormat yang lain adakah cadangan ini kita teruskan atau sebaliknya.

Oleh sebab tidak ada bantahan apa-apa maka saya kira semuanya bersetuju cadangan ini sekarang kita laksanakan. Silakan.

**Yang Dimulihkan Jurutulis:** Perkara VI, Usul Yang Telah Diberi Notis akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato

Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri:** بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ وَبَرَكَاتُهُ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى syukur ke hadrat kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya jua dapat kita sama-sama bersidang pada hari kedua Persidangan Majlis Mesyuarat Negara pada hari ini.

Kita juga bersyukur ke hadrat اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى kerana dengan rahmat dan izin-Nya jua Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini telah selamat disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada hari Khamis yang lalu. Maka dengan ini, saya

ingin mencadangkan satu Usul seperti berikut:

**“Majlis ini bersetuju meluluskan satu Usul menyembahkan sepenuhnya menjunjung kasih kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkia Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda dan seterusnya berkenan menyempurnakan Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Khamis, 30 Jamadilakhir 1440 Hijrah bersamaan 7 Mac 2019 Masihi dan di atas titah baginda yang mana majlis ini menjunjung kasih dengan setinggi-tingginya.”**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sepertimana yang kita telah sama-sama dengar, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam itu mengandungi banyak nasihat, peringatan dan pandangan jauh baginda yang jelas menggambarkan kebijaksanaan dan kewibawaan baginda selaku pemimpin negara yang senantiasa prihatin dan mengutamakan kemakmuran negara dan kesejahteraan rakyat.

Antara lain, perkara yang telah baginda titahkan ialah mengenai kepentingan dan peranan majlis ini sebagai wadah bagi Ahli-Ahli Yang Berhormat menyumbangkan buah fikiran yang bermanfaat untuk negara di samping untuk mengetengahkan perkara-perkara strategik demi kesejahteraan rakyat dan penduduk.

Dalam perbincangan majlis ini, saya berharap apa jua perkara yang ditimbulkan dan dibincangkan di dalam Dewan yang mulia ini hendaklah mengambil kira kepentingan negara dan keharmonian bermasyarakat agar ia tidak akan menimbulkan sebarang isu yang boleh disalahertikan oleh masyarakat setempat atau antarabangsa. Perkara ini amatlah penting untuk kita ambil perhatian dan dijadikan sebagai sandaran dan panduan dalam perbincangan kita di dalam majlis ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga menyentuh mengenai agenda utama persidangan iaitu perbincangan mengenai Anggaran Hasil dan Perbelanjaan untuk Tahun Kewangan 2019/2020, dan baginda penuh yakin bahawa peruntukan-peruntukan yang disediakan adalah benar-benar menepati keperluan negara dan semua program dan inisiatif yang dirancang, titah baginda, tidak lain adalah bertujuan untuk meningkatkan lagi kualiti kehidupan rakyat. Dalam hubungan ini, semua Kementerian adalah disarankan untuk menggunakan peruntukan-peruntukan yang disediakan dengan sebaik-baiknya sepertimana yang dihasratkan oleh baginda.

Baginda juga menyentuh mengenai sistem pentadbiran yang perlu sentiasa diperkukuhkan. Dasar-dasar dan peraturan-peraturan sepertimana titah baginda hendaklah sentiasa dikemas kini supaya lebih telus dan berkesan. Bagi memastikan keberkesanannya para perlaksana dan penguat kuasa undang-undang perlulah mempunyai integriti yang tinggi dan mengamalkan sikap amanah dan bertanggungjawab dalam menjalankan tugas masing-masing.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga telah menyentuh dan menyambut baik inisiatif Ahli-Ahli Yang Berhormat mengadakan permuzakarah dengan kementerian-kementerian dan mengadakan lawatan-lawatan untuk mengetahui secara lebih dekat mengenai kedudukan projek-projek kerajaan. Dalam hubungan ini saya menyeru Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk menjunjung titah nasihat baginda supaya Ahli-Ahli Yang Berhormat tidak mengemukakan soalan-soalan yang sudah pernah dibincangkan tetapi hendaklah mengemukakan cadangan dan perkara-perkara baharu terutama dalam melaksanakan usaha-usaha ke arah menjana dan mempelbagaikan ekonomi negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga telah menyentuh mengenai kepentingan generasi golongan belia sebagai aset dan jentera pembangunan negara. Golongan belia

sepertimana titah baginda perlu diberikan suntikan semangat untuk meneruskan agenda pembangunan. Mereka juga perlu sentiasa dididik, dilatih dan dilengkapi dengan kemahiran-kemahiran yang bersesuaian demi meningkatkan keupayaan masing-masing.

Baginda juga telah menyentuh mengenai kepesatan teknologi termasuk kemajuan industri digital dan Revolusi Industri Keempat yang akan menjadi salah satu agenda utama dalam memperkasa masyarakat khususnya penuntut, peniaga dan pihak kerajaan sendiri yang akan mengubah landskap kehidupan kita seharian. Dalam hubungan ini, pihak pengusaha sepertimana titah baginda juga perlu mengambil kesempatan dari ekonomi digital tersebut sambil meraih peluang dari perdagangan tanpa sempadan. Sepertimana titah baginda jua negara kita tidak lama lagi akan menandatangani perjanjian *Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP)* iaitu kerjasama ekonomi di antara negara-negara ASEAN dan enam negara lain. Selaras dengan saranan baginda, peniaga-peniaga tempatan hendaklah memanfaatkan kesempatan dari perjanjian-perjanjian tersebut dengan sebaik-baiknya dengan menaik taraf kualiti produk dan meningkatkan daya saing masing-masing demi mencapai hasrat negara dalam mempelbagaikan ekonomi.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga menyentuh mengenai kadar

pertumbuhan KDNK yang kurang memberangsangkan dengan kejatuhan harga minyak dan dengan kedudukan pendapatan negara yang masih bergantung pada hasil minyak dan gas. Namun demikian, baginda bersyukur kerana terdapat sektor-sektor bukan minyak dan gas yang menunjukkan pertumbuhan positif. Perkara ini seperti mana titah baginda memerlukan *Whole of Nation Approach* yang menghendaki kerjasama dan kesepakatan padu daripada semua pihak dalam kerajaan demi memastikan segala perancangan yang dibuat tidak akan menjadi sia-sia.

Satu lagi perkara yang telah disentuh oleh baginda ialah mengenai kadar pengangguran yang kian meningkat yang tidak boleh dipandang ringan. Selaras dengan titah baginda, perkara-perkara ini hendaklah dikaji dan dicari jalan penyelesaiannya. Dalam hubungan ini, agensi-agensi kerajaan dan swasta perlu saling berganding bahu dalam usaha ke arah mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan selain meningkatkan keberkesanan dalam mengenal pasti keperluan sumber tenaga manusia. Dalam hubungan ini, langkah-langkah yang bersesuaian hendaklah diambil bagi memastikan kelulusan-kelulusan yang diperolehi oleh graduan tempatan benar-benar menepati dan memenuhi keperluan pasaran pekerjaan.

Baginda seterusnya menyentuh mengenai kebajikan rakyat yang menurut baginda mesti diutamakan. Bantuan-bantuan dan subsidi yang telah dihulurkan hendaklah dilaksanakan

dengan teratur supaya tidak berlaku ketirisan atau penyalahgunaan di kalangan penerima. Oleh yang demikian, agensi-agensi yang berkenaan hendaklah mengambil langkah-langkah yang bersesuaian untuk memeduli dan menangani sungutan-sungutan orang ramai dengan turun padang mendengar keluh-kesah serta permasalahan rakyat dan seterusnya 'mengelinga' kemaslahatan mereka dengan mengambil contoh tauladan dan kepimpinan yang ditunjukkan oleh baginda sendiri yang seringkali bercemar duli turun padang dan meninjau sendiri dengan dekat keadaan dan masalah yang dihadapi oleh rakyat baginda.

Kita sememangnya amat bersyukur dan merasa sangat bertuah dan beruntung kerana memiliki seorang raja yang bersifat pemedulian, sangat prihatin dan sentiasa mengambil berat akan kesejahteraan rakyat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya percaya dan penuh yakin Ahli-Ahli Yang Berhormat akan terus-menerus mendukung dan menjunjung setinggi-tingginya titah dan hasrat murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam itu, khususnya dalam meningkatkan ekonomi negara dan kesejahteraan rakyat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Pada mengakhiri ucapan saya ini, saya ingin mengulangi seruan supaya kita semua di Dewan yang mulia ini sama-sama

menanai dan menghayati inti sari titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam itu dan seterusnya menunaikan kewajiban yang diamanahkan oleh baginda kepada kita semua dengan ikhlas dan penuh tanggungjawab. Sekian, وباللّٰه التّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالسَّلَامَ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةَ اللهِ وَبَرَكَاتِهِ

### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah pun mendengar kenyataan daripada Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengenai Usul yang telah dikemukakan. Saya meminta sekarang seorang ahli untuk menyokong Usul yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat itu.

### **Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:**

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ  
السَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya menyokong sepenuhnya Usul yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri sebentar tadi. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebentar tadi Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah mencadangkan satu Usul untuk menyembahkan sepenuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda ke majlis ini pada hari Khamis 30 Jamadilakhir 1440 bersamaan 7 Mac 2019.

Usul ini disokong oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Maka Usul ini saya bukakan sekarang kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk membahaskan. Bersama saya ada beberapa Ahli yang ingin membuat kenyataan dan sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

### **Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:**

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ  
الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِیْنَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَی سَیِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ اَشْرَفِ الْمُرْسَلِیْنَ، وَعَلَى اٰلِهِ وَصَحْبِهِ اَجْمَعِیْنَ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ dan salam sejahtera.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ dalam Usul menjunjung kasih ini, kaola menyokong penuh Usul daripada Yang Berhormat Penasihat Khas



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Dalam kesempatan ini, kaola menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda dan seterusnya mengurniakan titah dalam Istiadat Pembukaan Rasmi Permesyuaratan Pertama Dari Permesyuaratan Kelima Belas pada hari Khamis, 30 Jamadilakhir 1440 bersamaan 7 Mac 2019.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola menyembahkan sokongan dan akan berusaha sedaya upaya mungkin untuk menunaikan sebahagian hasrat titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengikut kemampuan dan buah fikiran kaola bagi membincang dan membahaskan isu-isu yang dianggap bermanfaat terutama sekali yang berkaitan dengan kesejahteraan penduduk dan rakyat negara ini **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** .

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Negara, kaola akan sentiasa berganding bahu dengan agensi-agensis yang berkenaan untuk pembangunan negara yang tercinta ini terutama dalam mempelbagaikan

ekonomi iaitu tidak hanya bergantung pada hasil sumber minyak dan gas malah menyokong titah baginda supaya jentera pentadbiran paling hadapan dapat mengguna pakai *whole of nation approach* iaitu adanya kerjasama dan kesepakatan padu. Walaupun pada akhir-akhir ini harga minyak dunia menunjukkan tanda-tanda positif tetapi peningkatannya masih perlahan dan pertumbuhan ekonomi tetap sahaja masih berada pada paras yang rendah.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, menyentuh titah baginda yang berkali-kali sejak kebelakangan ini iaitu mengenai golongan belia selaku aset negara sebagai jentera pembangunan, baginda inginkan suntikan semangat diberikan kepada para belia ini dalam agenda pembangunan iaitu sesuai dengan kepesatan teknologi informasi dan komunikasi yang sebahagian besarnya para belia sudah mengikuti perkembangannya malah telah dirasakan dalam setiap aspek kehidupan masyarakat kita di negara ini. Teknologi *internet* berkembang dan menyatukan dalam ruang maya atau sebuah dunia atau sering disebut sebagai *cyberspace* tempat orang melakukan berbagai-bagai aktiviti termasuk aktiviti perekonomian yang disebut sebagai ekonomi digital iaitu sektor ekonomi yang meliputi barangan, perkhidmatan, perusahaan, transaksi bank dan banyak lagi.

Bagi negara kita pula, bergantung pada keupayaan teknologi digital negara ini. Dalam mendukung hasrat ini, sokongan pihak-pihak berkenaan sangat perlu bagi memberikan para belia pendidikan,

kemahiran, pengalaman, pemantauan dan modal bagi yang berkaitan dengannya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, menyentuh tentang kebimbangan baginda dalam kadar pengangguran yang kian meningkat baginda menitahkan supaya ia dikaji dan dicari penyelesaiannya. Dalam permasalahan ini adakah kemungkinan perlunya ditubuhkan unit *manpower projection* yang akan menilai dan mengkaji keperluan tenaga manusia yang *marketable* yang relevan dengan kehendak ruang pekerjaan dan situasi pada masa ini. Selain itu, harus diambil perhatian akan pekerjaan yang disukai oleh anak tempatan yang masih dipegang oleh pekerja-pekerja asing supaya diberikan kepada anak tempatan yang berkelayakan.

Misalannya, dalam sektor pendidikan ada graduan pendidikan yang masih menganggur diberi peluang menjadi guru di sekolah-sekolah swasta yang masih terdapat banyak tenaga pengajar orang asing malah terdapat orang asing suami isteri bertugas dalam sekolah yang sama.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, banyak jawatan dalam sektor yang lain yang boleh diisi oleh anak tempatan tetapi jawatan-jawatan penting ini masih dimonopoli oleh pekerja-pekerja asing. Walau bagaimanapun, bukanlah maksud kita 100% meniadakan pekerja asing.

Perlu juga diambil kira kepakaran mereka yang belum dapat dijawab oleh

anak tempatan. Oleh itu, anak tempatan mesti belajar mengambil kemahiran ini. Bagi sektor-sektor yang mengambil pekerja asing pula perlulah menggunakan nisbah dengan jumlah nisbah lebih banyak kepada anak-anak tempatan.

Selain itu, bagi mengurangkan jumlah pekerja asing agar diisi oleh anak tempatan harus jua atau ada kemungkinan diperkenalkan akta atau dasar levi kepada pengambilan setiap seorang pekerja asing.

Kesimpulannya, semua perkara yang terkandung dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang tersebut di atas menunjukkan pemeduliaan, keprihatinan dan kebijaksanaan baginda yang inginkan kesejahteraan dan kemakmuran semua lapisan rakyat dan penduduk negara ini tanpa mengira bangsa dan agama.

Oleh itu, kaola turut sama menjunjung tinggi akan hasrat titah baginda. Akhirnya sebagai penutup marilah kita sama-sama berdoa semoga negara kita sentiasa dalam aman dan makmur serta Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat baginda beroleh kesejahteraan dan rahmat serta hidayah dari **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** jua. Sekian, **وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته**

Terima kasih.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Teirma kasih Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya ingin mengingatkan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang akan berucap supaya tidak akan mengulang perkara-perkara yang sudah diucapkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang terdahulu. Hal ini akan memberikan kita peluang kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain untuk membuat hujah-hujah mereka. Kita juga telah mendengar titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia sendiri supaya perkara-perkara yang sudah dibawa dan dikemukakan dalam majlis ini pada tahun-tahun yang sudah tidaklah payah lagi ditimbulkan dalam majlis ini secara berlarutan.

Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu:** Terima Kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
Kaola lebih dahulu dengan jernih hati menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih atas keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Yang Kelima Belas, Majlis Mesyuarat Negara dan atas limpah kunia titah baginda.

Kaola juga menyokong Usul daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang menyembahkan ucapan berbilang-banyak menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas keberangkatan dan telah bercemar duli berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semalam jelas mencerminkan keprihatinan, kebijaksanaan, pemedulian serta pemandangan jauh baginda. Sesungguhnya titah baginda padat dan penuh perisian yang menyentuh pelbagai isu yang mengandungi nasihat dan peringatan khususnya keperluan bagi kita semua dari semua lapisan masyarakat termasuklah jentera perkhidmatan kerajaan, sektor swasta dan orang ramai agar bersatu padu bersama-sama mengorak langkah dalam semangat berkesepakatan dan perpaduan yang iaitu untuk

memperkasakan dan memantapkan lagi pertumbuhan dan landskap negara di samping mempertingkatkan kesejahteraan rakyat terutama dalam mengharungi cabaran ekonomi global pada masa ini.

Dalam pada itu juga, baginda menekankan mengenai kepentingan negara untuk tidak ketinggalan dalam era digital khususnya dalam kita mengharungi cabaran Revolusi Industri Ke-4 yang memerlukan kesemua sektor di negara ini melakukan perubahan seiring dengan transformasi digital dan untuk kekal berdaya saing.

Sememangnya kepesatan pembangunan teknologi dalam memberi kesan dalam kehidupan seharian tidak dapat dielakkan. Kehadiran teknologi pintar dalam pelbagai industri menyebabkan eko-sistem ekonomi dan sosial turut berubah. Seiring dengan kefahaman ini semua pihak perlu memastikan pembangunan inklusif dalam rentak Revolusi Industri Ke-4 ini. Semua sektor perlu mempersiapkan diri tidak kira dalam bidang ekonomi, sosial, pembangunan, perhubungan dan sebagainya. Suasana yang digambarkan telah memaksa kita semua turut berevolusi dan tidak statik dengan pendekatan tradisi. Jika sekiranya cabaran teknologi baharu yang kompleks ini tidak diberikan penekanan sewajarnya peranan negara boleh saja jauh ketinggalan dalam persaingan di peringkat global.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam

menyentuh mengenai isu pengangguran di negara ini serta kepentingan membuat kajian dan penyelidikan memang tidak dapat dinafikan bahawa punca masalah pengangguran di negara ini adalah bermacam-macam dan *multisectoral*.

Dari itu, kaola mencadangkan agar usaha-usaha menangani punca masalah pengangguran dijadikan agenda tetap negara. Penyelidikan dan kajian yang lebih meluas dan terperinci mengenai sebab-sebab pengangguran di negara ini dapat diteruskan dan dipertingkatkan. Ini termasuk dalam mengumpulkan maklumat dan statistik pasaran pekerjaan seperti data mengenai pewujudan pekerjaan, pusing ganti pekerja dan *trend* pengambilan pekerja. Hal ini penting bagi perancangan dan pemantauan kemajuan pembangunan modal insan dan dasar pasaran pekerjaan bagi memudahkan proses merumuskan dasar rangka tindak dan program yang responsif berdasarkan kajian yang tepat pada masanya.

Pentingnya peranan dan matlamat kita membuat penyelidikan dan kajian yang lebih mendalam pernah dibangkitkan dan dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Konvokesyen Ke-24 Universiti Brunei Darussalam pada tahun 2012 yang antara lain baginda bertitah:

“Kalau tidak ada kajian bagaimanakah kita boleh tahu puncanya? Jika tidak tahu puncanya bagaimanakah mungkin untuk kita membanterasnya? Begitulah

kepentingan kajian. Negara tidak syak lagi perlukan pangkalan data untuk menangani semua ini.”

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola menyambut baik usaha-usaha dan insiatif yang telah dilaksanakan kesemua pihak dalam sama-sama kita membangunkan negara bagi kita mencapai Wawasan Brunei, 2035. Banyak perkembangan dan program pembaikan telah dapat kita kecapai sepanjang tahun lepas. Adalah diharapkan agar segala usaha kita termasuk dari segi rangka tindakan dan program akan dapat terus dipergiatkan dan dilaksanakan secara pendekatan *whole of nation* dengan semangat persepakatan dan perpaduan. Sekian,  
وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Saya persilakan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

**Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Saya menyokong sepenuhnya Usul yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi menyembahkan ucapan sepenuh-penuh menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah bercemar duli berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara dan berkenan mengurniakan titah pada hari tersebut.

Sesungguhnya titah baginda amatlah padat dengan harapan, nasihat dan pandangan jauh baginda yang mencerminkan sifat pemedulian rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam ini akan senantiasa terpelihara dengan rahmat **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** jua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya menyeru semua Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang berada di Dewan yang mulia ini serta nasihat untuk diri sendiri jua untuk kitani berfikir secara inovatif dalam mencadangkan mahupun membahaskan apa jua perkara di sini, kerana apa yang lebih penting ialah *strategic action* ataupun tindakan strategik.

Memanglah ada beberapa perkara yang dibawakan dalam Dewan yang mulia ini kitani cuma dapat melihat hasilnya selepas beberapa lama untuk memberikan ia masa untuk berkembang dengan sebaiknya namun *the low hanging fruits* mahupun perkara-perkara

dasar yang masih dalam kajian atau perancangan bisailah kita percepatkan sebaiknya dengan tanpa menjejaskan keberkesannya.

Janganlah kita biarkan rakyat Negara Brunei Darussalam yang mengikuti perkembangan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini tahun demi tahun yang berharap akan sesuatu perkara itu ada keputusan yang baik dari segi sosio ekonomi, kebajikan, perkhidmatan pembangunan, pendidikan dan lain-lain lagi merasa hampa kerana kita dalam Dewan yang mulia ini belum dapat membuat keputusan ataupun membiarkannya belum selesai. Ini amat perlu sekali terutama dalam titah baginda yang menyebut bahawa para belia untuk terus diberikan suntikan semangat untuk meneruskan agenda pembangunan negara tanpa bosan.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ saya percaya kami belia bersedia untuk menyahut apa saja seruan negara dan menyambut apa jua tanggungjawab yang bersesuaian untuk mengharungi masa depan untuk Negara Brunei Darussalam jua. Janganlah dibiarkan sampai ada yang tercicir untuk melibatkan diri dalam pembangunan negara kerana beberapa perkara yang terlalu lama belum ada penyelesaian.

Mengambil contoh, اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ ramai sudah para belia kitani bekerja di peringkat swasta dan baru-baru ini kita mendengar Kontrak i-Usahawan sudah ada yang ditandatangani oleh syarikat swasta yang diuruskan oleh para belia sendiri. Namun, kadang-kadang sedih juga mendengar daripada belia kitani yang sebenarnya

tidak kisah berpendapatan kecil kerana ingin menimba pengalaman kerja ataupun berbisnes. Namun, kerana tidak ada pengangkutan awam yang efektif mereka tidak dapat hadir bekerja pada waktu yang ditetapkan ataupun proses yang diperlukan apa jua permohonan mereka mengambil waktu lama untuk menjalankan perniagaan.

Janganlah kitani terus menyaksikan pengangguran kitani semakin meningkat disebabkan ekonomi yang merudum, prosedur-prosedur yang mengambil masa terlalu lama ataupun perancangan sumber tenaga manusia yang belum padu akan tetapi kitani perlu kaji semula apakah remedi yang perlu dibuat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mengenai *marketability* pekerja-pekerja kitani, saya menyeru supaya kitani terus dan terus memberikan fokus kepada *lifelong learning*. Apakah usaha kitani untuk memberi peluang pekerja-pekerja biasa yang tidak memerlukan kelulusan tinggi seperti buruh ataupun pemandu dapat meningkatkan kemahiran mereka mengambil kursus *re-skilling* atau *up-skilling* seperti contoh pengurusan pejabat ataupun juga menyambung pengajian?

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ sudah ada kursus modular ataupun kursus pendek disediakan, akan tetapi jika gaji mereka sebulan adalah jumlah yuran untuk modul-modul tersebut dan pilihan terpaksa dibuat untuk membeli makanan di rumah ataupun belajar, setentunya belajar terpaksa diketepikan. Ini bukanlah

kerana mereka tidak mahu akan tetapi tidak dapat.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ baginda juga ada menyebut mengenai Revolusi Industri 4.0 serta *Digital Economy*. Saya masih ingat lagi di dalam Dewan yang mulia ini kitani juga ada menyebut serba sedikit mengenai *Forth Industry Revolution* ini pada persidangan tahun lepas. Nah bisaitah kitani jangan jadikan ia sebagai *talking point* sahaja dalam perbahasan kitani akan tetapi kitani sediakan *road map, blueprint, framework* apa jua usaha strategik di peringkat negara untuk ia dapat dijadikan realiti bagi meningkatkan taraf kehidupan. Jika kitani melangkau dan mungkin terlepas peluang bagi Industri 1.0, 2.0 dan 3.0 namun industri 4.0 ini kitani tidak boleh membiarkan berlalu begitu sahaja.

Terakhir sekali, saya juga ingin menyuarakan dan menyahut seruan *whole of nation*. Mungkin kitani mulakan sebagai Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara bersama kementerian-kementerian yang berkaitan, jika ia belum ada lagi diusahakan. Iaitu untuk juga turut membuat permuzakarah dan lawatan kerja ke *NGOs* yang berada di Negara Brunei Darussalam untuk mengetahui bagaimana kitani dapat bekerjasama dalam bidang-bidang yang bersesuaian. Sekian,  
وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**  
Saya persilakan Yang Berhormat

Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

**Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ السَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang kaola hormati sekalian.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ kaola dengan penuh hormat dan takzim sukacita menyokong sepenuhnya dan bersetuju atas Usul Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi menyembahkan sepenuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda bercemar duli ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Khamis, 30 Jamadilakhir 1440 bersamaan 7 Mac 2019.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola amat menjunjung tinggi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang merupakan satu titah yang berpandangan jauh lagi tulus dalam mengingatkan kita semua akan tanggungjawab untuk memfokuskan segala perbincangan mengenai perkara-perkara yang strategik yang boleh memberi kesan kepada kesejahteraan dan kemakmuran rakyat dan negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah sangat signifikan dan relevan bagi kita yang berada di Dewan yang mulia ini, dan juga mereka yang di luar sana untuk dimengertikan, dilaksanakan dan ditandai dengan penuh kejujuran, ketaatan, kesetiaan yang tidak berbelah bahagi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola ingin menyentuh mengenai dasar dan peraturan. Dasar dan peraturan yang telah disentuh oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam merupakan perkara yang terpenting dalam memastikan urusan tadbir penyelenggaraan, pelaksanaan dan kepimpinan supaya semua ini dapat dikawal selia dan dilaksanakan dengan cepat betul serta tidak terkeluar daripada yang dihasratkan dengan bersistematik.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Kaola ingin juga menyentuh mengenai membina masa depan bangsa dan generasi muda. Hasrat baginda ke arah

masa depan bangsa terutamanya generasi muda merupakan mesej yang terang dan nyata untuk kita sama-sama memainkan peranan dan komitmen yang tinggi dalam mempelbagaikan sosioekonomi aktiviti dan seterusnya memberikan dorongan semangat supaya mereka ini merupakan generasi penerus kemajuan negara yang kita cintai ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, seterusnya kaola ingin menyentuh mengenai *Regional Comprehensive Economic Partnership*. Dalam perkara ini langkah yang positif oleh Kerajaan baginda dalam memastikan peluang perniagaan bagi memasarkan produk tempatan di peringkat antarabangsa akan lebih terbuka luas dan seterusnya merupakan gelombang mempelbagaikan ekonomi negara bertepatan dengan *road map industry* negara.

Seterusnya kaola ingin menyentuh mengenai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), dalam menghadapi situasi KDNK yang sedikit terkesan kepada negara kita dan juga di peringkat global perlu semua pihak bekerjasama dalam berhadapan dengan situasi ini dan dengan kerja bersatu padu ini akan membolehkan Wawasan Brunei 2035 akan dapat dicapai. Peringatan baginda ini adalah perkara yang penting untuk diambil tindakan dengan segera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola ingin meneruskan mengenai pengangguran. Dalam isu pengangguran baginda menyarankan supaya penyelesaian jangka masa pendek dan panjang dikaji dan diusahakan jalan penyelesaiannya tidak dipandang ringan dan mengenal pasti sejauh mana sumber



tenaga manusia dan pusat pengajian tinggi tempatan dan luar negara yang *marketable* dan relevan dengan situasi terkini. Isu yang berbangkit ini adalah tanggungjawab kita bersama untuk memastikan perkara yang disentuh oleh baginda ini ditangani dengan efisien dan efektif.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bantuan dan subsidi, mengenai perkara ini, kaola menyentuh pemberian subsidi dan bantuan perlulah diurus dengan betul dan jangan sampai berlaku ketirisan. **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ** kita bersyukur atas kemurahan hati dan pemedulian baginda ke atas rakyat baginda dalam meringankan kos sara hidup dan ke arah ini perlulah dirancang kajian dan penyelidikan dibuat dengan menggunakan kaedah yang berkesan supaya tidak berlaku salah guna oleh si penerima.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola ingin merumuskan daripada titah baginda harapan baginda untuk memastikan Majlis Mesyuarat pada tahun ini supaya dapat membincangkan perkara-perkara yang strategik pencapaian negara dapat direalisasikan, dan juga harapan baginda kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat termasuk kaola sendiri supaya dapat menyuarakan pandangan dan seranan di semua bidang yang bukan hanya menjurus kepada ekonomi malahan juga yang menjadi tanggungjawab kerajaan.

Justeru itu yang berada di Dewan yang mulia ini supaya akan sama-sama bekerjasama serta mengukuh

persefahaman supaya kita dapat menunaikan, menjalankan hasrat dan cita-cita baginda yang luhur dan murni dengan mudah dan ringan tanpa terbeban.

Akhirnya Yang Berhormat Yang Di-Pertua marilah kita sama-sama bermesyuarat dengan penuh dedikasi dan merancang perjalanan menjana perekonomian negara dan sebaliknya kita berdoa ke hadrat **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** semoga apa jua yang kita rancang **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** jua yang berkuasa menentukannya, **أَمِينَ**.  
 Sekian, **وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**  
 Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

**Yang Berhormat Menteri  
 Kebudayaan, Belia dan Sukan:**

**بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ**  
**الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا**  
**مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.**

**وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ** dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dirahmati **اللَّهُ**. Lebih dahulu peramba, kaola, saya sukacita mengucapkan syukur ke hadrat **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** kerana dengan limpah kurnia-Nya peramba/kaola/ saya dapat berdiri di Dewan ini bersama rakan-rakan Ahli Rasmi Kerana Jawatan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik dalam Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara tahun 2019.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Peramba koala saya sukacita menyokong Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan dan titah baginda yang telah dikurniakan semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas pada 30 Jamadilakhir 1440 / 7 Mac 2019 yang lalu.

Titah baginda merupakan amanah dan hasrat yang perlu ditanai dan disemai dengan sebaik-baiknya, khusus dalam memastikan negara akan terus meningkatkan lagi kualiti kehidupan seluruh lapisan rakyat dan penduduk demi menjamin kesejahteraan secara keseluruhannya. Titah baginda mempunyai pengertian yang sungguh holistik iaitu untuk mencapainya, kita memerlukan pendekatan secara menyeluruh, ringkasnya *whole of nation approach*.

Baginda tegas mengingatkan kita bahawa ini amatlah memerlukan kerjasama dan kesepakatan padu daripada semua pihak terutama jentera pentadbiran paling hadapan yang dibarisi oleh jemaah Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Tetap dan pegawai-pegawai kanan kerajaan agar semua perancangan untuk merealisasikan Wawasan Brunei 2035 tidak menjadi sia-sia. Apa yang turut penting ialah penekanan baginda tentang peri mustahaknya peranan generasi muda sebagai aset negara, iaitu selaku jentera pembangunan. Oleh itu, kita perlu menghargai dan bersifat prihatin terhadap mereka kerana, **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** para belia terbukti telah dan akan terus menyumbang kepada pembangunan negara secara menyeluruh.

Sebagai misalan, kita sudah melihat pelbagai forum yang telah dikendalikan oleh *NGO's* belia, khusus untuk mengongsikan cadangan jalan penyelesaian kepada perkara yang berimpak tinggi dalam agenda negara termasuk isu pengangguran, kemasyarakatan, alam persekitaran serta tataraca *re-skilling* terutamanya dalam konteks Revolusi Industri Ke-4 serta penglibatan belia dalam kesukarelawan.

Oleh itu, kepekaan para belia sebagai aset negara hendaklah digalas dan diambil kira dengan menyediakan peluang dan wadah yang bersesuaian agar ia dapat dimaksimumkan dalam melaksanakan agenda berkepentingan di peringkat negara.

Sememangnya, apa pun inisiatif yang penting adalah turut melibatkan para belia untuk memberikan sumbangan fikiran agar ia akan lagi komprehensif dan menyeluruh. Ini amat diperlukan kerana dalam sama-sama menghadapi cabaran Revolusi Industri Keempat yang semua pihak terutamanya para belia hendaklah berkerjasama sebagai satu pasukan ke arah memperkasa masyarakat, khasnya masyarakat penuntut, peniaga dan pihak kerajaan sendiri, termasuk akan mengubah lanskap kehidupan seharian. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*, *Actions and collaborations* bersama para belia *is our way forward*.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, negara sangat beruntung dinaungi oleh raja yang pemeduliaan dan prihatin terhadap hal-ehwal kebajikan rakyat dan penduduknya dalam semua peringkat masyarakat. Penekanan baginda bahawa kebajikan rakyat mesti diutamakan membawa erti bahawa keprihatinan juga perlu dilihat terutamanya dalam memastikan bantuan-bantuan dihulurkan kepada golongan berhak dan benar-benar memerlukannya dan tidak disalahgunakan oleh mana-mana jua pihak. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* ia memerlukan mekanisme-mekanisme yang tertentu dalam menjayakan usaha ini, di samping sifat turun padang, "mengelinga" dan memeduli serta mendengar.

Pada masa yang sama kebajikan rakyat juga dilihat dari sudut penyediaan peluang pekerjaan khusus bagi golongan sasaran. Oleh itu, kita akan terus mengutamakan usaha untuk merealisasikan mekanisme yang terbaik

untuk mencari pekerjaan yang boleh mengubah sara kehidupan golongan ini. Matlamat kita menyediakan peluang saksama bagi golongan sasaran termasuk Orang Kelainan Upaya, Belia Tercicir dan keluarga yang menerima bantuan secara khususnya, bukan saja dari segi peningkatan pendapatan tetapi juga ke arah mengeluarkan golongan berkenan daripada kitaran kemiskinan atau *poverty cycle* dengan menyasarkan peluang pekerjaan kepada ahli-ahli keluarga yang lain. Ini lah perkara-perkara strategik yang perlu dikukuhkan ke arah pencapaian negara.

Akhir kalam, peramba/kaola/saya sekali lagi, ingin sama-sama menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas titah baginda yang jelas menekankan agar semua perancangan dan usaha untuk disasarkan pada matlamat utama negara yang semakin menghampiri kita iaitu Wawasan Brunei 2035.

Semoga dalam Dewan mulia ini, kita semua akan dapat membincangkan dan mengenal pasti pendekatan-pendekatan untuk mengukuhkan lagi sistem pentadbiran termasuk pengemaskinian dasar-dasar dan peraturan-peraturan secara berterusan ke arah pencapaian matlamat negara seperti mana yang dihasratkan.

Sekian, *وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته*,  
Terima kasih.

### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Saya mempersilakan sekarang Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

### **Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila**

**Jasa Haji Abdul Rahman:** Terima Kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua, بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, semalam adalah Sambutan Hari Wanita Antarabangsa. Sebelum kaola menyampaikan Usul menyembah, menjunjung kasih izinkan kaola memberikan ucapan Selamat Hari Wanita Antarabangsa kepada para wanita yang berada di dalam Dewan yang mulia ini serta seluruh kaum wanita.

Setiap tahun Hari Wanita Antarabangsa selalu diraikan sebagai penghargaan kepada pencapaian-pencapaian yang telah diraih oleh wanita-wanita seluruh dunia. Ini juga secara tidak langsung meraikan usaha-usaha para wanita dalam negara dalam membentuk dan bertindak sebagai *agent of change* ke arah perubahan dan pencapaian negara yang dinamik dan inovatif khususnya dalam merealisasikan pendekatan holistik dalam agenda pembangunan masyarakat.

Tema Hari Wanita Antarabangsa tahun ini ialah "*Balance for Better*" yang menekankan keseimbangan kehidupan wanita seluruh dunia dan *Gender Balance*. Imbangan *gender* penting bagi ekonomi dan masyarakat yang

berkembang maju, Koala yakin keseimbangan atau *balance* bukanlah isu wanita atau jantina semata-mata tetapi ia juga merangkumi berbagai aspek keseimbangan di setiap peringkat termasuk di dunia dan sosioekonomi, kepimpinan, kebudayaan politik dan kehidupan. Ia jua membantu memperkasakan wanita kerana ia membantu mengurangkan keganasan rumahtangga dan memberi nilai kepada wanita. Wanita dan anak perempuan tidak dimanfaatkan dan tidak disalahgunakan oleh sebarang faktor seperti penyalahgunaan seks (*sexual abuse*), penyalahgunaan emosi (*emotion abuse*) dan penyalahgunaan fizikal (*physical abuse*).

Kaola yakin tema Hari Wanita Antarabangsa kali ini memberikan suntikan semangat yang tinggi kepada wanita-wanita, bukan saja di negara kita, bahkan di seluruh dunia kerana kaola percaya pemerkasaan wanita dari berbagai-bagai aspek sangat penting dan akan memberikan perubahan yang sangat signifikan kepada pertumbuhan negara di seluruh dunia.

Dalam era digital masa ini, inovasi dan teknologi memberikan peluang-peluang baharu kepada wanita-wanita, namun *trend* menunjukkan *gender digital divide* yang semakin meningkat dan masih kurang wanita yang mewakili komuniti dalam bidang sains, teknologi kejuruteraan, matematik dan reka bentuk. Menurut kajian *Microsoft 2017*, 52% wanita di seluruh dunia bekerja dalam bidang *non-technology*. Manakala cuma 20% yang bekerja di bidang *tech jobs*.

Dari perbankan mudah alih (*mobile banking*), *artificial intelligent* dan *internet of things*, idea-idea dan pengalaman-pengalaman para wanita adalah penting dan kita sama-sama menjayakan dan melaksanakan pelan-pelan inovasi yang akan membentuk masa depan masyarakat negara kita.

Kaola ingin mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan semua wanita bahawa, mereka mempunyai kehebatan untuk mencapai apa yang diinginkan, Apa yang penting para wanita harus percaya mereka boleh memimpin diri mereka untuk melakukan suatu perubahan jika ada kesungguhan untuk menuju ke arah apa yang diinginkan. Kita masih perlu memupuk *mindset* yang lebih progresif, positif dan pelaksanaan pelan-pelan atau aktiviti-aktiviti yang inklusif untuk digabungkan bagi pembangunan masyarakat dan negara.

*Women have diverse personalities, strengths and capabilities so as men. These diversities colours our nation and our people, we are different. With this diversity and with the right empowerment and mindset, we can transform Brunei to a whole new level. Ladies this for you "SELAMAT HARI WANITA ANTARABANGSA".*

Ahli-Ahli Yang Berhormat kerana Jawatan dan Yang Berhormat Ahli-Ahli Yang Dilantik. Kaola menyokong sepenuhnya Usul yang dicadang oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan

Perdana Menteri ingin menyebarkan banyak-banyak menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah bercemar duli berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara yang berkenaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, melalui titah baginda perhatian yang tinggi diperlukan dalam mempelbagaikan sumbangan kepada ekonomi negara dan juga menekankan agar di Dewan Yang Mulia ini serta semua ahli-ahli yang terlibat akan dapat mengkaji beberapa perkara yang berkaitan dengan kewangan negara, pertumbuhan tenaga manusia perkembangan era *digitalisation* – *Industry Revolution 4.0* dan penjaanaan ekonomi melalui sektor bukan minyak dan gas.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola berdiri di depan di dewan yang mulia ini bagi mengutarakan Usul yang dalam pemikiran kaola adalah mustahak untuk dibincangkan dan diteliti. Kaola ingin mengusulkan beberapa perkara.

Kaola yakin Ahli-Ahli Yang Berhormat bersetuju bahawasanya titah baginda penuh dengan amanat, panduan, harapan dan kepercayaan terhadap kemampuan masyarakat kita untuk berkembang maju dan berdaya tahan dalam mencabari global pada masa ini terutama sekali dengan era *Fourth*

*Industrial Revolution*. Baginda kerap bertitah menekankan isu-isu *Fourth Industrial Revolution*. Ini menggambarkan betapa pentingnya isu yang berkait rapat dengan pertumbuhan ekonomi negara dan perlunya negara kita separas dan meningkatkan era digital pada zaman sekarang.

Kedua, mengenai dengan sistem pentadbiran. Ianya jentera kerajaan yang sangat penting dalam negara. Ini kerana ianya mendukung wawasan negara ke arah memastikan pelaksanaan dan menggubal dasar-dasar supaya sentiasa telus dan efektif untuk memastikan keberkesannya. Wawasan Negara 2035 merangkumi kesemuanya. Oleh itu untuk menuju ke arah kejayaan adalah seharusnya diambil perhatian.

Kita sering menyebut *Whole of Nation Approach* untuk meningkatkan produktiviti dan berdaya saing tetapi adakah kita benar-benar yakin kita telah mempraktikkannya? Adakah negara kita bergerak seiring kemajuan yang kita inginkan?

Keperluan negara semakin meningkat dan ketara. Kita mesti terus mengambil pendekatan yang lebih berdisiplin dan berhemat. Kejayaan hanya akan boleh direalisasikan dengan rancangan fiskal yang kukuh serta merancang strategi jangka panjang fiskal untuk negara. Dengan ini perlunya ada kesepakatan, kerjasama dan transparansi yang berterusan dari semua pihak yang berwajib untuk terus berusaha dan sama-sama merealisasikan Wawasan Negara 2035.

Kaola juga ingin mencadangkan supaya pembangunan kapasiti dapat dipertingkatkan dengan memberikan latihan pegawai-pegawai kerajaan yang berkecuali. Inisiatif ini akan dapat membantu kerajaan untuk meningkatkan produktiviti dan membantu mencapai objektif dalam jangka masa yang panjang. Ini juga secara langsung akan membantu mereka mempersiapkan diri dengan *Industrial Revolution 4.0*.

Dalam era digital pada masa ini kewujudan *Industrial Revolution 4.0* menyumbangkan kepada pembangunan ekonomi dan perindustrian. Keperluan negara untuk menuju ke arah *Industry Revolution 4.0* dengan mengwujudkan *centralised* dan *digitised data* seharusnya diambil perhatian. *Centralised* dan *digitised database* akan menjadi satu sistem iaitu kesemua data yang penting dikumpulkan dan disimpan untuk mengelakkan daripadanya terjadinya duplikasi data. Negara kita memerlukan satu pangkalan data khas yang dapat diakses oleh pihak yang berkepentingan sama ada *online* dan *offline*.

Ini akan menjadikan Brunei akan lebih maju dan menjadi sebuah negara yang *smart nation* serta memaksimumkan potensi ekonomi digital negara ini. Dengan adanya pangkalan data ini, ia akan meningkatkan lagi proses pemeliharaan dan keselamatan data yang diperlukan dan ianya tetap relevan dan pada masa yang sama mempersiapkan diri untuk implikasi dari perkembangan teknologi.

Untuk memenuhi kemahiran dan cabaran bakat baru yang dibawa oleh *Fourth Industrial Revolution* mana-mana agensi perlu mempraktikkan pelbagai strategi tenaga kerja inovasi dan menyediakan pekerja dengan pendedahan yang lebih luas. Berkolaborasi dengan sektor industri adalah salah satu langkah yang berkesan untuk mempersiapkan rakyat negara ini agar dapat mengatasi cabaran yang dibawa oleh zaman teknologi.

Di bawah sektor Pendidikan ada beberapa cadangan yang pernah kaola bentangkan sebelum ini semasa acara *Smart Future Forum* yang dianjurkan oleh AITI pada awal tahun ini untuk mempersiapkan belia-belia negara ini mereka perlu diberi latihan yang mendalam dan pengalaman *hands on*, terutamanya pelajar-pelajar di peringkat pendidikan tinggi dengan kerjasama pemimpin akademik, pemain industri dan kerajaan agar mereka terdedah kepada industri untuk meningkatkan kemahiran penyelesaian masalah mereka, kreativiti, pemikiran kreatif dan inovasi. Kaola tiap kali menekankan bahawa kita mesti melatih penuntut tempatan untuk pekerjaan masa depan kerana pekerjaan pada zaman ini telah menjadi kurang relevan di era pertumbuhan digital.

Semasa Permesyuaratan Keempat Belas Mesyuarat Negara kaola telah mencadangkan bahawa disalah satu peringkat itu akan dapat dibincangkan cadangan atau reviu akta-akta, polisi atau *guidelines*, bersama-sama ahli-ahli yang berkepentingan seperti Ahli-Ahli Majlis mesyuarat Negara, agensi-agensi berkepentingan di peringkat akar umbi

dan masyarakat (*engagement with stakeholders*).

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ pada tahun lepas inisiatif dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bersama Pusat Pengajian Strategik dan Polisi (*CSPS*) telah memulau menganjurkan pemberigaaan Dasar Belia Negara yang sedia ada dan kajian semula atau reviu Dasar Belia Negara. Kajian itu melibatkan 3,000 belia di mana ianya adalah sebahagian usaha-usaha berterusan kerajaan ke arah melibatkan belia dan pembangunan negara. Kaola ingin mengucapkan tahniah atas usaha Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sebagai peneraju kepada inisiatif tersebut bagi kebaikan negara dan sebagai salah satu langkah meningkatkan kualiti kehidupan. Dengan memberi tumpuan kepada penyelidikan, analisis dan dasar mengenai isu-isu kepentingan strategik bagi kemajuan Negara Brunei Darussalam dan juga memantau dan menilai keberkesanan dasar semasa untuk pembaikan dan semakan, perkara ini disambut baik oleh kaola dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Oleh yang demikian penglibatan para belia adalah sangat-sangat diharapkan demi pembangunan diri, keluarga, masyarakat negara dan masa depan belia selaras dengan aspirasi negara ke arah merealisasikan matlamat Wawasan Negara 2035.

Menyentuh mengenai reviu kaola ingin menekankan supaya proses-proses yang lain seperti *procurement*, penghapusan direviu semula serta *decision making* dapat dipercepatkan kerana kaola difahamkan proses itu terlalu lama

sehingga ada yang memakan masa selama bertahun-tahun dan ianya mempunyai banyak peringkat yang harus dilalui. Kaola pohonkan supaya perkara ini perlu dikaji dan tindakan yang tegas yang sewajarnya.

Melalui Titah kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah penting bagi kita untuk meneliti dan mengkaji *marketability* dan persiapan industri anak-anak tempatan kita. Apa lagi pada masa ini semakin ramai tamat pengajian dan mula mengisi ruang-ruang latihan industri Program *i-Ready*.

Di sini kaola tidak tertumpu kepada graduan-graduan yang berkelulusan sarjana muda atau sarjana sahaja tetapi diterapkan dan dibukakan kepada graduan-graduan dari institusi-institusi pengajian teknikal seperti Politeknik Brunei dan kampus-kampus teknikal di bawah seliaan Kementerian Pendidikan secara holistiknya untuk memastikan anak-anak tempatan kita mempunyai pendedahan dalam industri.

Ini memerlukan intervensi dan kerjasama dari pihak kerajaan mahupun pihak swasta dalam sama-sama mengawal peningkatan peratus pengangguran yang merisaukan pihak-pihak kepentingan. Jika tidak ada intervensi dari pada pihak-pihak yang berkepentingan untuk membantu dalam mengawal kadar pengangguran tersebut maka tidak mustahil kadar pengangguran kita akan mencapai 16.1% pada tahun 2024 berdasarkan *Data Labour Force*

*Protection*. Ini adalah satu angka yang sangat merisaukan dan ini isu negara melalui intervensi dari pihak-pihak yang terlibat. Kaola percaya bahawa perkara ini dapat dielakkan dan kadar pengangguran dalam negara akan dapat dibendung dalam menuju ke arah kualiti kehidupan masyarakat yang kita inginkan.

Kaola juga ingin menekankan bahawa untuk melihat hasil yang sangat ketara dalam pembangunan masyarakat negara, kita haruslah yakin dan menyediakan dan memberikan pelaburan atau *investment* bagi perkembangan masyarakat tempatan kita terutama sekali belia dan belia negara yang semakin ramai. Belia dan kemasyarakatan dan kemasyarakatan tempatan kita inilah penjana kemajuan negara dalam pelbagai aspek sekali pada masa yang akan datang.

Kaola dan Ahli-Ahli Yang Berhormat di sini sangat berharap bahawa apa yang bakal dicadangkan dan dibahaskan dalam Dewan ini akan lebih kukuh, konsisten dan bermanfaat, dan janganlah isu-isu ini hanya akan dibahaskan dan diutarakan tanpa adanya susulan pelaksanaan, perlulah dilihat apa yang sudah dicapai dan sekiranya belum maka perlulah membuat kaji selidik dan mengapa keberkesanan itu belum terlihat.

Sekian, *وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته*  
Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.



**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat saya ingin menangguk mesyuarat kita ini selama 15 minit bagi kita untuk berehat.

**(Majlis Mesyuarat berehat sebentar)****(Majlis Mesyuarat bersidang semula)****Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat kita masih lagi membahaskan Perkara IV, Usul Yang Telah Diberi Notis yang pertama iaitu Usul yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Maka bersama saya di sini ada beberapa Ahli lagi dalam senarai saya ini yang suka untuk membuat kenyataan. Saya sekarang ingin menjemput Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, silakan Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
 الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola lebih dahulu mengucapkan berbilang-banyak terima kasih atas ruang yang diberikan kepada

kaola untuk berucap secara ringkas sebagai menyokong Usul Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu Usul menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan dan limpah kurnia titah baginda bersempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Khamis, 30 Jamadilakhir 1440 bersamaan dengan 7 Mac 2019.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tersebut sesungguhnya amat berwawasan, berfirasat dan penuh hikmat yang mengandungi nasihat dan pengamatan tajam serta pandangan jauh baginda.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tersebut dari yang tersurat mahupun yang tersirat begitu juga nasihat serta peringatan baginda mencerminkan dengan jelas keprihatinan dan kebijaksanaan baginda bagi memastikan kemakmuran dan kesejahteraan negara sentiasa terjamin terutama dalam

menghadapi berbagai-bagai cabaran masa kini dan akan datang.

Dari penelitian kaola inti pati titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tersebut berkisar antara lain kepada perkara-perkara yang berikut:

1. Kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini sangat-sangat dekat di hati baginda, pandangan baginda amat jauh ke hadapan memikirkan bagaimana untuk meningkatkan lagi kualiti kehidupan rakyat supaya rakyat dan penduduk di negara ini tidak tercirir dalam arus kemajuan dan perubahan dunia;
2. Baginda menekankan tentang betapa pentingnya generasi muda untuk diperkasakan bagi maksud membangun negara. Belia sebagai aset negara juga selaku jentera pembangunan. Para belialah yang akan menggalas dan meneruskan agenda pembangunan;
3. Baginda sekali lagi mengingatkan tentang impak *force industrial revolution* dan kesiapsiagaan kita untuk menghadapinya. Baginda pernah mengingatkan bahawa *force industrial revolution* ini akan mencabar kemahiran konvensional yang kita miliki dan setentunya memerlukan peningkatan kemahiran serta pembelajaran sepanjang hayat sebagaimana titah baginda sempena

menyambut Tahun Baharu Masihi 2019;

4. Baginda juga melahirkan perasaan dan perhatian berat mengenai pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar atau KDNK yang kurang memberangsangkan.

Dalam pada itu, baginda telah mempelopori jalan dengan membuat perundingan antarabangsa bagi membuka pasaran-pasaran luar negara. Di samping itu menggalakkan dan mempelawa *Foreign Direct Investment* ke Brunei. Semua ini dilakukan tidak lain dan tidak bukan adalah untuk melihat pengusaha-pengusaha tempatan dapat mengambil peluang ini bagi melebarkan lagi perusahaan mereka sehingga ke peringkat antarabangsa;

5. Isu pengangguran juga menjadi perhatian berat baginda dan untuk itu baginda bertitah supaya ia dikaji dan dicari jalan penyelesaiannya.

Baginda juga bertitah untuk mengenal pasti sejauh mana sumber tenaga manusia yang kita miliki sama ada lepasan pusat-pusat pengajian tinggi tempatan atau luar negeri. *Marketable* ataupun relevan iaitu mengikut bidang kepakaran dan pengetahuan masing-masing dengan situasi yang kita hadapi pada masa ini; dan

6. Baginda juga bertitah mengingatkan supaya bantuan-bantuan dan subsidi-subsidi yang dihulurkan oleh kerajaan hendaklah dilaksanakan dengan teratur

supaya tidak berlaku ketirisan atau penyalahgunaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menekankan agar jentera kerajaan agar sentiasa mengukuhkan lagi tadbir urus dan *good governance* dalam semua peringkat dan sektor bagi memastikan kualiti perkhidmatan yang diberikan kepada orang ramai adalah yang terbaik, efisien, efektif dan yang penting adalah mesra rakyat. Seiring dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istiadat Pembukaan Rasmi Jabatan Perdana Menteri akan sentiasa mengemaskinikan dasar-dasar dan peraturan-peraturan termasuk dasar-dasar yang berkaitan dengan memudahkan perjalanan perniagaan atau *ease of doing business*.

Kedadaan ekonomi dunia dengan harga minyak yang belum stabil nampaknya akan terus memberikan impak kepada peruntukan belanjawan negara. Perkara ini mencabar perancangan kita untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang mampan atau *sustainable* dan keseimbangan fiskal dan untuk itu kita semua adalah terpanggil untuk menjadikan sektor awam lebih cekap dan berkesan.

Selain pengemaskinian dasar dan peraturan inisiatif lain yang sedang dilaksanakan oleh semua agensi kerajaan ialah *fiscal consolidation*.

Selain meneliti kesesuaian kaedah-kaedah seperti pengkorporatan atau perkongsian awam swasta. Dalam jangka pendek ini, kita perlu mengawalimbangan fiskal negara di samping memastikan ekonomi akan dapat tumbuh secara konsisten. Justeru, kita perlu kepada pendekatan bersepadu *The Whole of Nation Approach* seperti yang baginda titahkan.

Usaha-usaha ke arah ini hendaklah digembleng bersama oleh sektor kerajaan, sektor swasta, seluruh rakyat dan penduduk. Kita semua memainkan peranan yang sama mustahak untuk berkayuh sama-sama mengharungi lautan yang bergelora untuk mencapai matlamat yang sama.

Dalam kata lain sektor kerajaan, swasta dan penduduk negara ini mestilah berganding bahu dan bekerja sebagai satu pasukan yang ampuh dan padu.

Dalam sektor awam, usaha-usaha dalam sedang giat dijalankan untuk mengisikan kekosongan-kekosongan jawatan semua agensi kerajaan. Walau bagaimanapun, kapasiti pengisian jawatan adalah terhad jika ianya dijadikan sebagai jalan penyelesaian kepada isu pengangguran.

Kerajaan walau bagaimanapun, sentiasa memberikan bantuan dan bimbingan kepada para usahawan dan kepada mereka yang mempunyai keinginan menceburi bidang tersebut.

Peluang bagi perkembangan perusahaan sudah terbuka luas untuk diceburi malah hingga ke peringkat serantau dan

antarabangsa pasaran *E-Dagang* di rantau *ASEAN* misalnya mempunyai potensi untuk meningkat daripada *USD 30* bilion kepada *USD 200 bilion* menjelang tahun 2025. Sebagaimana yang baginda titahkan semasa menyambut Tahun Baharu Masihi, 2019 yang penting ialah kemahuan kita untuk menceburi bidang keusahawanan dan seterusnya meraih peluang-peluang yang ada.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini, marilah kita sama-sama bermesyuarah dengan membuat perundingan secara konsisten dan padu seperti jua dengan apa yang dianjurkan oleh agama Islam *khairul 'amali doa muha wain qalla* ertinya sebaik-baik amalan ialah yang berterusan, konsisten walaupun sedikit.

Dalam titah Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara Tahun 2019, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga menekankan bahawa dalam persidangan ini kita hendaknya mampu menengahkan perkara-perkara strategik demi kesejahteraan rakyat dan penduduk. Pada akhir titah baginda sekali lagi memberikan penekanan supaya Persidangan Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini akan dapat memberikan lebih tumpuan kepada perkara-perkara yang strategik bagi mengukuhkan lagi pencapaian-pencapaian negara.

Titah baginda tersebut hendaknya kita junjung setinggi-tingginya dalam membincangkan isu-isu kepentingan negara dan keharmonian masyarakat yang hendaklah sentiasa dijaga, jangan nanti Usul yang dikemukakan atau perkataan yang digunakan disalahertikan atau boleh menimbulkan ketidakseimbangan harmoni masyarakat.

Akhir sekali, kaola ingin menyembahkan sekali lagi setinggi-tinggi menjunjung kasih kehadiran Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas limpah kurnia titah baginda.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته,  
Terima kasih.

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung.

**Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
dan selamat sejahtera.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Kaola menyokong penuh Usul Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi menyembahkan ucapan setinggi-tinggi

menjunjung kasih terhadap Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah bercemar duli berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara Tahun 2019.

Kaola menjunjung kasih setinggi-tingginya atas titah baginda terutama sekali dalam usaha dan inisiatif untuk meningkatkan lagi kualiti kehidupan rakyat. Dalam hubungan ini, kaola berpendapat sistem pentadbiran perlu dikukuhkan termasuklah dasar-dasar dan peraturan dan sentiasa dikemas kini supaya lebih telus dan berkesan.

Dalam perkara ini, baginda suka melihat perancangan dan kreatif tindakan-tindakan yang dijanjikan untuk dilaksanakan dan mencapai objektif yang didasarkan. Sehubungan dengan itu, semua perancangan strategik hendaklah melalui proses perancangan yang utama iaitu mengenal pasti objektif yang hendak dicapai untuk pencapaiannya. Mengatur dan membina perancangan, pelaksanaan dan ketetapannya terhadap pegangan yang telah dibuat.

Pada dasarnya kaola berharap agar semua perancangan dan pelaksanaan program serta inisiatif di semua peringkat hendaklah mesra rakyat dan sentiasa berlandaskan konsep Melayu Islam Beraja (MIB). Kerjasama semua pihak sama-sama menggerakkan agenda pembangunan dan kemajuan negara melalui pendekatan seluruh negara hendaklah diteruskan dan diperkasakan

semua peringkat lapisan masyarakat jabatan kerajaan mahupun sektor swasta.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola juga menyentuh sikap prihatin baginda sentiasa memedulikan hal kebajikan rakyat ini termasuklah berkenaan dengan bantuan subsidi-subsidi yang telah dilaksanakan dengan lebih teratur tidak berlaku ketirisan dan penggunaannya dalam kalangan penerima.

Dalam perkara ini, pihak-pihak yang berkenaan hendaklah sentiasa melihat kepada satu sistem pengurusan dan pelaksanaan yang telah berkesan dengan mengambil kira 4 perkara iaitu membantu, mendidik, menjana dan mandiri.

- i. Membantu kepada yang benar-benar berhak menerimanya.;
- ii. Mendidik dan memberi bimbingan sesuai dalam meningkatkan sara hidup dan sosio-ekonomi keluarga yang berkenaan.;
- iii. Menjana pendapatan atau hasil kepada skim bantuan yang diterima.;
- dan
- iv. Mandiri serta mampu mendirikan dan berjaya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dalam soal hala tuju belia, baginda tidak pernah lupa mengingatkan kita bahawa belia adalah aset negara dan semua usaha bagi meningkatkan keupayaan diri generasi muda ini hendaklah sentiasa

diteruskan tanpa bosan. Ini menunjukkan bahawa baginda sentiasa mengambil berat tentang soal belia di Negara Brunei Darussalam ini.

Kaola berharap agar program-program belia yang sedang dan yang akan dilaksanakan hendaklah dirancang dengan teliti, mempunyai hala tuju yang lebih perlu, lebih terarah dan dilaksanakan secara bertanggungjawab dan secara berterusan. Yang penting ia diatur mengikut cara hidup belia itu.

Sehubungan dengan itu, bukanlah hanya disasarkan kepada pihak kerajaan sahaja tetapi pihak swasta, *NGO* dan agensi akar umbi serta ibu bapa juga berperanan penting sebagai satu pasukan bergabung dan bekerjasama untuk mencari jalan menghasilkan acuan yang terbaik bagi membentuk para belia cemerlang di Negara Brunei Darussalam ini.

Sekian, *وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته*

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian.

#### **Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian:**

*بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ* Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Peramba, kaola, saya lebih dahulu merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas peluang yang diberikan untuk sama-sama menyebarkan sokongan Usul

menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kurnia titah baginda semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Khamis, 30 Jamadilakhir 1440 bersamaan 7 Mac 2019 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri sebentar tadi.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, inti pati kandungan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam amat bertepatan dengan landskap pembangunan negara masa kini. Titah baginda itu juga turut mencerminkan keprihatinan baginda terhadap kesejahteraan dan kemaslahatan seluruh rakyat dan penduduk negara ini.

Dalam hubungan ini, kaola menyertai rakan-rakan Yang Berhormat yang lain sangat mengamat-amati akan titah baginda berkenaan dan seterusnya melahirkan sokongan yang setinggi-tingginya akan titah, saranan dan nasihat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Oleh yang demikian, kaola memohon izin untuk menyentuh mengenai pendekatan *whole of nation* dalam kita sama-sama

menjayakan agenda pembangunan negara agar segala nikmat keamanan, nikmat kemakmuran dan kesejahteraan yang telah kita kecapai selama ini akan terus kita nikmati pada masa akan datang.

Sayugia itu, amat penting bagi kita semua untuk menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang meliputi isu-isu yang luas serta *multi-dimensional*.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam menangani agenda yang berkaitan dengan ekonomi, perindustrian, pengangguran serta kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini komitmen yang padu, dedikasi yang tinggi dan kesepaduan daripada semua pihak di seluruh lapisan masyarakat termasuk di peringkat akar umbi sangat didambakan.

Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian juga tidak ketinggalan memainkan peranan, malah akan terus bertekad untuk memberi komitmen yang padu dan fokus dalam sama-sama menunaikan hasrat murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Impak ledakan pantas teknologi infokomunikasi masa kini memerlukan kita semua untuk lebih peka serta pantas bertindak terhadap isu-isu semasa. Dalam perkara ini kerjasama semua pihak sudah setentunya diperlukan agar

ia akan dapat membantu dalam kita bertindak sebagai satu pasukan mengenal pasti cabaran-cabaran yang mempunyai kesan terhadap ekonomi negara. Penjanaaan pekerjaan untuk anak-anak tempatan, hal-ehwal kesejahteraan rakyat serta perkembangan industry di negara ini.

Bagi Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, kementerian ini akan terus meneroka pendekatan-pendekatan yang inovatif dalam menangani cabaran-cabaran tersebut. Kementerian akan juga meneroka dan seterusnya mengambil langkah-langkah yang tertentu dalam meraih manfaat daripada rangkaian serantau dan antarabangsa bagi meningkatkan martabat Negara Brunei Darussalam dari segi memperkasakan kompetensi anak-anak tempatan, pembangunan perindustrian dan juga sektor tenaga.

Pada masa yang sama, kita juga perlu peka pada perkembangan dunia dalam bidang teknologi baharu agar Negara Brunei Darussalam tidak akan ketinggalan dan seterusnya turut meraih manfaat dari perkembangan globalisasi yang pantas ini tanpa melupakan serta tidak bersikap leka terhadap unsur-unsur negatif yang mungkin boleh memberi kesan sampingan daripada teknologi-teknologi berkenaan.

Pada kesempatan ini juga, peramba, kaola, saya juga mengambil peluang dalam Dewan yang mulia ini, untuk menyeru kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk sama-sama mengenal

pasti strategi kaedah dan hala tuju yang terbaik sama ada ia berkaitan dengan agenda negara dalam bidang ekonomi, perindustrian mahupun cabaran pengangguran semata-mata untuk meningkatkan lagi kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sekianlah sahaja hujah kaola dalam sama-sama menyembahkan sokongan Usul yang menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kurnia titah baginda semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara ini, terima kasih.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Saya persilakan Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis.

**Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

عَلَيْكُمْ وَالسَّلَامُ dan salam dan salam sejahtera. Pertama, kita bersyukur ke hadrat اللَّهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى atas rahmat dan nikmat yang dilimpahkan ke negara kita sebagai negara yang aman, makmur seperti yang kita nikmati selama ini dan

kita baru sahaja menyambut Hari Kebangsaan Ke-35 Tahun iaitu satu tempoh yang boleh dikatakan cukup matang dan dewasa bahawa kita telah berjaya memartabatkan negara di dunia antarabangsa dan menempah banyak kemajuan.

Ini adalah atas usaha gigih pemimpin kita Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan juga setiap rakyat dan penduduk negara ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola dengan tulus ikhlas menyokong Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi menyembahkan sembah ucapan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda dan seterusnya mengurniakan titah dalam Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Khamis, 30 Jamadilakhir 1440 bersamaan 7 Mac 2019.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, dalam titah



baginda, baginda dengan jelas menekankan supaya generasi muda diberikan perhatian yang sewajarnya serta diberikan suntikan semangat untuk meneruskan agenda pembangunan negara kerana golongan belia adalah aset negara yang suatu masa nanti akan penerus pembangunan Negara Brunei Darussalam. Dalam titah baginda juga isu ekonomi, perdagangan, pengangguran serta kepentingan rakyat perlu diambil perhatian dan ditangani.

Apabila berbicara mengenai generasi muda, adalah berbicara tentang generasi yang penuh dengan cita-cita, kehidupan yang indah menghiasi bentuk fisik yang masih kuat dan fikiran yang masih cermat dan cergas sebab itulah pantas sahaja generasi muda menjadi salah satu aset yang menentukan maju atau mundurnya satu bangsa negara.

Seperti yang dikemukakan oleh seorang filsuf dari Mesir "sesungguhnya pada tangan-tangan generasi muda ada urusan umat dan pada kaki-kaki mereka ada kehidupan umat". Untuk itu, generasi muda tidak boleh lemah harta, lemah fisik, lemah ilmu, lemah semangat hidup dan apa lagi lemah akhlak kerana jika kelemahan ini melekat kepada mereka, mereka akan menjadi virus penyakit yang merosakkan pembangunan bangsa suatu negara.

Generasi muda sekarang ini banyak diberikan kemudahan oleh kemajuan teknologi yang meningkat pesat apalagi memasuki Revolusi Industri 4.0 iaitu industri yang banyak memberikan manfaat kepada kemajuan teknologi

industri digital iaitu upaya transformasi menuju ke arah yang lebih baik dengan mengintegrasikan dunia *online* dan produksi di industri iaitu semua proses produksi berjalan dengan internet. Ditambah lagi pada masa ini, generasi muda sekarang adalah generasi *millennial* iaitu generasi yang mesra dengan kemajuan komunikasi, media dan teknologi digital yang mendunia.

Ini adalah peluang keemasan iaitu peluang menciptakan jaringan bisnes yang boleh membantu menekan rendah (mengurangkan angka pengangguran) kerana menciptakan lapangan pekerjaan bahkan jaringan bisnes ini boleh berkembang menjadi perusahaan yang berskala *unicorn* iaitu perusahaan yang memiliki *value* lebih dari *USD 1 million*. Seperti yang terjadi di negara jiran, perusahaan bertaraf *unicorn* adalah seorang pemuda yang masih berusia 30-an, perusahaan itu boleh didirikan kerana kepandaianya menggunakan Teknologi Industri Ke-4 tadi.

Sebenarnya generasi muda di negara ini juga tidak kalah kepandaian dan kebolehannya kerana mereka juga memiliki kemahiran, teknik, celik teknologi terkini dan vokasional serta mempunyai *basic* keusahawanan yang selaras dengan kehendak pembangunan negara. Namun, dengan pertukaran yang pantas di peringkat global maka kita haruslah sentiasa beringat untuk memberikan kemasukan-kemasukan dan suntikan semangat kepada generasi muda supaya siap berdaya saing untuk meneruskan agenda pembangunan negara kita cintai ini.

Dalam waktu yang sama, para generasi muda perlulah menukarkan *mindset* ke arah perubahan sikap bahawa mereka tidak akan terlalu bergantung sepenuhnya kepada kerajaan untuk mendapatkan pekerjaan. Para belia mestilah lebih bersedia untuk merebut peluang di sektor swasta dan bidang keusahawanan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pada masa ini sepatutnya kita sebagai rakyat juga bersyukur dan bergembira atas usaha kerajaan dalam membuat perjanjian-perjanjian kerjasama ekonomi atau perdagangan yang berterusan dengan negara-negara *ASEAN* dan 6 buah negara lain iaitu Australia, China, India, Jepun, Korea dan New Zealand yang akan membuka prasarana-prasarana perniagaan tidak lama lagi.

Ini sudah tepat masanya bagi Negara Brunei Darussalam memerlukan pelaburan dari luar negeri dan impaknya dari kerjasama ini ianya dapat memberikan pekerjaan kepada rakyat negara ini dan sekaligus mengurangi masalah pengangguran.

Sehubungan dengan itu juga, adalah diharapkan semua agensi kerajaan mahupun agensi swasta dan pengusaha-pengusaha ataupun perusahaan-perusahaan perlu melihat dan merancang ke arah membantu meningkatkan ekonomi yang menjana pekerjaan khusus untuk negara ini dan secara bekerjasama dan bersepakat dalam menjayakan serta melaksanakan

bagi mengurangi masalah pengangguran di negara ini.

Akhirnya, marilah kita sama-sama berdo'a agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerabat Diraja serta rakyat Negara Brunei Darussalam beroleh rahmat, hidayah serta kesejahteraan yang berpanjangan. آمين  
وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**  
Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

**Yang Berhormat Menteri Kesihatan:**  
Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat.

بِسْمِ اللَّهِ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Kaola dengan penuh hormat dan takzim sukacita mengucapkan berbilang-bbilang terima kasih atas peluang untuk kaola menyokong sepenuhnya Usul dan kandungan ucapan Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi

menyembahkan ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih terhadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda ke Istiadat Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas, Majlis Mesyuarat Negara pada hari Khamis, 30 Jamadilakhir 1440 bersamaan 7 Mac 2019 dan juga pengurniaan titah yang mengingatkan Dewan yang mulia ini untuk memberi tumpuan kepada perkara-perkara strategik yang membawa kepada pertumbuhan ekonomi negara serta melindungi kesejahteraan rakyat dan penduduk.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah mengenai golongan belia sebagai aset negara dan jentera pembangunan. Dalam perkara ini, Kementerian Kesihatan turut mengambil peranan melalui dasar dan strategi bagi penyerapan kesedaran mengenai penjagaan kesihatan serta amalan cara hidup sihat supaya belia di negara ini sentiasa dalam keadaan sihat sejahtera dari segi fizikal dan mental, produktif dan dinamik untuk menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Dasar pembangunan belia khusus dalam kesihatan turut mendukung penuh kepada pengukuhan pembangunan modal insan yang berkualiti dan

berteraskan falsafah Melayu Islam Beraja.

Baginda juga menitahkan kepentingan pendekatan *whole of nation* untuk negara mencapai matlamat Wawasan Negara. **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ** hasrat murni baginda ini ditandai sepenuhnya dalam sektor kesihatan berlandaskan kerjasama pelbagai sektor dari agensi-agensi kerajaan, sektor swasta, badan-badan bukan kerajaan serta wakil-wakil dari masyarakat setempat terus diperkukuhkan khususnya dalam agenda terutamanya pencegahan dan pengawalan penyakit-penyakit tidak berjangkit dan juga yang berjangkit serta kesiapsiagaan negara dalam menangani kesihatan awam.

Semoga kerjasama dan kemuafakatan yang kukuh antara semua pihak menyumbang kepada menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai negara sihat sejahtera sentiasa dalam perlindungan **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dan juga menjadi negara **بَلَدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ عَفُورٌ**.

Sekian, terima kasih.

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

#### **Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
 الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا  
 مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat, *السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ* dan salam sejahtera. *اللَّحْمُ لِلَّهِ* dengan memanjatkan syukur ke hadrat *اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* Nya jua maka kaola dapat bersama dalam sidang yang mulia bagi menyokong penuh Usul Cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Di Dewan yang mulia lagi berkat ini, kaola dengan rendah hati ingin mengambil kesempatan untuk menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah bercemar duli berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Khamis, 30 Jamadilakhir 1440 bersamaan 7 Mac 2019.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Berhubung dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kita amatlah menyanjung tinggi bahawa titah baginda

penuh dengan nasihat, peringatan dan pandangan jauh serta saranan baginda yang mencerminkan akan kebijaksanaan baginda sebagai seorang pemimpin.

Seterusnya, kita selaku rakyat perlu menyanjung tinggi segala gagasan baginda demi sama-sama menyemai tanggungjawab menjaga kestabilan negara khususnya meningkatkan kualiti kehidupan rakyat.

Bertepatan dengan titah baginda mengenai digital ekonomi, pengusaha-pengusaha perlu mengambil kesempatan dari digital ekonomi yang kini sedang meluas yang telah memberikan peluang-peluang baharu bagaimana perniagaan dapat dijalankan, hanya sahaja dengan ketersediaan teknologi baharu ini pengusaha perlu mewujudkan inovasi serta visi untuk memanfaatkannya.

Walau bagaimanapun, perkembangan baharu ini bukan tanpa risiko dan cabaran. Pengusaha perlu belajar melindungi diri daripada ancaman siber yang berpotensi untuk menjejaskan pelaburan mereka. Maka ke arah ini, keselamatan siber menjadi titik penting yang perlu ditangani oleh kerajaan. Pihak kerajaan perlulah membuat pelaburan yang sewajarnya bagi sama-sama membantu pengusaha dalam penggunaan digital.

Dalam ilmu pengetahuan sebagai pendorong ekonomi, kerajaan perlulah menerima cabaran pertumbuhan data yang kian hari semakin pesat dengan menstrukturkan serta mentadbir aset maklumat yang boleh digunakan untuk

menghasilkan gambaran bagi membantu kerajaan dalam penyediaan dan penggubalan dasar lebih-lebih lagi dengan kemasukan era Revolusi Industri 4.0. Dengan kepesatan teknologi yang membawa perubahan besar dalam kemajuan industri digital ini, maka belia perlu mengambil dan diberi peluang sewajarnya menerokai alam industri ini, agar para belia dapat *survive* dan menjadi jentera ke hadapan dalam pembangunan negara.

Menyentuh mengenai penyediaan dasar berhubung dengan belia, kaola difahamkan bahawa pihak kerajaan melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah melaksanakan satu kajian belia nasional yang bertujuan mengemas kini Dasar Belia Negara yang dibuat pada tahun 2002 dengan mengumpulkan maklum balas daripada pelbagai lapisan belia di luar organisasi belia yang sudah ditubuhkan. Kaola rasakan ia salah satu pendekatan yang strategik yang boleh membantu menangani trend sosial dan ekonomi yang mempengaruhi belia.

Sehubungan dengan itu, kaola sukacita ingin mencadangkan agar hasil kajian tersebut dapat dikongsikan bersama kepada umum. Kaola harapkan atas dasar belia untuk belia ia akan dapat membantu merungkai masalah-masalah belia yang kini semakin mencabar.

Dengan menangani isu pengangguran dalam kalangan pencari kerja yang berdaftar dan dalam kalangan graduan Universiti Brunei Darussalam pula, kaola mengambil maklum kajian telah pun

dibuat yang antara penemuan dalam kajian tersebut telah merumuskan senarai kluster industri. Keutamaan yang harus difokuskan oleh negara untuk dipelbagaikan dan dikembangkan yang boleh dijadikan sasaran berguna bagi negara untuk pekerjaan masa depan. Senarai kluster industri yang menjadi keutamaan negara tersebut, selain industri aliran minyak dan gas adalah industri halal, perkhidmatan perniagaan, teknologi dan industri kreatif serta pelancongan.

Dengan penemuan ini, agensi-agensi berkenaan perlu menyusun langkah yang proaktif dalam menyediakan program-program khusus kepada pencari kerja khususnya para belia. Dengan program-program yang telah dirancang, diharapkan akan dapat melengkapkan peserta dengan kemahiran, kepimpinan dan pengalaman dan dapat memainkan peranan dalam pertumbuhan sektor swasta yang boleh mengembangkan pasaran kerja di negara ini.

Walau bagaimanapun, pihak kerajaan harus mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memantau dari masa ke masa bagi memastikan keberkesanan program tersebut seperti penyediaan petunjuk prestasi utama *KPI* yang sesuai yang benar-benar mencerminkan hasilnya.

Kaola percaya, jika berkesan ia akan dapat membantu dalam mendukung strategi negara dalam mempelbagaikan ekonomi negara tanpa bergantung pada hasil minyak dan gas.

Manakala isu kebajikan rakyat yang juga disentuh oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah baginda dalam Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat ini, kaola mencadangkan agar skim-skim bantuan ke semua pihak berwajib yang berkenaan dapat menyejajarkan atau dibuatkan sistem *consolidation* antara lain bagi memastikan tidak ada ketirisan dalam pengagihan bantuan dan subsidi juga jenis bantuan yang disalurkan bersesuaian dengan keperluan pemohon bukannya semata-mata atas kehendak pemohon.

Banyak agensi bertanggungjawab dalam memberikan bantuan subsidi kepada yang memerlukan. Justeru, bantuan dan subsidi wajar disesuaikan agar ia lebih memberi manfaat yang berguna dan berpanjangan sesuai dengan ungkapan 'memberi pancing dan kail lebih baik dari memberikan ikan semata-mata'.

Akhirnya, diharapkan melalui pemesyuaratan, perbahasan perbekalan dalam Majlis Mesyuarat Negara Kelima Belas ini akan menghasilkan satu natijah yang dapat dilaksanakan dengan jayanya berserta dengan harapan agar negara kita akan beroleh keamanan, kemakmuran dan ketenangan dengan berkat rakyat sentiasa mengamalkan zikir, sebagaimana firman **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dalam Surah Ar-Ra'd ayat 28 yang tafsirnya: "Orang-orang yang beriman dan hati mereka tenteram dengan zikrullah (mengingat **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**) Ketahuilah dengan zikrullah itu hati menjadi tenteram."

Sekian, **وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته**

### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin.

### **Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin:**

Kaola lebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas keizinan bagi kaola untuk bercakap dalam Dewan yang mulia ini.

**بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ**

**الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. **السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola dengan ketulusan hati jua sukacita menyokong sepenuhnya atas Usul menjunjung kasih yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri atas keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bercemar duli ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat

Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara dan seterusnya pengurniaan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang majlis menjunjung kasih dengan sepenuh-penuhnya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola merasa bersyukur atas usaha-usaha yang berterusan agensi-agensi kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam secara umumnya kerana nampak dapat meningkatkan usaha-usaha dan tahap kemajuan tahun demi tahun dalam menangani ke arah mengukuhkan matlamat Wawasan Brunei 2035 terutama sekali dalam meningkatkan hasil negara terus meningkat dalam sektor selain gas dan minyak.

Kaola percaya dan penuh yakin dengan usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terus mempergiatkan dalam menyertai pelbagai perjanjian perdagangan bebas serantau dan antarabangsa serta kerjasama ekonomi negara-negara ASEAN dan enam negara yang berkenaan dengan membuka peluang pasaran kepada lebih 3 bilion penduduk sebagaimana pengurniaan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Istiadat Pembukaan Rasmi pada

hari Khamis, 30 Jamadilakhir 1440 / 07 Mac 2019.

Kaola amat menjunjung tinggi atas usaha-usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kita amat berharap kepada peniaga-peniaga tempatan akan mengambil peluang sepenuhnya menyahut dan menanai serta berusaha sedaya mungkin untuk mencapai hasrat negara kita.

Kita juga menumpukan harapan kepada belia dan belia penuntut sebagai tenaga manusia supaya akan terus memperbaiki sikap dan kesedaran, tidak akan terus mengharap sepenuhnya peluang bekerja di sektor awam. Walaupun begitu, peluang-peluang bagi belia ke arah pembangunan belia keusahawanan banyak peluang ditawarkan oleh kementerian-kementerian berkenaan.

Kita jua menyedari, selain pihak-pihak kementerian, swasta juga harus memberi peluang seluas-luasnya dalam lapangan pekerjaan kepada belia. Syarikat-Syarikat swasta juga harus berusaha bagi menarik minat para belia supaya terus bersedia berkhidmat dengan swasta dengan memberikan berbagai-bagai peluang kemudahan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam perkara ini sehubungan jua bahawa kaola selaku pemimpin akar umbi menyarankan peranan ibu bapa memberikan berupa nasihat dan perangsang serta menanamkan dan menyerapkan kesedaran anak-anak dan

generasi baharu kitani tidak akan semata-mata memberikan tumpuan tujuan mencari kejayaan dalam bidang akademik dan teknikal untuk perkhidmatan di sektor-sektor awam atau kementerian semata-mata, tetapi haruslah diberikan kesedaran supaya belia kitani diperlukan bagi mengisi kekosongan di sektor-sektor swasta dan menghindarkan amalan dan sikap memilih kerja terutama di sektor awam dan apatah lagi swasta. Inilah antara faktor, rasanya yang mengundang bertambahnya pengangguran dan bertambahnya pekerja asing mengisi kekosongan lapangan kerja di negara kita.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, untuk mengakhiri kaola tekankan lagi bahawa peranan ibu bapa adalah penting bagi memberi kesedaran pada anak-anak belia kitani bersedia mengisi keperluan pekerjaan daripada diisi oleh pekerja asing, sedangkan kita mempunyai kelayakan dan juga supaya dapat mengubah sikap dan bertekad ke arah belia yang benar-benar menanai hasrat negara seperti belia usahawan dalam apa jua bidang yang diperlukan dan ditawarkan oleh agensi-agensi kerajaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sekian sahaja yang dapat kaola sampaikan.

وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُ

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

**Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Syukur ke hadrat  
اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ Kaola amat sukacita menyokong Usul menjunjung kasih yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi menyembahkan ucapan berbilang-banyak menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah bercemar duli berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara dan seterusnya berkenan mengurniakan titah pada hari Khamis, 30 Jamadilakhir 1440 / 7 Mac 2019.



Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menunjukkan rasa kasih baginda kepada negara dan rakyat menjadi keutamaan baginda dan juga menunjukkan bahawa baginda adalah seorang pemimpin yang melihat jauh ke hadapan bagi kemakmuran dan kesejahteraan rakyat dan dengan itu wajarlah Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini dan kaola sendiri berusaha lebih tekun dan dedikasi bagi sama-sama menjunjung dan merealisasikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Memetik titah baginda yang sangat-sangat mengambil berat hal kebelaian, baginda turut bimbang dengan kadar pengangguran yang tinggi di negara kita. Seperti yang kita sedia maklum belia adalah aset negara dan harusnya diberikan suntikan semangat dan perangsang bagi meneruskan cita-cita dan mendukung Wawasan Brunei 2035 yang seharusnya para belia sendiri bersikap lebih percaya diri dan berdikari untuk meneroka bidang-bidang yang mempunyai potensi bagi menjana sumber ekonomi mereka.

Para belia haruslah meningkatkan pendidikan dan kemahiran khususnya bagi mereka yang mempunyai pendidikan menengah dan rendah iaitu bidang teknikal dan bukan teknikal.

Suatu contoh jua, seperti yang sama-sama kita maklumi bahawa penubuhan

Restoran Tarindak Ungkayah Graduan merupakan usaha yang diilhamkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang diusahakan sendiri sepenuhnya oleh para lepasan graduan seramai 16 orang dan atas keprihatinan dan pemeduliaan baginda yang berterusan terhadap hal-hwal kebajikan para belia dan baginda juga telah berkenan memperuntukkan sebuah *outlet* Tarindak sebagai tempat mereka berusaha dan mencari rezeki selaras dengan hasrat baginda bagi melihat para belia di negara ini sebagai ejen perubahan dan pengusaha yang berjaya serta tidak bergantung sepenuhnya pada pihak kerajaan.

Perkhidmatan belia sebegini haruslah dicontohi dan diberikan sokongan dan bantuan oleh sektor bukan kerajaan dan juga belia yang sedang mencari pekerjaan. Para belia yang menjadi pelopor industri sebegini juga layak dilaratkan kepada industri-industri yang lain yang banyak menjadi permintaan pasaran dan masyarakat masa kini.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ Daerah Temburong amat beruntung apabila siapnya jambatan penghubung Bandar Seri Begawan – Temburong nanti dan dapat dilihat kegiatan dan pertumbuhan ekonomi yang pesat. Pada masa yang sama akan dapat menyediakan peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan di daerah berkenaan, sekaligus akan dapat mengurangkan pengangguran terpulanglah kepada belia itu sendiri untuk bersedia dan berusaha merebut peluang yang disediakan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Menyebut bidang perekonomian, **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** negara kita juga tidak ketinggalan membuat beberapa perjanjian perdagangan bebas dengan rakan-rakan serantau dan antarabangsa bagi memberi peluang pasaran di negara-negara berkenaan. Perkara tersebut ada hubungannya dengan titah baginda sempena menyambut Tahun Baharu Masihi 2019, baginda menjelaskan langkah yang berkesan ke arah ekonomi ialah penyertaan kita dalam rangkaian global untuk meningkatkan produktiviti dan peluang dengan memastikan juga kita dapat memenuhi pasaran piawaian dan peraturan selain berupaya menyesuaikan diri dengan teknologi digital.

Dalam hubungan ini, syarikat-syarikat, peniaga-peniaga tempatan khususnya Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) termasuklah MPK Satu Kampung Satu Produk akan dapat merebut peluang yang disediakan. Juga disarankan supaya menggunakan teknologi terkini dalam setiap urusan perniagaan memandangkan ia merupakan antara elemen terpenting dalam perkembangan ekonomi semasa.

Selain itu memastikan peniaga dan pengusaha dapat memenuhi kehendak pasaran Revolusi Industri 4.0 seterusnya agensi kerajaan berkenaan juga perlu berusaha untuk meningkatkan kesedaran masyarakat penduduk untuk berubah dan mencipta idea-idea baharu sesuai dengan kepesatan teknologi termasuk kemajuan industri digital.

Langkah tersebut berupaya menjadikan peniaga dan pengusaha di negara kita ini sebagai menjadi pemangkin kepada usaha merealisasikan Negara Brunei Darussalam sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2035.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Akhirnya, sama-samalah kita berdoa ke hadrat **اَللّٰهُ سُبْحٰنَهُ وَتَعَالٰى** semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam senantiasa di bawah naungan dan petunjuk **اَللّٰهُ**. Negara dan bangsa akan terus maju jaya, aman sejahtera, senantiasa di bawah rahmat dan lindungan **اَللّٰهُ سُبْحٰنَهُ وَتَعَالٰى**.  
**آمِينَ.. آمِينَ.. يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ**

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Saya persilakan, Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ**  
**اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ،**  
**وَبَارِكْ وَسَلِّمْ عَلٰىكَ وَعَلٰى اٰلِكَ اَجْمَعِيْنَ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ** dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam Dewan yang mulia ini, kaola menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas perkenan baginda mengurniakan titah dalam

Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara Tahun 2019.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola jua menjunjung kasih atas titah-titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, khususnya titah sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara Tahun 2019 dan titah Hari Kebangsaan Tahun 2019.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola menyokong penuh Usul Menjunjung Kasih yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi menyembahkan ucapan berbilang-banyak menjunjung kasih Kepada Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam Dewan yang mulia ini, kaola memetik beberapa titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seperti di bawah:

1. Titah Sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Mesyuarat Negara Tahun 2019:

“Beta berharap majlis akan dapat bersidang dengan lancar dengan Ahli-Ahli dapat menyumbangkan buah fikiran yang bermanfaat untuk negara. Persidangan beberapa minggu ini hendaknya mampu untuk mengetengahkan perkara-perkara strategik demi kesejahteraan rakyat dan penduduk. Bercakap mengenai generasi, kita semua sedia maklum bahawa golongan belia adalah aset negara selaku ianya jentera pembangunan.”; dan

2. Titah Hari Kebangsaan Tahun 2019: “Beta mahu melihat supaya usaha-usaha sedemikian ini terus dipertingkatkan sehingga para belia benar-benar mampu untuk berganding bahu dengan kerajaan. Maka untuk itu agensi-agensi kerajaan perlulah menggiatkan lagi peranan mereka selaku pemudah cara. Pemudah cara di sini dimaksudkan ialah prasarana yang mantap, peraturan yang telus dan mudah serta sokongan dan kerjasama padu semua agensi yang berkepentingan dalam menghulurkan bantuan dan bimbingan itu.”

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola suka mengusulkan seperti perkara beberapa perkara yang dibentangkan di bawah:

1. Dalam Dewan yang mulia ini, kaola suka mengusulkan supaya ditubuhkan satu Autoriti Kebangsaan dalam perkara menjunjung dan pelaksanaan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Brunei Darussalam. Bukan hanya dijunjung oleh kementerian atau jabatan tetapi hendaklah juga dijunjung oleh Ahli-Ahli Yang Dilantik sebagai ahli autoriti yang ditubuhkan. Ini berfungsi bagi *check and balance* pelaksanaan titah supaya titah dijunjung sebaik-baiknya bagi benar-benar menjunjung titah ke tahap pelaksanaan kebangsaan secara optimum as *A Whole of Nation Approach*.

2. Dalam Dewan yang mulia ini, kaola mengusulkan supaya Majlis Mesyuarat Negara ini bersidang dua kali setahun bagi lebih fokus kepada isu-isu kebangsaan, iaitu Musim Permesyuaratan Pertama lebih fokus isu kepada peruntukan Kewangan dari tahun ke tahun, sementara Musim Permesyuaratan Kedua lebih tertumpu pada isu-isu signifikan kebangsaan dan juga sebagai *check and balance* pelaksanaan Musim Permesyuaratan Pertama.

Titah baginda pada hari Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara pada 30 Jamadilakhir 1440 / 7 Mac 2019 menyentuh, ini memerlukan *Whole of Nation Approach* kerana jentera pentadbiran paling hadapan dibarisi oleh jemaah Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Tetap dan pegawai-pegawai kanan kerajaan tidak menunjukkan kerjasama dan kesepakatan padu dalam merealisasikan Wawasan Brunei 2035, maka sudah pasti segala perancangan yang dibuat akan menjadi sia-sia.

Dalam perkara ini kaola suka mengambil perhatian dalam Dewan yang mulia ini, dalam barisan hadapan itu juga termasuk Penghulu dan Ketua Kampung seluruh negara yang dalam kalangan Penghulu dan Ketua Kampung itu terdapat wakil-wakil daerah sebagai Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Dengan pelaksanaan skim baharu Penghulu dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam, perkhidmatan secara drastik ditamatkan perkhidmatan kerana pentafsiran skim baharu yang sepatutnya dikira 10 tahun ke hadapan tetapi dikira 10 tahun kebelakangan. Sesuatu yang sangat mendukacitakan dan kaola kira jentera perkhidmatan kepada orang ramai juga akan terjejas.

Kaola mengusulkan supaya skim Penghulu dan Ketua Kampung dinilai semula yang menjadikan jawatan Penghulu dan Ketua Kampung bukanlah jawatan berkontrak seperti Skim 2013 yang memperuntukkan perkhidmatan 5 atau 10 tahun sahaja yang mendatangkan dukacita kepada Penghulu dan Ketua Kampung pada masa kini.

Jawatan Penghulu dan Ketua Kampung adalah jawatan tradisi yang patut dikekalkan seperti mana ia telah berkurun dan berabad secara tradisi juga pada kebiasaannya Penghulu dan Ketua Kampung dikurniakan gelaran sebagai "Manteri Darat".

Walaupun zaman sudah berubah tetapi jawatan Penghulu dan Ketua Kampung patut dipertahankan seperti awalnya,

seperti mana peruntukan dalam peruntukan Skim 2013, maka dipohonkan jawatan yang dikira sebagai berkuota itu, tanggungaji bukanlah sesuatu yang biasa. Ia sesuatu jawatan yang luar biasa kerana jawatan ini adalah melalui suara ramai, melalui undian yang mana ini mencerminkan negara kita melaksanakan sistem demokrasi.

Sistem demokrasi inilah yang menjadi kebanggaan kita di mata antarabangsa. Dalam perlembagaan sendiri memperuntukkan pelantikan wakil-wakil daerah sebagai Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang dipilih melalui undian dalam kalangan pemimpin akar umbi.

Penghulu dan Ketua Kampung ditamatkan perkhidmatannya kerana hanya skim perkhidmatan 10 tahun yang dikira 10 tahun kebelakangan. Pelaksanaan dinyatakan di atas tidak selaras dengan ucapan Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, pada 14 Mei 2015, pada 2.00 petang sewaktu menjawat jawatan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri seperti berikut:

"...dan sukacita pula ditegaskan bahwa kesemua pemegang jawatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung di dalam Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung 1998 yang lama akan diserapkan ke dalam skim yang baharu ini tertakluk kepada peraturan dan syarat-syarat skim baharu..."

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan satu anugerah berupa perkara yang diharap serta dijangkakan itu kepada penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung yang sedang berkhidmat pada masa ini dan akan berkhidmat pada masa-masa yang akan datang. Sekian terima kasih.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.

**Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ، عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Kaola/saya menyokong sepenuhnya akan Usul yang telah dicadangkan bagi menyembahkan ucapan banyak-banyak menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah bercemar duli berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara dan berkenan mengurniakan titah.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menyentuh tentang kepentingan belia sebagai aset negara. Pelbagai inisiatif telah diperkenalkan bagi membolehkan para belia untuk terlibat secara langsung dalam pembangunan negara. Ini termasuklah program-program seperti Program Eksekutif Muda (*YEP*) dan juga penglibatan belia dalam merancang dan mengelolakan acara-acara besar seperti Hari Belia Kebangsaan. Ini menunjukkan sokongan dan kepercayaan dalam memberi pendedahan dan peluang kepada para belia untuk bukan sahaja memberi buah fikiran tetapi terus menjalankan idea-idea mereka.

Pendedahan seperti inilah yang membuatkan para belia untuk menjadi lebih *marketable*. Sektor pendidikan berperanan untuk memastikan bahawa kualiti pengajaran dari segi teknik dan juga pengisian adalah *up to date* selaras dengan keperluan negara dan serantau. Namun, ilmu pengetahuan sahaja tidak akan mencukupi, ia perlulah diganding dengan *soft skills* ataupun yang digelar pada masa kini sebagai *relevant skills* yang diperlukan memupuk para belia yang berinovasi, cekal dan tahan pukul. *It takes a village to take a child* dan perkara yang sama juga boleh dikatakan tentang para belia kitani. Ia memerlukan sokongan dan penglibatan dari pelbagai pihak bukan sahaja institusi pendidikan. Sektor lain terutama sekali bukan sektor

kerajaan dan swasta juga dapat memainkan peranan dalam memberi platform yang bersesuaian bagi membolehkan para belia mendapat pendedahan secara holistik bagi menangani cabaran sekarang dan masa akan datang. Ini diperlukan bagi meningkatkan kualiti sumber tenaga manusia bagi memastikan para graduan adalah *marketable*.

Isu pengangguran yang semakin meningkat telah mewujudkan ketakutan dan ketidakpastian dalam kalangan masyarakat. Kita bukan sekadar memerlukan pekerjaan di sektor awam tetapi suntikan ekonomi bagi membolehkan perniagaan berkembang.

Bagi mencapai peningkatan di sektor swasta agensi kerajaan perlu memperkuatkan peranan mereka sebagai fasilitator dengan menyediakan infrastruktur yang kuat, telus dan memudahkan proses dan peraturan. Ini membantu dalam mewujudkan peluang pekerjaan dan mengurangkan pengangguran. *Social entrepreneurship* ialah satu sektor yang harus diterokai. Sudah terdapat beberapa inisiatif daripada pihak kerajaan dan badan bukan kerajaan dalam memajukan bidang ini termasuklah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, *startup weekend* dan sebagainya. Diharap sektor ini akan membantu dalam memupuk generasi baharu yang menerapkan nilai kerja sosial di samping membolehkan mewujudkan peluang pekerjaan.

Merujuk kepada proses di sektor kerajaan, di sinilah transparansi,

akauntabiliti adalah sangat penting, ia menjadi kepentingan dan kemestian untuk memastikan proses audit dibuat dengan kerap dan konsisten demi mengurangkan penyelewengan di sektor awam. Ini termasuklah pengurusan kewangan dan juga penggunaan peruntukan kerajaan bagi hal-hal yang tidak membawa manfaat kepada produktiviti negara. Proses sokongan pegawai-pegawai untuk kenaikan pangkat, berkursus atau bertugas dalam dan luar negeri haruslah telus dan saksama sebagaimana jua garis panduan yang telah ditetapkan.

Dalam kita menyambut Hari Wanita Antarabangsa 2019 dengan tema "*Balance For Better*". Kaola ingin menyentuh tentang kepentingan keseimbangan dalam kehidupan. *Work life balance* adalah perlu bagi memastikan tenaga kerja adalah produktif ini termasuklah menguatkan institusi keluarga dan majikan tidak seharusnya mengganggu pekerja di luar waktu kerja sekiranya ia bukannya melibatkan perkara yang memerlukan keutamaan.

Bagaimanakah negara mempersiapkan bagi *Fourth Industrial Revolution*, apakah kita diberi pendekatan yang mencukupi bagi menguatkan penggunaan teknologi dalam meningkatkan produktiviti negara. Di sinilah kita memerlukan infrastruktur dan pendidikan yang bersesuaian bagi memastikan kita mendapat manfaat teknologi baharu.

Peranan kitani dalam perbincangan ini bukan hanya bagi membincangkan isu

dan jalan penyelesaian tetapi bagi membina kepercayaan dalam kalangan masyarakat. Kepercayaan ialah satu asas yang diperlukan bagi menangani masalah berkaitan dengan rasuah, mesej viral dan sebagainya yang kian menjadi punca perbalahan dan merosakkan imej institusi di mata rakyat, ianya menjadi semakin penting dan harus diberi keutamaan bagi memastikan penglibatan berterusan dengan rakyat bagi memastikan jalan penyelesaian adalah relevan dan terkini. Kaola berharap pada sesi mesyuarat kali ini kita akan dapat terus berbincang demi mencari jalan penyelesaian terhadap isu-isu negara dan mengambil tindakan susulan bagi kebaikan semua rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam.

Sekian, *وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته*

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita telah pun mendengar beberapa orang Ahli Yang Berhormat memberikan hujah-hujah tentang Usul yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Saya kira cukuplah dulu dan saya cadangkan supaya mesyuarat kita ini kita tangguhkan untuk kita berehat sebelah tengahari, *إِنْ شَاءَ اللهُ* kita akan bersidang semula pada petang ini pada pukul 2.30 petang.

Sekian, *وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته*

#### **(Majlis Mesyuarat Ditangguhkan)**

## **Majlis Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang**

### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita masih lagi membincangkan Perkara VI, Usul-Usul Yang Telah Diberi Notis yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Dalam senarai saya masih terdapat 5 orang Ahli Yang Berhormat yang suka untuk berucap. Sebelum itu saya ingin mengingatkan ataupun meminta kepada 5 orang Ahli Yang Berhormat yang berkenaan untuk membuat ucapan secara ringkas, padat dan menepati sasarannya. Ada baiknya kalau sekiranya perkara-perkara yang sudah disentuh tidak ditimbulkan lagi dalam agenda ini. Maka dengan itu saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad.

**Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang kaola hormati sekalian. Kaola menyokong sepenuhnya Usul yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang

Isa bin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Dengan rendah diri, kaola menyembahkan banyak-banyak menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah bercemar duli berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara dan berkenan menyampaikan titah pada hari Khamis, 30 Jamadilakhir 1440 / 7 Mac 2019.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Kaola amat menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bahawa titah baginda telah banyak memperingatkan kita terhadap isu-isu penting yang perlu dicari cara penyelesaian dengan tujuan menjana ekonomi dan pembangunan negara serta memperbaiki kualiti kehidupan rakyat.



Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Menyentuh tentang titah baginda yang perlu diambil perhatian oleh pihak kerajaan, sektor swasta dan segenap lapisan masyarakat ialah mengenai digital ekonomi dan Revolusi Industri 4.0 (*Fourth Industrial Revolution*). Ada beberapa faktor yang dirasakan perlu ditangani sebagai persiapan ke arah peralihan industri yang keempat ini seperti keperluan infrastruktur, contohnya, perkhidmatan jalur lebar yang berkelajuan tinggi (*High Speed Broadband*).

Selain bersifat progresif, ia mestilah menyeluruh dan melingkungi segenap pelosok negara. Kita juga akan memerlukan tenaga manusia yang bijak pandai dalam bidang *IT* dan teknologi yang diharapkan pembangunannya daripada generasi muda dan belia kita pada masa ini.

Dengan adanya kelengkapan teknologi dan kemahiran tersebut, sudah setentunya barulah ada kesedaran dan persediaan kita ke arah sistem keselamatan teknologi siber. Antara faktor lain yang diperlukan ialah menggunakan platform dan kemudahan pangkalan data terbuka atau dipanggil *open data* yang sentiasa dikemaskinikan dan berfungsi.

Tambahan lagi amat penting bagi agensi-agensi berkenaan untuk mengkaji peraturan atau *regularities* yang berkait dengan teknologi siber. Beberapa negara jiran yang telah melaporkan pertumbuhan ekonomi digital

menghasilkan jumlah yang besar kepada negara.

Contohnya di Malaysia ekonomi digital menyumbang sebanyak 18.3% kepada *GDP* negara tersebut pada tahun 2017 dan diramalkan mencecah 20% pada tahun 2020. Kajian oleh *Microsoft* pula meramalkan bahawa produk dan perkhidmatan digital akan menjana sebanyak 60% kepada *GDP* Singapura pada tahun 2021. Jadi, ini sememangnya sesuatu yang perlu dikaji dan diselidiki sepenuhnya.

Manakala para usahawan dan peniaga akan mendapat faedah jika mampu mengambil peluang untuk mendalami dengan lebih lanjut tentang perniagaan transaksi tanpa sempadan atau dipanggil *Cross Border Transaction*.

Berkenaan dengan *Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP)* baginda telah menyeru dan memperingkatkan kita untuk menaik taraf kualiti produk dan daya saing mereka. Ini sangat penting kerana perjanjian-perjanjian tersebut dihasratkan untuk membawa produk tempatan ke pentas antarabangsa dan akan bersaing dengan produk negara luar. Jika produk tempatan kita kurang memuaskan maka kita tidak akan dapat memanfaatkan kebaikan daripada perjanjian *RCEP* sepenuhnya.

Oleh itu, para peniaga tempatan khususnya *SMEs* disarankan untuk mengambil inisiatif yang lebih berkesan pada meningkatkan kualiti produk masing-masing dengan menghadiri

kursus-kursus yang disediakan oleh pelbagai pihak sama ada dari pihak kerajaan, swasta atau *NGOs*.

Pihak agensi berkaitan pula perlu mengambil peranan untuk menolong peniaga tempatan dengan memberikan maklumat terkini tentang cara atau teknologi yang baharu yang sesuai diguna pakai dan sentiasa memberikan khidmat latihan yang diperlukan. Golongan peniaga juga perlu mengambil inisiatif, mempelajari dan memahami keadaan pasaran di luar negara dan meningkatkan mutu peranan yang sesuai dengan pasaran tersebut agar ia lebih berkesan.

Menyentuh mengenai pengangguran. Seperti kita ketahui keadaan pengangguran adalah di tahap yang tinggi. Menurut statistik dari Jabatan Perancang Kemajuan Ekonomi, kadar pengangguran menaik daripada 9.3% pada tahun 2017 berbanding dengan 6.9% pada tahun 2004. Maka kita haruslah menyambut titah baginda yang menyebut agar kajian dan jalan penyelesaian dilakukan sama ada dalam jangka masa pendek ataupun panjang.

Sebelum ini, pelbagai program dan inisiatif telah dibuat seperti program *i-Ready*, Program Latihan Kemahiran iaitu di Pusat Pembangunan Belia, *IBTE* dan Pusat Pembangunan Kapasiti yang dihasratkan untuk memberikan latihan dan kemahiran tambahan kepada para belia sekalian, sekali gus mendedahkan mereka kepada alam pekerjaan.

Dari segi pendidikan pula, bolehlah membuat kajian untuk mengenal pasti mana-mana kursus pengajian atau kemahiran yang diperlukan. Bagi graduan atau belia yang telah atau sedang berkecimpung dalam bidang keusahawanan, ia adalah satu usaha yang terpuji dan mendapat sumbangan negara dengan harapan ia akan terus dilakukan dan dipertingkatkan.

Perkara ini juga selaras dengan titah baginda baru-baru ini pada Majlis bersama rakyat dan penduduk negara Brunei Darussalam di Kuala Lumpur pada 5 Mac 2019, tentang golongan belia sebagai aset negara dan jentera pembangunan dan penggerak utama strategi dan inisiatif negara ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035.

Baginda telah menyeru kepada kementerian dan pihak yang terlibat untuk memastikan para belia diberikan suntikan semangat untuk meneruskan agenda pembangunan negara selain memberikan peluang kepada mereka untuk bersuara tentang pembangunan ekonomi dan negara. Berkeperluan dididik, diasuh, didorong dan diberikan sumbangan sama ada berbentuk sumber kewangan, kemudahan fiskal ataupun latihan keusahawanan baik di peringkat kebangsaan ataupun antarabangsa. Peranan belia dalam keusahawanan tempatan contohnya di dalam koperasi *franchise*. Ini adalah diharapkan agar dapat merencanakan lagi aktiviti-aktiviti pelbagai ekonomi selaras dengan hasrat dan masa depan golongan belia.

Melalui Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan yang dihasratkan untuk melahirkan pelajar yang mempunyai asas kukuh pendidikan dan disesuaikan dengan mana-mana institusi pengajian di peringkat tinggi, belia hari ini terdiri daripada generasi yang sentiasa berhubung hasil daripada penggunaan digital sewaktu membesar. Oleh kerana itu jugalah golongan belia masa ini mempunyai akses kepada lebih banyak maklumat global yang terkini dan terbuka kepada yang lebih baharu dan inovatif.

Oleh itu, institusi-institusi kewangan perlu memainkan peranan untuk memberikan sokongan kepada golongan belia. Dasar-dasar seperti geran-geran, subsidi serta bantuan bank juga perlu dikaji semula membenarkan golongan usahawan ke arah belia ini yang memainkan peranan dalam memajukan ekonomi negara.

Bercakap mengenai peranan pentadbiran dalam merealisasikan Wawasan Brunei 2035. Amalan urusan stabil konsep *governance's practice responsive*, keberkesanan, kecekapan, penglibatan dan ketelusan atau *transparency* juga perlu diperbaiki dan digalakkan di antara tenaga pentadbiran kerajaan, pihak swasta, *NGOs* dan orang ramai. Perkara ini juga disentuh dalam titah baginda pada Majlis Mesyuarat Negara Keempat Belas di samping berjimat kita juga mesti menggembleng tenaga bagi pertumbuhan secara besar-besaran keluaran Dalam Negara Kasar iaitu KDNK.

Berbalik kepada topik kadar *GDP* negara, walaupun kadar pertumbuhan masih pada tahap yang kurang memuaskan, terdapat sedikit pertumbuhan dalam sektor perkhidmatan jelas menunjukkan bahawa kita tidak terlampau bergantung seratus-peratus dalam industri minyak dan gas sahaja. Dalam usaha untuk mempelbagaikan ekonomi untuk mencapai wawasan itu, benarlah seperti titah baginda untuk mengambil langkah *Whole of Nation Approach* dan bekerjasama dan kesepakatan padu. Kita mencontohi negara luar seperti China yang menjana sejumlah \$5.7 bilion dan Jepun \$3.5 bilion dalam sektor perkhidmatan iaitu antara negara-negara yang menyumbang kepada sektor perkhidmatan seperti yang dilaporkan oleh *International Monetary Fund (IMF)* 2016.

Menurut laporan dari *United Nation World Tourism Organisation (UNWTO)*, Negara Brunei Darussalam telah mencapai kadar kemasukan pelancong ketiga tertinggi di Asia Tenggara pada tahun lepas dengan 251,000 pelawat antarabangsa. Memetik dari data Jabatan Kemajuan Pelancongan, kita telah melihat kenaikan kadar sebanyak 4.1% kemasukan pelancong melalui udara dari tahun sebelumnya.

Antara lain, untuk menarik lebih ramai pelancong, tempat-tempat menarik yang perlu dikembangmajukan bukan sahaja di Daerah Brunei Muara tetapi juga di tiga daerah yang lain. Peranan belia dalam perkara ini juga perlu untuk memastikan

perkhidmatan pelancongan yang bermutu tinggi selain memastikan graduan dari bidang hospitaliti agar memanfaatkan kursus pengajian mereka dan memberikan pandangan serta idea baharu sekali gus menaikkan tenaga manusia dan kebolehan mereka. Dengan mengadakan promosi ke luar negara, belia yang celik teknologi boleh memainkan peranan dalam bidang ini dan mempergunakan daya kebolehan mereka untuk berhubung dengan dunia antarabangsa.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita perlu fahami titah baginda itu bukan sahaja misi atau cita-cita baginda akan tetapi lebih memikirkan kepada kebaikan dan kesejahteraan masyarakat negara ini terpelihara dalam jangka masa panjang dan generasi akan datang, sebagai langkah ke hadapan kepada perkara-perkara yang dititahkan oleh baginda itu adalah mustahak mencari jalan penyelesaian bersama-sama bukan sahaja dari pihak kerajaan, swasta atau *NGOs* juga malah penglibatan dari golongan belia. Bak kata pepatah, "yang berat sama dipikul dan yang ringan sama dijinjing".

إِنْ شَاءَ اللهُ dengan berkat doa, usaha dan tawakal, kita akan semakin dekat mencapai Wawasan Brunei 2035. Sekian, وباللّٰه التّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالسَّلَامَ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةَ اللهِ وَبَرَكَاتِهِ

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii.

**Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ السَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Seperti yang rakan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola menyokong sepenuhnya Usul yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi menyembahkan ucapan menjunjung kasih kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah bercemar duli berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara dan berkenan mengurniakan titah pada hari tersebut.

Pembukaan dasar ekonomi adalah penting untuk kemampunan jangka panjang dan memang boleh dicapai mengikut fasa keperluan dan situasi pada masa yang sesuai. Melalui muzakarah dengan kementerian-kementerian, syarikat-syarikat *GLCs* dan *FDIs* dan lawatan-lawatan kerja, kami telah mempelajari lebih banyak tentang pelaksanaan perancangan negara

di semua peringkat dan diharap jua bahawa pemberigaan *milestone* yang dicapai oleh *FDIs* dikongsikan kepada masyarakat dari masa ke masa.

Kita perlu lebih berusaha bagi menggalakkan beban yang tidak perlu seperti mereviu proses yang ketinggalan zaman atau peraturan rumit. Kita juga mesti cukup berani untuk berdiri dengan keputusan yang diambil dan pelbagai cadangan yang masih memerlukan bantuan lebih baik kerana kepentingan *whole of nation*. Tumpuan dan minat syarikat-syarikat antarabangsa terhadap penggunaan Sijil Halal Brunei dalam pasaran antarabangsa adalah satu kehormatan kepada Negara Brunei Darussalam yang dapat dibanggakan. Namun, cabaran-cabaran masih dihadapi dalam *facilitation process* dan kaola berharap peningkatan menaiki taraf dalam proses kajian dan mekanisme yang lebih baik, proses mudah dan digital perlu diusahakan. Industri halal adalah potensi keseluruhannya dan mungkin tepat masanya untuk mempertimbangkan satu cadangan dalam *digital super cluster* dengan pendekatan yang lebih fokus dalam pelaksanaannya seperti pengiktirafan antarabangsa, proses pensijilan halal *digital* dan ekosistem *framework* seperti titah baginda pada Istiadat Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara:

“Ini sesuai dengan kepesatan teknologi yang membawa perubahan besar dalam kehidupan termasuk kemajuan industri digital yang memfokus kepada *internet of*

*things artificial intelligence* dan seumpamanya di mana *Fourth Industrial Revolution* akan menjadi salah satu agenda utama dalam memperkasa masyarakat khususnya masyarakat penuntut, peniaga dan pihak kerajaan sendiri termasuk akan mengubah landskap kehidupan seharian”.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sektor swasta melalui *BIMP-EAGA Business Council* telah mengambil kepimpinan bersama dan usaha kerjasama "*BIMP-Hub* dan *MondeB2B Transactional Platform*" yang baru diluluskan melalui kluster *ICT* di bawah tanggungan *BIMP-EAGA*. Inisiatif demikian dan peneraju tambahan melalui majlis ekonomi digital yang ditubuhkan oleh kerajaan perlu digalakkan sebagai contoh baik *PPP* dan memberi sokongan pada titah baginda bahawa Negara Brunei Darussalam tidak ketinggalan membina persekitaran yang kondusif di peringkat antarabangsa dengan menyertai beberapa perjanjian perdagangan bebas dengan rakan-rakan serantau dan antarabangsa bagi memberi peluang pasaran di negara-negara berkenaan.

Perkhidmatan kerajaan yang sangat penting dalam memperbaiki kehidupan masyarakat mesti disokong dalam usaha berinovasi dan menyediakan ruang yang bersama dengan semua lapisan masyarakat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebagai ahli kita sentiasa mengingat bahawa perbincangan dalam dewan majlis bukan

sahaja tanggungjawab sebagai rakyat tetapi hasrat pembangunan demi generasi masa hadapan. Sekian terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**  
Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

**Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin:** بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola menggabungkan diri menyokong penuh Usul yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Kaola ingin menyentuh mengenai perdagangan *e-commerce*. Kaola mencadangkan supaya lebih ramai anak tempatan agar mempunyai kepakaran dalam bidang merekabentuk *website* khusus bagi memudahkan *e-commerce* atau perdagangan *online*. Kemahiran sebegini amat diperlukan bagi memudahkan pedagang, pengusaha dan juga para belia secara umumnya untuk menceburi bidang perniagaan dan diharapkan akan lebih berdaya saing, kreatif, inovatif dalam memajukan diri dan bisnis yang diusahakan.

Telah ada beberapa *website* yang mengumpulkan pengusaha-pengusaha *online* di negara ini dalam satu bumbung atau dikenali sebagai *digital marketing under one group* yang dijalankan oleh sektor swasta atau persendirian sebagai

contohnya adalah Protoko dan Baiko namun persoalannya sejauh manakah perdagangan *e-commerce* ini berjaya dilaksanakan secara maksimal dalam kalangan pengusaha atau usahawan tempatan.

Bagi memastikan perindustrian perdagangan *online* ini dijalankan secara berterusan kaola mengesyorkan supaya aktiviti ini perlu dipantau dan dikaji oleh pihak-pihak berkenaan dalam masa-masa tertentu. Kaola juga berharap agar sektor kerajaan juga akan dapat mengungkayahkan dan menggalakkan aktiviti seumpamanya agar lebih ramai lagi pengusaha tempatan lahir dan berani mencuba platform sebegini sekiranya ia dijalankan, pihak yang terlibat hendaklah memberikan peraturan yang tidak menyusahkan dan senang untuk dipatuhi oleh para pengusaha.

Selain itu, kita perlu juga mempunyai sasaran atau target dalam jumlah pedagang atau pengusaha melalui bisnes *online* ini pada suatu masa agar ia akan menjadi lebih teratur. Di samping itu juga *website* yang direka bentuk itu perlulah memudahkan para pengguna memilih produk yang hendak dibeli mengikut bahagian-bahagian tertentu dengan keterangan harga dan bentuk barang yang jelas.

Perkara mengenai *e-commerce* ini juga, peraturan untuk memulakan perdagangan seumpamanya sewajarnya perlu diwartakan kepada orang awam khususnya kepada golongan yang tidak tahu menggunakan *IT* tetapi ingin

menceburi bidang perniagaan. Ini kerana bagi memudahkan mereka menjana pendapatan sendiri dan tidak bergantung pada pekerjaan makan gaji sepenuhnya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Negara-negara industri kebanyakannya kurang pengangguran seperti Jepun dan Korea dan negara-negara lain. Ini disebabkan oleh *small medium enterprise* dalam pelbagai sektor berjalan lancar. Kita patut ada agenda perekonomian untuk menuju kepada Wawasan Brunei 2035 agar dapat dicapai sepenuhnya. Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Saya persilakan Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput.

#### **Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput:**

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola selaku Ahli Yang Dilantik mewakili Zon 2 Daerah Belait menyokong sepenuhnya Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara yang berlangsung pada hari Khamis 30 Jamadilakhir 1440 bersamaan 7 Mac 2019 sangat-sangat dijunjung tinggi. Titah baginda itu mencerminkan keprihatinan baginda terhadap pentadbiran negara serta kasih baginda terhadap rakyat baginda terutama sekali kepada golongan belia-belia. Baginda sangat bimbang masalah pengangguran bukan saja dalam kalangan mereka kurang pendidikan malah juga dalam kalangan para graduan universiti dan pemegang-pemegang diploma tinggi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kita sudah menghirup nafas kemerdekaan selama 35 tahun. Namun, belia yang merupakan bakal tunjang negara masih terbelenggu oleh pelbagai kemelut sosial, ternyata mentaliti generasi muda di negara kita masih kurang mengalami anjakan paradigma selaras dengan arus pembangunan negara kita. Kecemerlangan akademik salah satu elemen yang mustahak untuk melahirkan pemimpin negara yang berkualiti demi menjamin masa depan negara. Intelek merupakan faktor terpenting untuk menjana kecemerlangan tamadun bangsa. Sehubungan dengan itu, para belia perlu proaktif menimba ilmu bukan sahaja di dalam kelas tetapi juga menuntut segala ilmu.

Walau bagaimanapun, kecemerlangan akademik semata-mata tidak dapat menjamin pembangunan negara jika belia kita tidak memiliki kesihatan fizikal dan mental yang seimbang untuk menempuh segala halangan pada alaf baharu yang penuh dengan kompetitif. Belia negara perlu memiliki kecerdasan mental dan bersemangat waja tanpa mengenal istilah putus asa supaya dapat berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah, perlu 'berkarih', 'bejarah' untuk 'belurih' kejayaan. Kita sedia maklum bahawa banyak peranan yang boleh dimainkan oleh para belia di negara kita. Para belia boleh dijadikan tenaga kerja yang penting di negara kita bagi memenuhi peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh sektor swasta, perkilangan, pertanian, perkhidmatan dan sebagainya. Hal ini sudah tentu dapat meningkatkan kemajuan dan pembangunan negara dengan lebih pesat lagi. Kemahiran dan pengetahuan mereka merupakan salah satu aset yang sangat tinggi yang tidak boleh dijual beli. Belia seharusnya mampu memikul tanggungjawab untuk membangun Negara Brunei Darussalam. Mereka jadi sandaran dan harapan negara untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang cemerlang dan terbilang.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam bidang peningkatan ekonomi negara pula kerajaan melalui Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah pun berusaha dengan gigih untuk menjana ekonomi negara selain penanaman padi secara besar-besaran di keempat-empat daerah. Terdapat juga

usaha-usaha lain seperti ternakan ikan dalam sangkar, tanaman sayur secara moden dan perusahaan yang diusahakan oleh pengusaha-pengusaha tempatan.

Pengusaha produk keluaran tempatan ini terdiri daripada penguasa kecil-kecilan yang mengusahakan perniagaan. Pasaran produk mereka juga terhad di kawasan tertentu sahaja. Pengusaha itu harus memanfaatkan penggunaan gajet dan media sosial sebagai medium untuk mempromosikan produk keluaran mereka. Keberkesanan cara ini terbukti sebagai medium yang aktif dengan produk yang dengan berkualiti tinggi pasti akan menjadi tarikan pelanggan meski harganya sangat mahal, pembeli akan rela berbelanja lebih sedikit untuk produk yang berkualiti tinggi. Dengan adanya strategi perniagaan yang matang rakan sekerja atau perusahaan luar dapat memastikan bahawa mereka sedang menjalin dengan orang yang tepat. Terdapat beberapa asas khusus yang boleh dilaksanakan seperti penyediaan prasarana dan faktor khususnya kepada pengusaha kecil dan sederhana bagi peralihan kepada industri dan berteraskan teknologi.

PKS yang terbabit boleh meneroka cabang perniagaan baharu seperti penyediaan data besar, e-Niaga seterusnya lebih lagi daya tahan dalam ekosistem Revolusi Industri 4.0. Peluang bertambah luas lagi kepada peniaga-peniaga tempatan dengan adanya *Regional Comprehensive Economy Plan Partnership* iaitu Perjanjian Bersama Ekonomi Antara Negara-Negara ASEAN Dengan Enam Negara Lain yang terdiri



daripada Australia, China, India, Jepun dan New Zealand. Dengan adanya peralihan ini secara tidak langsung akan menarik minat pelabur asing yang sedia ada mempunyai komitmen komponen hiltan bagi menyokong berteknologi tinggi di negara ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Inisiatif lebih bersepadu perlu dilaksanakan oleh kerajaan dan pihak sektor swasta di negara ini dalam peranan mengatasi masalah pengangguran serta mewujudkan peluang pekerjaan dalam kalangan rakyat, isu ini memerlukan perbincangan semua pihak dalam menggariskan penyelesaian. Pengangguran berlaku ekoran kurangnya peluang pekerjaan selain fenomena masa kini dalam belia memilih pekerjaan.

Pihak majikan disyorkan menyediakan pelan pembangunan kerjaya termasuk inisiatif kenaikan gaji tahunan dan elaun sara diri termasuk menyediakan jadual dan suasana kerja lebih kondusif dengan pengurusan lebih baik. Ini bagi memastikan pekerja tempatan seronok menyumbangkan ke arah kualiti kerja serta memberikan kesungguhan serta perkhidmatan terbaik dalam tempoh yang lama.

Gaji dan elaun pekerja tempatan juga mestilah tinggi berbeza dengan pekerja asing yang telah diberi kemudahan dan makan minum. Kerajaan wajib menguatkuasakan kemaksimum kawalan pengambilan pekerja asing secara telus dan memberikan inisiatif serta *rebate* cukai tahunan bagi majikan yang berjaya

menggajikan pekerja tempatan sepenuhnya di syarikat mereka. Cukai lebih tinggi kepada pekerja asing juga mesti dikenakan. Selain syarikat menggaji lebih 50% pekerja asing juga turut dikenakan cukai pendapatan lebih tinggi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kestabilan kemajuan serta keamanan yang dicapai oleh Negara Brunei Darussalam yang berasaskan 2 faktor utama iaitu keberkesanan jentera pentadbiran negara dan kejayaan negara memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat. Dalam memperkukuhkan sistem pentadbiran negara kita perlu muhasabah diri sejauh mana kita mempraktikkan acuan pentadbiran kita sendiri iaitu Melayu Islam Beraja (MIB). Dalam konsep MIB itu sudah lengkap dan cantik kerana ia berlandaskan pentadbiran secara Islam mengikut ajaran Ahli Sunnah Wal-Jamaah yang diajar oleh Nabi مُحَمَّدٌ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ tinggal lagi bagaimana keimanan kita berfungsi untuk melaksanakannya. Semua kementerian perlu bersatu dan bekerjasama dalam melaksanakan kemajuan. Perlu kerap kali bermesyuarah bersama pemimpin di peringkat akar umbi.

Jawatankuasa pembangunan kemajuan daerah-daerah perlu diwujudkan. Jika sudah wujud haruslah dikaji balik keberkesannya agar ia dapat berfungsi dengan apa yang diharapkan dan setiap kajian yang dilaksanakan janganlah terlalu lama dan perlu ada tempohnya. Sekarang adalah masa kita untuk

bertindak untuk merealisasikan apa yang dirancang bagi Wawasan Brunei 2035.

Akhirnya kaola berdoa mudah-mudahan dipermudahkan segala urusan sepanjang mesyuarat ini dijalankan dengan diberikan hidayah serta taufik dalam mencari jalan penyelesaian yang terbaik dengan keredaan **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** jua. **أَمِينَ**.

Sekian, **وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته**

### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Dato Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim.

### **Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Dato Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

رَبِّ أَدْخِلْنِي مُدْخَلَ صِدْقٍ وَأَخْرِجْنِي مُخْرَجَ صِدْقٍ وَاجْعَلْ  
لِي مِنْ لَدُنْكَ سُلْطَانًا نَصِيرًا

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola berdiri di sini bagi sama-sama menggabungkan diri dengan teman-teman Ahli-Ahli Yang Berhormat bagi menyokong Usul yang dicadang oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin

Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim dalam menyembahkan Sembah Menjunjung Kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah mengurniakan titah Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara pada tahun 2019.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola ingin merumuskan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan mengambil beberapa aspek yang penting sahaja. Antaranya semuanya memang penting tetapi kaola menggulungkan beberapa aspek yang menjadi keutamaan. Antaranya dari segi bidang pendidikan.

Pendidikan merupakan perkara yang harus diutamakan kerana tanpa pendidikan manusia akan tinggal dalam kejahilan. Dalam hal ini, **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** telah pun mencabar umat manusia melalui firman **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** surah Ar-Rahman ayat 33:

أَعْوَدُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَمْعَشِرَ الْجِنِّ وَالْإِنْسِ إِنْ اسْتَطَعْتُمْ أَنْ تَنْفُذُوا مِنْ أَقْطَارِ السَّمَوَاتِ

وَالْأَرْضِ فَانْفُذُوا لَا تَنْفُذُونَ إِلَّا بِسُلْطَانٍ ﴿٣٣﴾

Firman **اللَّهُ** yang maksudnya: "Wahai umat jin dan manusia jika kamu sanggup menembusi lapisan-lapisan langit dan bumi cubalah tembusilah ia tetapi kamu tidak akan dapat menembusinya melainkan dengan sultan iaitu

kekuasaan". Di sini bermaksud ilmu pengetahuan.

Kita banyak bercakap mengenai keupayaan masyarakat kita pada ketika ini yang masih kurang dalam pekerjaan-pekerjaan dalam pelbagai bidang. Hasilnya masih banyak pekerja asing didatangkan dari luar negara. Tidak guna kita melaungkan perasaan kita dan kesedihan kita dengan kekurangan rakyat tempatan itu, jika rakyat kita sendiri tidak bersifat positif dan tidak mempunyai kemahiran dan ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang yang diperlukan.

Untuk itu kaola mengesyorkan supaya rakyat dan penduduk negara ini bagi sama-sama merebut peluang yang disediakan oleh kerajaan dalam pendidikan bagi memperbanyakkan lagi institusi-institusi pendidikan dan juga kemahiran supaya mereka itu akan jadi rakyat dan penduduk yang berilmu pengetahuan, berkemahiran dan berfikiran positif.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola ingin menggariskan, apa jua perancangan bagi apa juga projek sama ada yang dianjurkan oleh kerajaan ataupun pihak-pihak yang lain haruslah mempunyai empat komponen yang penting. Kata kuncinya ialah perkataan BETUL.

1. Niat mesti betul. Apa pun yang kitani buat niat kita mestilah betul.

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ

Sesungguhnya setiap amalan itu dengan niat;

2. Perancangan mestilah betul dan menjurus kepada niat yang kita hasratkan;

3. Pelaksanaan mestilah betul dan jangan tersasar ataupun beralih arah disebabkan oleh apa-apa saja alasan; dan

4. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** dengan adanya niat, perancangan dan pelaksanaan yang betul itu hasil dan natijahnya **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** pasti betul, cemerlang dan akan diberkati **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**.

Itu saja Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola gulungkan titah baginda dan rumuskannya dalam keadaan yang singkat tapi padat.

Sekian, **وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته**

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat, nampaknya kita telah pun berhujah selama beberapa jam mengenai Usul ini dan tidak ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat lain yang ingin turut membahaskan Usul ini. Sebagaimana yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengenai untuk menyembahkan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda ke majlis ini iaitu pada hari Khamis, 30 Jamadilakhir 1440 Hijrah bersamaan 7 Mac 2019 Masihi.

Maka saya berpandangan cukuplah sudah kita berhujah dan sekarang Usul ini kita undi. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)**

Nampaknya semua Ahli bersetuju. Maka Usul ini diluluskan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum kita berpindah ke agenda lain maka saya ingin menanggungkan persidangan ini selama 10 minit untuk kita berehat.

**(Majlis Mesyuarat berehat sebentar)**

**(Majlis Mesyuarat disambung semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, ingin membuat kenyataan. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri**

**Kewangan dan Ekonomi II:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola ingin mencadangkan bahawa menurut Peraturan 4(3) daripada Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Negara membolehkan supaya Perkara VII - Rang Undang-Undang dan Perkara 8 *Sub-Section* 2 ditetapkan di bawah Bab 4(2) dari Akta Kemajuan Wang Penggal 136 akan lebih dahulu dibincangkan dalam persidangan yang diadakan pada petang ini. Perkara ini kaola cadangkan kerana ia amat mustahak disegerakan dan dibincangkan sebelum penutup Tahun Kewangan kita berakhir pada 31 Mac 2019.

Oleh yang demikian kaola berharap cadangan ini akan dapat dipersetujui oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat lain. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat saya menyokong sepenuhnya cadangan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Setelah mendengar kenyataan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dan perkara ini telah pun disokong sepenuhnya oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri maka saya berpendapat perkara

ini adalah jelas dan tidak perlu kita bahaskan. Saya memberikan kesimpulan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang hadir pada ketika ini bersetuju sedemikian.

**Yang Mulia Timbalan Jurutulis:** Perkara VII - Rang Undang-Undang akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang persidangan berpindah kepada Perkara VII - Rang Undang-Undang. Silakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II untuk membuat kenyataan tentang Rang Undang-Undang berkenaan ini.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dengan segala hormatnya kaola memohon izin mengemukakan satu Rang Undang-Undang Yang Bergelar **"Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2019/2020 dan bagi memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud yang tertentu"** untuk bacaan kali pertama. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II sebentar tadi telah memohon izin bagi satu Rang Undang-Undang Yang Bergelar **"Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2019/2020 dan bagi memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud yang tertentu"** bagi rang ini untuk dibaca bagi kali yang pertama.

**Timbalan Jurutulis:** Satu Rang Undang-Undang Yang Bergelar **"Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2019/2020 dan bagi memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud yang tertentu"**

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:** السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola memohon izin bagi memaklumkan kepada Majlis ini bahawa kaola akan mengemukakan cadangan untuk bacaan untuk kali yang kedua dan ketiga akan Rang Undang-Undang Yang Bergelar **"Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2019/2020 dan bagi memperuntukkan wang yang**

tersebut itu bagi maksud-maksud sesuatu tertentu” pada mesyuarat hari ini jua.

Oleh sebab kaola bercadang hendak membawa bacaan yang kedua dan ketiga akan Rang Undang-Undang tersebut pada hari ini juga maka kaola memohon kebenaran Yang Berhormat Yang Di-Pertua supaya digantung Peraturan-Peraturan Tetap Majlis Mesyuarat Negara membolehkan kaola membuat cadangan-cadangan sedemikian pada hari ini. Permohonan kaola ini semata-mata untuk membolehkan majlis ini memudahkan kerja-kerjanya dengan lebih lancar dan teratur. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, setelah saya mendengar alasan-alasan dan keterangan-keterangan serta sebab-sebab yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, maka saya izinkan supaya Peraturan-Peraturan Tetap Majlis Mesyuarat Negara digantung bagi membolehkan Rang Undang-Undang Yang Bergelar **“Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2019/2020 dan bagi memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud sesuatu tertentu”** untuk dibaca kedua dan ketiga menurut Syarat 48(3) Perlembagaan Negara Brunei Darussalam. Silakan Yang Berhormat untuk membuat kenyataan seterusnya.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:** Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih atas izin Yang Berhormat Yang Di-Pertua untuk kaola mencadangkan supaya Rang Undang-Undang Yang Bergelar **“Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2019/2020 dan bagi memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud sesuatu tertentu”** dibaca bagi kali yang kedua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي، وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي، وَأَحْلِلْ عَقْدَةَ بِنِ لِسَانِي بِفَقْهِي وَأَقُولِي

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Tujuan Rang Undang-Undang ini adalah untuk membenarkan pengeluaran sejumlah \$5,860,000,000.00 dari Kumpulan Wang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2019/2020 dan untuk memperuntukannya bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual. Dalam hasrat berbuat demikian kaola memohon izin bagi menghuraikan secara ringkas tinjauan ekonomi global serta impak dan cabaran-cabarannya kepada ekonomi negara selaku asas dalam

penyediaan Belanjawan Negara Tahun Kewangan 2019/2020.

اللَّهُمَّ سُبْحَانَكَ وَتَعَالَى syukur ke hadrat kerana dengan limpah rahmat-Nya jua serta berkat kepimpinan dan kebijaksanaan raja yang berwawasan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Petuan Negara Brunei Darussalam, kerajaan terus melaksanakan pembangunan sosio ekonomi dan mempertingkatkan usaha-usaha untuk mewujudkan ekonomi yang lebih dinamik, mampan dan berdaya tahan demi kesejahteraan dan kemakmuran negara yang berterusan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, situasi pasaran minyak global sejak kebelakangan ini adalah tidak menentu. Ia akan terus memberikan impak kepada ekonomi negara yang masih bergantung tinggi pada sektor minyak dan gas sebagai sumber pendapatan kerajaan.

*International Monetary Fund (IMF)*, melalui *World Economic Outlook* keluaran Januari 2019, telah meramalkan bahawa pertumbuhan ekonomi dunia pada tahun 2018 adalah pada kadar 3.7%. Manakala 2019 dianggarkan menurun pada kadar 3.5%. Manakala bagi Ekonomi Negara Brunei Darussalam pula, pertumbuhan ekonomi diunjurkan akan meningkat 2.3% bagi tahun 2018 dan 5.1% bagi tahun 2019.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa risiko yang boleh menjejaskan

perkembangan ekonomi global dan rantau ASEAN secara berterusan seperti impak-impak ketegangan politik dan perdagangan, perkembangan teknologi seperti Revolusi Perindustrian Keempat (*Fourth Industrial Revolution*) dan kedudukan dasar monetari ekonomi-ekonomi negara maju. Risiko-risiko tersebut juga boleh menjejaskan iklim penarikan Pelaburan Langsung Asing (*FDI*) ke dalam negeri.

Berdasarkan kepada laporan Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, pertumbuhan ekonomi negara bagi tahun 2018 mencatatkan sebanyak 0.1%, iaitu lebih rendah daripada yang diunjurkan oleh pihak *IMF* yang disebutkan tadi. Ini adalah disebabkan penguncupan bagi sektor minyak dan gas pada kadar negatif 0.1% berikutan penurunan harga minyak dunia. Walau bagaimanapun, sektor bukan minyak dan gas menunjukkan pertumbuhan positif sebanyak 0.5% yang disumbangkan oleh Subsektor Pertanian 2.7%, Subsektor Ternakan 1.3% dan juga Subsektor Perdagangan Borong dan Runcit 1.4%.

Kadar inflasi di negara ini mencatatkan peningkatan sebanyak 0.1% bagi tahun 2018 berbanding negatif 0.2% pada tahun 2017, yang sebahagian besarnya disebabkan oleh kenaikan 2.2% dalam indeks makanan dan minuman ringan. اللَّهُمَّ secara keseluruhan kadar inflasi bagi Negara Brunei Darussalam masih terkawal dan stabil.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, keadaan fiskal kerajaan bagi Tahun Kewangan 2017/2018 masih merekodkan defisit berjumlah kira-kira \$2.2 bilion iaitu 12.8% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar atau KDNK. Manakala bagi Tahun Kewangan 2018/2019, kerajaan dijangka akan masih mencatatkan defisit walaupun harga pasaran minyak global meningkat bagi tahun 2018 pada purata USD62.70 setong berbanding dengan harga pasaran dalam beberapa tahun sebelumnya.

Seperti tahun-tahun yang lalu, pendekatan Belanjawan Negara dirancang menjurus kepada pertumbuhan ekonomi secara berpanjangan. Bagaimanapun, dalam konteks negara ini, pertumbuhan ekonomi tidak semestinya menyumbang kepada peningkatan pendapatan hasil kerajaan. Oleh itu, usaha yang lebih cekat perlu untuk mencapai keseimbangan belanjawan bagi memastikan kedayatahan dan kestabilan fiskal negara.

Pelaburan terhadap sumber tenaga manusia juga akan terus dipertingkatkan bagi memastikan tenaga kerja dilengkapi dengan kemahiran dan kepakaran bagi menepati permintaan pasaran kerja, *adaptable* serta mempunyai produktiviti yang tinggi.

Usaha kerajaan ke arah mencapai keseimbangan belanjawan (*balance budget*) pula memerlukan pendekatan secara *whole of government approach* terhadap dasar *Fiscal Consolidation* yang

telah mula dilaksanakan beberapa tahun yang lalu dan perlu untuk terus diberi perhatian yang serius.

Ke arah itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah pun memperkenankan satu Garis Panduan Program *Fiscal Consolidation* bagi membantu setiap kementerian untuk membentuk pelan *Fiscal consolidation* masing-masing. Ini termasuk meneliti semula sumber hasil pendapatan dan perbelanjaan kerajaan, dengan objektif utama untuk memfokuskan perbelanjaan ke arah aktiviti-aktiviti yang akan menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan penggunaan peruntukan yang lebih efisien.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Berasaskan kepada faktor-faktor yang telah dibentangkan sebentar tadi, Anggaran Perbelanjaan Tahun Kewangan 2019/2020 termasuk peruntukan bagi Kumpulanwang Kemajuan, dicadangkan keseluruhannya sebanyak B\$5.86 bilion. Anggaran hasil kerajaan bagi Tahun Kewangan 2019/2020 pula diunjurkan berjumlah B\$4.36 bilion, di mana hasil dari Sektor Minyak dan Gas dianggarkan kira-kira B\$3.18 bilion. Manakala Sektor Bukan Minyak dan Gas, dianggarkan sebanyak B\$1.18 bilion. Oleh itu, belanjawan negara bagi tahun 2019/2020 dijangka akan terus mengalami defisit berjumlah kira-kira B\$1.50 bilion.

Bagi Tahun Kewangan 2019/2020 belanjawan negara dirancang dengan tema "Pelaburan Untuk Masa Depan



(*Investing In Our Future*)'. Tema ini memberikan penekanan kepada perancangan perbelanjaan kerajaan yang perlu dibuat pada masa ini melalui pelaksanaan program-program yang efisien dan inisiatif-inisiatif pelaburan yang mampu menyediakan ekosistem bagi pertumbuhan dan kepelbagaian ekonomi masa kini dan hadapan tanpa terlalu bergantung pada pihak kerajaan.

Pelaksanaan program-program dan inisiatif-inisiatif pelaburan-pelaburan berkenaan dihasrat akan dapat memacu pembangunan negara dengan membukakan peluang pekerjaan dalam pelbagai bidang dan industri baharu, meningkatkan aktiviti-aktiviti perniagaan, perekonomian dan penyediaan sumber tenaga manusia yang berkemahiran dan *marketable*. Segala usaha ini dihasratkan bukan saja untuk meningkatkan kualiti kehidupan dan kesejahteraan rakyat pada masa ini akan tetapi dapat dinikmati generasi-generasi yang akan datang.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat bagi mendukung tema Belanjawan Tahun Kewangan 2019-2020 di atas. Tumpuan dan keutamaan perbelanjaan kerajaan akan dijuruskan kepada 4 fokus utama seperti berikut:

1. Meningkatkan Aktiviti Pelaburan.;
2. Memudah Cara Perniagaan.;
3. Menjana Sumber Tenaga Manusia yang Kompeten dan *Employable*.; dan

#### 4. Memelihara Kesejahteraan Awam

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, izinkan kaola menghuraikan secara ringkas keutamaan berkenaan satu per satu.

1. **Meningkatkan Aktiviti Pelaburan.** Untuk meningkatkan pertumbuhan KDNK sektor bukan minyak dan gas dan juga membuka peluang-peluang pekerjaan di negara ini. Kerajaan akan terus memberi tumpuan kepada usaha-usaha yang dapat mempergiatkan aktiviti-aktiviti di sektor-sektor yang telah dikenal pasti atau *priority sector* iaitu Sektor Hiliran Minyak dan Gas, Sektor Pemakanan, Sektor Pelancongan, Sektor Perkhidmatan dan Sektor Infokomunikasi Teknologi (*ICT*), sektor-sektor tersebut diberi keutamaan mengambil kira jua *competitive advantage* dan *comparative advantage* yang sedia ada dari segi infrastruktur, ketersediaan sumber semula jadi dan persekitaran ekonomi terutamanya industri-industri yang telah menunjukkan perkembangan dan mempunyai potensi yang tinggi untuk dimajukan dengan lebih pesat lagi.

Beberapa usaha telah pun diambil oleh kerajaan termasuk menyediakan tapak-tapak perindustrian dan sebagainya. Pihak kerajaan jua bergiat secara proaktif dalam menarik Pelaburan Langsung Asing (*FDI*) yang berkualiti bagi mempercepatkan lagi usaha pembangunan sektor swasta di negara ini. Antara projek-projek

*FDI* yang telah beroperasi untuk tujuan *import substitution*, pengeksporan dan *domestic consumption* termasuklah:

- i. *Syarikat Yamako Pacific Brunei Sendirian Berhad* bagi pemprosesan *Yellow-Fin* dan *Skipjack Tuna* yang telah berjaya mengeksport sebanyak 75 metrik tan ke negara Jepun dan Malaysia.
- ii. *Syarikat HLDS (B) Steel Sendirian Berhad* bagi pengeluaran *carbon steel pipes and casing* yang telah berjaya mengeksport kira-kira 11,500 metrik tan ke Kanada.
- iii. *Syarikat PureFresh (B) Sendirian Berhad* bagi pemprosesan *Blue Shrimp* dan makanan laut yang telah berjaya mengeksport 21 metrik tan ke negara China.
- iv. *Syarikat Polygel Organometallic (B) Sendirian Berhad* adalah loji pemprosesan kimia khusus untuk *Organic Titanates* yang telah berjaya mengeksport 43 metrik tan ke India; dan
- v. *Syarikat Saahtain (B) Sendirian Berhad* bagi pengeluaran makanan halal *Ready to Eat Meals* yang telah berjaya mengeksport kira-kira 189 metrik tan ke negara Jordan, Lebanon, Emiriah Arab Bersatu, Bangladesh, Kenya, Malaysia, Turkey, Oman dan Arab Saudi.

Memandangkan syarikat-syarikat *FDI* ini masih beroperasi di peringkat awal maka dengan sokongan daripada pelbagai agensi dan penggunaan teknologi tinggi adalah diharapkan mereka akan dapat meningkatkan lagi jumlah eksport masing-masing pada tahun-tahun yang akan datang  
 إِنَّ شَاءَ اللَّهُ

Manakala di antara perkembangan projek-projek langsung asing *FDI* yang sedang dalam pelaksanaan adalah seperti berikut:

- i. *Syarikat Hengyi Industries Sendirian Berhad* yang akan memulakan operasinya pada hujung tahun ini dan akan menjana peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan.; dan
- ii. *Syarikat Brunei Fertilizer Industries Sendirian Berhad (BFI)* adalah dalam fasa pembinaan kilang penghasilan ammonia dan urea dan dijangka mula beroperasi pada suku pertama tahun 2022.

Di samping itu projek dalam rancangan adalah seperti berikut:

- i. *Syarikat Barramundi Asia Sendirian Berhad* bagi penternakan ikan *Barramundi* dengan menggunakan sangkar luar pantai berasaskan teknologi dari negara Norway.

- ii. *Syarikat Nanyang Mariculture* bagi ternakan *oyster*; dan
- iii. *Syarikat Oceanus Group Limited* bagi menghasilkan makanan ikan atau *fish feed*.

Projek-projek *FDI* ini adalah di bawah *priority sectors* yang mana akan dapat membantu memberi peluang perniagaan kepada syarikat-syarikat Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana (PMKS) di negara ini seperti kontrak *farming/supply*, perkhidmatan, perniagaan dan logistik.

Ke arah penjanaaan sektor awam yang efisien pula, salah satu inisiatif utama yang sedang giat dilaksanakan adalah pengkorporatan beberapa agensi kerajaan melalui *Public Private Partnership (PPP)* dengan kerjasama *Government-Linked Company (GLCs)*. Langkah ini bukan sahaja untuk mencapai objektif dalam meningkatkan efisiensi, keberkesanan perbelanjaan kerajaan dan kualiti perkhidmatan, ianya juga merupakan platform untuk meningkatkan aktiviti pelaburan dalam membangun sektor swasta yang boleh menjana peluang pekerjaan yang lebih berkualiti kepada anak-anak tempatan.

Sebagai contoh *Muara Port Company Sendirian Berhad* salah satu projek di bawah *priority sector* yang telah memulakan operasinya pada bulan Februari 2017 dengan tidak melibatkan peruntukan daripada

pihak kerajaan, telah mampu meningkatkan *operational efficiency* sehingga 60% dan telah meningkatkan peluang pekerjaan anak-anak tempatan dari 86 orang pada tahun 2017 kepada 150 orang pada tahun 2018 iaitu 91% dari jumlah pekerja secara keseluruhannya. Dalam masa yang sama, syarikat ini juga akan mengendalikan *conventional ports terminal* yang akan dapat membantu pihak kerajaan dalam memudah cara perniagaan, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* dengan pengambilalihan *conventional port terminal* ianya akan memperbaiki lagi fasiliti pelabuhan dan seterusnya pada masa yang sama, meningkatkan lagi hasil pendapatan kerajaan.

Salah satu lagi langkah untuk memajukan industri pelancongan dan logistik, Syarikat *Royal Brunei* atau *RB* telah menambah jumlah pesawat kepada 14 buah yang menjadikan pesawat-pesawat *RB* adalah yang terbaharu di rantau ini. Di samping itu, dalam hasrat untuk memudah cara perniagaan dan meningkatkan jumlah pelancong ke negara ini, antara pelan strategik *RB* adalah untuk meningkatkan hasil pendapatan dan trafik penumpang ke Negara Brunei Darussalam. Ini termasuklah dengan memperluaskan lagi rangkaian *RB* ke destinasi-destinasi seperti Haikou, Changsa, Tokyo, Taipei, Kuching, Seoul dan Brisbane serta meningkatkan kekerapan penerbangan ke destinasi-destinasi strategik dan

memperkenalkan penerbangan terus ke London. Syarikat *RB* juga akan terus bekerjasama dengan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (*MPRT*) dan *Brunei Tourism Board* untuk mengendalikan aktiviti-aktiviti pemasaran bagi mempromosikan Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi yang menarik untuk pelancongan.

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ beberapa inisiatif-inisiatif lain juga sedang berjalan pada masa ini termasuk:

- i. Projek *PPP "Unified Smart-Metering Solution (USM)"* iaitu projek usaha sama di antara kerajaan dengan kumpulan-kumpulan Syarikat *DST* untuk memperkenalkan satu sistem *Smart-Meter* Prabayar yang baharu. Sistem ini menyatukan meter air dan elektrik iaitu faedah-faedah yang boleh diperolehi adalah seperti pengawalan kredit secara automatik, pengesanan gangguan bekalan elektrik dan air termasuk pengesanan meter yang diusik. Sistem ini juga berupaya menyediakan data penggunaan elektrik dan air dan seterusnya membolehkan pelanggan untuk mengawal atau merancang penggunaan masing-masing dan membolehkan agensi-agensi utiliti untuk membuat perancangan kecekapan untuk mengurangkan pembaziran. *Smart-meter* ini adalah merupakan satu cara untuk menyelesaikan isu pembayaran hutang yang lama tertunggak dan ia bukan sahaja boleh dipasang
- di rumah-rumah malah juga di bangunan-bangunan kerajaan dan pusat-pusat komersial.
- ii. Penswastaaan perkhidmatan *maintenance, repair* dan *overhaul* atau *MRO*, kapal-kapal Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) melalui penubuhan sebuah syarikat *join venture* iaitu Syarikat Muara *Maritime Services Sendirian Berhad* antara *Darussalam Asset Sendirian Berhad* dan *Lurssen Internaval*. Syarikat ini dihasratkan akan dapat membangun kluster industri maritim di Negara Brunei Darussalam. Dengan adanya pelaburan sedemikian sudah setentunya ianya boleh diperkembangkan lagi di masa akan datang dengan menarik syarikat-syarikat perkapalan dari luar negara untuk menggunakan khidmat *MRO* yang ada di negara ini. Di samping itu, *join venture* ini akan dapat meningkatkan kapasiti tenaga manusia melalui *knowledge transfer* serta memberi peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan dalam industri maritim.
- iii. Sektor *Information and Communication Technology (ICT)* telah memulakan transformasi bagi mempercepatkan agenda digital ekonomi negara dengan satu inisiatif yang menyatukan rangkaian infrastruktur telekomunikasi *Syarikat Data Stream Technology Sdn. Bhd. (DST)*, Syarikat Telekom Brunei Bhd (TelBru), *Syarikat Progresif*

*Cellular Sendirian Berhad (PCSB) dan Syarikat Brunei International Gateway Sendirian Berhad (BIG) ke dalam sebuah lagi anak syarikat Darussalam Asset Sendirian Berhad iaitu Syarikat Unified National Network Sendirian Berhad (UNN).*

Hasil inisiatif ini membolehkan tiga syarikat telekomunikasi mendapat akses yang sama kepada rangkaian UNN yang akan menumpukan fokus kepada bahagian retail dengan menawarkan perkhidmatan *fixed* dan *mobile* yang kompetitif kepada pelanggan. Ini akan dapat menurunkan harga pembekalan perkhidmatan *fixed* dan *mobile* dan pada masa yang sama meningkatkan lagi liputan dan kualiti perkhidmatan-perkhidmatan tersebut.

Pembangunan sektor *ICT* adalah penting dalam transformasi ekosistem digital ekonomi Negara Brunei Darussalam bagi mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035. Objektif utama UNN ialah untuk melabur dan memperbaiki infrastruktur telekomunikasi dan seterusnya menubuhkan sebuah *State of the Art and Best in Class, Fixed Mobile Convergence Network*. Inisiatif penting ini akan membawa Brunei ke status *smart nation* dengan kemungkinan menjana industri baharu seperti *e-Medicine, e-Transportation, e-Education and Internet of Things (IOT)*. Ini juga akan membolehkan PMKS mendapatkan akses kepada

infrastruktur telekomunikasi untuk menyediakan perkhidmatan seperti *home security, door-to-door delivery, e-commerce* dan sebagainya.

Selain daripada menyatukan infrastruktur telekomunikasi, UNN juga akan menggabungkan berbagai *data center* dengan spesifikasi Tier Tiga yang *stable* dan terjamin serta dapat menangani ancaman keselamatan siber ataupun *cyber security*. Ini akan memastikan Perkhidmatan *Data Center* dan *Cloud Services* kepada pelanggan-pelanggan tempatan dan antarabangsa yang dilengkapi dengan rangkaian telekomunikasi yang komprehensif seterusnya memberi perkhidmatan yang efisien, *reliable* and *cost effective*. Ini adalah merupakan satu platform untuk memudahkan inisiatif kerajaan bagi mengadakan satu pusat data ataupun *centralised data center* pada masa yang akan datang.

Peranan UNN juga untuk menyediakan latihan dan *capacity building* bagi memastikan anak-anak tempatan mengisikasikan semua pekerjaan di semua peringkat sepenuhnya di dalam UNN. Ini diharap akan terus membina asas bagi mempelbagaikan ekonomi yang boleh menjana peluang pekerjaan yang bermakna dalam sektor *ICT*.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua,  
berikutan dengan penerangan kaola

sebentar tadi, izinkan kaola menekankan sekali lagi betapa pentingnya inisiatif-inisiatif *PPP* dan *FDI* untuk meningkatkan dan mempelbagaikan aktiviti ekonomi dengan hasrat untuk mempercepatkan pertumbuhan ekonomi negara secara lebih *impactful*. Ini memerlukan usaha bersepadu ataupun *conserted effort* dari semua pihak.

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ dengan kerjasama kementerian-kementerian beberapa projek *PPP* telah dikenal pasti dalam usaha untuk meningkatkan efisiensi-efisiensi perkhidmatan di samping mengurangkan kebergantungan pada peruntukan kerajaan. Inisiatif-inisiatif pengkorporatan dan pelaksanaan projek-projek *Public Private Partnership (PPP)* dan *Foreign Direct Investment (FDI)* ini juga merupakan platform untuk meningkatkan aktiviti pelaburan, pembangunan sektor swasta dan penjanaaan peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan.

Untuk mendukung hasrat ini beberapa peruntukan telah disediakan dalam Belanjawan Tahun Kewangan 2019/2020 untuk meningkatkan produktiviti industri-industri di negara ini termasuk industri pertanian dan perikanan melalui penggunaan teknologi tinggi dan teknik moden untuk pasaran domestik dan eksport dan juga bagi meningkatkan pertumbuhan sektor pelancongan agar dapat menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan ekonomi. Peruntukan-peruntukan yang disediakan di bawah Rancangan Kemajuan Negara dan Perbelanjaan Berulang-Ulang adalah seperti berikut:

- i. Di bawah Sektor Pelancongan sebanyak \$21.7 juta dengan harga rancangan sejumlah \$66.2 juta disediakan. Antaranya bagi mengukuhkan produk-produk pelancongan, pemeliharaan aset Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dan membiayai perbelanjaan Promosi Dan Pemasaran Industri Pelancongan negara ini; dan
- ii. Manakala bagi Sektor Pertanian dan Perikanan termasuk Pembangunan Industri Ternakan sejumlah \$91 juta disediakan. Antaranya bagi menggalakkan pengeluaran padi tempatan. Mendukung aktiviti pertanian dan agrimakanan dan meningkatkan pengeluaran industri akuakultur.

Dalam pada itu juga, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan pembukaan kawasan baharu bagi penanaman padi secara komersial seluas 500 hektar tanah di kawasan Kandol, Daerah Belait untuk meningkatkan penghasilan padi ke arah mencapai sara diri yang tinggi. Di samping itu, juga Pusat Penyelidikan Sains dan Teknologi Agrimakanan (*Central Research on Agrifood Science and Technology (CrAFT)*) telah pun ditubuhkan bagi meningkatkan keupayaan pertanian melalui penggunaan teknologi termasuk penggunaan *Internet of Things (IOT)*, dalam bidang pengurusan ladang atau *smart farm*.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

## 2. **Memudah Cara Perniagaan.**

Untuk mendukung perkembangan ekonomi negara, penekanan akan terus diberikan kepada sektor swasta khususnya bagi meningkatkan peranan dan keupayaan Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana (PMKS). Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana (PMKS) ini setentunya akan menjadi nadi utama dan enjin penggerak yang mampu memacu pertumbuhan ekonomi negara sekali gus membantu usaha kerajaan dalam merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, seperti yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara Tahun 2019, pada hari Khamis yang lalu Negara Brunei Darussalam telah pun menandatangani beberapa perjanjian perdagangan bebas dengan rakan-rakan serantau dan antarabangsa dalam hasrat untuk membina persekitaran yang kondusif dan membuka peluang pasaran kepada pengusaha-pengusaha tempatan di negara ini. Ini termasuklah perjanjian *Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP)* yang akan dipersetujui perundingannya tidak lama lagi إِنْ شَاءَ اللهُ.

Perjanjian kerjasama ekonomi antara negara-negara ASEAN, Australia, China, India, Jepun, Korea dan New Zealand ini akan boleh membuka pasaran perniagaan kepada lebih 3 bilion penduduk. Dalam hubungan ini, adalah diharapkan peniaga-peniaga tempatan akan mengambil kesempatan sepenuhnya ke atas peluang-peluang dari perjanjian-perjanjian ini dan pada masa yang sama akan meningkatkan kualiti produk yang berdaya saing dan efisiensi operasi masing-masing.

Sebagai usaha untuk menyediakan asas yang kukuh bagi perkembangan Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana (PMKS), *Darussalam Enterprise (DARE)* memainkan peranan yang penting dalam menjana ekosistem perniagaan yang kondusif di samping membantu usahawan-usahawan tempatan menyelesaikan apa jua masalah yang dihadapi dan membantu perkembangan Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana (PMKS) tempatan untuk mencapai potensi masing-masing.

Antara usaha-usaha yang dilaksanakan oleh *Darussalam Enterprise (DARE)* antara lainnya memberikan latihan melalui startup *bootcamp*, *Industry Business Academy* menyediakan perkhidmatan dukungan seperti *Business Helpdesk* dan *Business Support Center* dan menyediakan fasiliti termasuk tapak-tapak industri dan *incubation spaces*.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ sejak penubuhannya pada tahun 2017 Bank Usahawan Berhad pula telah secara aktif menilai beberapa pengusaha yang berpotensi yang setakat ini seramai 51 pengusaha-pengusaha Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana (*PMKS*) telah dihulurkan kemudahan pinjaman kewangan dan beberapa permohonan lagi sedang dalam proses penilaian.

Di samping itu, kedudukan Negara Brunei Darussalam dalam Laporan *World Bank's Doing Business 2019* telah meningkat kepada tangga ke-55 daripada tangga 56 pada tahun sebelumnya. Dengan peningkatan *score ease of doing business* dalam 3 *indicators* iaitu *Getting Credit*, *Starting a Business* dan *Paying Taxes*.

Bagi membolehkan negara ini memanfaatkan pembinaan Jambatan Temburong yang dijangka akan siap pada penghujung tahun ini, Autoriti Kemajuan Daerah Temburong (AKDT) telah ditubuhkan pada tahun 2018. Objektif Autoriti Kemajuan Daerah Temburong (AKDT) adalah untuk merancang, memantau dan memberi panduan terhadap projek-projek pembangunan di Daerah Temburong yang akan dapat memudah cara dan meningkatkan pelaburan dan pada masa yang sama menyediakan peluang-peluang *spin-off* dari projek-projek pembangunan kepada Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana (*PMKS*) dan juga menjana peluang-peluang yang baharu.

Antara projek yang telah dikenal pasti termasuklah projek-projek sektor eko pelancongan, pertanian, pembuatan dan kebudayaan.

Bagi mendukung secara berterusan usaha-usaha kerajaan dalam keutamaan ini, beberapa peruntukan telah disediakan untuk memelihara dan mempertingkatkan kualiti perkhidmatan sistem-sistem *IT* yang keseluruhannya berjumlah \$91.4 juta termasuk sistem *Onebiz* di bawah Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, *Ease of Doing Business*, platform perkhidmatan perniagaan nasional dan pusat data kerajaan dan infrastruktur '*cloud*'.

Selain itu, beberapa inisiatif telah pun dilaksanakan dan dipekenalkan bagi mendukung keutamaan ini. Antara lainnya:

- i. Autoriti Elektrik Brunei Darussalam (AEBD) ditubuhkan dan mula berkuat kuasa pada tahun 2018 bagi mentadbir dan menguatkuasakan Perintah Elektrik 2017 (E017) yang bertujuan bagi menyediakan rangka kerja kawal selia yang membolehkan pembangunan industri tenaga yang lebih cekap. Ini adalah termasuk memperkenalkan skim pelesenan bagi penjanaan, penghantaran dan pengagihan elektrik, keperluan pensijilan bagi pekerja elektrik serta peraturan-peraturan mengenai pemasangan dan pengubahsuaian kerja-kerja elektrik.



- ii. Melaksanakan kaedah pembayaran cukai pembangunan secara *online* melalui *mobile application* atau *internet banking* sebagai kemudahan yang alternatif bagi pelanggan untuk menjelaskan cukai bangunannya.
- iii. Sistem *Online Vehicle Entry / Exit System (VES)* dengan matlamat memudahkan orang ramai termasuk peniaga-peniaga untuk membuat urusan menyeberang sempadan melalui darat.
- iv. Pelaksanaan *Brunei Darussalam National Single Window (BDNSW)* fasa kedua telah dilaratkan penggunaannya kepada *Muara Port Company* dalam hasrat untuk mempercepatkan proses pelepasan kontena-kontena.; dan
- v. *E-invoice* yang telah diperkenalkan oleh Jabatan Perbendaharaan mulai 1 Ogos 2018 untuk mempercepatkan proses pembayaran kepada syarikat-syarikat yang memberikan perkhidmatan kepada kerajaan. Setakat 31 Januari 2019 daripada 105 ribu invois yang diterima, 67 peratus telah dibayar dalam tempoh 30 hari mengikut Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, adalah diharapkan prestasi proses pembayaran ini akan terus dipertingkatkan dalam masa yang akan datang melalui usaha padu semua pihak.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

### **3. Menjana Sumber Manusia Yang Kompeten dan *Employable*.**

Kerajaan akan terus memberikan keutamaan kepada pelaburan untuk menjana sumber manusia yang kompeten dan *employable* untuk sama-sama menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Fokus ini memberikan penekanan terhadap aspek perancangan pembangunan dan pendidikan negara yang dapat melahirkan lebih ramai lagi pakar-pakar, profesional-profesional, usahawan-usahawan dan pemimpin-pemimpin pada masa kini dan akan datang.

Menurut Kajian Tenaga Kerja (KTK) 2017, kadar pengangguran di negara ini mencatatkan peningkatan dari 6.9% pada tahun 2014 kepada 9.3% pada tahun 2017 iaitu berjumlah 19,200 orang iaitu sebanyak 44.3% adalah dikategorikan sebagai penganggur belia.

Bagi Menanai titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, usaha kerajaan dalam mengurangkan kadar pengangguran di negara ini adalah merupakan salah satu agenda utama khususnya dalam meningkatkan peluang-peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan dengan kerjasama agensi-agensi lain melalui pelaksanaan projek *PPP*, *FDI* dan industri yang sedia ada termasuk usaha Kementerian Tenaga (Tenaga dan Manusia) dan Perindustrian

melalui *Job Center* dan *Strategic Planning Unit*. Dalam masa yang sama, pendidikan latihan teknikal dan vokasional akan terus dilaksanakan untuk memastikan latihan-latihan yang diberikan mengikut keperluan industri. Perkara ini sangat penting untuk menggalakkan perkembangan perusahaan mikro kecil dan sederhana untuk menjana peluang-peluang perniagaan baharu.

Di samping itu, usaha juga akan terus dilaksanakan antara lain dengan penyediaan program-program seperti di Pusat Pembangunan Belia, Pusat Pembangunan Kapasiti, Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) bagi memperkasa belia-belia di negara ini untuk berdikari dan mempunyai kemahiran keusahawanan agar dapat mengurangkan kebergantungan pada pihak kerajaan sebagai majikan.

Beberapa peruntukan telah pun disediakan bagi mendukung fokus ini seperti berikut:

1. Bagi membiayai program-program latihan sejumlah \$15.9 juta disediakan seperti pecahan berikut:
  - i. Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) disediakan sejumlah \$1.75 juta di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; dan
  - ii. Pembiayaan latihan menggunakan peralatan

*simulator di CAE MPTC* disediakan secara keseluruhan berjumlah \$14.2 juta.;

2. Bantuan kepada belia-belia dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (*NGOs*) sejumlah \$1.2 juta termasuk Bantuan-Bantuan Keusahawanan Belia, Pembangunan Belia, Pembangunan Sukan, Kursus-Kursus Pusat Pembangunan Belia, *Outwardbound Brunei Darussalam* dan bantuan kewangan *NGO* untuk meningkatkan *employability* dan *marketability* belia-belia, meningkatkan perekonomian dan pembangunan negara serta meningkatkan kerjasama dengan pihak-pihak yang berkepentingan dengan melalui *Whole of Nation Approach*.
3. Peruntukan juga disediakan untuk membangunkan sumber tenaga manusia yang berilmu pengetahuan di bawah Sektor Pendidikan sejumlah \$29.8 juta seperti berikut:
  - i. Penambahan 168 jawatan tenaga pengajar di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan peruntukan sejumlah \$2.3 juta.;
  - ii. Perbelanjaan pemakanan penuntut-penuntut di bawah Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama sejumlah \$16.7 juta.;

- iii. Mendatangkan tenaga pakar dan pengajar mahir untuk Program Latihan Literasi, (*English Language*) dan Numerasi (*Mathematics*) terus disediakan sejumlah \$10.8 juta.
4. Manakala bagi meningkatkan kesejahteraan penuntut-penuntut di dalam dan luar negeri peruntukan bagi memberikan pemberian Biasiswa dan Elaun Penuntut akan terus disediakan sejumlah \$101.53 juta seperti berikut:
- i. Biasiswa keseluruhannya sebanyak \$49.23 juta di bawah Kementerian Pendidikan, Kementerian Pertahanan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama.
  - ii. Elaun penuntut keseluruhannya sebanyak \$52.6 juta di bawah Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama.
5. Bagi meningkat kapasiti pegawai dan kakitangan di kesemua kementerian disediakan sejumlah \$48.7 juta.
6. Beberapa peruntukan juga disediakan di bawah Peruntukan Rancangan Kemajuan Negara (RKN), sejumlah \$70.5 juta seperti berikut:
- i. Pusat Pembangunan Kapasiti sejumlah \$36.6 juta.;
  - ii. *i-Ready* sejumlah \$17 juta.; dan
  - iii. Pembinaan, menaik taraf dan penambahan bangunan sekolah-sekolah kerajaan termasuk sekolah rendah, sekolah menengah, sekolah agama dan Arab, Sekolah Latihan Tentera Udara Diraja Brunei dengan peruntukan keseluruhannya berjumlah \$16.9 juta dengan harga rancangan \$66.9 juta.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

#### **4. Memelihara Kesejahteraan Awam.**

Seperti tahun-tahun yang sudah kerajaan akan terus memastikan kesejahteraan dan kebajikan sosial rakyat dan penduduk di negara ini, ini termasuk penyediaan, keperluan dan perkhidmatan asas seperti kemudahan pendidikan percuma, penyediaan perubatan berkualiti serta pemberian subsidi bagi keperluan-keperluan asasi seperti beras, bekalan elektrik, minyak kenderaan, perumahan, bekalan air dan lain-lain.

Oleh itu, beberapa peruntukan disediakan antaranya:

- i. Bagi mendukung perkembangan syiar Islam dan ke arah menjadikan negara ini sebagai Negara Zikir, sejumlah \$9.5 juta dengan Harga Rancangan \$30 juta telah diperuntukkan bagi pembinaan masjid-masjid di seluruh negara.
- ii. Bagi perkhidmatan kesihatan pula:
  - Peruntukan sejumlah \$100 juta untuk membiayai Perbelanjaan Pembelian Ubat-Ubatan dan Perkhidmatan Perubatan yang lain.
  - Penambahan 85 jawatan doktor dalam bidang perubatan dan pergigian dan 129 jawatan dalam bidang kejururawatan; dan
  - Pemeliharaan aset sejumlah \$27 juta bagi pemeliharaan bangunan-bangunan Pusat Kesihatan serta mesin-mesin perubatan.
- iii. Bagi memperkesakan lagi sistem pembekalan air sejumlah \$3.9 juta disediakan untuk membiayai Projek Pembaikan Logi Rawatan Air di Bukit Barun, fasa 4 dan 5 di bawah Kementerian Pembangunan.
- iv. Bantuan Kebajikan Bulanan disediakan sejumlah \$14 juta, peningkatan sebanyak \$9.3 juta dari peruntukan Tahun Kewangan 2018/2019 di bawah Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- v. Bagi meningkatkan penjaan kuasa elektrik sejumlah \$95.4 juta disediakan di bawah Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian.
- vi. Peruntukan yang disediakan di bawah Peruntukan Rancangan Kemajuan Negara seperti berikut;
  - Projek Jabatan Temburong disediakan sejumlah \$294.3 juta dengan harga rancangan \$1.04 bilion;
  - Projek-projek bagi mengukuhkan dan menaik taraf Rangkaian Sistem Elektrik disediakan secara keseluruhan sejumlah \$61.5 juta dengan Harga Rancangan \$217.7 juta;
  - Projek Perumahan Negara Kampung Lugu Fasa II, disediakan sejumlah \$18.7 juta dengan Harga Rancangan \$150 juta bagi membina 1,500 unit rumah;

- Projek Pengangkutan Awam, disediakan sejumlah \$10.5 juta dengan Harga Rancangan \$21 juta.
- Projek-projek bagi Pengurusan Saliran dan Perlindungan Persisiran Pantai dan Pembentukan disediakan keseluruhannya sejumlah \$33.1 juta dengan Harga Rancangan sebanyak \$113.3 juta;
- Projek-projek Pengurusan Jalan Raya, disediakan sejumlah \$19.1 juta dengan Harga Rancangan sejumlah \$99.5 juta;
- Dengan kerjasama padu Majlis Ugama Islam Brunei, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Pendidikan dan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, usaha yang giat juga sedang dilaksanakan dalam penyediaan satu *centralised database* bagi program-program kebajikan yang dihulurkan oleh agensi-agensi berkenaan untuk mengelakkan ketirisan dan memastikan bantuan-bantuan yang diberikan adalah efektif.

Di samping itu, peruntukan-peruntukan khas juga disediakan di bawah Perkhidmatan Rampaian Kementerian Kewangan dan Ekonomi bagi mendukung 4 fokus utama tersebut iaitu di bawah Peruntukan Projek Fokus sejumlah \$18 juta dan menangani Bencana Alam dan Wabak Penyakit sejumlah \$15.7 juta.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dengan penerangan yang kaola kongsi sebarang sebarang dan selaras dengan tema belanjawaan bagi Tahun Kewangan 2019/2020 iaitu "*Investing in Our Future*" dapatlah kaola simpulkan bahawa peruntukan yang disediakan perlu digunakan dengan lebih *forward looking* dan menjurus kepada pro pertumbuhan bagi membantu negara ini menangani cabaran masa kini dan masa hadapan. Ini termasuklah dengan mempercepatkan pelaksanaan inisiatif-inisiatif *PPP* dan *FDI* demi untuk mencapai hasrat mempelbagaikan ekonomi serta memastikan kedayatahan dan kestabilan fiskal, di samping mengurangkan kebergantungan kepada hasil Sektor Minyak dan Gas.

Kaola juga percaya semua pihak yang hadir di Dewan yang mulia ini mempunyai matlamat yang sama iaitu ingin melihat negara kita ini menjadi sebuah negara yang maju dan aman dengan rakyat yang berdikari serta berinovasi.

Oleh itu, kerjasama yang padu dari semua pihak adalah penting bagi sama-sama membangunkan negara untuk memastikan kemakmuran terus dinikmati

oleh rakyat dan generasi yang akan datang.

Dengan izin **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** jua dan berkat kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, marilah kita sama-sama berdoa agar negara kita akan sentiasa maju, aman makmur dan akan sentiasa menjadi sebuah negara zikir dengan mendapat keredaan, pertolongan dan keberkatan **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**.

Oleh itu, kaola mencadangkan supaya Rang Undang-Undang yang dibentangkan di hadapan kita ini disokong untuk dijadikan "Satu Undang-Undang Perbekalan Negara yang dikeluarkan dari peruntukan kumpulan wang yang disatukan bagi maksud-maksud yang tertentu sepanjang Tahun Kewangan 2019/2020."

Sekian, **وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita telah mendengar keterangan yang terperinci dan penuh bersemangat pembangunan berterusan yang telah pun dihadapkan dan diuraikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II iaitu mengenai Rang Undang-Undang (2019) Perbekalan, 2019/2020 tentang perancangan dan hala tuju kewangan pada Tahun Kewangan 2019/2020.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum sebagaimana lazim saya membukakan

Rang Undang-Undang ini untuk dibahaskan, saya ingin bertanya adakah salah seorang daripada ahli di sini yang suka untuk menyokong Rang Undang-Undang yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** **بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya menyokong sepenuhnya akan cadangan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, Rang Undang-Undang yang bergelar "**Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2019/2020 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu**" telah selesai dibaca dengan panjang lebar dan komprehensif oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II yang telah mendapat sokongan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya kira cukuplah dahulu persidangan kita pada petang ini dan saya suka untuk menanggungkan mesyuarat kita.

إِنْ شَاءَ اللهُ kita akan bersidang semula pada hari Selasa, 12 Mac 2019 mulai pukul 9.30 pagi.

Sekian,   
وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

## **DEWAN MAJLIS**

**Selasa, 5 Rejab 1440/12 Mac 2019**

### **YANG DI-PERTUA DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA**

#### **HADIR:**

#### **YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

#### **AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI):**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Ekonomi dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.



Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, PSNB., DPMB., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, PSNB., SPMB., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, PSNB., SPMB., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri

Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, PSNB., SPMB., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Mohd Hussein, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof, PSNB., SMB., PIKB., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, DPKT., SMB., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:**

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, DPKT., DPMB., SNB., PBLI., PJK., PKLP.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim, DPMB., SNB., PJK., PKL.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:**

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, PSB., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad, SMB.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari, PIKB.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, PIKB.

**AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'B', Zon 1 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Kota Batu, Zon 3 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PSB., PIKB., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 4 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, Ketua Kampung Limau Manis, Zon 5 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Zon 2 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, PJK., PKL., Penghulu Mukim Liang, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, PIKB., Ketua Kampung Labi I, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, SUB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Tanjong Maya, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Bokok, Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

### **HADIR BERSAMA:**

Yang Dimulihkan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

### **Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.30 pagi**

**Yang Dimulihkan Jurutulis:**  
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari ini, hari yang ketiga, Selasa, 5 Rejab 1440 bersamaan 12 Mac 2019, didahului dengan Doa Selamat.

### **DOA SELAMAT**

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimulihkan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddien).

### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
اَلْحَمْدُ لِلَّهِ kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua, kita dapat bersama-sama hadir pagi ini bersidang bagi hari yang ketiga di Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara.

Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita سَلَامٌ عَلَيْنَا مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebelum kita menyambung untuk membahaskan Rang Undang-Undang (2019) Perbekalan, 2019/2020, lebih dahulu kita akan terus kepada Perkara V - Soalan-Soalan Yang Diberi Notis dalam kira-kira 30 hingga 45 minit, Selepas itu, kita akan berpindah semula kepada Rang Undang-Undang yang berkenaan.

**Yang Dimulihkan Jurutulis:** Perkara V, Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis. Soalan Jawab Mulut No.1 daripada Yang Berhormat Awang Hanapi bin Haji Siput kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

**Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
dan salam sejahtera.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Soalan ditujukan kepada pihak Jabatan Perdana Menteri. Bangunan Berek Pos Polis Sungai Tujoh dalam keadaan yang mendukacitakan dan agak menyeramkan. Apa yang difahamkan bahawa kawasan tapak Bangunan Berek Pos Polis tersebut digazet di bawah Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan. Penambahan anggota Polis Diraja Brunei bagi kepentingan operasi sangat-sangat diperlukan kerana jenayah merentas sempadan semakin meningkat.

Soalan kaola, adakah usaha-usaha pihak berkenaan untuk membaik pulih bangunan tersebut dan seterusnya menempatkan lebih ramai anggota Polis Simpanan di kawasan tersebut. Sekian, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Lebih dahulu kaola ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih atas keprihatinan Yang

Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, mengenai keadaan keselamatan Pos Kawalan Sungai Tujoh.

Seperti yang disebutkan tadi, bangunan Yang Berhormat maksudkan itu bukan dimiliki oleh Pasukan Polis Diraja Brunei. Kawasan tapak bangunan tersebut diwartakan kepada Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Brunei. Bangunan-bangunan yang diguna pakai oleh agensi-agensis yang berkepentingan di Pos Kawalan Sungai Tujoh tersebut diselenggara menggunakan aset-aset yang sedia ada dan kegunaan bangunan-bangunan berkenaan pada masa akan datang dinilai mengikut keperluannya. Walau bagaimanapun, keprihatinan Yang Berhormat itu akan diambil perhatian yang sewajarnya dan akan dikongsikan bersama dengan agensi-agensis yang berkenaan.

Isu keselamatan adalah salah satu keutamaan bagi kerajaan dalam usaha untuk menjamin dan mengekalkan kesejahteraan negara kitani. Untuk makluman Yang Berhormat, penempatan anggota Pasukan Polis Diraja Brunei bertugas di tempat tersebut adalah bagi menjaga keselamatan sempadan serta menjalankan rondaan di kawasan sempadan Negara Brunei Darussalam. Pada masa ini, anggota Pasukan Polis Diraja Brunei ditugaskan sepenuh masa, 24 jam setiap hari di kawasan tersebut.

Secara keseluruhannya, usaha-usaha membanteras kegiatan-kegiatan jenayah bukan sahaja ditumpukan di kawasan sempadan sahaja dan ia bukan saja

ditangani oleh Pasukan Polis Diraja Brunei, bahkan ia juga melibatkan pelbagai agensi penguatkuasaan undang-undang yang lain serta penglibatan orang ramai. Adalah mustahak bagi membanteras kegiatan-kegiatan jenayah rentas sempadan yang kita hadapi.

Bagi menangani kegiatan jenayah yang berlaku di kawasan sempadan, Pasukan Polis Diraja Brunei juga giat menjalankan operasi-operasi bersepadu bersama agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang lain, seperti Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Brunei, Jabatan Biro Kawalan Narkotik, Bahagian Penguatkuasaan Agama, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan lain-lain.

Untuk makluman Yang Berhormat jua, Pasukan Polis Diraja Brunei telah merancang membuka semula Balai Polis Panaga sebagai satu usaha perkembangan pasukan tersebut agar memenuhi pertumbuhan yang seimbang serta sesuai dengan keperluan dan kehendak keselamatan pada masa ini. Oleh itu, dalam konteks penambahan anggota Pasukan Polis Diraja Brunei di Pos Kawalan Sungai Tujoh seperti Yang Berhormat cadangkan, ia bukanlah satu-satunya sahaja penyelesaian bagi menangani jenayah rentas sempadan kerana usaha-usaha lain yang dinyatakan tadi adalah juga dilihat sebagai faktor kritikal kepada kejayaan bagi mengawal kegiatan jenayah yang kita hadapi. Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Dimuliakan Jurutulis:** Soalan No. 2, oleh Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

**Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman:** لَسْلَامٌ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Soalan saya No. 2, ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkenaan dengan gaji, elaun dan skim berpencen perkhidmatan Pasukan Bomba dan Penyelamat. Saya dengan ini mengumumkan untuk menarik balik soalan tersebut. Sekian, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Dimuliakan Jurutulis:** Soalan No. 3, daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim, kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
 الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا  
 مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَى وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا  
 وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ  
 (Surah al Hujurat ayat 13)

Tafsirnya, "Wahai manusia, sesungguhnya Kami (Allah), ciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan dan Kami jadikan kamu bersuku-suku, berbangsa-bangsa untuk kamu berkenal mesra dan hidup harmoni. Sesungguhnya, semulia-mulia kamu adalah yang paling bertakwa."

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Akhir-akhir ini telah terdengar dari beberapa sumber yang mengatakan, akan ada yang dipanggil...

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Yang Berhormat, saya kira tidaklah payah kitani berpanjang lebar mengenai khabar-khabar angin. Ada baiknya, saya cadangkan Yang Berhormat terus kepada soalan Yang Berhormat kemukakan supaya kita menjimatkan masa dan tidak terkeluar daripada apa yang kita perbincangkan, silakan, Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Di sini kaola bacakan apa yang tertulis. Akhir-akhir ini telah terdengar dari sumber media sosial dan khabar-khabar...

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Yang Berhormat, saya telah menyatakan bahawa tidak payah kita huraikan berita-berita angin dalam Majlis Mesyuarat kita ini. Ada baiknya, Yang Berhormat terus kepada soalan Yang Berhormat kemukakan itu dan tidak membabitkan berita-berita yang tidak benar. Jadi, saya kira cukuplah itu. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim:** Terima

kasih. Kaola ingin bertanya mengenai Dasar Integrasi Nasional Negara Brunei Darussalam. Kitani mengiktiraf Brunei adalah sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja. Soalan kaola, apakah dasar kerajaan mengenai perancangan dari segi kependudukan Brunei yang bersepadu tanpa mengira asal keturunan bagi memastikan Negara Brunei Darussalam kekal sebagai Negara Melayu Islam Beraja, tanpa berdasarkan peratusan kependudukan di satu-satu tempat itu daripada bangsa-bangsa yang tertentu?

Soalan ini kaola tujukan kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi mendukung kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam, teraju kepimpinan Negara Brunei Darussalam yang tercinta. Sekian terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri:** بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim yang telah mengemukakan soalan tersebut.

Kaola ingin menjelaskan bahawa mengenai dasar dari segi kependudukan, kaola sukacita memetik maklum balas dari pihak Kementerian Pembangunan bahawa perancangan daripada segi kependudukan yang melibatkan kawasan skim perumahan di bawah Skim Perumahan Negara tidak menimbulkan isu atau masalah dalam konteks yang ditimbulkan kerana matlamat penyediaan perumahan adalah berdasarkan kepada perkara-perkara berikut:

1. Skim Rancangan Perumahan Negara yang bertujuan merealisasikan hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi semua rakyat mempunyai tempat tinggal yang sempurna dengan persekitaran yang selesa dan keluarga yang terdiri daripada keluarga yang memiliki rumah sendiri.; dan

2. Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati yang memberikan peluang khusus kepada rakyat jati mengikut Bab 4 Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959 iaitu Melayu Brunei, Kedayan, Tutong, Dusun Belait, Murut dan Bisaya yang belum mempunyai rumah untuk mendirikan rumah kediaman sendiri.

Sehubungan dengan itu, selagi mana pemohon terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan memenuhi pensyaratan untuk mengikuti Skim Perumahan Negara, kependudukan untuk mana-mana kawasan Perumahan Negara adalah terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam sahaja selaras dengan dasar yang ada dan tidak mempunyai unsur diskriminasi dan tanpa mengira asal keturunan, demi untuk memastikan Negara Brunei Darussalam kekal sebagai negara Melayu Islam Beraja yang semua penduduknya hidup bersatu padu dan harmoni, sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Dimuliakan Jurutulis:** Soalan No.4 daripada Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

**Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Sebelum saya mengajukan soalan saya mengenai Pangkalan Data kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, saya ingin balik kepada soalan No.1 yang telah diajukan oleh Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput mengenai Berek Polis.

Ia diminta penjelasan mungkin daripada pemilik bangunan itu nanti iaitu Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan untuk catatan status, apakah status pembaikan pulih bangunan. Berdasarkan statistik pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat, iaitu *statistics office inspection* kebanyakan bangunan kerajaan gagal dalam pemeriksaan *safety and health*.

Soalan saya, mengenai Pangkalan Data. Mempunyai pemusatan pangkalan data dalam sebuah negara sangat penting untuk menghindari duplikasi data serta menjimatkan masa dan mempercepatkan proses tertentu apatah lagi dengan mendekati *Fourth Revolution 4.0* iaitu pangkalan data diperlukan untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam lebih maju dan menjadikan sebuah negara yang bijak atau *smart nation*.

Negara Brunei Darussalam telah mewujudkan *data.gov.bn* sebagai pangkalan data yang dapat diakses secara *online*, tetapi maklumat yang ada dalam sesawang tersebut adalah maklumat-maklumat yang dikemaskinikan. Negara kita perlukan satu pangkalan data khas yang dapat diakses oleh pihak yang berkepentingan sama ada melalui *online* ataupun *offline*.

1. Soalan saya, adakah perancangan pihak yang berwajib untuk menjadikan *data.gov.bn* itu lebih efisien atau satu pangkalan data khas baharu sebagai *one stop platform* yang mempunyai semua maklumat penting yang diperlukan sebagaimana di negara jiran kita, Sistem *APEX* diwujudkan dan digunakan sebagai platform bagi agensi-agensi kerajaan mengongsikan data dengan mudah dan selamat melalui penggunaan Aplikasi Pemrograman Antara Muka (*Application Programming Interface*)?;
2. Dengan mendapatkan data bagi statistik pengangguran, kita seharusnya boleh mendapatkan statistik terkini bagi penerima-penerima bantuan dari Jabatan Pembangunan Masyarakat, Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Dengan adanya sistem sebegini ia boleh dihubungkan dengan Pangkalan Data Khas untuk rujukan pihak berkenaan. Adakah dalam perancangan untuk mewujudkan satu sistem bagi penerima-penerima bantuan di negara ini secara membuat permohonan ke agensi-agensi secara *offline* supaya tidak ada duplikasi data dan mempercepatkan proses permohonan?;
3. Sebagai negara yang ingin terus memajukan rakyat dan mencapai salah satu Wawasan Brunei 2035, mencapai taraf hidup yang tinggi,



kita juga perlu tahu tentang garis kemiskinan iaitu *poverty line* sebagai *Whole of Nation Approach*.

Dalam Majlis Mesyuarat Negara 2017 yang lalu pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ada menerangkan tentang kajian garis kemiskinan (*poverty line*) yang belum jelas. Adakah dalam perancangan pihak berwajib untuk mengongsikan hasil kajian tersebut melalui pangkalan data khas nanti bagi rujukan pihak-pihak yang berkepentingan? Kerana tanpa data ini kita tidak akan mengetahui jumlah sebenar keluarga yang sudah berjaya dibantu dan mampu keluar daripada garis kemiskinan Negara Brunei Darussalam.

Sekian, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman atas soalan-soalan yang dikemukakan. Sekali berdiri 3 soalan.

Kaola akan mencuba menjawab soalan-soalan yang diajukan satu per satu dan mungkin ada antara rakan sejawatan kaola mungkin akan menambah mana-mana yang berkenaan dengan mereka.

Menjawab soalan No.1 mengenai *data.gov.bn*. Sebenarnya portal tersebut merupakan sebuah platform yang disediakan dengan tujuan mengongsikan

data kerajaan yang diklasifikasikan sebagai *public data* yang tidak sensitif termasuk juga statistik atau *aggregated data* yang boleh diakses dan dimuat turun oleh pihak yang memerlukan atau orang ramai secara percuma di atas talian. Portal ini membolehkan perkongsian data terbuka secara lebih meluas dalam meningkatkan ketelusan perkhidmatan kerajaan.

Agensi-agensi kerajaan digalakkan untuk berkongsi data yang tidak sensitif dengan orang ramai. Data tersebut adalah atas tanggungjawab agensi berkenaan sebagai pemilik data. Sebagai usaha untuk memastikan portal berkenaan sentiasa dikemas kini dan *updated*, pihak *EGNC* selaku agensi penyelaras akan secara berterusan mengadakan muzakarah bersama pemilik-pemilik data dan e-mel peringatan untuk mengemas kini data tersebut serta memuat naik data tambahan bagi meningkatkan jumlah data yang sedia ada.

Bagi tujuan untuk menyediakan pemusatan Pangkalan Data seperti yang dimaksudkan, pihak kerajaan memang telah pun membuat perancangan untuk membangunkan satu pangkalan data khas bagi kegunaan semua agensi kerajaan yang dikenali sebagai *National Centralised Data Base - NCDB*. Inisiatif ini akan diselenggarakan secara pusat oleh Pusat Kebangsaan e-Kerajaan. Pada masa ini, projek tersebut sedang dalam proses pemerolehan. Iklan tawaran telah pun dikeluarkan pada tahun lepas, pelaksanaannya dijangka bermula pada suku kedua tahun ini.

Skop projek ini mengandungi penyediaan infrastruktur *data base* bagi kegunaan semua projek-projek *IT* di bawah RKN-11 yang bertujuan memudahkan pengintegrasian maklumat antara agensi-agensi kerajaan.

*NCDB* akan memperkenalkan perkhidmatan baharu iaitu *Data Base as a service* yang bertujuan membantu mengurangkan kos perbelanjaan kerajaan dalam penyediaan *data base* bagi projek-projek *IT* di bawah RKN 11. Dengan adanya infrastruktur *data base* ini nanti ia akan memberikan kemudahan kepada semua agensi kerajaan untuk menyimpan data yang dikehendaki secara pusat.

Selain itu, skop projek juga termasuk menyediakan *National Information Hub* yang berperanan sebagai penyimpanan data umum atau yang *common* seperti nama, alamat dan nombor kad pengenalan. Penggunaan data berkenaan akan menggunakan kaedah *Application Programming Interface (API)* bagi tujuan sistem integrasi.

Jawapan bagi soalan No.2 berhubung sistem penerima-penerima bantuan. Ingin kaola jelaskan, adapun hasrat untuk mewujudkan satu sistem permohonan bantuan secara *online*, perbincangan mengenainya telah diadakan pada 8 Januari 2019 yang telah dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap (Ekonomi), Kementerian Kewangan dan Ekonomi dengan melibatkan agensi-agensi pelaksana seperti Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Pendidikan, Majlis Ugama

Islam Brunei (MUIB) dan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

إِنْ شَاءَ اللهُ satu sistem maklumat *Centralised Data Base System* telah dirancang untuk dilaksanakan dengan kerjasama daripada *Syarikat Dynamic Technology Sdn. Bhd.* Sistem ini akan dapat diakses secara guna sama oleh agensi-agensi berkenaan bagi mempercepatkan proses permohonan bagi mengelakkan duplikasi.

Sistem ini akan dilaksanakan secara berfasa bagi memastikan garis panduan pemberian bantuan dan pangkalan data dapat disejajarkan di samping bagi memastikan bantuan-bantuan diberikan kepada golongan yang benar-benar memerlukan, tiada duplikasi, tiada keciciran dan tidak ada *safe deputing*. Sistem ini juga akan dapat diguna pakai oleh orang ramai untuk membuat permohonan secara *online* iaitu setelah selesai pelaksanaan fasa kedua.

Pada masa ini, sistem tersebut dalam fasa permulaan. Pelaksanaannya tertumpu kepada kumpulan data dan *profiling* penerima bantuan dari agensi-agensi pelaksana. Selain untuk mengintegrasikan maklumat, penerima-penerima bantuan serta menyejajarkan aliran-aliran proses permohonan dari semua agensi yang terlibat bagi melancarkan proses pembayaran Bantuan Kebajikan dan Pencen Umur Tua. Sistem ini akan mula beroperasi dan akan digunakan pada bulan September 2019.

Bagi soalan No.3, tahap kemiskinan Negara Brunei Darussalam didefinisikan mengikut kos minimum keperluan asas (*TMKA*) dan tidak didefinisikan mengikut garis kemiskinan ataupun *poverty line*. Perkara ini telah ditetapkan oleh Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS) pada Januari 2016 bahawa hala tuju bagi pensejajaran garis panduan adalah berasaskan *TMKA* bulanan yang diperoleh melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga yang dikendalikan oleh Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE).

JPKE telah menyediakan Laporan *TMKA* 2015 berasaskan data terkini dan Kajian Perbelanjaan Keluarga 2015/2016 telah dikendalikan pada 1 April 2015 hingga 31 Mac 2016. Jabatan Perdana Menteri mengalu-alukan sebarang perkongsian data bagi kemudahan orang ramai dan juga agensi-agensi kerajaan untuk mengambil tindakan-tindakan yang bersesuaian.

Untuk menjawab sama ada hasil kajian tersebut akan dikongsi, kaola akan memberikan peluang kepada rakan-rakan sejawatan daripada menteri-menteri yang berkenaan untuk memberikan sedikit maklum balas. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman:** Yang Berhormat Yang Di-Pertua, ada tambahan soalan mengenai *National Centralised Data Base* dan Pusat Data Kerajaan dan *Infrastructure Cloud*

terkandung dalam RKN-11. Tahun lepas ada peruntukan tahunan bagi kedua-dua projek tersebut dan pada tahun ini ada juga peruntukan.

Soalan saya ialah, bilakah agaknya siap dilaksanakan kedua-dua projek ini? Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk menjawab soalan tersebut saya akan bersama Yang Berhormat menteri-menteri yang berkenaan untuk memberikan jawapannya. Terima kasih.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty tadi, seperti mana yang telah kaola terangkan dalam pembentangan kertas Rang Undang-Undang tempoh hari iaitu untuk mengatasi isu *Centralised Data base* ini, *infrastructure* itu perlu disediakan dan pada masa ini satu projek di bawah *Unified National Network (UNN)*. Dalam skop kerja tersebut ada menyediakan satu *data centre*. *Data centre* ini bukan sahaja *data centre* biasa, ia juga boleh mengatasi isu seperti *cyber, security* dan sebagainya. Itulah persediaan yang mesti dibuat lebih dahulu sebelum

*centralised data* untuk pihak kerajaan dan pihak swasta. Itu sahaja yang kaola sampaikan untuk menjawab soalan Yang Berhormat tadi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Terima kasih Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya kira cukuplah dulu perbincangan mengenai perkara ini. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebagaimana yang kita maklum pada petang hari Sabtu, persidangan telah mula membincangkan Rang Undang-Undang (2019) Perbekalan, 2019/2020 yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Kenyataan dan ucapan yang begitu lengkap telah pun dibuat oleh Yang Berhormat dengan begitu jelas tentang sebab-sebab dan hala tuju rang ini dicadangkan.

Saya kira, saya ingin memberikan peluang sekarang kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat khususnya Ahli-Ahli yang Dilantik yang suka untuk bertanya ataupun membuat kenyataan mengenai tentang rang yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Saya mempunyai senarai mengenai Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin memberikan sumbangan terhadap perbincangan ini, maka saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

**Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya mengucapkan tahniah atas pembentangan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II di dalam mukadimah Rang Undang-Undang (2019) Perbekalan, 2019/2020.

اللَّهُمَّ segala usaha dan peruntukan yang dinyatakan disambut baik dan rakyat menunggu-nunggu akan keberhasilannya usaha-usaha baik ini. Izinkan saya memberikan pandangan dan saranan dalam 4 perkara yang saya bawakan dan moga ia dapat memberi nilai tambah kepada usaha-usaha pihak kerajaan.

**1. Perusahaan mikro kecil dan sederhana tidak tercicir.**

اللَّهُمَّ negara akan memuktamadkan *Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP)*. Setentunya peluang pasaran adalah lebih luas kepada negara terutama kepada industri-industri utama. Walaupun para Pengusaha Mikro Kecil dan Sederhana ini diharap dapat mempertingkatkan kualiti produk dan perkhidmatan mereka namun tidak dinafikan banyak pengusaha sudah mampu dan dapat meniti jalan bagi pasaran menyeberang sempadan.

Namun perlu diakui perusahaan PMKS kitani rata-rata masih lagi di peringkat awal dan untuk menembusi pasaran luar adalah *tall order* bagi sebilangan mereka. Apakah usaha perusahaan-perusahaan kitani untuk memastikan bahawa pengusaha-pengusaha terutama yang mikro dan kecil untuk tidak ketinggalan dalam sama-sama melibatkan diri serta memanfaatkannya terutama sekali apabila *RCEP* ini siap dimeterai;

2. **Kempen kebangsaan bagi pelancongan.** Di bawah Sektor Pelancongan disebut sebanyak \$21.7 juta dengan harga rancangan sejumlah \$66.2 juta disediakan yang antaranya bagi mengukuhkan produk-produk pelancongan, pemeliharaan aset dan pembiayaan perbelanjaan promosi dan lain-lain.

Barangkali, sudah tiba masanya untuk kitani bergerak secara *whole of nation* dalam menjalankan kempen kebangsaan yang menembusi pasaran luar seperti Tahun Melawat Brunei atau pelancongan bertema yang kitani penuhi dengan potensi. Contohnya, *medical tourism* dengan fasiliti kesihatan yang bertaraf dunia, *Islamic tourism* dengan Syiar Islam kitani yang cukup sinonim dengan Negara Brunei atau *water based tourism* yang berkaitan dengan khazanah laut dengan aktiviti-aktiviti menyelam contohnya, serta kekayaan sejarah kitani dari segi kehidupan di sungai.

Contoh-contoh tersebut perlu kitani bawa semua sektor dalam negara ini untuk sama-sama memberi sumbangan dan kitani lebih ke hadapan dalam mengembangkan sektor ini;

3. **Kerajaan sebagai pelopor dan perintis Industri 4.0 dan melibatkan pihak yang berkepentingan.**

Dalam pembentangan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II, ada menyebutkan *smart nation* dan beberapa contoh elemen Industri 4.0. Saranan saya ialah, kitani ingin melihat penyelarasan di peringkat kebangsaan kitani untuk memastikan setiap kementerian sebagai jentera kerajaan menjadi pelopor ataupun contoh terbaik pengamalan mengadaptasi Industri 4.0 dan melaratkannya ke peringkat lain termasuk jabatan-jabatan di bawahnya serta *stakeholders* bagi setiap kementerian. Biarlah *stakeholders* ini yang lebih dinamik seperti syarikat-syarikat swasta, industri-industri mahupun akademik atau pakar dibawa dari peringkat awal untuk membentuk dasar bagi memastikan usaha mempersiapkan diri untuk Industri 4.0 bersifat *whole of nation*; dan

4. **Saranan dasar sumber manusia.**

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ dalam fokus belanjawan yang ketiga iaitu "Menjana sumber manusia yang kompeten dan *employable*". Disebabkan beberapa usaha seperti projek *FDI*, *PPP* dan

industri yang memberikan peluang pekerjaan belia. Pendidikan latihan teknikal dan vokasional *i-Ready*. Program mengenai belia mendapat program keusahawan serta bantuan-bantuan NGO's dan terakhir sekali pembangunan sumber tenaga manusia dan elaun penuntut. Semua ini disambut baik dan dapat dilihat usaha kitani sebagai sebuah negara menjaga kesejahteraan rakyat.

Namun begitu, izinkan saya untuk memberi saranan dasar serta pemfokusan perbelanjaan dalam beberapa perkara mengenai hal dasar sumber manusia ini:

- i. ***Promoting labour mobility.*** Perlulah diberi pendekatan dalam perkara ini iaitu *promoting labour mobility* atau menggalakkan mobiliti pekerja dengan mereka mempunyai *transferable skills*. Ini adalah perlu iaitu kitani perlu menggalakkan *flow of labour* antara industri, syarikat dan pekerjaan yang dapat menyumbangkan penempatan semula yang efisien untuk tenaga kerja dari sektor yang *low demand* kepada *high demand*.

Ini dapat mengurangkan kekurangan tenaga mahir serta *mismatches* dan meningkatkan produktiviti, terutama sekali dalam era *automation* atau mesin mengganti tugas manusia; dan

- ii. **Menguatkan peranan latihan serta *work-based learning*.**

Mendapat pekerjaan adalah salah satu usaha mengurangkan kadar pengangguran. Namun begitu *job retention* juga cabaran kerana pekerja berhenti dengan sebab-sebab yang kurang kukuh. Perlulah jua program dan fokus diberikan dalam latihan *re-skilling* dan *soft skills* bukan sahaja sebelum mereka mendapat pekerjaan, akan tetapi juga semasa sudah bekerja untuk *soft skills* seperti kemahiran berhubung, *resilience*, *common sense*, etika kerja, kerja berpasukan, menangani konflik dan lain-lain lagi.

Jika di negara lain mereka menggalakkan pekerja-pekerja mereka sentiasa meningkatkan diri dalam *up-skilling* dan *re-skilling* perlulah juga kitani memberi peluang serta memberi insentif pekerja-pekerja kitani sekurang-kurangnya untuk *up-skilling* dalam kursus-kursus pendek, termasuk pekerja swasta atau mereka yang akan menamatkan perkhidmatan dan juga mereka yang bekerja sendiri.

Sekian saja, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Saya persilakan Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

**Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola ingin mengucapkan tahniah jua kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, di atas perbelanjaan dan hasil.

Pertama sekali, kaola ingin mengucapkan tahniah kepada semua pihak kerajaan kerana telah banyak mempertingkatkan usaha dan inisiatif dalam membangun masyarakat dan negara kita. Kaola akui walaupun negara kita masih menghadapi defisit namun masih banyak perbelanjaan pihak kerajaan yang dilaburkan khas untuk kebaikan perkembangan negara terutama sekali dalam menjaga hal kebajikan masyarakat dan meningkatkan ekonomi negara.

Inisiatif-inisiatif seperti ini sangat penting dalam usaha kita untuk menuju ke arah kemajuan negara demi mencapai Wawasan Brunei 2035. Dalam fikiran kaola, masyarakat juga harus faham bahawa semua inisiatif ini adalah proses yang panjang dan berterusan kerana keberkesanan inisiatif-inisiatif ini akan dapat dilihat jika kita terus memberi sokongan, sentiasa direviu dan bergerak dalam fasa yang konsisten.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Perkara pertama yang ingin kaola bangkitkan dan bincangkan berkait rapat dengan perbelanjaan negara. Seperti mana Yang Berhormat terangkan, Tahun Kewangan 2017/2018 masih merekodkan defisit berjumlah kira-kira \$2.2 bilion. Menurut

Buku Perbelanjaan Kewangan dan Buku Statistik tahun 2017, pada tahun 2018/2019 anggaran hasil negara adalah sebanyak \$5.038 bilion dan defisit sebanyak \$2.1 bilion. Manakala anggaran pada tahun ini, 2019/2020, hasil negara adalah sebanyak \$4.3 bilion dan defisit sebanyak \$1.5 bilion. Adakah hasil negara 2018/2019 seperti yang dianggarkan dalam Buku Statistik?

Seperti mana Yang Berhormat menyatakan pendekatan Belanjawan Negara dirancang menjurus kepada pertumbuhan ekonomi secara berpanjangan. Seperti yang kaola fahamkan setiap tahun Tambahan Peruntukan Perbekalan *Supplementary Budget* akan sentiasa diberikan kepada kementerian yang memerlukan. Tahun lepas, semasa Musim Permesyuaratan Keempat Belas, majlis telah menyokong sebanyak 11 bilangan Tambahan Peruntukan Perbekalan termasuk 1 dalam tahun 2010/2011, 2 bilangan bagi tahun 2015/2016, 6 bilangan bagi tahun 2016/2017 dan 2 bilangan bagi tahun 2017/2018. Tahun ini, 3 bilangan lagi akan disokong bagi tahun 2017/2018 yang akan dibincangkan nanti. Kesemua tambahan peruntukan perbekalan dicatatkan dan disenaraikan dalam Warta Kerajaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kerajaan telah memotong perbelanjaan secara drastik dalam 5 tahun yang lalu iaitu sejak defisit 2014/2015. Impak dari pemotongan anggaran mungkin tidak praktikal. Hal itu telah menyebabkan lebih banyak kerugian daripada kebaikan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah pada tahun lepas sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Permesyuaratan Pertama Dari Permesyuaratan Keempat Belas, walaupun permintaan global meningkat dan harga minyak mulai pulih pada kadar yang menggalakkan namun pertumbuhan ekonomi tetap sahaja diramal masih tetap berada pada paras yang rendah. Lalu kerana itu, kita tetap perlu untuk terus mengawal imbalan fiskal negara dalam jangka masa pendek dan panjang. Tetapi ini sahaja tidak memadai, langkah berjimat memang baik dan terpuji tetapi semata-mata berjimat tanpa ada usaha ke arah pertumbuhan adalah salah satu sikap yang tidak diterima.

Bagi Perbelanjaan Tahun 2017/2018, tambahan Peruntukan Perbelanjaan Perbekalan yang dipohonkan adalah sebanyak 5 kali dalam satu tahun berjumlah \$394,094,409.25. Manakala pada tahun 2016/2017 sebanyak 6 kali tambahan Peruntukan Perbekalan telah dipohonkan berjumlah \$410,527,358.47.

Apakah gunanya membincangkan belanjawan atau meluluskan perbelanjaan negara di Dewan yang mulia ini? Jika kita tahu bahawa kementerian-kementerian akan sentiasa memohon tambahan Peruntukan Perbekalan selepas Majlis Mesyuarat Negara. Adakah kita tidak merancang Peruntukan Perbelanjaan dengan betul? Berdasarkan Warta Kerajaan tambahan Peruntukan Perbekalan yang sentiasa

diamalkan sejak tahun 90-an. Kaola rasa perkara ini tidak pernah dibincangkan dalam Dewan yang mulia ini.

Kaola ingin bertanya pada tahun 2018/2019 berapa banyakkah tambahan Peruntukan Perbekalan telah diluluskan sebab ia belum diwartakan. Mengapakah ia sering dipohonkan setelah Rang Undang-Undang diluluskan? Adakah ia dipohonkan untuk membayar tuntutan-tuntutan dan tunggakan? Kaola ingin juga menegaskan tentang kewajipan kementerian-kementerian untuk membuat pembayaran kepada syarikat dalam masa yang dinyatakan dalam kontrak kerana masih banyak tuntutan yang masih mengambil masa untuk dibayar dan sehingga mencapai bertahun-tahun dan adanya aduan-aduan daripada pihak kontraktor yang dibayar lewat.

Apa yang menyedihkan Yang Berhormat Yang Di-Pertua, jika ditanyakan kepada jabatan-jabatan atau kementerian untuk memohon bajet sekiranya untuk membuat pembaikan aset kerajaan atau mengenai status sesuatu perkara atau projek itu sering kali kaola mendengar disebut-sebut di mulut-mulut bahawa tiada bajet disediakan. Ia menjadi 'buah mulut' dan kebiasaan orang ramai juga sehinggakan kerosakan bangunan atau aset kerajaan menjadi teruk. Kita tidak ingin *habit* ini berlarutan dari generasi kepada generasi yang akan datang. Kita ingin bergerak ke hadapan untuk sama-sama membangun negara kita.

Pihak kementerian seharusnya telah merancang projek-projek yang perlu



diberikan keutamaan dahulu dan perlulah ada perancangan yang betul untuk memastikan peruntukan yang ada digunakan dengan sebaiknya. Ini juga untuk mengelakkan supaya pihak kementerian daripada memohon tambahan Peruntukan Perbekalan balik-balik pada kemudian hari.

Kaola menyokong inisiatif Kementerian Kewangan dan Ekonomi bahawa setiap kementerian secara *whole of government* hendaklah membentuk pelan *Fiscal Consolidation* masing-masing dan perlu untuk terus diberikan perhatian yang serius. Dengan garis panduan Program *Fiscal Consolidation* ini, setiap kementerian akan dapat berpegang kepada belanjawan yang diberikan ke arah mencapai keseimbangan belanjawan (*balanced budget*).

Mengenai Perbelanjaan Kemajuan, tidak ada disebut mengenai status projek RKN-11 berdasarkan Bajet 2018/2019. Projek RKN juga merupakan sebahagian daripada fokus utama yang ke-4 iaitu Memelihara Kesejahteraan Awam.

Seperti yang kita fahamkan terdapat sejumlah 182 projek di bawah RKN-11. Tahun lepas semasa Mesyuarat Negara pada 15 Mac 2018, Yang Berhormat memberikan status mengenai Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan sebenar bagi tahun 2017/2018 iaitu 80% peruntukan dari jumlah \$1 bilion yang disediakan. Kaola ingin mengetahui berapa peratus pencapaian dari projek-projek di bawah Rancangan Pembangunan Negara berdasarkan

peruntukan 2018/2019 sejak RKN bermula dari 2018 sehinggalah 2022.

Kaola menyambut baik usaha Kementerian Kewangan dan Ekonomi yang telah memberi peruntukan kepada Pemeliharaan Aset Kerajaan. Pada tahun ini terdapat kenaikan sebanyak 9.3% daripada Peruntukan Perbekalan tahun 2019/2020 berbanding tahun sebelumnya yang berada dalam lingkungan 5% - 6% sahaja. Kaola menyambut baik cadangan kementerian-kementerian untuk menyatukan sistem pengurusan aset kerajaan yang pada masa yang sama akan memudahkan penghapusan aset kerajaan yang mempunyai proses yang panjang. Terdapat cabaran, kita juga melihat peluang untuk memacu pembangunan negara. Kaola juga ingin mencadangkan agar ditubuhkan sebuah syarikat korporat atau jabatan yang menguruskan hal-ehwal Pemeliharaan Aset Kerajaan secara menyeluruh kerana dengan adanya kontrak yang panjang atau *term-contract* ia akan dapat juga menjimatkan kos kerajaan dan menyediakan pekerjaan kepada penduduk tempatan. Walau bagaimanapun, dasar kadar peratus pekerja tempatan harus juga dikuatkuasakan.

Kaola nampak banyak inisiatif yang positif dapat dilihat dari belanjawan tahun ini dengan tema belanjawan *Investing In Our Future*. Marilah kita sama-sama berdoa agar negara kita akan sentiasa maju aman makmur dan mendapat keredaan, pertolongan dan keberkatan **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II silakan.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola ingin mengambil kesempatan menjawab beberapa soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat FDR. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman tadi. Seperti biasa banyak soalan dalam satu ucapan itu.

Barangkali kaola ingin cuba menjawab kesemua soalan tadi.

Pertama sekali, mengenai dengan fiskal kerajaan bagi Tahun Kewangan 2018/2019 yang kaola telah menerangkannya pada hari Sabtu yang lalu. Pada tahun 2017/2018 defisit bagi kerajaan adalah \$2.2 bilion. Oleh sebab kenaikan harga minyak dan gas pada tahun 2018/2019, purata USD62.70 setong, defisit mungkin tidak tinggi seperti yang dicatatkan dalam buku itu. *إِنْ شَاءَ اللهُ* akan menurun daripada jumlah itu tapi masih juga mengalami defisit, tapi jumlah itu belum kita dapat tetapkan masa ini kerana kitani masih lagi dalam *financial year 2018/2019*.

Soalan juga ada dikemukakan mengenai *supplementary budget*. Barangkali bagi

tahun-tahun yang lalu sudah kita mesti memahami juga perbelanjaan ini mesti kita fikirkan sebelum kitani menetapkan jumlah itu dan fikirkan kemampuan kitani jua. *Is just like* kitani *manage personal finance* jua. *We need to look at* kemampuan kewangan sendiri sebelum kitani *decide* apa yang akan dibelanjai. Memang satu langkah untuk sama-sama kitani *manage* fiskal kerajaan. Satu tujuan ialah untuk *to save the budget* itu sedapat-dapatnya mengikut kemampuan negara.

Nampaknya dari beberapa tahun yang lalu *this effort is not easy*. Nampaknya perbelanjaan kitani sebenarnya lebih daripada yang diluluskan. Jadi, bagi tahun ini kitani *try to fit in as much as possible*. *At the same time* bekerjasama bersama dengan semua kementerian supaya sama-sama kitani kalau boleh inda lagi macam malar minta *supplementary budget* seperti tahun tahun yang lalu.

*إِنْ شَاءَ اللهُ* bagi tahun ini sudah kitani lihat bajet sudah naik \$500 lebih juta. Ini mengambil kira perbelanjaan yang perlu untuk kerajaan menjalankan tugas masing-masing di bawah beberapa kementerian. *إِنْ شَاءَ اللهُ* perkara ini akan diatasi pada tahun ini dan pada tahun-tahun akan datang.

Mengenai *fiscal management*, kitani mesti berjimat-cermat fokus kepada pro pertumbuhan selaras dengan kertas pembentangan kertas Rang Undang-Undang hari itu. *Investing In Our Future* supaya apa perbelanjaan kitani lakukan masa ini bukannya saja untuk belanja

saja tapi ia *إن شاء الله* akan menghasilkan lagi *benefit* masa depan untuk kitani semua. Jadi, gunakan perbelanjaan ini sebagai untuk selesaikan tugas-tugas kitani masa ini dan juga menghasilkan *something for our future*. Iatah maksud tema tahun ini iaitu *Investing In Our Future*. Bukannya maksudnya semua perbelanjaan ini kitani belanja untuk *investing* saja tapi kitani belanja bajet kitani tapi ia ada maknanya sama ada hasil untuk manfaat kitani masa hadapan jua.

Selaras dengan cadangan tadi mengenai *Asset Maintenance Company*, barangkali perkara ini pun pernah kitani berjumpa berasingan mengenai isu-isu bajet kerajaan. Ada beberapa idea dikongsikan dengan Yang Berhormat dalam perjumpaan itu.

Satu cadangan macam mana kita mengatasi aset-aset kerajaan yang banyak terbiar masa ini. Adakah kitani beri peruntukan untuk menyelesaikan ubah suai semua aset bangunan kerajaan itu macam itu saja ataupun kitani ada satu program. Jadi, dapat menguntungkan kitani bagi pekerjaan untuk orang kitani. Dapatkah kitani tubuhkan satu *Asset Maintenance Company* ataupun *Facility Management Company* jadi kalau *Facility Management Company* ini kitani boleh memang tujuan untuk mengusai balik aset-aset kerajaan itu. Tapi sambil mengusai kitani dapat mengambil anak-anak tempatan supaya bekerja di bawah syarikat ini. Kalau kan dikira aset-aset kerajaan ini bukannya sedikit, banyak. Kemungkinan peluang untuk mengambil anak-anak tempatan

bekerja dalam syarikat ini mungkin *is high number*. Barangkali ini satu isu yang sedang dalam *planning*. *إن شاء الله* kalau sudah ada hasilnya nanti dapat lagi dikongsikan dalam Dewan yang mulia ini *إن شاء الله*.

Mengenai Kemajuan RKN-11, barangkali Yang Berhormat memberitahu tadi, belum kaola menerangkan mengenai pencapaian RKN-11. Seperti tahun-tahun yang lalu ada *my turn to talk about RKN so maybe about to be patient*. Barangkali itu saja *hopefully answer most of the questions* *إن شاء الله*.

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Terima kasih Yang Berhormat. Saya bukan cuba untuk ikut menyertai perbincangan ini tapi saya kira kerajaan perbincangan ini tetapi saya kira kerajaan mempunyai peraturan *and we are bounded by rules and laws*. Jadinya, adalah tidak *fair* untuk menyatakan bahawa ketua-ketua jabatan ataupun kementerian-kementerian meminta sesuatu dengan sewenang-wenangnya. Perkataan sewenang-wenangnya itu saya kira tidak patut ditimbulkan oleh sebab kita mempunyai peraturan-peraturan yang tertentu untuk mendapatkan peruntukan tambahan.

Peruntukan tahunan kita bukanlah sesuatu yang statik. Ia dikaji dan menurut pengalaman kita sepanjang tahun. Jadinya tentulah dengan keadaan yang kita hadapi tapi pada waktu yang tertentu kita memerlukan tambahan-

tambahan sebagaimana yang kita peruntukan sepanjang tahun.

Saya teruskan perbincangan ini dengan menjemput Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim, silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola tujuan soalan ini kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Kitani dalam realitinya melihat banyak orang kitani ini mempunyai ataupun memiliki tanah di mana-mana daerah seluruh negara. Hanya masalah orang kitani ada keinginan untuk membangunkan atau *develop* tanah-tanah mereka tapi ada kekangan kewangan. Mereka tidak mempunyai modal yang cukup. Kesian jua mendengar orang kitani Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Jadi, kaola ingin mencadangkan, kaola belum melihat dalam peruntukan Kementerian Kewangan yang secara khusus bagi membantu orang-orang kitani ini membangunkan hartanah itu. Kaola mencadangkan supaya kerajaan menubuhkan satu dana pembangunan hartanah orang Melayu khusus untuk orang Melayu Brunei kerana kaola

lihat orang kitani ini yang tidak ada kemampuan untuk *develop* lalu mereka mengambil jalan pintas mengambil *developers* atau pemaju-pemaju untuk memajukan tanah mereka yang hasilnya mereka hanya mendapat sedikit daripada perolehan pembangunan tersebut, ibarat kata kitani, "kitani hanya mendapat kuah sedikit sedangkan orang lain dapat isi-isinya."

Soalan kaola, jika boleh kitani mengetahui:

1. Berapa banyakkah tanah orang Melayu yang berdaftar dan berapa peratuskah tanah orang bukan Melayu yang berdaftar di Kementerian Pembangunan ataupun Jabatan Tanah? Ini untuk melihat secara meluas berapa banyak pemilikan tanah orang kitani; dan
2. Berapa banyakkah tanah orang Melayu yang sudah dimajukan sejauh ini dan berapa peratuskah yang sudah dimajukan oleh pemaju-pemaju dan bagaimana kemajuan itu dilaksanakan? Sama ada ia menggunakan modal sendiri ataupun bagaimana?

Jadi, perkara ini kaola timbulkan bagi memastikan orang kitani ada tempat mereka mengadu dan mencari modal untuk memajukan tanah mereka.

Walaupun kaola mengambil maklum sudah ada bank yang dipanggil Bank Usahawan, tetapi Bank Usahawan punya dasar-dasarnya sendiri untuk membantu

peniaga-peniaga atau pengusaha-pengusaha berskala kecil tapi dana yang kaola cadangkan ini adalah satu dana khusus bukan hanya untuk diberikan begitu sahaja tetapi *dimonitor* atau dimata-matai oleh kerajaan dari awal perancangan hinggalah pada hasilnya.

Maksud kaola dipantau begitu. Jadi, mudah-mudahan dengan adanya bank ataupun dana ini, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*, ia akan boleh diharapkan menjana hasil dalam masa jangka panjang seperti kata Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II tadi untuk *investment in our future* jua.

Sekian sahaja Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih.

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Saya persilakan Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

#### **Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:**

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ،

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola menyokong penuh tema Belanjawan "Pelaburan Untuk Masa Depan" (*Investing In Our Future*). Kaola mengambil dua fokus utama tema di atas. Memudah cara perniagaan dan menjana sumber tenaga manusia yang *competent and employable*. Sebelum mengulas lebih panjang, kaola suka

membawakan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Hari Kebangsaan Tahun 2019.

"Pemudahcara di sini dimaksudkan ialah prasarana yang mantap, peraturan yang telus dan mudah, serta sokongan dan kerjasama padu semua agensi yang berkepentingan, dalam menghulurkan bantuan dan bimbingan itu".

Dengan adanya memudah cara ini, ia satu pelaburan yang memfokus kepada kemajuan rakyat dengan memperkasa dan mencipta belia berwawasan, berpengetahuan, berkemahiran, berpendidikan dan berpendapatan tinggi.

Kaola menyentuh sedikit mengenai Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana (PMKS). Dengan perubahan era abad ke-21 jumlah pinjaman mikro itu patut berubah mengikut peredaran zaman. Maka diusulkan pinjaman mikro itu ditingkatkan kepada 50,000. Yakinlah akan keupayaan bangsa kita khususnya generasi belia.

Perbezaan generasi dahulu menjalankan perniagaan biasanya untuk menambah pendapatan di samping pendapatan yang sedia ada. Dengan berubahnya zaman generasi belia kita sekarang berniaga untuk mendapatkan sumber pendapatan utama bagi menyara kehidupan di samping menghadapi cabaran getir daripada pendatang asing yang berleluasa menjalankan perniagaan sehinggakan menjual "Nasi Katok" pun

mereka menggunakan Lesen sendiri berhad.

Kaola berasa yakin dengan berkat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan komitmen dan usaha yang berterusan pihak Kementerian Kewangan dan Ekonomi, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** negara kita akan dapat menjayakan negara kita sebagai *smart nation*.

Kaola hanya ada sedikit pertanyaan. Apakah Peruntukan Tahun 2019-2020 ini termasuk bagi pembayaran yang tertunggak? Jika masih ada, sejauh manakah kemudahan untuk mendapatkan Peruntukan Rampaian bagi membiayai perbelanjaan yang sangat diperlukan?

Sekian terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong.

**Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. **السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ**. Kaola juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas dan tahniah atas pembentangan Rang Undang-Undang (2019) Perbekalan, 2019/2020 dengan tema bajet yang disebut iaitu "Pelaburan Untuk Masa Depan."

Kaola melihat secara terperinci tentang belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan

Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II pada hari Sabtu yang lalu, bahawa kerajaan akan meneruskan belanjawan yang mampan dan mengutamakan fiskal negara.

Dalam pada itu, kerajaan turut menekankan usaha-usaha pembangunan ekonomi bagi meningkatkan KDNK negara. Di samping itu kerajaan tetap menyediakan peruntukan projek-projek infrastruktur utama seperti kesihatan, jalan raya, bekalan tenaga elektrik dan juga peruntukan perkembangan pembangunan agama Islam.

Kaola mencadangkan terutama kepada agensi-agensi berkenaan supaya peruntukan yang dibentangkan dapat juga dimanfaatkan kepada siasah pembentukan kapasiti individu yang meneruskan pembangunan negara seperti pembentukan pemikiran positif terhadap agama Islam yang boleh meningkatkan ekonomi dalam negara dan sanggup berhadapan, berdiri dan mandiri dengan negara luar.

Kaola yakin komuniti swasta yang berkelas sederhana dan besar, pengusaha kecil dan sederhana dan pengusaha produk kampung dan mukim mengalu-alukan komitmen kerajaan iaitu selain meningkatkan kapasiti modal insan dan memastikan kemaslahatan negara pada masa panjang tumpuan utama ialah diberi untuk merencanakan ekonomi perniagaan dan menyediakan peruntukan-peruntukan seperti yang dibentangkan secara terperinci oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana

Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Di samping itu kerajaan juga menyediakan kemudahan modal dan perkembangan perniagaan melalui Bank Usahawan. Kaola juga yakin komuniti perniagaan termasuk peniaga kecil dan sederhana menyambut baik inisiatif-inisiatif yang disediakan oleh kerajaan untuk memperkasa sektor swasta.

Apa yang kita harapkan supaya komuniti perniagaan akan dapat sama-sama menyahut saranan dan cabaran supaya sektor swasta menjadi *agent off-road* bagi perekonomian negara seperti menyahut cabaran dan mengambil peluang platform perdagangan serantau dan antarabangsa dalam perkembangan perniagaan mereka.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola percaya sekiranya disemak semula penduduk Negara Brunei Darussalam merasa pertumbuhan ekonomi masa ini perlu diperkasa supaya mengelakkan terbantutnya rancangan Wawasan Brunei 2035 dan juga mengharapakan perancangan dan belanjawan yang dibentangkan dapat dilaksanakan lebih telus untuk menangani persediaan pekerjaan yang membolehkan anak-anak tempatan menghasilkan produk-produk tempatan yang bermutu tinggi hingga pihak lain lebih menghargai produk tempatan dan dapat bersaing dengan pihak global.

Akhirnya, marilah kita sama berdoa semua usaha kita ini diberkati dan mendapat kejayaan.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Saya mempersilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu:**

تَسْمِعُ اللهُ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dihormati sekalian.

Kaola hanya ingin menyampaikan secara ringkas komen yang positif. Kaola, peramba, saya secara peribadi menyokong dengan sepenuhnya laporan yang baru dan yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, yang telah dengan positif dan jayanya memberikan laporan penilaian dan selanjutnya mengenal pasti keperluan sumber tenaga manusia yang optimum bagi agensi kerajaan dan keperluan untuk ekonomi negara untuk ditingkatkan dan akan mendapat apa yang diharapkan dengan lebih terurus, teratur, produktif dan kompeten selaku jentera kerajaan yang mantap. آمين

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Saya mempersilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad.

**Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad:**

Terima kasih. Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam kesempatan ini, kaola ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam yang telah membentangkan Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Negara bagi Tahun Kewangan 2019/2020 yang begitu jelas dan menjurus dalam melaksanakan pembangunan sosioekonomi dan mempertingkatkan usaha-usaha bagi mewujudkan ekonomi yang lebih dinamik, mampan, berdaya tahan demi kesejahteraan dan kemakmuran negara yang berterusan *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*.

Marilah kita sama-sama berdoa supaya dapat perkembangan ekonomi negara semakin kukuh dan maju serta berpanjangan. Penglibatan semua agensi kerajaan, swasta, *NGO's* dan rakyat terutama belia-belia negara amat diperlukan sesuai dengan tema *One Whole Nation Approach*.

وَالْحَمْدُ لِلَّهِ walaupun Bajet 2019/2020 masih mengalami defisit sebanyak \$1.5 bilion dan telah pun menurun kalau dibandingkan dengan 2018 sebanyak \$2.2 bilion. Kita masih mampu menumpukan kepada pelaburan untuk

masa depan iaitu *Investing In Our Future* melalui pelaksanaan program yang efisien dan inisiatif pelaburan yang mampu meningkatkan sosial ekonomi bagi penubuhan dan perkembangan ekonomi masa ini dan harapan tanpa terlalu bergantung pada kerajaan.

Maka, perlunya rakyat dan belia untuk bangkit berganding bahu bagi melibatkan diri ke arah keusahawanan. Peluang pekerjaan yang kita lihat masih dikuasai oleh pengusaha-pengusaha luar dan pekerja-pekerja luar yang mulanya dengan hanya membawa sehelai sepinggang pakaian, kini telah kita lihat menjadi tauke dalam bidang-bidang yang tertentu.

Peluang-peluang kursus yang telah pun yang disediakan oleh *IBTE*, Pusat Pembangunan Belia, *DARe (Darussalam Enterprise)* dan lain-lain. Diharapkan lebih banyak lagi dan diharapkan agar banyak lagi *NGO's* dan sektor-sektor swasta akan dapat membantu dalam merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat Yang Dipertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bagi mendukung tema Perbelanjaan Tahun Kewangan 2019/2020, cadangan tumpuan dan keutamaan perbelanjaan kerajaan kepada 4 fokus utama adalah tepat sekali iaitu meningkatkan aktiviti pelaburan seperti *FDI, PPP, joint-venture* dan lain-lain.

Dicadangkan agar agensi-agensi yang berkaitan akan dapat menyediakan satu data mengenai *FDI* dan lain-lain bagi membolehkan pengusaha-pengusaha tempatan ataupun dewan-dewan



perniagaan untuk membantu agar akan dapat mengembangkannya keluar negara apabila sahaja pelabur-pelabur negara yang datang ke negara ini atau pun keluar negara akan dapat menyampaikan dan membantu akan usaha kerajaan ke arah membangunkan negara.

Adalah amat diharapkan bahawa *FDI, PPP, joint-venture* akan dapat membawa ekonomi negara meningkat dan akan diberi keutamaan dan kita harus ingat segala usaha kerajaan yang amat penting untuk kita ambil perhatian.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Ahli Yang Berhormat, terima kasih. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii.

**Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii:** Terima kasih. Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Koala seperti rakan-rakan Ahli Yang Berhormat menambah ucapan tahniah kepada pihak Kementerian Kewangan dan Ekonomi atas persediaan dan senarai Belanjawan Tahun 2019/2020 dan kaola juga mengambil baik perjuangan *Fiscal Consolidation* yang masih dijalankan di semua kementerian-kementerian, inilah satu rancangan yang perlu dan mesti digalakkan. Tema belanjawan "Pelaburan Untuk Masa Depan", saya berharap diambil sokongan selaras dengan *Whole of Government Approach*

dan fokus 5 industri sektor memberikan tujuan yang komprehensif.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pada tahun 2018, *APEC Business Advisory Council* menyediakan laporan yang bertajuk "*Realising The Untapped Potential of MSMEs in APEC*" dan beberapa cadangan telah dikemukakan kepada pemimpin-pemimpin ekonomi *APEC*.

Salah satu cadangan yang kaola rasa berkaitan dengan Brunei adalah tentang kemajuan *economy digital*.

"Kemajuan cepat dalam ekonomi digital tidak akan terbalik, ekonomi yang tidak memupuk persekitaran yang kondusif untuk perniagaan seperti e-Pembayaran, e-Kerajaan dan e-Dagang akan kekal ketinggalan di belakang ekonomi yang mempunyai *ICT* yang berpatutan dan boleh diakses. Tenaga kerja mahir yang disokong dan persekitaran kawal selia yang mesra perniagaan (*PMKS*) yang berasaskan industri perkhidmatan dalam *Global Value Change* atau *Woman Lead* ada yang mendapatkan manfaat yang boleh berkembang daripada ekonomi digital."

Kaola jua mengakui bahawa kita sudah mempunyai beberapa inisiatif yang dinyatakan tetapi pindaan daripada modal perniagaan tradisional kepada modal perniagaan digital perlu dipertingkatkan. Kaola berharap dalam senarai perbelanjaan yang dihulurkan di bawah fokus ke-3 bukan saja untuk sektor perindustrian dan pembuatan tetapi akan mengandungi program-

program yang berkaitan dengan ekonomi digital seperti *Blockchain Strategy*, *Learning to Quote*, *Drawn Piloting* dan lain-lain.

Digalakkan kerana program-program ini mudah diubah dan yang boleh menjejaskan impak dan aplikasi yang mudah diubah suai mengikuti keadaan.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**  
Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

**Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi:**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ سَمِ اللَّهُ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua, koala ingin menambah sedikit jawapan, seperti mana yang ada disarankan oleh Yang Berhormat Awang Iswandy mengenai saranan beliau *regarding* penyelarasan menuju ke arah *Smart Nation* dan mungkin ada hubungan jua dengan usulan yang disarankan oleh Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi. Jawapan koala ini *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* ringkas saja sebab nanti di bawah sesi abis koala nanti akan kaola *elaborate* lagi.

Tetapi koala terpanggil untuk menjawab saranan Yang Berhormat Awang Iswandy tadi mengenai penyelarasan, memang benar, *we embrace that point*, penyelarasan adalah sangat penting dalam kitani mengendalikan ataupun menuju ke arah *smart nation*.

Ia bukanlah satu usaha satu kementerian, tetapi usaha semua kementerian, agensi-agensi dan pihak swasta dan bukan kerajaan. *Now*, apa yang kaola kongsikan semenjak pertengahan tahun lepas, satu penyelarasan penelitian dasar-dasar tujuan *ICT* ataupun Infokomunikasi teknologi bagi negara ini khususnya yang berhubung kait dengan e-Kerajaan, *ICT Industry* dan *ICT Telecommunication Industry* yang ada jua disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Ekonomi II semasa usulan beliau, semasa membentangkan Peruntukan Perbelanjaan Negara. Beberapa buah kementerian iaitu Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, MEMI (Menteri *Energy of Industry* dan *Manpower*) dan juga Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah pun membuat penyelarasan dari segi dasarnya yang masih lagi berjalan semasa ini.

Dari segi penyelarasan infrastruktur *ICT Industry*, apa yang penting jua ialah menyediakan prasarana ataupun infrastruktur telekomunikasi ataupun infokomunikasi yang mantap bersedia untuk kegunaan-kegunaan aplikasi-aplikasi seperti selalu kitani dengar dan sebut iaitu (*IOT*) *Internet Of Things*. Dalam dunia Industri Revolusi Ke-4 ini, memang kitani tidak dapat nafikan lagi apa-apa ini berasaskan jua kepada *internet access* dan sebagainya. *To have internet access*, kita ada perlu ada *accessibilitynya*, dan *to have accessibility* itu kitani mesti mendapatkan perkhidmatan ini dengan harga-harga

yang bersesuaian yang *affordable* dan inilah penyelarasan yang sedang dibuat dan menuju ke arah penyelarasan ini, hasil dari penelitian ini, **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** kaola ingin memaklumkan di sini dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** baru-baru ini, satu majlis baharu ataupun penubuhan Majlis Digital Ekonomi atau *Digital Economic Council* **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** telah pun ditubuhkan bagi menggantikan jua peranan-peranan dan usaha-usaha yang telah dibuat melalui Majlis Teknologi Maklumat atau lebih dikenali sebelum ini *BIT Council Brunei*. *BIT Council* yang telah bersidang selama lebih 19 tahun sudah apabila ditubuhkan pada tahun 2000 dulu dan mengikut pergolakan digital ekonomi yang disebut-sebutkan tadi, **اِنَّ شَاءَ اللّٰهُ** dengan tertubuhnya satu Majlis Digital Ekonomi Kebangsaan yang akan menyelaraskan dan akan berperanan khusus untuk menerajui dasar-dasar, tujuan-tujuan mengenai digital ekonomi ke arah sebuah *what we call smart nation*. Terima Kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya ingin mencadangkan untuk menangguhkan persidangan ini bagi kita berehat selama 15 minit.

**(Majlis Mesyuarat berehat sebentar)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** **بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ** Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita bersidang semula dan persidangan masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang (2019), Perbekalan 2019/2020.

Saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II ingin membuat kenyataan terhadap soalan-soalan yang telah ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat sebentar tadi. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:** **بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Kaola ingin merujuk balik kertas satu soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim tadi mengenai cadangan penubuhan Dana Tanah Orang Melayu.

Dalam hubungan ini, mengambil kira soalan ini telah pun pernah dibangkitkan semasa Majlis Mesyuarat Negara pada tahun 2017. Kaola tidak ingin berpanjangan lebar lagi bagi menjawab soalan ini.

Kaola ingin menambah sedikit. Skim seumpamanya ini telah pun dihulurkan oleh kerajaan pada sekitar tahun 70-an untuk membantu bumiputera

memulakan pengusahaan termasuk memajukan hartanah.

Walau bagaimanapun, skim tersebut kurang mencapai objektif yang dihasratkan dan sebaliknya telah membebankan sesetengah peminjam, sehingga kini 40 lebih tahun kemudian kerajaan masih lagi berusaha untuk mendapatkan balik jumlah pinjaman yang dihulurkan.

Kaola juga ingin menambah bahawa mengenai aktiviti memajukan hartanah. Kejayaan dalam usaha ini bukan sahaja tertakluk kepada ketersediaan dana tetapi ia juga tertakluk kepada faktor-faktor lain iaitu keadaan pasaran, lokasi hartanah, *demand and supply* dan sebagainya. Berbanding dengan tahun 70-an pada masa itu barangkali bank-bank yang terdapat di negara ini kurang aktif meminjamkan *financing*. Tetapi pada masa ini, sudah terdapat beberapa buah bank memberikan fasiliti pinjaman kepada pengusaha-pengusaha dalam negeri ini dan disarankan untuk merebut kesempatan ini bagi mendapatkan fasiliti-fasiliti tersebut.

Kaola ingin juga menambah mengikut *Ease of Doing Business* 2019 dalam *indicator getting credit* Negara Brunei Darussalam telah mencapai kedudukan No. 1 antara 190 ekonomi dalam dunia ini. Itu sahaja pengusaha-pengusaha berpeluang untuk meminjam dana dari bank-bank yang sedia ada di dalam negeri.

Sekian saja yang dapat kaola sampaikan bagi menjawab soalan ini. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat Kita telah membincangkan Rang Undang-Undang (2019) Perbekalan, 2019/2020 dan telah memberikan kesempatan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk bertanya, membentangkan cadangan-cadangan masing-masing, maka saya berpandangan bahawa Rang Undang-Undang yang telah dibentangkan bagi bacaan kali kedua oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II sekarang kita undi. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)**

**Yang Dimulikan Jurutulis:**  
**"Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2019/2020 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu."**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat sekarang akan seterusnya meneliti Rang Undang-Undang (2019) Perbekalan, 2019/2020 satu per satu, maka bagi membolehkan perkara ini kita buat sedemikian maka saya tangguhkan Majlis Mesyuarat Negara dan Mesyuarat

ini akan bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang Majlis ini bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbang Rancangan Undang-Undang (2019) Perbekalan, 2019/2020 satu per satu sebagaimana yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri kewangan dan Ekonomi II.

**Yang Dimulihkan Jurutulis:** Bab 2 cerai (1) dan (2).

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang kita membincangkan Bab 2 cerai (1) dan (2). Silakan, jika ada Ahli-Ahli yang ingin untuk membahaskannya.

**Yang Dimulihkan Jurutulis:** Bab 2 cerai (1) dan (2), dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Jabatan Perdana Menteri Tajuk SA01A - Tajuk SA06A.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri:** بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat Pengerusi. Sebelum Jawatankuasa ini membincangkan bajet Peruntukan Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya. Kaola ingin memohon keizinan Yang Berhormat Pengerusi untuk mengongsikan secara ringkas tumpuan dan keutamaan Jabatan Perdana Menteri bagi Tahun Kewangan 2019/2020 ini.

Ianya semata-mata bertujuan untuk memandu perbincangan supaya ia lebih fokus dan terarah kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan hal ehwal belanjawan yang akan dibincangkan.

بِسْمِ اللَّهِ Belanjawan Jabatan Perdana Menteri ini mendukung tema Belanjawan Tahun Kewangan 2019/2020 iaitu *Investing In Our Future*.

Yang Berhormat Pengerusi, seperti mana juga Rancangan Belanjawan 2019/2020 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dengan 4 fokus utamanya. Secara umumnya rang tersebut memberikan tumpuan kepada elemen-elemen penting bagi merealisasikan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerajaan baginda untuk melihat taraf kehidupan rakyat benar-benar dalam keadaan yang selesa.

Sejak Pemasyhuran Kemerdekaan lagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sudah

berazam bagi Negara Brunei Darussalam memperoleh ketenteraman dan keselamatan, kebajikan dan kebahagiaan bagi rakyat dan penduduk negara ini.

Dalam situasi fiskal yang kita hadapi sekarang ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan baginda menumpukan perhatian kepada menggalakkan peningkatan usaha-usaha bagi meningkatkan aktiviti pelaburan, memudah cara perniagaan, menjana sumber tenaga manusia yang *competent* dan *marketable* dan memelihara kesejahteraan awam iaitu sebagai tumpuan dan keutamaan perbelanjaan seperti yang telah dibentangkan.

Selaras dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam aktiviti-aktiviti pelaburan akan sentiasa diberikan perhatian sewajarnya. Bukan sahaja bagi meningkatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tetapi juga sebagai salah satu cara bagi menjanjikan peluang-peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan. Peluang-peluang bagi meningkatkan kapasiti dan kemahiran juga telah banyak disediakan oleh kerajaan bagi memastikan anak-anak tempatan mempunyai kebolehan untuk bekerja di sektor-sektor swasta yang memerlukan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darusaalam dan kerajaan baginda juga prihatin

kepada kehendak sektor swasta dengan sentiasa memperbaiki dasar-dasar dan peraturan bagi memudahkan lagi kelangsungan perniagaan atau *Ease of Doing Business* di negara ini. Membangun fasiliti-fasiliti bagi menggiatkan lagi penyertaan Perusahaan-Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana atau *MSMEs*. Dalam pada itu, kedudukan negara dalam *Ease of Doing Business* akan sentiasa diperbaiki dan ini setentunya memerlukan kerjasama daripada semua agensi kerajaan termasuk sektor swasta.

Untuk mengambil manfaat kepada kemajuan yang akan dibawa dengan terbinanya Jambatan Temburong, sebuah Autoriti Kemajuan Daerah Temburong iaitu *AKDT* telah pun ditubuhkan. Autoriti ini berperanan dalam merancang, memantau dan memberi panduan kepada projek-projek pembangunan di Daerah Temburong dengan hasrat untuk menyediakan peluang-peluang *spin-off* kepada *MSMEs* seperti sektor ekopelancongan, pertanian, pembuatan dan kebudayaan.

Di sinilah tugas utama pihak swasta, masyarakat dan peranan Ahli-Ahli Yang Berhormat sendiri untuk memastikan hasrat ini terlaksana.

Walaupun tumpuan *AKDT* adalah untuk membangun Daerah Temburong, pembangunan daerah-daerah lain juga janggan hendaknya diabaikan.

Dalam perkembangan sektor *IT* pula terutamanya Revolusi Industri Ke-4, para belia khususnya jangan merasa terancam

malah sebaliknya melihat ia sebagai suatu cabaran dan peluang untuk dihadapi seperti yang telah kaola tekankan semasa Usul Menjunjung Kasih ke atas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pernah bertitah semasa Sambutan Tahun Masihi 2019 bahawa pasaran e-Dagang di rantau *ASEAN* sahaja mempunyai potensi untuk meningkat kepada USD 200 bilion menjelang tahun 2025. Saya menyeru para belia khususnya untuk meningkatkan lagi kemahiran daya kreatif dan inovatif untuk mengambil peluang dalam sektor ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerajaan baginda juga sentiasa memberikan perhatian kepada menyediakan prasarana bagi mendukung kesejahteraan awam. Antara lain seperti penyediaan perumahan, klinik-klinik kesihatan, sekolah-sekolah, tempat-tempat riadah, penyediaan bekalan elektrik dan air bersih dan jalan raya-jalan raya penghubung. Apa yang diharapkan daripada rakyat dan penduduk negara ini ialah untuk mendukung usaha-usaha kerajaan dalam sama-sama memelihara kemudahan-kemudahan yang disediakan dan jauh sekali untuk mencuaikannya.

Yang Berhormat Pengerusi, dengan mengambil kira situasi ekonomi pada masa ini Jabatan Perdana Menteri memainkan peranan secara berterusan dalam memperkukuh dan memperkesakan lagi sistem kerajaan secara menyeluruh. Ini meliputi kecemerlangan dan kepimpinan, tadbir urus yang baik pembentukan dan pelaksanaan dasar yang telus dan tulus sejajar dengan perkembangan semasa dan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti, efisien serta mesra pelanggan yang menjurus ke arah perkhidmatan awam yang lebih kos efektif.

Jabatan Perdana Menteri juga akan sentiasa memainkan peranan sebagai pemudah cara bagi apa juga inisiatif yang dilaksanakan oleh jabatan-jabatan di bawahnya. Ini selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35 Tahun iaitu supaya agensi-agensi kerajaan perlu menggiatkan lagi peranan selaku pemudah cara dalam menyediakan prasarana yang mantap, peraturan yang telus dan mudah serta memberikan sokongan dan kerjasama padu kepada semua agensi dalam menghulurkan bantuan dan bimbingan.

Jabatan Perdana Menteri telah merangka cadangan belanjawan ini berasaskan kepada empat prinsip:

**Pertama**, Pelaburan dalam memastikan kecemerlangan perkhidmatan awam di mana Kecemerlangan Kepimpinan

atau *Leadership Excellence* sentiasa menjadi tumpuan utamanya. Beberapa inisiatif telah pun dilaksanakan seperti Petunjuk Utama Prestasi dalam penyampaian perkhidmatan yang dikhususkan kepada peningkatan produktiviti- produktiviti organisasi dan dalam masa yang sama memberikan impak kepada peningkatan produktiviti- produktiviti di peringkat individu.

Inisiatif-inisiatif bagi mengisikan kekosongan jawatan di semua peringkat juga sedang giat dilaksanakan dengan kerjasama kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan.

Program-program pembangunan kepimpinan dan kapasiti pula sentiasa dilaksanakan secara berterusan seperti:

1. Program Pembangunan Eksekutif bagi pegawai-pegawai kanan kerajaan;
2. Program Pembangunan Eksekutif bagi pegawai-pegawai peringkat pertengahan; dan
3. Program Eksekutif Muda.

Program-program tersebut dibentuk, dicipta dan di *design* untuk direalisasikan perkhidmatan awam dan pastinya akan dinilai keberkesananannya dari semasa ke semasa. Di samping bagi meluaskan lagi *talent pool*, ianya juga bertujuan untuk melengkapkan pegawai-pegawai perkhidmatan awam dengan kompetensi yang dikehendaki bagi menjawat jawatan peringkat atasan. Dalam pada itu, budaya etika, kerja cemerlang,

peningkatan produktiviti dan pengukuhan integriti akan sentiasa diterapkan.

**Kedua,** memastikan peneilitian dan penambahbaikan dasar-dasar dan peraturan-peraturan sentiasa dilaksanakan terutama peraturan-peraturan yang mendukung kepada usaha-usaha mempergiatkan lagi sektor swasta.

Dalam kedudukan negara contohnya dalam Laporan Bank Dunia mengenai memudahkan menjalankan perniagaan atau *Ease of Doing Business* akan sentiasa diberikan perhatian sewajarnya. Jabatan Perdana Menteri akan terus melaksanakan pembaikan di dalam dua petunjuk yang diterajui iaitu "penguatkuasaan kontrak" atau "*enforcing contract*" dan "penyelesaian insolvensi" atau "*resolving insolvency*."

Di samping itu, untuk menjadikan perkhidmatan awam lebih kos efektif kaedah-kaedah yang dapat membantu meningkatkan kecekapan pemberian perkhidmatan awam akan sentiasa diteroka seperti pengkorporatan atau perkongsian awam swasta. Di samping mengenal pasti perkhidmatan-perkhidmatan yang boleh diselaraskan dan disatukan.

**Ketiga,** pengukuhan keyakinan terhadap kerajaan melalui pemberitaan maklumat inisiatif-inisiatif dan acara-acara kerajaan termasuk pemberitaan penglibatan kepimpinan di arena antarabangsa. Pemberitaan maklumat dilaksanakan melalui beberapa saluran



sama ada melalui *mainstream media*, media sosial atau sesi-sesi muzakarah, penerangan bersama pemimpin-pemimpin akar umbi agar segenap lapisan masyarakat memahami dan menghargai setiap tindakan kerajaan adalah semata-mata bagi kepentingan rakyat dan penduduk di negara ini. Ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035 iaitu dalam perjalanan menjadikan sebuah negara yang diberkati.

**Keempat,** Jabatan Perdana Menteri juga akan sentiasa mengukuhkan infrastruktur agensi-agensi penguat kuasa dan meningkatkan lagi aset-aset keselamatan dalam mendukung keamanan dan kemakmuran negara iaitu melalui pendekatan bersepadu agensi-agensi kerajaan dan swasta serta masyarakat.

Semua pihak yang berkepentingan akan terus bertindak merangka strategi untuk memelihara kestabilan politik, mempertahankan kedaulatan negara serta menghubungkan keupayaan pertahanan dan keupayaan diplomatik dan juga persediaan negara dalam menangani ancaman keselamatan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Berasaskan kepada 4 prinsip yang kaola nyatakan Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya telah berusaha menghadkan permohonan peruntukan yang kurang dari sepatutnya bagi 20 jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Seperti mana yang telah kaola kemukakan pada Majlis Pemesyuaratan pada tahun lepas Jabatan Perdana Menteri memegang falsafah "Biar cangkik jangan putus" dan akan sentiasa berjimat cermat dan berhemah serta memastikan setiap perbelanjaan mestilah mengutamakan *value for money* serta mendatangkan manfaat kepada negara dan penduduk dalam jangka pendek dan jangka panjang.

Yang Berhormat Pengerusi yakinlah bahawa Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya misi dan visi masing-masing akan tetap terus memegang konsep "berpada pada yang ada, berjimat sebelum habis" dan mengamalkan tabiat "cicir dipungut, hilang dicari" dan "jangan alpa diri jangan membazir rezeki."

Dalam pada masa yang sama, Jabatan Perdana Menteri akan terus berusaha untuk meningkatkan hasil kerajaan melalui perkhidmatan yang sedia ada di samping memperkukuhkan lagi Sistem Kutipan Hasil bagi memastikan hasil dikutip dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Berasaskan kepada prinsip-prinsip di atas, Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun Kewangan 2019/2020 telah disokong untuk disediakan Peruntukan Gaji Kakitangan dan Perbelanjaan Berulang-Ulang berjumlah sebanyak \$394,758,270.00 iaitu berkurangan sebanyak \$142,692,720.00 daripada Peruntukan Tahun Kewangan 2018/2019 mengambil kira penyerapan Tenaga dan

Perindustrian dan Jabatan Perkhidmatan Elektrik, ke Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia dan Perindustrian) dan penyerapan Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, ke Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Perbelanjaan Kemajuan yang disokong pula berjumlah \$30,973,130.00 menjadikan peruntukan keseluruhan Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya disokong berjumlah \$425,771,400.00.

Sekianlah saja secara ringkas yang dapat kaola terangkan tentang cadangan Belanjawan Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun Kewangan 2019/2020.

Sebelum mengakhiri, kaola ingin memaklumkan bahawa 5 buah jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri adalah jabatan-jabatan yang tertutup iaitu Biro Kawalan Narkotik, Biro Mencegah Rasuah, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, Pasukan Polis Diraja Brunei dan Jabatan Penyelidikan Brunei. Oleh sebab jabatan-jabatan ini berkaitan langsung hal-ehwal strategik keselamatan negara isu-isu yang akan dibincangkan mungkin perkara yang sensitif dan tidak bersesuaian dibincangkan secara terbuka. Maka kaola memohon pertimbangan Yang Berhormat Pengerusi supaya bajet bagi jabatan-jabatan tersebut tidaklah perlu dibincangkan.

Sekian, *وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته*

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat kita sekarang membincangkan Jadual bagi Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya. Secara sepesifiknya kita meneliti Tajuk-Tajuk di bawah Tajuk SA01A hingga Tajuk SA06A.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Sebentar tadi telah pun membentangkan Belanjawan Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya dan telah pun menggariskan hala tuju yang begitu terperinci mengenai haluan jabatan-jabatan yang berkenaan secara ringkasnya.

Walau bagaimanapun, saya sebagaimana yang lazim ada 5 buah jabatan yang difikirkan sensitif di bawah Jabatan Perdana Menteri dan kita pada biasanya tidak membincangkan atau tidak menimbulkan perkara-perkara yang berhubung kait dengan jabatan-jabatan berkenaan itu dalam Dewan ini.

Maka sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari untuk memulakan perbincangan bagi Tajuk ini, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. *بِاللَّهِ* oleh sebab isu-isu yang kaola bawa ialah kepada jabatan-jabatan yang tidak dibenarkan dibahaskan secara terbuka maka saya batalkan hujah-hujah kaola. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis.

**Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Kaola terus saja kepada soalan iaitu di bawah Tajuk SA01A - Jabatan Perdana Menteri.

1. Apakah program kepimpinan (*leadership*) dan pengurusan (*management*) yang telah disediakan bagi pegawai-pegawai kanan dalam Bahagian II dan ke atas untuk memantapkan lagi jentera pentadbiran kerajaan?;
2. Sejauh manakah program perancangan penggantian dan kemajuan kerjaya-kerjaya telah dilaksanakan setakat ini?;
3. Adakah 3 program yang disebutkan di atas telah disukat pencapaiannya dari segi aspek penyampaian perkhidmatan dan pencapaian target untuk menjadikan perkhidmatan awam yang cemerlang?;
4. Adakah peruntukan yang disediakan pada masa ini dapat mencapai matlamat 3 program di atas?;
5. Apakah program-program meningkatkan produktiviti dan motivasi yang telah dijalankan dan sejauh manakah pencapaian program-program berkenaan?; dan

6. Adakah terdapat perancangan untuk menaikkan taraf Institut Perkhidmatan Awam (IPA) menjadi Institut Kepimpinan dan Pembelajaran yang bertaraf antarabangsa?

Sekian Yang Berhormat Pengerusi. Terima Kasih.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri suka menjawab soalan-soalan yang berkenaan, dipersilakan.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi kaola rasa biarlah dan eloklah dikumpul dahulu soalan-soalan yang diberikan itu dan bagi memberikan peluang merujuk data-data yang ada. Terima Kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Sekiranya tidak ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk menyoal ataupun bertanya mengenai Tajuk-Tajuk yang berkenaan ini. Maka Tajuk-Tajuk ini akan saya undi iaitu Tajuk SA01A hingga Tajuk SA06A. Ahli-Ahli yang bersetuju sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)**

**Yang Dimulihkan Jurutulis:** Tajuk SA01A hingga Tajuk SA06A dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SA07A hingga Tajuk SA12A.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Adakah Ahli-Ahli Yang Berhormat yang suka untuk bertanya ataupun membahaskan mengenai Tajuk SA07A hingga Tajuk SA12A. Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

**Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Saya cuma ingin bertanya mengenai Tajuk SA10A Jabatan Perkhidmatan Awam mengenai Latihan dan Perkhidmatan.

Saya ingin menanyakan untuk mengembangkan lagi kerjasama secara *Whole of Nation*. Apakah antara usaha *Work Exchange Programme* untuk kerjasama antara *sector* atau *inter-sectoral* / diusahakan. Contohnya, pegawai kerajaan dapat membuat penempatan kerja di *NGOs* yang mempunyai objektif yang sama dan begitu juga sebaliknya. Bagi Ahli-Ahli *NGOs* membuat penempatan kerja di jabatan-jabatan atau kementerian yang sehalu. Perkara ini malah kita sebut *Whole of Nation*. Namun begitu, إِنَّ شَاءَ اللَّهُ sebelumnya perkara ini agar dapat dilaksanakan membolehkan *cross sector knowledge sharing* kita dapat sama-sama memahami kekurangan, memahami peluang dan penambahbaikan dalam urus tadbir bagi hal-hal yang sehaluan, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

**Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Pada tahun lepas, kaola telah mengajukan soalan berhubung dengan status bangunan di bawah Kementerian Pembangunan iaitu S40 di kawasan Perumahan Lambak Kanan dan telah pun dijawab mengenainya.

Pada kali ini, soalan kaola ialah berhubung dengan perumahan juga dalam kawasan yang sama iaitu di Kampung Sungai Uruk, Salambigar, ada terdapat flat apartmen Pasukan Polis Diraja Brunei yang pada masa ini telah dikosongkan. Menurut maklumat daripada anggota yang pernah tinggal di flat tersebut, saya difahamkan bahawa timbul keraguan dan kekhuatiran sama ada bangunan tersebut selamat untuk didiami.

Kaola bertanya melalui Jabatan Perdana Menteri. Apakah ada sebarang rancangan bagi flat yang telah dikosongkan itu? Adapun tujuan kaola bertanya mengenai soalan ini adalah disebabkan kekhuatiran saya jika flat tersebut dibiarkan begitu sahaja tanpa ada pembaikan segera, maka boleh saja kerosakan semakin bertambah dan setentunya merugikan kerajaan dan akhirnya kerajaan terpaksa mengeluarkan peruntukan yang lebih tinggi untuk pembaikan pada masa akan datang. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, nampaknya sesudah kita berehat agaknya lembap sedikit

maka saya cadangkan supaya kita berehat dan bersidang semula di peringkat Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**  
Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bermesyuarat **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** pada pukul 2.30 petang ini nanti.

Sekian, **وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته**

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**Majlis Mesyuarat disambung  
Semula pada pukul 2.30 petang**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pada petang ini Persidangan akan kita sambung dalam membincangkan Rang Undang-Undang (2019) Perbekalan, 2019/2020 di Peringkat Jawatankuasa. Maka Persidangan Majlis Mesyuarat ini saya tangguhkan dahulu dan kita akan berbincang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**(Mesyuarat bersidang sebagai  
Jawatankuasa)**

**Yang Berhormat Pengerusi:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sekarang bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya. Pada mesyuarat yang kita telah adakan pada sebelah pagi tadi kita mula membincangkan Rang Undang-Undang (2019) Perbekalan, 2019/2020 bagi Tajuk Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Kita masih lagi membincangkan Tajuk SA07A hingga SA12A. Tajuk-Tajuk ini saya bukakan untuk dibahaskan. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

**Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti  
Rozaimeriyanty binti Dato Seri  
Laila Jasa Haji Abdul Rahman:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri atas mukadimah Yang Berhormat tadi.

Institut Perkhidmatan Awam (IPA) merupakan tulang belakang untuk pembinaan kapasiti *HR* untuk semua kakitangan awam. Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa menyentuh Revolusi Industri 4.0. Institut Perkhidmatan Awam kini merupakan salah satu daripada pemilik inisiatif di bawah rangka kerja perkhidmatan awam dalam melihat peningkatan produktiviti dan prestasi. Bagaimanakah kita dapat meningkatkan produktiviti penjawat awam? Nisbah jumlah penjawat awam kepada bilangan rakyat ialah 1/6 bererti pada setiap satu penjawat awam ialah bersamaan dengan 6 orang rakyat negara kita.

Merujuk kepada Laporan World Bank, Singapura disenaraikan sebagai negara yang mempunyai keberkesanan kerajaan yang terbaik di dunia yang sangat cekap, jujur dan profesional. Cuma 1.5% sahaja yang bekerja dengan kerajaan iaitu perkhidmatan awam jika dibandingkan dengan Malaysia sebanyak 5.1% dan Brunei pula sebanyak 17.6%.

Kita melihat kepada keterbukaan negara Singapura untuk menerima revolusi teknologi baharu iaitu mereka menggunakan *digital approach* dalam hal-ehwal kerajaan, teknologi dan data yang digunakan untuk memperjuangkan dasar yang lebih baik untuk berkhidmat kepada masyarakat Singapura.

Pada tahun 2017, Brunei telah tersenarai dalam tempat yang ke-31 manakala Singapura sentiasa berada di tempat yang teratas di dunia. Manakala sasaran Jabatan Perdana Menteri untuk meningkatkan kedudukan negara dalam *Government Effectiveness Index 2019/2020* adalah tangga yang ke-20 di dunia. Apakah persediaan yang telah dilakukan oleh Institut Perkhidmatan Awam dan Jabatan Perkhidmatan Awam?

Bila melihat bajet Jabatan Perdana Menteri di bawah Perkembangan Sumber Tenaga Manusia, Jabatan Perdana Menteri ada \$800 ribu anggaran 2019/2020 manakala di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam ada mempunyai \$7.5 juta.

Adakah pihak Institut Perkhidmatan Awam atau Jabatan Perkhidmatan Awam merancang untuk mengenalkan sebuah program bagi membangunkan generasi akan datang iaitu kakitangan awam dan ahli politik mempunyai set kemahiran yang diperlukan? Matlamat kita ialah untuk mencapai *whole of government*, perspektif dan keupayaan kerajaan untuk merumuskan dan melaksanakan dasar yang akan memperbaiki kehidupan masyarakat kita.

1. Saya juga ingin bertanya mengenai dengan status dan hasil Pelan Strategik Jabatan Perkhidmatan Awam dari tahun 2016 hingga 2020. Apakah yang telah dicapai oleh Jabatan Perkhidmatan Awam setakat ini berpandukan pelan strategik tersebut?; dan
2. Saya ingin mencadangkan agar produk dan tempat rujukan seperti laman sesawang kementerian-kementerian serta percetakan dan penulisan akhbar tempatan, "Pelita Brunei" untuk menggunakan khidmat luar tempatan atau *outsourc*e. Penjawat-penjawat awam yang terlibat seperti penyunting-penyunting masih boleh dikekalkan, cuma bahan-bahan yang akan diterbitkan dalam akhbar haruslah lebih telus dan kreatif untuk mengembangkan minda para pembaca. Ini juga secara langsung membantu menyediakan sumber pendapatan untuk anak-anak tempatan yang mempunyai kemahiran dalam bidang-bidang tersebut sekali gus membantu mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan anak-anak tempatan kita.

Saya juga berpendapat bahawa akhbar "Pelita Brunei" boleh diberikan penjenamaan semula (*rebranding*) supaya dapat lebih menarik banyak pembaca terutamanya dalam kalangan belia. Ruangan-ruangan dalam "Pelita Brunei" seperti "Minda Pembaca" masih boleh dikekalkan tetapi haruslah juga diberi perhatian

kepada penulisan dan grafik supaya apa yang cuba disampaikan itu mudah difahami dan mudah dibaca. Kreativiti juga adalah penting untuk mewujudkan satu akhbar tempatan yang setara dengan akhbar-akhbar negara luar. Dengan penjenamaan semula "Pelita Brunei" ini saya yakin akan membantu meningkatkan kadar pembaca dalam negara kita. Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat ingin untuk merespons awal ini atau macam mana?

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri:** Saya memohon kebenaran daripada Yang Berhormat Pengerusi supaya soalan-soalan berikutnya akan dapat dikemukakan lagi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.

**Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari:** بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Kaola merujuk kepada Tajuk SA11A - Jabatan Perkhidmatan Pengurusan. Bagaimanakah projek dan inisiatif diukur? Kita selalu melihat banyak pelancaran inisiatif-inisiatif tetapi kekurangan ketelusan dalam mengongsikan hasil daripada inisiatif-inisiatif tersebut. Kaola mencadangkan penilaian projek bukan sahaja melihat kepada *KPI* tetapi juga impak

projek tersebut kepada masyarakat dengan menggunakan ramalan hasil (*outcome forecast*).

Di samping itu laman sesawang kementerian berkenaan haruslah dikemas kini dengan lebih aktif lagi bagi mengongsikan impak-impak tersebut.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin membangkitkan ada 3 perkara iaitu:

1. Jabatan Perkhidmatan Awam selaku agensi pusat yang memeduli perancangan pengurusan dan pembangunan sumber negara khususnya dalam sektor perkhidmatan awam telah diamanahkan untuk merancang, menyelaras, melaksana dan memantau aktiviti-aktiviti pengauditan tenaga manusia. Aktiviti ini dilaksanakan melalui Jawatankuasa Pandu Pelaksanaan Audit Tenaga Manusia Perkhidmatan Awam yang telah ditubuhkan pada tahun 2008 yang antara lain juga berfungsi dalam menerajui pelaksanaan Perancangan Pengauditan Tenaga Manusia Perkhidmatan Awam dalam



memastikan pelaksanaan Pengauditan Tenaga Manusia yang efisien, efektif dan sistematik.

Pengauditan Tenaga Manusia adalah penting untuk menilai dan mengenal pasti keperluan tenaga manusia yang optimum dalam sesebuah agensi kerajaan untuk menjadikan perkhidmatan awam lebih terurus, teratur, produktif dan kompeten selaku jentera pentadbiran kerajaan yang mantap.

Soalan kaola, apakah perkembangan dapatan dan penemuan terbaharu dan terkini, hasil daripada pengauditan tenaga manusia dalam sektor perkhidmatan awam pada masa ini? Adakah diambil maklum bahawa perkara-perkara yang telah dikenal pasti melalui hasil Pengauditan Tenaga Manusia sebelum ini pernah dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini. Antara isu yang dibangkitkan adalah seperti berikut:

- i. Sebilangan jawatan dan tangga gaji penjawat jawatan yang menjalankan tugas dan tanggungjawab berkenaan adalah tidak selaras.;
- ii. Sebilangan peranan dan tugas yang dikendalikan bertindih-tindih (*duplication of work*) dan ada juga melaksanakan tugas-tugas sampingan (*secondary job*) yang bukan tugas utama;

iii. Struktur organisasi yang tidak jelas; dan

iv. Pembahagian bebanan tugas (*work load*) dalam kalangan kakitangan yang tidak selaras.

Soalan kaola, apakah sudah ada dihasilkan kertas-kertas cadangan bagi menambah jumlah cuti pekerja-pekerja awam dalam perkhidmatan bergaji hari dan jika ada apakah hasil penelitian kertas-kertas cadangan tersebut?

2. Kaola ingin jua membawa mengenai perihal kebenaran menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaan bagi pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam. Merujuk kepada Peraturan 10 - Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Kelakuan dan Tatatertib) Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam 1983 Penggal B:

"Seorang pegawai tidak boleh mengambil bahagian dengan secara langsung atau tidak langsung dalam urusan atau perjalanan mana-mana pekerjaan perniagaan, pertanian dan perusahaan."

Soalan kaola, adakah perancangan daripada pihak Jabatan Perdana Menteri untuk mengkaji semula peraturan berkenaan iaitu dengan turut memberikan kelonggaran bagi semua bahagian warga perkhidmatan awam untuk dapat terlibat dengan aktiviti dan pekerjaan lain?

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

**Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Saya ingin mengajukan soalan Tajuk SA10A - Jabatan Perkhidmatan Awam iaitu mengenai tajuk "Hari Perkhidmatan Swasta". Setiap tahun kita memperingati "Hari Perkhidmatan Awam" bagi menghargai kerja keras serta memberikan penganugerahan atas sumbangan mereka terhadap jentera kerajaan dalam merancang dan membangun negara. Begitu juga perkhidmatan swasta, lebih-lebih lagi dalam usaha kerajaan mempelbagaikan ekonomi negara.

Oleh yang demikian, mengadakan "Hari Perkhidmatan Swasta" wajarlah diadakan bagi menghargai dan mengiktiraf atas sumbangan mereka. Pertanyaan saya, adakah pihak-pihak yang berkenaan merancang untuk mengadakan "Hari Perkhidmatan Swasta" seperti yang dicadangkan?

Seterusnya, dalam perkhidmatan awam juga, seperti mana yang kitani ketahui bahawa amalan membaca Al-Quran dan membaca doa sebelum memulakan tugas ataupun pekerjaan sudah sekian lama diamalkan di agensi-agensi kerajaan begitu juga Majlis Khatam Al-Quran diadakan oleh umat Islam

seluruhnya termasuklah juga jabatan kerajaan yang berkenaan.

Soalan saya, sejauh manakah amalan tersebut dilaksanakan terutamanya di jabatan-jabatan kerajaan? Adakah sudah ada dibuat penilaian mengenainya dan jika ada berapa peratuskah ia diamalkan?

Sehubungan dengan itu juga, adakah rancangan pihak yang berkenaan untuk membaca "Sayyidatul Istighfar" seperti mana yang diamalkan pada masa ini oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam majlis-majlis keagamaan dan sebelum membaca doa di masjid-masjid.

Sekian, terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri:** بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Izinkan kaola menjawab soalan-soalan yang terdahulu daripada ini yang dikemukakan sebelum rehat tengah hari tadi.

Soalan-soalan daripada Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis.

1. Apakah Program Kepimpinan (*Leadership*) dan Pengurusan (*Management*) yang disediakan bagi pegawai-pegawai kanan Bahagian II ke atas untuk memantapkan lagi jentera pentadbiran kerajaan.

Terlebih dahulu sukacita kaola mengucapkan terima kasih atas soalan daripada Yang Berhormat

Awang Naim bin Haji Kamis mengenai Program Kepimpinan bagi pegawai kanan dan pegawai Bahagian II ke atas. Secara amnya pihak kerajaan telah menyediakan pelbagai program dan kursus kepimpinan untuk semua pegawai kerajaan. Hasil dari program-program dari kursus ini mana-mana pegawai yang dikenal pasti mempunyai potensi dalam bidang kepimpinan akan diserapkan masuk ke dalam program *Civil Service Leadership Pipeline*.

*Civil Service Leadership Pipeline* diwujudkan sebagai salah satu subiniatif di bawah rangka kerja perkhidmatan awam yang mendukung hasrat Wawasan Brunei 2035 melalui strategi pembangunan institusi. *CSLP* bertujuan mengenal pasti membangun kompetensi dan mengekalkan pegawai-pegawai yang berkarisma, berkeupayaan, berkualiti dan berkebolehan meningkatkan prestasi organisasi untuk menjadi pemimpin-pemimpin masa hadapan. Setiap kumpulan sasaran akan disediakan *Flagship Programme* bertujuan untuk membangun kepimpinan diri, kepimpinan berpasukan dan kepimpinan organisasi.

Program yang perlu dilalui adalah Program Eksekutif Muda (*Young Executive Programme*). Program pembangunan eksekutif bagi pegawai peringkat pertengahan (*EDPMMO*) dan Program Pembangunan Eksekutif bagi

pegawai kanan kerajaan (*EDPSDO*). Selaras dengan keperluan rancangan penggantian atau pengisian jawatan-jawatan kosong, impak *CSLP* dalam perkhidmatan awam akan mewujudkan kesinambungan Perancangan Sumber Tenaga Manusia yang berkualiti dan berpontensi tinggi khususnya di peringkat kepimpinan atau jawatan-jawatan strategik. Dengan adanya *CSLP Leadership Pool* ketelusan, *transparency* dalam pencalonan, pemilihan dan pengisian jawatan-jawatan kanan utama atau kritikal dalam perkhidmatan awam adalah lebih bersistematik, mantap, teratur kerana setiap keputusan dilaksanakan secara kolektif.

Manakala program-program yang ditawarkan oleh Insitut Perkhidmatan Awam, berasaskan kompetensi bermatlamat untuk mengatasi jurang kompetensi pegawai-pegawai perkhidmatan awam melalui Program Kepimpinan dan Pengurusan. Dengan melengkapi pegawai-pegawai B2 ke atas dengan kompetensi yang tepat diharap akan dapat menyumbang kemantapan jentera pentadbiran kerajaan.

Bagi tempoh 2017/2018 seramai 898 pegawai B2 ke atas menerima latihan di Institut Perkhidmatan Awam dalam berbagai-bagai program termasuk kepimpinan dan pengurusan.

2. Sejauh manakah program perancangan, penggantian dan

kemajuan kerjaya telah dilaksanakan setakat ini?.

Dalam melaksanakan rancangan penggantian pembangunan kapasiti sumber manusia amat penting bagi menyediakan sumber manusia yang kompeten. Antara keadah berkaitan yang membantu peningkatan dan pembangunan kapasiti adalah seperti berikut:

- i. Mengemas kini skim-skim perkhidmatan dengan memberikan penekanan kepada latihan pembangunan kapasiti yang dipersyaratkan untuk dijalankan. Skim Perkhidmatan yang dikemas kini mengandungi senarai latihan-latihan yang dikehendaki bagi meningkatkan kompetensi setiap peringkat pegawai dalam sesuatu skim perkhidmatan berkenaan.;
- ii. Setiap agensi yang menyokong pegawai-pegawai untuk mengikuti Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) khususnya di peringkat pengajian tinggi iaitu Ijazah Sarjana, Ijazah Kedoktoran hendaklah selaras dengan keperluan rancangan penggantian masing-masing. Kementerian hendaklah menyenaraikan keperluan dan pegawai-pegawai yang telah ada dan akan disokong mengikuti LDP selaras dengan kebolehan masing-masing. Ini termasuk pensyarah, guru-guru dan sebagainya.; dan
- iii. Dalam menilai sokongan penyambungan kontrak-kontrak pegawai luar selalu diingatkan agar setiap sokongan penuh perlu mengambil kira untuk memberikan keutamaan pegawai-pegawai tempatan yang berkebolehan.

Kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan adalah memainkan peranan yang penting dalam menghadapi sokongan kenaikan pangkat yang lengkap dan kukuh bagi pegawai-pegawai kanan yang dianggap layak untuk mengisi jawatan-jawatan kosong berkenaan. Dalam masa yang sama, kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan adalah sama-sama bertanggungjawab dalam melaksanakan rancangan penggantian secara holistik dalam organisasi masing-masing melalui proses pemantauan jawatan kosong sebagai satu langkah dalam rancangan penggantian bagi melahirkan sumber tenaga manusia yang profesional dan produktif dengan pengetahuan, kemahiran, potensi dan sifat kepimpinan yang jitu.;

3. Adakah program yang disebutkan di atas telah disukat pencapaiannya dari segi aspek pencapaian perkhidmatan dan pencapaian target untuk menjadikan perkhidmatan awam yang cemerlang?

Jawapannya, mengenai 3 program yang disebutkan di atas telah disukat pencapaiannya dari segi aspek

pencapaian perkhidmatan target untuk menjadikan perkhidmatan awam yang cemerlang. Penilaian pencapaian program, pembangunan kepimpinan di bawah *CSLP* direka bentuk untuk memenuhi kompetensi-kompetensi kepimpinan dalam *CSLP* yang telah dilengkapkan. Setiap pelaksanaan program diikuti dengan proses penilaian bagi memastikan program-program tersebut mencapai objektif yang telah digariskan awal khususnya daripada aspek kepimpinan. Proses ini melibatkan maklum balas dari peserta sendiri dan penyelia perkhidmatan.

Penilaian pencapaian individu. Dari segi peningkatan prestasi peserta dalam menyumbang perkhidmatan awam yang cemerlang dibuat dalam dua fasa:

- i. Penilaian semasa menghadiri program seperti laporan individu yang dihasilkan oleh penyedia perkhidmatan program; dan
- ii. Penilaian selepas menghadiri *friendship programme* iaitu penilaian prestasi (*current estimated potential* dalam program *monitoring*).

Di antara hasil yang nyata daripada program pembangunan kepimpinan *CSLP* sebilangan peserta telah pun ditetapkan ke dalam jawatan yang lebih kanan. Walau bagaimanapun program-program kepimpinan hanya menyumbang 10% daripada proses pembelajaran dan pembangunan para pegawai yang menghadiri,

manakala 9% adalah daripada pengalaman kerja, *job rotation*, *job enrichment*, projek-projek program *mentoring* dan sebagainya di kementerian dan jabatan-jabatan masing-masing.

Penilaian pencapaian organisasi. Pegawai-pegawai kerajaan yang telah menghadiri program-program pembangunan kepimpinan dijangka dan diharap akan dapat secara langsung turut meningkatkan pencapaian organisasi. Ini, dapat dinilai melalui program penggredan prestasi sektor awam *3PSA* yang pada masa ini sedang dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Pengurusan (*MSD*) ke atas jabatan-jabatan kerajaan.

Manakala inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh *MSD* yang turut digariskan oleh rangka kerja perkhidmatan awam yang antara lain bertujuan untuk mengukuhkan dan mengekalkan kepercayaan orang ramai terhadap pemberian perkhidmatan yang disediakan oleh agensi kerajaan bagi memudah cara aktiviti pertumbuhan ekonomi negara dan orang ramai.

Dua petunjuk prestasi utama:

- i. *KPI* telah dikenal pasti untuk mendukung salah satu objektifnya iaitu *KPI* 9% kepuasan hati pelanggan perkhidmatan awam bagi agensi-agensi yang berurusan dengan orang ramai; dan

ii. Peratus pencapaian TPOR perkhidmatan awam bagi agensi-agensi yang berurusan dengan orang ramai. Setiap agensi kerajaan yang bertanggungjawab dalam memantau pencapaian *KSTP* masing-masing akan menghadapkan laporan ke Jabatan Perkhidmatan Pengurusan setiap 6 bulan iaitu April - September dan Oktober - Mac.

Sasaran Tahun Kewangan 2017/2018 - 75%. Tahun Kewangan 2018/2019 - 80% dan Tahun Kewangan 2019/2020 - 90%. Pencapaian bagi Tahun Kewangan 2017/2018 adalah 67.8%.

Manakala, usaha-usaha yang dikendalikan dari pihak IPA iaitu *Short Level Evaluation* yang menyukat *work place application* setelah pegawai kembali bertugas yang akan dipantau tahap prestasi oleh pegawai penilai yang dilantik seperti mana yang dipersetujui pada awal program yang meliputi pegawai yang dinilai. Penilaian ini dilaksanakan untuk Program Eksekutif Muda.

4. Adakah peruntukan yang disediakan ini dapat mencapai matlamat 3 program di atas?

Bermula Tahun Kewangan 2018/2019 pembiayaan program-program pembangunan kepimpinan menggunakan peruntukan RKN-11. Sebanyak \$2.5 Juta telah diperuntukkan dalam RKN 11 untuk

menjalankan program-program tersebut. Setakat ini, peruntukan yang telah disediakan mengikut perancangan yang dihasratkan untuk mencapai matlamat program-program berkenaan.

5. Apakah program-program peningkatan aktiviti-aktiviti dan motivasi yang telah dijalankan dan sejauh mana pencapaian program-program berkenaan?

Dari segi peningkatan produktiviti, Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Awam telah mengemas kini dan memperkenalkan Sistem Pengurusan Prestasi yang baharu melalui Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 03/2019 yang telah berkuatkuasa pada 1 Oktober 2018. Tujuan Sistem Pengurusan Prestasi baharu ini bagi menitikberatkan budaya *performance best culture* dalam perkhidmatan awam. Di samping itu juga, menilai pegawai dan kakitangan secara objektif dan bersistematik melalui penilaian hasil Petunjuk Prestasi Utama.

Dari segi motivasi. Bahagian Perkhidmatan Kaunseling, Jabatan Perkhidmatan Awam juga turut aktif dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif seperti melaksanakan program-program yang dapat meningkatkan produktiviti di tempat kerja.

Antaranya ialah:

- i. Program Memperkasa Perkhidmatan Awam;
- ii. Program inisiatif kesejahteraan Perkhidmatan Awam;
- iii. Program Memperkukuh Kebersamaan Organisasi; dan
- iv. Program-program yang dilaksanakan atas permintaan kementerian dan jabatan seperti Program Tunjang Kejayaan Individu dan Program Kekuatan Perpaduan.

Manakala, pihak *MSD* juga melaksanakan Program *3PSA* sebagai instrumen dalam mengukur tahap prestasi sebuah jabatan dan sekali gus membolehkan pengiktirafan atau penghargaan melalui penerapan bintang kepada kementerian atau jabatan kerajaan yang jelas telah berusaha berjaya melaksanakan urus tadbir yang terbaik. Ini sudah setentunya menjana impak yang positif terhadap prestasi produktiviti dan kualiti pencapaian perkhidmatan jabatan-jabatan.

Yang Berhormat Pengerusi. Izinkan saya beredar kepada soalan daripada Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon mengenai:

1. Flat di Kampung Sungai Orok Salambigar, sama ada bangunan tersebut selamat untuk didiami?; dan

2. Apakah ada sebarang perancangan bagi flat yang dikosongkan itu? Kerana dikhuatirkan jika flat tersebut dibiarkan begitu sahaja tanpa ada pembaikan segera akan ada kerosakan dan sebagainya.

Kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon atas keprihatinan Yang Berhormat mengenai status keselamatan flat apartmen polis di Kampung Sungai Orok Salambigar. Untuk makluman Yang Berhormat, penghuni flat tersebut telah diarahkan pindah keluar pada penghujung tahun 2017, kerana bangunan tersebut dikhuatiri tidak selamat untuk didiami.

Ini memandangkan permukaan tanah di kawasan tersebut yang didapati masih tidak stabil dan menurun. Dalam menangani hal ini, Pasukan Polis Diraja Brunei sedang bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan bagi mendapatkan khidmat pakar teknikal untuk menilai keselamatan keseluruhan kawasan dan bangunan flat tersebut. Hasil daripada penilaian ini akan membolehkan Pasukan Polis Diraja Brunei untuk merancang kesesuaian kegunaan bangunan ini pada masa akan datang.

Untuk makluman Yang Berhormat jua, orang ramai ditegah daripada memasuki kawasan ini dan ia sentiasa dijaga daripada pencerobohan bagi menjaga keselamatan semua.

Satu soalan daripada Yang Berhormat FDR. AR. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman, mengenai *Natural Centralised Database (NCDB)* dan Pusat Data Kerajaan dan *Insfracture Call*. Ingin kaola memberikan jawapan mengenai persoalan yang telah dikemukakan itu. Projek yang dimaksudkan iaitu *Natural Centralised Database (NCDB)* adalah di bawah Rancangan Kemajuan Negara Kesebelas (RKN-11) iaitu buat masa ini menunggu kebenaran daripada agensi-agensinya berkenaan. Bagi projek *NCDB* telah dibuka tawaran pada 11 Julai 2018 dan telah ditutup tawaran pada 14 Ogos 2018, yang telah dihadapkan kepada Lembaga Tawaran Kecil (LTK) pada 6 Disember 2018 dan dibincangkan dalam Lembaga Tawaran Negara pada 18 Februari 2019.

Untuk makluman, pelaksanaan bagi projek ini dijangka mengambil masa selama 12 bulan dan sebahagian daripada perkara ini telah pun diberikan jawapannya oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Yang Berhormat Pengerusi. Setakat itu saja dulu yang dapat kaola berikan jawapan-jawapan bagi soalan-soalan yang telah diberikan. Manakala soalan-soalan yang baharu diberikan akan kaola jawab kemudiannya, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya masih lagi mempunyai 4 orang Ahli yang suka untuk bertanya dalam Tajuk ini. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat

Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

**Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin bertanya mengenai Tajuk yang barangkali mungkin tidak berkenaan dengan Tajuk-Tajuk yang sedang dikehendaki iaitu Tajuk SA14A, adakah kaola boleh diteruskan?

**Yang Berhormat Pengerusi:** Tunggalah dahulu sehingga kitani beredar ke Tajuk berkenaan. Kitani pada masa ini masih membincangkan Tajuk SA07A hingga Tajuk SA12A. Jadi, jika Yang Berhormat hendak bertanya mengenai Tajuk SA14A, barangkali ada baiknya ditunggu dulu sekejap. Saya persilakan, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
 Dalam Jabatan Perdana Menteri ini, kaola akan bertanya mengenai Tajuk SA09A - Jabatan Penerangan dengan jumlah peruntukan \$6,300,110.00 juta.

Yang Berhormat Pengerusi. Jabatan ini telah melaksanakan Program Muzakarah Penerangan (PMP) ke mukim-mukim dan ke kampung-kampung dengan membawa beberapa jabatan-jabatan berkenaan bagi membantu pihak Jabatan Penerangan menangani usul-usul dan soalan dari penduduk-penduduk mukim



dan kampung berkenaan. Tahniah dan terima kasih kepada Jabatan Penerangan atas pelaksanaan program ini.

Soalan kaola, sejauh manakah keberkesanan dan tindakan jabatan-jabatan berkenaan hasil permuzakarahannya berkenaan dan apakah perancangan PMP ini seterusnya? Sekian, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan, Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

**Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Tajuk SA10A, soalan kaola ialah mengenai pemberian Elaun Cuti kepada pegawai-pegawai kerajaan. Seperti yang kita sedia maklum bahawa pegawai dalam Perkhidmatan Tetap, Sebulan Ke Sebulan dan *Open Vote* yang memenuhi syarat adalah diberikan keistimewaan untuk memohon mendapatkan Elaun Cuti bagi tiap-tiap 4 tahun perkhidmatan.

Pemberian ini pada asalnya diterima pada setiap 3 tahun perkhidmatan. Jadi timbul kekecewaan sebilangan pegawai kerajaan terutamanya yang akan dan telah bersara dan tidak berhak menerima Elaun Cuti memandangkan tempoh perkhidmatan sebelum bersara tidak mencapai 4 tahun. Apa yang menjadi kekesalan, sesetengah pegawai hanya memerlukan beberapa bulan sahaja lagi untuk mencukupkan 4 tahun perkhidmatan.

Atas dasar ini, apakah kiranya dicadangkan bagi mana-mana pegawai

yang akan bersara yang tidak mencukupi tempoh perkhidmatan 4 tahun terakhirnya agar dapat diberikan hak keistimewaan Elaun Cuti secara pro rata? Dalam erti kata lain, pegawai tersebut tidak akan menerima Elaun Cuti sepenuhnya yang lazimnya diterima, tetapi akan menerima kadar elaun mengikut baki tempoh perkhidmatan terakhirnya.

Contohnya, 3 tahun perkhidmatan terakhir, maka Elaun Cuti akan diberikan tiga perempat daripada Elaun Cuti yang berhak diterimanya. Itu Soalan kaola, Yang Berhormat Pengerusi. Kaola memohon meneruskan, jika ada kebenaran Yang Berhormat Pengerusi selanjutnya dalam Tajuk SA14A, mohon kebenaran Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Belum lagi, Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Akhirnya dipersilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin.

**Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi terima kasih atas izin yang diberikan. Yang Berhormat Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola sukacita ingin mengajukan Tajuk SA08A - Jabatan Radio dan Televisyen Brunei.

Seyogianya sudah kita fahami bahawa peranan yang amat penting dan berkesan sebagai penghubung dan pemberi maklumat, apa jua maklumat dari kerajaan, peristiwa-peristiwa dalam negara mahupun luar negara, maklumat agensi kerajaan kepada rakyat Negara Brunei Darussalam dan lain-lain persembahan yang bermanfaat untuk rakyat yang telah diungkapkan sejak lama, diucapkan selamat maju jaya kepada Radio dan Televisyen Brunei.

Yang Berhormat Pengerusi. Pada hemat kaola betapa pentingnya untuk rakyat mengetahui hal-ehwal negara sendiri tetapi sebaliknya siaran rasmi negara ini seperti menerima saingan kerana di agensi-agensi kerajaan, yang selalu menerima pelanggan yang ramai dan masyarakat yang menunggu di kaunter-kaunter iaitu di berbagai-bagai perkhidmatan-perkhidmatan di jabatan kerajaan, dihidangkan dengan siaran-siaran bukan dari siaran negara sendiri. Ini menyebabkan jika ada maklumat untuk masyarakat tentu tidak kesampaian.

Yang Berhormat Pengerusi. Adakah sesuatu peraturan yang boleh menekankan di jabatan-jabatan kerajaan ataupun sektor-sektor swasta dan perusahaan-perusahaan supaya lebih memberi kepentingan siaran Radio dan Televisyen Brunei, Negara Brunei Darussalam harus lebih kita utamakan. Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri:** بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Sebelum kaola menjawab beberapa persoalan yang dibawakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat, izinkan kaola untuk menjawab persoalan yang dibawakan oleh Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad mengenai dengan *Work Exchange Programme Sectoral and Insectoral*. Usaha-usaha berkaitan penempatan kerja pegawai-pegawai kerajaan ke sektor bukan kerajaan bukanlah suatu perkara yang baharu.

Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil. 5/2005 mengenai Garis Panduan Pengurusan Personal untuk Program Peminjaman (*secondment*) pegawai-pegawai kerajaan Negara Brunei Darussalam dengan sektor swasta, menerangkan mengenai Kaedah Pengurusan Personal dalam proses peminjaman (*secondment*) pegawai-pegawai kerajaan Negara Brunei Darussalam dengan sektor swasta, sama ada kepunyaan kerajaan atau sektor swasta sepenuhnya.

Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri tersebut juga mengandungi terma-terma ataupun syarat-syarat perkhidmatan yang akan dikenakan kepada pegawai-pegawai yang dipinjamkan serta agensi sektor swasta yang meminjam pegawai itu nanti dan membantu pihak-pihak yang berkenaan melaksanakan program peminjaman dengan berkesan dan betul.

Sebagai contoh, terdapat pegawai-pegawai kerajaan yang telah ditempatkan di sektor swasta seperti Sektor Minyak dan Gas dan Sektor Telekomunikasi. Dalam merangka kerja perkhidmatan awam juga turut

digariskan mengenai usaha-usaha berkaitan penempatan kerja pegawai-pegawai kerajaan di sektor bukan kerajaan iaitu *enhancing level mobility*. Strategi ini bertujuan menyelaraskan persekitaran pekerjaan kepada sektor bukan kerajaan dan menawarkan terma pekerjaan yang bersesuaian kepada penjawat awam.

Strategi ini juga akan melihat kepada terma dan syarat pekerjaan, mengiktiraf prestasi yang baik dan mengambil tindakan ke atas prestasi kurang baik. Oleh itu, inisiatif ini adalah menyokong usaha kerajaan meningkatkan daya saing pekerjaan awam di pasaran kerja swasta dan meningkatkan profesionalisme dalam perkhidmatan awam.

Selain itu, program-program kepimpinan di bawah *CSLP* juga turut mengandungi modul-modul intensif dan *formality outrage activity* yang serba sedikit berkaitan dengan keperluan penempatan kerja pegawai-pegawai kerajaan di agensi-agensi bukan kerajaan.

Dalam modul intensif, para peserta program ditempatkan di agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan bagi tujuan perkongsian maklumat, mempelajari *best practices* dari agensi-agensi berkenaan, meningkatkan kebolehsuaian, *adaptability* dan *networking*.

Begitu juga dengan modul *COA*, para peserta didedahkan kepada aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang memerlukan mereka untuk berinteraksi dan bekerjasama bukan sahaja dengan

agensi-agensi kerajaan berkenaan bahkan dengan pihak swasta.

Kedua-dua modul ini dijangka akan dapat meningkatkan lagi kualiti pegawai-pegawai kerajaan dalam perkhidmatan awam dan menyokong pendekatan *whole of nation* dalam pentadbiran negara. Manakala, dari pihak Institut Perkhidmatan Awam pada masa ini tidak ada program yang dirancang untuk jangka masa panjang bagi *work exchange programme* antara sektor. Akan tetapi, berdasarkan keperluan beberapa pegawai dan kakitangan di Institut Perkhidmatan Awam telah pun dihantar untuk mengikuti penempatan kerja sambil belajar di sektor kerajaan yang lain.

Antara pembelajaran yang diperolehi adalah pengetahuan mengenai penggunaan dan pembangunan *e-Library* dan proses penilaian bagi program-program kepimpinan.

Perkara-perkara yang baru dibangkitkan oleh sebahagian Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon seperti Elaun Cuti, *Open-Vote* dan sebagainya di mana timbul beberapa keluh-kesah atau keluhan daripada pihak yang berkenaan dari segi untuk mendapatkan Elaun Cuti dan sebagainya.

Ini ditegaskan Peraturan Tetap dengan peraturannya. Walau apapun, kita buat bergantung pada peraturan itu. Walau bagaimanapun, perkara ini bolehlah dibawa dalam mesyuarat-mesyuarat yang berkenaan dengan Mesyuarat

Jawatankuasa Tanggagaji. Begitu juga dengan hari kelepasan awam yang telah disuarakan oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat. Pelepasan swasta, perkara ini juga ada sangkut pautnya dengan Jawatankuasa Tanggagaji dari segi cuti-cuti dan hari kelepasan awam.

Satu perkara yang disentuh tadi ialah amalan membaca Al-Quran bagi sesetengah kementerian. Perkara ini telah lama dimaklumkan dan diberikan panduan-panduan kepada setiap kementerian untuk menjalankannya secara bersendirian kerana amalan-amalan ini adalah amalan-amalan sunat dan tidaklah boleh kita memaksakan seorang itu untuk membuat suatu perkara yang belum tentu dapat dijalankan oleh semua kementerian. Walau bagaimanapun, semua kementerian digalakkan untuk membuat amalan membaca Al-Quran sebelum memulakan pekerjaan ini kerana untuk mendapatkan keberkatan dan taufik serta hidayah daripada *اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*.

Mengenai siaran rasmi Radio dan Televisyen Brunei. Nampaknya kita mendapat saingan dari siaran-siaran luar negeri. Perkara ini hendaklah kita maklumi bersama kerana siaran-siaran daripada luar negeri itu adalah hak mereka untuk menyiarkan. Begitu juga siaran-siaran kita hak kita untuk menyiarkan. Cuma yang penting ialah kesedaran *sense of belonging* kepada kita terhadap negara kita dan siaran-siaran bagi rancangan-rancangan yang kitani keluarkan dan diusahakan sendiri.

Jadi di sinilah sifat-sifat atau semangat-semangat patriotik itu patut ditanai dan ditanamkan bagi setiap orang di Negara Brunei Darussalam. Itu sahaja dahulu Yang Berhormat Pengerusi jawapan-jawapan saya dan diharap akan dapat lagi menjawab soalan-soalan yang berikutnya. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dengan ingatan bahawa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan meneliti untuk menjawab soalan-soalan yang belum dijawabnya. Maka dengan itu, saya kira cukuplah sudah kita membuat pertanyaan-pertanyaan dan Tajuk ini sekarang sudah boleh saya undi. Yang bersetuju, Tajuk SA07A hingga Tajuk SA12A, sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)**

**Yang Dimuliakan Jurutulis:** Tajuk SA07A hingga Tajuk SA12A dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SA14A hingga Tajuk SA25A.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mesyuarat Jawatankuasa ini sekarang beralih untuk meneliti Tajuk SA14A hingga Tajuk SA25A, Tajuk-Tajuk di bawah Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang suka untuk membahaskan bagi Tajuk-Tajuk tersebut ada dalam senarai yang disediakan dan sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat

Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

**Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
 Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. اَلْحَمْدُ لِلَّهِ lebih dahulu kaola merakamkan penghargaan dan terima kasih atas mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Daud, Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengenai Anggaran Perbelanjaan 2019/2020 bagi Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Kaola ingin membahaskan soalan menyentuh Tajuk SA14A - Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dengan jumlah yang akan diperuntukkan berjumlah \$4,892,550.00.

Soalan khusus ini dibangkitkan bagi kaola mencadangkan mengenai perkara jawatan-jawatan yang sedang dibekukan yang terdapat di jabatan-jabatan kerajaan. Kaola ingin bertanya status terkini dan bilangan kekosongan jawatan-jawatan yang terdapat di kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan yang masih dibekukan (tidak diisikan). Apakah dan kenapakah tersebut dibekukan? Mohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Oleh yang demikian, Yang Berhormat Pengerusi, kaola mencadangkan jawatan-jawatan yang dibekukan supaya akan dapat diiklankan semula dan diberi peluang untuk dibekukan kepada anak-anak tempatan bagi membolehkan jawatan-jawatan yang dibekukan diisikan sepenuhnya mengikut keperluan kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan. Ianya juga membolehkan kementerian atau jabatan tersebut menghasilkan pekerjaan yang bersistematik (birokrasi) dan dapat memberikan perkhidmatan yang efisien serta dapat membantu mengurangkan pengangguran yang semakin meningkat.

Soalan seterusnya kaola ingin memohon pencerahan daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam serta bahagian *Job Centre* di Bahagian Tenaga, Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian. Kaola ingin mengetahui perbezaan berapakah jumlah bilangan permohonan (keseluruhan) secara setahun yang diterima dari Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dengan permohonan *Job Centre* di Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian? Ini bertujuan untuk kaola dan orang ramai mengetahui perbezaannya pemohon yang berminat dengan pemohon yang paling banyak. Sekian Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii.

**Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Di bawah Tajuk SA23A - Pusat Kebangsaan e-Kerajaan. Saya merujuk kepada Kod Akaun 05/000-Keselamatan Siber.

Dalam perancangan dan perbincangan mengenai Ekonomi Digital. Selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Hari Kebangsaan 2019, baginda menyatakan:

“Keselamatan siber mesti diberikan perhatian khusus. Negara perlu menangani isu keselamatan siber kerana kesan negatif siber boleh menyerap ke dalam negara, masyarakat dan keluarga.”

Dalam Peruntukan Belanjawan Tahun 2019/2020, saya minta penjelasan tentang jawatan tenaga kerja dan juga peruntukan di bawah Tajuk-Keselamatan Siber. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.

**Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Merujuk kepada Tajuk SA23A. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ sudah dapat dilihat banyak pengurusan kerajaan telah dapat dibuat secara atas talian seperti memperbaharui *roadtax* dan sebagainya. Dengan adanya *National Centralised Database* ia diharap

akan memudahkan lagi pengurusan dengan pihak kerajaan.

Kaola ingin bertanya, mengikut perancangan jabatan, apakah lagi sistem kerajaan yang akan dibuat secara atas talian? Kerana masih terdapat banyak proses yang memerlukan individu-individu menguruskan pada waktu pejabat seperti pembaharuan pasport dan sebagainya. Diharap lebih banyak pengurusan dapat dibuat secara atas talian agar mengurangkan jumlah pekerja yang perlu keluar pada waktu pejabat dan membantu dalam meningkatkan produktiviti kerja. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ،  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ،

Kaola membawa Tajuk SA14A - Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Pada biasanya, jawatan yang ditawarkan melalui akhbar “Pelita Brunei” juga dipohon oleh mereka yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan awam.

Pada kebiasaannya juga akan dipohon oleh anak-anak belia yang belum mempunyai pekerjaan sama ada pemegang *O level, A level, IBTE, OND, HND*, Sarjana Muda sehingga Sarjana.

Walau macam manapun, selalunya anak-anak muda ini kecewa setelah ditemu

duga setelah kemudiannya diketahui pemohon yang berjaya adalah terdiri daripada yang sedang berkhidmat kerana kenaikan pangkat. Apa kiranya jika jawatan berkenaan dibukakan kepada mereka yang sedang berkhidmat maka tidak perlu ia dikeluarkan kepada umum.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri:** بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola cuba untuk memberikan jawapan satu atau dua daripada persoalan-persoalan yang dibawakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat terutama sekali dalam perkara yang bersangkutan paut dengan Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam:

1. Masalah jawatan-jawatan yang dibekukan; dan
2. Jawatan kosong yang diiklankan.
  - i. Jawatan-jawatan yang dibekukan. Memandangkan keadaan jawatan-jawatan tersebut untuk diberikan ataupun ditukar ganti dengan jawatan-jawatan yang ada di setiap kementerian itu dan atas dasar kepentingan yang tertentu maka jawatan-jawatan tersebut terpaksa dibekukan untuk memberikan jalan kepada jawatan-jawatan yang perlu diisikan lebih dahulu bagi pegawai-pegawai ataupun calon-calon yang bakal mengisikannya.

Walau bagaimanapun, perkara ini dapat juga akan diperhatikan atau diteliti semula dari segi faedah dan sebab-sebabnya; dan

- ii. Jawatan kosong yang diiklankan di akhbar "Pelita Brunei" didapati ada antaranya dipenuhi oleh pegawai-pegawai yang sedang bertugas. Perkara tersebut memanglah tidak dapat dinafikan kerana jawatan-jawatan yang diiklankan itu ada antaranya bagi memberi peluang kepada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat untuk mengisikan jawatan tersebut tetapi bukanlah secara percuma. Ia hendaklah menghadapi ataupun memasuki, menjalani soalan-soalan ataupun temuduga yang ia sendiri tidak mengetahuinya. Ia perlu menunjukkan kebolehannya, ketangkasannya ataupun apa sahaja yang ia boleh melebihi dan boleh mengalahkan calon-calon yang lain. Ini bergantung pada kebolehannya untuk menjawab soalan-soalan ataupun menjalani ujian-ujian bertulis. Perkara jawatan kosong yang diiklankan di akhbar "Pelita Brunei" ini adalah syarat bagi setiap pegawai atau setiap orang untuk mengisi jawatan-jawatan tersebut dan perkara ini mestilah dijalankan secara iklan dan diadakan temu duga. Itu sahaja dahulu Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:**

Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

**Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ soalannya SA16A – Jabatan Mufti Kerajaan. Memandangkan sekarang ini orang ramai sering saja atau hampir setiap hari menggunakan alat digital, pertanyaan saya, adakah pihak Jabatan Mufti Kerajaan merancang untuk mengeluarkan buku-buku fatwa atau irsyad hukum dengan menggunakan peralatan digital ini? Jika ada bahan-bahan digital ia memudahkan orang ramai membeli dan membaca di mana-mana sahaja.

Sekian disampaikan. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

**Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ. السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Kaola dalam Tajuk SA14A - Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Kod Akaun 002/000 mengenai TPOR. Pengisian jawatan-jawatan kosong dalam perkhidmatan awam.

Soalan kaola, berapakah tempoh masa bagi proses pengisian satu-satu jawatan

kosong bermula daripada pengiklanan jawatan-jawatan sehinggalah pengisian jawatan? Apa yang saya dengar, ada jawatan-jawatan kosong setelah penjawat awam pencen mengambil masa yang lama untuk diisikan semula oleh penjawat-penjawat baharu. Apakah ada mekanisme yang baharu yang difikirkan untuk mempercepatkan proses pengisian jawatan ini? Dengan adanya proses yang lebih cepat, sekurang-kurangnya masalah pencari kerja dapat dtangani sebaik-baiknya?

Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Kaola akan bertanya mengenai Tajuk SA14A - Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang peruntukkannya sebanyak \$4,892,550.00.

Yang Berhormat Pengerusi. Terdapat pekerja-pekerja *Open Vote* yang pada masa ini yang bekerja lebih daripada 5 tahun masih belum dilantik ke gaji bulan malah ada yang tidak ada kenaikan gaji tahunan. Pertanyaan kaola, bagaimanakah sistem atau syarat kenaikan pekerja *Open Vote* ini untuk mendapatkan gaji bulan?

Yang Berhormat Pengerusi. Seterusnya kaola akan bercakap mengenai Tajuk SA25A - Jabatan Penyelidikan Brunei,



Jabatan Perdana Menteri dengan jumlah yang diperuntukkan \$23,934,350.00. Jabatan ini sudah tentu ada program yang penting dan perlu diambil perhatian yang sebenarnya...

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat tadi awal-awal tadi kita sudah menekankan bahawa ada 5 jabatan dalam Tajuk Jabatan Perdana Menteri yang mana tidak perlu kita timbulkan atau kita bincangkan salah satu daripadanya ialah Jabatan Penyelidikan Brunei.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:** Tajuk SA25A.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ya.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:** Boleh diteruskan?

**Yang Berhormat Pengerusi:** Tidak perlu dibincangkan oleh sebab keadaannya adalah satu jabatan yang agak sensitif.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:** Itu sahaja. Sekian, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin**

**Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Kaola ingin menyentuh mengenai Tajuk SA21A ataupun Tajuk SA22A yang mana berkenaan, kaola inda pasti berhampiran Peguam Negara dan Kehakiman Negara.

Sebelum ini, kitani mendengar kes-kes mahkamah diberitakan melalui Radio Televisyen Brunei dengan jelas hukuman-hukuman diberitahu kepada umum tetapi akhir-akhir ini kaola dapati ada beberapa kes yang diberitakan yang sering dilaporkan ialah kes-kes penyeludupan. Yang ingin kaola tanyakan ialah kalau dahulu kes-kes begitu hukumannya sekian-sekian, kadang-kadang dalam bentuk denda ataupun penjara dan yang *confirm* dikatakan hukuman ini ialah kereta yang digunakan dirampas oleh pihak kerajaan.

Tapi akhir-akhir ini, kaola inda berapa ingat sejak beberapa tahun kebelakangan, penjatuhan hukuman itu, kalau kaola gelar "mesra hukuman, sangat mesra". Denda bolehlah dibayar secara ansuran dan kereta yang digunakan dikembalikan. Kaola faham itu hak prerogatif hakim untuk menjatuh apa saja yang terfikir olehnya berdasarkan pemikirannya pada masa itu yang mungkin sebagai pendidikan kepada orang yang berkenaan.

Soalan kaola, sejauh manakah keberkesanan *approach* ataupun pendekatan "mesra hukuman" ini sudah berhasil mengurangkan jenayah-jenayah

tersebut walhal yang kaola dengar, masih jua ada, sejauh manakah keberkesanannya "mesra hukuman" itu? Itu sahaja, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya kira perkara seperti itu tertakluk kepada undang-undang yang dijalankan oleh hakim ataupun majistret yang berkenaan. Setentunya ia berpandukan kepada peruntukan yang terdapat dalam undang-undang yang berkenaan.

Setentunya kurang berpatutan bagi kitani untuk membawa sesuatu yang tidak begitu konkrit dalam Dewan ini melainkan kita mempunyai sesuatu kes yang dapat dilihat. Itupun barangkali ia mempunyai prosedur yang tertentu bahawa pihak-pihak yang berkenaan yang terlibat boleh membuat *appeal* kepada mahkamah-mahkamah yang lebih tinggi daripada mahkamah-mahkamah yang berkenaan yang menjatuh hukuman-hukuman yang berkenaan itu.

Tapi saya bukanlah cuba untuk menjawab soalan itu secara pasti hanya untuk pengetahuan kitani bersama. Yang Berhormat suka untuk menjawab soalan-soalan yang telah dikemukakan.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Sekali lagi kaola ingin cuba untuk menjawab beberapa perkara ataupun soalan-soalan yang dibawakan oleh Yang Berhormat tadi.

Manakala yang lainnya, kaola mohon supaya dapat ditangguhkan untuk memberikan jawapannya pada masa yang akan datang.

Perkara yang akan kaola jawab adalah soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu mengenai Jabatan Mufti Kerajaan bukan kerana Jabatan Mufti Kerajaan itu hampir-hampir sama nama kaola.

Mengenai buku-buku terbitan Jabatan Mufti Kerajaan, perkara ini menjadi kelaziman dan memang dasar Jabatan Mufti Kerajaan untuk mengeluarkan ataupun membukukan mana-mana perkara-perkara yang bersangkutan-paut dengan hukum-hukum yang telah dikeluarkan dan diberigakan supaya ia menjadi rujukan kepada orang ramai. Perkara-perkara ini boleh didapati di Jabatan Mufti Kerajaan sendiri ataupun dihubungi pihak Jabatan Mufti Kerajaan untuk mendapatkannya.

Perkara lain yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon iaitu pengiklanan jawatan-jawatan kosong dengan tempoh masa pemrosesannya. Perkara ini memang disedari mungkin memakan masa, untuk makluman, sebagai misalan sahaja kepada Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, pernah satu jawatan diiklankan dengan pemohonnya sampai empat ribu lebih orang bahawa jawatan itu begitu sangat dikehendaki untuk diisi oleh pemohon-pemohon.

Disebabkan jumlah jawatan yang ada dan jumlah pemohon yang ada maka perkara ini sangat mengambil masa yang panjang walaupun telah dijalankan dengan beberapa cara, secara berkomputer dan sebagainya. Selepas komputer terpaksa juga menggunakan otak manusia. Jadi, tempoh masa itu memang tidak dapat ditentukan secara tepat.

Walau bagaimanapun, perkara ini sangat diambil perhatian supaya akan ada jalan ataupun cara untuk mengatasinya dan pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam akan sentiasa mencari cara-cara ataupun jalan-jalan untuk mengisi ataupun menepati dan mengikuti apa yang dikehendaki.

Tentang ada antaranya jawatan itu ataupun pemohon itu sampai begitu lama menunggu itu terpaksalah pemohon itu bersabar untuk jawatannya itu kerana bukan ia seorang sahaja yang ingin jawatan tersebut tetapi ia beberapa orang atau malah beribu orang menghendakinya.

Sebenarnya kaola ingin juga menjawab soalan kes mahkamah ini tentang "mesra hukuman" akan tetapi sudah dijawabkan dan terima kasih jua kepada Yang Berhormat Pengerusi sebab telah menjawabkan sendiri, jadi kaola tidak lagi mengulas perkara itu.

Mengenai perkara bersangkut paut dengan *Open Vote*, bila ia boleh dapat dilantik menjadi gaji bulan yang secara teratur dan tepat. Perkara ini masih lagi ataupun memang tertumpu ataupun

tertakluk kepada jawatan yang dipegangnya dan proses-proses yang akan dihadapinya kerana tidak semestinya cukup 5 tahun itu ia akan dapat terus gaji bulan malahan akan ada beberapa perkara yang terpaksa dijalankan. Itu sahaja dulu, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Dengan ingatan bahawa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan cuba untuk menjawab soalan-soalan yang belum dijawabnya kemudian, maka saya kira cukup sudah kitani berunding mengenainya Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih jua atas jawapan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ memang Jabatan Mufti Kerajaan mengeluarkan buku-buku fatwa dan irsyad hukum. Apa yang saya maksudkan jika ada sudah اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ disarankan peralatan sekarang ini orang muda menggunakan *mobile digital* untuk membaca buku, "limpang-limpang" pun boleh merujuk membaca buku itu melalui *mobile* ataupun *internet*.

Adakah Jabatan Mufti Kerajaan sudah menyediakan fatwa dan irsyad hukum ini melalui *digital* ini? Itu sahaja soalan saya terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Kalau ia "melimpang" buku lain dibacanya barangkali tu. Silakan Yang Berhormat

Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian.

**Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Peramba, kaola, saya ingin memberikan jawapan tambahan kepada soalan yang yang diajukan tadi oleh Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

Untuk makluman Yang Berhormat, sejak penubuhan *Job Center Brunei* dan setakat 9 Mac 2019 seramai 24,938 anak tempatan telah mendaftar dalam sistem *JCB*. Seramai 9,540 daripadanya adalah anak tempatan yang tidak bekerja dan aktif mencari kerja. Selainnya 15,398 merupakan jumlah anak tempatan yang berdaftar akan tetapi mereka ini sudah bekerja dan ingin mencari pekerjaan yang lain. Pada penghujung tahun 2018 seramai 24,433 pencari kerja telah berdaftar. Sejumlah 9,540 daripadanya anak tempatan yang tidak mempunyai pekerjaan. Setakat ini seramai 5,258 telah mendapatkan pekerjaan.

Sekian sahaja yang dapat peramba, kaola, saya sampaikan mengenainya.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya kira tiada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat ingin bertanya mengenai Tajuk SA14A - Tajuk SA25A, Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Maka sekarang Tajuk ini saya undi. Yang bersetuju sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)**

Nampaknya Semua Ahli bersetuju dan Tajuk yang berkenaan ini diluluskan.

**Yang Dimuliakan Jurutulis:** Tajuk SA14A - SA25A dijadikan sebahagian daripada Jadual.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang Mesyuarat Jawatankuasa ini beralih kepada Tajuk Kementerian Pertahanan. Tajuk SB01A - Tajuk SB04A.

Saya telah difahamkan bahawa Kementerian Pertahanan juga adalah sebuah kementerian yang tertutup kerana ia secara langsung dengan hal-ehwal strategik keselamatan negara dan sensitif dan pada kebiasaannya tidaklah bersesuaian untuk kita bincangkan secara terbuka.

Walau bagaimanapun, saya juga difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Pertahanan II, suka untuk memberikan mukadimahnya tentang penyediaan belanjawan bagi kementerian yang berkenaan ini.

Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Menteri Pertahanan II.

**Yang Berhormat Menteri Pertahanan II:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
dan salam sejahtera.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli  
Yang Berhormat yang dirahmati ﷻ yang  
peramba, kaola, saya hormati.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ kita bersyukur ke hadrat  
وَتَعَالَى اللَّهُ سُبْحَانَهُ kerana dengan izin dan  
rahmat-Nya jua kita dapat sekali lagi  
berkumpul di mesyuarat yang diberkati  
di Dewan yang mulia ini untuk sama-  
sama membincangkan mengenai isu-isu  
kepentingan negara yang sama-sama  
kita cintai ini.

Pada awal kesempatan ini peramba,  
kaola, saya bagi pihak Kementerian  
Pertahanan dan Angkatan Bersenjata  
Diraja Brunei dengan penuh hormat dan  
takzim sukacita menyembahkan ucapan  
setinggi-tinggi menjunjung kasih  
Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang  
Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan  
Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin  
Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji  
Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi  
Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan  
Negara Brunei Darussalam atas kurnia  
cadangan Peruntukan Tahun Kewangan  
2019/2020.

Cadangan Peruntukan untuk  
Kementerian Pertahanan dan Angkatan  
Bersenjata Diraja Brunei bagi Tahun  
Kewangan 2019/2020 ialah sebanyak  
\$589, 870,450.00.

Jumlah ini merupakan peningkatan  
sebanyak \$35,615,750.00 iaitu lebih  
kurang 6% daripada Peruntukan yang  
telah diluluskan daripada Tahun  
Kewangan yang lalu.

Dalam memikul amanah yang telah  
dipertanggungjawabkan ke atasnya,  
Kementerian Pertahanan dengan  
menjunjung sepenuhnya titah Kebawah  
Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri  
Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan  
Negara Brunei Darussalam mengenai  
kepentingan pendekatan *Whole of  
Nations and Whole of Government* terus  
komited untuk memastikan sumbangan  
maksimum pertahanan dan usaha-usaha  
memperkasakan kapasiti negara serta  
rakyat dalam sama-sama menyumbang  
bagi memastikan kestabilan, keamanan  
dan kesejahteraan negara yang kita  
nikmati selama ini akan terus berkekalan  
lagi berpanjangan.

Sumbangan utama Kementerian  
Pertahanan adalah melalui peranannya  
dalam strategi Keselamatan Kebangsaan  
iaitu mempertahankan kedaulatan dan  
kestabilan untuk menjadi salah sebuah  
negara yang paling selamat di dunia  
seterusnya mencapai matlamat  
Wawasan Brunei 2035 bagi kehidupan  
yang berkualiti dan rakyat yang  
berpendidikan tinggi serta ekonomi yang  
dinamik dan mampan.

Sejajar dengan peranan ini misi  
Kementerian Pertahanan ialah  
mempertahankan kedaulatan, keutuhan  
wilayah dan mendukung perlembagaan  
dan falsafah Melayu Islam Beraja.

Ke arah pelaksanaan misinya dengan efektif melalui perancangan strategik yang komprehensif. Strategi-strategi pertahanan telah dibentuk dan dilaksanakan. Strategi-strategi pertahanan ini secara berterusan dinilai semula dan dikemas kini bagi memberikan pilihan respons yang lebih teratur kepada cabaran-cabarannya yang disesuaikan dengan perubahan-perubahan landskap serta *trend* di persekitaran strategik domestik, serantau dan sejagat yang disejajarkan dengan strategi-strategi pembangunan peringkat nasional.

Secara berterusan fokus strategik pertahanan adalah ke arah memastikan dan menyumbang kepada pertahanan yang holistik yang tidak lari daripada 7 *key results areas* yang diuraikan dalam mukadimah pembentangan kementerian ini semasa Musim Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara Keempat Belas Pada Tahun 2018 yang lalu yang disingkatkan dengan *acronym accron* damai yang membawa erti:

- I** - Integriti Wilayah Yang Kukuh;
- K** - Tahap Keupayaan Tempur dan Kesiagaan yang Tinggi;
- WON** - Mendukung Pendekatan 'Whole-of-Nation';
- D** - Untuk Diplomasi Pertahanan yang Efektif;
- A** - Penglibatan Ketenteraan dalam Misi-Misi Antarabangsa;
- MA** - Sumber Tenaga Manusia yang Berkualiti Tinggi; dan
- I** - yang tidak kurang pentingnya, **Imej** Pertahanan yang Berwibawa dan Kredibel.

Semua ini adalah *stakeholders values* yang meliputi dimensi berikut:

1. Keutuhan kedaulatan negara. Integriti wilayah yang kukuh, ketenteraman awam, kekukuhan perpaduan rakyat, pembangunan sosioekonomi yang positif dan kestabilan dan keamanan persekitaran serantau dan antarabangsa.

Menyedari hakikat Angkatan Bersenjata Diraja Brunei kini diambang usia bertambah matang iaitu 58 tahun pada 31 Mei 2019 ini dan keadaan persekitaran strategik negara telah banyak berubah hasil dari kepesatan pembangunan.

Sebagai contoh, kepesatan pembangunan di Pekan Muara, Pulau Muara Besar dan Teluk Brunei dengan terbinanya Jambatan Penghubung Daerah Brunei Muara dan Daerah Temburong.

Sudah tiba masanya bagi Kertas Putih Pertahanan dikemaskinikan yang akan menghendaki antara lain perubahan konsep-konsep operasi dan perolehan peralatan serta persenjataan baharu yang memberikan tumpuan kepada pembangunan keupayaan yang lebih seimbang dan holistik bagi menggantikan peralatan yang berusia yang akan dikira *obsolete*.

Antara perolehan ini **إِنْ شَاءَ اللهُ** akan diusahakan dan direalisasikan menjelang usia signifikan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei genap mencapai 60 tahun pada tahun 2021 nanti. Oleh itu, tiga

teras utama strategi pertahanan yang sentiasa relevan adalah:

1. Keupayaan cegah rintang yakni *deterrents and response*;
2. Diplomasi pertahanan; dan
3. Pertahanan holistik.

1. Mengenai keupayaan cegah rintang *deterrents and response*. Ini dicapai dengan mewujudkan angkatan bersenjata yang *credible* dari segi kapasiti dan kemampuan dengan tahap persediaan dan siap siaga yang tinggi, *responsive and adaptable*. Program-program di bawah teras ini termasuk:

- i. Menyelenggara dan meningkatkan upaya aset dan prasarana dukungan yang sedia ada;
- ii. Memperoleh peralatan dan aset bagi mengurangkan jurang keupayaan (*capability gaps*) yang tertunggak mahupun juga keupayaan berbangkit untuk memenuhi keperluan tugas semasa dengan mengambil kira perkembangan teknologi yang terkini dalam *capability planning*;
- iii. Melaksanakan pengambilan atau *recruitment*;
- iv. Membangun dan memperkembangkan kepakaran dan profesionalisme ke arah kualiti perkhidmatan pertahanan yang tinggi. Ini turut termasuk pelaksanaan secara tempatan

sebelumnya diperolehi di luar negara;

- v. Menjaga kebajikan menyeluruh anggota tentera;
- vi. Melaksanakan latihan-latihan kesiagaan;
- vii. Memperoleh kepakaran khas berserta keupayaan peralatan berkaitan dalam menangani risiko-risiko keselamatan *temporary* dan yang berbangkit;
- viii. Memantapkan perintah dan kawalan; dan
- ix. Meronda dan mengawasi kawasan perbatasan darat, maritim dan udara.

Dari segi pencapaian sehingga kini program-program yang diserlahkan di bawah teras ini, contohnya perolehan kapal-kapal peronda kelas Darussalam dan kapal-kapal peronda laju kelas Ijtihad serta pesawat helikopter pelbagai peranan.

Penaiktarafan fasiliti Institut Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, penubuhan Markas Angkatan Bersama, Akademi Pertahanan dan Pusat Latihan Tentera Laut, penambahbaikan Markas Tentera Laut Diraja Brunei, pertubuhan Markas Khidmat Bantuan *Combat* Tentera Darat Diraja Brunei, pembangunan *Medical Reception Station* dan *Single Soldiers Accommodation* antara lain telah menyumbang secara signifikan kepada peningkatan tahap

kesediaan dan siap siaga anggota, aset dan prasarana tentera yang dimanifestasikan dalam bentuk tahap *operational readiness* yang meningkat dan masa bertindak atau *response time* yang semakin pantas dari tahun ke tahun.

Hasil pencapaian ini juga akan terus dioptimumkan bagi memastikan sumber daya pertahanan sentiasa dalam keadaan bersedia dan boleh diatur gerak seterusnya dikerah pada bila-bila masa bukan saja untuk menangani konflik *conventional* tetapi juga untuk melaksanakan tugas-tugas lain seperti operasi mencari dan menyelamatkan dan bantuan bencana dan kemanusiaan.

Begitu juga bagi memantapkan kemampuan *response* dan penglibatan dalam misi-misi luar negara yang menyumbang kepada kestabilan dan keamanan sejagat termasuk misi pemantau operasi keamanan dan juga operasi bantuan dan kemanusiaan.

الحمد لله dengan tahap kesediaan dan kesiapsiagaan yang sentiasa dijaga Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah berjaya mengikuti operasi-operasi sedemikian di *Cambodia* yakni *United Nation Transnational Equality* di *Cambodia (UNTEC)* pada tahun 1992 hingga 1993.

Pada tahun 2005 pula memberikan bantuan operasi bantuan dan kemanusiaan selepas *Indian Ocean Tsunami* di Aceh, Indonesia dan juga gempa bumi di Jogjakarta. Pada tahun yang sama menjadi ahli misi pemantau

Aceh *Monitoring Mission*, Misi penghantaran bantuan kemanusiaan ke Takluban, Filipina selepas Taufan Haiyan. Pada tahun 2013, memberikan bantuan kemanusiaan kepada mangsa gempa bumi di Nepal pada tahun 2015.

Perancangan Peruntukan Pertahanan Kewangan tahun ini, *إِنْ شَاءَ اللهُ* dalam jangka waktu dekat mendatang antara lain akan disalurkan bagi pembinaan dan penaiktarafan prasarana-prasarana unit baharu dan unit latihan serta perumahan anggota.

2. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dirahmati *الله*. Teras utama kedua, diplomasi pertahanan. Ini dicapai dengan melaksanakan serta bergiat aktif dalam menjalinkan hubungan bantuan pertahanan dengan negara-negara sahabat baik dua hala mahupun pelbagai hala sejajar dengan dasar luar negara ke arah;
  - i. Peningkatan kefahaman, keyakinan, ketelusan dan keterbukaan seterusnya mewujudkan rasa saling percaya (*mutual trust*) dan saling menghormati (*mutual respect*) dan sesama pihak saling bekerjasama *mutual cooperation*.; dan
  - ii. Menjamin sokongan negara-negara sahabat baik dari bentuk bantuan pembangunan kapasiti mahupun juga sokongan secara prinsip dalam apa jua agenda dan inisiatif yang diterajui negara di arena serantau dan antarabangsa.



Program-program di bawah teras ini termasuk pelaksanaan:

- i. Penandatanganan memorandum persefahaman *MOU's* dan perjanjian dalam bidang kerjasama pertahanan;
- ii. Menubuhkan dan mengekalkan pejabat-pejabat perwakilan pertahanan, penasihat dan *attache'* pertahanan di Suruhanjaya-Suruhanjaya Tinggi dan Kedutaan-Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di luar negara;
- iii. Pengungkayahan dan penyertaan dalam latihan ketenteraan dua hala dan pelbagai hala termasuk yang di bawah payung keahlian dan pertubuhan-pertubuhan serantau dan antarabangsa khususnya *ASEAN*;
- iv. Pertukaran dan perkongsian maklumat termasuk maklumat perisikan;
- v. Pertukaran latihan dan pendidikan tentera dan pertahanan; dan
- vi. Pengungkayahan dan penyertaan dalam interaksi lain pertahanan dan ketenteraan termasuk pertukaran lawatan, jemputan dan kehadiran dalam pelbagai inisiatif pembangunan keyakinan dan usaha sama keselamatan dua hala dan pelbagai hala.

Dari segi pencapaian tahun demi tahun interaksi pertahanan dan ketenteraan di bawah platform dua hala dan pelbagai

hala terus meningkat dari jumlah dan skop kerjasama yang hingga setakat ini telah merangkumi bersama lebih 60 buah negara dari seluruh pelosok dunia.

Memorandum - memorandum persefahaman atau *MoUs* dan perjanjian pertahanan telah dimeterai dengan 18 buah negara sebagai manifestasi pengiktirafan yang diberikan kepada *credibility* organisasi pertahanan negara sebagai rakan kongsi yang strategik.

Walaupun proses damai di Selatan Filipina memperoleh kemajuan yang ketara Angkatan Bersenjata Diraja Brunei juga terus mendapat kepercayaan sebagai penyumbang dalam pasukan pemantau antarabangsa (*international monitoring team*) atau *IMT* di Mindanao, selatan Filipina yang memasuki tahun ke-15 penglibatannya pada tahun ini.

Kepercayaan ini jelas terpancar melalui peranan terkini yang dipertanggungjawabkan melalui *Independent Decommissioning Body* atau *IDB* dalam usaha bersama untuk merealisasikan fasa proses damai yang seterusnya di Mindanao berikutan penandatanganan *The Framework Agreement on the Bangsa Moro*.

Begitu juga penyertaan dalam *United Nations Interim Force In Lebanon* atau *UNIFIL* yang telah genap 10 tahun penglibatannya pada tahun 2018. Manifestasi pengiktirafan yang sedemikian yang lain termasuk juga pendapatan Pegawai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei sebagai *international liaison officers*

di *International Fusion Centre* dan *Regional HADR Coordination Centre* di Singapura bermula tahun 2013 dan 2015, dan *Common Watch Captain Decombine Task Force 151 CFC 151 Gulf of Eden* sejak tahun 2010. Pada tahun 2014 dua buah kapal Tentera Laut Diraja Brunei, KDB Darussalam dan KDB Darul Aman membuat pelayaran ke Hawaii, Amerika Syarikat buat pertama kali menyertai *exercise* maritim antarabangsa terbesar di dunia, *Frame of the Pasific Exercise* atau *RIMPAC*.

Pada tahun lepas, Tentera Laut Diraja Brunei juga buat kali pertama menyertai *ASEAN-China Maritime Exercise* di Republik Rakyat China dan *International Review 2018* di Republik Korea. Melalui rangka kerjasama Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan *ASEAN* atau *ADMM*, Kementerian Pertahanan juga membuktikan kemampuan untuk memikul dan melaksanakan dengan jayanya peranan sebagai Pengerusi Bersama bagi *ADMM Plus Expert Working Group* atau *EWG on Maritime Security* dari tahun 2014 hingga 2017. Hos kepada dua latihan besar iaitu *ADMM Plus HADR Maritime Security Exercise* pada tahun 2013 dan *ADMM Plus Maritime Security Counter Terrorism Exercise* pada tahun 2016.

Di samping itu, inisiatif negara bagi penubuhan *communication link* antara Menteri-Menteri Pertahanan *ASEAN* juga mendapat sokongan dan dilaksanakan secara berfasa yang sekarang ini dikenali sebagai *ASEAN Direct Communication Infrastructure* atau *ADI*. Perancangan Peruntukan Pertahanan Tahun

Kewangan ini dalam jangka waktu dekat mendatang antara lain akan disalurkan bagi mengekalkan penglibatan aktif dalam aktiviti-aktiviti kerjasama di bawah rangka kerja *ASEAN, ADMM* dan *ADMM Plus*, ini termasuk penyertaan dalam latihan-latihan anjuran *ADMM Plus Expert Working Group* yang merangkumi *HADR, maritime security, military medicine, counter terrorism dan military main action, peacekeeping operation dan cyber security*. Pada putaran 2023, إِنْ شَاءَ اللَّهُ Kementerian Pertahanan akan menjadi pengerusi bersama *military medicine* bersama Australia.

Hal ini akan melihat kementerian ini menerajui usaha peningkatan kerjasama praktikal dalam bidang ini di antara negara-negara *ASEAN* dan juga negara-negara rakan dialog yang lain.

Seterusnya melaksanakan dan menyertai aktiviti-aktiviti di bawah peruntukan *MoUs* perjanjian dan kesepakatan dua hala dalam bidang kerjasama pertahanan. Ini termasuk mesyuarat-mesyuarat *Joint Defense Working Committee*, latihan-latihan tentera, mesyuarat-mesyuarat pertukaran perisikan, pertukaran lawatan anggota, lawatan-lawatan kapal, pertukaran latihan dan pendidikan dan sebagainya.

Tahun ini Tentera Udara Diraja Brunei akan menjadi hos kepada Mesyuarat Ke-16, *ASEAN A Chiefs Conference (AACC)*, dan *6th ASEAN Airforce Education and Training Working Group Meeting (AAFET)*. Manakala pada tahun 2020 Angkatan Bersenjata Brunei akan menjadi Tuan Rumah *Brunei*

*International Skill At Arms Meet (B.I.S.A.M)* iaitu pertandingan menembak terbesar di rantau ini. Manakala pada tahun yang sama juga akan tiba giliran Tentera Darat Diraja Brunei untuk menghoskan *ASEAN Chief of Armies Multilateral Meeting ASEAN (ACAMM) Sergeant Majors Annual Meeting (ASMAM) dan ASEAN Armies RifleMe (AAIM)*.

3. Melaksanakan inisiatif-inisiatif pembangunan kapasiti bagi angkatan-angkatan tentera sahabat termasuk pengendalian kursus Bahasa Inggeris, Program Perkembangan Eksekutif, Kursus Maktab Turus Angkatan Bersenjata Brunei dan juga Kursus Pegawai Staf Rendah Angkatan Bersenjata Brunei.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ pelaburan modal insan melalui akademi pertahanannya yang kini berusia 8 tahun telah turut melahirkan seramai 140 graduan iaitu pengambilan pertama hingga ke-9 Kursus Maktab Turus dan seramai 459 graduan dari pengambilan pertama hingga ke-17 Kursus Pegawai Kadet.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ pada pengambilan Kursus Pegawai Kadet Ke-18 nanti seramai 83 orang akan mengikuti kursus tersebut. Ini merupakan bilangan terbesar dalam satu pengambilan setakat ini di samping mendidik dan melatih pegawai-pegawai tempatan Akademi Pertahanan juga turut menjayakan penyertaan 14 buah negara-negara sahabat di berbagai-bagai kursus utama seperti kursus Maktab Turus dan Kursus Pegawai Staf Rendah.

Teras ke-3 pula ialah Pertahanan Holistik. Ini dicapai dengan melaksanakan *Whole of Nation Approach* kepada pertahanan Program-program di bawah teras ini termasuklah:

- i. Penglibatan dalam Jawatankuasa Keselamatan Negara atau JKN atau jawatankuasa-jawatankuasa kerja di bawahnya dalam merangka dan melaksanakan strategi keselamatan nasional;
- ii. Melaksanakan operasi-operasi berbilang agensi;
- iii. Menghulurkan sumbangan kepakaran khusus dan keupayaan aset dalam tugas-tugas nasional. Ini termasuk *bomb disposal*, mencari dan menyelamatkan, bantuan kemanusiaan, anti-lanun, pengangkutan anggota *MEDEVAC (Medical Evacuation)* dan *CASEVAC (CASUALTY Evacuation)*;
- iv. Mendukung pembangunan nasional dan karakter bangsa khususnya dalam pembinaan kesedaran dan pemahaman yang luas bagi kepentingan membela dan mempertahankan negara bagi setiap penduduk serta mempromosikan dan memaparkan semangat patriotisme dan cinta kepada negara dan komitmen bagi pemeliharaan nilai-nilai kenegaraan. Nilai-nilai ini *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* akan terus diperkukuhkan termasuk melalui kegiatan Askar Simpanan Melayu Diraja Brunei ASMBD, Persatuan Veteran

Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (PERWIRA) dan pasukan-pasukan kadet tentera iaitu golongan belia negara yang masih dalam persekolahan yang kegiatan dan penghasilannya akan diberikan sinergi bersama Kementerian Pendidikan dan kementerian-kementerian dan agensi yang berkepentingan yang lain;

- v. Mengekalkan imej profesionalisme dan berwibawa dalam segala aspek bagi memberi keyakinan kepada rakyat bahawa Angkatan Bersenjata Diraja Brunei benar-benar mampu dan terbukti berupaya melindungi kedaulatan dan kepentingan dan strategik negara;

- vi. **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ** seperti juga yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dalam mukadimah Yang Berhormat itu penandatanganan projek usaha sama atau *joint venture* antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan *Muara Maritime Services Sendirian Berhad* telah dimeterai pada hari Rabu, 6 Mac 2019 yang baru lalu. Projek ini akan banyak memberikan kesan positif dan kesan *spin-off* masa panjang merangkumi pemeliharaan pembaikpulihan *asset maritime* negara, peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan dan juga pada

usaha menubuhkan industri pertahanan pada suatu hari nanti.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sehingga kini dengan berkat daulat kepimpinan dan kebijaksanaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang juga Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Kegiatan-kegiatan pertahanan dengan teras-teras utama dihujahkan tadi telah berjaya memastikan negara bebas daripada ancaman konvensional dan membolehkan rancangan-rancangan kemajuan dan pembangunan negara berjalan lancar dan berjaya.

Justeru, Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei selaku perisai penjamin keselamatan dan keamanan negara yang 89.1% dari kekuatan ketumbuhannya tergolong dalam kategori belia iaitu 4.5% dari jumlah keseluruhan belia negara ini.

Sebagai maklumat tambahan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei terus memberikan peluang pekerjaan kepada belia dan beliawanis yang layak melalui pengambilan rekrut lelaki 2 kali setahun dengan jumlah keramaian 480 orang sementara itu pengambilan rekrut wanita dijalankan 1 kali setahun dengan pengambilan seramai 60 orang.

Sehubungan itu, **إِنْ شَاءَ اللهُ** Kementerian Pertahanan akan terus menyasarkan pelaksanaan program-program peningkatan dan penambahbaikan kapasiti ke arah memperkasakan keupayaan sejajar dengan fokus-fokus pertahanan yang disebutkan.

Pada menjunjung hasrat dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei akan terus memberikan fokus bagi memastikan semua pihak berkepentingan dilibatkan untuk menjamin perancangan mencapai kejayaan dan pertahanan negara secara menyeluruh dan mapan dicapai.

Kita hayati juga titah baginda, isu keselamatan tidak boleh dikompromikan, justeru pertahanan Negara Brunei Darussalam, negara berdaulat tercinta tetap masih dan akan sentiasa menjadi tanggungjawab kita semua termasuk kitani yang ada di Dewan mulia ini.

Dalam erti kata lain bukan hanya terletak pada Kementerian Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan agensi-agensi keselamatan yang lain.

Kita semua berdoa dengan rahmat **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**, ikrar taat setia yang tidak berbelah bahagi Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerajaan baginda. Negara Brunei Darussalam akan kekal aman makmur berdaulat dalam pemeliharaan **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dan barisan

pertahanannya dengan tawakal yang jitu, semangat kepahlawanan Brunei sejati jua akan tabah berani menghadapi cabaran-cabaran serta akan terlepas dari segala musibah dalam pengabdian tulus menunaikan amanah yang besar ini.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi **وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya kira mukadimah yang telah pun dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan II adalah cukup jelas dan sudah sememangnya tidaklah perlu untuk kita bahaskan lagi.

Maka dengan itu saya ingin supaya Tajuk ini kita undi. Bagi Ahli-Ahli yang bersetuju sila angkat tangan.

### **(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)**

Terima kasih semua Ahli Yang Berhormat bersetuju maka Tajuk Kementerian Pertahanan diluluskan.

**Yang Dimuliakan Jurutulis:** Tajuk SB01A dan Tajuk SB04A dijadikan sebahagian daripada Jadual.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya kira cukuplah bagi kita pada kali ini hari ini untuk berbincang dan membahaskan Rang Undang-Undang ini dan saya ingin menangguhkan Mesyuarat Jawatankuasa ini dan kita bersidang semula di Majlis Mesyuarat Negara.

### **(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang  
semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah pun membincangkan Rang Undang-Undang yang berkenaan dan saya kira cukuplah bagi kita untuk berbuat sedemikian pada hari ini dan saya tangguhkan mesyuarat kita ini dan kita akan bersidang semula pada esok hari *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* iaitu hari Rabu, 13 Mac 2019 pada pukul 9.00 pagi.

Sekian, *وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته*

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

## **DEWAN MAJLIS**

**Rabu, 6 Rejab 1440/13 Mac 2019**

### **YANG DI-PERTUA DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA**

#### **HADIR:**

#### **YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

#### **AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI):**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Ekonomi dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

**(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, PSNB., DPMB., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, PSNB., SPMB., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, PSNB., SPMB., SNB., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, PSNB., SPMB., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Mohd Hussein, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof, PSNB., SMB., PIKB., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.



Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, DPKT., SMB., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:**

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, DPKT., DPMB., SNB., PBLI., PJK., PKLP.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim, DPMB., SNB., PJK., PKL.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:**

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, PSB., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad, SMB.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari, PIKB.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, PIKB.

**AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'B', Zon 1 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Kota Batu, Zon 3 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PSB., PIKB., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 4 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, Ketua Kampung Limau Manis, Zon 5 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Zon 2 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, PJK., PKL., Penghulu Mukim Liang, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, PIKB., Ketua Kampung Labi I, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, SUB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Tanjong Maya, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Bokok, Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

#### **HADIR BERSAMA:**

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

### **Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.00 pagi**

#### **Yang Dimuliakan Jurutulis:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara bersidang pagi ini, iaitu hari yang keempat, Rabu, 6 Rejab 1440 bersamaan 13 Mac 2019, didahului dengan Doa Selamat.

#### **DOA SELAMAT**

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddien).

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ. السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
اَلْحَمْدُ لِلَّهِ kita bersyukur ke hadrat  
اللَّهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى kerana dengan limpah  
rahmat dan izin-Nya jua, kita dapat lagi  
bersama-sama hadir pada pagi ini  
bersidang bagi hari yang keempat dalam  
Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim  
Permesyuaratan Kelima Belas Majlis  
Mesyuarat Negara.

Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Susunan Kerja pada pagi ini, kita mulakan dengan perbincangan mengenai Perkara V, Soalan-Soalan Yang Diberi Notis.

**Yang Dimuliakan Jurutulis:** Perkara V - Soalan-Soalan Yang Diberi Notis. Soalan No. 5, Soalan Jawab Mulut daripada Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

**Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari:** Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Soalan saya No. 5 ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkenaan dengan *Civil Services Leadership Pipeline*. Dengan ini saya mengumumkan untuk menarik balik soalan tersebut. Terima Kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Dimuliakan Jurutulis:** Perkara V - Soalan-Soalan Yang Diberi Notis. Soalan No. 6, Soalan Jawab Mulut daripada Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

**Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis:** Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Terima kasih.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Soalan ini ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Soalan mengenai masalah pengangguran. Keadaan pengangguran di negara ini setiap tahun akan bertambah disebabkan kurangnya kekosongan jawatan-jawatan sama ada di pihak perkhidmatan awam ataupun pihak swasta. Untuk mengatasi perkara ini mungkin sebahagian daripada para

graduan dapat diserapkan ke dalam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei atau Pasukan Polis Diraja Brunei dengan menamakan pasukan tersebut sebagai Pasukan Simpanan dengan perkhidmatan dalam tempoh 3 tahun dan mereka boleh diserapkan ke dalam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei atau Pasukan Polis Diraja Brunei selama 3 tahun penuh bagi mereka yang berminat.

Saya percaya, mereka ini mempunyai kelayakan-kelayakan yang berlainan yang boleh membantu Angkatan Bersenjata Diraja Brunei atau Polis Diraja Brunei dalam bidang ketenteraan atau kepolisan. Sehubungan dengan itu, saya ingin bertanya adakah Akta-Akta Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pasukan Polis Diraja Brunei membolehkan untuk menubuhkan Pasukan Simpanan seperti yang dimaksudkan di atas? Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri:** بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terima kasih jua kepada Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis. Pada menjawabnya, merujuk kepada Peraturan-Peraturan Am Pasukan Polis Diraja Brunei dan Akta Pasukan Polis Diraja Brunei Penggal 50 Undang-Undang Negara Brunei Darussalam tidak terdapat peruntukan yang membolehkan Pasukan Polis Diraja Brunei untuk menubuhkan Pasukan Simpanan seperti Yang Berhormat cadangkan, kecuali bagi pengambilan pasukan untuk berkhidmat

semasa perang atau darurat di bawah *Section 5* Akta Pasukan Polis Diraja Brunei Penggal 50.

Pada masa yang sama di bawah Akta Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Penggal 149 juga tidak terdapat sebarang peruntukan bagi pengambilan Pasukan Simpanan yang terdiri daripada pencari-pencari kerja kecuali Anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang telah bersara. Walau bagaimanapun, Pasukan Polis Diraja Brunei masih giat dalam pengambilan anggota dan pegawai baru. Pasukan juga mengalualukan para pencari kerja untuk memohon dan berkhidmat bersama pasukan. Pengiklanan pengambilan anggota dan pegawai baharu akan disiarkan melalui laman sesawang Pasukan Polis Diraja Brunei. Setiap pemohon yang berminat untuk berkhidmat sebagai Anggota Polis Diraja Brunei hendaklah lulus dalam pemilihan dan perlu memenuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak Pasukan.

Untuk makluman Yang Berhormat jua, penubuhan Pasukan Simpanan di bawah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei mahupun dan Pasukan Polis Diraja Brunei adalah bersifat jangka panjang dan mempunyai komitmen penuh, bukanlah bersifat sementara. Penubuhan Pasukan Simpanan yang berjangka pendek adalah dilihat tidak memenuhi keperluan bagi pasukan-pasukan simpanan yang dinyatakan tadi. Ia juga tidak selari usaha-usaha kerajaan pada ketika ini untuk memperkuat sektor swasta dan memperkembangkan industri-industri yang telah dikenal pasti.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Dimuliakan Jurutulis:** Soalan Jawab Mulut No. 7 daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

**Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:** السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ،  
 اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ،  
 Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola membawakan Tajuk Pengagihan Kekayaan (*Distribution of Wealth*). Di dalam usaha sama kerajaan sama ada melalui penanaman modal luar secara langsung (*foreign direct investment*) atau syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (*government link company*) sudah tentu ada peruntukan saham sebanyak beberapa peratus. Pertanyaan saya ialah, adakah dalam perancangan kerajaan untuk membukakan saham-saham tersebut untuk dijual kepada rakyat Negara Brunei Darussalam? Bagi membantu mereka mempunyai saham dalam syarikat-syarikat berkaitan kerajaan atau dalam syarikat usaha sama dan dengan yang demikian ia boleh memberikan pendapatan kepada mereka di samping menjana kepada agihan kekayaan kepada rakyat di negara ini. Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terima kasih jua kepada Yang Berhormat Awang Haji

Mohimin bin Haji Johari @ Jahari. Bagi soalan ini kaola telah berbincang dengan rakan sejawatan kaola, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II bahawa beliau akan memberikan jawapan mengenainya.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan jua terima kasih kepada soalan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari. Soalan Yang Berhormat tadi, adakah kerajaan membukakan peluang supaya orang ramai dapat melabur dalam syarikat-syarikat yang berkaitan dengan kerajaan dan jua beberapa *FDI* yang sedang ada dalam negeri ini?. Ini ada perbezaan dengan tajuk Pengagihan Kekayaan (*Distribution of Wealth*) ini, ada 2 perkara yang berbeza. Oleh sebab melabur dalam syarikat-syarikat berkaitan kerajaan ataupun di *FDI* bukan semestinya menjanjikan keuntungan.

Akan tetapi ia mempunyai berbagai-bagai risiko. Apa yang penting masa ini adalah untuk mengukuhkan lagi prestasi beberapa syarikat tersebut. Bukan saja dari segi prestasi kewangan tetapi jua mengenai korporat *government* dan jua *accountings standard operating procedure*. Apa yang penting pada masa ini adalah untuk kerajaan untuk mengukuhkan lagi prestasi beberapa syarikat yang berkaitan dengan kerajaan sama jua *FDI* yang ada masa ini. Bukan dari segi prestasi kewangan tetapi jua *Cooperate Government Accounting*

*Reporting Standard, Operating Procedure Transparency of the Operation* dan sebagainya. Sudah nanti syarikat ini bersedia untuk dibukakan kepada orang ramai satu *avenue* ialah untuk melalui bursa saham. Pada masa ini masih lagi dalam *improvement stage*.

Bila sudah bursa saham ini siap sedia, kitani boleh memikirkan manakah syarikat yang boleh kitani senaraikan di bursa saham. Tidak semestinya semua syarikat boleh dibukakan untuk orang ramai. Kaola ingin mengambil kesempatan ini untuk mengongsikan mengenai kedudukan pada masa ini dalam inisiatif kerajaan untuk membangunkan bursa saham yang inisiatif ini memerlukan usaha dalam menjana *eco system sebagai trading platform, market makers, the traders, market research* dan sebagainya, perkara ini mengambil masa dan jua untuk menjaga sistem *trading* dalam bursa saham ini peraturan-peraturan juga perlu disediakan seperti *listing rules* bagi syarikat-syarikat berkenaan, *trading rules* dan *brokerage* supaya di syarikat ini tiada peluang untuk orang ramai melaksanakan *crash manipulation* ataupun *insider trading*.

Itu sahaja kaola akan mengongsikan bagi menjawab persoalan dari Yang Berhormat tadi. Terima Kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin:** بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola sukacita menghubungkaitkan dengan soalan bertulis yang disampaikan tadi

oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohimin mohon izin juga. Sebagaimana keterangan yang telah diberikan tadi daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Kaola merasakan perkara ini sepatutnya sudah dapat dilakukan atau sudah dapat peluang-peluang diberikan kepada masyarakat atau rakyat Negara Brunei Darussalam bagi memberikan peluang kepada rakyat menyertai dalam saham-saham perusahaan ini.

Kalau diikut, banyak syarikat gergasi kita ini yang sudah wujud berpuluh tahun yang lalu yang sepatutnya peluang itu telah diberikan kepada rakyat. Umpamanya, syarikat-syarikat minyak kita di Brunei. Kalau boleh sepertinya sudah dirancang supaya ada penyertaan daripada masyarakat. Umpamanya kalau diikut, Syarikat Minyak Brunei seharusnya sudah dapat membuat beberapa anak-anak syarikat supaya akan dapat membuat suatu pengeluaran bukan sahaja berunsurkan daripada gas dan minyak, mereka akan membuat sesuatu supaya ada syarikat yang dilahirkan atau diwujudkan sama ada syarikat itu merupakan pertanian dan sebagainya dengan permodalan yang ada daripada syarikat-syarikat tersebut, sama ada daripada bahagian LNG misalannya seperti yang dinyatakan tadi. Di sana akan diberi peluang kepada masyarakat untuk menyertai dalam pembukaan saham kepada masyarakat. Contohnya di luar negeri daripada asal usulnya mengeluarkan minyak tapi mereka dapat membuka anak-anak

syarikat dari bentuk lain seperti pertanian, perusahaan dan sebagainya dengan modal yang didapati daripada penghasilan syarikat itu. Di sinilah ia boleh memberikan satu peluang kepada masyarakat untuk membuka dan menyertai bursa saham tersebut.

Apatah lagi nampaknya terdapat syarikat-syarikat secara langsung bermodal memberi peluang-peluang sebegini kepada masyarakat supaya dapat sama-sama menikmati hasil-hasil daripada usaha-usaha untuk negara.

Jadi, kaola bercadang supaya syarikat-syarikat gergasi ini akan cuba membuka dan melahirkan anak-anak syarikat dan memberi peluang kepada masyarakat dan rakyat Brunei. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih juga atas soalan Yang Berhormat. Seperti mana kaola telah terangkan tadi pelaburan ini bukannya semestinya menjanjikan keuntungan tetapi akan mempunyai berbagai-bagai risiko juga.

Jadinya, bukan semua syarikat berkaitan dengan kerajaan itu dapat dibukakan kepada orang ramai. Pelaburan ini memang banyak peluang di tempat lain juga, di bank-bank banyak juga peluang untuk orang ramai melabur. Bukan semestinya melalui saham-saham syarikat yang berkaitan dengan kerajaan. Ada juga satu dua syarikat yang pada

masa ini yang berkaitan dengan *FDI* sudah ada orang ramai ikut serta melabur dalam syarikat tersebut.

Tetapi mesti kitani fikirkan juga adalah satu tanggungjawab kepada kerajaan juga sebelum membukakan syarikat ini kepada orang ramai dengan memastikan syarikat-syarikat berkenaan adalah *sustainable, profitable* untuk mengurangkan risiko kepada orang ramai yang melabur dalam syarikat-syarikat tersebut. Itu sahaja yang kaola kongsi terima kasih.

**Yang Dimulihkan Jurutulis:** Soalan seterusnya Soalan No.8 daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu:** بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bencana alam merupakan cabaran yang dihadapi oleh banyak masyarakat di seluruh dunia yang disebabkan oleh pertukaran iklim dan ia boleh sahaja berlaku di luar jangkaan.

Di Negara Brunei Darussalam, walaupun secara geografinya memang terhindar daripada bencana seperti gempa bumi, letupan gunung berapi dan tsunami, namun impaknya masih dapat dirasakan daripada kejadian-kejadian bencana

alam di rantau luar. Negara ini mungkin ikut terjejas daripada *tail end* taufan-taufan yang melanda negara-negara di rantau ini.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (*NDMC*), selaku sebuah agensi kerajaan yang diamanahkan untuk memikul tanggungjawab pengurusan bencana di negara ini, bertindak bersama-sama dengan agensi-agensi lain termasuklah Majlis Bencana Kebangsaan telah membuat rangka persediaan awal khususnya dalam konteks *Strategy Mitigation, Preparedness Response and Recovery* bagi memastikan kesejahteraan negara dan masyarakat apabila berlakunya sebarang bencana.

Perancangan - perancangan dan mekanisme tindakan ini selaras dengan strategi dan tindakan pelaksanaan multiagensi dalam *Strategic National Action Plan For Disaster Risk Reduction* (dari tahun 2012 hingga 2025) dan Prosedur Tetap Operasi Kerajaan (*NASOP*) dan Perintah Pengurusan Bencana 2006. Pihak Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan sedang giat melaksanakan Program Pengurusan Risiko Bencana di Peringkat Masyarakat, *Community Based Disaster Risk Management (CBDRM)* dengan memberi penekanan terhadap penerapan risiko bencana dengan mengambil kira bahawa masyarakat sentiasa terdedah kepada pelbagai bentuk ancaman bencana dan perlu diberi latihan dalam mengurangkan risiko bencana dan juga bagi menghadapi keadaan bencana.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri sangat prihatin mengenai ini dan telah bersabda di Majlis Mesyuarat Bencana Kebangsaan 2016 yang antara lain:

“sesebuah negara dan rakyatnya yang sudah diperkasa dengan budaya bersedia adalah merupakan komponen pengurusan bencana paling berkesan apabila berdepan dengan kejadian bencana”.

Soalan saya:

1. Apakah perkembangan terkini Program Pengurusan Risiko Bencana di Peringkat Masyarakat (*CBDRM*) khususnya dalam memberikan penekanan terhadap penerapan amalan mengurangkan risiko bencana dengan mengambil kira bahawa masyarakat kita sentiasa terdedah kepada pelbagai bentuk ancaman bencana dan perlu diberi latihan dalam mengurangkan risiko bencana dan juga bagi menghadapi keadaan bencana;
2. Adakah program ini akan dilaratkan ke institusi-institusi kerajaan, pendidikan, swasta, badan-badan sukarelawan dan organisasi bukan kerajaan (*NGOs*) termasuklah juga Majlis Perundingan Kampung dan Mukim supaya budaya bersiap siaga (*preparedness culture*) ini dapat

difahamkan kepada semua lapisan masyarakat dan dengan adanya pendekatan-pendekatan ini isu kepentingan negara diambil tindakan secara holistik. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terima kasih kepada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu dan keprihatinan Yang Berhormat itu.

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ sukacita saya kongsi bahawa memperkukuhkan lagi penerapan amalan pengurangan risiko bencana, program pengurusan risiko bencana di peringkat masyarakat atau *Community Based Disaster Risk Management (CBDRM)* telah menggunakan dua kaedah iaitu:

1. **Kaedah Pertama**, iaitu mengekalkan latihan asas Program *Community Based Disaster Risk Management (CBDRM)* yang berjalan di *CAE-Brunei Multi Purpose Training Centre (CAE Brunei MPTC)* bagi memanfaatkan kepakaran dan fasiliti serta kemudahan yang lebih lengkap di pusat latihan berkenaan; dan
2. **Kaedah Kedua**, ialah pelaksanaan *Community Based Disaster Risk Management (CBDRM)* kepada semua masyarakat khususnya di mukim dan kampung iaitu melalui penyertaan Majlis-Majlis Perundingan



Mukim dan Kampung. Bagi kaedah kedua ini, pelaksanaan akan ditumpukan kepada kawasan yang mudah terdedah kepada risiko bencana seperti banjir, tanah susur dan sebagainya.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ dengan penggunaan kedua-dua kaedah ini, Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (*NDMC*) menjangkakan penyertaan sebanyak 20 buah mukim seluruh negara sehingga penghujung tahun 2019 iaitu tambahan kepada 35 buah kampung daripada 17 buah mukim yang telah mengikuti Program Asas *Community Based Disaster Risk Management (CBDRM)* sebelum ini.

Pada tahun ini juga, Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (*NDMC*) akan terus bekerjasama dengan pihak *CAE-Brunei MPTC* dalam mereviu semula modul pembelajaran *CBDRM* yang sedia ada bagi memastikan ianya adalah mengikut amalan-amalan terbaik yang diguna pakai serta selaras dengan piawaian antarabangsa. Antara lain pengisian baharu adalah seperti tatacara tindakan masyarakat dalam menghadapi bencana luar jangkaan. Contohnya, kejadian gegaran, gempa bumi dan tsunami.

Sehubungan itu, beberapa peserta *CBDRM* yang pernah mengikuti asas program berkenaan akan dijemput bagi mengikuti Program '*Intermediate CBDRM*' yang mengandungi modul berupa latihan amali '*Training of Trainers*' bagi kesiapsiagaan masyarakat dalam menghadapi bencana. Para peserta yang mengikuti *Intermediate*

*CBDRM* ini nanti akan diiktiraf sebagai Penyelaras Kesiapsiagaan Bencana atau *Disaster Preparedness Coordinator*. Mereka ini berperanan selaku *advocator* bagi melarutkan program *CBDRM* kepada para belia dan masyarakat secara amnya melalui persatuan-persatuan dan di mukim serta kampung masing-masing.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mengenai Soalan No.2, sama ada Program *CBDRM* akan dilarutkan kepada institusi-institusi kerajaan, pendidikan, swasta, badan-badan sukarelawan dan *NGOs*, Program *CBDRM* ini telah dilarutkan kepada sektor berpendidikan melalui *Program School Based Disaster Risk Management (SBDRM)* di *CAE-Brunei MPTC*. Sehingga Januari 2019 seramai 244 orang penuntut dan guru-guru daripada 63 buah institusi pendidikan termasuk sekolah kerajaan dan swasta di keempat-empat daerah telah ikut serta dalam latihan *SBDRM* di *CAE Brunei MPTC*.

Pada tahun ini, pihak *NDMC* akan terus bekerjasama dengan pihak sektor pendidikan bagi meneruskan program berkenaan kepada beberapa buah sekolah dan institusi-institusi pengajian tinggi di seluruh daerah iaitu dalam bulan Ogos dan Oktober.

Program *CBDRM* ini juga telah dijadikan modul tetap dalam latihan Program Khidmat Bakti Negara (*PKBN*). Baru-baru ini seramai 400 peserta *PKBN* telah mengikuti sesi taklimat yang merupakan pengenalan asas kepada Program *CBDRM* pada bulan Januari 2019 iaitu meliputi tajuk-tajuk penting seperti

peranan dan tindakan belia dalam pengurusan risiko bencana ke arah menanam rasa tanggungjawab dan menanai sifat bersukarela dalam jati belia memberi sumbangan tenaga semasa operasi bantuan kemanusiaan. Para belia juga diseru untuk mengikuti program berbentuk kesiapsiagaan bencana bagi melengkapkan mereka dengan kerja-kerja bantuan dan sukarelawan pada saat terjadinya bencana.

Seterusnya, mengenai penglibatan Ahli-Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung pula, seramai 143 orang Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung daripada 34 buah kampung di keempat-empat daerah telah diberikan latihan dan mereka ini akan seterusnya mengikuti 'Intermediate CBDRM Programme' yang lebih menjurus kepada latihan amali 'Training of Trainers' bagi kesiapsagaan masyarakat dalam menghadapi bencana seperti yang saya kongsi sebelum ini.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ program ini juga telah berjaya dilaratkan kepada 11 agensi bukan kerajaan dan badan-badan persatuan seperti Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Persatuan Pemuda-Pemudi Melayu (PERDA), Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM) dan Kelab Komuniti Belia Transformasi.

اِنْ شَاءَ اللّٰهُ pihak NDMC akan terus mengunyahkan usaha-usaha untuk memperluaskan lagi skop atau *infiltration* bagi penyertaan program CBDRM ini dengan kerjasama semua pihak yang berkepentingan dari semasa ke semasa.

Dengan adanya penyertaan dan kerjasama semua pihak daripada lapisan masyarakat. اِنْ شَاءَ اللّٰهُ, kita akan dapat secara bersama mencapai budaya bersiap saga demi kesejahteraan masyarakat dan kepentingan Negara Brunei Darussalam. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya kira cukuplah dulu persidangan kita ini membincangkan Perkara V, Soalan-Soalan Yang Diberi Notis. Bagi soalan-soalan seterusnya kita akan membincangkannya lagi pada hari-hari yang lain. اِنْ شَاءَ اللّٰهُ

Pada ketika ini, saya kira adalah lebih berpatutan bagi kita untuk meneliti perkara-perkara yang perlu kita selesaikan dengan segera. Pada petang semalam, kita masih membincangkan Rang Undang-Undang (2019) Perbekalan, 2019/2020 di Peringkat Jawatankuasa. Maka bagi membolehkan kita meneruskan dan membahaskan Tajuk-Tajuk dalam Jadual Rang Undang-Undang yang berkenaan itu satu per satu. Saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang semula di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)**

**Yang Berhormat Pengerusi:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita sekarang bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya. Pada petang semalam, kita telah meluluskan Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Pertahanan. Sebelum itu, saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri ingin membuat kenyataan ataupun memberikan jawapan terhadap soalan-soalan yang telah ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang belum sempat dijawabnya. Saya persilakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola telah menerima beberapa soalan daripada rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang boleh dikatakan begitu banyak dan bertalu-talu datangnya. Maka kaola, cuba untuk menjawab satu per satu seperti mana yang telah dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Pertama sekali soalan daripada Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman, jiran saya. Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty telah mengemukakan persoalan mengenai Peningkatan Produktiviti Perkhidmatan Awam dengan mengambil kira perkembangan-perkembangan yang disebutkan.

Antara lain Revolusi Industri 4.0, Salah satu matlamat Institut Perkhidmatan Awam (IPA) ialah untuk membangun kapasiti, kompetensi warga perkhidmatan awam yang menjurus kepada pencapaian Wawasan Brunei 2035.

Ke arah itu, satu inisiatif sedang dalam perancangan yang memfokuskan pada mengenal pasti kompetensi teras yang perlu bagi membina kapabiliti warga perkhidmatan awam yang menerapkan keupayaan dalam hala tuju strategik, budaya berprestasi, pengukuhan organisasi dan memperkasakan penglibatan pihak yang berkepentingan. Berhubung dengan Revolusi Industri Ke-4, IPA telah mengambil langkah-langkah strategik seperti berikut:

1. Memperkenalkan beberapa program baharu yang mempunyai ciri-ciri khusus yang dapat dikaitkan dengan impak Revolusi Industri 4.0 sekali gus dapat memberi manfaat kepada warga perkhidmatan awam dan juga sektor swasta. Antara program yang dimaksudkan ialah:
  - i. *Data Analytics in Public Policy, Towards Innovative Culture and Mindset;*
  - ii. *Design Thinking;* dan
  - iii. *Strategic Organisational Development Transformation.*
2. Menjalankan *Niche and Signature Programme* secara *targeted* dari segi tahap dan jenis penyertaan berdasarkan tema Revolusi Industri 4.0 atau *4IR*. Seperti "*4IR and its*

*Impact on Public Service”, “Embracing the 4IR: Unlocked Talent and Lead the Workforce through Digital Transformation;*

3. Memasukkan komponen Revolusi Industri 4.0 sebagai *modul* Program-Program Pembangunan Kapasiti dan Kepimpinan yang berimpak tinggi; dan
4. Menjalankan Revolusi Industri 4.0 *Awareness Programme* melalui penyertaan secara *civil service wide*. Selain Program Pembangunan Kapasiti, pihak IPA juga memasukkan elemen Revolusi Industri 4.0 dalam menerajui agenda dalam perkhidmatan awam melalui program yang dipanggil *Public Service Innovators Programme*. Program ini disasarkan kepada para pengamal dan penggiat inovasi jabatan kerajaan yang telah berjaya mengetengahkan inovatif dalam menyelesaikan isu atau masalah dalam organisasi sehingga meningkatkan produktiviti oraganisasi berkenaan dalam menyampaikan perkhidmatan.

Melalui program ini, “*experiential learning journey*” akan dikendalikan ke negara luar yang dinilai maju dari segi inovatif, kepimpinan dan urus tadbir pada era Revolusi Industri 4.0.

Soalan seterusnya daripada Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman ialah nisbah jumlah penjawat awam kepada bilangan rakyat

ialah 1/6 bererti pada setiap satu penjawat awam ialah bersamaan dengan 6 orang rakyat negara kita. Merujuk kepada laporan *World Bank*, Singapura disenaraikan sebagai negara yang mempunyai keberkesanan kerajaan yang terbaik di dunia yang sangat cekap, jujur dan profesional. Cuma 1.5% sahaja yang bekerja dengan kerajaan iaitu perkhidmatan awam jika dibandingkan dengan Malaysia sebanyak 5.1% dan Brunei pula sebanyak 17.6%.

Apakah persediaan yang telah dilakukan oleh Institut Perkhidmatan Awam dan Jabatan Perkhidmatan Awam?.

Lebih dahulu saya mengucapkan sekali lagi kepada soalan yang telah dikemukakan. Pada menjawabnya Indeks Keberkesanan Kerajaan ataupun *Government Effectiveness Index (GEI)* adalah untuk meningkatkan keberkesanan secara keseluruhannya dalam kerajaan.

Indeks ini adalah merupakan *indicator* yang didefinisikan seperti berikut:

1. Persepsi terhadap kualiti penyampaian perkhidmatan;
2. Kualiti perkhidmatan awam; dan
3. Kualiti penggubalan dan pelaksanaan dasar kredibiliti dan komitmen kerajaan terhadap dasar-dasar tersebut.

Oleh yang demikian, pendekatan utama yang akan ditumpukan sebagai usaha untuk mencapai kedudukan tangga 20 di dunia, maka perkhidmatan awam di negara ini akan meningkatkan prestasi

dan produktiviti dalam bidang-bidang perkhidmatan awam yang berkepentingan seperti *Ease of Doing Business*. Mengoptimumkan penggunaan e-Kerajaan untuk meningkatkan lagi keberkesanan dalam penyampaian perkhidmatan yang bertujuan untuk sejajar dengan inisiatif *smart nation* dan juga keutamaan dalam Wawasan Brunei 2035.

Kalau dibandingkan dengan Singapura, memang diakui dan telah terbukti keterbukaan negara Singapura menerima revolusi teknologi dan *ranking* Singapura sentiasa menjadi ataupun menempati *top 5* kadang-kadang *top 3 in the world*. Kejayaan Singapura itu sangatlah elok dijadikan contoh ikutan dan modul yang perlu dipelajari tetapi jangan dijadikan perbandingan kerana latar belakang, situasi dan keadaan keliling Singapura berlainan daripada kita dan begitu juga sejarah lamanya dalam tahun 50-an, 60-an dan 70-an.

Soalan berikut daripada Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman. Adakah pihak Institut Perkhidmatan Awam atau Jabatan Perkhidmatan Awam merancang untuk mengenalkan sebuah program bagi membangunkan generasi akan datang iaitu kakitangan awam dan ahli politik mempunyai set kemahiran yang diperlukan?

Institut Perkhidmatan Awam sedang merancang *Strategy Development Program* yang merupakan program khusus untuk pembangunan kapasiti bagi *thinkers, analysts, strategists* yang

berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam melalui pendekatan pembelajaran secara *blended* dan *experiential* dalam membantu merangka strategi yang disasarkan (*targeted strategy*) untuk mencapai Wawasan Brunei 2035.

Objektif program ini ialah untuk membangun sekumpulan pakar tempatan sebagai *subject matters leaders* dalam bidang ataupun disiplin masing-masing. Di samping itu, ianya bertujuan melengkapkan peserta dalam kompetensi yang diperlukan dalam bidang penggubalan dasar kajian dan analisis. Selain itu, program ini juga dapat membantu membentuk dasar yang efektif dan dapat dilaksanakan melalui *holistic strategy* dan *Whole of Nation Approach*.

Dalam masa yang sama, program ini memainkan peranan penting dalam menjana dan menghasilkan cadangan penambahbaikan serta penyelesaian yang pratikal untuk dipertimbangkan oleh *central agencies*, pembentuk dasar dan agensi pelaksana dengan mengamalkan konsep *evidence-based policy making*.

Lagi soalan daripada Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman. Apakah yang telah dicapai oleh Jabatan Perkhidmatan Awam setakat ini berpandukan Pelan Strategik tersebut?

Pelaksanaan Pelan Strategik Jabatan Perkhidmatan Awam bagi tahun 2016/2020 disejajarkan dengan pelaksanaan Rangka Kerja Perkhidmatan

Awam (*CSF*) yang meliputi 3 tema iaitu; *Leadership Excellent, Organisation Performance* dan *Pro-Business Public Environment*. Sebahagian daripada objektif dan subiniatif dalam rangka kerja ini adalah di bawah kawalan dan pemantauan Jabatan Perkhidmatan Awam.

Sebanyak 40% daripada program yang telah dirancang di bawah tema-tema berkenaan telah pun dilaksanakan. Manakala selebihnya 60% sedang dilaksanakan seperti Program Kepimpinan *Civil Service Leadership Pipeline (CSLP)*, Sistem Pengurusan dan Penilaian Prestasi Baharu dan Rancangan Penggantian melalui program *CSLP* dan sebagainya.

Lagi soalan daripada Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman, mengenai dengan "Pelita Brunei" *rebranding*. Lebih dahulu saya ucapkan terima kasih juga tentang pemeduliaan terhadap "Pelita Brunei" ini. Mengenai menggunakan khidmat luar (*outsourc*) penulisan dalam akhbar "Pelita Brunei", *أَلْحَمْدُ لِلَّهِ*, "terkeduhung" pada masa ini Jabatan Penerangan sedang meneliti beberapa cadangan bagi penjenamaan semula "Pelita Brunei" termasuklah aspek-aspek penambahbaikan penulisan serta penggunaan infografik.

Terima kasih juga diucapkan kepada Yang Berhormat atas cadangan dan perkara ini. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* akan diteliti juga dari aspek kesesuaiannya. Pada masa ini, memang ada artikel-artikel yang diperolehi dari sumber luar jabatan

yang digunakan dalam "Pelita Brunei" bertujuan untuk meningkatkan jumlah pembaca "Pelita Brunei" di samping memperbanyakkan variasi penulisan. Ini juga bertujuan untuk mendukung *journalism* di negara ini.

Mengenai menyediakan sumber pendapatan untuk anak-anak tempatan, sukacita kaola menarik perhatian bahawa akhbar "Pelita Brunei" banyak memberikan platform kepada anak-anak tempatan untuk menyertai ruang-ruang di samping mengembangkan kreativiti mereka. Ia juga memberikan sagu hati kepada penulis-penulis artikel-artikel tersebut seperti "Minda Pembaca", "Lensa", "Puisi", "Cerpen" dan banyak lagi. Habis sudah soalan daripada Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Soalan berikut daripada Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari, tentang bagaimanakah inisiatif Jabatan Pengurusan diukur? Jabatan Perkhidmatan Pengurusan (*MSD*) mempunyai dua pendekatan dalam memantau dan menilai projek dan inisiatif agensi-agensi kerajaan seperti berikut:

1. Pemantauan melalui borang pembaharuan dan penambahbaikan yang diedarkan setiap tahun kewangan bagi mengukur pelaksanaan pembaharuan dan penambahbaikan dasar, akta, program atau projek dan dinilai mengikut 4 peringkat kitaran dasar (*policy cycle*) iaitu perancangan,

pelaksanaan, pemantauan dan penilaian; dan

2. Penilaian dalam Program Penggredan Prestasi Sektor Awam melalui penerapan bintang dalam beberapa skop;
  - i Penyediaan perancangan strategik dan pencapaian *KPI*;
  - ii Dasar dan pelaksanaan; dan
  - iii Pemedulian Pelanggan melalui pencapaian *TPOR*.

Projek dan inisiatif diukur melalui pencapaian projek dan inisiatif berkenaan maka adalah perlu bagi sebarang projek dan inisiatif mempunyai objektif yang jelas, spesifik, realistik dan mempunyai sukat-sukat tertentu dan seterusnya mendukung pencapaian Perancangan Strategik, *KPI* dan perkhidmatan utama (*core business*) agensi berkenaan.

Bagi memastikan projek dan inisiatif memberi impak positif terhadap masyarakat, agensi-agensi kerajaan disarankan untuk melaksanakan kaedah pelaksanaan awam oleh agensi-agensi kerajaan (*regular public engagement*) melalui empat kitaran dasar yang dinyatakan sebelum ini. *Regular public engagement* juga merupakan salah satu sub-inisiatif di bawah Rangka Kerja Perkhidmatan Awam (RKPA) dikuatkuasakan melalui Surat Keliling JPM Bil. 6/2018 bertarikh 30 April.

Di samping itu adalah menjadi tanggungjawab bersama juga bagi agensi-agensi kerajaan sentiasa memantau dan menilai secara berterusan projek dan inisiatif yang dijalankan untuk memastikan ia menepati objektif yang ditetapkan dan hasil yang dihasratkan.

Soalan berikutnya daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu. Apakah perkembangan dapatan dan penemuan terbaharu dan terkini hasil daripada pengauditan tenaga manusia dalam sektor perkhidmatan awam pada masa ini?

Terima kasih Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu. Jabatan Perkhidmatan Awam melalui Unit Audit Tenaga Manusia telah melaksanakan pengauditan ke atas 13 buah agensi kerajaan dari tahun 2008 sehingga pada masa ini. Antara lainnya dapat membantu jabatan yang diaudit memastikan penggunaan tenaga manusia secara optimum dan dalam masa yang sama memberikan gambaran masalah yang bakal dihadapi jika langkah-langkah awal tidak diambil mengenainya. Secara amnya, hasil dapatan daripada pengauditan tenaga manusia, dapatlah dirumuskan dalam 4 aspek iaitu dari aspek *needs, organisation, number and grades* seperti berikut:

1. Dari segi Keperluan (*needs*), - Terdapat beberapa jawatan yang *obsolete* dan tidak lagi relevan dengan keperluan jabatan pada masa ini. Ini mengakibatkan penjawat jawatan-jawatan itu tidak mengendalikan tugas-tugas yang bukan dalam bidangnya;
2. Dari segi Struktur Organisasi (*Organisation*) – Terdapat struktur organisasi beberapa jabatan mengelirukan. Jarak pengawalan kurang teratur dan peningkatan pengurusan *reporting system* juga tidak teratur.
3. Dari segi Jumlah Keramaian Kakitangan (*Number*) - Pada amnya jumlah keramaian kakitangan termasuk bebanan tugas adalah pada tahap optimum, walau bagaimanapun, pembahagian tugas dalam kalangan kakitangan didapati tidak seimbang yang mengakibatkan seolah-olah kekurangan kakitangan. Terdapat juga tugas-tugas dikendalikan bertindih-tindih (*overlapping of work*) yang membawa kepada pembaziran sumber tenaga manusia.
4. Yang terakhir, iaitu dari segi Tangga Gaji (*Grades*)- Pada amnya, jawatan-jawatan yang ada di jabatan-jabatan yang telah diaudit bersesuaian dalam melaksanakan peranan dan tugas berkenaan. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa jawatan di jabatan-jabatan yang telah diaudit memerlukan penyelarasan tugas dan tanggungjawab. Oleh itu, adanya

keperluan untuk mereviu dan memperkemaskan skim - skim perkhidmatan bagi sesuatu jawatan.

Oleh itu, kementerian/jabatan yang telah diaudit disarankan untuk mengambil tindakan yang bersesuaian hasil daripada dapatan audit kakitangan berkenaan untuk mengoptimumkan sumber yang sedia ada seperti tenaga manusia, struktur organisasi, tugas dan tanggungjawab dan sebagainya.

Seterusnya, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu mengemukakan soalan. Apakah sudah ada dihasilkan kertas-kertas cadangan bagi menambah jumlah cuti pekerja-pekerja perkhidmatan awam dalam perkhidmatan bergaji hari dan jika ada apakah hasil penelitian kertas-kertas cadangan tersebut?

Terima kasih Yang Berhormat. Penelitian semula secara menyeluruh hal-ehwal kemudahan cuti dalam perkhidmatan awam sedang diungkuhkan bertujuan melihat kesesuaian peraturan cuti yang digunakan masih relevan dan memerlukan penambahbaikan mengikut keadaan pada masa ini. Ia termasuk hal-ehwal cuti bagi perkhidmatan dalam jawatan bergaji hari.

Walaupun bagaimanapun, kalau ditilik dari jumlah cuti kitani ani, usul-usulnya kitani tah yang banyak cuti, kalau dibandingkan dengan negara-negara lain. Jadi bisai tah kitani mengira-ngira dahulu ataupun mencongak-congak macam manakan kitani 'usai' cuti-cuti kitani ani. Jawapan ini selajur sebagai jawapan kepada



soalan Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu mengenai cuti perkhidmatan swasta.

Soalan seterusnya, juga daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu. Adakah perancangan daripada pihak Jabatan Perdana Menteri untuk mengkaji semula peraturan berkenaan iaitu dengan turut memberikan kelonggaran bagi semua bahagian warga perkhidmatan awam untuk dapat terlibat dengan aktiviti dan pekerjaan lain?

Jawapannya. Pihak kerajaan memberikan kelonggaran bagi penjawat awam untuk terlibat dalam membuat pekerjaan luar dan usaha-usaha perniagaan kecil secara sambilan bagi menampung perbelanjaan keluarga masing-masing dengan syarat tidak menjejaskan prestasi kerja seharian dan dengan syarat mendapat kebenaran lebih dahulu.

Dalam hal ini, perlulah juga diambil perhatian bahawa penjawat awam mempunyai peranan dan tanggungjawab yang besar dan berat dalam menyumbangkan ke arah kemajuan dan pembangunan negara serta memeduli kesejahteraan orang awam.

Dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab berkenaan memerlukan komitmen yang tinggi dalam semua peringkat penjawat awam, lebih-lebih lagi usaha kita semua ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035. Oleh itu, perlulah ditekankan bahawa perkara ini

hendaklah diseimbangkan dengan keperluan pihak penjawat awam untuk melaksanakan peranan dan tanggungjawab dengan penuh komitmen dan fokus kepada menjana hasil yang dihasratkan. Walau bagaimanapun, perkara ini akan dilihat sama ada terdapatnya keperluan untuk dibuat penelitian semula mengenainya.

Soalan berikutnya, ialah daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, yang bertanyakan sejauh manakah keberkesanan dan tindakan jabatan-jabatan berkenaan hasil permuzakarah berkenaan dan apakah perancangan Program Muzakarah Penerangan ini seterusnya?

Lebih dahulu diucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit mengenai Program Muzakarah Penerangan ini. Program Muzakarah Penerangan merupakan satu platform masyarakat kampung berpeluang untuk berdialog bersama agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan bagi mendapatkan penjelasan secara langsung (*on the spot*) daripada pihak-pihak berkenaan mengenai isu-isu dan permasalahan mukim dan kampung yang dibangkitkan.

Di samping itu, ia juga sebagai wadah untuk mengeratkan lagi hubungan antara kerajaan dengan rakyat. Keberkesanan program ini sangat bergantung pada penyertaan atau kesudian sesebuah jabatan itu dalam menyertai program ini dan juga bergantung pada penerimaan orang ramai ke atas respons yang diberikan.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ setakat ini program yang dikoordinasikan oleh Jabatan Penerangan ini telah berhasil mengumpulkan pihak berwajib yang dihasratkan untuk memberikan penerangan atas sesebuah isu. Manamana isu berbangkit yang memerlukan masa untuk diselesaikan seperti memerlukan peruntukan, ia akan dipantau dari semasa ke semasa dan seterusnya akan diambil tindakan oleh agensi berkenaan.

Menerusi program ini juga, agensi-agensi kerajaan akan dapat menerangkan tugas dan tanggungjawab masing-masing dan seterusnya 'memberigakan' dasar-dasar serta pencapaian-pencapaian kerajaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, program ini lazimnya dilaksanakan 4 ke 5 kali dalam setahun dan setakat ini Jabatan Penerangan telah berjaya melaksanakan 8 kali di kesemua daerah iaitu di Mukim Gadong 'A', Mukim Kilanas, Mukim Pengkalan Batu, Mukim Sengkurong, Mukim Gadong 'B', Mukim Bukit Sawat dan Mukim Telisai dan *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*, akan diadakan di Mukim Amo dalam masa terdekat ini.

Jabatan Penerangan akan sentiasa terus mempertingkatkan lagi permuzakarahannya seumpama ini bagi mengukuhkan lagi hubungan kerajaan dan masyarakat akar umbi sesuai dengan misi jabatan bagi "Membudayakan Masyarakat Bermaklumat".

Soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit juga. Bagaimanakah sistem atau syarat

kenaikan pekerja *Open Vote* ini untuk mendapat gaji bulan?

Adalah dimaklumkan bahawa jawatan-jawatan *Open Vote* adalah jawatan bergaji bulan iaitu seseorang yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 5 tahun dalam perkhidmatan bergaji hari yang telah disokong oleh Ketua Jabatan mengikut dengan syarat-syarat yang ditetapkan. Lantikan ke dalam perkhidmatan *Open-Vote* adalah berpandukan kepada keperluan jabatan dan bidang tugas yang dilaksanakan dan bukannya berasaskan kelulusan yang dipegang pekerja bergaji hari berkenaan.

Tanggungaji dalam perkhidmatan *Open Vote* diselaraskan berpandukan bidang tugas jawatan-jawatan (*Established Post*) yang terdapat dalam Anggaran Perbelanjaan. Sebagai contoh seorang pekerja bergaji hari yang berkelulusan 1 *GCE 'O' level* menjalankan tugas sebagai seorang pembersih akan disokong sebagai Pekerja Tingkat V dalam tanggungaji F1-2 EB3 *Open-Vote* kerana jawatan pembersih dalam *Established Post* adalah dalam tanggungaji 'F'.

Soalan daripada Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon. Apakah kiranya dicadangkan bagi manamana pegawai yang akan bersara yang tidak mencukupi tempoh perkhidmatan 4 tahun berakhirnya agar dapat diberikan hak istimewa Elaun Cuti secara pro rata dalam erti kata lain pegawai tersebut tidak akan menerima Elaun Cuti sepenuhnya yang lazimnya diterima.

Bagi menjawabnya. Lebih dahulu sukacita kaola mengucapkan terima kasih atas soalan Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon mengenai pegawai yang bersara. Cadangan ini diambil baik dan akan diteliti seterusnya dipertimbangkan mengenai kajian semula berkenaan dasar tersebut.

Soalan daripada Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon mengenai TPOR Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang ingin tahu bagi proses pengisian satu-satu jawatan kosong bermula daripada pengiklanan jawatan-jawatan sehinggalah pengisian jawatan.

Tempoh TPOR bagi proses pengisian jawatan ialah 63 hari dari tarikh tutup iklan sehingga pertimbangan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA). Jawatan-jawatan yang dikosongkan dijangkakan kosong disebabkan pegawai-pegawai yang bersara boleh dihadapkan ke SPA untuk proses iklan 6 bulan sebelum pegawai berkenaan bersara.

Perkara ini telah pun 'diberigakan' kepada ketua-ketua jabatan dan pengarah-pengarah pentadbiran di kementerian-kementerian dalam siri taklimat dan sesi konsultasi yang diadakan oleh pejabat SPA. Mekanisme pengisian jawatan kosong dilaksanakan berasaskan Peraturan-Peraturan Pegawai-pegawai Kerajaan (Lantikan-Lantikan dan Kenaikan Pangkat), Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Penggal 83 yang proses iklan, penilaian

calon (ujian dan temuduga) adalah masih perlu bagi memastikan pelantikan calon yang telus, adil dan saksama.

Soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Abd. Hamid bin Haji Mumin mengenai Radio Televisyen Brunei. Adakah satu peraturan yang boleh menekankan di jabatan-jabatan kerajaan atau sektor swasta dan pengusaha-pengusaha supaya lebih memberi kepentingan kepada siaran Radio Televisyen Brunei, Negara Brunei Darussalam harus lebih kita utamakan? Soalan ini telah pun dijawab kelmarin. Saya mengucapkan terima kasih atas soalan tersebut. Adalah difahami bahawa siaran RTB memang bersaing dengan siaran-siaran luar negara.

Dalam hal ini, sukacita memohon kerjasama kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan serta pihak swasta untuk mengutamakan saluran-saluran RTB di kaunter-kaunter perkhidmatan pelanggan masing-masing. Pihak RTB sentiasa memberikan kerjasama terutama dari segi bantuan dan nasihat teknikal bagi menjayakan perkara ini. Sehubungan itu juga, pihak RTB akan secara berterusan memperbaiki lagi rancangan-rancangan televisyen dari semasa ke semasa.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman mengemukakan soalan mengenai status terkini dan bilangan kekosongan jawatan-jawatan yang terdapat di kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan yang masih dibekukan dan tidak diisikan. Apakah

dan kenapakah jawatan tersebut dibekukan?

Sebagai jawapannya, mengenai pembekuan jawatan adalah dimaklumkan bahawa pada masa ini tidak lagi ada jawatan yang dibekukan. Untuk makluman, Jabatan Perdana Menteri mengambil perhatian yang serius dalam mengisikan jawatan-jawatan kosong. Antara langkah yang telah diambil ialah permuzakarahannya secara berterusan antara Jabatan Perdana Menteri dengan kementerian-kementerian. Objektif permuzakarahannya untuk mengenal pasti jawatan-jawatan yang perlu diisikan dengan segeranya. Setiap kementerian dan jabatan telah diberikan jumlah sasaran jawatan yang perlu diisikan.

Mengenai permohonan keseluruhan yang diterima oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, adalah dimaklumkan bahawa sejak tahun 2015 hingga Februari 2019 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam telah menerima 1,710,715 permohonan.

Soalan daripada Yang Berhormat Nik Hafimi binti Abdul Haadi mengenai meminta penjelasan tentang jawatan tenaga kerja dan Peruntukan di bawah Tajuk Keselamatan Siber.

Keselamatan Siber adalah satu fungsi yang dianggap penting dan sentiasa diberi keutamaan. Perkhidmatan e-Kerajaan di bawah *EGNC*, perkhidmatan projek *Managed Security Services* dilaksanakan secara *outsourced* kepada pihak *Information Technology Protective Security Services (ITPSS)*. Projek ini bertujuan memantau,

melindungi dan mengukuhkan infrastruktur dan aset-aset kerajaan dengan dibantu oleh pihak *EGNC*.

Dengan mengambil kira isu keselamatan siber kepada imej, integriti dan keselamatan negara, pihak kerajaan memberi perhatian tinggi kepada tanggungjawab bagi memastikan keselamatan siber terus dapat ditangani dengan sebaiknya. Untuk makluman bersama, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi telah dilantik menjadi *Minister In Charge* bagi keselamatan siber.

Pihak kerajaan sedang berusaha dan dalam perancangan akhir kepada penubuhan Pusat Keselamatan Siber yang antaranya berfungsi sebagai sebuah urus tadbir di peringkat kebangsaan bagi memantau aspek keselamatan siber. Barangkali Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi mungkin akan dapat memberikan pencerahan selanjutnya mengenai perkara ini.

Soalan berikutnya daripada Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari mengenai e-Perkhidmatan.

Untuk makluman bersama, pada masa ini ada 90 e-Perkhidmatan dari 28 sistem e-Kerajaan yang boleh diakses melalui *portal gov.bn*. Dalam hal ini, ada beberapa projek baharu di bawah RKN-11 yang akan memberikan perkhidmatan kepada orang ramai dan pelaksanaan sistem-sistem berkenaan adalah di bawah kawalan agensi-agensi berkenaan. Antaranya seperti berikut:

- i. Online Housing Application and Finance Billing System;*
- ii. National Labour Management System;*
- iii. Halal Certification System;*
- iv. National Registration System.;* dan
- v. National Welfare System.*

Sebahagian daripada strategi perkhidmatan awam adalah untuk menyediakan perkhidmatan atas talian bagi meningkatkan pemberian perkhidmatan agar ia lebih efisien dan memudah cara orang ramai untuk mendapatkan perkhidmatan.

Senarai tersebut di atas hanya sebahagian yang dikenal pasti. Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (*EGNC*) *إِنْ شَاءَ اللهُ* akan sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan dalam pelaksanaan penyeliaan perkhidmatan atas talian.

Soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, mengenai jawatan yang ditawarkan melalui akhbar "Pelita Brunei" yang dipohon oleh beliau yang belum mempunyai pekerjaan sama ada pemegang 'A' Level, 'O' Level, *IBTE*, *OND*, *HND*, Sarjana Muda sehingga Sarjana.

Selaras dengan Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil. 14/2005 menyatakan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam bertanggungjawab sepenuhnya ke atas semua pengiklanan jawatan kosong. Kaedah pengiklanan seperti dalam Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Lantikan dan Kenaikan-Kenaikan Pangkat) Akta Suruhanjaya

Perkhidmatan Awam Penggal 83. Ada 3, iaitu menurut:

- i. Bab 7A - dibukakan kepada orang ramai termasuk pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan yang sedang berkhidmat;
- ii. Bab 38A - dibukakan kepada semua pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di kementerian dan jabatan kerajaan sahaja; dan
- iii. Bab 38B - dibukakan kepada semua pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dalam kementerian dan jabatan itu sahaja.

Berdasarkan kepada perangkaan sepanjang tahun 2015 hingga Februari, 2019, jumlah calon yang dilantik dalam kalangan anak-anak muda yang belum bekerja adalah lebih banyak berbanding calon di kalangan warga perkhidmatan awam. Dalam tempoh tersebut sejumlah 3,493 anak-anak muda telah dilantik iaitu lebih 60% warga perkhidmatan awam;

Soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu mengenai Jabatan Mufti Kerajaan. Adakah pihak perancangan Jabatan Mufti Kerajaan untuk mengeluarkan buku-buku fatwa atau irsyad hukum dengan peralatan digital?

Terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu yang telah menimbulkan persoalan walaupun telah saya jawab semalam, tetapi ada lagi ditambah sedikit.

Berkaitan dengan mengeluarkan fatwa dan irsyad hukum dalam bentuk digital, diakui bahawa ia merupakan satu kaedah penyebaran yang diguna pakai masa ini sebagai landasan yang mudah bagi masyarakat umum untuk mendapatkan maklumat.

Jabatan Mufti Kerajaan sebelum ini telah pun menimbangakan kemungkinan untuk ia digunakan melihat kepada nilai positif dan penggunaannya. Walau bagaimanapun, setelah diteliti dan dinilai dari sudut negatif penggunaannya, perlulah dipertimbangkan dengan wajar sebelum ianya dilaksanakan.

Melihat kepada kemajuan era digital pada waktu ini, kredibiliti atau kebolehpercayaan (keaslian) bahan dalam bentuk digital amat sukar diberikan jaminan. Kemungkinan atau risiko untuk ia diubah sama ada sebahagian daripadanya tetap ada dan setentunya jika ini berlaku akan menimbulkan kekeliruan atau penyelewengan maksud sebenar perkara yang ingin disampaikan dan seterusnya memberikan impak yang negatif kepada pihak-pihak yang tertentu.

Melihat kepada perkara ini, faktor kualiti dan kredibiliti merupakan satu keutamaan apatah lagi ia adalah fatwa atau irsyad hukum. Sekalipun demikian, tidak bererti Jabatan Mufti Kerajaan akan meninggalkan sama sekali metode penyampaian fatwa dan irsyad hukum secara digital ini bahkan tetap dalam perhatian jabatan kerana penyebaran dan pengembangan maklumat Islam adalah antara misi Jabatan Mufti

Kerajaan. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ**, hajat Yang Berhormat tercapai untuk dapat membaca dan meneliti produk Jabatan Mufti Kerajaan sama ada fatwa atau irsyad hukum.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola kira hingga di situlah sahaja dahulu jawapan-jawapan yang dapat kaola berikan untuk soalan-soalan yang telah dikemukakan kepada kaola, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Saya difahamkan bahawa ada 2 orang Yang Berhormat Menteri yang berkenaan yang ingin memberikan jawapan tambahan. Tetapi oleh sebab kesuntukan masa, maka saya kira ada baiknya kalau sekiranya Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berkenaan itu menimbulkan jawapan-jawapan yang berkenaan itu apabila kitani membincangkan nanti Anggaran Belanjawan Kementerian-Kementerian yang berkenaan itu.

Sebelum itu, saya juga ingin untuk menyatakan bahawa jawapan yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri tadi sudah cukup jelas untuk memberikan penerangan terhadap soalan-soalan yang ditimbulkan. Sekarang kita beralih kepada Tajuk seterusnya untuk kita teliti dan bahaskan.

**Yang Dimuliakan Jurutulis:** Tajuk SC01A - Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mesyuarat Jawatankuasa beralih ke Tajuk seterusnya iaitu Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri. Sebelum saya bukakan Tajuk ini untuk kita teliti bersama, saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, ingin untuk membentangkan mukadimahya mengenai asas dan dasar serta hala tuju belanjawan yang disediakan untuk kementeriannya. Silakan, Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II:** بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat.

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ lebih dahulu kaola ingin mengambil kesempatan ini untuk menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kurnia titah baginda semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara beberapa hari yang lalu, yang bukan sahaja memberi ingatan dan pedoman bahkan juga menggariskan langkah-langkah strategik ke arah menjamin keamanan, perpaduan, keharmonian dan juga kemakmuran rakyat dan negara akan terus terjamin.

Yang Berhormat Pengerusi. Bersandarkan kepada matlamat utama Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri iaitu bagi menjamin kedaulatan raja dan negara, mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan negara dan keutuhan sempadan serta juga identiti politik, kebudayaan dan agama melalui hubungan yang saling menghormati, tidak campur tangan dalam hal-ehwal negara lain, mengutamakan keamanan dan kerjasama bagi faedah bersama. Ini adalah dasar luar negara kita yang telah diamalkan sejak mencapai kemerdekaan sepenuhnya.

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ Negara Brunei Darussalam telah menjalin hubungan diplomatik dua hala dengan 170 negara rakan. Antara negara tersebut, kita telah menubuhkan 43 pejabat perwakilan di negara-negara sahabat serta juga pertubuhan-pertubuhan serantau seperti ASEAN dan juga antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Hubungan diplomatik sesama negara-negara rakan adalah sangat penting terutama sekali dalam meningkatkan keupayaan dalaman menerusi kerjasama dua hala yang membawa faedah yang berjangka panjang dan berkepentingan bersama, bukan sahaja dari segi politik seperti menubuhkan hubungan antara dua kerajaan tetapi juga perkara-perkara kerjasama keselamatan dan pembanterasannya *terrorism* dan *extremism* dan juga mengatasi *transboundary crimes*. Malahan juga dari segi sosial kerjasama diadakan melalui pertukaran belia, pelajar dan pelawat dan akhir

sekali dari segi ekonomi seperti meningkatkan pelaburan dan perdagangan antara dua buah negara.

Di samping itu, kita terus aktif dalam keahlian-keahlian di pertubuhan-pertubuhan serantau dan antarabangsa. Antaranya seperti ASEAN, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, *The Organisation of Islamic Cooperation (OIC)*, *Commonwealth*, *Asia-Pacific Economic Cooperation (APEC)* dan juga *Non-Aligned Movement (NAM)*.

Dengan adanya pergolakan *geopolitics* dan *geoeconomics* dunia yang tidak menentu dan sentiasa mencabar, keahlian kita dalam pertubuhan-pertubuhan yang relevan ini dapat mengukuhkan lagi kedudukan negara sebagai ahli masyarakat dunia yang bertanggungjawab, merdeka, berdaulat dan rakyatnya berjiwa kebangsaan walaupun hanya sebuah negara yang kecil.

Yang Berhormat Pengerusi. Di samping melaksanakan tugas dan tanggungjawab bagi tujuan yang dinyatakan dari awal tadi, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri juga berperanan sebagai *coordinator* dan juga *contact point* agensi-agensi kerajaan di negara ini, bukan sahaja bagi misi-misi negara asing yang menetap dan tidak menetap di Negara Brunei Darussalam, bahkan juga bagi pertubuhan-pertubuhan serantau dan antarabangsa. Dengan ini, ia bermaksud memudahkan urusan-urusan agensi-agensi berkenaan dalam berhubung dengan pihak-pihak luar negara dan juga sebaliknya.

Seterusnya, pihak kementerian ini juga berperanan sebagai unjuran ataupun *extension* agensi-agensi kerajaan keluar dari negara ini menerusi pejabat-pejabat perwakilan Negara Brunei Darussalam seperti dalam usaha mempromosi produk-produk tempatan, peluang-peluang pelaburan dan perdagangan serta juga untuk mendapatkan maklumat-maklumat terperinci yang mungkin berguna bagi mana-mana agensi yang berkenaan. Ini selaras dengan *Whole of Nation Approach*, khususnya dalam sama-sama berusaha untuk merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat Pengerusi. Salah satu peranan yang sering kita dengar dan kurang diamati adalah peranan yang dimainkan oleh Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan perwakilan-perwakilan di bawahnya iaitu dalam hal-ehwal konsular. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengambil berat ke atas keamanan dan keselamatan rakyatnya di dalam mahupun di luar negara.

Dalam hubungan ini, pihak perwakilan bersedia menghulurkan bantuan secara sementara apabila rakyat negara ini yang berada di luar negeri mengalami situasi kecemasan seperti mengalami tragedi gempa bumi ataupun kemalangan. Maksudnya di sini, secara sementara ialah sehingga sanak saudara ataupun keluarganya dapat memberikan bantuan seterusnya. Dalam perkara yang sama juga, bagi membolehkan pihak perwakilan mengenal pasti sama ada



rakyat negara ini terlibat ataupun berada di tempat-tempat kejadian berkenaan akan memerlukan maklumat terkini yang hanya dapat diperolehi sekiranya individu tersebut membuat makluman awal menerusi *e-Registration* yang disediakan dalam laman *homepage* Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri. Maklumat ini adalah perlu bagi memudahkan perwakilan-perwakilan untuk bertindak secepat mungkin dalam mengatasi kecemasan yang dialami oleh individu-individu tersebut.

Yang Berhormat Pengerusi. Cabaran-cabaran global pada abad ke-21 nampaknya kekal berterusan dan ditambah lagi dengan isu-isu baharu iaitu *fake news, fake facts, disruptive technology, violence extremism* dan sebagainya. Ini memerlukan usaha-usaha bersama negara-negara rakan serta juga kerjasama dalam pertubuhan-pertubuhan serantau dan antarabangsa. Dan dalam hal ini, kaola percaya dengan adanya dasar luar negara yang mantap dan telah diuji masa Negara Brunei Darussalam akan terus dihormati oleh masyarakat antarabangsa.

Sebelum kaola mengakhiri mukadimah, kaola ingin merakamkan penghargaan juga kepada Kementerian Kewangan dan Ekonomi dalam sama-sama menyediakan Belanjawan 2019/2020 dan bagi Peruntukan Gaji Kakitangan dan Perbelanjaan Berulang-Ulang sebanyak \$113,041,410.00 dan Perbelanjaan Kemajuan sebanyak \$8,064,080.00. Peruntukan tersebut akan digunakan di antaranya bagi maksud yang telah kaola nyatakan dalam memainkan

peranan sebagai Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Sekian, *وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته*

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II yang telah membentangkan Belanjawan tadi dengan penuh komprehensif dan terperinci. Maka Tajuk ini, saya bukannya untuk diteliti oleh semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berkenaan dan saya mulakan dengan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

*بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ،  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ،*

Kaola membawa SC01A - Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri. Kaola ada membawa dua soalan:

1. Apakah peranan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dalam usaha mempromosikan Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi pelancongan di arena antarabangsa? Jika ada, apakah sudah kejayaan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri? Apakah ada program-program yang sudah dan sedang dan akan dilaksanakan?; dan
2. Apakah kedudukan "Bangunan Bubungan 12" yang merupakan salah satu monumen di negara kita, iaitu

di bawah kelolaan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri? Sejauh mana ia terpelihara dan apakah masih terbuka untuk lawatan domestik dan pelancong luar negara? Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Sebelum menteri yang berkenaan menjawab saya ingin membuat penerangan bahawa kementerian yang berkenaan sekarang bergelar "Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri" dan Ekonomi (Perdagangan) nya tidak lagi ada. Silakan.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II:** بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari atas soalan Yang Berhormat tadi itu.

Seperti mana dalam mukadimah kaola Yang Berhormat Pengerusi, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri menerusi 43 perwakilannya di luar adalah sebagai unjuran agensi-agensi kerajaan yang berada dalam negeri, *we represented with other ministry*. Ini untuk memudahkan agensi-agensi tersebut untuk menembusi pasaran ataupun membuat promosi dan pihak perwakilan sentiasa berusaha untuk mempromosikan barangan tempatan dan juga mempromosikan pelancongan ke Negara Brunei Darussalam.

Program ini berterusan dan ia diperbaharui dari semasa ke semasa. Selain itu juga, antara usaha yang dibuat oleh Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri untuk meningkatkan pelancongan adalah

untuk meneliti secara bekerjasama dengan negara-negara asing. Cara untuk memudahkan lagi pelancong ke Negara Brunei Darussalam.

Kaola berterima kasih jua kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan agensi-agensi di bawahnya, kerana menerusi kerjasama dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri juga, beberapa negara sekarang ini mendapatkan visa yang mudah iaitu antaranya seperti Republik Rakyat Cina, sekarang ini tidak memerlukan untuk memohon visa dari luar negeri ataupun dari China/Beijing, malahan dapat mendapatkan visa tersebut *on arrival*.

Dari statistik ini telah menunjukkan kedatangan pelancong dari China itu meningkat. Ini adalah satu cara antara cara-cara yang dapat dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri untuk meningkatkan perekonomian negara ini.

Menyentuh soalan kedua iaitu mengenai "Bangunan Bubungan 12", yang masih lagi dalam proses peningkatan dan juga *strategic planning*. Kaola mengakui bahawa potensi "Bangunan Bubungan 12" sebagai tarikan pelancong adalah memang tinggi. Oleh yang demikian "Bangunan Bubungan 12" adalah dalam pengubahsuaian dan penaiktarafan.

Pada masa ini, statusnya adalah untuk meneliti cara-cara yang bersesuaian untuk menjadikannya sebagai suatu tempat untuk menarik pelancong *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* setelah berunding dengan agensi-agensi

berkenaan seperti Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan keputusan akan dibuat tidak lama lagi dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** pada tahun ini untuk memajukan "Bangunan Bubungan 12" tersebut sebagai salah satu tarikan pelancong, sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

**Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad:** Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ. السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
Selajur sahaja kepada saranan soalan. Di peringkat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations*) pada 9 Disember 2015, Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu iaitu *United Nations Security Council* mengesahkan Revolusi 2250. Ini adalah revolusi pertama yang khusus menggalakkan peranan belia dalam isu keamanan dan keselamatan yang menyentuh mengenai belia dari perspektif keamanan dan keselamatan. Ia juga menggalakkan serta mengiktiraf penglibatan belia dalam mempromosikan keamanan.

Soalan saya, apakah usaha-usaha mendukung resolusi ini? Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II:** Terima kasih, Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad

atas soalan Yang Berhormat tersebut. Mungkin jawapan saya masa ini tidak begitu *detail* tetapi kaola Yang Berhormat Pengerusi, memohon kalau dapat menjawab lagi secara *details* setelah mendapat maklumat seterusnya. Tetapi secara umum memang di *United Nations* meng*adopt* banyak resolusi berkaitan dengan perkembangan dan pembangunan belia yang juga mengenai wanita dan sebagainya.

Dari segi aspek relevannya, kementerian masih lagi meneliti yang bersesuaian dengan belia untuk dapat memainkan peranan dalam resolusi tersebut. Termasuk juga resolusi mengenai peranan belia dalam keamanan dan keselamatan. Bagi sesetengah negara resolusi tersebut sangat relevan dan seperti negara-negara yang baru mengatasi konflik dalaman.

Walau bagaimanapun, dari segi Negara Brunei Darussalam mungkin resolusi tersebut tidak berapa *urgent* ataupun *important* tetapi akan sentiasa diteliti memandangkan ia sebagai satu usaha di peringkat antarabangsa.

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ diucapkan penghargaan dan tahniah atas mukadimah yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II sebentar tadi.

Kaola akan bertanya dalam Tajuk SC01A - Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri ini iaitu mengenai Kod Akaun 001/003 iaitu berkaitan dengan Pengurusan Perdagangan Antarabangsa.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola bercakap mengenai pasaran luar negara dan peluang industri tempatan.

Memperluaskan pasaran ke luar negara dan membuka lebih banyak peluang yang boleh diterokai oleh industri tempatan adalah antara cara terbaik bagi mencapai matlamat ekonomi yang dinamik dan mampan dan penyertaan pengusaha-pengusaha negara ini ke ekspo dan pameran di luar negara sangat membantu para pengusaha kecil dan sederhana dalam meningkatkan kualiti dan pengeluaran produk dan perkhidmatan masing-masing.

Soalan saya, bagaimanakah proses kawalan kualiti dan peningkatan pengeluaran produk ini dilaksanakan sedangkan produk berkenaan dikeluarkan secara berbeza oleh masing-masing pengusaha dan apakah di antara perancangan kementerian ini berkaitan dengan memberi peluang dan memperluaskan pasaran industri tempatan? Dan Adakah pemikiran supaya tatacara atau proses menentukan kualiti dan menentukan pemasaran

dapat didedahkan kepada pengusaha-pengusaha berkenaan?

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II:** Terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Lahit atas soalan yang diutarakan.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola memohon sekiranya soalan tersebut tadi diajukan kepada Kementerian Kewangan dan Ekonomi memandangkan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri tidak lagi dipanggil Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan pada masa ini sejak September 2018.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Rupanya Tajuk itu sudah dipindah kepada Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Jadi, barangkali Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit boleh menimbulkan soalan yang berkenaan itu apabila kita menimbangkan mengenai Belanjawan Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:** إِنَّ شَاءَ اللَّهُ Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

**Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman**

@ Othman: Yang Berhormat Pengerusi terima kasih.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ. السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
 Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. أَلْحَمْدُ لِلَّهِ lebih dahulu kaola merakamkan ribuan terima kasih atas mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam.

Kaola akan menyentuh mengenai Tajuk SC01A – Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dengan Anggaran Perbelanjaan yang dikhaskan iaitu \$113,041,410.00.

Kaola ingin menyuarakan dan mencadangkan soalan-soalan mengenai *Brunei House* ataupun *Brunei Hall* yang hanya terdapat di *United Kingdom*.

Apakah sekiranya jika dirancang untuk menyediakan peruntukan untuk membina atau membukakan juga *Brunei House* atau *Brunei Hall* di negara-negara lain? Ini dapat menyatukan rakyat Brunei terutama sekali bagi penuntut-penuntut, pegawai-pegawai yang bertugas di luar negara serta rakyat-rakyat Brunei yang sedang berada di luar negara.

*Brunei House* atau *Brunei Hall* juga bukan sahaja untuk menyatukan rakyat Brunei, ia juga dapat membantu rakyat Brunei untuk membuat aktiviti-aktiviti dan latihan-latihan (*in-house training*) dan memudahkan untuk apa juga

perkhidmatan serta komunikasi sesama rakyat.

Dengan adanya *Brunei House* atau *Brunei Hall* juga membolehkan membuka peluang kepada rakyat Brunei untuk bertugas di luar negara terutama sekali kepada pencari pekerjaan yang tiada ikatan *bond* dengan Kerajaan Negara Brunei Darussalam.

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II:** بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman atas soalan yang ditujukan.

Yang Berhormat Pengerusi kaola ingin mengambil kesempatan ini untuk memberi penjelasan sedikit untuk tugas Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan perbezaan tugas Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan.

Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri memang mempunyai aset-aset yang tertentu seperti bangunan-bangunan dan juga pejabat untuk kegunaan pihak-pihak yang bertugas di luar negeri. Tetapi dari segi *welfare of the students* adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Pendidikan.

Keselamatan dan *welfare* secara umum setiap rakyat memang di bawah tanggungjawab perwakilan-perwakilan tetapi dari segi penuntut ianya adalah

di bawah kementerian yang berkenaan iaitu Kementerian Pendidikan.

Dalam perkara ini, mengenai *Brunei Hall* bagi penuntut-penuntut yang menempatkan penuntut-penuntut ianya di bawah pentadbiran, penjagaan dan peruntukan Kementerian Pendidikan.

Di mana Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri hanya memberi *support* secara *indirect* kepada pegawai-pegawai tersebut semasa mereka berada di luar negeri.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Barangkali Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman boleh menimbulkan soalan yang sama kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan apabila belanjawannya dibentangkan kemudian, إِنْ شَاءَ اللَّهُ

Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput.

**Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Saya membangkitkan Tajuk SC01A - Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri. Saya tertarik mengenai mukadimah yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II

mengenai kurangnya keprihatinan penduduk negara ini mengenai melaporkan diri ke kedutaan dan suruhanjaya negara apabila mereka berada di luar negara.

Jadi, dalam memperkesakan perkara ini apakah pihak Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri bercadang untuk mengadakan jerayawara mengenai pentingnya perkara tersebut untuk memperkesakan lagi kesedaran orang ramai mengenai perkara tersebut?

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II:** Terima kasih Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput atas soalan tersebut. Yang Berhormat Pengerusi.

Seperti mana dalam mukadimah kaola, bukan pula menyatakan kurang sambutan tetapi perlu dipertingkatkan usaha untuk setiap pelawat yang berada di luar negeri membuat *registration* bagi memudahkan perwakilan-perwakilan di negara tersebut ataupun perwakilan-perwakilan di negara yang bertanggungjawab bagi negara tersebut untuk mengambil tindakan yang cepat bagi menolong individu-individu yang menghadapi kesukaran.

Memang nampak satu sebab kurang sambutan tentang *registration* ini. Mungkin dari segi mempromosi dan 'memberigakan' maklumat ini. Pihak Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri sudah bermula untuk meningkatkan usaha 'memberigakan' dan memberi maklumat mengenai *e-Registration* ini.

Salah satu antaranya, baru-baru ini, adalah semasa hari "Bandarku Ceria" fokus utama Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri pada hari tersebut ialah untuk menerangkan mengenai *e-Registration*.

Memang ada individu yang tidak suka untuk *register* tetapi Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri mengesyorkan dan juga *ensure that information* yang diberikan itu adalah tidak digunakan selain untuk *private use* sahaja dan bukannya untuk *public use*.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya cadangkan kita berhenti untuk berehat selama 15 minit.

**(Mesyuarat Jawatankuasa berehat sebentar)**

**(Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula)**

**Yang Berhormat Pengerusi:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mesyuarat Jawatankuasa ini kita sambung semula.

Sebentar tadi kita berhenti untuk berehat, mesyuarat Jawatankuasa telah mula membincangkan dan membahaskan Tajuk Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Kita telah mendengar beberapa pertanyaan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat dan pada saya masih lagi terdapat senarai beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut

serta dalam penelitian Tajuk yang berkenaan.

Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

**Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Saya ingin mengucapkan lebih dahulu terima kasih dan tahniah atas mukadimah yang diberikan oleh Yang Berhormat tadi. إِنَّ شَاءَ اللَّهُ soalan saya ini 'inda' beranak-anak cuma satu sahaja.

Negara Brunei Darussalam telah banyak menandatangani Memorandum Persefahaman (*MoU*) dua hala bersama negara-negara luar dan banyak jua biasiswa-biasiswa yang ditawarkan dari luar negeri. *MoU* dan biasiswa-biasiswa yang ditawarkan dari luar negeri ini seharusnya dapat mengukuhkan lagi hubungan dan perkembangan kedua-dua negara.

Sebagai contoh, dalam penawaran biasiswa. Jika biasiswa yang ditawarkan tidak diberikan sepenuhnya kepada pelajar-pelajar tempatan kita tidaklah jua mengambil peluang yang bermanfaat melalui *MoU* ini kerana kita melihat pada situasi kita masa kini, kadar kuota biasiswa kerajaan telah pun juga dikurangkan.

Saya ingin mengetahui adakah komite yang memantau keberkesanan *MoU*

yang ditandatangani ini ataupun biasiswa-biasiswa yang ditawarkan?

Yang Berhormat Pengerusi, kaola pun kurang pasti sekiranya soalan mengenai *scholarship* ini diajukan kepada Kementerian Pendidikan atau Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri sebab segala *scholarship* yang ditawarkan dari luar negeri selalunya melalui Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Mengenai *MoU* dan biasiswa ini memanglah hasrat negara-negara terbaik untuk mempertingkatkan hubungan dua hala menerusi penandatanganan perjanjian-perjanjian ataupun *MoU* dan kita telah melihat dan menyaksikan beberapa *MoU* telah ditandatangani semasa lawatan negara yang terkini bersama Presiden Republik of Korea, Presiden Moon Jae-In.

Sebagai contoh, sekiranya dapat kaola mengambil contoh mengenai perkara ini, memanglah *MoUs* itu ditandatangani oleh beberapa agensi yang berkenaan. Dari pendirian Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, kementerian hanya sebagai *coordinator* ataupun *contact* untuk mempertingkatkan hubungan-hubungan antara agensi-agensi berkenaan dengan

*counterpart* mereka dari luar negeri dan dari segi keberkesannya *MoU* ataupun perjanjian tersebut adalah tertakluk kepada kementerian ataupun agensi-agensi berkenaan yang bertanggungjawab bagi *MoU* dan perjanjian tersebut.

Dari segi biasiswa yang ditawarkan oleh negara-negara sahabat, walaupun ia ditawarkan menerusi Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri akan sentiasa bekerjasama dengan pihak UBD atau Kementerian Pendidikan untuk mendapatkan calon-calon yang bersesuaian dari segi akademik. Kesesuaian akademik cuma Kementerian Pendidikan lebih memahami dan mengetahuinya.

Jadinya, dari segi *scholarship* tersebut yang diberikan oleh negara-negara asing adalah menerusi Kementerian Pendidikan dan UBD tetapi daripada segi memberi *scholarship* kepada negara-negara luar seperti dalam pembantuan teknikal yang Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri adakan setiap tahun adalah menerusi kerjasama dengan Kementerian Pendidikan dan institusi-institusi akademik seperti UBD, UTB dan sebagainya untuk meneliti dan mengenal pasti calon-calon yang bersesuaian yang didatangkan dari ataupun yang memohon *scholarship* Brunei tersebut.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.



**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin.

**Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin:** بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ  
وَالسَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Pengerusi terima kasih.

Kaola mohon izin jua untuk mengongsikan dalam Tajuk SC01A - Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri II dengan peruntukan dan perbekalan yang dicadangkan iaitu \$113,041,410.00.

Kaola dengan sukacita mengucapkan tahniah jua kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II kerana dapat memberikan penjelasan-penjelasan dalam mukadimah yang telah disampaikan sebentar tadi.

Yang Berhormat Pengerusi. Sebagaimana yang kaola sudah fahami bahawa Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam amat berperanan dalam kepentingan Negara Brunei Darussalam di luar negeri dalam berbagai-bagai urusan tertentu dengan negara-negara sahabat dan negara-negara antarabangsa.

Bercakap mengenai belia mencari kerja, graduan-graduan dan jua yang ingin mencari pekerjaan yang baharu berminat melamar pekerjaan di luar negeri, tentu sahaja barangkali pihak berkenaan di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dapat memberikan lebih pendekatan ataupun jua adanya jerayawara dan iklan-iklan mengenai kerja-kerja kosong,

sesuai pada masa ini belia terus berusaha untuk mencari pekerjaan.

Jasa baik dari Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri jua, kaola mengharapkan akan dapat mengusahakan agar agensi-agensi swasta dalam negeri boleh membantu untuk menolong *survey* atau mencari siasat kerja-kerja yang sesuai untuk belia-belia melamar pekerjaan di luar negeri dan jua barang setentunya untuk memudah cara bagi yang berkenaan untuk memohon pekerjaan di luar negeri.

Yang Berhormat Pengerusi, sekian sahaja, وَالسَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II:** Terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin atas persoalan yang diajukan.

Yang Berhormat Pengerusi, memang kementerian membukakan jawatan-jawatan kosong yang ada di dalam negeri dan di luar negeri juga kepada rakyat Brunei dan bagi beberapa jawatan yang selalunya diadakan untuk pegawai atau kakitangan yang di luar negeri seperti dipanggil *locally engage staff* dibukakan kepada kedua-dua rakyat dari negara tersebut dan juga dari rakyat Brunei. Ini tertakluk kepada kesesuaian dan juga kebolehan para calon yang memohon jawatan-jawatan tersebut.

Dari segi pekerjaan yang diadakan di negara-negara luar, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri pada dasarnya tidaklah mempromosikan jawatan-

jawatan atau peluang kerja di luar negeri.

Selalunya dari segi mempromosikan jawatan-jawatan di luar negeri adalah dari segi *specialist* pekerjaan-pekerjaan yang khusus dan yang dikatakan sebagai *specialist* seperti doktor, pilot dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, kementerian menerusnya perwakilannya berusaha untuk meneliti sekira adanya kes-kes penipuan ataupun syarikat-syarikat agensi yang boleh menyebabkan apa yang digelar *human trafficking* dan kita telah melihat di berapa negara di rantau ini bahawa rakyat mereka terkena dan terlibat dalam *human trafficking* ini.

Oleh yang demikian, pihak kementerian akan memantau dari masa ke semasa berterusan supaya sekiranya ada agensi-agensi berkenaan dapat disahkan dulu.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Nampaknya tidak ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang suka untuk mengemukakan pertanyaan mengenai Tajuk yang berkenaan ini, maka saya kira kita sudah sedia untuk mengundi Tajuk ini.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)**

Semua Ahli Yang Berhormat bersetuju, maka Tajuk Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri diluluskan.

**Yang Dimuliakan Jurutulis:** Tajuk Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri iaitu Tajuk SC01A dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Kementerian Kewangan dan Ekonomi Tajuk SD01A – SD09A.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang Mesyuarat Jawatankuasa beralih untuk meneliti Kementerian Kewangan dan Ekonomi berserta dengan jabatan-jabatan di bawahnya.

Sebelum Tajuk-Tajuk kecil ini dibuka untuk dibahaskan, saya suka memberi peluang kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II untuk memberikan penjelasan lanjut tentang penyediaan belanjawan bagi kementerian ini. Sekiranya ia bersetuju berbuat demikian.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
dan salam sejahtera.

Sebelum Belanjawan Kementerian Kewangan dan Ekonomi dibincangkan, kaola lebih dahulu ingin menyampaikan secara ringkas mengenai inisiatif Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Sepanjang Tahun Kewangan 2018/2019 bagi meningkatkan aktiviti kawalan, penguatkuasaan dan produktiviti yang Antara lainnya termasuklah:

- i. Menguatkuasakan Pindaan Perintah Kastam Bab 136 (*Compounding of Offences*) yang memperuntukkan bagi denda kompaun untuk dinaikkan daripada \$1,000.00 kepada tidak melebihi \$5,000.00 pada 26 Mac 2018;
- ii. Memperkenalkan sistem *Vehicle Entry and Exit System (VES)* pada 29 April 2018. *VES* merupakan salah satu inisiatif Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dalam bagi memudahkan pendaftaran kenderaan yang selama ini dilakukan secara manual;
- iii. Menaik taraf sistem Brunei Darussalam *National Single Window (BDNSW)* yang melibatkan 20 buah agensi kerajaan yang mengawal pelbagai jenis barangan *import and export* bertujuan meningkatkan efisiensi dan mempercepatkan pelepasan kargo;
- iv. Menguatkuasakan penggunaan Sistem *Portal e-Invoice* mulai 1 Ogos 2018 bagi memudahkan para pembekal mengetahui status invois atau tuntutan yang dibuat kepada kerajaan;
- v. Memperkenalkan *Insolvency (Winding Up) Rules 2018 dan Insolvency (Insolvency Practitioners)*

*Rules* pada September 2018 untuk mengukuhkan lagi rangka perundangan ketidaksoveren; dan

- vi. Menandatangani beberapa Perjanjian Pengelakkan Cukai Berganda (*Double Taxation Agreement – DTA*) dengan Negara Kemoja berkuat kuasa pada 26 April 2018 dan Perjanjian Pertukaran Maklumat Cukai dengan Negara India pada 28 Februari 2019.

Yang Berhormat Pengerusi, berhubung dengan Belanjawan Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun Kewangan Tahun 2019/2020, secara keseluruhannya Peruntukan yang dicadangkan adalah berjumlah \$814,132,967.00. Peruntukan ini terdiri daripada:

1. Peruntukan bagi gaji kakitangan yang keseluruhannya berjumlah \$63,003,490,000. Peningkatan jumlah gaji kakitangan ini berbanding dengan Perbelanjaan Tahun Kewangan 2018/2019 adalah mengambil kira penyerapan Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi atau JPKE dari Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Perdagangan dan dari Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri pada 20 September 2018.
2. Peruntukan bagi Perbelanjaan Berulang-Ulang bagi keseluruhannya berjumlah \$729,180,767.00 daripada jumlah ini sebanyak 81% iaitu sebanyak kira-kira \$591 juta adalah disediakan di bawah Perkhidmatan

Rampaian antara lainnya adalah seperti berikut:

- i. Peruntukan berjumlah kira-kira \$33 juta adalah untuk membiayai projek-projek yang telah dibenarkan;
- ii. Peruntukan bagi pembayaran Perkhidmatan Perubatan di JPMC berjumlah \$30 juta;
- iii. Peruntukan sejumlah \$28 juta bagi pembayaran Elaun Pelajaran termasuklah \$10 juta untuk membiayai Elaun Pelajaran kepada mereka yang mengikuti pendidikan tertiar di dalam negeri iaitu khusus bagi ibu bapa atau penjaga yang bekerja di sektor swasta dan ahli kepada Tabung Amanah Pekerja;
- iv. Projek fokus sejumlah \$18 juta bagi mendukung 4 fokus utama belanjawan tahun ini;
- v. Peruntukan bagi Menangani Bencana Alam dan Wabak Penyakit sebanyak \$15.7 juta;
- vi. Peruntukan sebanyak \$10.8 juta bagi mendatangkan Tenaga Pakar dan Pengajar Mahir untuk Literasi dan Numerasi;
- vii. Peruntukan berjumlah \$4 juta telah disediakan bagi membiayai kerja-kerja membaik pulih atau mengganti sistem pendingin hawa (*chiller*) di beberapa buah

kementerian dan jabatan kerajaan; dan

- viii. Peruntukan sebanyak \$3.7 juta bagi keperluan Skim Simpanan Khas Tabung Perumahan di bawah Tabung Amanah Pekerja.
3. Manakala di bawah kategori Perbelanjaan Kemajuan pula. Peruntukan sebanyak \$21,948,710.00 dicadangkan dengan harga rancangan sejumlah \$414,723,750.00 bagi membiayai Projek Penubuhan Bursa Saham Negara Brunei Darussalam yang sedang dalam pelaksanaan, Banci dan Kajian Sosio-Ekonomi, Pembangunan Kluster dan Kajian Sains dan Teknologi dan Inovasi.

Dengan peruntukan yang disediakan ini Kementerian Kewangan dan Ekonomi akan terus bekerjasama dengan kementerian-kementerian dan agensi-agensinya yang berkenaan ke arah meningkatkan lagi tahap produktiviti serta pemberian perkhidmatan yang berkualiti kepada orang ramai serta memastikan keberkesanan kutipan-kutipan hasil di samping menggalakkan pertumbuhan ekonomi antara lainnya seperti berikut:

- i. Memperkukuhkan kedudukan fiskal dan ekonomi negara melalui inisiatif-inisiatif seperti berikut:
  - a. Pelaksanaan *Fiscal Consolidation Plan* ke arah penggunaan peruntukan yang lebih efisien serta memfokuskan perbelanjaan

kerajaan kepada sektor-sektor yang produktif dan aktiviti-aktiviti yang akan menggalakkan pertumbuhan dan kepelbagaian ekonomi;

- b. Meneliti peluang untuk meningkatkan kutipan dan memperluaskan asas sumber hasil pendapatan kerajaan daripada sektor bukan minyak dan gas; dan
- c. Meneruskan penelitian dan kajian bagi melaksanakan penelitian dan kajian bagi melaksanakan projek-projek secara *Public Private Partnership (PPP)*, pengkorporatan atau penswastaaan agensi-agensi kerajaan yang bersesuaian. Ini termasuklah memudah cara perdagangan dan meningkatkan aktiviti pelaburan yang berpotensi untuk dijadikan sebagai rakan *Joint Venture* atau *Public Private Partnership (PPP)*.
- d. Meningkatkan penyampaian perkhidmatan (*enhancing service delivery*) bagi meningkatkan tahap produktiviti dan keberkesanan perkhidmatan kepada orang ramai antaranya melalui sistem maklumat berkomputer yang benar-benar mencapai hasrat negara ke arah *Digital Government* dan *Digital Economy*; dan
- e. Membangun modal insan (*human capital development*) melalui

pelaksanaan program-program sumber tenaga manusia Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan jabatan-jabatan di bawahnya secara berterusan.

Ke arah usaha untuk meningkatkan efisensi dan keberkesanan perbelanjaan. Kementerian Kewangan dan Ekonomi akan terus melaksanakan inisiatif-inisiatif ke arah mendukung perbelanjaan kerajaan secara berhemah antara lainnya seperti berikut.

- i. Melanjutkan tempoh pembayaran bagi semua pembelian dan perkhidmatan yang telah dilaksanakan sebelum penghujung Tahun Kewangan yang berkenaan kepada 3 bulan selepas berakhirnya Tahun-Tahun Kewangan yang berkenaan. Ianya bertujuan mengurangkan jumlah tunggakan pembayaran yang telah menjadi satu bebanan kepada syarikat dan perusahaan dan juga agar tidak menjejaskan peruntukan yang disediakan Tahun Kewangan berikutnya;
- ii. Membayar kesemua tunggakan bil elektrik dan air pihak kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan, bagi tidak menjejaskan peruntukan utiliti kementerian dan jabatan pada Tahun Kewangan berikutnya;
- iii. Menyediakan satu *central contract* bagi pembaikan dan pengubahsuaian alat pendingin hawa (*chiller*) di bangunan-bangunan kerajaan

yang telah dikenal pasti agar menjimatkan kos pelaksanaan;

- iv. Pada masa ini, beberapa penyelenggaraan aset-aset kerajaan dilakukan oleh syarikat-syarikat swasta. *Darussalam Aset Sendirian Berhad (Darussalam Assets)* pada masa ini sedang giat membuat kajian dan analisis mengenai struktur yang terbaik untuk membantu kerajaan dalam *maintenance* aset-aset yang dimiliki kerajaan dengan lebih baik mengambil kira penglibatan sektor swasta dan menaik taraf industri pengurusan kemudahan (*facility management*). Penglibatan sektor swasta juga akan dapat mengurangkan kos kepada kerajaan. Contohnya penglibatan sektor swasta sejak Januari 2017 dalam *maintenance* dan operasi Bangunan *Brunei Darussalam International Defence Exhibition and Conference (BRIDEX)* telah pun berjaya untuk meningkatkan prestasi bangunan tersebut dan mengurangkan kos operasi secara keseluruhannya.
- v. Meneliti semula dasar-dasar yang berkaitan dengan proses perolehan dan penghapusan bagi meningkatkan efisiensi proses yang sedia ada; dan
- vi. Memastikan projek-projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara berjalan dengan sebaiknya dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Yang Berhormat Pengerusi, sekianlah, yang dapat kaola kongsi sebagai makluman dan panduan Ahli-Ahli Yang

Berhormat. Kaola percaya dengan kerjasama dan sokongan semua pihak hasrat Kementerian Kewangan dan Ekonomi ke arah memastikan kedayatahan serta kestabilan fiskal dan kepelbagaian ekonomi akan dapat dicapai **إِنْ شَاءَ اللَّهُ**.

Sebelum kaola menutup seperti mana juga yang lazimnya dibuat pada tahun-tahun yang lalu. Kaola memohon izin bagi peruntukan Jabatan Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau *HMSF* di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi yang disifatkan sebagai jabatan yang tertutup untuk tidak dibincangkan.

Sekian, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Pengerusi** : Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya kira kenyataan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II tentang hala tuju kementeriannya cukup jelas dan saya mempunyai senarai yang mengandungi beberapa orang Ahli Yang Berhormat suka untuk bertanya ataupun memberikan pandangan mengenai Tajuk ini. Saya persilakan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

**Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad**: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana

Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II atas perkongsian tadi.

Saya ingin bertanya mengenai Tajuk SD05A – Jabatan Perbendaharaan, (003 – 000) Pengurusan Belanjawan.

Merujuk kepada tender-tender kerajaan, apakah usaha dalam mengusahakan adanya kerangka kerja "*Framework*" seperti *Local Business Development (LBD) Framework* untuk memastikan *the smallest player*, dapat "berampit-ampitan" mengikuti *tender* serta memberikan peluang kepada syarikat-syarikat tempatan kitani yang mampu dan kompeten untuk melaksanakan projek-projek tender tersebut.

Contoh terdekat ialah, seperti projek i-Usahawan untuk pengusaha belia yang diharapkan dapat meningkatkan kemampuan pengusaha tempatan kitani serta tender-tender yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat *Brunei Shell Joint-Venture (BSJV)* kepada syarikat-syarikat tempatan.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Kewangan dan Ekonomi II:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Dalam tender-tender kerja kerajaan dibagi kepada beberapa kategori, ada yang sebahagian kerja memerlukan *expertise* yang lain daripada yang lain.

Maka kategori dalam bahagian tersebut mesti mengikuti syarat-syaratnya. Bagi kerja-kerja yang biasa, barangkali

dengan tender jumlahnya lebih rendah, memang digalakkan supaya semua pengusaha dapat ikut serta. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Wawasan Brunei 2035 merupakan aspirasi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menempatkan negara ini kepada landasan yang terbaik untuk masa depan walaupun negara telah mencapai kemajuan dan perkembangan yang pesat sejak mencapai kemerdekaan pada tahun 1984.

Baginda terus berhasrat untuk mengemudi negara daripada kebergantungannya pada sumber minyak dan gas, serta memperlengkapkan rakyat dan penduduk di negara ini agar lebih bersedia untuk menghadapi cabaran yang berterusan dalam arena ekonomi global dan serantau.

Memang tidak dapat dinafikan ketidakpastian keadaan ekonomi dunia pada masa ini mempunyai implikasi yang

negatif terhadap pembangunan negara. Walau bagaimanapun, ia tidak boleh dibenarkan untuk melalaikan kita sebagai rakyat dan penduduk negara ini daripada menunaikan tugas dan tanggungjawab kita dalam membantu membangun ekonomi negara.

Ke arah ini kesemua kita daripada setiap lapisan masyarakat perlu komited dan mengambil peranan proaktif dalam sama-sama meningkatkan lagi tahap ekonomi negara ini. Dari itu, salah satu cara untuk memperkukuhkan dan menggalakkan lagi pertumbuhan ekonomi negara secara menyeluruh adalah dengan memastikan sistem peraturan dan urus tadbir yang telus dan proaktif. Salah satu sistem peraturan yang telah dikuatkuasakan ke arah ini ialah Perintah Persaingan 2015.

Soalan saya, apakah perkembangan pelaksanaan Perintah Persaingan 2015 ini yang antara lain objektifnya untuk mempromosi dan memelihara persaingan yang adil dan sihat bagi meningkatkan kecekapan pasaran (*Market Efficiency*) dan kesejahteraan pengguna di negara ini?

Adalah diambil maklum bahawa penguatkuasaan Perintah Persaingan 2015 ini adalah dilaksanakan secara berperingkat-peringkat. Bermula dengan larangan amalan dan perjanjian-perjanjian anti - persaingan di samping bertujuan memberi masa kepada pihak yang berkenaan untuk bersiap sedia ke arah penguatkuasaan yang teratur.

Soalan saya yang kedua, dalam pada itu kaola ingin bertanya jua setakat ini apakah tindakan-tindakan lain yang telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian Kewangan dan Ekonomi bersama-sama dengan kementerian dan agensi-agensi yang berkepentingan yang lainnya dalam usaha untuk memantapkan dan mempelbagaikan lagi ekonomi negara dengan mengambil maklum kluster-kluster industri yang diberikan keutamaan seperti industri makanan halal, perkhidmatan perniagaan, teknologi dan industri kreativiti, pelancongan serta industri hiliran minyak dan gas. Sekian, Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan ke atas soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu.

Ada dua soalan, satu mengenai Perintah Persaingan 2015, barangkali kaola dapat kongsi perintah berkenaan adalah satu perintah diwartakan pada tahun 2015.

Pada masa ini diatasi oleh sebuah badan bebas iaitu Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam dan Jabatan Persaingan, di bawah Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah ditubuhkan pada 1 Ogos 2017.



Barangkali tujuan utama bagi Jawatankuasa Suruhanjaya ini adalah untuk mengatasi 3 larangan utama dalam perintah ini iaitu:

- i. Perjanjian Anti-Persaingan atau Kartel;
- ii. Penyalahgunaan kedudukan dominan;
- iii. Penggabungan anti persaingan.

Ini tiga larangan utama di bawah suruhanjaya ini. Suruhanjaya ini juga sering mengadakan mesyuarat, jika ada isu-isu mengenai kompetitif, anti kompetitif boleh dihadapkan kepada suruhanjaya tersebut.

Yang kedua, mengenai dengan usaha mempelbagaikan ekonomi negara kita. Kaola telah panjang lebar dalam pembentangan kertas cadangan undang-undang pembekalan tempoh hari. Barangkali tidak perlu kaola panjang lebar lagi tentang perkara ini, nampak sudah dalam pembentangan kaola itu, beberapa acara telah pun disusun untuk tujuan mempelbagaikan lagi ekonomi negara kita. Perkara untuk mencapai tujuan ini, bukan saja di pihak kerajaan sahaja yang mengusahakan tetapi pihak swasta perlu jua bekerjasama dengan pihak kerajaan.

Satu contoh barangkali yang kaola kongsi iaitu mengenai hal seperti makanan halal. Pada masa ini, satu syarikat berkaitan kerajaan iaitu *Ghanim International Corporation Sdn. Bhd.* giat aktif bekerjasama dengan beberapa syarikat swasta untuk memajukan *standard product* mereka dan juga

membukakan *export market* supaya produk-produk tempatan itu dapat dimajukan dan dieksport ke luar negeri. Kejayaan ini pun bukan difikirkan kualiti produk-produk sahaja tetapi termasuk jua *branding, cost competitiveness, standard product* dan sebagainya. Inilah satu contoh kerajaan melalui satu syarikat berkaitan kerajaan bekerjasama pihak swasta sama-sama membangun sektor pemakanan ini.

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

**Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ sebelum saya mengajukan soalan ini kemungkinan ada atau tidak sesuai bagi Kementerian Kewangan dan Ekonomi. Walau bagaimanapun, saya bercakap mengenai dengan peranan kementerian ini dan juga Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Ekonomi yang merupakan Pengerusi Bersama Jawatankuasa Autoriti Daerah Temburong jika bersesuaian kaola akan meneruskan.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. اَلْحَمْدُ لِلَّهِ pertama kali saya mengucapkan syukur berkat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, إِنَّ شَاءَ اللَّهُ apa yang ditunggu-tunggu selama ini iaitu satu

projek besar negara Jambatan Daerah Temburong, jalan penghubung Bandar Seri Begawan dengan Daerah Temburong dengannya membuka lembaran baharu khususnya bagi rakyat dan penduduk di Daerah Temburong.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ satu Jawatankuasa Autoriti Pembangunan Daerah Temburong telah ditubuhkan yang bertanggungjawab menyelaraskan, mengatur dan pembangunan daerah berkenaan. Sudah tentu Daerah Temburong menarik perhatian dan minat orang ramai terutama pelancong-pelancong, palabur-pelabur asing luar dan dalam negeri, pengusaha dan peniaga akan terbuka luas sekali gus juga membuka pertumbuhan *procurement* baharu, pembukaan ladang pertanian, ternakan perkembangan pengusaha kecil dan sederhana, Satu Produk Satu Kampung dan seumpamanya.

Saya menganggap pembangunan Temburong memasuki fasa baharu yang akan dapat mengubah landskap Daerah Temburong keseluruhannya. Sehubungan dengan itu, beberapa perkara mengenainya sukacitalah mohon keterangan lanjut untuk mengetahui dan pengetahuan umum:

1. Adakah industri yang akan dibina di Daerah Temburong itu bersesuaian dengan keadaan alam sekitar Daerah Temburong supaya ia tidak merosakkan ekosistem alam semula jadi mencemar udara dan lain-lainnya;

2. Pembinaan prasarana bagi menarik pelabur pengusaha, peniaga dan juga pelancong; dan
3. Isu-isu kesejahteraan dan keselamatan umpamanya semasa melalui jambatan Daerah Temburong.

Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih juga Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu atas beberapa soalan yang diajukan.

Lebih dahulu Yang Berhormat juga sebagai seorang ahli kepada Autoriti Kemajuan Daerah Temburong mengenai soalan yang dibangkitkan, sebenarnya Yang Berhormat tahu jawapannya tetapi tidak mengapa ini kaola kongsiikan untuk makluman orang ramai sama-sama mendengar.

1. Projek yang akan dimajukan di Daerah Temburong pada masa ini satu *sub-committee economic development* bagi Daerah Temburong dalam mana apa-apa yang kita rancang pada masa depan, mengambil kira jua *eco environment* yang ada pada masa ini di Daerah Temburong. Pada masa ini yang dikenal pasti adalah projek-projek untuk meningkatkan pelancongan ke Daerah Temburong sambil menjaga *environment* kitani pada masa ini;

2. Mengenai *investment*. Autoriti Kemajuan Daerah Temburong juga *encourage* siapa saja *investor* sama-sama melabur apa saja projek dikenal pasti termasuk jua *investor* dari Daerah Temburong sendiri. Dalam mesyuarat beberapa kali ada juga disarankan supaya Yang Berhormat sendiri yang ingin sama-sama melabur di Daerah Temburong sama-sama berunding autoriti berkenaan;
3. Keselamatan, perkara ini satu isu yang perlu diatasi dalam Autoriti Kemajuan Daerah Temburong. Kemajuan Daerah Temburong, ada satu subkomite memikirkan dari segi sekuriti Daerah Temburong.

Itu saja yang dapat kaola kongsi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Silakan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.

**Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Kaola ingin merujuk kepada Tajuk SD05A - Jabatan Perbendaharaan. Kaola merujuk kepada sistem *e-Payment Gateway* yang telah diperkenalkan bagi memudahkan *vendors* untuk berurusan dengan pihak kerajaan bagi menuntut pembayaran.

Merujuk kepada Rang Undang-Undang (2018), Perbekalan 2017/2018 telah dianggarkan akan mencapai 25% peningkatan transaksi melalui sistem *e-Payment Gateway* daripada jumlah

sektor bukan minyak dan gas. Tetapi jumlah sebenar ialah cuma 5%.

Kaola ingin bertanya, adakah terdapat peningkatan dalam pembayaran menggunakan sistem yang baharu? Apakah cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaan ataupun penggunaannya oleh para *vendors*? Seperti yang difahami kelambatan pembayaran boleh mengehadkan perkembangan bisnes-bisnes dan merugikan mereka.

Tajuk SD04A - Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi. Di bawah Seksyen 2 (1) Perintah Harga, Paparan Harga. Penjual dimestikan menunjukkan harga barang dengan nyata untuk memastikan ketelusan harga dan kelakuan perniagaan yang beretika. Adakah pihak jabatan membuat inisiatif dalam "memberigakan" perkara ini. Ianya mungkin tidak diketahui oleh *online sellers* dan ada kalanya bisnes dari segi servis juga mungkin tidak menyatakan harga dengan nyata tetapi cara *verbal* diberi harga yang berlainan jika ditanya. Mohon penjelasan mengenai perkara ini. Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.

Mengenai *e-Payment*, kaola perlu mengecek statistik yang disampaikan oleh Yang Berhormat tadi yang mengikut prestasi yang kaola fahami *percentage* itu lebih tinggi daripada yang disebutkan

oleh Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari. Walau bagaimanapun, perkara ini memang satu perkara yang mesti *continue to improve* bukannya mengambil kira *percentage* yang ada masa ini tidak lagi membuat apa-apa. Memang kitani sentiasa untuk *improve* lagi.

Kementerian Kewangan dan Ekonomi *understand problem* kalau sekiranya pembayaran itu dilambat-lambatkan. Perkara ini bukan saja di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi malah Kementerian Kewangan dan Ekonomi mesti juga bekerjasama dengan beberapa kementerian yang lain dan agensi berkenaan.

Mengenai *price control* di bawah JPKE, barangkali kaola akan mengongsikan pada masa ini bukannya semua barangan di kedai-kedai itu di bawah *price control*. *Price control* ini cuma hanya 12 *items* sahaja. Jadi yang *important items* yang hanya dikenakan *price control* tapi untuk *making sure* orang bisnes ini tidak salah guna, Pegawai JPKE ini akan sentiasa turun padang melawat kedai-kedai mengecek harga yang dalam 12 *items* ini juga. **إِنْ شَاءَ اللهُ** barangkali kalau ada aduan mengenai harga yang tidak berpatutan boleh juga disampaikan kepada JPKE. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

**Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman:** Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih. **بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ**

**السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ** dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu kaola merakamkan terima kasih atas mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Kaola ingin menyentuh Tajuk SD01A, Jabatan Kementerian dan Ekonomi dengan Anggaran Peruntukan yang diberikan \$19,570,770.00.

1. **أَلْحَمْدُ لِلَّهِ** negara kita telah berjaya menarik pelabur-pelabur asing (*FDI*) ke negara ini untuk membuat pelaburan di negara kita ini terutama sekali membantu menghasilkan *KDNK* bagi negara kita ini. Walau bagaimanapun kaola ingin bertanya mengenai jika ada pihak-pihak dari negara ini ingin membuat pelaburan di luar negara, adakah kementerian dapat menyediakan saluran-saluran untuk menarik pelaburan dari negara kita ini untuk membuka pelaburan di luar negara seterusnya dapat bersaing dengan *market* di luar negara?

2. **أَلْحَمْدُ لِلَّهِ** Negara Brunei Darussalam telah banyak mendatangkan *franchise* dari luar negara dengan bermacam-macam *franchise* seperti makanan (*restaurant*), produk-produk makanan, buah-buahan dan juga jenama pakaian. Kaola ingin mencadangkan *franchise* yang terdapat di Negara Brunei ini untuk dipromosikan ke luar negara untuk membantu *SME* (Perusahaan Kecil dan Sederhana) membuka *franchise* mereka di luar negara dan bersaing dengan *franchise yang terdapat* di luar negara. Sudah tiba masanya *enterprise* mahupun apa jua *franchise* yang terdapat di negara ini, untuk bersaing bagi membantu pengeluaran dalam negara serta penglibatan pengusaha-pengusaha negara ke arah globalisasi.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.  
Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:** Yang Berhormat Pengerusi terima kasih dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman atas soalan itu.

Kedua-duanya lebih kurang sama. Bagi pengusaha-pengusaha kita dalam negeri untuk majukan perniagaan mereka di luar negeri, barangkali perkara ini pernah juga bisnes di dalam negeri ini dijemput sama-sama ikut serta dalam *trade fair* dan *exhibition* di luar negeri bagi sama-sama lebih memahami juga

*pasaran-pasaran (market)* di luar negeri itu juga.

Jika sekiranya akan memajukan melabur di negeri-negeri luar itu barangkali satu forum yang bersesuaian ialah untuk melalui *Chamber of Commerce* dalam negeri ini bolehlah menghubungi *Chamber of Commerce* di luar negeri juga.

Perkara ini kerajaan boleh membukakan jalan tetapi mengusahakan untuk memikirkan *investment* dan dengan *detail* nya itu pihak swasta sendiri memikul tanggungjawab itu juga.

Pihak kerajaan memang menggalakkan perkara ini tetapi juga barangkali *responsibility* ini sama-sama dipikul juga antara pihak kerajaan dan juga pihak swasta. *Franchise* ini sama juga kalau dibukakan di luar negeri itu barangkali perlu juga lebih difahami juga keadaan pasaran di luar negeri itu sebelum terus melabur di negeri luar itu. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya kira hidung peniaga-peniaga ini lebih sensitif daripada hidung kerajaan. Adanya *opportunities* untuk melabur sama ada di luar negeri atau di dalam negeri, itu fahaman saya lebih seperti kita mempunyai seperti masa ini, orang bisnes seperti Yang Berhormat Haji Sabli barangkali hidungnya lebih sensitif daripada hidung kitani di dalam kerajaan, wang yang dapat difikirkannya atau diciumnya yang boleh menimbulkan *opportunities* bagi bisdia untuk berkecimpung.

Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

**Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon:** بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih, Yang Berhormat Pehin Pengerusi. تَسْلَامٌ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Terima kasih juga atas kesempatan yang diberikan kepada kaola. Pengetahuan mengenai pengurusan kewangan sudah setentunya penting bagi setiap urusan dilakukan, melibatkan kewangan-kewangan dan perlu dirancang bagi mengelak daripada terbeban dari kemelut kewangan.

Tertubuhnya *Authority Monetary Brunei Darussalam (AMBD)*, langkah-langkah progresif dapat dipertingkatkan ke arah mengukuhkan kewangan yang lebih berdaya tahan serta mempertingkatkan sektor perkhidmatan kewangan yang berdaya maju.

Antara matlamat strateginya ialah untuk memperkasakan dan membangunkan pengguna yang berpengetahuan dan celik kewangan. بِحَمْدِ اللَّهِ pihak *AMBD* telah menjalankan beberapa aktiviti seperti Jerayawara Literasi Kewangan, Jerayawara Hari Menabung, Muzakarah Ilmuan Kewangan Islam (MIKI) yang telah difokuskan kepada kumpulan tertentu.

Di sini saya cadangkan agar *outreach program* yang serupa akan dapat dilartakan dan difokuskan kepada golongan keluarga yang berpengetahuan rendah dan berpendidikan rendah.

Dalam hal ini, apakah ada perancangan *AMBD* dapat bekerjasama dengan Jabatan Pembangunan Masyarakat, Majlis Ugama Islam Brunei, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan agensi-agensi bukan kerajaan yang lain seperti MKM dalam membantu golongan yang kurang berkemampuan untuk meningkatkan pengetahuan asas kewangan dan setentunya boleh meningkatkan kualiti kehidupan golongan ini.

Dengan memberikan *basic knowledge* dalam kewangan kemahiran dalam pengendalian asas kewangan sedikit sebanyak dapat memberi manfaat bagi membantu mereka dalam kehidupan seharian dan bagi jangka masa yang panjang. Pengetahuan terhadap kewangan boleh mengelakkan mereka daripada beban hutang yang boleh menjerumuskan mereka kepada masalah kemiskinan yang tegar.

Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

Mengenai peranan *AMBD* untuk meningkatkan lagi *financial literacy* ke golongan *community* melalui Majlis Ugama Islam Brunei, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan sebagainya, perkara ini Timbalan Pengerusi *AMBD* juga akan menambah sedikit nanti.

Perkara ini memang satu isu yang serius. *Financial management* bagi orang kitani sama ada orang 'tadapat atau kurang tadapat' sama juga perlu lebih faham mengenai isu *financial management*.

Oleh itu, bukan saja melalui *AMBD* mungkin melalui bank-bank dan internet. Barangkali dapat kitani sama-sama dapat belajar isu mengenai *financial management* ini juga.

Untuk menyampaikan kepada komuniti secara keseluruhan, barangkali satu perkara yang dapat kaola sampaikan kepada *AMBD* untuk menjadi satu isu yang dapat dimajukan lagi إِنْ شَاءَ اللَّهُ

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon di atas usul atau cadangan untuk melaratkan lagi perancangan literasi kewangan ini kepada warga yang berpendidikan rendah.

Sebagaimana Yang Berhormat yang telah nyatakan tadi, banyak program atau rancangan-rancangan yang telah pun diusahakan oleh *AMBD* dalam usaha untuk memberikan kesedaran dan pengetahuan kepada orang ramai mengenai kepentingan Literasi Kewangan.

Dalam hubungan untuk *outrage* kepada warga pendidikan rendah ini *AMBD* pada masa ini sedang meneroka usaha bagi memberikan rancangan ini bukan sahaja

melalui *AMBD* tetapi juga bekerjasama institusi-institusi kewangan di negara ini khususnya kepada golongan yang menerima bantuan kebajikan atau golongan yang diberi bantuan Majlis Ugama Islam supaya mereka ini di samping menerima bantuan-bantuan tersebut akan dapat mengurus kewangan yang mereka terima itu dengan teratur dan dipantau dari semasa ke semasa. Perkara ini sedang dalam penelitian *AMBD* bersama dengan institusi-institusi kewangan.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Khamis.

**Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Khamis:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Barangkali terus sahaja pada soalan disebabkan masa kecemasan untuk tengah hari ini.

Soalannya, di manakah kesinambungan Wawasan Brunei 2035. Pelan Strategik Jabatan Perdana Menteri dengan bajet 2019 yang dibentangkan dari segi:

1. Dasar *Public Private Partnership (PPP)* dan dasar penswastaaan?;
2. Peningkatan kemampuan penggubalan dasar *Master Plan* di Jabatan Perancangan Kemajuan dan Ekonomi?;
3. Pendekatan isu mengenai masalah secara holistik. Adakah pendekatan *Whole of Government Approach*

(*WGA* atau *WNA*) benar-benar digunakan dari sudut pelaksanaan program dan projek untuk mencapai *target value for money?*; dan

4. Sejauh ini kita telah menyediakan RKN setiap 5 tahun sekali yang RKN-11 telah pun dilaksanakan. Sukacita ingin mengetahui perkara berikut:
  - i. Pencapaian RKN-11 dari segi pelaksanaan projek yang sudah diluluskan dan impaknya kepada pendapatan Negara (*government revenue*) dan *return of investment*;
  - ii. Tempoh RKN-11 sudah 3 tahun berlalu. Adakah sudah RKN-2 disediakan untuk dilaksanakan untuk mencapai GDP \$80 bilion dalam tahun 2035?;

Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Khamis mengenai beberapa soalan yang dibangkitkan.

Pertama sekali, mengenai *Public Private Partnership (PPP)*. Pada masa ini ada satu komite yang dahulu dikenali dengan gelaran *Private Corporation Community*. Pada masa ini ditukar namanya menjadi Komite Pengkorporatan dan Kerjasama Awam Swasta (*Corporation MPPP*).

Dalam komite ini ada dasar-dasar mengenai dengan *PPP*. *PPP* ini bukannya satu *term* yang digunakan di negara ini sahaja. *PPP* ini memang satu pelaksanaan yang dilakukan juga di beberapa negeri.

Tujuan untuk meningkatkan lagi efisiensi perkhidmatan dan juga sama-sama mengongsikan atau sama memikul risiko dalam pelaburan-pelaburan dalam *joint venture* yang dikenal pasti.

Pada masa ini, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, pada bulan Oktober tahun lepas sudah mengadakan perjumpaan dengan setiap kementerian bagi tujuan untuk mengenal pasti apa yang perkhidmatan atau aktiviti-aktiviti kerajaan dapat dimajukan di bawah program *PPP* itu.

Pada masa ini sudah terdapat satu senarai beberapa *PPP* projek yang dapat dilaksanakan. Akan tetapi setiap *PPP* ini akan mengambil masa. Jadi, Kementerian Kewangan dan Ekonomi pada masa ini memikirkan cara supaya *PPP* yang dikenal pasti ini dapat dilaksanakan dengan lebih cepat.

Mengenai RKN-11, kitani tunggu nanti sudah kaola *present RKN paper* selepas itu barulah boleh kitani membincangkan isu mengenai dengan RKN. Terima Kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya masih lagi ada beberapa Ahli dalam senarai saya ini yang suka untuk turut serta dalam



meneliti dan membahaskan Tajuk Kementerian Kewangan dan Ekonomi ini.

Saya berpendapat ada baiknya mesyuarat Jawatankuasa ini kita tangguhkan dahulu dan kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**  
Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat Negara.

Saya suka untuk menangguhkan Majlis Mesyuarat Negara ini sehingga pukul 2.30 petang ini.

Sekian, *وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته*

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

### **Majlis Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang**

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita masih lagi membahaskan dan meneliti Rang Undang-Undang (2019), Perbekalan 2019/2020 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Maka bagi membolehkan kita meneliti Tajuk-Tajuk yang terdapat dalam Rang Undang-Undang ini satu per satu maka saya tangguhkan Majlis Mesyuarat Negara untuk membolehkan kita bersidang di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

#### **(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

#### **(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)**

#### **Yang Berhormat Pengerusi:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Jawatankuasa kita sambung semula. Pada mesyuarat yang kita adakan sebelah pagi tadi, kita membincangkan dan membahaskan Tajuk Kementerian Kewangan dan Ekonomi. Ada beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menyampaikan pertanyaan-pertanyaan yang telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Dalam senarai saya, masih terdapat lagi beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang suka untuk ikut serta dalam membincangkan dan meneliti Tajuk

Kementerian Kewangan dan Ekonomi ini. Maka, saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

#### **Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Dato, soalan yang akan saya ajukan ini berkaitan dengan Rancangan Kemajuan Negara. Yang Berhormat bolehlah menjawabnya semasa perbahasan Rancangan Kemajuan Negara nanti.

Semasa saya mengulas Rang Undang-Undang tempoh hari saya menanyakan tentang peratus pencapaian daripada projek-projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara berdasarkan Peruntukan 2018/2019 dan soalan ini juga sama diajukan oleh Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis.

Ada tertera dalam prestasi petunjuk di bawah peratusan perbelanjaan di bawah Rancangan Kemajuan Negara. Selalunya perbelanjaan rancangan kemajuan tahunan mencapai 80% ke atas tetapi terdapat penurunan pada prestasi petunjuk 2018/2019 ke 31%.

Berdasarkan Buku Statistik 2015, Perbelanjaan Rancangan Kemajuan Negara pada tahun 2011 hingga 2013 pernah mencapai dan melebihi 100%. Sejak 10 tahun yang lalu, Peruntukan Rancangan Kemajuan Negara sentiasa

berada di sekitar \$1 bilion. Oleh sebab negara kita menghadapi defisit pada tahun 2016/2017 peruntukan menjadi \$700 juta, 2018/2019 \$900 juta dan 2019/2020 \$800 juta iaitu di bawah \$1 bilion.

Pada masa ini, banyak syarikat-syarikat mengalami *downsizing* dan *retrenching*, RKN selalunya membantu perusahaan mikro kecil, sederhana untuk berkembang dan terus memberi peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan kita. Soalnya:

1. Bagaimanakah Jawatankuasa RKN memantau untuk memastikan pada setiap tahun perbelanjaan RKN akan mencapai sasarannya? Prestasi petunjuk perbelanjaan Rancangan Kemajuan Negara bagi 2019 ke 2020, sekitar 85% peruntukan sahaja. Maka perbelanjaan hanya dijangka akan mencapai sebanyak \$680 juta;

Kenapakah sasaran tidak seperti apa yang pernah kita capai pada tahun 2011 ke 2013 iaitu 100%? Adakah proses perolehan iaitu *procurement* kita terlalu panjang dan perlahan berbanding dengan sebelum ini?

Kaola ingin bertanya. Adakah maklumat atau data yang menyatakan berapa lamakah proses tender seperti LTN, LTK dan sekiranya ada terdapat sebarang inisiatif untuk mempercepatkan proses tersebut kerana untuk mencapai sasaran kemajuan negara adalah sangat penting untuk

memastikan keberkesanan pelaksanaan projek;

2. Seperti yang saya perhatikan dari Warta Kerajaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi adalah antara yang banyak memohon tambahan Peruntukan Perbekalan setiap tahun. Pada tahun 2014/2015 memohon sebanyak 4 kali, tahun 2015/2016 sebanyak 2 kali manakala pada 2016/2017 dan 2017/2018, kedua-duanya sebanyak 5 kali setahun di bawah kategori Tajuk SD01A-SD08A. Adakah peruntukan tahun ini 2019/2020 cukup untuk mengelakkan daripada permohonan tambahan Peruntukan Perbekalan?;
3. Mengenai *Public Private Partnership*. Pada Mei 2017, *MoU* ada ditandatangani oleh *CFLD Investment* Singapura dan Kerajaan Brunei bersama *Darussalam Assets*. Ini adalah untuk pembangunan Zon Ekonomi Khas di Brunei yang akan dapat membantu menyumbang ke arah pembangunan sektor perkhidmatan pelancongan industri dan akan berusaha mengurangkan kebergantungan negara terhadap sektor minyak dan gas sambil membina potensi untuk menarik Pelaburan Langsung Asing dan menjana pembangunan ekonomi strategik. Saya ingin mengetahui status projek melabur dan membangunkan Zon Ekonomi Khas di kawasan *Jerudong Waterfront* kawasan Tungku?; dan

4. **أَلْحَمْدُ لِلَّهِ** saya dan Ahli-Ahli Yang Berhormat menyambut baik segala inisiatif dan usaha pihak kerajaan dalam memberikan sumbangan dan menjaga kebajikan masyarakat kita sebagai rakyat yang taat setia kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kita haruslah bersyukur dengan kemurahan hati baginda dalam menyediakan dan memberikan banyak subsidi seperti pendidikan dan juga perumahan.

Yang Berhormat Pengerusi, ini adalah tahun ketiga saya menyuarakan isu subsidi lampin pakai buang dan *breastpump*, yang berjumlah \$2.2 juta di bawah Perkhidmatan Rampaian tahun ini. Saya sudah pun juga membawa ke peringkat Kementerian Kesihatan tetapi oleh sebab saya masih lagi menerima banyak keluhan-keluhan dan kerisauan orang ramai mengenai isu ini, izinkan saya mengajukan soalan ini. Saya tidak akan mengajukan soalan ini lagi tahun hadapan dan berharap agar pihak berwajib dapat memberikan perhatian...

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat saya kira cukuplah setakat itu bagi perkara lampin ini, janganlah lagi dibawa ke dalam mesyuarat ini.

**Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman:** Yang Berhormat Pengerusi, *be take note*. Itulah sahaja soalan saya.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman juga atas soalan-soalan yang dikemukakan tadi.

1. Seperti mana yang dicadangkan soalan mengenai RKN akan dijawab kemudian sewaktu kitani *discuss* mengenai isu RKN nanti;
2. Mengenai Peruntukan Tambahan, *I think simple answer* bagi tahun ini memang untuk dicukupi bajet kitani tahun ini tapi kita perlu juga memikirkan juga sekiranya ada projek-projek yang akan *benefit* (manfaat) kitani yang perlu dibuat dengan segeranya. Barangkali ada juga difikirkan sesuaikah tidak tambah bajet untuk *special* projek dan sebagainya. Tidak semestinya bajet ini diambil bulat-bulat macam itu saja, tidak boleh ditambah semua sekali tetapi kitani fikirkan kalau ada untuk mengembangkan lagi ekonomi, untuk membuat projek baharu dan sebagainya. Itu barangkali boleh difikirkan lagi semula;
3. Mengenai dengan *PPP MoU* dengan *CFLD*. Memang satu *MoU* disain pada bulan Mei 2017. Selepas itu perbincangan dengan syarikat ini terus diadakan. Memang dalam perundingan itu atau tiap-tiap *MoU*

yang kitani *sign* itu tidak semestinya semua memang terjadi, ada yang *the term of condition* itu tidak bersesuaian, tidak berapa menguntungkan kitani, mungkin *some of this MoU* itu memang dengan sendirinya tidak diteruskan;

4. Mengenai *CFLD* kitani *actually spent quite a lot of time discussing* mengenai projek ini. Pada masa ini, *CFLD financially* durang *have some issue* jadi *we don't want to rush into this issue first, we don't want to partner with somebody*, karang "diurang" punya ada *whether they have financial issue or whatever*, "karang ujung-ujung" projek ini setengah jalan dan tidak juga menguntungkan kitani; dan
5. Mengenai kebajikan, *that one question* itu sebenarnya lampin pakai buang ini kaola dalam pembentangan kertas kaola pun kaola sebut sudah. Kitani tinggalkan sahaja isu ini.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ أَلْهِمْنَا صِلَةَ عَلِيِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ،

Kaola yakin dan berdoa bagi kejayaan cemerlang atas usaha gigih pihak kementerian dengan diterajui oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dengan kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mencapai misi dan visi kementerian dan sebagai *smart nation*.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola membawa beberapa soalan sahaja. Tajuk SD03A - Jabatan Kastam dan Eksais Diraja:

1. Isu membawa atau menjual ke luar negeri bahan-bahan bersubsidi Negara Brunei Darussalam. Bagi mengekang perkara ini tindakan tegas perlu dibuat dengan menghadapkannya ke Mahkamah, misalnya pasportnya di tarik balik, jika ia warga asing penyekatan kemasukannya ke dalam Negara Brunei Darussalam. Jika akta belum mencukupi, disarankan/dipohonkan peraturan dan undang-undang perlu direviu; dan
2. Peralatan logistik bagi mengesan penyeludupan melalui mesin x-ray, keperluan kepada peralatan yang lain misalnya alat bagi mengesan suhu badan dan jika ada benda hidup yang diseludup atau mesin yang mengesan apa juga benda yang diseludup, jika masa itu tempat atau bahan-bahan bekas telah kosong.

Seterusnya Tajuk SD01A - Jabatan Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

1. Apakah ada Akta Kawalan Sijil Pendaftaran Perniagaan 16/17 seperti mana peraturan dan undang-undang sewaktu pendaftaran dibuat di Jabatan-Jabatan Daerah di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri?
2. Sejauh manakah garis panduan pemberian Lesen Perniagaan yang berdaftar Sendirian Berhad, kerana perniagaan yang terkecil seperti kedai jahit pun berdaftar sendirian berhad. Sejauh mana pelaksanaan penguatkuasaan pihak kementerian seperti mana menjadi keluhan rakyat bahawa orang asing terlalu berleluasa menjalankan perniagaan.
3. Keperluan reformasi kawalan perniagaan seperti mana langkah-langkah "pembruneian" patut dilaksanakan. Maka dipohonkan supaya pihak berwajib melaksanakan penguatkuasaan yang diperuntukkan.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari. Soalan Yang Berhormat tadi:

1. Mengenai Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, barang subsidi dibawa

ke luar negeri. Barangkali perkara ini memang satu isu yang diambil berat oleh kementerian atau Jabatan Kastam dan Eksais Diraja. Pada masa ini, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja sudah mengambil tindakan kalau sekiranya "kedapatan" mereka membawa barang keluar barang subsidi, kalau "kedapatan" terus *dicompound*, *difine* terus supaya mereka barangkali *discourage* membuat perkara begitu tetapi bagaimanapun juga perkara ini memang terjadi, *so we are coordinating* dengan beberapa agensi supaya perkara ini dapat lebih dikawal lagi.

Mengenai akta dan sebagainya, *actually* we sudah *improve* sebagaimana yang dalam mukadimah kaola tadi kitani sudah menguatkuasakan satu pindaan Perintah Kastam supaya yang dapat dibuat denda *compound* kepada orang yang membawa barang yang *subsidies* ini,

2. Bagi logistik *x-ray* badan. Barangkali barang ini *its unusual* di mana-mana negeri kecuali di tempat lapangan terbang tapi kalau di sempadan itu *it's a bit unusual to check* tapi jua walaupun tidak di *x-ray* badan tapi masih kitani kalau *suspicious* kepada sesiapa *we still have the right to check* bukan sahaja keretanya tetapi juga *individual* itu sendiri kalau ada kes-kes *suspicious*.

Mengenai menguatkuasakan bisnes, di Kementerian Kewangan dan

Ekonomi hanya *we are responsible for a registration of a company, we are not responsible for the underline activities of the business* barangkali ada rakan sejawatan kaola nanti boleh menambah sedikit mengenai isu ini.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii.

**Yang Berhormat Nik Hafimi binti Abdul Haadii:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Di bawah Tajuk SD01A - Kod Akaun 005/000 - Pendaftaran Perniagaan. Trend serta perkembangan antarabangsa serta motivasi usahawan dan belia ke arah kegiatan program-program sokongan masyarakat telah menampakkan pertumbuhan yang besar dalam peranan *social enterprise*. Kita juga harus faham bahawa *social enterprise* itu diusahakan dengan prinsip-prinsip perniagaan dan hasil perniagaan diguna terhadap amalan terbaik.

Adakah cadangan kementerian jangka panjang bagi *social enterprise* diwajibkan untuk dijadikan sebagai salah satu kategori perusahaan bagi pendaftaran di bawah Akta Syarikat? Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan

terima kasih atas cadangan daripada Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii. *Simple answer* barangkali, perkara ini boleh difikirkan, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Penghargaan dan terima kasih serta tahniah atas pembentangan mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam Kementerian Kewangan dan Ekonomi ini, saya akan mengemukakan soalan pada Tajuk SD01A - Jabatan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Kod Akaun 1104 - Kemajuan Perusahaan dan Perindustrian dengan Anggaran Perbelanjaan 2019/2020 sejumlah \$5.5 juta.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Penyertaan pengusaha negara ini ke ekspo dan pameran di luar negara adalah sangat membantu para pengusaha industri kecil dan sederhana

dalam meningkatkan kualiti dan pengeluaran produk dan perkhidmatan masing-masing.

Soalan saya, bagaimanakah proses kawalan kualiti dan peningkatan pengeluaran serta pemasaran produk ini dilaksanakan, sedangkan produk berkenaan dikeluarkan oleh masing-masing pengusaha?

Seterusnya, Tajuk SD04A - Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Kod Akaun 004/000 mengenai Akta Kawalan Harga dan Perintah Perlindungan Pengguna. Kenaikan harga barangan biasanya tidak dapat dielakkan terutama peniaga mengambil kesempatan pada bulan Ramadhan dan menjelang hari raya.

Sehubungan itu, sudah tentu jabatan ini ada pegawai dan kakitangan melakukan pemantauan menyeluruh terhadap kenaikan harga barang dan memastikan bekalan mencukupi di sepanjang Ramadhan menjelang hari raya dan musim awal persekolahan bagi kenaikan harga peralatan sekolah kerana tidak dinafikan masih wujud peniaga-peniaga degil dan menaikkan harga barangan terutama makanan bagi mengaut keuntungan yang berganda.

Soalan saya, untuk mencegah pengguna dari ditipu sama ada dari harga atau kualiti barangan, adakah keperluan untuk negara ini menubuhkan Persatuan Pengguna atau sukarelawan yang membantu membuat pemantauan terutama musim-musim perayaan? Apakah tindakan yang dilaksanakan

terhadap peniaga yang didapati ingkar dan melanggar peraturan iaitu menaikkan harga barang yang telah ditetapkan dan menyorok barangan bagi mendapatkan harga jualan yang lebih baik. Sekian sahaja terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih jua kepada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit atas 2 soalan yang diajukan tadi.

1. Mengenai *SME* - Soalan ini sudah dibangkitkan. Pada menjawab soalan ini, jika dilihat statistik masa ini *export volume* memang terlalu rendah, isu ini memang satu perkara yang pihak kerajaan sangat-sangat menggalakkan supaya *SME* kitani ikut juga menerokai ke pasaran eksport. Sebelum itu, kitani juga mesti memikirkan jua jika kitani mengeksport barang-barang kitani ke luar negeri beberapa perkara mesti diambil kira iaitu:

- i. *Quality*;
- ii. *Volume* - berapa yang dapat kitani *manufacture* atau *produce*;
- iii. *Price Competitiveness*;
- iv. *Branding*; dan
- v. *Standard* dan sebagainya.

Kementerian ini memang bekerjasama dengan *ASEAN Japan Centre*, *ASEAN Korean Centre*, *ASEAN China Centre* untuk menyediakan program-program bantuan teknikal untuk meningkatkan



lagi pembangunan produk-produk tempatan. Mudah-mudahan usaha ini akan dapat menghasilkan produk-produk yang berkualiti dari negara kita.

Kita juga bekerjasama dengan *Darussalam Enterprise* dan juga *MPRT*, sama-sama membantu syarikat-syarikat yang bakal mengeksport untuk meningkatkan lagi kapasiti pengusaha-pengusaha dan juga keupayaan mereka dari segi *adoption of HACCP standard, good manufacturing, aquaculture, agriculture practices*.

Melalui rangkaian serantau dan antarabangsa pula, kementerian ini memberi peluang kepada agensi-agensi dan syarikat-syarikat tempatan di negara ini untuk mempelajari dan menimba pengalaman melalui penyertaan ekspo di luar negeri dan penghantaran barang-barang produk tempatan sebagai usaha untuk mempromosikan pengusaha-pengusaha mikro kecil dan sederhana.

Seperti mana kaola sampaikan pada pagi tadi, satu inisiatif dari kerajaan melalui *Syarikat Ghanim International Corporation* dalam mana syarikat ini bekerjasama dengan *SMEs* yang ada dalam negeri ini supaya mereka memberi kerjasama meningkatkan kualiti dan membukakan pasaran eksport bagi *SMEs* kitani. Dengan usaha dan inisiatif ini, dapat kitani memasarkan produk-produk tempatan dengan lebih bermakna dan dapat memanfaatkan lagi ekonomi. Sekian, itu saja yang dapat kaola sampaikan. Terima kasih.

Mohon maaf Yang Berhormat Pengerusi mengenai soalan JPKE, harga barang-barang semasa Ramadhan, Hari Raya dan sebelum buka persekolahan, barangkali soalan ini, kaola akan jawab semasa kitani membincangkan mengenai RKN, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* terima kasih.

**Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari:** Memohon kebenaran Yang Berhormat Pengerusi untuk bertanya semula soalan kaola pada pagi tadi.

Soalan kaola, merujuk kepada *online sellers* ataupun peniaga kitani yang menjual melalui platform atas talian seperti media sosial, *Instagram* dan *Facebook*. Adakah barang jualan melalui cara ini juga terkandung di bawah Akta Paparan Harga iaitu dimestikan untuk memaparkan harga dengan nyata bagi mengelakkan penipuan dan memastikan bisnes yang beretika, terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari mengenai soalan *online trading*, barang-barang yang tidak ada label harga. Barangkali ini satu contoh *digital economy*. Bagi kitani yang penting ialah menjaga harga *essential items* dan bagi *luxury items* pula, terutama sekali yang disenaraikan dalam *online trading* itu, ia bukan semestinya barang-barang baharu, ada yang bekas dipakai (*second hand*) dan sebagainya.

Memang susah bagi penjual tersebut untuk menetapkan harga jualan, contohnya sekiranya kitani hendak menjual kereta selepas 3 tahun diguna pakai, adakah kitani menawarkan berapa harga kitani hendak menjual kereta tersebut atau kitani bertanya dahulu, *how much you are going to offer my car?* 'Camatu' dulu.

Jadi, ini sama juga barangkali, mereka senaraikan barang yang dijual tersebut dalam *online* tetapi harga yang disenaraikan berbeza antara satu dengan yang lain. Jadi, masing-masing memberikan harga yang berbeza dan kemungkinan satu cara untuk *market product* tersebut ialah, *you find the best price in the market*. Bagi kaola, *this one is not really a major issue and actually it is a good thing*. Kadang-kadang kitani, selepas memakai dan daripada dibuang, kitani cuba menjual secara *online*.

Jika ada orang lebih menghargai barang tersebut dari yang lain, *then you get a good deal*. Orang yang membeli itu ialah *buyer and seller own willingness to transact the transaction so*, bagi kaola *this is one of the issue* bukan sahaja di Negara Brunei Darussalam di serantau dan antarabangsa juga, *e-Commerce is becoming a major issue*.

Jadi, bagaimana kitani membuat peraturan, mengawal aktiviti-aktiviti *online* seperti contoh yang tadi itu, *we encourage trading of items* ini daripada ia dibuang atau mendaftar di syarikat supaya sebelum barang-barang itu dapat dijual, *so this one, I think we should not*

*be too regimental about this*. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya kira barangkali orang yang berjual beli secara *internet* mempunyai risikonya sendiri jadi *as a consumer*, terpaksa akur kepada kualiti ataupun barang yang dibelinya itu menurut harga yang ditentukan dan ia haruslah menerima risikonya sendiri. Ada kadangkalanya barang itu tidak datang terus, *despite* ia sudah membayar melalui kad atau *PayPal*, jadi *the risk is yours*.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kalau boleh, mohon pertimbangan supaya kaola dapat merujuk balik satu soalan daripada Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari pada pagi tadi, mengenai pencapaian *e-Payment Gateway*.

Kaola akan menjelaskan sahaja, *e-Payment Gateway* ini berbeza daripada *e-Invoice*. *E-Payment Gateway* ialah satu platform pengutipan hasil kerajaan bukannya untuk membuat pembayaran, *So e-Payment Gateway* ini satu platform pengutipan hasil kerajaan iaitu pembayaran bil kepada agensi-agensi kerajaan yang terlibat disalurkan secara elektronik dan automatik ke sistem *e-Payment gateway* tanpa memerlukan *manual data entry* ke dalam sistem *TAFIS*.

Mengikut analisis penggunaan sistem *e-Payment gateway* yang mula

diperkenalkan pada Februari 2014 sehingga bulan Februari 2019, sejumlah 3.5 juta transaksi dengan nilai \$2.03 bilion bagi empat agensi berkenaan telah disalurkan dan diselaraskan melalui sistem *e-Payment gateway* terus ke sistem *TAFIS*. Manakala *e-Invoice* adalah satu *platform* bagi membolehkan pembekal untuk memuat naik sendiri *invoice* tuntutan secara *online* dan mengesan serta memantau keberadaan *invoice* mereka sendiri tanpa perlu pergi ke kaunter kementerian atau jabatan berkenaan sehingga pembayaran dilaksanakan.

Manakala statistik daripada *e-Invoice* sehingga 28 Februari 2019, *pro rata* prestasi kementerian-kementerian dan jabatan telah mencapai 80% ke atas bagi *invois* yang telah berjaya dilaksanakan pembayaran dalam tempoh 30 hari dari tarikh *invois* diterima. Sekian sahaja yang dapat kaola kongsi. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Silakan, Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

**Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Izinkan kaola untuk memberikan perbincangan tambahan bagi Kementerian Kewangan dan Ekonomi. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Merujuk titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam, baginda menekankan mengenai isu-isu penjana ekonomi dan juga menggalakkan penglibatan golongan belia di dalam pembangunan negara. Titah baginda itu adalah seruan mulia dan berwawasan.

Akan tetapi, tidak semua golongan belia dan juga mungkin rakyat Brunei amnya, fasih dan berkebolehan dalam bahasa dan mekanisme perekonomian. Sebagai contoh:

1. Pemahaman bagaimana membuat perniagaan sendiri itu boleh menyumbang kepada peningkatan ekonomi negara?; dan
2. Bagaimanakah caranya dagangan boleh tembus ke luar negara yang boleh menyumbangkan kepada peningkatan ekonomi negara?

Secara ringkas, kaola cadangkan kementerian ini untuk mengadakan aktiviti-aktiviti yang meningkatkan kefahaman rakyat secara asas dan juga *advance* dengan bagaimana aktiviti-aktiviti perekonomian negara seperti membuat bisnes sendiri yang akan dapat menaikkan ekonomi negara.

Kaola juga ingin menyentuh mengenai untuk melaksanakan *e-Commerce* (e-Dagang), Kementerian Kewangan dan Ekonomi hendaklah memudahkan cara pembayaran *online* di taraf antarabangsa. Didapati *PayPal* tidak diterima di negara ini.

1. Kenapakah ini dan bolehkah ini diusahakan untuk dibenarkan? dan

2. Apakah usaha yang boleh dibuat selain *PayPal*?

Kaola ingin memohon pencerahannya daripada Yang Berhormat.

3. Akhir sekali, berikutan pembentangan Kertas Cadangan Rang Undang-Undang Tahun 2019 dan Perbekalan 2019/2020 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II pada 9 Mac 2019, berikutan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II menjelaskan tentang Anggaran Belanjawan Negara yang dijangka akan mengalami defisit \$1.5 bilion. Kaola mohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, baru-baru ini ucapan daripada Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian pada siri keberangkatan dan lawatan kerja Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Wadaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri ke Pulau Muara Besar.

Berikutan ucapan alu-aluan Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, bahawa projek loji

penapisan minyak dan petrokimia yang akan beroperasi pada hujung tahun ini akan mendatangkan faedah.

Oleh yang demikian, kaola ingin mengetahui jika defisit negara dianggarkan \$1.5 bilion seperti yang dikemukakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, kaola percaya ia akan dapat dengan adanya penghasilan yang diterima yang dapat menyelesaikan defisit yang ada pada masa ini.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Osman @ Othman.

1. Meningkatkan kemahiran kita supaya dapat membuat bisnes sendiri. Perkara ini barangkali rakan sejawatan kaola, Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian akan menjawab dan menambah sedikit nanti mengenai perkara ini. Perkara ini memang satu tugas di bawah *Darussalam Enterprise*; dan
2. Mengenai *PayPal*, kenapa tidak dibenarkan. Sebenarnya bukannya tidak dibenarkan, sebenarnya *PayPal* itu pasaran Negara Brunei

Darussalam terlalu kecil jadi *no economy subscale for them to come here*. Jadi barangkali walaupun mereka mahu datang *PayPal* ini bukannya satu *mechanism* pembayaran begitu sahaja, ia akan mengenakan caj jika menggunakan *PayPal System* ini *the usual rate* yang mereka caj 4.4%. Jika kita beli barang berharga \$200.00 terpaksa kita bayar \$8.80 sen kepada mereka. Jadi, fikir dua kali sama ada kita boleh pakai *credit card* bayarannya jadi kita mesti menimbang *whether* ia bersesuaian atau tidak.

Mengenai \$1.5 bilion, bukannya sahaja isu mengharapkan pendapatan dari *FDI* untuk menyokong bajet kita. Usaha dari Kementerian Kewangan dan Ekonomi jangka panjang untuk *safe sustainability* melalui beberapa inisiatif. *FDI* itu memang satu inisiatif dan banyak lagi inisiatif lain seperti *fiscal consolidation*, *PPP* dan sebagainya.

Jadi *FDI* di Pulau Muara Besar itu akan menghasilkan apa sahaja jumlahnya, memang kita mesti memahami juga, ini satu bisnes. Bisnes ini *estimatenya* dapat menguntungkan sekian-sekian keuntungannya. Ia memang ada risikonya seperti apa-apa juga bisnes. Kita tidak boleh terlalu mengharapkan kepada satu-satunya *investment FDI* itu. Barangkali memang kita berharap keuntungan *FDI* itu, jadi hasil dari keuntungan itu jadi dapat menolong *fiscal* kerajaan. Itu sahaja yang kaola dapat kongsi.

Kaola minta izin untuk terus menjawab soalan daripada Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis mengenai harga semasa Ramadhan dan Hari Raya Aidilfitri, yang kaola menjawab semasa RKN tetapi nampaknya perkara ini bukan berkaitan dengan RKN.

Untuk menjawab soalan itu, Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi untuk mengatasi masalah itu, Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi dan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan sentiasa menetapkan harga maksimum ke atas beberapa barang makanan terpilih secara pentadbiran semasa musim perayaan untuk bulan Ramadhan dan Hari Raya Aidilfitri.

Usaha ini bertujuan bagi membantu rakyat di negara ini khususnya yang berpendapatan rendah dalam menampung perbelanjaan harian mereka sempena musim perayaan dengan mengawal harga barangan makanan terpilih yang merupakan bahan-bahan asas bagi penyediaan makanan semasa bulan Ramadhan dan Hari Raya Aidilfitri.

13 jenis barangan yang terlibat iaitu daging, ayam, telur ayam, daging, mentega, marjerin, minyak sapi, susu, tepung, sapuan coklat *hazelnut*, santan, serbuk, cili, udang kering dan kulit popia. Sebanyak 150 produk dikawal harga di bawah usaha ini. Terima kasih, itu sahaja yang dapat kaola sampaikan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Silakan Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian.

**Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian:** Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi. Secara ringkas sahaja untuk menerangkan berkenaan Loji Penapis Minyak di Pulau Muara Besar. Loji Penapis Minyak ini mungkin akan siap pada bulan Julai tahun ini. Lepas *commissioning* mungkin beroperasi hujung tahun 2019.

Untuk makluman Yang Berhormat dalam sembah alu-aluan peramba/kaola/saya semasa keberangkatan lawatan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Wadaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri ke Loji Penapis Minyak dan Petrokimia di Pulau Muara Besar, kaola ada memberitahu yang Loji Penapis Minyak di Pulau Muara Besar ini, mungkin akan beroperasi sepenuhnya pada tahun hadapan, mungkin pada penghujung tahun ini mungkin bermula dengan 50%.

Dari segi *profitability refinery* ini adalah sebenarnya *estimate* dan tertakluk jua kepada loji tersebut beroperasi sepenuhnya.

Untuk menerangkan lagi loji ini akan menapis minyak mentah sebanyak 175,000 *barrel* (tong) sehari. Manakala

untuk digunakan oleh negeri kitani sendiri ialah sebanyak 12,000 tong sehari. Kebanyakan daripadanya akan dieksport ke luar negeri termasuk ke Republik Rakyat China. Itulah saja peramba/kaola/saya terangkan untuk masa ini, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Kita senantiasa berdoa semoga usaha-usaha yang dibuat dengan begitu gigih oleh kementerian-kementerian yang berkenaan akan dapat menepati sasaran-sasarannya dan keadaan ekonomi yang kita hadapi beberapa tahun kebelakangan ini bukanlah sesuatu yang harus kitani panik dan bukan kita menghadapi sesuatu keadaan *doom*. Sebenarnya kita menghadapi keadaan yang begitu cerah dengan tindakan-tindakan diambil untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi.

Jadi, atas kerjasama semua pihak, bukan sahaja pihak kerajaan tetapi juga pihak orang persendirian dan orang perniagaan harus berganding bahu untuk menyahut seruan yang telah dibuat berkali-kali ditekankan dalam titah dan seumpamanya itu akan mendapat membawa kejayaan *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*. Terima kasih. Ada apa-apa lagi yang suka untuk ditimbulkan?

Jika tidak ada lagi, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang suka untuk menimbulkan pertanyaan-pertanyaan ataupun kewahaman mengenai Tajuk Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan jabatan-jabatan di bawahnya, maka saya kira cukuplah perkara ini kita

bincangkan dan sekarang sampailah masanya bagi kita untuk mengundi.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju supaya Tajuk SD01A hingga Tajuk SD09A yang bersetuju dengan Tajuk itu sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)**

Nampaknya semua bersetuju. Maka Kementerian Kewangan dan Ekonomi diluluskan.

**Yang Dimuliakan Jurutulis:** Kementerian Kewangan dan Ekonomi Tajuk SD01A hingga Tajuk SD09A dijadikan sebahagian daripada jadual.

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Tajuk SE01A hingga Tajuk SE12A.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum kita berpindah kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, sebelum saya meminta Yang Berhormat Menteri yang berkenaan untuk membuat mukadimah, saya ingin untuk menanggungkan mesyuarat selama 15 minit.

**(Mesyuarat Jawatankuasa berehat sebentar)**

**(Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mesyuarat Jawatankuasa ini kita sambung semula. Kita akan

mula meneliti Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Berserta jabatan-jabatan di bawahnya.

Sebelum Tajuk ini kita buka untuk dibahaskan, saya suka seperti lazimnya memberi peluang kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri untuk memberikan mukadimahnya tentang penyediaan belanjawan kementeriannya. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Kaola lebih dahulu sukacita mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi kerana memberi peluang kepada kaola bagi menyampaikan mukadimah ini bagi memandu perbincangan Anggaran Peruntukan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi Tahun Kewangan 2019/2020.

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ kaola dengan penuh hormat dan takzim sukacita menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih atas kurnia perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyediakan satu Anggaran Perbelanjaan bagi Tahun Kewangan 2019/2020 berjumlah \$5.86 bilion dan memperuntukkan Anggaran Perbelanjaan sejumlah \$131,240,030.00

bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Melalui sumber Peruntukan ini, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan terus menumpukan apa jua perancangan dan pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang selari dengan Objektif Strategik Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu "Ke arah memelihara keselamatan dan kesejahteraan awam, memangkin pembangunan sosioekonomi dan memantapkan perpaduan masyarakat".

Ke arah memastikan kemajuan dicapai bagi ketiga-tiga objektif strategik yang digariskan, beberapa inisiatif telah dan akan dilaksanakan yang antaranya meliputi perkara-perkara berikut:

1. Meningkatkan keberkesanan pengutipan hasil kerajaan;
2. Pembangunan prasarana ke arah meningkatkan kemudahan dan kesejahteraan kepada rakyat serta penduduk;
3. Meningkatkan mutu perkhidmatan kepada orang ramai khasnya ke arah memudah cara proses perniagaan dan menyumbang kepada pembangunan ekosistem perniagaan dan pelaburan;
4. Mewujudkan masyarakat yang berdisiplin yang diharap akan turut membantu kepada meningkatkan keberkesanan pelaksanaan inisiatif-

inisiatif kerajaan seperti menjaga alam sekitar dan seumpamanya; dan

5. Mengukuhkan dan memperkasa kepimpinan di peringkat akar umbi.

Selaras dengan tema Belanjawan Tahun Kewangan 2019/2020 iaitu "Pelaburan Untuk Masa Depan". Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya akan sentiasa berusaha memberikan perkhidmatan yang akan dapat membantu kualiti kehidupan yang tinggi dan menjana ekonomi yang maju serta berdaya tahan yang akan dapat dinikmati oleh generasi kini dan akan datang.

Yang Berhormat Pengerusi. Izinkan kaola mengongsikan pengutipan hasil Cukai Bangunan khususnya Cukai Semasa dan Cukai Yang Tertunggak bagi tempoh 1 April 2018 sehingga 31 Januari 2019, Pengutipan Hasil Cukai Semasa bagi ketiga-tiga Jabatan Bandaran ialah sejumlah \$6,253,135.64. Manakala pengutipan hasil cukai yang tertunggak adalah sebanyak \$3,912,089.71. Purata pencapaian bagi ketiga-tiga bandaran ialah 38.89% dan ia belum mencapai sasaran yang dikehendaki iaitu 60%.

Sehubungan itu, bagi membantu meningkatkan kutipan hasil tersebut, اللَّحْمَدُ لِلَّهِ kementerian ini juga melalui Jabatan-Jabatan Bandaran telah memperkenalkan melalui inisiatif Cukai Pembangunan melalui *mobile application* pada bulan November 2018. Diharap lebih banyak pembayaran cukai akan dapat dikutip dengan kaedah ini setelah



usaha-usaha 'pemberigaan' dan jerayawara ditingkatkan.

Bagi Tahun Kewangan 2019/2020, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan memfokuskan peruntukan ini kepada usaha-usaha berikut:

1. Bagi meningkatkan prasarana, kementerian ini dengan kerjasama agensi dan sektor swasta telah mengenal pasti beberapa projek dalam kawasan Bandar Seri Begawan. Projek-projek ini dilaksanakan menerusi kaedah *Public Private Partnership* yang diharap boleh meringankan sambil menolong pihak kerajaan dan swasta dan juga orang ramai. Ia juga akan dapat membukakan peluang penglibatan pengusaha tempatan dan juga pelabur asing.
2. Projek Revitalisasi Kampong Ayer bertujuan mengindahkan kawasan Kampong Ayer dan seterusnya meningkatkan *connectivity* antara sungai dan darat. **إِنْ شَاءَ اللهُ** 153 buah rumah di Mukim Saba khususnya akan dibina.
3. Projek Revitalisasi Pusat Perniagaan (*CBD*). Sehingga kini Taman Mahkota Jubli Emas telah menjadi nilai tambah dan faktor tarikan orang ramai dan pelancong ke *central business district*. Ia boleh dilihat membantu mengembangkan kepelbagaian ekonomi. **إِنْ شَاءَ اللهُ** pada jangka masa yang panjang taman ini akan meningkatkan nilai hartanah, menarik lebih banyak pelaburan serta

menggalakkan aktiviti berasaskan budaya dan warisan. Projek ini akan dapat juga menyumbang kepada kualiti hidup dalam semua aspek dan juga menjadikan Bandar Seri Begawan lebih *vibrant*.

Dalam masa yang sama, kita juga mengambil berat akan penguatkuasaan undang-undang khususnya dalam menjaga kebersihan di negara ini. Usaha-usaha telah pun diungkayahkan bersama agensi yang berkepentingan di bawah Jawatankuasa Induk Isu-Isu Kebersihan bagi sama-sama memastikan negara ini bersih dari segala sampah dan kotoran.

Dari Mac 2018 sehingga Disember 2018, kementerian ini melalui jabatan-jabatan daerah telah mengeluarkan 223 denda dan mengutip denda sebanyak \$64,000.00, manakala Lembaga-Lembaga Bandaran telah mengeluarkan 283 denda dan mengutip kompaun sebanyak \$46,700.00. Kementerian ini terus berusaha untuk meneliti dan memperkemaskan peraturan-peraturan bagi mewujudkan ekosistem yang lebih baik untuk kesejahteraan hidup di negara ini.

Dalam pada itu, **إِنْ شَاءَ اللهُ** pada pertengahan tahun ini, kementerian ini akan memperkenalkan perundangan bagi mengawal kegiatan berjaja iaitu *hawkers by law*. Ia bukan sahaja bagi memperkenalkan kadar denda bagi Akta Kesalahan Kecil Penggal 30 malah ia juga membantu memelihara kebersihan dan memastikan kesejahteraan, kesihatan

dan keselamatan orang ramai serta alam sekitar.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat *survey* telah pun dikeluarkan bagi mendapatkan *feedback* orang ramai. *اللَّحْمَدُ لِلَّهِ*, secara keseluruhan perkara ini mendapat respons yang positif. Dalam usaha memudah cara perniagaan kementerian ini sentiasa memastikan bahawa perkhidmatan yang diberikan adalah efisien dan cepat, ia bukan sahaja bagi orang ramai malah bagi menarik pelabur-pelabur asing.

Secara tidak langsung, ia juga dapat membantu mencapai pertumbuhan ekonomi yang lebih mapan dan mewujudkan peluang pekerjaan bagi anak tempatan.

Ini juga bertepatan dengan saranan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Hari Perkhidmatan Awam pada 31 Oktober 2018 bahawa baginda mahu perkhidmatan awam akan meneroka pendekatan lebih berkesan dalam tugasnya memberikan perkhidmatan kepada orang ramai dan negara.

Inisiatif-inisiatif Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan yang akan dijalankan termasuk melarutkan sistem *Q-Up* ke pejabat-pejabat cawangan jabatan. Ini adalah memandangkan perkhidmatan ini dapat membantu menjimatkan masa orang ramai dalam mendapatkan perkhidmatan bagi permohonan Kad Pengenalan, Pasport dan *visa*.

Jabatan ini juga akan memperkenalkan perkhidmatan *dropbox* di pejabat-pejabat cawangan. Sejak ianya diperkenalkan di ibu pejabat, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan pada 1 Mei 2018 sehingga Disember 2018, jabatan ini telah menerima sebanyak 15,713 permohonan dan ke semua permohonan telah dapat diselesaikan dalam tempoh Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) yang ditetapkan selama 4 hari bekerja.

Jabatan ini juga akan menaik taraf prasarana Pos Kawalan Imigresen sementara Labu. Ianya bertujuan meningkatkan tahap kawalan keselamatan pos kawalan dan juga bagi meningkatkan kualiti pemberian pemeriksaan ke atas pergerakan orang-orang yang keluar dan masuk melalui pos kawalan tersebut. Pada tahun 2018, sejumlah 16,879,358 orang telah keluar masuk dari dan ke negara ini melalui 11 pos kawalan yang ada.

Bagi Jabatan Buruh pula, pencapaian TPOR dalam mengeluarkan Lesen Pekerja Asing secara purata bagi tahun 2018 mencapai 81%. Prestasi ini akan diperbaiki lagi dengan penelitian terhadap proses-proses tertentu di samping melalui pengenalan *labour management system* nanti di bawah Projek Rancangan Kemajuan Negara.

Salah satu objektif utama dalam mengenalkan Lesen Pekerja Asing adalah pengutamaan kepada pengisian jawatan-jawatan kosong di sektor swasta oleh pencari kerja dalam kalangan anak-anak tempatan. Dengan pelaksanaan Lesen

Pekerja Asing ini sehingga Disember 2018 sebanyak 1,716 kekosongan jawatan telah diisikan oleh pekerja tempatan.

Dalam pada itu, perancangan seterusnya ialah dengan mengenakan nisbah pekerja tempatan asing atau *responsible foreign worker displacement ratio* pada kadar yang ditetapkan supaya lebih banyak lagi jawatan-jawatan sektor swasta akan dapat diisikan oleh pencari kerja tempatan khususnya di beberapa sektor industri yang memberikan impak signifikan.

Inisiatif ini sedang diteliti dengan kerjasama pihak Unit Dasar dan Perancangan Tenaga Manusia atau *Manpower Policy and Planning Unit* di Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian. Kementerian ini juga berperanan mempertahankan keharmonian hidup bermasyarakat supaya negara ini akan terus kekal aman dan makmur.

Di sinilah juga Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung memainkan peranan yang penting bagi sama-sama membantu kerajaan dalam memastikan kesejahteraan dan kemakmuran penduduk secara amnya.

Bagi tujuan ini, pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan-Jabatan Daerah sedang giat melaksanakan proses pengisian jawatan-jawatan kosong bagi Penghulu dan Ketua Kampung di seluruh negara. Jawatan-jawatan kosong berkenaan telah diiklankan sebanyak 3 kali iaitu pada

bulan Oktober dan November 2018 dan juga pada bulan Februari 2019. Melalui iklan pada tahun 2018 itu, seramai 124 calon memohon jawatan Penghulu dan Ketua Kampung yang sebahagian besarnya terdiri daripada mereka yang mempunyai kelulusan akademik dari institusi-institusi pengajian tinggi.

Dalam pada itu, kementerian ini akan memberikan kursus-kursus bersesuaian kepada Penghulu Mukim dan Ketua Kampung yang baharu dilantik nanti bagi memastikan mereka mempunyai kemahiran bersesuaian dan seterusnya bersedia bagi menjalankan tugas-tugas mereka nanti.

Bagi tujuan memajukan sektor perekonomian dalam kalangan penduduk kampung, kementerian ini secara berterusan akan bekerjasama dengan agensi yang berkepentingan khususnya Satu Kampung Satu Produk, sukacita kaola mengongsikan bahawa anggaran hasil penjualan produk 1K1P bagi keempat-empat daerah pada tahun 2018 ialah sebanyak \$692,196.00.

إِنْ شَاءَ اللهُ inisiatif-inisiatif yang akan dijalankan pada tahun 2019 adalah merangka satu Memorandum Persefahaman dengan pihak *Community Development Department (CDD) Ministry of Interior of Thailand* bagi mendatangkan tenaga pakar *One Tambon One Product* untuk berkongsi pengalaman dan membantu pengurusan serta pengeluaran produk-produk 1K1P agar dapat bersaing di peringkat yang lebih tinggi.

Dalam masa yang sama, kementerian ini sedang meningkatkan penyertaan masyarakat melalui pendaftaran usahawan kampung bagi mengenal pasti pengusaha kampung yang berpotensi untuk dikembang maju dan diangkat sebagai Projek 1K1P Negara Brunei Darussalam.

Kita juga memastikan akan kesejahteraan penduduk. **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** Program 1 Kampung 1 Keluarga telah dirangka sebagai salah satu usaha Majlis Kebangsaan Isu Sosial untuk mengurangkan masalah-masalah sosial khususnya berkaitan dengan isu kemiskinan. Secara amnya keluarga-keluarga yang telah dikenal pasti tidak semata-mata akan dibantu dari segi kewangan tetapi bantuan merangkumi pelbagai aspek tertakluk pada kriteria dan kategori keluarga-keluarga tersebut. Sehingga kini beberapa program telah dikenal pasti untuk membantu keluarga-keluarga yang terlibat dengan kerjasama sektor swasta dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan atau *NGOs*.

Jabatan Penjara juga turut memainkan peranan dalam membantu proses pemulihan khususnya bagi penghuni-penghuni penjara dengan matlamat agar mereka dapat diterima kembali dalam kalangan masyarakat. *Key Performance Indicator* Jabatan Penjara bagi tahun 2020 khususnya dalam kemasukan semula bekas penghuni ialah sebanyak 15% dan statistik *recidivist* bagi jumlah banduan yang dibebaskan pada tahun 2016 telah menunjukkan kadar kemasukan semula sebanyak 9.69% bagi kumpulan tersebut.

**اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** ini adalah satu bukti yang menunjukkan bahawa program pemulihan dilaksanakan di Jabatan Penjara telah memberikan impak yang positif kepada bekas penghuni-penghuni.

Kita juga melihat peningkatan-peningkatan *Whole of Nation Approach* dalam sama-sama membantu pemulihan penghuni-penghuni penjara dengan penglibatan pihak-pihak *NGOs* dan swasta dalam program-program pemulihan dan juga diintegrasikan dengan menyediakan peluang-peluang kemahiran lanjutan atau pekerjaan dengan bersesuaian.

Dalam pada itu, kerjasama usaha sama dengan pihak-pihak pendidikan, majikan sektor swasta akan dipertingkatkan bagi rancangan pemulihan.

Dalam usaha memastikan penduduk dan rakyat Negara Brunei Darussalam sentiasa bersedia apabila berdepanan dengan kejadian bencana, Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (*NDMC*) bersama beberapa agensi yang berkepentingan akan melaksanakan beberapa inisiatif antaranya seperti *Talk Programme on Trimmers Face Featness* yang akan diadakan pada suku tahun 2019 dan akan mengadakan satu *nasional table talk exercise* khusus bagi menangani bencana berbentuk gegaran, gempa bumi dan tsunami pada bulan September 2019. Setakat ini *NDMC* telah membukakan dan mengendalikan 13 kursus-kursus di bawah *Safety and Emergency Management* dan lebih dari 2,000 orang peserta telah dilatih.

*NDMC* akan terus mereviu *module* pembelajaran *community base disasters management* dengan kerjasama pihak *CAE Brunei Multipurpose Training Centre* dengan pengisian *module* baharu jika didapati bersesuaian dan bertepatan selari dengan amalan-amalan terbaik dan mengikut piawaian antarabangsa.

Di peringkat kampung seramai 390 penduduk kampung dari keempat-empat daerah telah mengikuti Kursus *Community Base Disasters Risk Management (CBDRM)*. Bagi tahun 2019 ini, *NDMC* akan terus menggiatkan lagi penglibatan masyarakat di peringkat kampung dengan menyegerakan menyertakan sebanyak 20 buah mukim di seluruh negara sehingga penghujung tahun ini iaitu tambahan kepada 35 buah kampung daripada 17 buah mukim yang telah mengikuti program asas *CBDRM* sebelum ini.

Inisiatif ke arah mewujudkan masyarakat yang sentiasa bersedia menghadapi bencana perlu dimulakan di peringkat kanak-kanak dan belia. Untuk itu, *NDMC* telah melaksanakan *School Base Disasters Risk Management, SBDRM* di *CAE MPTC*.

Program ini akan dilaratkan lagi ke beberapa buah sekolah dan pusat pengajian tinggi di seluruh negara pada bulan Ogos dan Oktober ini nanti. Manakala Program *CDBRM* juga telah dijadikan *module* tetap dalam Latihan Program Khidmat Bakti Negara. Pemberigaan, jerayawara dan pendidikan juga memainkan peranan penting dalam meningkatkan dan

menguatkan kesiapsediaan dan juga ketahanan kebangsaan.

Dalam pada itu, Jabatan Bomba dan Penyelamat khususnya mengenai bahaya kebakaran bagi tahun 2019/2020 akan meningkatkan kekerapan aktiviti perhubungan awam dengan melaksanakan 15 taklimat keselamatan, 5 kursus *fire marshall* dan 10 *fire drill* setiap bulan. Manakala jerayawara setiap 3 bulan.

Jabatan Bomba dan Penyelamat juga merancang untuk menyediakan kaji selidik umum bagi mengukur keberkesanan program secara berkala. Pada tahun 2018 sahaja terdapat 1,853 orang dilatih menjadi *fire marshall* dan terdapat 3 kes orang ramai yang telah dilatih dapat mengendalikan kebakaran sebelum pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat sampai ke tempat kejadian.

Yang Berhormat Pengerusi. Berdasarkan peruntukan dan inisiatif-inisiatif yang telah pun dibentangkan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan terus berusaha sedaya upaya dalam memberikan perkhidmatan yang cemerlang dan dalam masa yang sama mencapai objektif negara dalam memastikan perbelanjaan kerajaan adalah menjurus kepada pertumbuhan.

Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Kaola sudahi dengan  
وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri atas penjelasan belanjawannya dan juga hala tuju kementerian yang berkenaan yang mana telah dibuat dengan penuh komprehensif.

Bersama saya di sini ada senarai yang mengandungi kira-kira 15 orang Ahli Yang Berhormat yang suka ikut serta membincangkan Tajuk-Tajuk yang berkenaan dalam Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Saya persilakan dulu Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ . السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dihormati sekalian. Mula-mula kaola dengan ini menyokong dengan sepenuhnya ke arah mengenai hal ehwal Institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung serta hal-ehwal kemajuan bandar dan luar bandar.

Sebagaimana yang telah kita semua sedia maklum, Penghulu dan Ketua Kampung berperanan sebagai ketua dan pemimpin masyarakat, di samping itu juga berperanan sebagai peneraju perpaduan.

Dalam pada itu, sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam yang baharu telah pun diperkenalkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkuat kuasa mulai 1 April 2015.

Adalah difahami antara lain matlamat dan tujuan skim baharu ini diperkenalkan untuk mempertingkatkan, mengukuhkan dan memantapkan lagi martabat, kewibawaan, kualiti kepimpinan dan keberkesanan Institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung sebagai teras kepimpinan akar umbi dalam memupuk semangat kewarganegaraan yang baik dalam mendukung kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Soalan kaola:

1. Apakah perkembangan terkini mengenai Skim Perkhidmatan Penghulu dan Mukim Ketua Kampung yang baharu ini serta bagaimana penerimaan dan respons masyarakat setempat mengenai pengisian bagi jawatan yang telah ditetapkan. Dengan mengambil maklum bahawa jawatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung yang kosong telah pun diiklankan mulai 1 Oktober.

Adalah diambil maklum salah satu usaha bagi menyediakan tenaga pelapis khususnya calon Ketua Kampung, pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan

kerjasama Institut Kepimpinan Inovasi dan Kemajuan Universiti Brunei Darussalam telah mengadakan Bengkel Asas Kepimpinan Masyarakat selama tiga bulan yang disertai oleh Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung yang objektifnya adalah untuk memberikan kemahiran kepimpinan di samping menilai potensi serta bagi digilap dan seterusnya diketengahkan calon yang berpotensi.

2. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah pun menubuhkan Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar yang terdiri daripada beberapa agensi kerajaan yang antara lain bertanggungjawab dan berperanan untuk menilai dan persekitaran luar bandar dari segi keperluan kepada pelbagai bentuk pembangunan yang diperlukan bagi kesejahteraan hidup serta pembangunan sosial ekonomi masyarakat luar bandar secara holistik dan bersepadu.

Soalan kaola, apakah strategi rangka ataupun program yang telah atau yang akan diambil oleh jawatankuasa ini dalam menangani isu-isu pembangunan luar bandar seperti isu-isu penghijrahan khususnya dalam kalangan belia serta isu aktiviti perekonomian luar bandar yang terhad dengan mengambil kira Strategi rangka tindakan atau

program berkenaan tetap relevan dengan keperluannya dibawa oleh arus perubahan waktu yang berkenaan.

Dalam pada itu, kemajuan dan perkembangan kawasan bandar khususnya kawasan Bandar Seri Begawan juga adalah penting seperti yang kita sedia maklum, pembesaran kawasan Bandar Seri Begawan telah pun diluaskan daripada 12.87 kilometer persegi kepada 100.36 km persegi mulai 1 Ogos 2007.

Soalan kaola, apakah ada perancangan daripada pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bersama dengan kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang lainnya untuk memperbisaikan lagi serta membuatkan kawasan-kawasan seperti kawasan tumpuan Gadong dan Kiulap agar ia lebih *connected* khususnya bagi pejalan-pejalan kaki dalam kalangan orang ramai termasuk para pelancong.

Apa yang didapati sekarang walaupun kedua-dua kawasan berkenaan adalah berhampiran kawasan laluan bagi pejalan kaki adalah tidak kondusif dan kurang selamat, khususnya bagi mereka yang hendak menyeberangi jalan raya dan lebuh raya.

Sekian, وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ, terima kasih.

**Yang berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih

kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu atas soalan-soalan yang dikemukakan.

1. Mengenai Institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung iaitu mengenai perkembangannya, telah pun kaola sentuh dalam mukadimah iaitu pengiklanan jawatan-jawatan ini telah pun dibuat dan telah pun menerima sebanyak 124 pencalonan. Terdapat juga keadaan tiada calon bagi kawasan-kawasan tertentu khususnya kampung pedalaman.
2. Mengenai bengkel untuk Ahli-Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dijalankan bersama dengan ILIA Universiti Brunei Darussalam. Bengkel tersebut adalah bertujuan untuk memberikan kemahiran kepimpinan *Leadership Skills* kepada Ahli-Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung supaya diharap mereka ini pada suatu hari akan bersedia untuk bergiat dengan lebih aktif lagi. Berfungsi dengan lebih baik sebagai Ahli-Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ jika mereka mempunyai kriteria yang cukup ataupun bersesuaian mungkin mereka dapat memohon untuk mengisikan jawatan-jawatan sebagai Ketua Kampung atau Penghulu Mukim.
3. Mengenai Jawatankuasa Luar Bandar. Perkara ini akan kaola nanti jawab setelah meneliti perkara ini

lagi. Dalam banyak hal dengan pembangunan infrastruktur di negara kitani ini hanya sedikit sahaja lagi tempat-tempat yang dikategorikan sebagai luar bandar. Kebanyakannya sudah menjadi *semi-urban* separuh bandar dengan adanya kemudahan-kemudahan perkhidmatan jalan raya, elektrik, telefon, air dan sebagainya dan kerana itu beberapa perkara yang dinyatakan itu isu-isu, masalah-masalah itu adalah sama dengan perkara-perkara yang dihadapi di bandar.

Mengenai Bandar Seri Begawan sebenarnya terdapat Jawatankuasa *Master Plan* Bandar Seri Begawan dan Kampong Ayer yang dipengerusikan bersama oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Yang Berhormat Menteri Pembangunan dalam mana perkara-perkara yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu tadi diteliti dari semasa ke semasa oleh jawatankuasa ini untuk menentukan sama ada ianya bersesuaian untuk dilaksanakan berasaskan kepada peruntukan-peruntukan yang ada dalam rancangan *Master Plan* Bandar Seri Begawan.

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu



Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Yang Berhormat Pengerusi. Awalnya kaola merancang menarik diri tadi dalam soalan tapi bila kaola dengar ada mukadimah daripada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Kaola ingin meneruskanlah kerana masa mula-mula itu isu yang akan kaola timbulkan telah pun ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari mengenai kebanjiran pekerja-pekerja asing.

Macam manapun kaola ingin menambah sedikit lagi daripada saranan beliau. Sepatutnya bila kitani banyak mengeluarkan graduan-graduan atau pun lepasan-lepasan sekolah yang mampu mengisi jawatan-jawatan dalam negara kitani, berkurang kemasukan orang asing tetapi ini nampaknya keluaran dari pusat pengajian tinggi bertambah dan banyak lagi yang masih menganggur dan makin ramai kemasukan pekerja-pekerja asing itu.

Kaola sendiri mengamati ada ketika-ketikanya pekerja-pekerja itu tidak tahu sama ada mereka itu sah atau tidak. Berjalan-jalan di mana-mana berkumpul-kumpulan yang sepatutnya mereka itu tidak berjalan macam itu ramainya yang sepatutnya mereka itu

bekerja tapi kaola serahkanlah kepada yang berkenaan untuk menyemak dan mengecek mereka itu.

الْحَمْدُ لِلَّهِ sebelum ini abiskaola Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara telah berpeluang bermuzakarah dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, ingat-ingat kaola sudah 2 kali. Abis kaola telah menimbulkan berbagai-bagai isu termasuklah isu kemasyarakatan dan kaola sendiri sering menimbulkan isu pengawalan dan undang-undang yang mengawal kemasukan orang-orang asing. Kerana isu itu sangat dekat di hati kaola kerana kaola sendiri pernah menjadi Penolong Timbalan Pengawal Imigresen, kali kaola tahu macam mana keadaan pengawalan itu.

Jadi, kaola harap dengan adanya apa yang kaola timbulkan ini kaola benar-benar berharap supaya isu kebanjiran pendatang asing ini sama ada bekerja secara sah atau tidak hendaklah kitani benar-benar ambil perhatian berat. Kerana dengan adanya mereka itu di sini mungkin masalah pengangguran kitani ani, anak-anak kitani dapat diatasi. Sedangkan jawatan-jawatan itu kaola lihat boleh diberikan kepada orang-orang kitani. Misalannya sebagai pemandu dan sebagainya. Orang kitani mustahil diurang tidak mahu akan bekerja tapi disebabkan orang asing masih ada maka miatulah usulnya kejadiannya masih tidak berubah.

Kaola harap penguatkuasaan undang-undang hendaklah dikuatkan dan ditingkatkan lagi dan kaola dapati jua, ada satu keadaan pendatang-pendatang

ini membawa keluarga mereka, sedangkan perkara itu ada dalam Undang-Undang Imigresen dan Akta Imigresen, mereka sepatutnya datang menggunakan Pas Tanggungan dan Pas Tanggungan itu hanya dibenarkan kepada kategori-kategori jawatan-jawatan tertentu dan bukan kepada semua orang.

Tapi sekarang kaola lihat semasa kaola bergunting pun masih ada keluarga yang menggunting kaola, ada duduk-duduk di sana anak-anaknya, itu menunjukkan "batah" di sini di Brunei sampai bersekolah dan sebagainya. Jadi, kaola harap dalam kesempatan ini, kaola menyerulah kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri memikirkan dan mengambil tindakan yang tegas menggunakan akta-akta yang sudah sedia ada dan mungkin tidak perlu digubal Akta-Akta Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan boleh menangani perkara ini.

Sekian, *وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته*

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim yang mengemukakan perkara berkaitan dengan pekerja-pekerja asing di Negara Brunei Darussalam.

Dalam Mukadimah kaola tadi, kaola telah pun menyentuh mengenai pengenalan Lesen Pekerja Asing yang telah

menggantikan kuota sistem yang melalui lesen ini, Jabatan Buruh bersama *Job Center* akan meneliti keperluan dari syarikat-syarikat, pemohon-pemohon untuk mendatangkan orang luar negeri ke negara ini.

Menerusi kerjasama ini sebagaimana yang kaola terangkan tadi, bahawa sepanjang tahun 2018 saja kita telah dapat memberikan 1,715 peluang pekerjaan kepada pekerja tempatan yang pada asalnya dipohonkan untuk diisikan dengan pekerja-pekerja luar negeri.

Kaola sendiri tidak memberikan angka-angka berapa banyak permohonan-permohonan yang ditolak oleh Jabatan Buruh kerana dengan kerjasama *Job Centre* melihat bahawa bidang-bidang pekerjaan itu dapat diisikan oleh orang tempatan dan ada *skill matching* daripada pemohon-pemohon di *Job Center*.

Jadi, langkah ke hadapan dalam masa kita untuk mengurangkan kedatangan pekerja-pekerja asing ini ialah untuk mengenalkan ratio yang kaola terangkan dalam Nisbah Tempatan Asing (*NTA*) dan pada masa ini sedang diteliti 3 sektor yang utama:

1. Sektor Pembinaan.;
2. Sektor Pendidikan.; dan
3. Sektor Runcit dan Borong.

Dalam sektor pembinaan lebih kurang rasionya ialah 80% adalah orang luar negeri dan 20% orang tempatan. Sektor Pembinaan, Sektor Runcit dan Borong ini

berasaskan kepada impaknya kepada jumlah pekerja asing yang tinggi. Terdapat 22,510 pekerja asing di Sektor Pembinaan dan 11,569 orang pekerja asing di Sektor Runcit dan Borong yang direkodkan di Jabatan Buruh berasaskan *Labour Census* 2017.

Jadi, ini kita harap akan bila dilaksanakan setelah kita mengadakan perbincangan-perbincangan yang selanjutnya dengan sektor-sektor yang tertentu akan dapat juga diharap mengurangkan kehadiran pekerja-pekerja asing di negara ini.

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:**

Persilakan Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

**Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ. Seperti yang ditamatkan dan disampaikan sebentar tadi oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada menyentuh untuk memperkasakan kepimpinan akar umbi, Anugerah Kampung Cemerlang (AKC) ada hubungan memperkasakan kepimpinan akar umbi.

Salah satu projek yang dikendalikan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ialah Anugerah Kampung Cemerlang, yang ia mula diperkenalkan pada tahun 2005-2007 oleh Jabatan Daerah Temburong. Kementerian telah

mengangkat projek tersebut ke peringkat kebangsaan mulai tahun 2008.

Memandangkan (AKC) pemangkin pada kemajuan dan kecemerlangan mukim dan kampung dan pada masa yang sama dapat mengangkat kewibawaan dan martabat Institusi Penghulu Mukim dan Kampung selaku pemimpin akar umbi maka (AKC) mempunyai keperluan dalam menyatupadukan masyarakat dan meningkatkan perekonomian seperti Satu Kampung Satu Produk.

Soalannya, apakah pihak kementerian untuk mengadakan semula projek Anugerah Kampung Cemerlang yang disebutkan.

Seterusnya saya ingin bertanya dengan soalan Tajuk SE09A – Pejabat Daerah Temburong. Projek dan kemajuan TOL prasana daerah, jambatan dan pemeliharaan kemudahan awam dan pembangunan kerajaan di bawah kawalan Jabatan Daerah Temburong.

Dalam Peruntukan Anggaran Perbelanjaan 2017/2018 yang lepas, ada beberapa kemudahan awam dan bangunan kerajaan akan dibaik pulih, ditambah, diubah suai, seperti kontrak utama bumiputera, bangunan pasar lama, Tamu Aneka Selera dan seumpamanya.

Ingin tahu, setakat ini apakah sudah ada usaha-usaha yang telah dibuat oleh kementerian dan juga Jabatan Daerah sendiri?

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu di atas 2 soalan yang dikemukakan.

1. Anugerah Kampung Cemerlang, sebenarnya kita masih meneliti untuk bila mahu melaksanakan rancangan Anugerah Kampung Cemerlang kerana dalam kriteria-kriteria untuk melaksanakan Anugerah Kampung Cemerlang ini salah satu daripadanya adalah aktiviti ekonomi dan aktiviti ekonomi sebagaimana yang dinyatakan Yang Berhormat tadi, salah satunya ialah 1K1P, jadi ini adalah satu perkara yang pada peringkat ini kita mahu memperkasakan dulu 1K1P ini sebelum kita akan mempertandingkannya sebagai salah satu daripada kriteria bagi mengukur kampung cemerlang di samping kriteria-kriteria yang lain.

2. Mengenai Pejabat Daerah Temburong. Bangunan-bangunan yang di bawah kawalan Pejabat Daerah ini, sebenarnya beberapa bangunan itu pernah ditawarkan melalui *request for proposal* untuk dinaik taraf atau dikendalikan diurus tadbir bagi tujuan-tujuan tertentu.

Malangnya setelah 2 kali dikeluarkan tidak ada menerima apa-apa respons daripada pemaju-pemaju. Bagaimanapun kita berharap perkara ini dapat diteliti semula kerana bangunan-bangunan tersebut

merupakan aset yang sangat berguna dan dapat dipertingkatkan untuk tujuan-tujuan tertentu termasuk tujuan komersial dan pelancongan. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.

**Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari:** بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Soalan kaola merujuk kepada Tajuk SE01A-Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Dalam meningkatkan keceriaan Bandar Seri Begawan dan tempat-tempat yang strategik dari segi pelancongan dicadangkan untuk membuat *busking zone* iaitu zon yang dibenarkan untuk membuat *busking* seperti nyanyian ataupun aktiviti kesenian di kawasan am.

Ini dapatlah dibuat mengikut peraturan-peraturan yang tertentu seperti dibenarkan di kawasan yang dihaskan sahaja, dibenarkan pada waktu yang sesuai termasuklah menghormati bulan Islam dan waktu azan, tidak menggunakan *amplifier* dan memerlukan permohonan lesen terlebih dahulu supaya jabatan berkenaan dapatlah menilai ataupun memberi penjelasan tentang jenis persembahan yang bersesuaian dengan budaya kitani.

Persembahan-persembahan tersebut tidaklah semestinya menyanyi tetapi

kesenian seperti melukis karikatur dan sebagainya. Sebagai percubaan ia boleh dibuat semasa "Bandarku Ceria". Ini bukan saja mempromosikan industri kreatif kitani tetapi membantu mereka menjana pendapatan.

Kaola mengambil maklum tentang usaha kementerian lain seperti Malam Minggu Pusat Belia bagi memberi ruang untuk acara hiburan awam. **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ**, usaha ini sangat baik untuk menghidupkan semula Bandar Seri Begawan. Maka cadangan *busking zone* ini juga diharap dapat dipertimbangkan bagi membolehkan dan mempelbagaikan lagi lebih banyak ruang untuk para belia dan orang ramai untuk menunjukkan kebolehan mereka. Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari atas cadangan yang dikemukakan. Perkara ini akan dapat diteliti kesesuaiannya menurut peraturan-peraturan yang berjalan pada masa ini. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

**Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ السَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ**  
Kaola ingin menyebut mengenai 3 tajuk iaitu:

1. Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan. Tajuk SE02A - Pengurusan, Pentadbiran dan Kewangan.

Apakah antara impak "Bandarku Ceria" di dalam meningkatkan ekonomi bagi kawasan tersebut setelah sekian lama ia dilaksanakan. Baik pada para peniaga atau perusahaan di sana. Berapakah jumlah *economic valuenya*?

Apakah saja kos perbelanjaan yang disediakan dari pihak kerajaan untuk menjalankan "Bandarku Ceria"?

Apakah "Bandar Ku Ceria" harinya akan dilaratkan jua ke hari lain yang sesuai?

2. Jabatan Buruh Tajuk SE05A – Kod 001/000 - Pengurusan Polisi dan Korporat.

**اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** telah dikongsikan oleh Yang Berhormat Menteri pada tahun lepas akan usaha untuk melaksanakan kajian dan seterusnya cadangan kadar gaji minimum atau *minimum wage* di Negara Brunei Darussalam. Di sini kaola ingin memberikan cadangan dasar saja iaitu mengenai perkara *minimum wage* model ini. Janganlah dibiarkan sehingga majikan cuma membayar gaji minimum sahaja kepada semua pekerja. Namun begitu perlulah difikirkan supaya ia boleh ada kenaikan gaji mengikut kursus, kerja dan kemahiran si pekerja seperti di sebuah negara jiran menggunakan *Progressive Wage Model*.

*Progressive Wage Model* ini menggalakkan dan memberi inisiatif kepada pekerja supaya menjalani kursus pekerjaan untuk mendapatkan kemahiran dan sebagai tambahan untuk mendapat kenaikan gaji.

3. Tajuk SE11A - Jabatan Penjara. Berapakah penghuni di penjara kitani yang berumur dalam kalangan warga emas dan apakah program yang disediakan untuk mereka memandangkan ianya perlu bersesuaian dengan kemampuan mereka dari segi mental, fizikal dan *spiritual*? Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

1. Mengenai impak "Bandarku Ceria", sebenarnya bila rancangan "Bandarku Ceria" dilaksanakan ia bukanlah saja bagi tujuan ekonomi tetapi sebenarnya ia merupakan usaha beberapa buah kementerian pada masa itu bagi tujuan:
  - i. Untuk mempromosi kesihatan kepada keluarga Negara Brunei Darussalam dengan tidak menggunakan apa-apa kos iaitu menggunakan prasarana yang sedia ada untuk kemudahan orang awam dan orang ramai untuk beriadah. Jadi kitani telah melihat usaha beriadah berbasikal,

berjalan kaki, berlari dan sebagainya. Ini adalah penting kerana jika mereka ini mengamalkan kehidupan yang sihat *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* perbelanjaan kita dari segi menjaga kesihatan mereka khususnya bagi yang lanjut umur akan berkurangan;

- ii. Dari segi kekeluargaan. Mengeratkan hubungan Kekeluargaan sama-sama beriadah di kawasan-kawasan yang ditentukan. Ini dari segi Kebaikan / *benefit* / manfaatnya ialah mewujudkan keluarga yang bersatu padu;
- iii. Memberikan ruang kepada siapa saja untuk melakukan aktiviti perekonomian berjual beli, dengan tidak dikenakan apa-apa bayaran. Kita belum menilai berapa pendapatan mereka. Tetapi kalau kita mengambil iktibar daripada apa yang berlaku 3 tahun yang lalu umpamanya penyewaan basikal, bila "Bandarku Ceria" dimulakan pada Oktober 2016 hanya ada satu pengusaha menyewakan basikal. Tetapi selepas beberapa bulan selepas itu ia telah bertumbuh menggalakkan orang lain untuk memulakan bisnes tersebut dan itu bukan saja secara maklumat yang bertulis tetapi secara *verbal* apabila kita bertemu dengan pengusaha-pengusaha penyewaan basikal ini, mereka telah pun menyatakan bahawa dalam masa 6 bulan

sahaja modalnya telah pun selesai hasil daripada sewa tersebut.

Demikian juga mengenai para belia yang menyertai jualan di tempat-tempat tersebut. Kalau kita tanya mereka, mereka memperoleh pendapatan bukanlah lumayan lebih daripada yang mereka usahakan. Kaola sendiri menemu ramah dan bertanya kepada mereka ini. Adakah ia akan dilaratkan kepada hari lain? Pada masa ini, kita hanya melaksanakannya pada hari Ahad. Kalau kita mengambil kira "Bandarku Ceria" maknanya menutup jalan raya sehingga ke Jabatan Perdana Menteri untuk memberikan peluang kepada penunggang basikal.

Tetapi Lembaga Bandaran pada masa ini sedang meneroka dan telah menawarkan, sudah pun ditawarkan perkhidmatan *food truck* إِنْ شَاءَ اللَّهُ salah satu tempat yang dikenal pasti bersesuaian di Bandar Seri Begawan ialah kawasan di mana "Bandarku Ceria" diadakan dan *Food truck* akan diadakan pada waktu malamnya. Jadi, diharap tendernya akan ditutup nanti kita akan dapat respons daripada pemaju-pemaju ataupun *manager* yang akan dapat mengusahakan *food truck activity* ini.

2. Mengenai Jabatan Buruh, *Minimum Wage*. Sebenarnya *minimum wage* ini mula-mula timbul apabila kitani dalam satu *negotiation* untuk *TTP* beberapa tahun yang lalu, tetapi Jabatan Buruh sedang meneliti dengan secara seriusnya perkara ini dengan mendapatkan pandangan-

pandangan daripada beberapa *consultant* dari *ILO* dan juga daripada ASEAN.

Perkara yang berkaitan dengan *minimum wage* ini, ia bukan sahaja, melibatkan kepada memberikan gaji yang minimum kepada buruh-buruh tempatan. Tetapi kita juga melihat apakah impaknya nanti bila dilaksanakan kepada mereka yang akan datang iaitu *foreign investors* ke Brunei.

Ia akan menyukat/mengukur adakah *cost of doing business in Brunei* ini lebih tinggi dan sebagainya. Sebab itu kita melihat *best practices* yang dibuat di negara-negara lain. Apakah kaedah-kaedah yang lebih baik untuk dilaksanakan, sebagaimana Yang Berhormat nyatakan ada negara yang mengenalkan *Progressive Wage*. Jadi, perkara ini sedang kita teliti dengan seteliti-telitinya sebelum mengenalkannya.

3. Mengenai dengan Jabatan Penjara pada masa ini daripada 703 kalau kaola inda silap penghuni penjara *as of 31<sup>st</sup> January 2019*, kaola kurang pasti akan bilangan warga emas yang berumur 60 tahun ke atas ini. إِنْ شَاءَ اللَّهُ jika ada faktanya nanti akan dapat kaola kongsi.

Walau bagaimanapun, program yang dijalankan di Jabatan Penjara adalah menyesuaikan kepada kebolehan *fitness* penghuni-penghuni tersebut. Jadi ianya sentiasa diselaraskan.

Itu sahaja yang dapat kaola sampaikan Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong.

**Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Kaola menyentuh 3 Perkara:

1. Kod 002/003 - Operasi dan Gerakan. Seperti yang kita telah maklum peruntukan pada mangsa bencana seperti banjir telah disediakan seperti bantuan makanan basah dan kering, juga bantuan berbentuk kewangan. Apa yang kaola timbulkan di sini ialah semasa banjir berlaku pada bulan Februari 2018 berlaku juga tanah susur dan juga melibatkan sebuah rumah yang penghuninya 2 orang adik-beradik OKU (Orang Kurang Upaya) hingga sekarang belum diambil tindakan walaupun keadaan rumahnya dalam bahaya. Susulan daripada kejadian tersebut ke semua agensi kerajaan yang berkenaan telah pun melawat rumah mangsa tersebut.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola difahamkan melalui agensi berkenaan tiada peruntukan khas untuk bantuan kediaman rumah yang terlibat tanah susur. Sementara pihak *NDMC* memaklumkan tidak ada dasar masa ini untuk membantu bencana yang sedemikian.

Yang Berhormat Pengerusi, atas apa yang kaola nyatakan tadi eloklah agensi berkenaan mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya untuk mangsa terlibat tanah susur mendapat bantuan seperti membina tembok penghadang daripada tanah susur seterusnya atau memindahkan ke tempat selamat kerana kawasan rumah yang mengalami bencana tanah susur itu ada hubungan dengan terjadinya bencana banjir iaitu turunan hujan yang berpanjangan;

2. Kaola menyentuh mengenai produk yang dikendalikan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Kegiatan ekonomi Satu Kampung Satu Produk berjalan dengan baik sejak beberapa tahun yang lalu, namun penerapan produk-produk dan perkhidmatan di kalangan pengguna khususnya masyarakat kita masih mempunyai ruang yang besar, produk Satu Kampung Satu Produk masih ketinggalan dalam persaingan dengan produk luar adalah perlu agensi terlibat untuk mengenal pasti punca masalah tersebut bagi merangka perancangan pembaikan mengembang produk dan perkhidmatannya. Seperti contoh dari segi pemasaran produk kita mempunyai ruang yang amat terhad di pasar raya negara ini kerana itu produktiviti produk kita amat terbatas.



Soalan kaola, apakah strategi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dalam memperkasakan produk dan perkhidmatan Satu Kampung Satu Produk.

Di sini kaola juga mengongsi pandangan atau cadangan iaitu:

- i. Salah satunya sebahagiannya menubuhkan jawatankuasa bagi mengawal selia kualiti *standard* atau piawaian bagi produk dan perkhidmatan berkenaan. Ini akan memberikan keyakinan dalam kalangan pengguna tentang tahap kualiti produk dan perkhidmatan yang diberikan.;
- ii. Memastikan pengeluaran produk-produk tempatan dalam memenuhi kualiti, kuantiti keperluan semasa di dalam negeri dan apa lagi kalau boleh menjangkau ke luar negara;
- iii. Perlulah membuat kajian menyeluruh seperti *supply* barangan keluaran bahan asas untuk memastikan pengeluaran produk berterusan;
- iv. Mengadakan satu *Brunei Brand* ataupun nama/jenama khusus bagi produk pengeluaran *cottage industry* untuk tujuan ini dibuat dengan persetujuan pengeluar produk dengan mengadakan usaha sama bagi memenuhi kehendak produk *brand* berkenaan bagi bersaing dengan produk luar yang jualan produk

tersebut seperti mana yang kita maklum Produk Satu Kampung Satu Produk masih mempunyai ruang untuk dijadikan produk pengeluaran perkhidmatan Satu Kampung Satu Produk dan dapat bersaing dengan produk luar bukan sahaja bagi pengguna domestik malah menjadi eksport ke luar negara.

3. Kaola ingin menyentuh mengenai peruntukan Daerah Tutong. **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** dalam Belanjawan Kewangan 2019/2020 Pejabat Daerah Tutong diberi peruntukan sebanyak \$4,750,670.00. Berbanding tahun lepas 2018/2019 sebanyak \$4,837,080.00 kurang \$68,000.00. Berdasarkan Peruntukan ini kaola penuh yakin Daerah Tutong akan bergerak dan dimajukan walaupun peruntukannya berkurangan.

Walaupun bagaimanapun, kaola mencadangkan peruntukan untuk melaksanakan program kerja Majlis Perundingan Mukim dan Kampung yang hanya diperuntukkan di Daerah Tutong sebanyak \$12,790.00 untuk 4 buah mukim, 33 buah kampung perlu dikaji semula terutama untuk belanjawan tahun akan datang. Peranan Penghulu dan Ketua Kampung selain membina masyarakat yang kukuh, bersatu padu dan harmoni di samping membina sumber hasil masyarakat seperti membantu meningkatkan mutu produk yang ada dan pertumbuhan produk baharu dan

juga memperkasa pimpinan akar umbi. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal**

**Dalam Negeri:** بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

- i. Mengenai kes orang kurang upaya yang terlibat rumahnya dalam tanah susur yang menurut Yang Berhormat telah pun dilawat oleh 3 agensi berkenaan, perkara ini akan kaola teliti dahulu sebelum memberikan jawapannya.
- ii. Mengenai Satu Kampung Satu Produk kaola menghargai akan pandangan, cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong. Kita telah pun membincangkan perkara ini di peringkat daerah dan di peringkat kementerian. Malahan Jawatankuasa IKIP dan saya percaya bahawa IKIP ini mempunyai potensi untuk diperkembangkan tertakluk kepada kita akan dapat meng*improve* atau menaik nilai *packaging, branding, marketing* dan sebagainya.

Barangkali *approach* kita kepada IKIP ini sebagaimana juga cadangan Yang Berhormat tadi *branding Brunei brand* dan bukan lagi satu-satu kampung mempunyai *branding* mungkin akan dapat satu ruang untuk mem*promote* di luar daripada Negara Brunei Darussalam. Kerana yang penting ialah *sustainability* berapakah jumlah produk yang boleh dihasilkan oleh sesebuah kampung.

Jadi, perkara ini adalah satu perkara yang boleh kita *move forward* dan bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri kita akan mempelajari dari *best practices* yang dilaksanakan di negara jiran kita di Thailand iaitu '*One Tambon One Product*' (*OTOP*) yang hanya bermula dalam tahun 2010 dan sekarang ia sudah meningkat ke tahap yang lebih tinggi daripada kitani.

Jadi, ada ruang untuk kita dapat memajukan dan *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* jika dapat dilaksanakan dengan baik akan dapat meningkatkan ekonomi orang-orang kampung.

- iii. Bagi bajet ataupun Anggaran Belanjawan Daerah Tutong. Walaupun berkurangan khususnya Anggaran Belanjawan bagi aktiviti kampung dan mukim, perkara ini akan dapat kita pertimbangkan jika ada keperluan-keperluan tertentu berasaskan kepada rancangan-rancangan yang akan dilaksanakan oleh kampung-kampung berkenaan.

Jadi bajet \$12 ribu itu ialah bajet yang tertera di sini tetapi di kementerian kita akan dapat menimbangkan untuk menambahnya sekiranya ada keperluan-keperluan asas-asas yang munasabah untuk dilaksanakan.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya kira ada baiknya Mesyuarat Jawatankuasa ini kita tangguhkan dahulu dan kita bersidang semula dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita bersidang semula dalam Majlis Mesyuarat Negara. Kita telah pun meneliti Rang Undang-Undang yang berkenaan dan kita telah pun mendengar pertanyaan-pertanyaan serta jawapan-jawapan yang telah diberikan mengenai Tajuk-Tajuk yang berkenaan. Maka cukuplah dulu bagi hari ini.

Saya ingin menangguhkan mesyuarat ini sehingga esok hari **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** kita akan bersidang semula sebagaimana lazim pukul 9.00 pagi.

Sekian, **وبالله التوفيق والهداية السَّلامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ**

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

## **DEWAN MAJLIS**

**Khamis, 7 Rejab 1440/14 Mac 2019**

### **YANG DI-PERTUA DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA**

#### **HADIR:**

#### **YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

#### **AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI):**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Ekonomi dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

**(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, PSNB., DPMB., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, PSNB., SPMB., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

**(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, PSNB., SPMB., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, PSNB., SPMB., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Mohd Hussein, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

**(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof, PSNB., SMB., PIKB., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, DPKT., SMB., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:**

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, DPKT., DPMB., SNB., PBLI., PJK., PKLP.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim, DPMB., SNB., PJK., PKL.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:**

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, PSB., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad, SMB.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari, PIKB.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, PIKB.

**AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'B', Zon 1 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Kota Batu, Zon 3 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PSB., PIKB., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 4 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, Ketua Kampung Limau Manis, Zon 5 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Zon 2 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, PJK., PKL., Penghulu Mukim Liang, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, PIKB., Ketua Kampung Labi I, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, SUB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Tanjong Maya, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Bokok, Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

#### **HADIR BERSAMA:**

Yang Dimulihkan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang bin Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

### **Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.00 pagi**

#### **Yang Dimulihkan Jurutulis:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari ini, iaitu hari yang kelima, Khamis, 7 Rejab 1440 bersamaan 14 Mac 2019 didahului dengan Doa Selamat.

#### **DOA SELAMAT**

Doa selamat dibacakan oleh Yang Dimulihkan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddien).

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ أَلْحَمْدُ لِلَّهِ اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى kerana dengan limpah dan rahmat-Nya jua kita dapat bersama-sama hadir pada pagi ini, di Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara yang bersidang bagi hari yang kelima.

Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Susunan Kerja kita pada pagi ini sebagaimana beberapa hari yang telah lalu, akan kita dahului untuk membincangkan Perkara V, Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis.

Seperti biasa, Soalan Jawab Lisan ini akan dihadkan kepada 5 soalan sahaja dan sesudah itu kita akan berpindah semula **بِسْمِ اللَّهِ** ke Perkara VII, iaitu Rang Undang-Undang (2019), Perbekalan 2019/2020, yang begitu rancak telah kita bincangkan selama 3 hari berturut-turut.

**Yang Mulia Timbalan Jurutulis:**

Perkara V, Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis. Soalan Jawab Mulut No. 9 daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:** **بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ**

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. **السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Buaya muara ataupun buaya kuala sungai selain hidup di habitat utama di sungai-sungai juga hidup di laut iaitu muara atau kuala sungai dan adakalanya dijumpai di lautan lepas. Buaya jenis ini boleh bertahan di air masin atau di sungai yang ditumbuhi dengan pokok-pokok bakau atau nipah. Buaya ini mampu melompat secara tegak (*vertical*) dari air hingga mencapai ketinggian sama dengan tubuhnya untuk menyerang mangsanya.

Buaya jenis ini boleh didapati di Sungai Tutong, Sungai Talamba dan Kuala Tutong, Sungai Bato Apoi di Sungai Temburong hingga ke Kuala Labu dan Sungai Belait hingga ke Kuala Sungai Belait. Pada masa ini sudah banyak insiden mengenai berita buaya-buaya

dilihat berkeliaran di sungai-sungai, lagun malah di longkang-longkang di negara ini dan beberapa orang sudah menjadi mangsa buaya-buaya tersebut.

Soalan saya ialah:

1. Adakah perancangan pihak yang berkenaan untuk mengadakan program kesedaran khusus bagi memahami secara mendalam tentang habitat buaya dan bahayanya kepada orang ramai termasuk pemasangan papan tanda amaran bahaya di kawasan-kawasan yang sudah dikenal pasti berikutan peningkatan populasi buaya di negara ini?;
2. Pada tahun-tahun 40-an hingga 60-an ada perusahaan penangkapan buaya berlesen yang dinamakan "Pengalir Buaya". Adakah perancangan Jabatan Hidupan Liar untuk mengeluarkan lesen atau permit penangkapan buaya secara bermusim untuk mengurangkan populasi buaya di samping hasil dari penangkapan itu akan menjadi sumber pendapatan kepada yang berkenaan?; dan
3. Adakah sudah dijalankan kajian tentang populasi buaya-buaya yang terdapat di negara ini untuk mengelakkan kepupusannya seperti yang berlaku terhadap penyu dan haiwan liar yang lainnya?

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.



## **Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, mengenai dengan soalan buaya ini. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan berkenaan di bawahnya sentiasa bekerjasama dengan Bahagian Hidupan Liar, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan khususnya dalam mengenal pasti kawasan-kawasan yang terdapatnya buaya dan seterusnya mengeluarkan amaran dan peringatan kepada orang awam untuk sentiasa berhati-hati dan lebih berwaspada ketika berada di kawasan-kawasan yang dihuni oleh buaya berkenaan iaitu dengan memasang papan-papan tanda peringatan dan amaran.

Setakat ini, beberapa papan tanda telah dipasang di lokasi yang ada terdapat ancaman buaya seperti di Kampong Ayer, di Kawasan Tatangan Sungai Tutong berdepanan Kubur Suran dan bersebelahan bekas tapak Masjid Pekan Tutong, pintu penurunan jeti Pekan Tutong dan di belakang kawasan Pasar Malam Kuala Tutong. Demikian juga papan-papan tanda di tempat-tempat lain seperti pantai-pantai dan sungai-sungai tertentu.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat selalu menerima panggilan daripada orang ramai yang

memerlukan perkhidmatan untuk menangkap buaya yang didapati berada di kawasan-kawasan tertentu. Bagi tahun 2018, sebanyak 29 panggilan yang melibatkan buaya telah diterima.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bagi Soalan No. 2 dan No. 3 adalah berkaitan dengan Bahagian Hidupan Liar, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Oleh yang demikian, mungkin rakan sejawatan saya Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan ingin untuk memberikan penjelasan. Sekian, terima kasih.

## **Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Yang Berhormat dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Izinkan kaola menambah jawapan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ke atas soalan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, iaitu berkenaan dengan perkara-perkara yang di bawah jagaan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Soalan berkaitan perancangan untuk mengadakan program kesedaran bagi memahami secara mendalam tentang habitat buaya dan bahayanya kepada orang ramai. Untuk makluman, Program Kesedaran Kepada Orang Ramai (*Public Awareness*) memang merupakan satu aktiviti yang telah dan sedang

giat dijalankan oleh Bahagian Hidupan Liar secara berterusan.

Melalui Program Kesedaran ini antara langkah-langkah yang diambil adalah seperti berikut:

1. Pemasangan papan-papan tanda amaran di beberapa tempat dan kawasan yang telah dikenal pasti menjadi habitat buaya-buaya atau keberadaan buaya di tempat tersebut pernah dilaporkan. Pemasangan papan tanda amaran ini adalah supaya orang ramai akan sentiasa berhati-hati ketika menghampiri kawasan berkenaan dan tidak membuat aktiviti-aktiviti seperti memancing, berenang dan sebagainya.

Program Jerayawara yang mana merupakan aktiviti yang telah dan akan diadakan secara berterusan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai khususnya kepada penuntut-penuntut mengenai bahaya dan ancaman buaya.

Selain itu, Bahagian Hidupan Liar juga merancang untuk mengadakan "pemberitaan" melalui media masa seperti melalui radio dan televisyen, media cetak serta laman sosial untuk memberikan maklumat kepada orang ramai mengenai keberadaan buaya-buaya liar dan risiko atau bahayanya kepada orang ramai.

Di samping itu, Bahagian Hidupan Liar menjalankan Program Pembangunan Kapasiti kepada

pegawai-pegawai dan kakitangan dari agensi-agensi kerajaan yang berkenaan iaitu Ahli Pasukan Bertindak yang menangani isu buaya ini yang terdiri daripada:

- i. Jabatan Perhutanan dan Bahagian Hidupan Liar, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan;
- ii. Jabatan Bomba dan Penyelamat, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; dan
- iii. Jabatan Polis Diraja Brunei, Jabatan Perdana Menteri.

Baru-baru ini, 2 orang pakar dari Negara Filipina telah didatangkan untuk mengadakan satu kursus bagi meningkatkan kapasiti Ahli-Ahli Pasukan Bertindak ini iaitu tentang cara-cara menangkap buaya yang lebih berkesan. Pakar-pakar ini juga telah mengongsikan pengalaman mereka dalam tatacara menangani isu konflik antara buaya dengan manusia bagi mengurangkan serangan buaya ke atas manusia.

Beberapa orang pakar akan didatangkan lagi bagi meningkatkan kebolehan pegawai-pegawai pasukan bertindak nanti. Kebolehan dan maklumat yang diperolehi akan dapat membantu dalam penyaluran dan "pemberitaan" maklumat yang lebih jelas dan meluas kepada orang ramai secara berterusan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan konflik antara manusia dan buaya. Lebih-lebih lagi akan

dapat memahami isu konflik ini dan seterusnya dapat mengurangkan ancaman-ancaman mahupun serangan oleh buaya di perairan negara ini;

2. Soalan berkaitan dengan perancangan untuk mengeluarkan lesen atau permit penangkapan buaya secara bermusim. Sebenarnya perkara ini merupakan perkhidmatan tambahan yang telah dimasukkan ke dalam cadangan penggubalan *Draft Wild Life Protection Orders*. Perkhidmatan ini akan membolehkan orang ramai membuat apa juga aktiviti yang berkaitan dengan hidupan liar termasuk penangkapan buaya. Walau bagaimanapun, pemberian lesen penangkapan hidupan liar termasuk buaya liar tertakluk kepada penelitian dan penyelidikan lanjut dengan memastikan populasi dan taburannya tidak dieksploitasi secara berlebihan;
3. Soalan yang berkaitan dengan kajian populasi buaya bagi mengelakkan kepupusan buaya. Sudah dalam perancangan Bahagian Hidupan Liar akan menjalankan melalui kerjasama dengan pihak *Institute Bio-diversity and Environment Research (IBR)*, Universiti Brunei Darussalam dan pakar-pakar dari luar negara. Pihak *IBR*, UBD pada masa ini sedang dalam penyediaan konsep kajian yang lengkap termasuk menyediakan kaedah-kaedah yang difikirkan bersesuaian dalam pelaksanaan kerja-kerja penyelidikan yang dimaksudkan itu nanti.

Sekianlah jawapan kaola Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih.

**Yang Mulia Timbalan Jurutulis:**

Soalan Jawab Mulut No. 10 daripada Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

**Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pada masa ini banyak peniaga kecil telah berniaga di kawasan bandar dan sekitarnya dengan menjual makanan dan minuman dan ada juga yang menyewakan basikal dan barang-barang lain pada waktu malam di kawasan yang bukan dikhaskan.

Adakalanya barang-barang dan alat-alat perniagaan mereka itu dirampas oleh pihak berkuasa dan ini merugikan mereka dan menghalang peniaga-peniaga kecil untuk maju dan berjaya. Saya ingin tahu, apakah pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mempunyai perancangan untuk menyediakan tempat khusus bagi mereka untuk berniaga dengan dikenakan bayaran sewa?

Sekian terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis

atas soalan yang diajukan mengenai peniaga-peniaga kecil di kawasan bandar.

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui Jabatan-Jabatan Bandaran, memang sentiasa berusaha untuk menggalakkan dan mempertingkatkan aktiviti perniagaan dalam kalangan peniaga kecil dan sederhana dengan menyediakan kemudahan-kemudahan tempat berniaga dalam kawasan di bawah kawalan Lembaga-Lembaga Bandaran.

Lembaga Bandaran sentiasa prihatin dalam menimbangkan rancangan bagi memajukan suatu aset dalam kawasan bandaran untuk menggalakkan pihak pemaju menyediakan ruang bagi peniaga-peniaga khususnya peniaga kecil. Seperti yang dimaklumi, di kawasan Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan, beberapa tempat yang telah disewakan adalah seperti Kompleks Tamu Kianggeh, Pasar Pelbagai Barangan Gadong, Bangunan Pusat Komersial dan Perdagangan Bumiputera, Bangunan Letak Kereta Bertingkat, Kafe Dermaga dan Galeri Seni, Taman Jubli Perak dan sebagainya.

Sementara di kawasan Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria, terdapat kemudahan di aras bawah Bangunan Galeri Tudung Saji, Pasar Hujung Minggu, Pasar Lama Jalan McKerron, Kuala Belait. Manakala, kawasan Lembaga Bandaran Tutong ialah Kawasan Kompleks Pasarneka dan di Tutong pula ialah Pasar Pekan Malam Tutong dan Gerai Selera Tutong.

Jabatan-Jabatan Bandaran juga telah membukakan peluang bagi peniaga-peniaga kecil untuk menjalankan aktiviti perniagaan di Bandar Seri Begawan semasa acara 'Bandarku Ceria' pada setiap hari Ahad mulai pukul 6.00 pagi hingga 10.00 pagi. Peniaga-peniaga kecil juga diberikan peluang untuk berniaga setiap hujung bulan secara bermusim di kawasan Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria seperti di kawasan Tudung Saji dan aktiviti 'KBku Ceria' termasuk aktiviti penyewaan basikal.

Tempat berniaga yang baharu ialah Petak Berjaja, Jalan Roberts yang telah pun dibuka bagi aktiviti perniagaan bermula 21 Februari 2019 yang lalu. Sebagaimana saya terangkan semalam satu tawaran juga sedang dibukakan pada masa ini bagi perniagaan *food truck* (trak makanan) di kawasan Bandar Seri Begawan.

Jabatan-Jabatan Bandaran juga telah membuat beberapa perancangan untuk membuka tempat-tempat baharu bagi kegiatan perniagaan dari semasa ke semasa tertakluk perniilaian berasaskan pelbagai faktor seperti keselamatan, persekitaran dan masa.

Dalam hubungan ini, jika sekiranya terdapat peniaga-peniaga yang berniaga di tempat yang tidak dibenarkan atau di luar daripada kawasan yang dikhususkan, Unit Penguatkuasaan Jabatan-Jabatan Bandaran akan memberikan teguran dan seterusnya mengarahkan mereka untuk mengalihkan kelengkapan berniaga dan

barang-barang jualan mereka ke tempat-tempat yang dikhususkan.

Di samping itu, kementerian ini juga sentiasa memantau jenis-jenis perniagaan yang dijalankan termasuk penyewaan basikal dan kenderaan bermotor. Jabatan Bandaran hanya membenarkan aktiviti penyewaan dan penggunaan basikal dan kenderaan bermotor semasa 'Bandarku Ceria' dengan mengikut garis panduan dan syarat-syarat yang ditetapkan dan tidak memberikan kebenaran di luar waktu 'Bandarku Ceria'. Sekian sahaja Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Mulia Timbalan Jurutulis:**

Soalan Jawab Mulut No. 11 daripada Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

**Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

السَّلَامُ dan salam عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Soalan ditujukan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Adalah sangat dikesali dengan sikap sebilangan penduduk yang kurang memberi kerjasama malah menyalahkan bulat-bulat kepada Ketua-Ketua

Kampung atau Penghulu-Penghulu Mukim kerana kurangnya pemerhatian terhadap pemasangan bendera kebangsaan dan kain rentang yang sudah rosak di rumah-rumah kediaman, bangunan kedai-kedai, kilang-kilang atau bangunan syarikat-syarikat swasta.

Soalan kaola, adakah pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui agensi-agensi penguatkuasa berhasrat untuk mengambil tindakan seperti mengenakan denda kepada pemilik rumah atau pemilik bangunan yang tidak mengibarkan bendera dan mengibar bendera yang sudah koyak atau kabur warnanya pada hari-hari kebesaran seperti Hari Kebangsaan dan Hari Keputeraan? Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua, terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput atas soalan mengenai pengibaran bendera.

Pengibaran bendera Negara Brunei Darussalam lazimnya dibuat semasa sambutan hari-hari kebesaran dan kenegaraan seperti sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri berperanan bagi menghendaki orang ramai untuk menaikkan dan

mengibarkan bendera Negara Brunei Darussalam semasa Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi tempoh selama satu bulan.

Penaikan dan pengibaran bendera Negara Brunei Darussalam di seluruh negara diharap akan dapat meningkatkan kesedaran dan tanggungjawab dalam konteks kehidupan bernegara, berbangsa, berkerajaan dan beraja. Pengibaran bendera ini juga sekali gus akan menyemarakkan suasana sambutan dan menzahirkan semangat perpaduan dan seterusnya menyatakan simbol patriotisme dan nasionalisme bangsa.

Ke arah itu, semua Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, pemimpin-pemimpin masyarakat dan ketua-ketua keluarga akan dapat bekerjasama bagi memastikan pelaksanaan tanggungjawab setiap rakyat dan penduduk bagi mengibarkan bendera Negara Brunei Darussalam pada tempoh masa yang ditetapkan itu.

Di samping itu, pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui Jabatan Bandaran dan Jabatan-Jabatan Daerah akan sentiasa memantau dan membuat pemeriksaan bagi memastikan pengibaran dan penaikan bendera dilaksanakan dan seterusnya membuat teguran dan peringatan yang sewajarnya terhadap pemilik-pemilik rumah atau bangunan serta premis-premis perniagaan jika terdapat bendera-

bendera Negara Brunei Darussalam yang dipasang dalam keadaan tidak betul, koyak, rosak, pudar atau tidak mengikut garis panduan atau tatacara yang ditetapkan termasuklah kain-kain rentang dalam tempoh masa meraikan hari keputeraan.

Dalam hubungan ini, sebagaimana sama-sama kita ikuti dalam media masa, orang ramai telah pun diberikan taklimat melalui bengkel-bengkel dan majlis-majlis taklimat mengenai peraturan dan tatacara pengibaran bendera dan menghormati bendera oleh Jabatan Adat Istiadat Negara dan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri. Setakat ini, belum terdapat cadangan bagi mengenakan tindakan-tindakan lain selain memberikan teguran dan peringatan yang saya nyatakan tadi. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Mulia Timbalan Jurutulis:** Soalan Jawab Mulut No. 12 daripada Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

**Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola akan membawa perkara mengenai pembantu rumah yang lari dari majikan. Dalam usaha untuk meningkatkan perkhidmatan kepada orang ramai mengenai pengambilan pembantu rumah (*domestic*

*servant*) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah mengambil inisiatif iaitu harga yang dikenakan bagi pengambilan pembantu rumah tidak melebihi \$1,500 seorang yang dilaksanakan oleh agensi-agensi yang telah diberikan kebenaran.

Isu pekerja asing yang lari dari majikan terutama yang bekerja sebagai pembantu rumah semakin berleluasa, dan menjadi isu yang tidak berkesudahan. Pihak majikan terpaksa mengeluarkan ribuan ringgit untuk mendapatkan perkhidmatan pembantu rumah dan pembantu rumah lari dari majikan belum pun tempoh 2 tahun mansuh. Ini sangat merugikan dan menyusahkan majikan.

Pertanyaan kaola, apakah inisiatif pihak kementerian dalam menangani isu ini agar pembantu rumah boleh ditangani dan dapatkah kerajaan mengkaji semula Akta Buruh dengan memasukkan masalah pekerja yang lari itu dengan mengenakan hukuman tertentu jika sabit kesalahannya?

Sekian sahaja Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon atas soalan mengenai pembantu rumah.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat akta-akta mekanisme yang mengawasi pengambilan ataupun pengurusan mana-mana pembantu

rumah adalah di bawah Perintah Pekerjaan 2009 dan persetujuan atau *agreement* atau kontrak perjanjian antara majikan dan agensi pekerja asing yang pembantu rumah berkenaan didatangkan.

Dalam masa yang sama, juga turut mengikat perhubungan pekerjaan di antara pekerja dan majikan ialah melalui dokumen kontrak yang tertakluk juga kepada perundingan ataupun *negotiation* antara pekerja atau majikan. Untuk makluman bersama, Perintah Pekerjaan 2009 adalah bagi menguatkuasakan perlindungan pekerja atau pembantu rumah yang digaji daripada pelbagai aspek seperti pembayaran gaji, tempat tinggal pekerja dan seumpamanya.

Bagi pekerja atau Pembantu Rumah yang lari dari majikan pula, bukan atas kesalahan majikan setelah disiasat dan disahkan oleh Jabatan Buruh (kes-kes yang dibawa ke jabatan berkenaan). Senario ini ditangani melalui perjanjian antara majikan dan agensi pekerjaan iaitu pekerja atau Pembantu Rumah berkenaan diperolehi.

Pada kelazimannya, salah satu terma yang digariskan dalam perjanjian berkenaan adalah ganti rugi kewangan. Ganti rugi melalui penggantian pekerja atau pembantu rumah ataupun ganti rugi kewangan dalam tempoh jaminan yang ditawarkan oleh agensi pekerjaan berkenaan yang terma ini pada lazimnya mekanisme ganti rugi dipersetujui awal oleh majikan dan agensi pekerjaan yang berkenaan.

Sehubungan dengan itu, antara inisiatif Jabatan Buruh untuk menangani kebimbangan atau *concern* dalam hal ini ialah bagi merancang untuk menyediakan formula ganti rugi kepada majikan yang akan mempertanggungjawabkan pihak agensi pekerjaan mahupun pekerja yang lari itu, khasnya di luar dari tempoh ganti rugi yang diberikan oleh agensi pekerjaan.

Formula ini bertujuan untuk memberikan ganti rugi mana-mana pekerja yang gagal memenuhi kontrak perkhidmatannya yang lazimnya 2 tahun disebabkan oleh pekerja atau pembantu rumah itu sendiri tanpa alasan yang munasabah setelah disiasat dan disahkan oleh Jabatan Buruh dan jika pekerja itu didapati bersalah, lari daripada majikan tanpa sebab-sebab yang munasabah, Jabatan Buruh boleh mencadangkan ke Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan untuk menegah pekerja tersebut untuk bekerja di Negara Brunei Darussalam bagi satu tempoh yang bersesuaian (*blacklist*).

Mengenai soalan kedua daripada Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon. Akta Buruh yang pada masa ini, telah dikemaskinikan menjadi Perintah Pekerjaan 2009, hanya meliputi terma dan syarat pekerjaan seperti yang antaranya disebutkan tadi iaitu pembayaran gaji, tempat tinggal, cuti dan sebagainya.

Tertakluk kepada jenis kesalahan yang dilakukan oleh pekerja-pekerja yang berkenaan, tindakan-tindakan yang telah

dan akan dilaksanakan dalam menangani perkara ini, antaranya ialah:

1. Bagi kesalahan-kesalahan yang melibatkan jenayah seperti kes polis, kastam, narkotik dan seumpamanya, setelah menjalani hukuman-hukuman tertentu, mereka ini akan diusir dari negara ini dan seterusnya ditegah masuk sepenuhnya. Bagi tahun 2018 sahaja, seramai 1,519 orang pekerja warganegara asing diusir keluar dari negara ini kerana melakukan kesalahan-kesalahan undang-undang;
2. Bagi kesalahan-kesalahan yang tidak mencapai ke tahap jenayah, tatacara menangani perkara ini sedang diteliti oleh Jabatan Buruh seperti mana yang telah dinyatakan mengenai formula tertentu pada masa akan datang, bagi mengganti rugi kewangan majikan bagi tempoh jaminan yang ditetapkan oleh agensi-agensi pekerjaan telah luput ataupun mansuh. Dalam masa yang sama, Jabatan Buruh dengan kerjasama Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan juga akan meneliti kemungkinan bagi mereka ini ditegah masuk ke negara ini untuk bekerja dalam tempoh-tempoh tertentu.

Dalam kedua-dua senario yang dinyatakan tadi, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan akan turut membantu dengan memantau keluar masuk mereka di pos-pos kawalan apabila mendapat laporan daripada agensi-agensi yang berkenaan.



Untuk makluman bersama, menurut statistik yang direkodkan di Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, pekerja-pekerja domestik yang lari daripada majikan pada tahun 2017 ialah seramai 19 orang daripada jumlah 15,306 orang dan pada tahun 2018, seramai 10 orang daripada jumlah 12,244 orang.

Statistik yang direkodkan di Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan bagi pekerja-pekerja syarikat pula, yang lari daripada majikan pada tahun 2017 ialah seramai 69 orang daripada jumlah 45,524 orang dan pada tahun 2018, seramai 43 orang daripada jumlah 73,023 orang. Daripada 43 orang yang telah lari daripada syarikat pada tahun 2018 tersebut, seramai 32 orang lari kerana majikan tidak mempunyai projek dan seramai 11 orang lagi kerana mereka mahu dibayar gaji yang lebih.

Sekianlah sahaja yang dapat kaola jelaskan mengenai soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. 'Terkeduhung' kaola berdiri di sini, kaola memohon izin Yang Berhormat Yang Di-Pertua untuk menjelaskan satu pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman pada 12 Mac 2019, mengenai kedudukan Berek Polis di Sungai Tujoh.

Terima kasih atas pertanyaan yang ditimbulkan Yang Berhormat FDr. Ar.

Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman sebagai susulan kepada soalan asal daripada Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput.

Seperti mana yang kita sedia maklum, ke arah memastikan *safety and security* sempadan- sempadan di Negara Brunei Darussalam, agensi-agensi penguatkuasa yang berkenaan seperti Pasukan Polis Diraja Brunei, Biro Kawalan Narkotik, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Jabatan Pengangkutan Darat ditempatkan bersama Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan di sekitar Pos Kawalan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dalam sama-sama mengawal keluar masuk orang ramai serta barangan melalui sempadan- sempadan negara. Keperluan logistik agensi-agensi penguatkuasa di sekitar kawasan Pos Kawalan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan adalah tertakluk juga kepada perancangan dan kegunaan agensi-agensi yang berkenaan.

Mengenai bangunan Berek Polis di kawasan Sungai Tujoh, perkara ini akan dibincangkan dengan agensi-agensi penguatkuasa yang relevan bagi tujuan merangka langkah ke hadapan mengenai bangunan-bangunan yang ditimbulkan.

Apa jua perancangan-perancangan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dalam menaik taraf Pos Kawalan Sungai Tujoh yang melibatkan pengubahsuaian bangunan dan laluan, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran

Kebangsaan akan sentiasa melibatkan semua agensi yang ada di sekitar Pos Kawalan tersebut, termasuklah Pasukan Polis Diraja Brunei untuk mengetahui perancangan dan menyelaraskan keperluan setiap agensi penguatkuasa yang berkenaan.

Berkaitan dengan keselamatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat akan terus memantau keselamatan kebakaran (*fire safety*) bangunan-bangunan kerajaan yang dibangunkan termasuklah bangunan yang berada di kawasan Sungai Tujoh. Sekian sahaja, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih.

**Yang Mulia Timbalan Jurutulis:**

Soalan Jawab Mulut No. 13, daripada Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II.

**Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput:** Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Soalan ditujukan kepada Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Sebagaimana yang dimaklumi, melalui gambar satelit ada sebahagian kawasan kelapa sawit kepunyaan negara jiran termasuk dalam sempadan Negara Brunei Darussalam iaitu di kawasan Sungai Tujoh, Daerah Belait. Soalan kaola:

1. Adakah benar seperti yang ditunjukkan dalam gambar satelit yang diambil tersebut?;
2. Jika ia benar, apakah tindakan yang diambil oleh pihak yang berkenaan?; dan
3. Jika ia tidak benar, apakah sudah tindakan ataupun diperbetulkan?

Sekian, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II:** بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Ahli-Ahli Yang Berhormat. السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, atas pertanyaan dan keprihatinan Yang Berhormat mengenai perkara ini. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, *public access apps seperti google map* ataupun *google earth* yang digunakan secara percuma adalah salah satu anggaran yang boleh digunakan sebagai *reference* kasar.

Oleh yang demikian, untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, sempadan antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia yang nampak dalam gambar satelit *google maps*, itu adalah tidak tepat kedudukannya. Oleh yang demikian, ladang kelapa sawit kepunyaan negara jiran itu adalah di luar sempadan Negara Brunei Darussalam yang sebenar.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola ingin menambah bahawa sekiranya ada sempadan yang bertindih ataupun kemasukan, persetujuan telah dicapai antara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia pada mesyuarat baru-baru ini bahawa kedua negara bersetuju untuk tidak mengadakan aktiviti-aktiviti di kawasan sempadan yang bertindih tuntutan, supaya memudahkan kerja-kerja penandaan dan pengukuran sempadan dibuat oleh Jawatankuasa Bersama antara kedua-dua buah negara.

Walau bagaimanapun, untuk meneruskan jawapan kepada persoalan kedua, sekiranya ada didapati pencerobohan ataupun kemasukan ke dalam sempadan Brunei, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri akan menimbulkan isu berkenaan dengan kerajaan negara jiran menerusi Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri negara tersebut. Jika diperlukan akan mengeluarkan satu *diplomatic note*. Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya kira cukup sekian sahaja dahulu membincangkan Perkara V. Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis, kerana kita perlu menyelesaikan dengan segera Rang Undang-Undang (2019) Perbekalan, 2019/2020 yang telah pun dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Maka bagi membolehkan Rang Undang-Undang ini kita teliti dan dibahaskan satu per satu, maka saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara dan kita akan bersidang semula di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang kita bersidang di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan dan membahaskan Rang Undang-Undang (2019) Perbekalan, 2019/2020 ini supaya dapat kita teliti dan luluskan satu per satu.

Pada petang semalam, kita telah mula membahaskan Tajuk Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri serta jabatan-jabatan di bawahnya. Walau bagaimanapun, sebelum kita menyambung untuk membahaskan Tajuk kementerian ini seterusnya, saya difahamkan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II ingin memberikan kenyataan atau jawapan terhadap beberapa soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang belum sempat dijawabnya. Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II:** Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin menambah jawapan kaola kelmarin mengenai isu soalan yang dibangkitkan

oleh Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad mengenai *UN Resolutions 2250* yang dikeluarkan pada 9 Disember 2015, mengenai peranan belia dalam isu keamanan dan keselamatan. Seperti mana yang kaola nyatakan kelmarin, *UN Resolutions 2250* adalah berkaitan dengan belia, keamanan dan keselamatan seperti lebih relevan kepada belia di negara-negara yang menghadapi konflik ataupun *post conflicts*.

Walau bagaimanapun, tujuan resolusi ini sememangnya untuk memberi peluang bagi penglibatan para belia di arena keamanan dan keselamatan antarabangsa. Ini boleh juga dicapai dalam program-program lain yang ditawarkan oleh Pertubuhan-Pertubuhan Antarabangsa dan serantau seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan juga Pertubuhan ASEAN dan Komanwel.

Dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu juga ada menyediakan program-program bagi belia di seluruh dunia termasuk Negara Brunei Darussalam. Seperti program yang profesional, para belia dialu-alukan untuk menimba pengalaman-pengalaman di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Di Peringkat ASEAN juga terdapat beberapa program belia termasuk ASEAN *Youth, fellowship Programme*, Persatuan Belia ASEAN dan selainnya. Peringkat Komanwel pula ada juga menyediakan program-program bagi memperkasa belia termasuk menghadiri mesyuarat bersama *Commonwealth Ease of Government* dan Anugerah *Youth*

*Awards* bagi belia yang mencapai kecemerlangan dalam pelbagai bidang. Maklumat mengenai program-program tersebut boleh didapati di laman *web* pertubuhan-pertubuhan berkenaan, dan juga dikongsikan oleh kementerian ini melalui laman *web* Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan adakalanya juga disiarkan atau dicetak di dalam akhbar "Pelita Brunei".

Sekian Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang kita sambung semula perbahasan bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya. Saya mempunyai senarai dan masih banyak Ahli Yang Berhormat untuk bertanya ataupun memberikan pandangan.

Sebelum itu saya ingin menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik supaya memendekkan ucapan-ucapan. Selalunya Ahli-Ahli Yang Berhormat membuat ucapan-ucapan yang sangat panjang seperti menteri-menteri membuat mukadimahnyanya dan soalan-soalan yang diberikan terlalu banyak sehingga sampai 5 ataupun 6 soalan dalam sekali gus.

Saya harap supaya soalan-soalan itu ditujukan kepada yang berkenaan harus tepat dan kena pada waktu kitani membincangkan belanjawan yang berkenaan ini dan menteri-menteri yang berkenaan saya kira tidaklah payah untuk diberikan *briefing* yang begitu melarat-larat mengenai usaha

kementerian mereka masing-masing. Perkara-perkara seperti itu saya kira sudah dalam pengetahuan mereka.

Jadi, ada baiknya kalau ada kewahaman ataupun pandangan sampaikanlah saja pandangan soalan kepada yang berkenaan iaitu dengan tidak payah membawa macam-macam perkara yang di luar daripada perbincangan kita di Dewan ini. Saya persilakan Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput.

**Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola lebih dahulu merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih atas mukadimah mengenai Peruntukan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri kelmarin petang 6 Rejab 1440/13 Mac 2019.

Kaola menyokong penuh dengan peruntukan yang dinyatakan tersebut. Dengan itu, kaola suka membangkitkan perkara di bawah Tajuk SE03A - Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria dengan Kod Akaun 002/000 - Kemajuan Bandar dan Daerah.

Dalam kawasan Pekan Kuala Belait dan Pekan Seria sering mengalami banjir kilat

apabila hujan lebat melebihi 1 jam. Selain permukaan tanah di kawasan tersebut mengalami penurunan semakin rendah dan menyumbang kepada risiko banjir, longkang yang kecil dan cetek juga penyumbang kedua mengapa terjadinya banjir. Selain itu, longkang-longkang juga sering tersumbat dari sampah saraf dan rumput-rumput yang tidak diurus dengan sempurna.

Dalam Peruntukan yang diluluskan dalam Belanjawan 2019/2020 iaitu \$1,153,360.00 dengan mengambil kira dalam konteks keselamatan dan kesejahteraan penduduk di Pekan Kuala Belait dan Seria, adakah Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria akan melakukan sesuatu pembaikan terhadap longkang-longkang yang telah dikenal pasti dengan membesarkan dan mendalami longkang-longkang tersebut?

Seterusnya di bawah Tajuk SE07A - Pejabat Daerah Belait. Jabatan Daerah Belait diberikan peruntukan \$4, 139,010.00 dan di bawah Kod Akaun 003/000 - Pembangunan Luar Bandar telah diberi peruntukan berjumlah \$4,31,842.00. Apakah perbelanjaan tersebut terkandung untuk menampung dalam kerja-kerja pemuliharaan jalan-jalan kecil seperti pemotongan rumput, menembok jalan-jalan kecil dan pembersihan anak-anak sungai yang terdapat di kawasan pedalaman di bawah pengawasan Jabatan Daerah Belait? Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih

juga kepada Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput mengenai Lembaga Bandaran Kuala Belait.

Soalan mengenai longkang-longkang kecil yang mengakibatkan kebanjiran kerana longkang-longkang yang kecil dan sampah sarap. Untuk makluman, ada antara longkang yang dibina ini telah pun dibina lama dahulu dalam tahun 60-an dan Lembaga Bandaran Kuala Belait akan mengenal pasti mengikut *priority* tempat-tempat atau longkang-longkang yang akan dinaik taraf.

Mengenai sampah sarap yang termasuk dalam pemeliharaan aset iaitu pengutipan sampah sarap akan dibuat bagi mengelakkan berlakunya banjir di tempat-tempat tertentu di kawasan Lembaga Bandaran Kuala Belait.

Mengenai Anggaran Belanjawan bagi Pejabat Daerah Belait sebagaimana lazimnya pemeliharaan jalan-jalan termasuklah *shoulder* jalan raya dibuat oleh Jabatan Daerah Belait mengikut kawasan-kawasan yang ditentukan. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

**Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola akan membawa Tajuk SE10A - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Kod Akaun B06200 – Kad Pengenalan Pintar. Soalan kaola ialah mengenai Kad Pengenalan Pintar bagi saudara-saudara

baharu Islam. Syiar Islam di Negara Brunei Darussalam semakin berkembang dan dengan kehadiran mereka lebih ramai lagi saudara-saudara baharu yang memilih agama Islam sebagai pegangan hidup mereka. Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Pusat Da'wah Islamiah telah mencatatkan seramai 764 orang telah memeluk agama Islam dari bulan Januari 2016 sehingga Ogos 2017.

Dalam hal ini, timbul soalan mengenai keperluan saudara-saudara baharu Islam ini untuk membaharui Kad Pengenalan Pintar disebabkan pertukaran agama memandangkan masih terdapat saudara baharu yang masih memegang Kad Pengenalan Pintar yang lama.

Kaola berpandangan bahawa perlunya saudara-saudara baharu kita menyegerakan pertukaran Kad Pengenalan Pintar mereka bagi mengenalkan identiti baharu mereka.

Jadi, soalan kaola ialah adakah sebarang perancangan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk mewajibkan setiap saudara baharu yang memeluk agama Islam itu untuk membaharui Kad Pengenalan Pintar bagi menimbulkan rasa positif dan ikatan persaudaraan dalam masyarakat Islam. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon dan juga kepada Yang Berhormat Pengerusi.

Jika kaola faham apa yang dimaksudkan dengan soalan ini, saudara-saudara baharu akan menukar Kad Pengenalan Pintar kerana mempunyai nama baharu, maka itu adalah menurut peraturan-peraturan yang mengawal pengeluaran Kad Pengenalan Pintar. Sekiranya ada apa-apa masalah barangkali yang di luar daripada apa yang kaola jangkakan ini barangkali Yang Berhormat boleh menghubungi kaola.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin.

**Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
 الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا  
 مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola dengan penuh hormat dan takzim mohon izin jua dan sukacita ingin menghadapkan persoalan bagi memohon mendapat pencerahan juga dalam Tajuk SE07A - Pejabat Daerah Belait dengan Peruntukan Perbekalan bagi tahun 2019/2020 berjumlah \$4,139,010.00.

Kaola dengan penuh hormat mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan memberikan kefahaman yang cukup jelas terutama perkhidmatan dan pembangunan secara umumnya di keempat-empat daerah.

Dalam perkara di atas, kaola sukacita ingin menyentuh dan memberikan dengan ringkas sahaja sedikit latar belakang mengenai Daerah Belait. Daerah Belait ialah daerah yang paling luas dan paling besar antara semua daerah dalam Negara Brunei Darussalam. Sementara dalam segi keramaian pula, yang kedua teramai iaitu 81,470 orang iaitu jumlah pada 3 ke 4 tahun yang lalu. Daerah ini merupakan pengeluaran sumber ekonomi negara yang penting bagi Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengerusi. Seperti biasa setiap daerah pentadbirannya akan diketuai oleh seorang Pegawai Daerah bagi mengemudi arah tuju pembangunan-pembangunan berbagai-bagai lapangan dan kesejahteraan penduduk daerah bagi menandai hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kaola sukacita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada pegawai-pegawai daerah dalam Negara Brunei Darussalam yang telah berusaha untuk membangun perkembangan dan kemajuan daerah-daerah jua.

Yang Berhormat Pengerusi. Dalam perkara ini, kaola ingin menarik perhatian Pegawai Daerah atau Pemangku Pegawai Daerah dalam tempoh dari tahun 2004 sehingga awal tahun 2019 iaitu kira-kira 16 tahun telah ditadbir oleh sekurang-kurangnya 5 orang Pegawai Daerah dan 4 orang Pemangku Pegawai Daerah ini termasuk 3 orang pemangku

berturut-turut memangku dalam dua penggal perlantikan.

Dalam pandangan kaola, Pegawai Daerah yang silih berganti dalam masa yang singkat mungkin susah sedikit dan tidak memudahkan dalam tempoh-tempoh mereka sepatutnya dapat membuat dan menyelesaikan projek yang dirancang bagi mengimbangi pembangunan dan kemajuan daerah yang akan dapat diungkayahkan untuk lebih membangun ini kerana rancangan-rancangan yang dirancang biasanya memerlukan jangka masa dan beberapa usaha peningkatan dalam mengimbangi antara pembangunan-pembangunan daerah dalam Negara Brunei Darussalam. Dalam hal ini, kaola mohon pencerahan.

Yang Berhormat Pengerusi, berhubung dengan perkara ini juga, adalah elok Pegawai Daerah tinggal di daerah tempat pegawai berkenaan bertugas kerana Rumah Rasmi Pegawai Daerah telah disediakan oleh pihak kerajaan. Ini mungkin juga bermanfaat dan mudah juga untuk masyarakat berhubungan dalam waktu-waktu kosong di daerah masing-masing bagi hubungan biasa dan mengeratkan silaturahim sambil berkongsi minda yang bermanfaat untuk daerah dan masyarakat. Penduduk-penduduk daerah juga mengharapkan agar Pegawai Daerah bersama-sama bermastautin dalam daerah yang ditadbirnya.

Yang Berhormat Pengerusi, yang tidak kurang juga kebajikannya ialah kaola berharap semoga juga pada masa-masa

akan datang ini nanti akan ada Pegawai Daerah yang dilantik dari kalangan penduduk tempatan dari Daerah Belait **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** mudah-mudahan juga akan terlaksana. Seterusnya akan meneruskan lagi usaha menangani rancangan dan kemajuan sama ada Pekan Belait, Pekan Seria dan amnya Daerah Belait.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin bertanya sedikit juga Tajuk SE10A - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan. Sebagaimana kaola sedia maklum bahawa kawasan pos kawalan keluar dan masuk orang ramai ke negara jiran setiap hujung minggu, pada hari-hari kelepasan awam dan hari-hari percutian sekolah cukup ramai daripada hari-hari biasa di Pos Kawalan Imigresen di Sungai Tujoh. Pertanyaan kaola, adakah cadangan untuk menambah Pegawai Imigresen di Sungai Tujoh bagi menambah kekurangan tenaga jika kiranya ada pegawai yang bercuti atau cuti sakit menyebabkan kekurangan tenaga?

Yang Berhormat Pengerusi, sekian sahaja, **وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ** dan terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin menyuarakan perkara-perkara yang berkaitan dengan Daerah Belait. Kita menghargai akan perhatian sentimen Yang Berhormat itu. Memang betul bahawa pada masa ini, belum ada lagi lantikan bagi Pegawai Daerah yang tetap



dan jawatan itu dipangku oleh seorang Pegawai Pentadbir. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** kita dalam proses mengenal pasti calon dalam kalangan pegawai-pegawai kerajaan untuk dilantik sebagai Pegawai Daerah Belait.

Sememangnya diakui bahawa adalah mustahak supaya Pegawai Daerah itu akan dapat tinggal di daerah berkenaan bagi memantau keadaan di daerah berkenaan, mengadakan muzakarah dengan pihak-pihak yang tertentu masyarakat, Penghulu dan Ketua Kampung. Mudah-mudahan rancangan untuk menempatkan seorang Pegawai Daerah yang tetap ini akan dapat dilaksanakan dalam masa yang terdekat.

Mengenai pegawai-pegawai imigresen yang ditempatkan di Pos Kawalan Sungai Tujoh. Ini adalah berpandukan kepada bilangan pegawai yang dikhususkan di tempat tersebut dengan bilangan Pegawai Imigresen yang ada. Kita berusaha pada waktu-waktu tertentu khususnya pada cuti sekolah kawalan keluar masuk ini akan dapat dipastikan berjalan dengan lancarnya.

Sekali lagi kaola mengucapkan terima kasih atas perhatian Yang Berhormat. Dalam kesempatan ini, kaola ingin memberi penjelasan kaola kepada Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon tadi bahawa sebenarnya mengikut Akta Pendaftaran Kebangsaan Bab 13 (5) Penggal 19 iaitu memerlukan setiap orang yang bertukar nama dan bertukar tempat alamat (*address*) untuk melaporkan maklumat tersebut kepada

Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dalam tempoh 14 hari.

Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung.

**Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung:** بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola bercakap mengenai Tajuk SE01A - Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Kaola akan memberi jua pandangan dan cadangan untuk diambil perhatian jabatan berkenaan, iaitu mengenai industri kampung. Dalam usaha bagi meningkatkan aktiviti pertumbuhan dan mendukung pertumbuhan sektor bukan minyak dan gas, tumpuan juga diberi kepada satu industri kampung seperti produk Satu Kampung Satu Produk (1K1P) yang dilaksanakan oleh Majlis Perundingan Kampung atau peniaga mikro kecil dan sederhana dipertingkatkan di kampung.

Dengan memajukan industri ini secara besar-besaran peluang pekerjaan akan bertambah dan seterusnya tahap kehidupan rakyat khususnya masyarakat kampung dapat ditingkatkan. Sebaik-baiknya industri ini harus diuruskan oleh belia kampung sebagai usaha supaya mereka berpeluang berbakti dan sekali gus dapat membantu memajukan kampung masing-masing.

Usaha menggalakkan generasi muda masa ini untuk menceburi industri kampung yang sewajarnya diberikan nafas baharu melalui suntikan teknologi terkini, untuk meningkatkan produk aktiviti supaya industri ini dapat berkembang sekali gus meningkatkan pendapatan negara.

Soalan kaola:

- i. Apakah cadangan pihak-pihak yang berkenaan di dalam memajukan dan mentarafkan industri kampung sebagai satu industri yang mampu menyumbang dalam pembangunan negara? Itu yang pertama; dan
- ii. Bagi Tajuk yang sama iaitu penganjuran Anugerah Kampung, Majlis Perundingan Kampung. Seperti mana yang diketahui, bahawa Anugerah Kampung Cemerlang (AKC) merupakan anugerah yang menaiktarafkan kepada kecemerlangan Majlis Perundingan Kampung (MPK) di Negara Brunei Darussalam. Penganjuran anugerah-anugerah yang berskala sederhana dan kecil juga dilihat penting bagi mengukur tahap kualiti dan pencapaian dalam aspek pengurusan dan kepimpinan Majlis Perundingan Kampung.

Dalam masa yang sama ia boleh dijadikan Kunci Petunjuk Pencapaian (*KPI*) bagi setiap Majlis Perundingan Kampung untuk sentiasa proaktif dalam merancang dan melaksanakan aktiviti masing-masing yang sekali gus melahirkan pemimpin-pemimpin yang berkaliber di peringkat umbi.

Penganjuran anugerah-anugerah ini bolehlah dilaksanakan dengan melibatkan pihak-pihak kerajaan, swasta dan badan-badan *NGO* melalui pendekatan seluruh negara.

Sehubungan dengan itu, saya mencadangkan agar dianjurkan anugerah-anugerah yang berskala sederhana dan kecil sebagai usaha dan inisiatif untuk memantapkan kepimpinan Majlis Perundingan Kampung.

Sekian, وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung.

Pertama, produk kampung atau industri kampung Satu Kampung Satu Produk, yang telah pun kaola sentuh dalam mukadimah kaola semalam. Hala tuju kita ialah untuk meningkatkan kualiti produk dari segi *packagingnya* menepati keperluan-keperluan jika ia akan dipasarkan bukan sahaja di pasaran tempatan, keluar dari pasaran tempatan, memastikan ia *sustainable*, memastikan bilangan *volume* ataupun bilangannya ada jumlah yang dikeluarkan mencukupi pada waktu-waktu yang diperlukan.

Jadi semua ini, telah kita teliti. Sebenarnya ada jawatankuasa ataupun Majlis Satu Kampung Satu Produk yang dianggotai bukan sahaja oleh mereka dalam kerajaan tetapi juga sektor swasta

yang dapat memberikan pandangan-pandangan.

Kedua ialah bagaimana kita akan dapat bekerjasama untuk mencari *strategic partners* bagi meningkatkan produk kampung ini. Dan kaola percaya sebagaimana juga Yang Berhormat suarakan tadi bahawa sekiranya 1K1P ini akan berkembang, ia akan dapat memberikan peluang kepada belia-belia di negara ini sebagai satu sumber pekerjaan mereka atau sumber pendapatan mereka dan meningkatkan tahap ekonomi dalam komuniti dan ini adalah salah satu daripada objektif di dalam Wawasan Brunei 2035.

Seterusnya mengenai Anugerah Kampung Cemerlang juga telah pun kaola sentuh semalam. Tambahan kepada cadangan ini ialah Yang Berhormat mencadangkan kategori-kategori yang berskala kecil dan sederhana.

Jadi perkara ini akan kita ambil perhatian. Kita mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung atas pandangan yang bernas mengenai perlunya kita melaksanakan Anugerah Kampung Cemerlang bagi meningkatkan daya kepimpinan komuniti *cohesiveness* dan juga kemajuan-kemajuan dalam bidang sosial dan ekonomi komuniti berkenaan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

**Yang Berhormat Awang Ong Tiong**

**Oh:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Salam sejahtera Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola merujuk Tajuk SE02A - Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan mengenai cukai pintu terhadap sekolah swasta. Pendidikan yang berkualiti merupakan salah satu tema strategik bagi mencapai Wawasan Brunei 2035.

Pada masa ini, terdapat 14 buah sekolah swasta yang tidak mengutamakan keuntungan iaitu *non-profit organization* menyediakan pendidikan yang selaras dengan panduan kurikulum yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan. Pada tahun 2013, 3 buah sekolah di Bandar Seri Begawan iaitu Sekolah Menengah *Chung Hwa*, *Saint Andrew's* dan *Saint George's* telah diminta membayar cukai pintu dengan jumlah keseluruhan \$61,280.00 setahun. Perkara ini, telah memberi beban tambahan pada sekolah-sekolah tersebut.

Dari segi perspektif ekonomi kos purata untuk membiayai pendidikan seorang pelajar adalah sebanyak \$2,500.00 setahun. Jumlah wang yang dibelanjakan oleh sekolah-sekolah ini mencecah sehingga jutaan ringgit. Dengan adanya sekolah swasta ini merupakan penjimatan besar untuk belanjawan pendidikan kerajaan. Sekolah swasta hanya bergantung pada yuran sekolah untuk menampung kos penyelenggaraan sekolah. Pada tahun-tahun kebelakangan ini banyak sekolah swasta mengalami defisit

kerana penurunan pelajar serta peningkatan kos operasi.

Oleh sebab itu, mereka banyak bergantung pada sumber masyarakat setempat untuk memenuhi keperluan mereka. Pada tahun 2017, Sekolah Menengah Chung Hwa telah dikecualikan dari membayar cukai pintu. Dalam hal ini, sekolah tersebut ingin menyampaikan penghargaan yang tulus ikhlas kepada Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan.

Kaola ingin memohon pengecualian cukai pintu yang sama untuk *Sekolah Saint Andrew's* dan *Saint George's* bagi membolehkan sekolah tersebut menyediakan kemudahan pendidikan yang diperlukan dan menampung perbelanjaan sekolah mereka.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi, terima Kasih.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh. Mengenai permohonan Yang Berhormat bagi Sekolah *Saint Andrew's* dan *Saint George's* untuk dikecualikan dari membayar cukai pintu. Kaola tidak berani berjanji tetapi cukai pintu ini tertakluk kepada akta yang mengawalinya. Juga kepada *enabling instruments* penubuhan sekolah-sekolah tersebut. Ia terpaksa diteliti dari sudut sama ada ia *comply* kepada akta untuk diberikan pengecualian kerana ada peruntukan-peruntukan, *provision* dalam akta dan sekiranya ini selaras ia

akan dapat dipertimbangkan. Perkara ini belum dapat saya berikan di sini dan lebih baik bagi Yang Berhormat untuk mengemukakan perkara ini secara bertulis kepada pihak berkenaan. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Hj Lahit.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:** Terima kasih. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya mengemukakan:

1. Tajuk SE04A - Lembaga Bandaran Tutong. Kod Akaun 003/000 iaitu Penguatkuasaan Peraturan dan Undang-Undang. Pegawai dan kakitangan Pelesenan dan Penguatkuasaan di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri berperanan bertanggungjawab bagi meningkatkan dan memantapkan penguasaan undang-undang dan peraturan-peraturan dalam kawasan bandaran agar teratur, berseri dan sihat dan memastikan aktiviti perniagaan di bawah kawalan Pejabat Daerah sentiasa mematuhi undang-undang dan akta.

Dalam menjalankan tugas setentunya mereka menghadapi berbagai-bagai cabaran serta halangan serta mungkin risiko yang tidak menyenangkan. Sehubungan itu, adakah perancangan kementerian ini untuk memberikan Elaun Khas yang bersesuaian kepada pegawai-pegawai dan kakitangan yang berkenaan seperti mana juga

pegawai-pegawai penguatkuasaan di kementerian-kementerian lain?; dan

2. Tajuk SE11A - Jabatan Penjara. Kod Akaun 001/000 - Pengurusan Dasar dan Pentadbiran. Yang Berhormat Pengerusi, stigma masyarakat boleh dikatakan menebal dan memandang sinis terhadap golongan banduan PODIPI yang akan melambatkan proses keyakinan diri para PODIPI ini untuk kembali ke pengkuan keluarga dan masyarakat. Sedangkan proses pemulihan dalam komite seperti sistem *parol* terbukti berkesan bagi memberi peluang kepada banduan-banduan untuk mengharungi cabaran hidup bersama masyarakat dan keluarga lebih awal berbanding dengan tempoh hukuman yang perlu dijalankan.

Soalan saya, untuk mengurangkan *recidivist* atau kemasukan berulang, adakah pemikiran untuk mengadakan *parole officer*? Kerana pegawai parol dapat berganding bahu bersama masyarakat, syarikat-syarikat perusahaan ahli-ahli takmir masjid, persatuan-persatuan dan badan-badan bukan kerajaan berperanan menangani banduan yang menyertai Program Parol agar PODIPI dapat berdikari dan dapat kehidupan yang lebih baik. Yang penting ialah mengembalikan hubungan putus bersama keluarga ketika dalam penjara selepas bebas dari sistem *parol*.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

### **Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal**

**Dalam Negeri:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit yang mengemukakan 2 perkara:

1. Berkaitan dengan Penguatkuasaan Undang-Undang di Jabatan Daerah bagi diberikan Elaun Khas. Pada masa ini belum ada pemikiran untuk memberikan Elaun Khas ini sebagaimana agensi-agensi yang lain, walaupun Yang Berhormat menyatakan bahawa antara tugas mereka ini menghadapi cabaran dan risiko. Kita menghargai akan cadangan, pandangan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit mengenai perkara ini akan setentunya dinilai oleh Jabatan Daerah; dan
2. Mengenai dengan penjara. Kita berterima kasih kepada sokongan yang diberikan oleh anggota masyarakat khususnya agensi-agensi kerajaan, *NGOs* yang telah bekerjasama dengan Jabatan Penjara dalam melaksanakan program-program pemulihan dalam penjara dan program pemulihan selepas banduan-banduan keluar dari penjara yang digelar sebagai Rakan Seliaan.

Baru-baru ini *NGO's* yang menggabungkan diri dalam Rakan Seliaan ini telah pun membuat inisiatif untuk menubuhkan jawatankuasa supaya pergerakan dan aktiviti mereka lebih teratur.

Kita menghargai bahawa syarikat-syarikat dan agensi-agensi berkenaan dengan secara sukarela menawarkan khidmat bakti mereka bagi tujuan ini. Bukan sahaja memberikan kemahiran kepada banduan-banduan tetapi membimbing mereka ini supaya dapat memajukan diri mereka, memberikan keyakinan diri supaya dapat balik ke pangkuan masyarakat dan dapat berfungsi sebagai ahli keluarga yang akan dapat membawa balik kehidupan berkeluarga seperti sebelumnya.

Salah seorang daripada mereka yang terlibat dalam usaha ini ialah Yang Berhormat Awang Haji Sabli @ Hamid bin Haji Arsad. Kita berharap lebih ramai lagi *NGO's* agensi-agensi akan tampil ke hadapan memberikan khidmat bakti mereka dan sehingga ini kita telah nampak kejayaan dari usaha-usaha seperti ini. Umpamanya Jabatan Hal Ehwal Masjid telah pun menerima beberapa orang untuk dikenali sebagai Marbut di masjid-masjid tertentu dan **الْحَمْدُ لِلَّهِ** mereka ini telah dapat bertahan. Sebahagiannya dapat melaksanakan usaha sendiri membuat produk-produk makanan dan ada juga yang melibatkan diri dalam pembuatan peralatan kayu. Jadi, kita mengharapkan mereka ini akan dapat meneruskan kegiatan mereka dan memulakan penghidupan baharu.

Dalam Ucapan Pendahuluan kaola, kaola telah pun menyebutkan

mengenai dengan kemasukan semula banduan-banduan (*recidivist*). Mengikut perangkaan bagi tahun 2016 kita telah dapat mencapai dari kohort berkenaan hanya 9% sahaja yang masuk semula. Jadi kita berharap mereka yang masuk semula ini akan berkurangan pada masa yang akan datang.

Jadi, sekian sahaja yang dapat kaola jelaskan mengenai 2 perkara yang dikemukakan.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian.

**Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin memberi keterangan terhadap Satu Kampung Satu Produk tadi yang diutarakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Omarali bin Esung dan juga Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong kelmarin.

Antara usaha yang telah diambil oleh *Darussalam Enterprise (DARE)* dalam membantu perkembangan inisiatif Satu Kampung Satu Produk yang dikendalikan oleh Majlis Perundingan Kampung dan Mukim (MPK/MPM) ialah mengadakan beberapa siri lawatan ke premis-premis pembuatan produk Satu Kampung Satu Produk serta mengadakan beberapa perbincangan dengan Kementerian Hal

Ehwal Dalam Negeri dan juga Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian bagi meninjau perkembangan 1K1P dan seterusnya mengenal pasti langkah-langkah perbaikan untuk bagi membawa Satu Kampung Satu Produk ke peringkat perkembangan yang seterusnya khususnya meningkatkan potensi eksport.

Hasil daripada perbincangan-perbincangan yang telah diadakan dan setelah meninjau permasalahan yang dihadapi oleh MPK/MPM terutamanya dari segi kapasiti pengeluaran serta kualiti pembuatan produk yang dihasilkan termasuk pembungkusan dan pelabelan (*packaging and labelling*), salah satu langkah perbaikan yang perlu dipertimbangkan ialah mengenal pasti 1 atau 2 produk utama dari setiap daerah yang mempunyai potensi tinggi untuk menembusi pasaran eksport untuk diperkembangkan melalui konsep *aggregation* iaitu proses pembuatan dan pengeluaran produk yang sedia ada disatukan dengan proses pembuatan dan pengeluaran yang lebih terkawal dan teratur bagi memastikan produk yang dihasilkan dapat memenuhi kehendak pasaran, baik pasaran domestik mahupun eksport.

Buat masa ini, beberapa produk Satu Kampung Satu Produk telah pun menyertai inisiatif *Made In Brunei* yang dikendalikan oleh *Darussalam Enterprise (DARe)* bagi mengetengahkan dan mempromosi jualan melalui penempatan produk menggunakan rak-rak *Made In Brunei* di pasaraya-pasaraya utama

di negara ini serta lokasi-lokasi utama termasuk Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dan juga beberapa hotel-hotel terkemuka di negara ini.

Selain itu, salah satu peluang yang perlu diterokai dengan lebih lanjut ialah potensi kerjasama dengan beberapa pihak pengguna seperti pihak perhotelan bagi pembekalan produk-produk mandian seperti sabun, syampu, losyen badan dan sebagainya yang dihasilkan oleh beberapa pengusaha Satu Kampung Satu Produk (1K1P) yang diperbuat berasaskan bahan organik seperti kelapa dara yang sewajarnya diberi peluang dan keutamaan. Walau bagaimanapun, produk-produk tersebut perlulah memenuhi keperluan pihak pengguna dari segi jumlah pembekalan yang mencukupi serta kualiti dan keselamatan produk bagi memastikan keyakinan dan kepercayaan terhadap kemampuan pembekal tempatan memenuhi kehendak pengguna.

Dalam usaha bagi menyokong kesediaan eksport produk tempatan, Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian telah pun menghubungkan Syarikat Berkaitan Kerajaan (*GLC's*) seperti *Ghanim International Corporation Sdn. Bhd.* dengan beberapa pengusaha Satu Kampung Satu Produk (1K1P) untuk mengenal pasti produk-produk yang berpotensi untuk dipertingkatkan tahap kesediaan mereka bagi menjayakan matlamat ini.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Satu Kampung Satu Produk ini pada tahun ini saya tidak ada mendengar mengenai madu kelulut. Setiap tahun ada saja produk yang melibatkan madu kelulut. Saya harap madu kelulut ini masih diusahakan oleh orang-orang kampung.

Tapi walau macam manapun, saya kira dalam hal ini ada baiknya juga kaum wanita, ibu-ibu yang tidak mempunyai pekerjaan di rumah dapat dilibatkan untuk melaksanakan sesuatu yang boleh dipasarkan.

Sekarang di *supermarket* kitani tidak lagi dapat menggunakan beg plastik apa kiranya mereka dapat membuat bakul-bakul dan seumpamanya yang boleh digunakan di dalam negeri dan harus juga dapat dilihat pengalaman orang-orang yang sudah berjaya dalam *marketing* produk-produk mereka untuk menembusi *market* kita di dalam negeri.

Seperti Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad yang telah menembusi *market* di Negara Brunei Darussalam dengan rempah-rempahnya, kari-karinya dan seumpamanya. Perkara seperti ini boleh dilaksanakan dan dilakukan إِنْ شَاءَ اللَّهُ

Jadi, saya bercadang supaya mesyuarat kita ini berhenti dahulu untuk berehat selama 15 minit.

**(Mesyuarat Jawatankuasa berehat sebentar)**

**(Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula)**

**Yang Berhormat Pengerusi:**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Ahli-Ahli Yang Berhormat Mesyuarat Jawatankuasa disambung semula dan kita masih lagi membahaskan dan meneliti Tajuk Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Bersama saya di sini masih lagi ada terdapat senarai mengandungi beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang suka untuk serta dalam membahaskan dan menimbulkan soalan-soalan terhadap Kementerian yang berkenaan ini.

Saya mempersilakan Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis.

**Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Kaola, saya akan membawa Tajuk SE01A - Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri di bawah Kod Akaun 1113 - Kemudahan Awam dan Alam Sekitar.

Berhubung dengan Pasar Malam Tamu Selera. Pada waktu ini keadaannya tidak memuaskan iaitu dari segi kebersihan dan juga terdapat binatang seperti tikus dan anjing berkeliaran di sana. Ke arah itu, adakah pihak kementerian mempunyai perancangan untuk menaik taraf Pasar Malam berkenaan atau menyediakan tempat atau kawasan yang bersesuaian?



Seterusnya dalam Tajuk yang sama, seperti mana dimaklumi dan diperhatikan banyak bangunan tempat tinggal atau flat mahupun kedai di kawasan Bandar Seri Begawan termasuk bangunan panggung wayang yang sudah lebih setengah abad dan ada di antaranya terbiar kosong begitu sahaja dalam keadaan usang.

Persoalannya adakah pihak kementerian mempunyai perancangan atau usaha-usaha bersama-sama dengan tuan-tuan punya bangunan bagi mengindahkan bangunan-bangunan berkenaan?

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis.

Mengenai Pasar Malam Tamu Selera. Usaha untuk meningkatkan bangunan ini telah pun pernah dikeluarkan melalui *request for proposal (RFP)* 2 tahun yang *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* kita akan mengeluarkannya lagi pada dalam masa yang singkat bagi menjemput pihak swasta untuk mengendalikan membina bangunan baharunya dan mengurus pelaksanaan Pasar Malam Tamu Selera.

Mengenai dengan bangunan-bangunan, rumah kediaman flat dan kedai di kawasan Bandar Seri Begawan yang kosong, Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan telah pun menghubungi pemilik-pemilik bangunan ini untuk

meminta mereka memajukan bangunan-bangunan tersebut dan ada antara bangunan-bangunan ini dimiliki oleh bukan seorang pemilik tetapi ramai pemilik.

Jadi mereka terpaksa dulu untuk berunding bersama-sama mereka apa yang akan dapat mereka lakukan dalam menaik taraf bangunan-bangunan berkenaan. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ

Yang Berhormat Pengerusi, koala membawa beberapa Tajuk.

1. Tajuk SE06A - Pejabat Daerah Brunei dan Muara. Anjing Liar masa kini menjadi keresahan kepada masyarakat kita. Ini bermakna anjing liar di merata-rata tempat terutama di projek-projek dan tapak pembinaan seperti perumahan dan lain-lain. Ini kerana mengikut maklumat setiap kontraktor membawa anjing di tapak projek mereka. Anjing-anjing ini membiak dan terbiar berkeliaran. Apabila projek selesai anjing-anjing tersebut ditinggalkan. Sejauh mana peraturan yang ada dapat mengatasi anjing

supaya tidak terbiar? Diharapkan ada langkah-langkah yang bijaksana bagi menangani perkara ini;

2. Tajuk SE10A - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan. Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan suatu ketika dahulu dikenali sebagai pendahulu penggunaan komputer. Sebuah jabatan yang pertama secara keseluruhannya yang menggunakan komputer dengan tugas harian, mahupun di pintu-pintu kemasukan, termasuk pos kawalan. Setiap warganegara sejak dilahirkan sehingga ke akhir hayat masih terdapat dalam sistem komputer, begitu juga warga asing yang bekerja tinggal di Negara Brunei Darussalam. Sejauh ini adakah di jabatan-jabatan lain digalakkan untuk ikut menggunakan data-data tersebut mungkin juga boleh digunakan seperti sistem *Bru-HIMS*, Lesen Memandu JPD bagi mengurangkan perbelanjaan kerajaan?;
3. Tajuk SE05A - Jabatan Buruh. Terdapat syarikat yang mengambil pekerja asing melebihi 200 orang sedangkan pekerja tempatan hanya sekitar di bawah 15 orang. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memberikan kemudahan kepada syarikat orang asing yang berniaga di Negara Brunei Darussalam. Apakah pihak kementerian mempunyai peraturan yang *compulsory* supaya syarikat-syarikat berkenaan

mengambil pekerja orang tempatan bagi mengimbangi jumlah pekerja asing?; dan

4. Tajuk SE01A - Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Bagi mewakili rakan-rakan sejawatan di luar sana, kaola memohon jaminan ekonomi setelah penamatan perkhidmatan Penghulu dan Ketua Kampung. Apakah ada perancangan tanggungjawab kementerian bagi jaminan kemudahan pembayaran hutang-hutang Penghulu dan Ketua Kampung yang mana mereka mempunyai jadual pembayaran hutang mengikut tempoh yang dipersetujui bersama pemiutang yang disesuaikan mengikut tempoh Skim Perkhidmatan 1998 dan kaola akhiri hujah ini dengan kalimat.

وَأَفْوِضْ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ بَصِيرٌ بِالْعِبَادِ

“Dan aku menyerahkan urusanku kepada Allah sesungguhnya Allah Maha Melihat kepada hamba-hambaNya”.

Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari atas beberapa soalan.

1. Anjing liar dan buaya, dua binatang yang selalu kitani bincangkan di dalam Dewan ini. Anjing ini tahun lepas pun timbul juga dan kaola telah pun memberikan penjelasan yang panjang lebar mengenai anjing dari

segi keperluan melalui Akta Anjing, supaya Akta Anjing itu didaftarkan atau tidak silap pada tahun lepas yang lebih banyak mematuhi peraturan ini di Kuala Belait. Mereka mendaftarkan anjing-anjing peliharaan mereka. Ada juga kaola kongsikan Fatwa Mufti Kerajaan dari segi pembunuhan anjing. Jadi, kaola tidaklah akan mengulangi penjelasan tersebut tetapi perkara mengenai anjing liar ini ditangani oleh Jabatan Daerah dari kawasan Daerah dan juga Lembaga Bandaran bersama dengan agensi-agensi yang lain dan kita akan melihat bagaimana cara untuk mengurangkan anjing liar ini khususnya apabila ada kes, jika anjing ini menggugat keselamatan orang ramai dan kanak-kanak.

Jadi mungkin ada kemudahan di sana, *probation* untuk kita dapat ambil tindakan tertentu.

2. Mengenai Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, datanya untuk dikongsikan bersama dengan agensi-agensi lain, perkara ini boleh diselaraskan dengan agensi-agensi yang telah dinyatakan tadi. Tertakluk kepada kegunaan ataupun apakah data-data yang diperlukan oleh agensi-agensi tersebut. Perkongsian data ini telah pun kita bincangkan dalam majlis ini.
3. Mengenai buruh, syarikat yang mengambil 200 orang dan berkurangan orang tempatan, perkara ini perlu kita teliti sama ada pengambilan itu menerusi syarikat itu

sendiri ataupun dari bahagian-bahagian lain.

Sebagaimana yang kaola terangkan semalam bahawa dari segi Lesen Pekerja Asing (LPA), Jabatan Buruh meneliti keperluan sesuatu syarikat bergantung pada jenis perusahaan yang akan dilaksanakannya untuk mendatangkan jumlah pekerja asing dan bersama-sama dengan *Job Center* akan dapat mengawal bilangan pekerja asing yang boleh diluluskan, sebab mesti ada *clearance* dari *Job Center* baru dapat syarikat tersebut diberikan Lesen Pekerja Asing dan yang ke-2, sebagaimana yang saya terangkan bahawa kita juga akan melaksanakan Nisbah Pekerja Asing tempatan dalam mana melalui nisbah itu kita akan dapat menjamin bahawa bilangan orang tempatan dalam satu-satu sektor pekerjaan.

Jadi, jika ada perkara-perkara yang tidak selaras, barangkali ini dapat dibawa ke perhatian pihak Jabatan Buruh.

4. Mengenai perkhidmatan Penghulu dan Ketua Kampung yang mempunyai komitmen hutang, pada masa ini kementerian belum ada mempunyai apa-apa rancangan untuk bagaimana mereka ini dapat melunaskan hutang mereka selepas tempoh perkhidmatan mereka berakhir.

Walau bagaimanapun, selalunya urusan hutang ini adalah dibuat oleh orang yang berhutang, pemiutang

dengan institusi yang meminjamkan wang supaya dapat di *restructured* pinjaman-pinjaman tersebut selaras dengan tempoh perkhidmatan dan apa akan diperolehi oleh peminjam tersebut selepas tamat tempoh perkhidmatan iaitu mengambil kira akan pendapatan yang diperolehinya selepas bersara.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:**

Persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad.

**Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Memohon izin untuk memberikan pandangan dan buah fikiran mengenai dengan 3 sektor yang diutamakan untuk difikirkan dalam mengurangkan pekerja asing dan Nisbah Tempatan Asing (NTA) yang ada 3 iaitu:

1. Sektor Pembinaan;
2. Sektor Pendidikan; dan
3. Sektor Runcit dan Borong.

Ketiga-tiga ini penting dalam pembinaan, dalam sektor yang saya rasakan paling banyak sekarang ini menggunakan kuota orang luar.

Kaola ada terlibat dalam sektor bahagian pembangunan dalam bidang *proper developer*. Pentadbiran kerja dalam binaan, belum banyak kaola rasa dikuasai oleh orang kitani. Telah pun dimulakan oleh pihak-pihak yang

berkenaan kerana bidang binaan perlu banyak kursus *hands on*. Perlu banyak kerjasama dari segi pembinaan membantu untuk penempatan.

Kaola lihat mungkin yang cepat ialah bidang (*F&B*) *Food and Beverages* dalam *profesion* seperti Tukang Masak, Penolong Tukang Masak, Penyelia, Juruwang, Pelayan dan Pembersih termasuk bidang perkhidmatan (*services*).

*IBTE* dan Pusat Pembangunan Belia, agensi lain لِلْحَمْدُ لِلَّهِ telah pun mengadakan kursus dalam bidang *F&B* dengan syarikat yang terlibat menerima penempatan penuntut tersebut. Masa ini terdapatnya banyak kesalhan menggunakan kuota yang digunakan ke jawatan-jawatan dalam pentadbiran dan diprogramkan atau diberikan atau diisikan oleh orang-orang kitani.

Maka peranan *enforcement* perlulah dikuatkan, perlu banyak turun padang. Perlu jua kita sama-sama fikirkan Yang Berhormat Pengerusi ialah perlunya ada tindakan atau *action plan* yang dipanggil Program Kesedaran kerana banyak orang yang "mengalibabakan" mereka, Kita perlu juga ingat, harus mengambil kira pendapatan yang diperolehi mereka perlu untuk menyara hidup mereka dan keluarga mereka. Mungkin perlu ada jawatankuasa (*task force*) untuk menduduki perkara ini.

Misalannya "Ali Baba" yang sedang diperkatakan pada awalnya dan sekarang boleh dijadikan tidak lagi dipanggil Alibaba tetapi dipanggil "Ali-Ali"

diaturkan dan diambil alih orang kitani yang berkebolehan atau keluarganya.

Kaola rasa tidak kurang pentingnya dari rasa tanggungjawab dan dari semua pihak bukan saja diserahkan kepada agensi-agensi berkaitan tapi juga pihak swasta dan orang ramai *as a whole nation approach*. Masalah pengangguran **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** adalah agenda nasional dan perlulah kitani tangani bersama-sama secepatnya yang boleh.

Kaola tidak perlu jawapannya, Yang Berhormat Pengerusi. Sekian, saja yang dapat kaola sampaikan.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Sekian, **وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته**

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad atas pandangan mengenai cara-cara mengurangkan pekerja asing khususnya dalam 3 bidang atau sektor yang dinyatakan iaitu sektor pembinaan, perkhidmatan dan pendidikan.

Pada peringkat ini sebenarnya 3 sektor yang dikenal pasti ini masih lagi diteliti oleh Jabatan Buruh dan Unit Tenaga Manusia di Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian dan akan disosialisasikan dengan syarikat-syarikat. Memang betul kita mengenalkan ratio kita juga mesti menyediakan pembekalan tenaga yang

mempunyai kemahiran dalam bidang-bidang tersebut.

Perkara ini adalah satu perkara yang besar yang memerlukan *whole of nation approach* sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad tadi. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** kita akan meneliti perkara-perkara yang dicadangkan seperti meningkatkan lagi *enforcement* tindakan-tindakan yang perlu diambil kepada program kesedaran orang ramai terutamanya mengenai "Ali Baba".

Salah satu tujuan kita mengenalkan Lesen Pekerja Asing dahulu ialah untuk mengelakkan daripada mereka mengambil pekerja asing hanya untuk tujuan untuk mendapatkan kuota semata-mata bukan tujuan untuk melaksanakan perusahaan yang telah diberikan kepada syarikat yang berkenaan.

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim:**

**بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ** Terima kasih memberi peluang kaola sekali lagi selepas semalam. Kaola ingin menyentuh

mengenai mukadimah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Skim Revitalisasi (*Revitalisation* Kampong Ayer).

Setiap kali kaola ke Bandar Seri Begawan keadaan Kampong Ayer, teringatlah hal-hal lama hidup rukun damai dan pernah menjadi tempat pusat pentadbiran negara dan semasa kaola berkhidmat di Jabatan Daerah masa dahulu mengetahui jumlah penduduk Kampong Ayer adalah seramai 31 ribu lebih tetapi sejak akhir-akhir ini dengan adanya Rancangan Perumahan Negara kebanyakan penduduk telah berpindah ke darat, istimewa golongan muda. Kaola tertarik dengan Rancangan Revitalisasi Kampong Ayer ini ingin mengongsikan beberapa pandangan dan soalan.

1. Bagaimanakah kedudukan kadar jenayah di Kampong Ayer pada masa ini dengan adanya rumah-rumah banyak yang kosong dan ditinggalkan? Adakah pihak-pihak berwajib penguatkuasa undang-undang mempunyai statistik masing-masing dalam soalan itu. Bagaimanakah kawalan dan pemantauan ke atas rumah-rumah yang kosong ditinggalkan oleh penghuninya kerana telah berpindah ke darat mengikut Rancangan Perumahan Negara. Kitani juga mendengar rumah-rumah yang ditinggalkan dan diserahkan kepada ahli-ahli keluarga terdekat dan lain-lain. Kaola rasa bimbang jika rumah-rumah yang ditinggalkan itu tidak dipantau ia kemungkinan dijadikan

tempat bagi kegiatan yang tidak diingini bertentangan dengan undang-undang negara.

Kaola cadangkan supaya Skim Revitalisasi Kampong Ayer ini diberikan Peruntukan Khas supaya dapat menyemarakkan Kampong Ayer lagi dengan perkara-perkara yang produktif khususnya bagi warga emas yang tinggal masa ini, kitani melihat warga remaja muda belia tidak lagi banyak, jadi apakah perancangan warga emas itu supaya mereka itu dapat menjadi lebih produktif khususnya dalam menjalani dan meniti sisa-sisa usia mereka.

Itu saja yang kaola kongsi mudah-mudahan ada satu Peruntukan Khas yang difikirkan menjadikan Kampong Ayer lebih bersemarak sebagai *Venice of the East* yang kitani banggakan.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima Kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim atas pandangan Yang Berhormat mengenai dengan Revitalisasi Kampong Ayer. Dalam mana Yang Berhormat telah mengemukakan pertanyaan mengenai kadar jenayah di Kampong Ayer.

Perkara ini tidak dapat kaola jawab kerana ia bukan bidang tugas kaola dengan agensi lain. Walau bagaimanapun rumah yang kosong

menurut peraturan dari segi Rancangan Perumahan Negara dari segi Rancangan Perumahan Negara mestilah diroboh tetapi sebahagian daripada mereka yang mendapat Skim Rancangan Perumahan Negara telah menurunkan hak milik rumah tersebut kepada anggota keluarga mereka.

Jabatan Daerah memang memantau rumah-rumah yang kosong ini dengan kerjasama daripada Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung yang berkenaan. Memanglah menjadi hasrat kitani di dalam usaha untuk Revitalisasi Kampong Ayer ini untuk menjadi Kampong Ayer ini tempat yang menarik, mempertahankan keunggulannya dan juga menarik kepada pelancong-pelancong.

Yang demikian di dalam rancangan revitalisasi ini bukan saja rumah-rumah kediaman yang akan dibina tetapi kita juga akan mengadakan tempat-tempat yang dapat menarik pelancong umpamanya pusat untuk memberikan kemudahan kepada peniaga-peniaga kecil dan sederhana kerana kitani memahami bahawa terdapat berbagai kemahiran di Kampong Ayer ini sejak sekian lama dan ini akan cuba kita hidupkan bukan saja penghidangan dari segi makanan tetapi juga peralatan-peralatan yang dapat menarik perhatian pelancong-pelancong. Dalam usaha kita untuk revitalisasi iaitu membuat rumah-rumah baharu kita juga perlu mempertahankan rumah-rumah yang sedia ada yang kukuh bagi tujuan pelancongan.

Kerana pelancong-pelancong bukan saja pergi melawat sesuatu tempat itu bagi melihat perkembangan-perkembangan baharu tetapi apa yang sedia ada itulah mereka itu yang ingin dilihat oleh pelancong-pelancong malah mereka itu berdasarkan kepada Inap Desa (*homestay*) Kampong Ayer mereka suka tinggal di kampung yang biasa sedia ada.

Mengenai warga emas, tertakluk kepada kriteria-kriteria mereka jika memenuhi kriteria mereka itu memiliki rumah mereka akan dapat diberikan kemudahan-kemudahan tersebut tertakluk kepada syarat-syaratnya. Bagi kita di Negara Brunei Darussalam ini, dengan ciri-ciri kebudayaan, tatacara hidup Islam berasaskan kepada Melayu Islam Beraja, selalunya warga emas ini akan dipelihara oleh anak-anak mereka. Mereka pada lazimnya tinggal bersama dengan keluarga mereka sendiri dan bukan di tempat yang dihaskan. إِنْ شَاءَ اللهُ kita mengalu-alukan pandangan yang telah diberikan tadi.

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

**Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman:**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Saya memberi cadangan sahaja bagi

soalan mengenai Projek *RKN* Pembangunan Semula Kampong Ayer.

Semalam dalam mukadimah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada menyatakan sebanyak 153 buah rumah yang akan dibina di Kampung Saba. Memang cadangan yang baik untuk merevitalisasikan 'revitalise' serta menaik taraf suasana Kampong Ayer. Saya ingin memberi cadangan dan pandangan untuk menaik taraf suasana Kampong Ayer, memberi imej baharu dan menambah ciri-ciri yang berdaya tahan dalam merevitalisasikan Kampong Ayer.

Saya melihat adanya bekas-bekas rangka rumah-rumah yang tidak dipakai dan tidak terbiar, rangka-rangka ini sekiranya masih mempunyai struktur yang tegap dapat diguna pakai semula untuk membangun atau dibangunkan bagi penyediaan ruang komuniti dengan menambah satu platform konkrit di atas rangka yang sudah ada. Ia dapat digunakan untuk membangun *floating vertical farm* bagi pertanian atau akuakultur bukan sahaja ia akan dapat menjadi satu tarikan bagi pelancong-pelancong yang akan datang ke negara kita tetapi tempat sumber aset bagi menjana sumber pendapatan bagi orang-orang kampung serta memberi peluang pekerjaan bagi orang kampung, sekali gus juga tempat kanak-kanak bermain serta pendedahan awal dari aspek pertanian dari kecil serta aktiviti-aktiviti bagi warga emas untuk bercucuk tanam. Kita belum ada lagi persekitaran hijau atau Rumah Hijau di Kampong Ayer apalagi pertanian. Ia akan dapat menjadi

*floating agricultural / farming* yang pertama dibina di rantau ASEAN.

Saya percaya dengannya kerjasama dan kolaborasi bersama dengan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, usaha ini akan dapat dilaksanakan secara kecil-kecilan dahulu. Kaola berharap sebahagian daripada peruntukan ini dapat dipertimbangkan dan diungkuhkan.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Kita mengucapkan terima kasih dan mengalu-alukan menghargai akan pandangan dan cadangan yang dikemukakan khususnya dalam menggunakan kembali rangka-rangka rumah yang sekiranya dari segi fizikal strukturnya ada masih lagi kukuh, dari segi keselamatan untuk dijadikan kepada *floating farming* ini.

إِنْ شَاءَ اللهُ kita akan menilai, meneliti dan membincangkan cadangan ini dengan agensi-agensi lain sebagai salah satu lagi daya tarikan di samping memberikan sumber pekerjaan kepada orang-orang tertentu.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.



**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Nampaknya Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah pun menyuarakan soalan-soalan dan tidak ada lagi di antara mereka yang suka untuk turut serta dalam Tajuk ini.

Maka saya berpendapat bahawa kenyataan-kenyataan dan jawapan-jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri cukup jelas dan mencapai sasaran-sasaran terhadap soalan-soalan yang telah ditimbulkan itu.

Sekarang saya kira ada baiknya Tajuk ini kita undi Ahli-Ahli yang bersetuju sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)**

Terima kasih, nampaknya semua Ahli bersetuju maka Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya diluluskan.

**Yang Mulia Timbalan Jurutulis:** Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi Tajuk SE01A hingga Tajuk SE12A, jadikan sebahagian daripada Jadual.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Pendidikan berada di luar negeri atas urusan rasmi dan tidak dapat hadir bagi kita meneliti belanjawan kementeriannya maka Mesyuarat Jawatankuasa ini seterusnya beralih kepada Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

**Yang Mulia Timbalan Jurutulis:** Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bagi Tajuk SH01A hingga Tajuk SH06A.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebagaimana biasa sebelum Tajuk ini dibukakan untuk dibahaskan, maka saya ingin memberi peluang kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk memberikan mukadimahnya tentang hala tuju penyediaan Belanjawan Kementeriannya ini. Silakan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

**Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat Pengerusi. Ahli-Ahli Yang Berhormat عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi, lebih dahulu kaola mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas atas kebijaksanaan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II yang telah membentangkan Belanjawan Tahun 2019/2020 dengan penuh saksama walaupun berdepan dengan keadaan ekonomi dan harga pasaran minyak dan gas dunia yang sangat mencabar.

Bagi pihak Kementerian Sumber-sumber Utama dan Pelancongan, kaola

menyokong sepenuhnya cadangan Belanjawan Tahun Kewangan 2019/2020 yang telah dibentangkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ kaola mengambil maklum berkenaan Anggaran Hasil Tahunan 2019/2020 iaitu sebanyak \$4.361 bilion dan menyokong Anggaran Perbelanjaan Tahunan sebanyak \$5.86 bilion, Perbelanjaan Kemajuan sebanyak \$800 juta dan Perbelanjaan Yang Diakui sebanyak \$1.06 bilion.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ kaola menyambut baik peruntukan yang disediakan kepada Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan yang keseluruhannya berjumlah \$93,810,000.00 iaitu termasuk peruntukan bagi Perbelanjaan Kemajuan Tahunan dan kaola ambil maklum berkenaan dengan unjuran defisit belanjawan dan berkaitan dengan defisit ini اِنْ شَاءَ اللّٰهُ kaola akan memikirkan bagaimana cara membantu kerajaan dalam meningkatkan hasil dan mengurangkan perbelanjaan terutama bagi perkara-perkara yang kurang berkeperluan.

Selaras dengan misi Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan iaitu "Meningkatkan pertumbuhan keluaran sektor pertanian dan perikanan dan meningkatkan kedatangan pelancong ke Negara Brunei Darussalam" serta mendukung tema Belanjawan 2019/2020, maka sukacita kaola menyampaikan secara ringkas perkembangan akitiviti-aktiviti di bawah jajaan Kementerian Sumber-Sumber

Utama dan Pelancongan. Keluaran sektor pertanian negara ini telah menunjukkan peningkatan iaitu daripada \$365,000,000.00 pada tahun 2015 kepada \$436,000,000.00 pada tahun 2018.

Dari sudut keupayaan untuk menyara diri, negara ini hampir mencapai tahap 100% sara diri dalam bekalan ayam pedaging dan telur ayam. Sekitar 47% bagi bekalan sayur-sayuran. Sekitar 37% sara diri bagi buah-buahan. 30% sara diri bagi bekalan daging akan tetapi masih banyak bergantung pada import bagi bekalan beras.

Keluaran sektor perikanan menurun dari \$110 juta pada tahun 2015 kepada \$109 juta pada tahun 2018. Penurunan ini disebabkan oleh kejadian wabak penyakit. Pada tahun 2018 yang memaksa pengusaha-pengusaha penternak udang merehatkan operasi pelan ternakan mereka selama 1 *cycle*.

Bagi sektor pelancongan jumlah ketibaan pelancong melalui udara ke Negara Brunei Darussalam meningkat daripada 218,213 pada tahun 2015 kepada 278,136 pada tahun 2018.

Yang Berhormat Pengerusi. Menyentuh mengenai beberapa peruntukan bagi projek-projek di bawah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, kaola sangat-sangat berterima kasih kepada Kementerian Kewangan dan Ekonomi atas kebenaran bagi kementerian kaola untuk menggunakan Perbelanjaan Berulang - Ulang Perkhidmatan Rampaian Projek

Fokus yang disediakan dalam Tahun Kewangan 2018/2019 dan 2019/2020 untuk membiayai projek-projek berikut iaitu:

1. Sejumlah \$900 ribu bagi membiayai projek penghasilan air dari bawah tanah di beberapa kawasan pertanian di seluruh negara;
2. Sejumlah \$1 juta bagi membiayai projek melabuh lawa-lawa iaitu bagi membantu nelayan - nelayan menangkap ikan tuna di laut dalam di Zon 3 dan Zon 4;
3. Melalui perbelanjaan RKN-11 pula, kaola bersyukur kerana disediakan sebanyak \$7.5 juta bagi mendalamkan Empangan Emang yang merupakan pembekal sumber air utama bagi kawasan pertanian di Daerah Brunei dan Muara;
4. Sekitar \$13.4 juta disediakan bagi perkembangan sektor perikanan terutama sektor akukultur; dan
5. Sebanyak \$5.7 juta bagi peningkatan keluaran sayur-sayuran menggunakan teknologi moden.

Yang Berhormat Pengerusi. Antara inisiatif atau pendekatan baharu yang dilaksanakan bagi menggalakkan orang ramai menceburi bidang pertanian dan bagi peladang-peladang yang sedia ada, menambah keluaran masing-masing adalah seperti berikut:

1. Pengenalan projek rintis, pengenalan projek perdagangan berkontrak dan

juga penggalakkan projek perusahaan-perusahaan.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kebenaran tapak projek rintis telah diperkenalkan yang bertujuan mengenalkan kepada pengusaha atau peladang termasuk para belia yang berminat untuk menerokai bidang pertanian secara percubaan.

Mereka akan ditawarkan tapak dengan keluasan yang bersesuaian dengan perusahaan yang akan diusahakan dalam tempoh 2 tahun percubaan. Namun jika pengusaha berkenaan menunjukkan prestasi yang sangat baik keluasan tapak boleh ditambah. Sementara tempoh penyewaan boleh dilanjutkan ke satu tempoh yang berpatutan.

Setakat ini sebanyak 46 pengusaha termasuk 16 orang belia telah pun ditawarkan tapak-tapak di bawah Skim Projek Rintis ini yang secara keseluruhannya melibatkan lebih 295 hektar tanah pertanian;

2. Selanjutnya program secara perdagangan berkontrak yang diperkenalkan untuk memastikan peladang-peladang akan dapat menjual hasil ladang mereka melalui kontrak jangka panjang dengan

pasar-pasar raya dan pemborong-pemborong dalam negara, malah dengan mengeksport ke luar negara.

Sejak program ini diperkenalkan seramai 11 pengusaha dari industri dalaman telah membuat *contract farming* di peringkat permulaan dengan pasar-pasar raya tempatan untuk memasarkan hasil pengeluaran mereka.;

3. Selanjutnya penggalakkan pembesaran perusahaan diperkenalkan yang berbentuk penawaran tambahan tapak kepada peladang-peladang yang berjaya mengusahakan sepenuhnya tapak-tapak yang telah ditawarkan kepada mereka iaitu bagi meningkatkan lagi hasil keluaran masing-masing dan bagi menyumbang pada pertumbuhan KDNK sektor pertanian.

Yang Berhormat Pengerusi. Seperti mana jua sedia dimaklumi satu lagi inisiatif yang sedang dilaksanakan yang telah mendapat titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah projek pembukaan kawasan baharu bagi penanaman padi secara komersial berkeluasan 500 hektar di kawasan Kandul Daerah Belait.

Kaola sangat-sangat menjunjung kasih setinggi-tingginya di atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam itu.

Sebahagian kos bagi melaksanakan projek ini iaitu sekitar \$20 juta akan dibiayai oleh pihak pelabur, termasuk syarikat milik kerajaan. Manakala selebihnya sekitar \$55 juta akan dibiayai oleh pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang akan dipohonkan kepada pihak Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Yang Berhormat Pengerusi. Disebabkan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II ketika membentangkan cadangan Belanjawan Tahun Kewangan 2019/2020 pada hari Sabtu, 9 Mac 2019 telah membentangkan dengan berpanjang lebar berkenaan perkembangan *FDIs* dan eksport dan juga melibatkan sektor pertanian dan perikanan maka kaola rasa tidaklah perlu bagi kaola membuat kenyataan bagi perkara ini lagi.

Yang Berhormat Pengerusi. Bagi sektor pelancongan inisiatif ke arah membangun dan mempromosi produk-produk pelancongan akan terus digiatkan dengan kerjasama kementerian-kementerian yang berkenaan dan *stakeholder* lain seperti syarikat-syarikat penerbangan, syarikat - syarikat pengembaraan dan syarikat-syarikat penginapan dalam negara.

Di Daerah Temburong jambatan penghubung daerah berkenaan dengan Daerah Brunei Muara dijangka siap pada hujung tahun ini. Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan ini juga mempunyai persediaan bagi menyambut pertambahan pelancong yang dijangka mengunjungi daerah berkenaan. Persediaan ialah dalam bentuk mempelbagaikan produk pelancongan Temburong supaya tidak hanya tertumpu kepada Taman Ulu Temburong. Dengan membangun Kawasan Batang Duri dan Sungai Labu diharap akan menambah kemudahan tempat penginapan dan kemudahan aktiviti-aktiviti yang berkaitan hutan hijau seperti *jungle trekking* di daerah berkenaan.

Selain itu, pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan juga bekerjasama dengan ejen-ejen pelancongan dan penduduk-penduduk kampung untuk mempromosi produk kampung-kampung berkenaan. Ini termasuklah kemudahan Inap Desa di Kampung Belais dan Buda-Buda, juga menawarkan aktiviti-aktiviti memancing ikan di tebing sungai berkenaan.

Menyentuh berkenaan dengan pekerjaan **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** ketika ini sektor pertanian dan argimakanan menyediakan sebanyak 8,293 pekerjaan, 43% daripadanya adalah anak-anak tempatan.

Sektor perikanan menyediakan sebanyak 3,234 pekerjaan dengan 66% daripadanya adalah anak-anak tempatan.

Sektor perhutanan sebanyak 765 pekerjaan dengan 22% daripadanya adalah anak-anak tempatan.

Sektor pelancongan menyediakan sebanyak 3,037 pekerjaan iaitu 71% daripadanya adalah terdiri daripada anak-anak tempatan.

Sekianlah saja yang dapat kaola sampaikan sebagai mukadimah dan sebagai maklumat asas berkenaan prestasi, peruntukan dan anjuran aktiviti-aktiviti yang dikendalikan oleh kementerian ini iaitu sebagai panduan sebelum kita membahaskan peruntukan yang disediakan kepada Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Setinggi-tinggi terima kasih kaola ucapkan kepada Yang Berhormat Pengerusi atas peluang yang diberikan kepada kaola untuk menyampaikan mukadimah kaola pada pagi ini.

Sekian, **وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Huraian mukadimah belanjawan dan perancangan bagi Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan cukup jelas yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Saya kira sekiranya Ahli-Ahli Yang Berhormat yang suka untuk menyoal ataupun untuk menyuarakan cadangan ada baiknya kalau kita berbuat sedemikian secara spesifik.

Sekiranya, kita terus membuat andaian-andaian yang mungkin kurang tepat, maka perkara yang begini mustahak yang harus kita fikirkan bersama akan hilang begitu sahaja dan orang ramai tidak akan mengetahui apa yang sudah dibuat dan dilaksanakan bagi kepentingan mereka.

Saya minta kalau sekiranya Ahli-Ahli Yang Berhormat yang sudah dibawa melawat, yang sudah dibawa berunding akan dapat menimbulkan perkara-perkara spesifik yang boleh diberigakan kepada orang ramai bahawa di sinilah terdapatnya peluang-peluang pekerjaan, di sinilah terdapatnya peluang-peluang bagi mereka untuk mencari nafkah dan pendapatan. Inilah saya kira perkara-perkara khusus yang saya fikir perlu menimbulkan efek yang sangat positif kepada kita semua.

Saya mempunyai senarai yang agak panjang bagi Tajuk ini dan saya persilakan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

**Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terus sahaja kepada soalan saya iaitu merujuk kepada 2 jabatan.

1. SH04A - Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Kod Akaun 004/000. **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ** kita sudah sampai 47% sara diri untuk sayur-sayuran seperti yang dikongsikan oleh Yang Berhormat

Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Soalan saya. Apakah yang dibuat oleh kementerian untuk mengawal kemasukan import sayur-sayuran untuk jenis-jenis sayuran tempatan yang sudah boleh mencukupi permintaan?;

2. Tajuk SH06A - Jabatan Kemajuan Pelancongan. **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ** saya ingin memberi sokongan kepada Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bahawa pada tahun lepas Perbelanjaan Operasi dibandingkan pada tahun ini hampir 20 kali ganda dari \$33,000.00 kepada \$646,310.00. Ini belum lagi Perbelanjaan Kemajuan yang diberikan iaitu \$668,100.00.

Soalan saya, kenaikan ini adalah substantif pada tahun ini, apakah sahaja kegunaan peruntukan ini untuk memastikan ia digunakan secara efektif?

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad kerana mengajukan soalan tadi.

1. Mengenai import bagi tanaman-tanaman yang boleh didapati di negara ini. Sebenarnya, inisiatif baharu yang sedang dalam peringkat kajian akhir ialah mengenai *extension of contract farming*. Pihak

kementerian sedang berunding dengan para ejen pengimport dan juga pasar-pasar raya dan pemborong-pemborong dan juga diselajarkan dengan beberapa restoran besar dan hotel besar untuk berunding ataupun memujuk mereka untuk menukar cara berfikir bahawa barang-barang yang boleh ditanam di negara kita, tidaklah perlu diimport secara berterusan.

Ertinya pihak Jabatan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan akan mengaturkan supaya mereka berunding dengan peladang-peladang negara untuk mendapatkan bahan-bahan seperti sayur-sayuran dan buah-buahan tempatan dan mengadakan kontrak jangka panjang dengan mereka supaya mereka dapat berunding apakah jenis sayur yang akan mereka kehendaki dalam tempoh 2 bulan, 3 bulan ataupun akan datang. Peladang demikian akan menyediakannya seperti yang dikehendaki mengikut harga dan mengikut jumlah yang dikehendaki.

Jadi, Perkara ini masih dalam peringkat penyelidikan akhir dan peringkat perundingan akhir dengan pihak-pihak yang tertentu. Sebetulnya, kita tidak boleh meng*control* import malah kita akan memujuk pengimport untuk *supermarket* untuk membeli tanaman, sayur-sayuran termasuk buah-buahan di negara ini dengan berunding dengan peladang-peladang berkenaan;

2. Mengenai peningkatan beberapa peruntukan bagi pelancongan. Sebenarnya pelancongan tahun yang sebelum ini mempunyai peruntukan yang agak terhad dan **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** kita bersyukur dan berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II kerana memberikan tambahan peruntukan bagi Jabatan Pelancongan pada tahun ini.

Apakah yang digunakan untuk tambahan peruntukan ini? *Basically* pada amnya adalah untuk meningkatkan lagi produk-produk pelancongan dalam negara ini, sama ada produk baharu ataupun meningkatkan produk yang sedia ada ini dari berbagai-bagai sudut seperti kualiti, sudut keselamatan, akses dan juga yang penting dari segi pemasaran.

Walaupun kalau dilihat pada tahun-tahun sebelum ini, tahun yang lalu peruntukan bagi promosi adalah tinggi berbanding apa yang kita dapati 2 tahun atau setahun yang lalu. **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** dengan adanya peruntukan yang bertambah sedikit ini akan digunakan secara bijak, bukannya dengan banyak keluar negara sebagai mempromosi tetapi akan menggunakan *digital marketing* dan akan juga bekerjasama dengan ejen-ejen pelancongan lain seperti *travel agents*, hotel dan syarikat penerbangan dalam memastikan kita mempromosi pelancongan Brunei secara efektif dan tidak *duplicate*

dengan siapa-siapa malah bekerjasama dengan *stakeholders* ini melalui *Brunei Tourism Board*.

Sekian sahaja jawapan kaola Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

**Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Ada 4 perkara yang akan dibawakan.

1. Hari Peladang. Pihak yang berkenaan telah memudahkan urusan memulakan pertanian untuk menggalakkan para peladang tempatan bagi mematuhi *standard* pertanian di Brunei untuk menghasilkan produk yang bermutu tinggi.

Saya menyarankan agar diadakan Hari Peladang setiap tahun. Hari Peladang pernah diadakan dahulu di negara ini, sejak tahun 70-an Hari Peladang tersebut telah ditiadakan sehingga ke hari ini. Saya juga menyarankan agar pertandingan produk agro dianjurkan dalam peringkat daerah atau negara. Pertandingan produk yang sihat akan menggalakkan lebih ramai petani untuk mengambil inisiatif agar meningkatkan kualiti dan penghasilan mereka terutamanya dalam hasil pertanian seperti buah-buahan tempatan dan sayur-sayuran yang boleh dihasilkan di Brunei. Ia

juga dihasratkan untuk menarik pelancong dari luar negara.

2. Kaola mencadangkan supaya pihak-pihak yang berkenaan perlu memikirkan cara-cara untuk meningkatkan hayat dan produktiviti perikanan di negara ini. Ini termasuklah teknologi, kemahiran, perubatan seperti antibiotik yang boleh mencegah jangkitan kepada ikan-ikan tertentu.

Selain itu, kita juga perlu mengkaji lagi pengeluaran perikanan bukan makanan seperti rumpai laut, tumbuhan akuatik yang boleh menyumbang kepada pendapatan negara sekiranya dijalankan dengan teliti. Kaola mencadangkan supaya perikanan laut dalam akan dapat diperkembangkan dan diterokai lagi dari semasa ke semasa.

Selain itu, pihak yang berkenaan juga perlu menilai jenis-jenis peralatan yang digunakan untuk menangkap ikan.

Di samping itu, kajian juga perlu dijalankan secara lebih meluas bagi melihat kepada faktor-faktor yang boleh menambah dan menjejaskan hasil tangkapan dalam usaha meningkatkan hasil sektor perikanan di negara ini contohnya jenis-jenis hama dan penyakit kepada ikan.

3. Pelancongan. Kaola bercadang agar industri sederhana milik individu akan dapat menambah nilai kepada industri pelancongan dan sekali gus



memberikan peluang ekonomi kepada masyarakat setempat. Banyak tempat pelancongan belum diterokai yang boleh dimajukan lagi.

Di samping itu, terdapat banyak tempat *hiking, jungle tracking* yang terbiar tidak digunakan pada tahap maksimal oleh orang awam disebabkan tidak ada pengetahuan mengenainya.

Selain itu ada beberapa tempat *hiking* yang tidak disediakan tandas awam yang dengan demikian ia boleh membantutkan lagi keinginan orang ramai untuk berkunjung ke tempat-tempat berkenaan.

Kaola berharap supaya pihak yang berkenaan akan dapat memikirkan hal sebegini supaya lebih ramai lagi pelawat terutama sekali pelancong dari luar negara.

4. **Penternakan.** Untuk menambah hasil pendapatan negara selain daripada bidang pertanian, kita juga perlu mengkaji bidang penternakan. Ini termasuk lembu, kambing, selain ayam dan ikan. Aktiviti penternakan lembu misalnya masih dilihat dalam skala yang sangat kecil di negara ini.

Kaola berharap pihak-pihak tertentu akan dapat memikirkan kaedah inovasi bagi pembiakan binatang-binatang ini termasuklah lembu hibrid, yang boleh ditenak di negara ini dan memberikan peluang latihan, kursus dan praktikal kepada anak tempatan agar dapat membukakan

peluang pekerjaan dan seterusnya menjadi pengusaha.

Ini merupakan peluang yang perlu direbut oleh rakyat kerana sekiranya dilaksanakan dengan teliti, hasilnya amat lumayan sekali. Dengan itu juga, diharapkan agar kebergantungan negara terhadap pengimportan daging dari luar negara juga akan berkurang.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

#### **Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin kerana mengajukan banyak soalan tadi, iaitu:

1. Mengenai Hari Peladang. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** cadangan sebegini akan ditimbang. Yang penting banyakkannya dulu peladang dan hasil mereka supaya ada yang akan ditunjukkan pada Hari Peladang berkenaan bukan secara tradisi tetapi cara yang lebih moden dan menguntungkan kepada negara. Jadi, kalau kita lihat pertanian cuma sekitar 0.5% KDNK sahaja. Kementerian berniat untuk meningkatkan sumbangan sektor pertanian ini kepada sekurang-kurangnya 2% kepada KDNK.

Jadi, dengan sendirinya lebih banyak peluang ataupun potensi kita untuk meningkatkan pengeluaran kita dalam bidang pertanian untuk menjana pendapatan KDNK dan

peluang pekerjaan. Ini adalah sebagai prioriti kita sebelum kita mengadakan Hari Peladang untuk menunjukkan apa yang kita keluarkan.

إِنْ شَاءَ اللهُ perkara ini akan difikirkan, seperti yang kita ketahui sebagai anjuran Hari Peladang atau Pertandingan Agro diadakan itu, menggunakan perbelanjaan dan selalunya kita mempunyai masalah apabila mengadakan pertunjukan ataupun pameran sebegini. Peladang-peladang tidak bersedia untuk membayar petak-petak yang disediakan kepada mereka untuk mereka mempamerkan barangan-barangan mereka itu.

Sebab itulah peladang itu mesti diperkayakan dengan mengeluarkan produk-produk mereka yang lebih berkualiti tinggi dan dapat menjual hasil mereka, supaya hasil mereka tinggi dan akan dapat diketengahkan dengan mengadakan sama ada Hari Peladang ataupun pertunjukan-pertunjukan keluaran mereka bukan sahaja dalam negara malah luar negara.

2. Selanjutnya mengenai cara-cara meningkatkan hayat dan produktiviti perikanan. Seperti yang pernah diterangkan pada tahun-tahun yang lalu, memang cara kita untuk menambahkan atau meningkatkan keluaran sektor pertanian dan perikanan adalah dengan menggunakan kaedah peningkatan produktiviti iaitu dengan

membandingkan produktiviti kita di negara ini dengan negara-negara lain iaitu negara-negara yang boleh dibandingkan dengan kita.

Oleh itu, kebanyakannya negara yang mempunyai produktiviti tinggi dalam pengeluaran sama ada pertanian ataupun perikanan menggunakan teknologi moden atau cara-cara moden.

Kalau cara tradisi kita menggunakan perahu-perahu untuk ke laut menangkap ikan tetapi secara moden menggunakan teknik akuakultur iaitu sama ada menggunakan sangkar-sangkar, kolam-kolam ataupun tangki-tangki malah menggunakan tangki-tangki yang bertingkat-tingkat.

Memang perkara sebegini akan memakan kapital kos yang tinggi akan tetapi hasilnya adalah lebih terjamin dan lebih selamat apabila musim hujan, tengkujuh, aktiviti tidak terhad dan tidak akan terhenti disebabkan keadaan ombak besar atau selainnya.

Berkenaan dengan tumbuhan rumpai laut atau ikan bukan untuk makanan. Seperti yang dimaklumi kita pun sudah melalui pelaburan asing, dapat faedah daripada kemasukan produk asing dalam usaha mengembangkan perusahaan pengeluaran *algae* dan juga pada masa akan datang mengeluarkan ikan seperti ikan haruan bukan untuk dimakan tetapi sebagai perhiasan

(*ornamental fish*) yang mempunyai pasaran lumayan di seluruh dunia;

Berkenaan dengan penerokaan penangkapan ikan laut dalam. Perkara ini memang berkembang dengan pesatnya juga seperti mana yang disaksikan sendiri oleh Yang Berhormat ketika mengadakan lawatan di kawasan perikanan di Serasa baru-baru ini. Beberapa buah kapal-kapal besar telah pun datang ke Brunei sama ada melalui *joint venture* dengan pelabur-pelabur dalam negara atupun melalui pelabur asing. Kapal-kapal ini berupaya untuk beroperasi di laut dalam sehingga berminggu-minggu dan selalunya mempunyai beberapa buah kapal-kapal pengiring untuk mereka menangkap ikan dengan secara luas dan boleh memproses ikan yang mereka tangkap di laut sebelum mereka pulang ke darat.

Jadinya, perkembangan ini adalah perkembangan yang mengejutkan kita bukan dalam perancangan, akan tetapi kejutan yang positif.

Jenis-jenis peralatan perikanan. Memang perkara ini dalam kawalan Jabatan Perikanan supaya jenis-jenis peralatan yang digunakan lebih sesuai dan tidak terlampau *destructive* ataupun boleh menghapuskan stok-stok ikan kitani. Sebab itulah garis panduan dalam perkara ini sudahpun dikeluarkan, kebanyakan para nelayan sudah mengetahuinya.

3. Berpindah kepada tajuk Pelancongan. *Trekking* harus disediakan dengan kemudahan awam. Akan diambil maklum. Memang *jungle trekking* adalah aktiviti yang popular dalam kalangan orang tempatan juga pelancong-pelancong di negara ini, bukan sahaja di Daerah Temburong malah juga di Daerah Brunei Muara dan di Daerah Belait seperti di kawasan Labi dan Bukit Teraja.

Jabatan Kemajuan Pelancongan mempunyai strategi yang sesuai untuk dilanjutkan untuk memastikan supaya tidak terlampau banyak *trekking* yang dibuat kerana susah untuk *maintain*nya. Kita boleh menyediakan kemudahan tandas di hutan-hutan akan tetapi yang masalahnya nanti masalah *maintenance*, jadi kalau tidak di *maintenance* akan jadi masalah lagi.

Jadi, yang sesuainya kita mencuba untuk memfokus beberapa *trekking areas* yang terbaik dan perlu di *maintain*, selamat untuk dikunjungi dan mudah diakses. Sebab itulah kita nya orang cuba untuk lebih berhati-hati untuk membuka. Walau bagaimanapun, banyak kawasan *trekking* dibuat oleh pihak persendirian yang di luar kawalan kita, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* akan dirundingkan dengan pihak-pihak yang berkenaan untuk memastikan ia selamat untuk dikunjungi oleh orang ramai.

4. Berpindah kepada tajuk ternakan. Untuk memajukan ternakan lembu, kambing dan lain-lain. Untuk makluman kita sedang berunding dengan pelabur dari pihak *GLC (Government Link Company)* untuk menimbangkan permohonan mereka untuk mendapatkan satu kawasan yang besar di Kampung Batang Mitus untuk meningkatkan keluaran lembu secara *feedlot*.

Dengan adanya perkembangan ini nanti diharap sara diri kita dalam bidang pengeluaran daging segar akan meningkat kepada 100%. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*, perkara ini masih dalam perundingan dan diharap akan diselesaikan dalam tempoh terdekat ini.

Sekianlah jawapan kaola Yang Berhormat. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya kira cukuplah dahulu kita membincangkan dan membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan ini.

Saya tangguhkan mesyuarat peringkat Jawatankuasa ini untuk kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya ingin menangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini untuk kita berehat. Kita akan menyambung semula mesyuarat kita pada sebelah petang nanti sebagaimana lazimnya pukul 2.30 petang.

Sekian, *وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته*

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

## **Majlis Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang**

### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Ahli-Ahli Yang Berhormat saya memohon maaf kerana saya telah membuat kenyataan yang salah yang satu kejutan barangkali bahawa mesyuarat akan kita sambung pada pukul 2.30 petang. Walau macam manapun saya gembira kerana Ahli-Ahli semuanya ada di Dewan dan kita dapat menyambung mesyuarat yang telah kita tangguhkan tadi.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kita masih lagi membahaskan dan meneliti Rang Undang-Undang (2019) Perbekalan, 2019/2020 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Maka, bagi membolehkan kita meneliti Tajuk-Tajuk yang terdapat dalam Rang Undang-Undang ini, saya ingin menangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara untuk membolehkan kita bersidang semula di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

### **(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

### **(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)**

### **Yang Berhormat Pengerusi:**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat Mesyuarat Jawatankuasa kita sambung semula. Pada mesyuarat yang telah kita adakan pada sebelah pagi tadi, kita telah mula membincangkan dan

membahaskan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Walaupun bagaimanapun, sebelum kita menyambung perbincangan dengan kementerian berkenaan itu, saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ingin menyampaikan kenyataan lanjut berhubung dengan soalan-soalan yang belum sempat dijawabnya daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berkaitan dengan kementeriannya.

Dengan itu, saya persilakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, silakan Yang Berhormat.

### **Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi kerana memberi laluan kepada kaola untuk menjelaskan soalan yang masih belum berjawab.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ kaola ingin menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad mengenai jumlah penghuni penjara warga emas dan apakah program yang disediakan untuk mereka yang bersesuaian dengan kemampuan mereka dari segi mental, fizikal dan *spiritua*?

Untuk makluman bersama, sehingga 13 Mac 2019 seramai 21 orang penghuni penjara warga emas dari keseluruhan jumlah penghuni penjara iaitu 12 orang di Penjara Maraburong Fasa 1, 5 orang di Penjara Maraburong Fasa 3 iaitu lelaki dan 4 orang di penjara wanita.

Mengenai program-program yang dijalankan di institusi-institusi penjara, mereka ini mengikuti program pemulihan fizikal termasuk bersukan dan bersenam mengikut jadual harian. Pemulihan kerohanian atau *spiritual* yang merangkumi kegiatan keagamaan seperti pendidikan agama Islam termasuk menghafaz Al-Quran, sembahyang fardu 5 waktu dan pada bulan Ramadhan akan mengikuti Sembahyang Tarawih dan bertadarus.

Terdapat juga program pemulihan psikologi bagi bimbingan dan motivasi penghuni berkenaan iaitu kaunseling individu dan kaunseling kelompok. Walau bagaimanapun, bagi penghuni warga emas yang mengalami masalah kesihatan, penyertaan mereka dalam mana-mana program pemulihan yang telah digariskan terutama dalam mengikuti program-program vokasional adalah tertakluk kepada tahap kesihatan hasil pemeriksaan dan pengesahan daripada pegawai kesihatan.

Penjagaan penghuni warga emas juga diutamakan dari segi perubatan dan pemakanan dengan mengambil kira jua akan *limitation* dan keadaan mereka. Pada misalannya, pihak institusi penjara ada menyediakan peruntukan makanan mudah dikunyah (*soft diet*) khusus bagi banduan warga emas dan dalam masa yang sama pemeriksaan kesihatan ke atas mereka kerap dijalankan oleh pegawai perubatan secara berjadual bagi memastikan keadaan fizikal dan mental mereka sentiasa terjaga sepanjang menjalani tempoh hukuman di institusi-institusi penjara.

Sekarang, kaola beralih kepada soalan oleh Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong mengenai tanah susur yang melibatkan rumah kediaman dua orang adik beradik OKU sejak kejadian berlaku pada bulan Januari 2018. Sebagaimana jua telah pun dimaklumkan oleh Yang Berhormat semalam bahawa perkara ini melibatkan beberapa agensi.

Oleh yang demikian, kaola memohon izin Yang Berhormat Pengerusi supaya kaola akan dapat memberikan penjelasan ini terus kepada Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong kerana ia mungkin akan memakan masa penjelasan yang panjang, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:**

Begitulah penjelasan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, dan sekarang kita menyambung semula untuk meneliti dan membincangkan Tajuk Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta jabatan-jabatan di bawahnya.

Bersama dengan saya ada terdapat senarai yang mengandungi ramai Ahli Yang Berhormat yang suka untuk menyertai perbincangan ini dan saya persilakan dahulu, Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

**Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
 Kaola ingin mengajukan soalan mengenai *Brunei December Festival*. Sebanyak 60 acara telah disusun sepanjang bulan Disember pada tahun 2018 yang lalu, maka tahniah diucapkan kepada yang berkenaan.

Kaola ingin bertanya:

1. Sejauh manakah festival ini dapat menyumbang kepada peningkatan kedatangan pelancong ke Negara Brunei Darussalam?;
2. Apakah ada statistik peningkatan kedatangan pelancong berbanding bulan-bulan yang lain?;
3. Adakah sebarang Peruntukan Khas di bawah Tajuk SH06A – Jabatan Kemajuan Pelancongan yang dikhususkan bagi Program *Brunei December Festival*?; dan
4. Apakah juga ada Peruntukan Khas diberikan kepada agensi-agensi yang ikut serta dalam festival ini?

Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

#### **Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:**

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

*Brunei December Festival* yang telah diadakan pada bulan Disember lalu adalah siri yang kedua. Siri yang pertama telah diadakan pada penghujung tahun 2017 dan kali

keduanya pada tahun 2018. Sejauh mana ianya berjaya?

Seperti yang kita maklumi, ia adalah acara baharu ataupun *event* baharu yang dianjurkan oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan dan juga *Brunei Tourism Board*.

Asalnya, memang sebagai percubaan dan ia sebagai contoh aktiviti yang berunsurkan *PPP* berjalan dengan baik tanpa memerlukan sebarang perbelanjaan daripada pihak kerajaan. Ertinya, Jabatan Kemajuan Pelancongan atau *Brunei Tourism Board* adalah sebagai platform sahaja. Jadi, kita menyediakan platform bagi orang ramai menyertai pesta ini untuk menganjurkan berbagai-bagai acara sebagai *event managers* ataupun penganjur acara. Mereka sendiri akan mencari peserta-peserta yang akan menyertai acara berkenaan dan membayar kepada mereka dan selanjutnya akan mendapat keuntungan daripadanya. Manakala penganjur-penganjur acara yang menyertai itu akan mendapat *customers* secara berterusan dari saat itu.

Jadi, nampaknya ia merupakan satu kejayaan yang di luar dugaan. Pada bulan Disember tahun 2017, seramai 40 penganjur-penganjur yang menyertai *event* berkenaan dan dalam tahun 2018, meningkat kepada 60 *events* yang diaturkan. Kaola tidak mempunyai data di sini, tetapi kaola tahu bahawa kalau dilihat setiap bulan, kedatangan pelancong pada bulan Disember tahun lepas merupakan jumlah kedatangan

yang kedua terbanyak jumlah pelancong yang datang ke Negara Brunei Darussalam.

Harus difahami juga bahawa bukan sahaja tujuan untuk menarik pelancong ke dalam negara, tetapi tujuan yang kedua dan perkara yang penting ialah untuk menggalakkan orang Brunei berada di Negara Brunei Darussalam dengan mengadakan acara-acara melalui *event management* ini dengan menjemput pelbagai peserta menyertainya. Oleh yang demikian, kita akan dapat menahan sebahagian penduduk supaya *stay* di Negara Brunei Darussalam.

Tujuan asalnya juga ialah untuk mengisi waktu cuti dengan pelbagai acara, dahulu kitani melihat pada bulan Disember itu sunyi, jadi mereka berpendapat tidak ada aktiviti yang dibuat di Negara Brunei Darussalam. Walau bagaimanapun, dengan adanya *event* begini, kita dapati Negara Brunei Darussalam akan menjadi lebih menarik dan *exciting* bukan sahaja kepada orang Brunei tetapi orang dari luar negara juga. Sebagai contoh, beberapa acara seperti perlawanan *e-games*, *e-sports* dan program permainan *darts* dan seumpamanya telah menarik ramai pengunjung dan peserta.

Tahun sebelumnya, perlumbaan perahu laju di Daerah Tutong telah mengundang peserta dari luar negara juga. Jadi, dengan ini kita menarik pelancong dan yang penting sekali mengurangkan orang kitani terlampau ke luar negara pada bulan Disember.

Seperti yang kaola nyatakan tadi, tidak ada peruntukan dan memang tujuan Jabatan Kemajuan Pelancongan untuk tidak meminta peruntukan dalam membiayai *events* ini. Pihak *event managers* juga tidak menghendaki sebarang peruntukan daripada kerajaan dan mereka cuma memerlukan untuk didaftarkan dalam *events* ini supaya mereka dapat 'memberigakan' acara mereka dan mendapat sokongan daripada Jabatan Kemajuan Pelancongan.

Jabatan Kemajuan Pelancongan akan bertindak sebagai pengantara antara mereka dengan autoriti-autoriti lain untuk mendapatkan kebenaran-kebenaran tertentu supaya mereka dapat menjalankan aktiviti mereka tanpa berkunjung ke mana-mana jabatan, tetapi akan diambil alih oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan. Itu sahaja pandangan kaola, Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung.

**Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
Kaola bercakap mengenai Tajuk SH06A - Jabatan Kemajuan Pelancongan.

Perkara ini telah diucapkan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Walau bagaimanapun, soalnya sudah pun



dibuat oleh Yang Berhormat rakan sejawat tadi. Walau bagaimanapun, kaola ingin menambah, ada ketinggalan tadi yang belum dicakapkan dalam majlis ini mengenai *Brunei December Festival*.

Penganjuran *Brunei December Festival* yang pertama telah berjaya menarik lebih 90 ribu pengunjung. Pada tahun lepas, ia dianjurkan lebih besar dan meriah dengan 60 acara disusun sepanjang bulan Disember bagi memeriahkan musim cuti persekolahan, di samping menarik lebih ramai pelancong ke Negara Brunei Darussalam. Usaha dan inisiatif ini perlu diteruskan agar ia dapat memberikan kesan yang positif kepada kemajuan industri pelancongan di Negara Brunei Darussalam.

Dalam pada itu, ia juga boleh dijadikan kaedah bagi menggalakkan rakyat untuk bercuti di negara sendiri di Negara Brunei Darussalam. Dalam masa yang sama, ia juga dapat memberikan pulangan dan sumber-sumber pendapatan kepada:

1. Menyediakan penyedia perkhidmatan pelancongan;
2. Perhotelan dan inap desa; dan
3. Tempat-tempat lawatan yang terdapat di Negara Brunei Darussalam.

Soalan kaola selain penganjuran berbentuk seperti itu, acara apakah ada pada pakej-pakej lawatan dan percutian dalam negeri bagi memperkenalkan tempat-tempat

menarik di Negara Brunei Darussalam yang ditawarkan kepada orang ramai khususnya penduduk-penduduk tempatan dan pelancong di festival berkenaan.

Sekian, *وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته*,

### **Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:**

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung atas pertanyaan tersebut.

Kaola mengucapkan penghargaan terima kasih kepada Yang Berhormat sendiri terhadap penganjuran *Brunei December Festival* itu, yang memang tujuannya banyak manfaat kepada pelbagai pihak seperti hotel, Penerbangan Diraja Brunei, agensi-agensi pelancongan dan orang ramai yang berbisnes dalam menganjurkan acara-acara *event managers* termasuk juga para media, pengeluar iklan-iklan dan lain-lainnya kerana ia berkehendakkan banyak iklan untuk ia "diberigakan".

Seperti dimaklumi juga, ia melibatkan dan dianjurkan di semua daerah untuk menyertainya sama ada di Daerah Brunei dan Muara, Temburong, Tutong dan Belait. Tertaklumlah juga kepada penganjur-penganjur berkenaan, walaupun banyak anjuran dibuat di Bandar Seri Begawan kerana di sini terdapat banyaknya audiens ataupun orang yang menyaksikannya tetapi tidak bererti tidak dilaksanakan di tempat lain terutama sekali pada hujung minggu

melalui “Bandarku Ceria”, “KBku Ceria” dan “Tutongku Ceria”.

Kalau pada tahun-tahun sebelum ini diadakan seperti Perlumbaan Kereta Tahan Lasak dan Perlumbaan Perahu Laju di Daerah Tutong dan diadakan Larian Malam di Daerah Belait dan di Daerah Temburong juga diadakan acara berbasikal dan acara mencari *treasure hunt* yang juga melibatkan penyertaan pihak-pihak luar. Ini dengan sendirinya menghendaki beberapa tempat penginapan bagi peserta-peserta yang datang dari jauh, dari luar negara termasuk dari negara-negara jiran, yang ertinya membuka peluang bisnes kepada pihak-pihak yang berdekatan dengan acara itu melalui inap desa atau pun hotel-hotel.

Kita akan terus mengadakan/ “memberigakan” rancangan ini dengan lebih luas lagi untuk tahun-tahun akan datang, misalannya pada bulan Disember datang ini kita mengharap akan banyak lagi peserta yang menyertai dan akan melibatkan acara-acara baharu, bukan saja bercorak *fun* sahaja tetapi melibatkan sektor pendidikan teknologi dan lain-lain seperti tahun lepas kita ada mengadakan *drone race competition*, termasuk cara-cara *operate drone*.

Pada tahun ini abis kaola akan mengadakan *coding competition*, ertinya mengajak orang ramai, orang muda-muda *particularly* pelajar-pelajar dari peringkat rendah, menengah dan peringkat universiti untuk menyertai *coding competition* ataupun *programming competition* sama ada

membuat *game* ataupun membuat beberapa *solutions* melalui *computer science background*.

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan sudah pun berunding dengan Universiti Teknologi Brunei untuk membuat konsep pertandingan *coding* ini. Buat permulaan mungkin diadakan untuk peserta dalam negara. Tetapi tidak mustahil ini akan berkembang untuk menarik minat peserta luar negara untuk menyertainya, dan mungkin menjadi satu acara yang besar. Memang kita melakukan benda ini secara perlahan, secara berhati-hati dan *at the same time making sure* akan menjadi satu festival yang besar.

Jadinya, kita terbuka dengan perkara ini bukannya seperti sudah tahu apa yang mahu dibuat, tetapi ertinya terpolung juga kepada *event managers* sendiri untuk membuat *proposal* apa yang mereka mahu sebab perkara ini menguntungkan mereka.

Seperti satu yang menarik pada tahun lepas, ada seorang pengusaha yang mempamerkan “kelupis” terpanjang direkodkan di Negara Brunei Darussalam. Mungkin tahun ini ada lagi satu cadangan yang belum dapat saya *reveal* masa ini iaitu satu acara lagi seperti yang demikian juga, sebagai tarikan kepada kitani dan pelancong juga memberi ruang kepada orang kita berkreatif dalam bidang yang mereka ceburi. Sekian yang dapat kaola terangkan Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu. Silakan.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu:** Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
Kaola akan membawa perkara di bawah Tajuk SH04A - Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Kod Akaun 004/000 - Pengurusan Industri Tanaman, Ternakan dan Agrimakanan.

Merujuk kepada Pelan Strategik Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan 2016/2020, adalah diambil maklum bahawa pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah, sedang dan akan memberikan tumpuan kepada beberapa jenis industri utama yang difikirkan berpotensi tinggi, yang dapat meningkatkan pertumbuhan keluaran industri sumber-sumber utama secara keseluruhan.

Salah satu industri yang telah dikenal pasti ialah Industri Ayam Pedaging. Pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah menganggarkan nilai keluaran ayam pedaging negara dijangka meningkat sekitar \$289 juta setahun menjelang 2020. Di samping itu, semenjak beberapa tahun lalu hampir kesemua penternak utama telah menukar sistem

reban iaitu daripada sistem reban konvensional secara terbuka kepada sistem tertutup (*Close House System*).

Sistem itu lebih selamat dan dapat menghindarkan ayam peliharaan daripada dijangkiti penyakit. Soalan kaola?:

1. Apakah perkembangan pelaksanaan perancangan pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dalam membuka kawasan-kawasan baharu untuk perusahaan ayam pedaging secara bersepadu (*Intergrated Poultry Farming*) seperti di Kampung-Kampung Semabat, Birau dan Merangking serta menaik taraf ladang yang sedia ada di kampung-kampung, tanah-tanah bertumpu dan Sungai Tajau seperti yang digariskan di dalam Pelan Strategik Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan?;
2. Apakah inisiatif dan langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dalam meningkatkan lagi kebolehan pengetahuan dan kemahiran pengusaha-pengusaha tempatan dalam bidang-bidang tertentu seperti bidang pertanian, penternakan dan perikanan untuk mendapatkan persijilan yang berpatutan seperti persijilan *Good Agricultural Practice (GAP)* dan persijilan *Hazard Analysis and Critical Control Point (HACCP)* dalam perusahaan yang diceburi.

Dengan adanya persijilan-persijilan tersebut akan dapat meningkatkan lagi imej pengusaha-pengusaha bukan sahaja dalam kalangan masyarakat komuniti peniaga dan pelabur-pelabur, tetapi juga sebagai landasan dan batu loncatan untuk pengusaha-pengusaha memperluaskan dan memperkembangkan lagi perusahaan masing-masing termasuk mengeksport hasil perusahaan ke luar negeri.

Kaola mengambil maklum bahawa pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah memperkenalkan dan mengadakan inisiatif Projek Pertanian Mudah dan Murah bagi golongan-golongan berpendapatan rendah termasuk bagi mereka yang menganggur.

Projek ini adalah sebagai salah satu usaha pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk menyuntik semangat kepada golongan berkenaan bagi mempelajari cara-cara penanaman sayuran yang aktif dan efektif serta dalam memberikan tunjuk ajar tentang penggunaan beberapa teknik dalam penanaman sayuran.

Soalan kaola, apakah perkembangan projek tersebut dan adakah perancangan bagi melartakan projek tersebut secara terus kepada belia lepasan sekolah melalui institusi-institusi pendidikan dan pusat-pusat kemahiran yang berkenaan?

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته ,  
Sekian,

### **Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu.

Mengenai dengan penternakan ayam. Apakah perkembangan sektor ayam pedaging yang dikenal sebagai salah satu sektor yang boleh dikembangkan untuk menyumbang kepada objektif kita ataupun misi Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk meningkatkan keluaran sektor pertanian secara signifikan menyumbang kepada KDNK negara. Sebetulnya dalam sektor pertanian sektor ayam pedaging dikira separuh daripada nilai keluaran sektor pertanian. Ia berkembang pesat disebabkan penukaran sistem daripada sistem terbuka kepada sistem tertutup.

Walaupun penukaran daripada sistem terbuka kepada sistem tertutup ini akan memakan belanja yang besar tetapi ia lebih selamat dari segi kadar kematian dan penyakit. Oleh itu, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan menggalakkan ke semua mengikut keupayaan masing-masing sebolehnya menukar kepada *close system* ini kerana melalui kaedah ini *temperature* (suhu) dan udara dapat di *control* dengan baik kerana setiap umurnya itu akan memerlukan suhu yang berlainan.

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ  
beberapa pengusaha yang besar-besar seperti *Soon Lee Farm, Ideal Multifeed Farm, Riza Faudlana Farm* telah pun mengorak langkah yang cepat

dalam menukar sistem mereka kepada sistem tertutup ini. Ini akan menyumbang kepada peningkatan keluaran sektor-sektor ayam pedaging ini.

Ada juga yang terlambat sedikit tetapi tidak dikhuatiri kerana mereka juga akan bergerak ke *direction* ini sama ada tahun ini atau tahun depan kerana ada masih kepentingan mereka.

Mereka punya *interest* untuk memastikan mereka menukar sistem itu. Kalau tidak mereka akan tertinggal dari segi *cost of operation* mungkin disebabkan oleh kadar kematian dan mungkin terdedah kepada penyakit-penyakit yang boleh menyerang ayam mereka.

Mengenai inisiatif yang diambil untuk meningkatkan kemahiran, kementerian memang mengadakan berbagai-bagai jenis *training guide line* kepada mereka semua sama ada sektor pertanian, perikanan ataupun ternakan yang harus mereka ikuti untuk memastikan keluaran mereka itu keluaran berkualiti (*good agriculture practice*) dan menepati kehendak bukan sahaja kehendak *standard* kitani tetapi kehendak ASEAN dan antarabangsa yang mereka harus ikuti dan patuhi supaya mereka dapat *qualification* sebagai menepati kehendak-kehendak *GAP or HACCP* dan *hazard analysis* itu.

Sekarang sudah menjadi keperluan terutama sekali bagi kita yang sudah merancang untuk bukan sahaja memasarkan produk kita dalam negara tetapi juga untuk dipasarkan ke luar

negara. Kebanyakan pembeli sama ada dari dalam ataupun luar negara memilih untuk peladang-peladang itu mempunyai kelayakan yang berkenaan.

Sebab kita pun kalau mengimport barang dari luar negara memerlukan pengeksport luar negara itu menepati kehendak berkenaan dan kalau tidak mereka tidak akan dapat mengeksport ke negara kita disebabkan autoriti tidak akan membenarkan kita untuk mengeksport. Jadi, perkara ini bukannya unik di mana-mana tetapi perkara ini yang *common* kepada semua negara untuk memastikan yang mereka mematuhi *good practice*.

Selanjutnya adalah pengenalan teknik mudah dan murah kepada beberapa orang belia. Sebenarnya teknik mudah dan murah ini bukan saja kepada peladang-peladang yang berdaftar di Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, tetapi juga ditawarkan kepada pihak-pihak yang tertentu terutama sekali kepada peserta-peserta yang terdiri daripada ibu tunggal, belia menganggur dan lain-lain lagi yang menunggu pekerjaan. Sebab itu program ini ditawarkan kepada Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Jabatan Belia dan Sukan, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) kerana mereka banyak peserta yang memerlukan bantuan.

Sebagai sumbangan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan kepada *society* (orang ramai) terutama sekali yang berkehendakkan bantuan kebajikan maka teknik mudah dan murah ini 'diberigakan'. Sebagai contoh satu

sistem hidroponik yang diperkenalkan kosnya cuma \$30.00 sahaja untuk membangun tetapi hasilnya jika dikira setiap bulan sebanyak \$300.00 jika ditanam sayur daun.

Sebab itu diperkenalkan kepada pihak-pihak berkenaan. Malah kita juga cuba memperkenalkan kepada penduduk-penduduk Kampong Ayer kerana struktur ini boleh dibina di pantaran-pantaran rumah-rumah di Kampong Ayer untuk menanam berbagai-bagai jenis tanaman seperti lada, sayur timun dan juga sayur-sayur daun.

Jadi perkembangannya teknologi sudah ada, terpulang kepada siapa yang berminat untuk bersedia membantu mereka untuk membina struktur itu dan mengajar teknik-teknik untuk menanamnya, meng*offer* benihnya dan cara-cara menanam.

Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi jawapan kaola, sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Kaola ingin menyatakan penghargaan setinggi-tingginya dan terima kasih kepada khususnya Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan juga pegawai-pegawai di kementeriannya yang telah mengaturkan lawatan-lawatan pengenalan bagi Ahli-Ahli Yang Berhormat ke tapak-tapak pertanian, perikanan, perhutanan dan juga program-program khas seperti *PROPAZ* iaitu Program Pengupayaan Asnaf Zakat dan lain-lain.

Dalam lawatan tersebut, biskaola telah dapat melihat perkembangan pertanian dan juga yang kaola sebutkan tadi yang telah membuka sedikit sebanyak minda dan persepsi Ahli-Ahli Yang Berhormat ke atas kemajuan dalam bidang agrimakanan dan pelancongan.

Kami melihat dalam kawasan yang tidak nampak daripada jalan raya itu rupanya banyak tapak-tapak pertanian dan juga di lautan lepas daripada kawasan Muara itu banyak tempat perusahaan perikanan. Hasil daripada lawatan tersebut, kaola ingin membangkitkan beberapa perkara:

1. Biskaola mengambil maklum Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah menawarkan tapak-tapak tertentu di kawasan-kawasan yang telah pun dikenal pasti sebagai berpotensi untuk dimajukan dalam bidang pertanian dan perikanan dan telah memberikan kepada pihak-pihak tertentu itu tapak-tapak berikut dan pada

pemahaman kaola ada 3 golongan yang telah diberikan iaitu:

- i. Golongan orang kitani kaola maksudkan iaitu orang Melayu kitani;
- ii. Golongan bukan Melayu tetapi orang kitani juga rakyat; dan
- iii. Secara usaha sama.

Dari lawatan itu, kaola lihat tapak-tapak yang diberikan kepada orang kitani, seingat kaola ada disebutkan 10 hektar ke atas dan diberikan peluang seluas-luasnya bagi mereka memajukan. Tapi nampaknya belum begitu berjaya secara *total*. Ada 2/3 yang berjaya tetapi masing-masing mempunyai masalah dan ada kekangan-kekangan yang tertentu.

Golongan kedua, orang kitani juga tetapi *non-Malay* telah diberikan kawasan-kawasan yang agak besar tetapi jauh di pedalaman. Kaola lihat walaupun jauh di pedalaman kawasan itu dapat dibangunkan dengan begitu menarik. Bukit-bukau telah ditarah dan dijadikan ladang yang begitu berhasil dan kaola lihat ia berpotensi untuk dijadikan agripelancongan suatu masa nanti kerana ia berbukit bukau dan pandangan yang indah.

Kejayaan ini disumbangkan sebenarnya oleh modal mereka sendiri yang besar juga kerana untuk meng*clear*kan ataupun membersihkan kawasan itu sahaja sudah memakan bajet lebih daripada setengah juta.

Kaola mencadangkan supaya tapak-tapak yang dikhususkan untuk orang-

orang kitani itu walaupun agak terlambat sedikit kerana polisinya apabila lebih daripada 6 bulan tidak dimajukan, tapak itu akan diambil balik. Kalau boleh kitani fikirkan lagi untuk mencari sebab kenapa kegagalan orang-orang kitani itu terjadi.

Seterusnya, kaola ingin melahirkan rasa tertarik hati kepada lawatan ke tapak perikanan. Salah seorang pesertanya ialah seorang belia muda dan telah memulakan perusahaannya dengan berbekalkan semangat juang yang tinggi dengan hanya modalnya disumbangkan oleh ayahnya sendiri. Seingat kaola disebutkan bagi *startup* modalnya ialah sebanyak \$60,000.00 hasil dari pemberian ayahnya. Ia sekarang sudah pun berjaya separuh jalan dan ingin mengembangkan lagi ternakan ikan sangkarnya untuk tujuan eksport dan lebih-lebih lagi untuk dalam negeri.

Ini menunjukkan bahawa kaola percaya kemajuan satu projek itu orang kitani mesti semangat juang mesti tinggi juga di samping modal dan diharap Bank Usahawan yang sudah ada pada masa ini akan dapat juga mengambil kira bantuan-bantuan yang akan diberikan itu kalau boleh dipermudahkan lagi tatacaranya supaya dapat menyokong dan mendukung perusahaan mereka.

Akhir sekali Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin mengongsikan satu pengalaman semasa melawat Kampung Labi. Ada seorang pengusaha orang kitani juga tetapi bukan orang Melayu, rakyat Brunei mengeluarkan produk Kopi Labi. Kaola tertarik kerana ladangnya telah menghasilkan kopi yang aromanya

sedap dan telah pun dipasarkan. Hanya bila kaola melihat *packagingnya* iaitu kotaknya itu adalah tulisan Bahasa Inggeris dan tulisan bukan Bahasa Melayu.

Jadi, kaola berharap, jika dapat kementerian berkenaan dapat memastikan tulisan pada *brand* ataupun *packagingnya* itu biarlah juga jangan dilupakan tulisan Jawi kerana Jawi adalah merupakan warisan kitani. Jika pun ia dipasarkan keluar negeri dengan adanya Bahasa Inggeris membantu sudah dan tulisan Jawi itu hanya sebagai identiti Brunei dalam saiz yang mengikut sepatutnya panduan kitani di Negara Brunei Darussalam lebih besar daripada tulisan yang lain. Semoga martabat tulisan Jawi akan sampai ke luar negeri dan menjadi kebanggaan negara kitani.

Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi, perkongsian kaola pada petang ini. Terima kasih.

### **Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim.

Kaola mengucapkan terima kasih atas penghargaan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim terhadap usaha-usaha

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk 'memberigakan' beberapa perkembangan di sektor pertanian perikanan melalui siri lawatan-lawatan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara pada beberapa bulan yang lalu. Ucapan terima kasih atas sambutan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat semua yang sempat mengikuti siri lawatan berkenaan.

Mengenai cara-cara kita memberi tanah Yang Berhormat nyatakan mengenai 3 golongan yang dapat *benefit* menyertainya. Jadi, tapak-tapak kebanyakannya mula-mula seperti di Merangking sebagai contoh. Ia kalau di kawasan dekat bandar selalunya biskaola menawarkan dalam 2 hektar ke 4 hektar sahaja sebab di sana infrastrukturnya sudah sedia ada. Air sudah sedia, elektrik dan jalan raya pun ada dan *value* tanahnya mahal.

Di sini di kawasan bandar biskaola menggalakkan tanah itu menggunakan teknik moden *vertical farming* atau *urban farming* ertinya menggunakan tanah secara paling efisien supaya tidak membazir tanah, sebab tanah di bandar ini, tanah yang bernilai tinggi mungkin digunakan pelbagai tujuan komersial.

Semakin jauh semakin dibesarkan 4 ekar makin jauh lagi. Kalau tidak ada infrastruktur sama sekali akan ditawarkan sehingga 20 ekar melalui projek rintis yang telah pun dapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk dijalankan oleh Kementerian



Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Sebelum projek rintis diadakan, kita telah mengadakan *Request For Proposal (RFP)* yang sebetulnya dibukakan kepada siapa sahaja untuk menyertai ataupun mengusahakan tanah-tanah berkenaan. Akan tetapi dari banyak *RFP* ataupun tender-tender yang dikeluarkan untuk peladang-peladang mengusahakan tanah itu, sambutan didapati tidak menggalakkan, hampir tidak ada.

Oleh demikian, *RFP* memakan masa 2 ke 3 bulan, dan sudah tidak jadi ditawarkan lagi, jadi kita menggunakan kaedah baharu menggunakan projek rintis ini. Ia lebih mudah, siapa sahaja yang berminat akan diberi tanah secepat mungkin walaupun belum ada permohonan terus diberi sahaja asal ia berkehendak, berkebolehan dan ada modal diberi sahaja. Permohonan akan dibuat kemudian. Jadi, itulah sebabnya kenapa berlaku siapa yang dapat menguruskan melaksanakan, kalau ia tidak dapat menguruskan akan diambil balik tanah itu kerana ia akan *di offer* kepada orang lain lagi. Akan tetapi yang ditarik balik itu bukan maksudnya *di blacklist* dan tidak boleh memohon lagi ditempat lain sekiranya sudah bersedia. Itu maksudnya, bukan kita menghalang untuk memohon lagi.

Jadi *unfortunately*, di Merangking memang ada dua pengusaha yang menanam buah, satu dimiliki oleh bangsa Melayu dan satu lagi *joint-venture* antara Melayu dan bukan Melayu. Banyak lagi sebenarnya peserta yang

sudah *membook* tempat itu untuk sama ada bertanam buah ataupun memelihara ayam dan lain-lain lagi dan akan dilayan seperti biasa akan tetapi sama juga kalau mereka tidak bertindak akan diambil balik sebabnya ia akan membazir tanah.

Harus ingat bahawa *mission* di kementerian ialah untuk meningkatkan keluaran sektor pertanian secara signifikan untuk menyumbang kepada KDNK. Jadi, tidaklah wajar bagi kita untuk membiarkan tanah diberi sampai 4-5 tahun tidak diusahakan, baik diusahakan oleh orang yang boleh mengusahakannya *at the same time* orang ini bukan kita memblok kedia, biar tia ia memohon kemudian. Kalau sudah bersedia ada kapital, ada kemahuan, ada pekerjaanya kemudian akan dipertimbangkan untuk diberi.

Selanjutnya cadangan tapak-tapak ada seorang belia yang mempunyai modal 60 ribu dan aktif dalam pemeliharaan ikan sangkar. Kementerian memang berasa bangga kerana adanya belia yang sebegini yang bersemangat dan ada dorongan daripada keluarga ataupun orang tuanya untuk aktif dalam bidang ini dan seperti yang Yang Berhormat Pehin tadi mencadangkan Bank Keusahawanan akan dapat melihat keperluan mereka ini supaya mereka akan dapat berkembang lebih besar lagi kerana memang untuk membesarkan perusahaan mereka ini memerlukan modal.

Selain kita mendidik mereka supaya mengumpulkan *cashflow* supaya tidak

bergantung pada bank untuk mengembangkan perusahaan tapi ada masanya mereka memerlukan juga sumbangan ataupun bank untuk menghulurkan dana secara pinjaman dengan membayar melalui hasil-hasil jualan mereka itu sebolehnya tanpa menggunakan sebarang cagaran berbentuk hartanah tetapi berasaskan kepada wang tunai yang mereka kumpul dari jualan mereka itu.

Saya tidak tahu sama ada saya sudah menjawab semua soalan Yang Berhormat tadi, saya kira cukup untuk menjawab soalan Yang Berhormat kalau ada keperluan nanti saya akan menjawab lagi Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput.

**Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi. Kaola membangkitkan di bawah Tajuk SH04A - Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Terdapat sebuah bangunan stor yang telah dibangunkan di Stesen Pertanian Labi dalam tahun 2016 dan difahamkan stor tersebut akan digunakan sebagai tempat menyimpan bekalan baja dan racun. Pembinaan bangunan-bangunan tersebut terbengkalai sehingga sekarang.

Kaola ingin bertanya apakah punca bangunan tersebut terbengkalai dan adakah pihak jabatan akan meneruskan melaksanakan bangunan tersebut dengan peruntukan pada tahun 2019/2020?

Bagi kaola, kaola bersetuju jika ia diteruskan kerana ia merupakan fasiliti-fasiliti yang baik dan mencadangkan Stesen Pertanian Labi dijadikan sebagai pusat tempat penyimpanan baja dan racun bagi kemudahan pengusaha-pengusaha pertanian yang tertentu di kawasan pedalaman seperti di Mukim Labu, Mukim Bukit Sawat dan juga Mukim Sukang.

Kaola seterusnya membawa Tajuk SH01A - Jabatan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Kaola ingin bertanya adakah Kementerian Pelancongan dan Sumber-Sumber Utama bercadang menawarkan beberapa kawasan peranginan untuk diswastakan kepada pemaju agar taman tersebut akan lebih menarik dan lebih produktif? Perkara ini juga boleh menjana ekonomi dan pekerjaan kepada penduduk kita, sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Izinkan kaola Yang Berhormat Pengerusi menjawab satu lagi soalan daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim iaitu Pengusaha Kopi Labi ...

**Yang Berhormat Pengerusi:**  
*Packagingnya* sahaja supaya *packaging* itu mengandungi tulisan Jawi, itu sahaja.

**Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:**  
 إِنَّ شَاءَ اللهُ akan diusahakan Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Selanjutnya kaola ingin menjawab satu daripada soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput manakala soalan pertama itu akan kaola jawab kemudian.

Adakah kementerian bercadang untuk menawarkan kawasan peranginan sebagai tarikan pelancong? Memang kita menawarkan bukannya taman tapi satu tempat dijadikan sebagai pusat untuk mereka beroperasi sahaja. Sebagai contoh kita masa ini sedang memikirkan kawasan Teraja, Kampung Labi dan Rampayoh sebagai satu destinasi pelancongan sebanding dengan Ulu Temburong. Tapi konsepnya bukanlah sama seperti di Temburong yang dibangunkan *resort* di ulu itu.

Kita tidak akan mengganggu kawasan Hutan Teraja tapi akan menggunakan Labi sebagai pusat untuk pelancong berkumpul untuk membuat sama ada terus ke Rampayoh ataupun terus ke Teraja ataupun ke Merangking ataupun ke tempat lain ataupun melihat sekitar Labi sahaja. Kita mempunyai konsep baharu iaitu konsep pelancongan *sustainable*, *responsible* dan juga *inclusive*.

Kita tidak mengganggu kehidupan liar, hutan dan penduduk kampung dengan mengubah *architecture* atau kawasan-kawasan itu. Sebab itulah kita sedang melihat tempat di Labi ataupun Rampayoh sebagai pusat ejen pelancongan bertapak di sana dan akan membawa pelancong ke sana dulu untuk *register* (mendaftar) diri sebelum masuk ke hutan ataupun melihat beberapa air terjun dalam Hutan Teraja itu.

Tujuannya kita tahu, di Teraja terdapat lebih kurang 40 air terjun. Ia tidak akan membuka air terjun semuanya mungkin pada minggu pertama satu atau dua air terjun saja dibuka kepada orang ramai. Mungkin minggu kedua air terjun lain akan dibuka, minggu ketiga lain lagi.

Ertinya tidak akan menyebabkan kerosakan kepada alam sekitar. Kita bertujuan menarik lebih banyak kehidupan liar termasuk kehidupan liar dari luar negara untuk bermastautin ataupun dijadikan *sanctuary* di Teraja itu.

Pengalaman kita di Temburong mengikut pandangan beberapa orang pakar *wildlife* kita telah mendapati kurang binatang yang dapat kita saksikan bila pelancong melawat Temburong, kerana *developmentnya* masuk ke kawasan ulu-ulu. Di bandar ini kehidupan liar sudah lari daripada pandangan kita jauh daripada tempat pemilihannya.

Konsep memajukan Teraja bukanlah ditawarkan Hutan Teraja kepada *developer*, kerana ditakuti mungkin

mereka akan membuat hotel. Tujuan kita adalah untuk mengekalkan alam sekitar supaya tidak akan terjejas. Akibat menjejaskan alam sekitar membuatkan pelancong tidak dapat lagi menikmati hutan hijau yang sepatutnya menarik pelancong itu.

Kita berhati-hati membangun taman-taman hutan hijau yang menjadi aset kita untuk menarik pelancong supaya tidak *over develop*, lebih bangun sehingga hilang karakter sebagai hutan hijau. Itu konsep besarnya.

Itu sahaja pandangan kaola Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin.

**Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi. Dengan hormat dan takzim kaola mohon izin jua ingin bercakap dan menghadapkan persoalan dan pandangan di bawah Tajuk SH02A - Jabatan Perhutanan dengan peruntukan \$7,071,206.00. Kaola sukacita mengambil kesempatan mengucapkan berbilang-banyak terima kasih atas mukadimah Yang Berhormat

Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bagi kaola untuk memahami hala tuju kementerian.

Berhubung Jabatan Perhutanan Negara Brunei Darussalam bahawa Pusat Pertanian Negara yang terletak di Sungai Liang, Mukim Liang telah dibina dan pembukaan rasminya ialah pada tahun 1986 dengan keluasan lebih kurang 66 hektar di kawasan yang tepat dan strategik setelah lebih 30 tahun pembinaan, pusat perhutanan ini telah berjaya menubuhkan berbagai-bagai pusat pengkajian, pusat biodiversiti hutan tropika, pusat-pusat penyelidikan dan pemeliharaan sumber, tapak semaian, makmal kayu dan banyak lagi termasuk beberapa taman seperti taman palma, taman buluh malah taman rekreasi hutan dan kebun hutan.

Serta yang tidak kurang keutamaan dan pentingnya ialah satu-satunya Muzium Perhutanan di bawah Jabatan Perhutanan Negara Brunei Darussalam yang telah diwujudkan oleh pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Perhutanan pada tahun 1985 yang lalu.

Muzium ini merupakan himpunan khazanah perhutanan dan menjadi pusat penyelidikan dan kajian ilmiah yang amat bermutu dan bernilai tinggi.

Apakah muzium ini akan terus terpelihara dari semasa ke semasa bagi memelihara mutu nilainya dan diangkat nilai tarafnya bagi tujuan rujukan, kajian, penyelidikan dan ilmiah? Kerana pada masa lalu muzium ini banyak pengunjung dalam kalangan pelajar pelancong luar

dan dalam negeri. Sejak kebelakangan ini Muzium Perhutanan ini telah ditutup dari kunjungan lawatan orang ramai.

Yang Berhormat Pengerusi. Pusat Perhutanan ini berpotensi tinggi supaya ia digabungkan dan dijadikan sebuah pusat ilmiah, pengajian dan penyelidikan hutan negara, Hutan Tropika sebagai satu jurusan yang mungkin boleh saja terwujudnya sebuah Universiti Pertanian dan Perhutanan Negara Brunei Darussalam.

Apakah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan boleh merancang untuk jangka mendatang, mungkin dalam rangka gabungan bersama dengan Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam untuk mewujudkannya.

Yang Berhormat Pengerusi. Dalam satu Tajuk SH06A - Jabatan Kemajuan Pelancongan dengan perbekalan sebanyak \$2,363,660.00.

Kaola ingin bertanya adakah Jabatan Kemajuan Pelancongan mempunyai rancangan untuk membimbing atau memberikan kursus-kursus dan bengkel-bengkel panduan kepada Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung terutama biro-biro dalam pelancongan MMPK bagi mukim-mukim, kampung-kampung untuk tujuan menarik pelancong dalam dan luar negeri ke mukim dan kampung?

Sehubungan tarikan pelancong ini, Jabatan Pembangunan Pelancongan telah berjaya menarik minat orang ramai

berkunjung semasa diadakan festival bulan Disember yang lalu. Namun begitu kita tidaklah boleh merasa berpuas hati dengan setakat itu. Kaola merasakan ia lebih berkesan jika rakyat Brunei Darussalam diberikan keistimewaan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan cadangan memberi cuti sehari dalam setiap bulan pada hujung bulan bagi pekerja di sektor awam dan swasta bercuti dalam negara sendiri, berbelanja dan melancong dalam negara sendiri iaitu setiap hari Sabtu hujung bulan. Tetapi dengan syarat pekerja-pekerja tidak dibenarkan ke luar negeri pada cuti tersebut.

Ini bermaksud rakyat Brunei bercuti dalam negara melancong dan berbelanja dalam negara sendiri. Ini bertujuan kita sama-sama menyokong negara kita sendiri dalam sudut meningkatkan hasil dari sumber pelancongan, membantu mengurangkan mata wang Brunei mengalir ke luar negeri. Semoga ia mungkin sebagai sumbangan rakyat kepada negara kita sendiri. Yang Berhormat Pengerusi. Apakah perkara ini boleh dipertimbangkan?

Yang Berhormat Pengerusi sekian sahaja, *وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته*

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, bagi membolehkan menteri yang berkenaan untuk memikirkan jawapan bagi soalan-soalan yang dikemukakan terlalu berat, saya ingin menanggungkan mesyuarat kita ini selama 15 minit.

**(Mesyuarat Jawatankuasa berehat sebentar)**

**(Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula)**

**Yang Berhormat Pengerusi:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat Mesyuarat Jawatankuasa ini kita sambung semula untuk membincangkan dan membahaskan Tajuk Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Bersama saya di sini masih lagi ada beberapa orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik yang suka untuk turut serta dalam membahaskan dan menimbulkan soalan-soalan mereka terhadap kementerian ini.

Saya kira sebelum kita berhenti berehat tadi, Yang Berhormat Menteri yang berkenaan belum memberikan jawapannya ataupun reaksinya terhadap beberapa perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad.

Maka saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk memberikan *reaction* nya terhadap soalan-soalan yang ditimbulkan. Silakan.

**Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:**

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Kaola, akan menjawab satu soalan sahaja. Soalan yang pertama itu akan dijawab kemudian, Yang Berhormat Pengerusi.

Jadi, ada tadi soalan adakah rancangan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk mengadakan kursus ataupun yang bertujuan untuk orang-orang kampung dapat menarik pelancong-pelancong ke kampung masing-masing.

Jadi, secara jujur memang tidak ada yang secara langsung yang kitani mengajar orang kampung macam mana untuk menarik pelancong ke kampung masing-masing.

Walau bagaimanapun terdapat banyak kampung dan mukim yang sangat aktif dalam berbagai-bagai aktiviti yang menyumbang untuk menarik pelancong-pelancong seperti Kampung Tanjung Maya, Kampung Kiudang, Kampung Teraja, Kampung Sungai Bunga, Kampung Katimahar, Kampung Kapok, Kampung Tamoi dan lain-lainnya. Mereka di kampung itu sendiri dengan dibawai oleh Ketua-Ketua Kampung dan Penghulu-Penghulu Kampung masing-masing telah aktif dalam mempromosi produk kampung mereka.

Di situlah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Jabatan Daerah dan juga *travel agents* akan mencuba memasukkan aktiviti mereka atau produk mereka itu sebagai produk yang dipakej sebagai tarikan kepada pelancong.

Sebagai contoh baru-baru ini kita melancarkan Destinasi Muara. Ini adalah mengambil kira bahawa di Muara banyak aktiviti orang-orang kampung yang telah

dapat dikumpulkan untuk menjadi satu destinasi kepada pelancong yang datang melalui laut atau melalui *cruise ship*.

Misalannya di Bukit Tempayan Pisang, Kampung Kapok sendiri berbagai-bagai aktiviti orang kampung termasuk kebudayaan, makanan tradisi dan tradisi kraf tangan. Ini semuanya inisiatif kampung berkenaan. Kaola percaya dengan dorongan dan bantuan juga dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Abis kaola Yang Berhormat Pengerusi, akan mengambil peluang ini untuk memujuk *travel agent* bersama kementerian untuk mepakej produk-produk ini sebagai satu pakej yang dapat dibukukan dan menjadi panduan kepada pelancong untuk memilih tempat sebagai destinasi.

Kaola galakkanlah Ketua-Ketua Kampung, Ketua-Ketua Masyarakat untuk menggalakkan orang-orang kampung mengumpulkan berbagai-bagai aktiviti yang dapat dijadikan pakej untuk dimasukkan dalam pakej pelancongan di daerah masing atau kampung masing-masing.

Misalannya di Kiudang ada perusahaan membuat teh, ada perusahaan pertanian dan lain-lain lagi. Jadi dengan sendirinya kita masukkan sebagai destinasi Tutong dengan meng*combine* Kiudang, Tanjung Maya dan kawasan-kawasan lain seperti di Pantai Seri Kenangan dan lain-lain lagi sebagai pakej pelancongan Daerah Tutong.

Mungkin pakej pelancongan di Daerah Belait ada 2:

1. Pakej di Pekan Kuala Belait dan Seria dan Sungai Liang sebagai contoh. Termasuklah Padang Minyak di Seria.
2. Satu pakej lagi mungkin di kawasan Labi, termasuklah juga Teraja, Rampayoh, Labi, Merangking dan lain-lain sekitarnya sebagai satu pakej supaya pelancong inda membuang masa.

Di samping bersama itu untuk melawat berbagai-bagai tempat dan bukan sahaja tujuan melawat iaitu melihat tempat itu, tapi untuk membeli kraf tangan dan juga mungkin *benefitnya* orang yang mengusahakan restoran akan dijadikan tumpuan mereka untuk singgah minum atau makan dan mungkin ada yang berminat untuk mengusahakan inap desa pun dialu-alukan.

Ertinya kalau kitani memaksa orang kampung untuk bergiat sedangkan mereka tidak minat susah juga. Jadi, yang baiknya kalau kampung itu sendiri menampakkan minat mereka dan memulakan sesuatu jadi kita akan dapat membantu mepakej untuk dapat dijual kepada pelancong-pelancong.

Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Yang lain itu akan kaola jawab esok Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis.

**Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis:** بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola akan merujuk Tajuk SH04A-Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

1. Sehubungan dengan Tajuk ini, saya ingin bertanya apakah pelan tindakan dalam merealisasikan Projek Kandul 500 hektar untuk penanam padi di Kuala Belait khususnya usaha-usaha menarik *FDI* dan menggalakkan penyertaan belia yang menganggur?;
2. Apakah program dan peruntukan kewangan yang disediakan oleh kementerian untuk membantu belia yang tidak mempunyai kewangan (*capital cost*) yang ingin berkecimpung dalam industri tanaman dan ternakan?
3. Dalam tahun 2017, hasil pengeluaran padi tempatan hanya memenuhi 4.74% sara diri. Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah menetapkan target pengeluaran padi pada 11% dalam tahun 2020. Adakah target tersebut dengan menggunakan Sembada 188, Titih dan *BDR* realistik dapat dipenuhi dalam masa yang singkat iaitu dalam 20 bulan.
4. Apakah sektor ataupun kluster yang telah dikenal pasti oleh pihak kementerian yang akan memastikan sumbangan yang bermakna dan signifikan kepada KDNK, eksport kerajaan, hasil kerajaan (*revenue*) dan seterusnya meningkatkan

pendapatan keluarga (*medium income*).

5. Apakah strategi industri yang akan dijalankan oleh kementerian untuk mencapai Wawasan Brunei 2035? Adakah pihak kementerian akan menyediakan satu *industrial policy* atau pun *industri transformation maps* 2035 seperti yang dibuat oleh *Ministry Trade and Industry Singapore*; dan
6. Sejauh manakah pencapaian kementerian untuk menarik pelancong luar negeri melalui program-program berikut:
  - i. *Student Tourism*;
  - ii. *Education Tourism*;
  - iii. *Agrotourism*;
  - iv. *Fabulous Port Brunei*;
  - v. *Health Tourism*; dan
  - vi. *Homestay*.

Sekian saja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih

**Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Khamis.

Soalan pertama, mengenai pelan untuk merealisasikan Projek Kandul iaitu projek pengenalan penanam padi secara besar-besaran cara komersial. Seperti yang dimaklumi bahawa perkara ini telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dititahkan ketika



Konvensyen Majlis Ilmu tahun 2018 yang lalu.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sendiri dalam titahnya menyatakan dengan penyertaan ataupun penglibatan dalam *Government Link Company (GLC)* dalam merealisasikan objektif ini kerana 500 hektar ini terlalu besar bagi seorang pengusaha melaksanakannya dan memakan belanja yang besar memandangkan Kandul adalah kawasan yang belum diterokai.

Jadi selepas saja titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenaan pembukaan kawasan Kandul, kawasan penanaman padi secara komersial bersaiz 500 hektar itu, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dengan kerjasama Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan Kementerian Pembangunan telah duduk dan menubuhkan jawatankuasa untuk melaksanakan projek ini dan telah pun berunding beberapa kali dan menubuhkan jawatankuasa kerja iaitu Bidang Teknikal dan Bidang *Investment*.

Bidang Teknikal telah mesyuarat beberapa kali dan sudah pun mengeluarkan tawaran (*tender*) minggu lepas bagi mendapatkan kontraktor yang akan membuka kawasan demikian, sekitar 20 hektar buat permulaannya dan akan membuat *study* mengenai cara-cara menangani isu-isu banjir dan isu

perairan (*irrigation*) di kawasan berkenaan.

Jadinya progresnya amatlah dikagumilah sebab-sebabnya kita akan bercadang untuk mula menanam 20 hektar tanah ini, permulaannya pada Oktober tahun ini juga selebihnya akan dilartkan secara berperingkat-peringkat sehingga keseluruhannya 500 hektar akan ditanam.

Jawatankuasa lain yang bertindak sebagai *investment*, mencari pelabur yang akan mengusaha sama dengan (*GLC*) iaitu *Darussalam Aset* untuk memastikan rakan-rakan yang berpengalaman dalam pertanian padi supaya kita berjaya dalam hasrat kita untuk membuka kawasan ini sebagai kawasan penanaman padi menambah keluaran kita dalam meningkatkan tahap sara diri beras dalam negara.

Peruntukan Padi melalui RKN tidak ada dalam *list* ini tetapi akan dipohonkan secara dengan Rampaian. Perundingan akan terus dibuat sehingga kita berjaya mengumpulkan sejumlah lebih kurang \$50 juta daripada RKN dan selebihnya dari \$20 juta akan dibiayai oleh pelabur sendiri bagi melaksanakan penanaman padi itu. Manakala kerajaan cuma akan menyediakan infrastruktur asas dan termasuk juga isu-isu pengawalan banjir dan isu-isu bagaimana menyalurkan air yang cukup bagi kegunaan penanaman padi berkenaan.

Selanjutnya sara diri, ketika ini memang cuma 4% ke 5% sara diri. Seperti biasa dalam masa ini penanaman padi yang

menggunakan pengairan menyeluruh yang lengkap cuma dalam sekitar 500 - 600 hektar sahaja, mungkin 700 hektar. Dengan mendapat 500 hektar itu, seolah-olah *double* kita punya kawasan tanaman padi. Tapi bukan saja kawasan *double* kawasan penanaman padi, kita juga meningkatkan dua kali ganda ia punya *yield* padi itu.

Sebab itu kita boleh membuat sasaran kepada 11% sara diri itu dengan menggunakan padi hibrid Sembada yang boleh mengeluarkan 6 tan per hektar atau padi Titih dengan 8.5 metrik per hektar hasil padinya. Itulah kira-kira secara kasarnya, tertakluk kepada dapat benih itu macam padi Sembada sudah ada, padi Titih akan kita dapat setelah melalui beberapa *testing* dan 3 kali *trial*. Dikira tahun depan kita boleh melaksanakan Padi Titih yang akan menawarkan *yield* sehingga 8 metrik tan sehektar.

Kita bukan berpuas hati dengan padi Titih, kita juga sedang bekerjasama dengan *institute research* dari China dan juga dari Filipina untuk mendapatkan benih yang tinggi lagi dan yang penting juga, kita akan mendapatkan bantuan kepakaran dari pihak berkenaan iaitu pakar *breeding (breeder)* untuk melipatgandakan benih itu untuk ditawarkan kepada orang ramai supaya menguntungkan peladang-peladang.

Apakah kluster-kluster untuk meningkatkan KDNK di sektor-sektor di bawah kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan seperti yang dinyatakan tadi, satu sektor yang

disasarkan ialah sektor ayam pedaging dan juga sektor tanaman termasuk buah-buah, sayur-sayuran dan juga tanaman bunga-bunga termasuk bunga keratan dan jua sektor perikanan terutama sektor *aquaculture*.

Jadinya itulah antara sektor-sektor yang dijadikan target kita. Tapi kebanyakannya menggunakan teknologi sama ada *Green Houses* ataupun tanaman intergasi *hydroponic*, Rumah Terlindung dan bagi perikanan menggunakan sektor *aquaculture* sama ada sangkar-sangkar, kolam ataupun tangki-tangki bertingkat.

Tindakan mencapai Wawasan Brunei 2035, kita di bawah sektor ekonomi dan dalam ekonomi itu, ekonomi yang berdaya tahan dan dinamik. Jadi, itulah misi-misi Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan meningkatkan keluaran sektor pertanian, sektor penternakan, sektor perikanan dan sektor pelancongan bagi menyumbang kepada peningkatan KDNK dan bagi menyumbang kepada mencapai objektif Wawasan Brunei 2035 iaitu menjadi negara yang *competitive* dan *GDP* per kapita *Top 10 in the world*.

Tapi sumbangan dari pertanian cuma pada masa ini 1% KDNK, Kitani bercita-cita untuk menaikkannya kepada 4% KDNK, Semua KDNK itu mesti naik. Perikanan mesti naik pengeluarannya, pertanian mesti naik pengeluarannya, pelancong mesti bertambah jumlahnya dan perhutanan pun mesti naik juga bertambah pengeluarannya. Bukan saja

sektor *primarynya* mungkin sektor *downstream* mesti berkembang.

Kita terus menggalakkan semua pemain atau peserta dalam pertanian untuk meningkatkan pengeluaran mereka keluar. Kalau dulu mereka 100 tan, mungkin tahun depan 200 tan, 300 tan *always increase* bukan hanya *stable* 100 tan sahaja sampai bila-bila. Bila kitani *increase* jadinya *increase* akan naik semua begitu akan mencapai menjadikan *income* itu *one of the top 10 in the world*. Sejauh mana kitani berjaya menarik pelancong di Brunei.

Seperti yang diketahui kalau 2015 pelancong melalui udara Brunei cuma 218 ribu, tetapi tahun lepas sudah 278 ribu kenaikan yang banyak dan sumbangannya dari pelbagai pihak termasuk *connectivity* sudah ada banyak melalui *RBA* dari bandar-bandar di China, Taipei, Korea dan esok lusa ke Tokyo.

Dengan adanya kerjasama Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri memudahkan permohonan visa kepada pelancong-pelancong dari negara tertentu.

Ini menyumbangkan peningkatan kepada pelancong-pelancong pada masa sama, kitani akan banyak mengusai produk kitani walaupun produk lama, tetapi diperbaharui *direbrand* macam Temburong *direbrand*, bandar *direbrand*, produk baru *di* Belait *direbrand*, dipakej, *direpackage*. Dengan aktiviti promosi yang dibuat oleh ejen-ejen pelancongan dan juga ejen-ejen

penerbangan ke semuanya secara menyeluruh menyumbang kepada peningkatan-peningkatan kedatangan pelancong ke Negara Brunei Darussalam.

Kita akan terus bekerjasama dengan berbagai-bagai pihak-pihak tertentu misalnya *JPMC* untuk menarik pelbagai pelancong dari *sector medical tourism*. Kita juga telah berjaya berunding dengan sekolah-sekolah antarabangsa seperti *JIS* dan *ISB* untuk menarik pelajar-pelajar dari negara-negara tertentu dari negara China, Korea, Jepun untuk menghantar anak-anak mereka untuk menghadiri kursus musim panas (*summer school*) di Brunei untuk menghadiri kursus Bahasa Inggeris.

Bukan saja anaknya datang ke mari tetapi indung semasa menghantar akan tinggal 3 hari dan semasa hendak balik akan datang lagi setiap 3 hari itu mengambil anak-anak mereka balik adalah sebagai cara menarik pelancong cara *education*.

Seperti yang diketahui ada dijalankan Perlawanan Polo Antarabangsa ini merupakan *sport tourism*. Tetapi ke semuanya tidak memerlukan bajet kerajaan tetapi banyak inisiatif orang ramai pengusaha tersendiri dan peminat-peminat tertentu. Mudah-mudahan cara begini kita tidak terlalu bergantung pada kerajaan tetapi dengan sendirinya masih jua naik pelancong. Bukan dengan belanja besar baru ada pelancong yang penting kitani bijak, *smart spending*, *smart strategy*, yang penting efektifnya ada menaikkan kedatangan pelancong itu.

Itu saja yang dapat kaola terangkan buat masa ini. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، أَللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola membawa Tajuk SH04A - Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Kaola ingin bertanya apakah ada garis panduan bagi Pengarah Pertanian dan Agrimakanan untuk meluluskan permohonan Tapak Tanah Pertanian bagi peladang komersial.

Mengikut pengetahuan kaola setiap tapak tanah di bawah gazet Jabatan Pertanian dan Agrimakanan mestilah mendapat kelulusan daripada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan sendiri.

Apakah kiranya jika permohonan tanah tapak di bawah 5 hektar diluluskan melalui Ahli Jawatankuasa di peringkat jabatan yang dipengerusikan oleh Pengarah Pertanian dan Agrimakanan dengan prosedur ini dijangka permohonan akan lebih segera diambil tindakan sama ada lulus dan sebaliknya.

Dalam kesempatan ini kaola mengucapkan setinggi tahniah atas usaha pihak kementerian yang akhirnya mendapat kurnia perkenan peruntukan yang besar meningkatkan kemampuan

Empangan Imang bagi aktiviti pertanian khususnya tanaman padi yang bertahun sangat kekurangan *supply* pengairan. Dengan usaha yang gigih pihak kementerian meningkatkan sistem *drainage and irrigation in a whole of nation* usaha pertanian akan meningkatkan lebih drastik.

Kaola menyokong penuh tindakan penarikan balik dengan tegas tapak-tapak pertanian yang tidak diusahakan mengikut tempoh yang ditetapkan yang mana terdapat tapak-tapak yang menjadi hutan belukar ini merugikan kerajaan yang mana tapak berkenaan jika diusahakan mendatangkan hasil.

Tajuk SH03A - Jabatan Perikanan. Apakah usaha Jabatan Perikanan untuk mengaktifkan tangkapan zon laut dalam melebihi 70 batu nautika, mengikut maklumat aktiviti penangkapan laut dalam hanya aktif di sekitar 70 batu nautika, walaupun tawaran meliputi 200 batu nautika. Apakah ada perancangan untuk membukakan lagi tawaran kepada syarikat-syarikat yang berminat untuk menerokai zon tangkapan laut dalam melebihi 70 batu nautika.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Pelancongan:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Soalan pertama, apakah ada garis panduan bagi Pengarah Pertanian untuk

meluluskan permohonan Tapak Tanah Pertanian, penawaran tanah 5 hektar ataupun kurang?

Jabatan ini mempunyai jawatankuasa mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh kementerian. Jawatankuasa itu bersidang secara *regular* tertakluk kepada permohonan-permohonan. Prosedur biasa *check and balance*, walaupun mesyuarat menilai itu akan dibuat oleh jabatan. Tetapi akan dihadapkan kepada Setiausaha Tetap dan Menteri sebagai *check and balance* sahaja dan sebagai rekod kepada Setiausaha Tetap dan Menteri supaya pegawai kita mengikut garis panduan yang ditetapkan. Mungkin ada penilaian lain daripada Setiausaha Tetap dan Menteri patut dipertimbangkan yang perlu diambil kira. Tetapi bukanlah bererti Menteri itu menangguhkan cadangan itu kepada beberapa minggu cuma sebagai prosedur kebenaran daripada Menteri.

Terima kasih atas penghargaan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari mengenai dengan Projek Empangan Imang. Kita baru sahaja mendapat kebenaran untuk *contractor* memulakan kerja untuk mendalami Telaga Imang yang akan dapat membantu kita meningkatkan jumlah air yang dapat disalurkan kepada peladang-peladang di kawasan Daerah Brunei Muara.

Terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari atas sokongan mengenai kaedah kita menarik balik tanah yang tidak

diusahakan tetapi bukan untuk di *blacklist* sesiapa tetapi cuma memastikan tanah itu diusahakan. Kalau orang tersebut belum bersedia, tanah itu akan ditawarkan kepada orang lain dahulu kerana ia nanti akan dilayan setelah ia bersedia memulakan usahanya.

Apakah perancangan kerajaan atau Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan mengenai perikanan untuk membolehkan lebih banyak aktiviti penangkapan ikan di laut dalam melebihi daripada 70 batu nautika dari pantai.

Seperti yang kaola telah maklumkan juga masa soalan Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin memang kita menggalakkan lebih banyak orang aktif dalam penangkapan ikan di laut dalam Zon 3 dan Zon 4 dan ketika ini, seperti yang saya maksudkan tadi kita menghadapi *pleasant surprise* iaitu kejutan yang sangat dialu-alukan apabila dalam tempoh 18 bulan yang lalu telah banyak kapal yang didatangkan ke mari sama ada melalui pengusaha yang sudah ada di sini atau melalui *joint venture*, kebanyakan yang *joint venture* untuk aktiviti penangkapan ikan tuna di laut dalam Zon 3 dan Zon 4.

Saya kira masih ada ruang untuk dibukakan kepada beberapa orang peserta lagi dan harus dimaklumi bahawa ini memerlukan kapal yang besar kerana mereka bertahan di laut beberapa minggu juga.

Seperti yang kaola sebut dalam mukadimah kaola, satu daripada inisiatif kita ialah untuk melabuhkan 'lawa-lawa'

di laut dalam. Peruntukan telah pun disediakan oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi untuk dilaksanakan untuk tahun ini juga.

'Lawa-lawa' ini merupakan tempat berlindung ikan-ikan tuna dan ikan-ikan lain supaya mereka bertahan di perairan kita tidak terus melintas macam dari Filipina terus ke tempat lain atau ke Sarawak terus ke Filipina. Mereka akan berteduh di sini beberapa lama dan di situlah peluang nelayan kita untuk menangkap ikan, ikan besar seperti ikan tuna. Disebabkan ikan tuna ini mempunyai pasaran yang sangat baik di negara Jepun dan negara China dan kebanyakan mereka memproses di sini sebelum mengeksport dijadikan *saku* untuk dibuatkan *sushi* atau *sashimi* di negara Jepun.

Jadi, itu yang inisiatif yang besar buat masa ini, dan inisiatif lain lagi ialah *private sector*, membeli kapal-kapal besar membolehkan mereka dapat menangkap ikan dan malah memproses ikan di kapal mereka sendiri sebelum mereka pulang kemari ke darat.

Yang bagus sekali ialah dengan adanya lebih banyak ikan tuna dan ikan *skipjack* akan menggalakkan lebih banyak proses, aktiviti pemprosesan di Brunei dan *packaging* di Brunei untuk eksport. Sekian dulu yang dapat saya sampaikan Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

**Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman:** بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola ingin menyentuh mengenai Tajuk SH06A - Jabatan Kemajuan Pelancongan dengan peruntukan \$2,363,660.00.

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ Jabatan Kemajuan Pelancongan telah pun melancarkan satu pakej baharu dengan memperkenalkan *Discover Brunei* bertujuan untuk menampilkan Serasa dan Pekan Muara sebagai Kawasan yang terkenal dalam mempromosikan pelancongan sekali gus menarik penduduk tempatan serta pelancong antarabangsa ke Pekan Muara. Kaola ingin mencadangkan bagi menambah baik dan meningkatkan lagi nilai pakej *Discover Muara*:

1. Cadangan untuk meluaskan dan mendalamkan lagi kawasan perairan Pelabuhan Muara. Kapal-kapal besar seperti kapal persiaran yang lebih besar memerlukan Kawasan yang luas dan dalam untuk memasuki Pelabuhan Muara;
2. Cara untuk menarik lebih ramai pengusaha tempatan untuk berniaga di pusat kapal persiaran. Kawasan adalah tempat terkawal dan tidak dibukakan kepada orang ramai. Dicapangkan pusat kapal persiaran dibukakan kepada peniaga setiap hari bukan sahaja waktu ada kapal persiaran. Adakan suatu kawasan

di mana orang ramai boleh melalui untuk membeli di pusat berkenaan;

Cadangan bagi diadakan bangunan perniagaan bumiputera bagi menjual kraftangan dan barang-barang hasil Majlis Perundingan Kampung dan dilengkapi dengan dewan bagi kegiatan-kegiatan sukan dan aktiviti-aktiviti belia Mukim Serasa;

3. Bukit Tempayan Pisang merupakan salah satu produk pelancongan di dalam *Discovery Muara* yang dilancarkan pada 2 Mac yang lalu. Tempat ini juga menjadi tarikan kepada penduduk tempatan dan juga luar negeri yang bekerja di Brunei untuk *jogging* dan beriadah.

Dicadangkan supaya laluan untuk menaiki bukit berkenaan di naik taraf dengan membina tangga yang sesuai supaya ia akan lebih memudahkan semua golongan dari peringkat umur untuk naik dan menikmati pemandangan indah di atas bukit berkenaan; dan

4. Dicapangkan tapak lombong arang batu sebagai sejarah purbakala sebelum ada minyak dan gas.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:**

Semua cadangan-cadangan ini akan diteliti dan akan dirundingkan dengan agensi-agensi berkenaan untuk melaksanakannya meluaskan lagi mendalami Pelabuhan Muara. Pusat

perniagaan dibukakan kepada orang ramai dan dewan bagi belia-belia untuk berekreasi di Serasa dan Bukit Tempayan Pisang dikukuhkan tangga-tangganya supaya mudah dinaiki oleh orang ramai dan tempat lombong arang batu dijadikan sebagai pusat sejarah yang sesuai akan difikirkan bersama agensi-agensi yang tertentu.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

**Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Soalan saya mengenai Tajuk SH04A - Jabatan Pertanian dan Agrimakanan iaitu tanaman buah-buahan tempatan. Terdapat satu tapak tanaman buah-buahan tempatan terletak di Kampung Perdayan, saya difahamkan tapak tersebut dijadikan pusat kajian tanaman pokok buah-buahan tempatan seperti buah tampoi, rambai, pitabu, munungan, surapit dan lain-lain lagi. Pada masa yang sama juga tanaman boleh juga ditanam dengan buah-buahan durian seperti durian kuning, otak udang galah, simpur, siunggung, suluk, pulu dan seumpamanya.

Jika kita tidak jaga dan pelihara kemungkinan buah-buahan yang dinyatakan itu akan pupus dan hilang tinggal nama sahaja. Terdapat tempat berkenaan kemungkinan juga boleh

dijadikan sebagai pusat tarikan baharu bagi pengemar peminat-peminat buah-buahan tempatan dan pada masa yang sama boleh menarik pelancongan baharu di samping tempat pelancongan sedia ada seperti Bukit Patoi.

Soalannya, apakah ada kemungkinan tapak tersebut pihak berkenaan meneruskan usaha memelihara atau dapat kita tawarkan kepada yang berminat untuk dijadikan sebagai pusat kajian dan pusat pelancongan baharu di Daerah Temburong?.

Seterusnya Tajuk SH02A – Jabatan Perhutanan, hasil hutan. Kebenaran penduduk kampung mengambil hasil hutan bagi tujuan perekonomian.

Soalannya, adakah pihak berkenaan ada rancangan mereviu peraturan-peraturan perhutanan semula bagi membenarkan penduduk kampung mengambil hasil hutan yang impak dari peraturan berkenaan masa kini serba sedikit telah menyebabkan kekurangannya penghasilan produk-produk daripada hasil hutan seperti kraftangan daripada kayu dan rotan.

Sehubungan dengan itu. **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** Majlis Perundingan Kampung Lepong Baru telah mengambil inisiatif bagi menanam semula pokok rotan bagi menambah khazanah hasil hutan daripada pupus. Adalah diharapkan supaya pihak berkenaan akan memberikan sokongan dan bantuan yang bersesuaian mengenainya.

Terakhir, di Daerah Temburong terdapat 5 buah ladang kemajuan luar bandar yang telah diluluskan ditanam dengan pelbagai pokok-pokok buah-buahan tempatan dan 7 buah kawasan lagi masih dalam penilaian.

Saya ingin mengetahui sejauh mana perkembangan ladang-ladang yang dimaksudkan termasuk ladang yang masih dalam pertimbangan.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

#### **Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu. Kaola akan menjawab satu soalan sahaja dahulu Yang Berhormat Pengerusi, yang lain itu kaola akan menjawab kemudian.

Berkenaan dengan Stesen Kemajuan Pertanian Perdayan Daerah Temburong. Stesen Kemajuan Pertanian Perdayan dimajukan pada 1 April 1987. Sebelum diambil oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan ianya diusahakan oleh syarikat swasta yang dikenali sebagai *Labu Estate*.

Sebahagian besar tanaman lama terdapat di stesen ditanam oleh syarikat tersebut. Objektif stesen ialah mewujudkan koleksi pelbagai jenis buah-buahan tempatan, sumber Pendidikan dan informasi pendidikan, pemuliharaan *bio-diversity* buah-buahan tempatan, *botanical heritage* buah-buahan.



Fungsi stesen adalah sebagai pusat *arboretum* pengumpulan jana plasma buah-buahan asli tempatan dan luar negeri sebagai sebahagian kecil bagi tujuan pemuliharaan *bio-diversity* buah-buahan dan sumber genetik untuk kepentingan penyelidikan.

Stesen ini mempunyai kepelbagaian dan keunikan spesis buah-buahan asli tempatan. Sebelum ini stesen ini sering dikunjungi oleh pelancong-pelancong dari luar negara dan juga dijadikan tempat perkhemahan belia seperti Persatuan Pengakap dan institusi-institusi pengajian tinggi tempatan.

Pada masa ini jumlah koleksi tanaman yang terdapat di stesen ini adalah sebanyak 2,100 pokok yang terdiri daripada 77 jenis buah-buahan daripada 18 *family*.

Stesen Kemajuan Pertanian Sungai Perdayan adalah berkeluasan 24 hektar dan termasuk dalam Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Perdayan iaitu 59.8 hektar.

Bagi perancangan Jabatan Pertanian pada masa ini ialah:

1. Mengekalkan fungsi stesen sebagai Pusat *Arboretum* pengumpulan jana plasma buah-buahan asli tempatan dan luar negeri sebahagian kecilnya.
2. Manakala selebihnya akan ditawarkan iaitu seluas 35 hektar kepada pengusaha yang berminat dalam tanaman termasuk buah-buahan dan pelbagai tanaman.

Sekianlah sahaja jawapan kaola, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Beberapa orang Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah pun membuat pertanyaan-pertanyaan dan sokongan-sokongan yang telah juga dijawab dan diberikan pandangan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Yang Berhormat Menteri yang dilantik telah membuat pengakuan bahawa Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan akan menjawab selebihnya soalan-soalan yang belum dapat dijawabnya lagi. Jadi, tertakluk kepada itu, maka saya kira cukuplah bagi kita untuk merundingkan Belanjawan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan ini.

Adalah berpatutan sekarang bagi perkara ini kita Undi.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)**

Terima kasih nampaknya Ahli-Ahli Yang Berhormat bersetuju supaya Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan diluluskan.

**Yang Mulia Timbalan Jurutulis:** Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bagi Tajuk SH01A hingga Tajuk SH06A dijadikan sebahagian daripada Jadual.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya kira saya ingin menangguhkan Mesyuarat Jawatankuasa ini dan kita balik bermesyuarat ataupun bersidang dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah pun berbincang dan mendengar beberapa orang Ahli Yang Berhormat Menteri-Menteri membuat kenyataan-kenyataan mengenai Rang Belanjawan masing-masing **إِنْ شَاءَ اللَّهُ**, maka saya kira cukuplah pada hari ini mesyuarat kita adakan dan saya suka untuk menangguhkan mesyuarat ini, kita akan bersidang semula pada hari Sabtu, 16 Mac 2019 seperti lazim pukul 9.00 pagi.

Sekian, **وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته**

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**YANG DI-PERTUA  
DAN AHLI-AHLI MAJLIS  
MESYUARAT NEGARA**

**HADIR:**

**YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN  
(PERDANA MENTERI DAN  
MENTERI-MENTERI):**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Ekonomi dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, PSNB., DPMB., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, PSNB., SPMB., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, PSNB., SPMB., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam.

**(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, PSNB., SPMB., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Mohd Hussein, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof, PSNB., SMB., PIKB., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, DPKT., SMB., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:**

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, DPKT., DPMB., SNB., PBLI., PJK., PKLP.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim, DPMB., SNB., PJK., PKL.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:**

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, PSB., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad, SMB.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari, PIKB.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, PIKB.

**AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'B', Zon 1 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Kota Batu, Zon 3 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PSB., PIKB., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 4 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, Ketua Kampung Limau Manis, Zon 5 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Zon 2 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, PJK., PKL., Penghulu Mukim Liang, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, PIKB., Ketua Kampung Labi I, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, SUB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Tanjong Maya, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Bokok, Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

#### **HADIR BERSAMA:**

Yang Dimulihkan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

#### **Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.00 pagi**

**Yang Dimulihkan Jurutulis:**  
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari ini, iaitu hari yang keenam, Sabtu, 9 Rejab 1440 bersamaan 16 Mac 2019 didahului dengan Doa Selamat.

#### **DOA SELAMAT**

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimulihkan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddin).

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ segala puji dan kesyukuran ke hadrat اللَّهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى kerana dengan limpah dan rahmat dan keizinan-Nya maka kita dapat pada pagi ini sekali lagi bersama-sama hadir untuk meneruskan lagi Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara yang bersidang bagi hari yang keenam.

Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita سَلَامٌ عَلَيْنَا مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Susunan Kerja kita pada pagi ini, segera kita mulakan dengan perbincangan Perkara V, Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis. Seperti mana biasa pada hari yang sudah-sudah, Soalan Jawab Lisan ini akan dihadkan kepada 5-6 soalan sahaja bagi membolehkan kita untuk meneruskan perbincangan dan penelitian kita terhadap Rang Undang-Undang Belanjawan yang belum kita luluskan secara keseluruhan.

**Yang Dimulihkan Jurutulis:** Soalan Jawab Mulut Yang Telah Diberi Notis. Soalan No.14 daripada Yang Berhormat

Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

**Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
 Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola ingin menunjukan Soalan-Soalan Yang Diberi Notis berkenaan dengan bantuan tanah susur dan kebakaran rumah. Sebahagian daripada mangsa yang menerima bantuan akibat dari malapetaka tanah susur dan kebakaran yang ditempatkan di kediaman sementara adalah mereka dari golongan berpendapatan rendah terutama sekali ibu tunggal yang mempunyai bebanan dan tanggungan yang banyak.

Hala tuju bantuan bagi jangka panjang kepada mereka ini nampaknya terhenti begitu sahaja kerana untuk memohon Skim Perumahan Negara tidak diberikan keutamaan dan membangun semula di tapak rumah lama juga tidak dapat dipertimbangkan atas sebab-sebab keselamatan dan lain-lain.

Soalan kaola, adakah cadangan pihak yang berkenaan untuk memberikan bantuan yang sewajarnya supaya mereka ini dapat mempunyai rumah yang sesuai dan dapat menikmati tempat tinggal yang selesa diturunkan kepada anak-anak atau waris mereka nanti?

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
 Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan setinggi-tinggi menjunjung kasih kepada Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman atas soalan mengenai bantuan tanah susur dan kebakaran rumah.

Bagi menjawabnya, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa prihatin dalam memastikan golongan susah termasuk mangsa-mangsa bencana alam dan kebakaran mendapat bantuan tempat tinggal sementara yang selesa dengan secepat mungkin sebelum mereka mendapat tempat tinggal yang tetap.

Sebelum kaola memberikan sedikit penerangan mengenai proses bagi mendapatkan tempat tinggal dalam jangka masa panjang, kaola ingin mengongsikan peranan kementerian ini dalam membantu mangsa-mangsa bencana alam dan kebakaran.

Dari aspek perumahan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan menyediakan tempat tinggal sementara, iaitu 2 buah pusat penempatan sementara di Daerah Brunei Muara bertempat di Kampung Belimbing Subok dan Jalan Sentosa, yang dikhaskan bagi penempatan segera

mangsa-mangsa bencana alam dan kebakaran di samping bagi golongan susah.

Pada ketika ini, sebanyak 33 unit penempatan sementara didiami oleh mangsa kebakaran, 5 unit didiami oleh mangsa tanah susur dan 6 unit didiami oleh mangsa rumah roboh di samping 45 unit yang didiami oleh golongan susah yang ditempatkan di pusat-pusat yang sama.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan masih mempunyai 14 buah unit kosong di pusat-pusat ini dan kita juga bersyukur kerana pada bulan ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan menerima sebuah rumah pangsa yang mempunyai 32 unit tempat tinggal di Kampung Sungai Akar dari Jabatan Kemajuan Perumahan untuk tujuan yang sama. Pada dasarnya, kita mempunyai perumahan yang mencukupi dan bersedia untuk menerima mangsa-mangsa bencana alam secara penempatan sementara.

Kaola juga ingin mengongsikan bahawa bagi meringankan beban mangsa-mangsa berkenaan, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam turut menghulurkan bantuan kepada mereka dari aspek kewangan yang dengan kadar jumlah pemberian adalah tertakluk kepada tahap kerosakan yang dialami.

Pada tahun 2018, sejumlah 637 orang telah menerima bantuan ini yang meliputi mangsa-mangsa kebakaran,

banjir, angin kencang, tanah susur dan rumah roboh dengan jumlah hampir \$350 ribu secara keseluruhannya. Tekad Pemeduliaan Orang Ramai (TPOR), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan adalah untuk mengagihkan bantuan kewangan tidak melebihi tempoh 2 bulan.

Mengenai penyediaan rumah kekal iaitu bantuan bagi jangka masa panjang, prosesnya melibatkan penyelarasan pelbagai pihak, iaitu:

- 1 Melalui Kementerian Pembangunan yang akan mempercepatkan bantuan perumahan di bawah Jawatankuasa *Housing Focus Group (HFG)* mengikut kesesuaian. Menurut maklumat yang dikongsikan daripada jawatankuasa ini, sebanyak 1,526 unit aset kerajaan seperti flat, berek dan rumah yang kosong telah diteliti untuk diperbantukan kepada agensi-agensi yang memerlukan bagi kes bantuan yang diberi keutamaan atau kes *emergency* termasuk mangsa bencana alam dan kebakaran;
- 2 Bantuan pembinaan rumah melalui Bahagian Undang-Undang dan Kesejahteraan, Jabatan Perdana Menteri selaku Urus Setia Jawatankuasa Bertindak Penyediaan Pembinaan Bantuan Perumahan bagi golongan daif, fakir dan miskin. Projek bantuan pembinaan rumah ini, diusahakan dengan kerjasama Kementerian Pembangunan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Kebudayaan, Belia



dan Sukan. Projek ini dibayai sepenuhnya oleh Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) melalui Kumpulan Wang Zakat dan diberikan keutamaan kepada mangsa-mangsa bencana alam dan kebakaran. Urus setia projek ini juga akan bekerjasama dengan pihak Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) untuk mendapatkan perumahan sementara (rumah sewa), sementara menunggu rumah bantuan tersebut siap dibina; dan

- 3 Melalui Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) bagi bantuan mendapatkan perumahan di bawah Asnaf Zakat. Dalam tempoh 5 tahun kebelakangan ini, pihak Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) telah membina atau memperbaiki atau membeli sejumlah 103 buah rumah bagi golongan ini.

Kaola juga ingin memaklumkan bahawa Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan turut membantu dalam pembinaan perumahan secara kekal bagi mangsa bencana alam dan kebakaran, termasuk golongan susah yang diungkapkan secara kerjasama antara pihak JAPEM dengan rakan-rakan strategik yang mempunyai dana seperti pihak Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah dan pihak Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dari aspek bantuan tenaga dan kepakaran.

Di bawah inisiatif ini, sejumlah 16 buah rumah telah dibina atau dibaik pulih dalam tempoh 5 tahun kebelakangan ini. Bagi tahun 2019, sasaran Kementerian

Kebudayaan, Belia dan Sukan adalah untuk membantu pembinaan 2 buah rumah kepada orang susah yang dikenal pasti.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Dimuliakan Jurutulis:** Soalan No. 15 daripada Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

**Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad:** بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Soalan saya ialah mengenai dasar negara mengenai kesukarelawanan. Gerakan sukarelawan semakin rancak di Negara Brunei Darussalam dan ini dilihat lagi dengan pengiktirafan seperti Hari Sukarelawan Antarabangsa dan Anugerah Khidmat Belia yang diberikan semasa Hari Belia Kebangsaan. Namun begitu ada beberapa perkara yang perlu dilihat oleh pihak kerajaan dengan mewujudkan satu kerangka kerja sukarelawan yang bersesuaian seperti dasar, perintah atau akta di peringkat kebangsaan yang mengawal perkara ini.

Selain daripada itu definisi beberapa perkara masih lagi samar-samar seperti aktiviti untuk mendapat keuntungan (*for profit activities*) juga menggunakan nama sukarelawan bagi kerja yang seharusnya dibayar gaji.

Pertanyaan saya ialah:

1. Apakah dasar kerangka kerja mengenai sukarelawan bagi menyelaraskan pergerakan sukarelawan di peringkat negara, termasuk menggalakkannya lagi di peringkat kerajaan, swasta, institusi pendidikan dan masyarakat?;
2. Sejauh manakah perlindungan yang diberikan kepada sukarelawan bagi menjaga kebajikan, keselamatan dan kesejahteraan mereka. Ini termasuklah juga kepada penganjur program sukarelawan tersebut.; dan
3. Dapatkah pihak yang berkenaan memberikan definisi "sukarelawan" supaya ia tidak boleh digunakan oleh pihak-pihak yang menggunakan "sukarelawan" bagi mengadakan aktiviti-aktiviti untuk meraih keuntungan ataupun "for profit"?

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad atas soalan terhadap Dasar Sukarelawan. Kaola melihat bahawa ketiga-tiga soalan mempunyai hubung kait dan akan menjawab soalan ini secara keseluruhan.

Sebelum menjawabnya, KKBS memperakui bahawa sukarelawan merupakan rakan strategik yang turut

memainkan peranan penting dan memberikan impak dalam menangani isu semasa. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ penglibatan sukarelawan, yang terdiri daripada semua peringkat umur, tua dan muda dan lapisan masyarakat dapat dibanggakan kerana mereka boleh bergerak secara sendiri dengan *outreach* yang meluas bukan sahaja dalam negara bahkan di peringkat antarabangsa.

Dikongsikan, berdasarkan laporan-laporan yang diterima oleh KKBS pada tahun 2018, terdapat 6,615 ahli sukarelawan terdiri daripada golongan belia daripada persatuan-persatuan belia dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan; Pergerakan Belia dan Majlis Perundingan Kampung (MPK). Kita amat bersyukur lebih dari 95% tergolong dalam kalangan belia. Mereka turut sama melaksanakan hampir 300 aktiviti pelbagai aspek termasuk alam sekitar, sosial, keusahawanan, pendidikan, sukan dan kesihatan. Walau bagaimanapun, jumlah ini tidak memberikan gambaran yang sepenuhnya kerana kita percaya jumlah sukarelawan dan aktiviti adalah jauh lebih tinggi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Berhubung soalan yang diutarakan mengenai Dasar Sukarelawan. KKBS menyambut baik soalan tersebut kerana kita amat bersetuju dengan pendapat dan pandangan bagi adanya keperluan untuk mewujudkan satu dasar yang merangkumi semua aspek kesukarelawan seperti definisi, perlindungan, kesejahteraan, kebajikan dan keselamatan sukarelawan. Ke arah

ini dan seperti mana kaola ketengahkan semasa Majlis Mesyuarat Negara tahun lepas, KKBS amat menggalakkan penubuhan sebuah badan sukarelawan di peringkat kebangsaan sama ada majlis ataupun yang bersesuaian bagi menggerak dan menyelaras aktiviti sukarelawan secara kolektif dan ianya hendaklah digerakkan oleh ahli sukarelawan sendiri.

Sebagai langkah ke hadapan, kementerian ini akan mengadakan perbincangan lanjut bersama pihak *Pro Tem* yang ditubuhkan pada tahun 2017 dan terlibat sama pihak sukarelawan untuk menyediakan satu garis panduan sebagai langkah awal kepada Dasar Sukarelawan. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** penyediaan garis panduan akan dipercepatkan dan disasarkan untuk siap pada awal tahun 2020. Pada masa ini, kita juga sedang meneliti amalan-amalan terbaik luar negara seperti *Volunteer Management Toolkit*.

Sekian terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Dimulihkan Jurutulis:** Soalan No. 16 daripada Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

**Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Soalan No. 16 ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan berkenaan dengan penyelarasan pangkalan data

jaringan sosial (*safety net data base*). Dengan ini saya mengumumkan untuk menarik balik soalan tersebut. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Dimulihkan Jurutulis:** Soalan seterusnya iaitu Soalan No. 17 daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan juga.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ** Soalan kaola ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan iaitu soalan mengenai Pembinaan Akademi Seni Budaya Negara. Yang kaola maksudkan ialah akademi yang berfungsi sepenuhnya sebagai sebuah akademi yang sebenarnya iaitu segala kegiatan seni budaya disalurkan dan diaktifkan melalui akademi sendiri.

Kaola mengambil maklum dan diberitahu bahawa sudah ada tapak bagi pembinaan Akademi Seni Budaya ini yang telah pun diwujudkan beberapa tahun yang lalu tetapi masih belum dapat direalisasikan pembinaannya.

Kaola ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan, bilakah kiranya Akademi Seni Budaya ini akan

mula dibangunkan? Dengan adanya Akademi Seni Budaya itu nanti dapatlah insan seni, budayawan, sasterawan dan lain-lain bergantung harap dan bergiat dengan lebih bersemangat dan penuh inspirasi demi memartabatkan seni budaya bangsa. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim atas soalan mengenai pembinaan Akademi Seni Budaya Negara bahawa persoalan tersebut pernah dikemukakan sebelum ini. Ia mencerminkan kepentingan perkara ini untuk direalisasikan.

Kaola mengongsikan bahawa sebagaimana yang diutarakan semasa mukadimah dan jawapan dalam sesi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara Tahun 2017, KKBS memang merancang untuk menubuhkan sebuah Akademi Kesenian dan Kebudayaan yang akan memenuhi hasrat negara dalam memartabatkan warisan serta seni dan budaya negara seterusnya menyediakan tenaga kerja yang dapat menjana ekonomi negara melalui industri kebudayaan dan kreatif.

Dalam hal ini, kita melihat penubuhan akademi hendaklah melalui proses secara berperingkat-peringkat. Apa yang

penting ialah pengisian kursus yang akan ditawarkan oleh akademi berkenaan sebelum pembinaan sebuah bangunan. Justeru, sebagai langkah permulaan penubuhan akademi ini, kementerian telah merangka dan menjalankan pelbagai program pembinaan kapasiti dalam bidang kesenian dan kebudayaan melalui kegiatan seperti:

1. Penubuhan Kumpulan Citra Belia Kebangsaan yang telah berjaya mengumpulkan dan mengajar para belia dalam bidang kesenian muzik, seperti gulingtangan. Ia akan dilaratkan lagi kepada bidang seni muzik yang lain termasuk orkestra tradisional dan orkestra filharmonik serta koir kebangsaan;
2. *Masterclass* yang bertujuan untuk mengajar penggiat seni dalam seni muzik, seni nyanyian dan seni tari tradisional;
3. Pengajaran, bengkel, kursus dan taklimat seni budaya kepada para pelajar institusi pengajian tinggi, belia dan orang ramai; dan
4. Secara dasarnya, pada tahun 2018, sebanyak 3 Program Perjalanan Kebudayaan, 4 Program Promosi, 49 Program Kesedaran dan Praktikal, dan *outreach* dan 9 pertukaran kebudayaan telah dilaksanakan.

Pada keseluruhannya, proses penubuhan akademi dijadualkan bermula setelah penyediaan kurikulum yang komprehensif di samping tenaga pengajar yang berkepakaran. Kita

menyasarkan bagi penyediaan kurikulum ini untuk siap pada pertengahan tahun 2020. Dalam masa yang sama Kementerian sedang meneliti beberapa ruang sementara untuk dijadikan sebagai bangunan Akademi Seni dan Budaya. Antara tempat yang dikenal pasti termasuk galeri seni yang **إِنْ شَاءَ اللهُ** akan dipertingkatkan ataupun dinaik taraf pembangunannya.

Selain daripada itu, keperluan bagi pembinaan bangunan khusus dan tetap juga sedang dikaji dan kita belum ada sasaran yang tetap bagi pembangunan yang khusus untuk dibina pada masa ini. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Dimuliakan Jurutulis:** Soalan Jawab Mulut yang terakhir pagi ini ialah Soalan No. 18 daripada Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

**Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis:** بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Soalan saya mengenai kebudayaan seni lukis dan pertukangan tangan. Pada tahun ini, iaitu 2019 Negara Brunei Darussalam sudah pun mencapai kemerdekaan 35 tahun.

Sejauh ini mengalami pelbagai kemajuan dan pembangunan serta perubahan yang cepat tetapi apa yang kurang dilihat ialah perkembangan dan kemajuan dari segi kesenian iaitu bidang seni lukis dan pertukangan

tangan serta tarian kebudayaan walaupun sudah ada pusat kesenian. Untuk mengembangkan lagi kesenian dan kebudayaan dalam seni lukis dan pertukangan tangan.

Saya ingin bertanya, adakah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bercadang untuk mengadakan Perkampungan Kebudayaan dan Kesenian bagi memberikan peluang kepada pencinta seni lukis dan pertukangan tangan mempamerkan dan memperlihatkan kebolehan-kebolehan mereka di samping untuk dipamerkan kepada orang ramai dan pelancong-pelancong dan juga menjual hasil karya masing-masing untuk mendapatkan hasil? Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:**

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis atas soalan mengenai penubuhan Perkampungan Kebudayaan dan Kesenian.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan turut mementingkan perkembangan seni lukis dan pertukangan tangan termasuk penjana ekonomi melalui industri kreatif. Ke arah ini, kita akan terus meningkatkan penglibatan dan pemerksaan penggiat seni untuk memajukan seni, budaya dan warisan. Ini memerlukan penyediaan wadah dan ruang.

Dalam menjawab soalan Yang Berhormat, KKBS sedang meneliti dan mengkaji keperluan bagi mengadakan bangunan khusus dan tetap Perkampungan Kebudayaan dan Kesenian. Pada ketika ini, kita menggunakan wadah dan ruang yang ada dengan sepenuhnya untuk dijadikan sebagai *cultural space* yang boleh memainkan peranan tersebut serta menyokong pelaksanaan bidang seni dan budaya sebagai salah satu daripada mata pencarian dan meningkatkan industri kreatif negara yang antaranya termasuk:

1. Galeri Seni Dermaga Diraja Bandar Seri Begawan diberikan secara percuma kepada penggiat seni untuk berkarya di samping menjual hasil karya seni masing-masing. Kita telah pun merancang Kalendar Galeri Seni bagi sepanjang tahun 2019;
2. Pusat Belia juga dibukakan kepada para penggerak seni dalam pelbagai bidang industri kreatif seni untuk mempamerkan seni dan budaya antaranya melalui Projek Malam Minggu Pusat Belia. Ini adalah inisiatif yang baharu; dan
3. Di samping itu, kita juga akan terus membukakan ruang-ruang seperti di muzium-muzium dan galeri lain untuk para penggiat seni mempamerkan hasil kesenian mereka kepada orang ramai melalui pameran-pameran berkala.

Seperti mana diketengahkan, kita akan terus berusaha untuk memastikan ruang-ruang yang ada untuk

dimaksimumkan bagi penggiat seni. Kita juga harus memberi penghargaan dan pujian kepada para penggiat seni sendiri yang telah memberanikan diri untuk membuka galeri dan pusat-pusat pembelajaran seni masing-masing. Mereka juga telah mengadakan platform masing-masing untuk mempamerkan dan memasarkan hasil seni mereka.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ kita akan meningkatkan lagi kerjasama dengan pihak-pihak berkenaan untuk memajukan industri kreatif di negara ini. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

وبالله التوفيق والهداية السَّلامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

#### **Yang Berhormat Awang Haji Abdul**

**Hamid bin Haji Mumin:** Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola sukacita memohon izin untuk mengajukan soalan tambahan yang berhubung kait dengan Soalan-Soalan Yang Diberi Notis yang dihadapkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Paduka Awang Haji Abdul Rahim dan Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis.

Kaola amat tertarik dengan soalan-soalan bertulis ini yang telah sama-sama kita kongsi mengenai perkembangan-perkembangan kesenian dan kebudayaan Negara Brunei Darussalam dan kita juga merasa bangga kerana warisan-warisan budaya ini supaya tidak akan pupus ditelan zaman. Dengan adanya usaha-usaha yang dapat diaturkan oleh kementerian-kementerian yang berkenaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Izinkan kaola jua untuk mengenang semula, pada tahun 2017 dalam Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas, kaola pernah membuat persoalan yang sama iaitu untuk mewujudkan Sekolah Akademik Kebudayaan yang ditujukan dulu kepada Kementerian Pendidikan memandangkan pentingnya supaya persiapan-persiapan untuk warisan-warisan budaya ini tidak akan ditelan zaman.

Walau macam manapun, mengikut jawapan rancangan itu belum lagi dapat dibuat. **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ** melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, kaola ingin juga membuat soalan tambahan ini bukan sahaja kitani untuk memajukan seni sastera atau seni budaya....

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, apakah pertanyaannya?

**Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin:** Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola ingin menanyakan, apakah Seni Pencak Silat Negara Brunei Darussalam boleh dimasukkan juga kerana tidak disebut dalam Soalan-Soalan Yang Diberi Notis. Maka disarankan supaya akan dapat dibuat juga seni pencak silat Brunei umpamanya silat pencak asli Brunei dan lain-lain supaya akan dapat dipertahankan dan dibuat juga sekolah akademiknya atau sekolah yang boleh memberikan peningkatan dalam perkara ini. Itu sahaja yang dapat kaola

sampaikan. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Silakan.

**Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:**

**بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ** Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih juga pandangan yang telah pun dicadangkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin.

Dalam memberikan perkongsian, untuk menjawab cadangan tersebut, barangkali kaola ingin memberikan sedikit ulasan bahawa seperti mana dikongsikan tadi, penubuhan akademi hendaklah melalui proses secara berperingkat-peringkat. Apa yang penting yang perlu dibuat dahulu ialah pengisian kursus yang akan ditawarkan oleh akademik berkenaan sebelum pembinaan sebuah bangunan.

Pada dasarnya, *we are doing this in tandem*. Ertinya merancang jua bagi keperluan untuk pembinaan bangunan. Pada masa ini, kitani akan melihat bangunan yang secara itu dahulu, secara awal, sebelum pembangunan yang tetap untuk dibangunkan. Tetapi apa yang lebih penting ialah sebelum bangunan itu siap, pengisian kursus-kursus yang ditawarkan hendaklah dibuat dahulu. Kitani sudah melaksanakan kapasiti dalam bidang-bidang kesenian itu yang telah pun bermula, **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ** seperti mana yang telah pun saya maklumkan.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ mengenai cadangan pencak silat, kesenian ini begitu besar bukan sahaja tarian, seni tari, seni nyanyian dan seni muzik. Barangkali pencak silat itu mungkin dapat dilihat dan diteliti, kalau ia mempunyai kesinambungan kepada seni kitani Brunei, ia akan dimasukkan jua di dalam kurikulum bagi penubuhan akademi ini.

Jadi, terima kasih atas penelitian tersebut tetapi saya ingin sekali lagi mengongsikan bahawa kitani hendaklah melihat ia secara berperingkat dan *we have to do this in tandem. It is not about* bangunan sahaja, akan tetapi pengisian kursus dan pembuatan kurikulum mempunyai fungsi yang begitu besar. Kalau ada pembangunan akademi tetapi kurikulumnya masih lagi belum selesai dilaksanakan, inilah yang kitani pentingkan jua agar ia sehaluan kepada pembinaan bangunan tersebut.

Saya ingin menutup, seperti mana dalam mukadimah saya tadi, persoalan-persoalan ini mencerminkan kepentingan perkara ini untuk direalisasikan. Memang hasrat Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk merealisasikan bagi pembinaan Akademi Seni Budaya Negara untuk dilaksanakan, seperti mana jua yang telah pun dikongsikan dalam Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara tahun 2017. إِنْ شَاءَ اللَّهُ ia adalah satu keutamaan untuk difikirkan dan direalisasikan. Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Saya kira seni pencak silat ini bukan

sahaja dilihat sebagai satu kesenian, tetapi saya harap ia juga dilihat sebagai satu aktiviti *sports* yang kitani ketahui sudah ada usaha di seluruh dunia untuk mengiktiraf ia sebagai satu *event* yang diminati oleh ramai negara luar Kepulauan Melayu. Jadi, seperti juga barangkali *sports* yang lain iaitu *taekwondo* dan yang lain-lain itu, pencak silat juga mempunyai peranannya yang tersendiri dan dalam upacara *event* seperti *Southeast Asian Games (SEA Games)* dan seumpamanya, ia memainkan satu peranan yang agak penting. Saya kira ia menepati soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu tadi.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya berpendapat, cukuplah dahulu. Kita telah pun melihat 5 Soalan Yang Diberi Notis yang telah pun dijawab secara jelas oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan dan sebagaimana telah saya nyatakan awal-awal tadi bahawa kita mempunyai perkara yang amat mustahak bagi kita menyelesaikannya secepat-cepat yang boleh iaitu untuk membincangkan dan meluluskan Rang Undang-Undang Belanjawan yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Maka bagi membolehkan kita meneliti Rang Undang-Undang Belanjawan ini dan membahaskannya satu per satu, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita bersidang semula di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.



**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)**

**Yang Berhormat Pengerusi:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sekarang bersidang di peringkat Jawatankuasa bagi menimbangkan dan membahaskan Rang Undang-Undang (2019) Perbekalan, 2019/2020. Pada mesyuarat yang lalu iaitu pada hari Khamis lepas, kita telah meluluskan Tajuk Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Walau bagaimanapun, sebelum kita menyambung untuk membahaskan ke Tajuk kementerian selanjutnya, saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan ingin sekali lagi untuk memberikan kenyataan lanjut atau jawapan terhadap soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang belum sempat dijawabnya pada hari yang berkenaan.

Maka saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Silakan.

**Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:**  
Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi kerana mengizinkan kaola untuk

menjawab beberapa soalan yang kaola tidak sempat menjawab pada sesi yang lepas.

Soalan pertama yang akan kaola cuba jawab ialah soalan daripada Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput iaitu berkenaan sebuah bangunan stor yang telah dibangunkan di Stesen Pertanian Labi dalam tahun 2016. Difahamkan stor tersebut digunakan sebagai tempat bekalan baja dan racun akan tetapi pada masa ini bangunan tersebut terbengkalai sehingga sekarang.

Sebagai jawapan, perancangan awal tapak tersebut dibina khusus untuk stor baja, insentif bagi peladang-peladang di Mukim Labi dan sekitarnya. Seperti lazimnya, proses membangun bangunan kerajaan adalah melalui agensi-agensi kerajaan yang berkaitan. Satu syarikat telah dianugerahkan untuk membina bangunan tersebut dengan harga kontrak berjumlah \$615,340.19 iaitu (harga kontrak pindaan).

Walau bagaimanapun, pihak kontraktor pembinaan bangunan tersebut tidak sempat melaksanakannya dalam tempoh tahun kewangan yang ditetapkan dan aktiviti pembinaan diberhentikan mulai 22 Ogos 2016.

Perancangan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan bagi tapak tersebut ditawarkan kepada pengusaha-pengusaha yang berminat memajukan tapak tersebut untuk pembangunan industri pertanian berteknologi tinggi. Tawaran tapak tersebut akan dikeluarkan pada April 2019 ini.

Di samping itu juga, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan mengambil maklum dan akan mempertimbangkan cadangan Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, untuk meneruskan pelaksanaan pembinaan bangunan bagi penyimpanan baja dan racun bagi kemudahan pengusaha-pengusaha pertanian di kawasan pedalaman di Mukim Labi, Mukim Bukit Sawat dan juga Mukim Sukang, tertakluk juga kepada peningkatan jumlah pengusaha-pengusaha yang meneruskan aktiviti pertanian di mukim-mukim berkenaan.

Selanjutnya, kaola ingin menjawab soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin iaitu berkenaan dengan Muzium Perhutanan. Apakah muzium ini akan terus terpelihara dari semasa ke semasa bagi memelihara mutu nilainya dan diangkat nilai tarafnya bagi tujuan rujukan, kajian, penyelidikan dan ilmiah. Pada masa yang lalu, muzium ini banyak pengunjug dalam kalangan pelajar, pelancong dari luar dan dalam negara. Sejak kebelakangan ini muzium ini telah ditutup bagi kunjungan orang ramai.

Sebagai jawapan, Muzium Perhutanan merupakan salah satu inisiatif yang telah didirikan oleh kakitangan Jabatan Perhutanan sendiri pada tahun 1985. Sejak ia dibukakan kepada orang ramai, muzium ini telah menjadi salah satu tarikan kepada penuntut-penuntut sekolah dan juga telah dijadikan sebagai satu tempat persinggahan agensi-agensi pelancongan sebelum meneruskan perjalanan membawa pelancong

ke Mukim Labi atau ke tapak-tapak pelancongan di Daerah Belait seperti *Billionth Barrel Monument, Oil and Gas Discovery Center (OGDC)*.

Selain berfungsi sebagai pusat maklumat bagi perhutanan, Muzim Perhutanan ini juga mengetengahkan maklumat mengenai kepelbagaian sumber hutan negara, peralatan kayu yang dahulunya digunakan di negara ini seperti mesin pengisar padi, mesin-mesin dan alat-alat lama yang digunakan bagi tujuan pembalakan serta produk tradisional yang dihasilkan dari sumber hutan.

Muzim Perhutanan merupakan sebuah bangunan yang kecil dan telah berusia 34 tahun. Dari segi struktur, ia tidak lagi berkemampuan untuk menampung jumlah pelawat yang ramai. Maka, Jabatan Perhutanan merancang untuk memindahkan barang-barang pameran ke sebuah bangunan di Taman Rekreasi Hutang Sungai Liang yang difikirkan bersesuaian untuk menempatkan barang-barang pameran, memandangkan taman ini sering dikunjungi oleh orang ramai.

Barangkali juga yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat ini adalah berkaitan dengan Herbarium Negara yang juga ditempatkan di Pusat Perhutanan Sungai Liang. Herbarium Negara merupakan tempat penyimpanan koleksi spesimen tumbuh-tumbuhan kering yang terdiri daripada spesis pokok-pokok dan tumbuh-tumbuhan herba yang terdapat tumbuh di negara ini dan ia juga sebagai khazanah negara. Sehingga ini Herbarium Negara telah menyimpan

sebanyak leibh kurang 45 ribu koleksi tumbuh-tumbuhan.

Herbarium Negara ini berperanan sebagai pusat rujukan penting bagi biodiversiti hutan negara, khususnya tumbuh-tumbuhan dan juga merupakan pusat ilmiah, pengajian dan penyelidikan spesis hutan-hutan negara yang sering dimanfaatkan dan dijadikan sebagai sumber rujukan oleh para graduan, pensyarah dan penyelidik serta saintis dari dalam dan luar negara.

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan ini mengalu-alukan cadangan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin bagi Muzium Perhutanan dan Muzium Negara digunakan sebagai pusat rujukan, pembelajaran Kementerian Pendidikan dan juga mana-mana kementerian atau agensi-agensi yang berminat.

Walau bagaimanapun, mengenai dengan menggabungkannya bersama dengan Kementerian Pendidikan untuk mewujudkan sebuah Universiti Pertanian dan Perhutanan, perkara ini belum lagi ada dalam perancangan kementerian ini, memandangkan ia memerlukan penyelidikan yang terperinci akan keperluan kesesuaiannya. Pada masa ini, kemudahan yang disebutkan tadi memang sudah diguna pakai oleh penuntut-penuntut, para graduan, pensyarah dan penyelidik serta saintis dari dalam dan luar negara.

Soalan yang Ke-3 adalah daripada Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu iaitu berkenaan hasil hutan

sama ada rancangan untuk merebui peraturan-peraturan perhutanan bagi membenarkan penduduk kampung mengambil hasil hutan yang impak dari peraturan-peraturan berkenaan masa ini serba sedikit telah menyebabkan kekurangan penghasilan produk-produk dari hasil hutan seperti kraf tangan daripada kayu dan rotan.

Sebagai jawapan, Jabatan Perhutanan selaku pihak yang bertanggungjawab dan memelihara, melindungi dan mengurus sumber hutan negara ini telah sedang dan akan meneruskan peranannya bagi memastikan dan menitikberatkan keseimbangan ekosistem hutan dan keperluan sosial iaitu bagi maksud tujuan rekreasi dan penkomersialan perniagaan.

Pada dasarnya, Jabatan Perhutanan tidak mempunyai halangan jika pengambilan hasil hutan adalah dijalankan oleh Majlis Perundingan Kampung bagi tujuan menghasilkan produk-produk dari bahan kayu dan rotan. Walau bagaimanapun sebarang pengambilan dari hasil-hasil hutan-hutan simpan atau hutan-hutan tanah kerajaan hendaklah mengikut prosedur-prosedur yang tertentu iaitu memohon kebenaran daripada pihak Jabatan Perhutanan lebih dahulu sebelum mengambil hasil hutan.

Pada lazimnya untuk tujuan ini, jenis kebenaran yang diberikan adalah secara berlesen iaitu Lesen Borang 2, seperti yang telah ditetapkan oleh Peruntukan Akta Hutan Penggal 6, Undang-Undang Brunei. Prosedur-prosedur ini dibuat selaras dengan peraturan yang ada

sebagai langkah pengawalan dan melindungi flora dan fauna yang ada di kawasan berkenaan dari kepupusan serta bagi tujuan pengiraan dan kutipan royalti.

Oleh itu, demi menjamin dan mengekalkan kelestarian hutan Negara Brunei Darussalam, peraturan-peraturan yang telah ditetapkan masih lagi dikuatkuasakan bagi memastikan tidak berlakunya pengambilan atau eksploitasi hasil hutan secara haram dan mengelakkan kerugian dari kehilangan hasil royalti kerajaan.

Untuk makluman Yang Berhormat kadar-kadar royalti yang dikenakan terhadap kayu-kayu hutan pada masa ini ialah sekitar \$6 hingga \$15 satu tan termasuk jenis spesies yang dipilih dan dipohonkan. Manakala, untuk rotan, kadar royalti pada masa ini hanya 50 sen sepikul iaitu untuk setiap 60.5 kg.

Usaha Majlis Perundingan Kampung Liung Baru untuk melestarikan sumber hutan seperti rotan ini adalah sangat positif dan boleh dicontohi. Selain bertujuan untuk mementingkan kelestarian khazanah hutan agar tidak pupus dan pada masa yang sama ia juga bertujuan memudahkan orang kampung untuk memperolehi sumber hutan yang lebih berdaya tahan pada masa akan datang.

Pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Perhutanan bersedia untuk memberikan khidmat nasihat dan menyokong usaha ini. Adalah diharapkan Majlis

Perundingan Kampung berkenaan akan dapat memulakan perbincangan dan merancang bersama-sama dengan Jabatan Perhutanan agar usaha untuk meningkatkan hasil kraftangan dari rotan ini dapat dikembangmajukan dan pada masa yang sama dapat memastikan sumber hutan ini terus dipelihara dari eksploitasi secara berlebihan.

Soalan yang terakhir ialah daripada Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu juga, berkenaan dengan Kawasan Kemajuan Luar Bandar yang telah diluluskan ditanam dengan pelbagai pokok-pokok buah-buahan tempatan. Sebanyak 7 buah kawasan masih lagi dalam penilaian, Yang Berhormat ingin mengetahui sejauh mana perkembangan lading-ladang yang dimaksudkan dan termasuk ladang-ladang yang masih dalam pertimbangan.

Terima kasih kepada soalan Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu terhadap soalan yang diajukan. Terdapat sebanyak 8 buah kawasan KPLB - telah dikenal pasti untuk digazetkan pada masa ini dengan keluasan kira-kira 352 hektar dan mempunyai keahlian seramai 114 orang.

Pada masa ini sebanyak 5 buah Kawasan Kemajuan Pertanian Luar Bandar (KPLB) telah pun mendapat kelulusan di Peringkat Jawatankuasa Kecil Pemilikan Pemilihan Tanah, Jabatan Perancang Bandar dan Desa iaitu:

1. KPLB Kampung Sibut dan Kampung Sumbiling Baru, Mukim Amo;

2. KPLB Kampung Parit Lama, Mukim Am.;
3. KPLB Kampung Meniup dan Kampung Bakarut, Mukim Bokok;
4. KPLB Kampung Belais dan Kampung Bagangan, Mukim Bokok; dan
5. PLB Kampung Seri Tanjong Belayang, Sungai Tanam dan Sungai Tanit, Mukim Bangar Daerah Temburong.

Buat masa ini tapak-tapak KPLB berkenaan masih memerlukan maklumat-maklumat berhubung dengan kesediaan peserta-pesertanya untuk mengikuti perubahan daripada konsep Kawasan Kemajuan Pertanian Luar Bandar (KPLB) kepada konsep Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP). Pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan sedang menyediakan maklumat-maklumat berkenaan dan juga maklumat lain yang berkaitan agar selaras dengan perancangan pembangunan Daerah Temburong untuk dihadapkan lagi kepada pihak Jabatan Tanah untuk proses penggazetan.

Seterusnya, iaitu satu Kawasan Kemajuan Pertanian Luar Bandar (KPLB) masih lagi dalam penelitian iaitu KPLB Kampung Gadong Baru dan Kampung Tanjong Bungar Mukim Bato Apoi.

Seterusnya ada 2 buah kawasan KPLB yang sedang dalam penilaian oleh pihak Jabatan Perancang Bandar dan Desa sebelum dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Pemilikan Tapak, Jabatan Perancang Bandar dan Desa

dan seterusnya bagi proses penggazetan iaitu:

1. KPLB Kampung Puni, Mukim Bangar; dan
2. KPLB Kampung Parit, Mukim Amo, Daerah Temburong.

Sekian yang dapat disampaikan bagi menjawab soalan-soalan daripada beberapa orang Ahli-Ahli Yang Berhormat dan yang tidak sempat kaola jawab pada sesi yang lepas. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya kira kenyataan atau jawapan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan itu sudah cukup jelas bagi menjawab soalan-soalan yang telah dikemukakan pada hari Khamis.

Sekarang kita beralih kepada perkara yang seterusnya untuk meneruskan perbincangan dan penelitian kementerian yang lain.

**Yang Dimulihkan Jurutulis:** Kementerian Pendidikan bagi Tajuk SF01A hingga SF06A.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang Mesyuarat Jawatankuasa beralih untuk meneliti Kementerian Pendidikan. Seperti biasa saya suka untuk memberikan peluang kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk memberikan mukadimahnyanya tentang penyediaan belanjawan kementeriannya. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:** Terima kasih  
Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
dan salam sejahtera.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli  
Yang Berhormat. Kaola lebih dahulu  
mengucapkan berbilang terima kasih  
kepada Yang Berhormat Pengerusi  
kerana telah memberikan kesempatan  
kepada kaola untuk memberikan  
penerangan mengenai tujuan dan fokus  
utama Kementerian Pendidikan bagi  
Tahun Kewangan 2019/2020.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli  
Yang Berhormat. Kementerian  
Pendidikan dan jabatan-jabatan  
di bawahnya mengucapkan setinggi-  
tinggi terima kasih kepada Kerajaan  
Kebawah Duli Yang Maha Mulia  
Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang  
Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam  
atas kepercayaan dan sokongan  
dalam memperuntukkan sebanyak  
\$735,331,970.00 bagi Perbelanjaan  
Tahun Kewangan 2019/2020.

Di bawah Tajuk Kementerian Pendidikan  
dan jabatan-jabatan di bawahnya ini  
sejumlah \$510,541,710.00 disediakan  
untuk Gaji Kakitangan. Sementara  
\$224,810,200.00 untuk Perbelanjaan  
Berulang-Ulang dan Perbelanjaan  
Kemajuan sebanyak \$19,582,660.00.

Kementerian Pendidikan amat bersyukur  
ke hadrat **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** kerana Kerajaan  
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka  
Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan  
Negara Brunei Darussalam sentiasa  
menjadikan pendidikan sebagai agenda  
utama negara dengan penyediaan  
peruntukan yang tinggi setiap tahun  
di sebalik keadaan ekonomi negara yang  
mencabar.

Seperti mana yang peramba / kaola /  
saya telah kongsi pada Majlis  
Sambutan Hari Guru Yang Ke-28 pada  
tahun 2018 yang lalu "Kemajuan  
sesebuah bangsa itu adalah bergantung  
kepada pendidikannya. Cemerlang  
pendidikan maka cemerlanglah  
bangsanya kerana diakari dan dibajai  
dengan ilmu dan pengetahuan".

Dengan yang demikian, Kementerian  
Pendidikan mendukung penuh tema  
belanjawan tahun ini iaitu "Pelaburan  
Ke Arah Masa Depan", kerana pelaburan  
dalam pendidikan adalah prasyarat  
kepada sebuah negara yang makmur dan  
pembangunan rakyat yang sejahtera.  
Sesungguhnya pembangunan modal  
insan yang holistik dan seimbang baik  
dari aspek akademik mahupun sahsiah  
diri, kemahiran dan nilai adalah kunci  
kepada kejayaan, ketamadunan bangsa  
Brunei.

Inilah peranan utama Kementerian  
Pendidikan selaras dengan misinya iaitu:  
"Untuk Memberikan Pendidikan Holistik  
bagi Mencapai Potensi Sepenuhnya  
Untuk Semua ke arah mencapai visinya  
"Pendidikan Berkualiti Negara Dinamik".

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ pelaburan pendidikan telah mula menampakkan hasil yang positif sebagai contoh Keputusan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) 2018 telah mencatatkan pencapaian yang tertinggi bagi pelajar yang mendapat Gred 'A' hingga 'C' dalam lima (5) mata pelajaran, khususnya bagi calon sekolah kerajaan, ianya telah menunjukkan peningkatan sebanyak 10.03% dari tahun 2014 iaitu semenjak bermulanya inisiatif Pendidikan Rendah dan Inisiatif Pendidikan Menengah.

Bagi Peperiksaan *G.C.E 'O' Level* pula 36.69% calon telah memperolehi sekurang-kurangnya 5 '*O' Level* dengan peningkatan sebanyak 2.03% daripada pencapaian tahun sebelumnya. Ini merupakan pencapaian yang tertinggi setakat ini.

Bagi Peperiksaan *G.C.E 'A' Level* pula calon-calon sekolah yang mendapat 3 '*A' Level* ialah 75.55% iaitu peningkatan sebanyak 5.49% dari tahun 2017 iaitu pencapaian yang tertinggi dalam tempoh lima (5) tahun ini.

Manakala di peringkat pengajian tinggi Universiti Brunei Darussalam telah berjaya menduduki tangga Ke-349 dan Universiti Teknologi Brunei di tangga Ke-442 dalam *QS World University Ranking*. Semua pencapaian ini sudah setentunya menjadi pencetus bagi Kementerian Pendidikan untuk terus bersemangat tinggi dalam menggalas tanggungjawabnya dengan gigih dan dengan penuh keyakinan.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kementerian

Pendidikan; *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* akan memanfaatkan peruntukan ini sebaik-baiknya dengan mengambil langkah berhemah dan berbelanja mengikut keutamaan *value for money* dan penghasilan impak yang maksimum. Ke arah ini juga Kementerian Pendidikan telah merangka satu Pelan Strategik Kementerian Pendidikan 2018 - 2022 yang mempunyai tiga (3) objektif strategik iaitu:

1. Mentransformasikan sumber tenaga manusia yang ada ke arah budaya yang berasaskan prestasi;
2. Menyediakan akses yang sama dan saksama kepada pendidikan berkualiti; dan
3. Meningkatkan perkongsian akauntabiliti dengan pihak berkepentingan dalam pembangunan pengajaran dan pembelajaran.

Setiap objektif strategik ini mempunyai inisiatif-inisiatif strategi, tindakan-tindakan dan hasil-hasil utama yang tertentu. Pada keseluruhannya semua impak yang dihasilkan sejajar dengan Penunjuk Prestasi Utama Kebangsaan bagi Kementerian Pendidikan (NKPLS) yang menjurus kepada penghasilan sistem pendidikan yang berkualiti tinggi merangkumi kualiti guru, pelajar mahupun sekolah. Memberikan peluang pendidikan yang luas dan pembangunan sumber tenaga manusia yang cemerlang.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Di bawah objektif strategik pertama, fokus utama Kementerian Pendidikan bagi Tahun Kewangan 2019/2020 ialah

mentransformasi sumber tenaga manusia di Kementerian Pendidikan, strategi pelan penggantian yang jelas akan dirangka dan dilaksanakan dengan mengenal pasti serta membuka jawatan-jawatan yang berpandukan strategi pengambilan dan *retention* berasaskan kompetensi.

Kementerian Pendidikan juga akan merangka dan melaksanakan strategi pembangunan sumber tenaga manusia yang komprehensif di setiap peringkat pendidikan iaitu rendah, menengah, teknikal dan vokasional, universiti dan para pegawai serta kakitangan kementerian ini sendiri. Ini akan merangkumi perangkaan dan pelaksanaan program-program pembangunan kapasiti, kompetensi, sumber tenaga manusia, sistem pengurusan sumber tenaga manusia dan sistem penilaian yang menjurus khusus kepada ekosistem pendidikan.

Transformasi sumber tenaga manusia khususnya bagi para guru adalah selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Sambutan Hari Guru Ke-28 iaitu bagi kriteria dan proses pengambilan bakal guru melalui *Master of Teaching* serta perisian kurikulumnya di Institut Pendidikan Sultan Hassanah Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam untuk dikemaskinikan sebagai usaha untuk memastikan guru-guru kita adalah benar-benar berkelayakan.

Dalam hubungan ini, adalah dikongsikan bahawa antara projek-projek yang akan terus dilaksanakan dan akan dilaksanakan pada Tahun Kewangan 2019/2020 di bawah objektif Strategik Pertama ini ialah:

1. Meneruskan projek mendatangkan tenaga pakar dan pengajar mahir untuk Program Latihan Literasi dan Numerasi;
2. Pembangunan rangka kerja kompetensi dan penilaian bagi para guru dan pemimpin bagi sekolah rendah, menengah, pendidikan khas dan teknikal dan vokasional;
3. Mereviu dasar pemilihan dan pengambilan guru;
4. Mereviu dan mempercepatkan proses penetapan jawatan guru;
5. Pelaksanaan program latihan membina kapasiti Kompetensi berasaskan kompetensi; dan
6. Penilaian sumber tenaga manusia (*manpower assessment*) dan *deployment* kakitangan tambahan ke sekolah-sekolah.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Di bawah Objektif Strategik kedua iaitu untuk menyediakan akses yang sama dan saksama kepada pendidikan berkualiti, ianya merangkumi pelbagai peringkat pendidikan:

1. Pengukuhan kualiti pendidikan awal kanak-kanak;



2. Pengukuhan penyampaian pendidikan asas iaitu pendidikan rendah dan menengah. Ini akan meliputi pembangunan profisiensi pembelajaran pelajar pasca-menengah, penambahbaikan kurikulum, pengukuhan penilaian, pemberian infrastruktur pendidikan yang mencukupi dan pemberian perkhidmatan *ICT* bagi pendidikan;
3. Kualiti dan akses kepada pendidikan pasca menengah akan diperbaiki dan diperluaskan;
4. Pelajar-pelajar yang berisiko dan kurang bernasib baik, juga akan diberikan perhatian utama oleh Kementerian Pendidikan dengan penambahbaikan aspek kesaksamaan dan *inclusion* bagi pelajar-pelajar ini; dan
5. Penambahbaikan peluang bagi pembelajaran sepanjang hayat dengan membangunkan rangka kerja garis panduan, mereviu pemberian dan kemasukan ke program-program pembelajaran sepanjang hayat.

Ke arah ini antara projek utama yang akan terus dilaksanakan dan yang akan dilaksanakan bagi Tahun Kewangan 2019/2020 ialah:

1. Reviu kurikulum yang akan melihat kepada pembangunan *standard literacy* bagi Bahasa Melayu, *science*, digital dan kewangan bagi menyahut keperluan Revolusi Industri Ke-4.0;
2. Pelaksanaan Penilaian Kebangsaan. *Student Assessment Tracker* bagi

menilai kemahiran pelajar di peringkat rendah dan menengah dalam membaca, menulis, numerasi dan sains;

3. Penyediaan program intervensi berasaskan penilaian untuk menyokong pelaksanaan *School Based Assessment (SBA)* dan *Student Assessment Tracker (SAT)* di sekolah rendah dan menengah;
4. Mempertingkatkan keselamatan dan kesihatan di institusi-institusi pendidikan dengan pelaksanaan pemeliharaan komprehensif melalui projek *Facilities Management*;
5. Pelaksanaan Program Pemakanan di bawah Program Harapan;
6. Pelebaran *Centre of Excellent (COE)* bagi pelajar-pelajar berkeperluan khas; dan
7. Penambahbaikan rangkaian dan konektiviti *ICT* di sekolah-sekolah.

Dalam pada itu adalah dikongsikan di bawah Rancangan Kemajuan Negara 2019/2020. Projek-projek yang akan dilaksanakan dan berkait rapat dengan strategik objektif kedua ini ialah:

1. Biasiswa pendidikan teknikal dan vokasional;
2. Projek Maktab Sains, Kuala Belait;
3. Menaik taraf infrastruktur rangkaian sekolah kerajaan dan sistem pengurusan pendidikan kebangsaan;

4. Pembinaan semula Sekolah Menengah Sultan Hassan Temburong; dan
5. Pembinaan bangunan tambahan Sekolah Menengah Menglait, Sekolah Rendah Sultan Abdul Mubin Sungai Besar, Sekolah Rendah Bendahara Sakam Bunut, Sekolah Ugama Batu Marang, Sekolah Rendah Orang Kaya Setia Bakti Kilanas dan Sekolah Rendah Sengkurong.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sistem pendidikan perlulah sentiasa mendapat sokongan padu daripada pihak-pihak yang berkepentingan. Apa juga nasihat dan pandangan yang diterima adalah amat dihargai dan perlulah terus dipertingkatkan lagi penglibatan mereka dengan secara terbuka.

Oleh yang demikian, di bawah objektif strategik ketiga fokus utama Kementerian Pendidikan bagi Tahun Kewangan 2019/2020 ialah "Mengukuhkan penglibatan dengan pihak berkepentingan dari dalaman dan luaran dengan mereviu struktur proses urus tadbir yang sedia ada bagi pelaksanaan dan pemantauan yang lebih efektif."

Inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan akan menambah kolaborasi dan mengukuhkan integrasi para ibu bapa dan penjaga, masyarakat, kementerian-kementerian lain, agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan dan organisasi antarabangsa yang berkenaan.

Ke arah ini antara projek utama yang akan terus dilaksanakan dan akan dilaksanakan di bawah objektif strategik ketiga ini ialah:

1. Pembangunan pengurusan data pendidikan yang komprehensif melalui kaedah *big data* dan *business intelligence* bagi memudahkan lagi penggunaan data untuk kegunaan para pelajar, guru, pemimpin sekolah, ibu bapa, pihak Kementerian Pendidikan, agensi-agensi kerajaan, masyarakat dan pihak berkepentingan yang lain. Dalam hubungan ini, selaras juga dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0, data akan dikumpulkan, disusun, dianalisa dan divisualkan bagi apa jua pelaksanaan tindakan dan penyemakan dasar (*policy review*) adalah diharapkan sistem pendidikan negara akan disediakan dengan data pendidikan yang *seamless*, bersepadu dan *real time*;
2. Pelaksanaan projek usaha sama pertanian antara *IBTE* dengan *Live Wire* Brunei iaitu Projek *AgroBiz*;
3. Usahasama berterusan di peringkat antarabangsa bersama 24 buah Pusat SEAMEO (*South East Asian Organisation*) yang sedia ada;
4. Pengongsian hasil kajian utama *PISA* 2018; dan
5. Pembangunan sistem pembayaran *online* bagi pembayaran yuran peperiksaan seperti *GCE 'O' Level* dan *A 'Level'*;

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Adalah dihasratkan ke semua projek yang akan dilaksanakan ini akan dapat mendukung salah satu fokus utama Belanjawan Tahun Kewangan 2019/2020 iaitu "Menjana Sumber Manusia Yang Kompeten dan *Employable*" demi mencapai hasrat Wawasan Brunei 2035 untuk mempunyai rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi.

Kementerian pendidikan akan terus berusaha dan melahirkan modal insan yang berilmu dan bertamadun yang dapat menyumbang kepada pembangunan negara. Rakyat yang berpendidikan adalah teras kepada keupayaan negara untuk terus mampu bersaing kerana dengan adanya sumber tenaga manusia yang berkualiti tinggi sudah tentunya juga akan dapat menarik pelaburan asing yang diperlukan untuk mempelbagaikan lagi ekonomi negara.

Pada masa yang sama, Kementerian Pendidikan juga akan terus bekerjasama dengan kementerian-kementerian lain, agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan, pihak industri serta masyarakat umum agar anak-anak tempatan kita akan dapat memberi sumbangan dalam mendukung pembangunan ekonomi dan kemakmuran negara.

Sebagai kesimpulannya, ketiga-tiga objektif strategik Kementerian Pendidikan adalah dirangka bagi membolehkan kementerian ini menerajui pembangunan generasi kita yang nanti akan bersedia untuk mengharungi gelombang era Revolusi Industri Ke-4, cabaran sebenar ia faktor manusia dan

bukanlah teknologi itu sendiri. Kita tidaklah boleh hanyut dan leka dibawa arus teknologi, ia hanyalah satu *enabler* dan apa yang lebih utama ialah bagi kita membangunkan generasi yang bukan sahaja berpendidikan tinggi, berkemahiran dan *technology savvy* tetapi satu generasi Brunei yang berciri *global citizen* dan mempunyai identiti kebruneian yang ditanam dan disaluti nilai-nilai murni selaras dengan falsafah Melayu Islam Beraja.

Sekian dan sekali lagi kaola mengucapkan berbilang-banyak terima kasih Yang Berhormat Pengerusi kerana memberikan kesempatan untuk menyampaikan mukadimah ini.

وبالله التوفيق والهداية السّلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mukadimah yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan cukup komprehensif dan jelas tentang hala tuju dalam menyediakan belanjawan kementeriannya. Bersama saya ada senarai Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta membincangkan Tajuk-Tajuk bagi Kementerian Pendidikan. Saya mulakan dengan mempersilakan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.

**Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola merujuk pada Tajuk SF01A. kaola ingin mencadangkan syarat bagi penerima biasiswa kerajaan yang diikat janji ataupun *bonded*

*scholars* dikaji semula. Memandangkan kadar pengangguran sekarang sangat tinggi, apa kiranya para graduan dari luar negeri tidak dihalang untuk memohon pekerjaan di luar negara. Sekiranya tidak ada jawatan yang ditawarkan untuk mereka pada tahun itu.

Ini bolehlah dibuat secara bersyarat. Ia dihadkan bukan untuk kursus-kursus yang diperlukan ataupun jawatan yang ada banyak kekosongan dan disyaratkan untuk balik ke tanah air sekiranya jawatan berkaitan kursus mereka ada ditawarkan. Ini kerana peluang mendapatkan pekerjaan di luar negara adalah lebih tinggi sekiranya kelulusan mereka masih baharu ataupun *fresh* ataupun sebaik-baik sahaja menamatkan pengajian mereka lazimnya ada organisasi yang terus menawarkan pekerjaan. Ia cuma mendatangkan kerugian kepada kerajaan dan para graduan sendiri sekiranya perlu menganggur bertahun-tahun sedangkan peluang di luar negara ada. Di samping itu, ia boleh menjadi satu kelebihan bagi kerajaan apabila mereka pulang ke tanah air berbekalkan pengalaman bekerja di luar negara.

Seterusnya, kaola ingin mengusulkan agar cadangan bagi penubuhan Dana Pendidikan untuk dipertimbangkan semula. Ini kerana masih terdapat guru-guru yang menggunakan gaji sendiri untuk membeli kelengkapan bahan mengajar ataupun *teaching aids* bahkan bahan cucian untuk kebersihan sekolah. Dengan adanya dana ini, ia memudahkan orang ramai untuk menyumbang kepada dana tersebut. Sekiranya dibuat melalui

*platform* pemudah cara yang sedia ada seperti *online banking* dan melalui potongan kredit telefon. Pengendalian dan pengurusan bolehlah dibuat oleh jabatan yang bersesuaian dan laporan kewangan diaudit secara berkala.

Seterusnya mengenai bangunan-bangunan sekolah di bawah Kementerian Pendidikan yang dikongsi sama penggunaannya dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi sesi sekolah agama pada waktu petang. Adakah tanggungjawab kos penyelenggaraan bangunan tersebut cuma di bawah Kementerian Pendidikan sahaja ataupun ia dikongsi dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama?

Yang terakhir sekali, mengenai Tajuk SF02A, Tajuk SF03A dan Tajuk SF04A - Institusi Pengajian Tinggi. Kaola dapat melihat banyak peningkatan dari segi penandatanganan *MoU* dan sebagainya. Kaola juga difahamkan ini membolehkan para pelajar Brunei untuk mendapat pendidikan daripada universiti-universiti tersebut secara *exchange program*. Kaola ingin bertanya adakah ia juga telah berjaya menarik pelajar-pelajar luar untuk belajar di institusi pengajian tinggi di Brunei?

Di samping itu, adakah peruntukan institusi pengajian tinggi juga menitikberatkan kualiti kelengkapan pembelajaran setaraf dengan teknologi dan keperluan masa kini kerana kita pada masa ini juga perlu mempersiapkan para graduan bagi Revolusi Industri 4.0. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri**

**Pendidikan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari atas soalan-soalan yang diajukan. Bagi menjawab soalan yang pertama mengenai mereviu dasar untuk graduan yang diikat janji dengan biasiswa kerajaan dimaklumkan, pada dasarnya graduan-graduan biasiswa kerajaan tidak dibenarkan untuk dilepas ikat janji dan berkhidmat di luar negara pada masa ini. Kelonggaran yang diberikan setakat ini adalah bagi graduan-graduan untuk berkhidmat di agensi-agensi kerajaan dan pihak swasta yang beroperasi di dalam negara. Namun perkara ini akan diteliti lagi, akan diberikan penelitian yang lebih lanjut, adakah ia berpatutan ataupun akan lebih menguntungkan kerajaan dari segi masa panjang dan diharapkan ia akan dapat memberikan satu jalan untuk mengurangkan lagi pengangguran antara graduan Brunei.

Bagi soalan yang kedua, iaitu mengenai cadangan penubuhan Dana Pendidikan, untuk makluman bersama perkara ini telah pun disuarakan pada tahun lepas. Kaola telah pun memberikan jawapannya dan bolehlah rujuk semula pada Laporan Penuh (*Handsard*) 2018. Tetapi, untuk makluman bersama, seperti yang telah kaola terangkan pada tahun lepas, pihak orang ramai sebenarnya dapat memberikan sumbangan dana dalam beberapa bentuk seperti kewangan, bantuan pembelian peralatan sekolah dan sebagainya secara terus kepada pihak sekolah.

Sebagai perkembangan terakhir mengenai perkara ini, pihak kementerian telah pun membuat satu Jawatankuasa Sumbangan yang telah ditubuhkan dan dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Pendidikan. Garis panduan sumbangan dari pihak awam telah siap dirangka *SOP*nya. Ianya bertujuan mengukuhkan lagi pengurusan dan kemudahan bagi proses sumbangan dengan menggariskan tatacara penerimaan bantuan secara khusus daripada orang ramai kepada sekolah-sekolah.

Di samping itu, ia juga menyediakan sumber rujukan mengenai jenis-jenis bantuan yang diperlukan terutama oleh pelajar-pelajar sekolah dan juga sekolah tertentu dengan adanya garis panduan ini, ia juga dihasratkan agar dapat membantu jabatan dan sekolah berkenaan untuk mengurus dan menilai sumbangan selaras dengan strategi Kementerian Pendidikan bagi menghasilkan impak yang terbaik. Jadinya, diharapkan *SOP* ini dapat membantu kedua-dua belah pihak agar ia dapat menghasilkan impak yang tertinggi dari segi strategi objektif strategi Kementerian Pendidikan.

Seterusnya bagi menjawab mengenai pemeliharaan bangunan yang digunakan oleh sekolah agama. Pemeliharaan bangunan sekolah agama di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama yang bertanggungjawab ialah Bahagian Pemeliharaan Bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Saya rasa rakan sejawatan peramba, kaola, saya akan dapat memberikan

pandangan lanjut mengenai perkara ini. Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan sentiasa bersedia untuk memberikan kerjasama padu bagi pemeliharaan bangunan sekolah agama yang diguna sama oleh sekolah rendah mengikut keutamaan bertindak dan mengikut kesesuaiannya. Di samping itu, Kementerian Pendidikan akan terus memberikan kerjasama untuk memberikan ruang-ruang khusus bagi keperluan pentadbiran sekolah agama yang menggunakan bangunan-bangunan sekolah di bawah Kementerian Pendidikan melalui projek-projek tambahan bangunan yang telah pun dinyatakan tadi. Diharapkan ini akan memberikan keselesaan kepada semua pengguna di sekolah-sekolah yang dimaksudkan tadi.

Mengenai soalan peruntukan universiti mengemaskan alat-alat mereka agar ia lebih berkaitan dengan industri, diharap ada sudah usaha untuk kata orang "memodenkan atau memperbaharui" alat-alat tersebut. Juga kalau dapat diserukan kepada pihak swasta dan mana-mana pihak berminat untuk dapat memberikan bantuan untuk mengemaskinikan lagi alat-alat tersebut agar pelajar-pelajar kita di institusi tersebut dapat mempelajari dan menggunakan alat-alat yang termoden.

Perlu dikongsikan dari lawatan peramba, kaola, saya, di negeri-negeri lain, pihak industri selalunya akan memberikan atau mendermakan alat-alat yang termoden untuk dikongsikan agar ia dipelajari dan akan memberikan peluang kepada institusi-institusi pengajian untuk

menyediakan latihan-latihan bagaimana menggunakan alat-alat tersebut. Ada satu kolaborasi antara institusi-institusi pendidikan dan pihak industri. Kalau dapat perkara ini juga dapat kitani lakukan di Negara Brunei Darussalam. Ia akan lebih memberikan impak yang tinggi kepada pelajar-pelajar kitani di institusi-institusi tersebut.

Diharapkan akan dapat dibuat dan diserukan kepada pihak-pihak berkenaan untuk bekerjasama dalam hal-hal ini. Seterusnya, bagi soalan yang tadi itu, mungkin tidak ingat, Yang Berhormat Pengerusi, akan dijawab setelah di *follow through*. Itu sahaja yang dapat diterangkan Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya kira Ahli-Ahli Yang Berhormat bertanya ada baiknya barangkali dihadkan soalan-soalan itu, jangan terlalu beranak-anak jadi sampai melarat-larat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, di sebelah sini juga harus memikirkan jawapan-jawapan yang akan diberikan dan sementara itu kadang-kadang mereka terlupa mengenai soalan-soalan yang dikemukakan itu. Saya harap ada kerjasama antara kedua belah pihak. Silakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola menambah kenyataan dari rakan sejawatan kaola Yang Berhormat Menteri Pendidikan sebagai respons kepada Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari mengenai pemeliharaan sekolah guna

sama. Pertama, kaola sukacita merakamkan penghargaan yang tinggi yang berterusan kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Pendidikan yang terus-menerus memberikan kerjasama yang erat dalam memenuhi keperluan persekolahan agama, Yang Berhormat Pengerusi.

Dari segi bangunan persekolahan agama majoritinya adalah bangunan guna sama. Ertinya bangunan yang asalnya bagi sekolah-sekolah rendah pendidikan umum digunakan sama juga untuk pendidikan atau persekolahan agama. Dari 100, kaola menyebut angkanya tidak tepat. Tapi seingat kaola dari 143 buah sekolah agama, cuma 38 buah sahaja bangunan sekolah agama sendiri. Ini tepat, memang pemeliharaan sekolah pendidikan dan sekolah guna sama dipelihara sama oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama juga untuk 'mengelingai' perkara-perkaranya.

Hal ini **إِنْ شَاءَ اللهُ** akan berterusan kitani memikirkan keperluan-keperluan fiskal kerajaan dan sebagainya. Jadi kita akan memikirkan takdirnya pada masa hadapan Kementerian Hal Ehwal Ugama membangun sekolah agama. Mungkin Kementerian Pendidikan boleh mengguna sama dalam hal ini. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

**Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman:**Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**إِنْ شَاءَ اللهُ** soalan saya akan dibuat *clear* pasal beranak-anak ini, Yang Berhormat Pengerusi, tetapi akan dijelaskan satu persatu.

Isu pertama mengenai *bond* perjanjian pelajar dengan kerajaan, *scholarship* yang merujuk semula kepada soalan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari mengenai peluang bekerja di luar negeri bagi (*scholarship student*). Diminta supaya pihak Kementerian Pendidikan akan dapat memberikan pertimbangan pada masa akan datang dan memberi tempoh. Pada masa ini, terdapat 90 orang penuntut *scholarship* yang tersenarai di *Job Center* yang giat mencari pekerjaan termasuklah dari golongan yang ada mempunyai *PHD, Master Degree* seramai lebih dari 30 orang dan *degree holder* lebih daripada 50 orang.

Cadangannya mungkin sekiranya pelajar ini tidak dapat mencari sebarang pekerjaan, apabila mereka pulang ke tanah air, mereka sudah menerima 3 kali permohonan dukacita untuk bekerja di dalam negeri mahupun dari kerajaan ataupun swasta. Diminta pertimbangan agar Kementerian Pendidikan dapat membenarkan mereka untuk mencari pekerjaan. Sekiranya sudah menerima permohonan dukacita sebanyak mengikut syarat-syarat

mungkin dari Kementerian Pendidikan. Sekiranya pelajar-pelajar kita ini diberi peluang untuk bekerja di luar negara mereka akan mendapat pengalaman antarabangsa dan kelebihan daya saing.

Kebanyakan majikan menghargai pengalaman ini kerana impaknya 2 kali ganda iaitu dari segi perkembangan diri pelajar-pelajar boleh meningkatkan kemahiran komunikasi membina keyakinan diri dan berdikari serta memperluas kesedaran budaya. Manakala dari segi kemajuan profesional, pelajar-pelajar boleh mendapatkan kelayakan dan kemahiran profesional yang baharu. Saya juga ingin menyuarakan isu pelajar-pelajar yang memohon Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan yang perlunya ketelusan atau penjelasan mengenai pembayaran balik pinjaman...

**Yang Berhormat Pengerusi:** Soalan yang kedua.

**Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman:** Kaola, Yang Berhormat Pengerusi.

2. Merujuk kepada terma dan syarat bagi kontrak Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan 2019/2020 (7.1 dan 7.2) menyatakan "Yuran pentadbiran akan dikenakan ke atas jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan bermula dari 3 bulan selepas tamat pengajian pada kadar sebanyak 3% setahun daripada baki pinjaman, manakala tempoh pembayaran balik pinjaman tidak lebih 30 tahun dan

pembayaran balik bolehlah dibuat sekali gus secara *lump sum* ataupun secara ansuran bulanan apabila peminjam mendapat pekerjaan termasuk jika bekerja sendiri. Kadar bayaran balik pinjaman setiap bulanan hendaklah tidak kurang daripada 15% gaji pokok."

Ada beberapa ibu bapa telah menyuarakan kepada saya bahawa perlunya mereka membuat pembayaran balik pinjaman itu sebaik sahaja anak mereka pulang ke tanah air, pihak Kementerian Kewangan dan Ekonomi, tidak kira sama ada mereka sudah mendapat pekerjaan atau tidak pada masa itu. Kadar pembayaran sebanyak 3% *admin fee* selepas 3 bulan tarikh tamat pengajian dari baki pinjaman.

Adakah mereka perlu membayar balik pinjaman dan 3% *admin fee* itu sebaik sahaja mereka pulang ke tanah air, tidak kira sama ada mereka sudah mendapat pekerjaan atau tidak pada masa itu?

Bolehkah pihak kementerian memberi pencerahan mengenai bilakah pelajar-pelajar kita perlu membayar balik pinjaman tersebut?;

3. Saya ingin mengajukan mengenai isu akreditasi bagi pelajar-pelajar yang belajar di universiti Australia. Terdapat pelajar-pelajar di bawah skim pinjaman itu diperlukan untuk membayar balik jumlah keseluruhan walaupun mereka mendapat *high distinction*.



Seperti mana yang difahamkan bagi pelajar-pelajar yang dapat kelas pertama di United Kingdom tidak perlu membayar balik sama sekali. Hal ini terjadi kerana kesalahfahaman mengenai ijazah sarjana muda di Australia tidak sama dengan ijazah sarjana muda di United Kingdom.

Jadi, pelajar-pelajar tersebut hanya mengetahui perkara ini apabila mereka kembali bahawa mereka terpaksa membayar penuh pinjaman walaupun mereka mempunyai pencapaian peperiksaan yang cemerlang.

Oleh sebab itu, ibu bapa yang lain akan merasa ragu-ragu untuk menghantar anak-anak mereka ke Australia sungguhpun Australia mempunyai universiti yang terbaik di dunia.

Saya berharap pihak kementerian boleh menangani isu ini supaya ibu bapa maklum tentang pelan pembayaran ini sebelum anak-anak mereka memohon skim pinjaman agar mereka boleh membuat keputusan sebelum menandatangani kontrak. Sekali lagi diminta pihak kementerian untuk dapat memberikan pencerahan mengenai dengan isu akreditasi ini;

4. Soalan kaola seterusnya ia mengenai Perintah Kebakaran dan Keselamatan yang telah dikuatkuasakan sepenuhnya pada tahun 2016. Merujuk kepada Perintah Kebakaran dan Keselamatan ini, saya juga

dimaklumkan bahawa pada tahun 2017 hinggalah sekarang sebanyak 68 buah sekolah kerajaan dan institusi pengajian tinggi telah diperiksa oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat, *unfortunately* semuanya gagal dalam pemeriksaan ini.

Ini sangat membimbangkan kerana *fire and safety issues* sangat penting dan jika ia tidak diambil perhatian ia boleh memberi kemudaratan kepada pelajar-pelajar kita pada kemudian hari. Saya percaya bangunan-bangunan kerajaan seharusnya tidak dikecualikan daripada Perintah Kebakaran dan Keselamatan. Terdapat denda atau kompaun dikenakan jika pelaku didapati bersalah tetapi ia harus dilaksanakan dengan adil dan ketat.

Semasa permuzakarahan tahun lepas pihak kementerian telah mengongsikan peruntukan yang diberikan untuk pengurusan aset dan pemeliharaan. Berapa peratuskah dari bangunan-bangunan yang telah disenaraikan gagal sudah diambil tindakan? Adakah peruntukan yang diberikan tahun ini 2019/2020 cukup untuk memastikan bangunan-bangunan sekolah yang ada dalam keadaan selamat untuk digunakan?

Saya juga ingin mencadangkan supaya pihak kementerian dapat menyediakan seorang pegawai *HSSE* di setiap sekolah-sekolah kerajaan sebagaimana ia pun jadi mandatori di syarikat-syarikat swasta. Pihak sekolah bolehlah melatih salah

seorang daripada pekerja mereka untuk mendapatkan sijil *HSSE* secara tidak langsung ia akan menjadikan pihak sekolah dan pelajar-pelajar akan lebih peka mengenai hal-ehwal keselamatan. Sekiranya sudah ada mempunyai pegawai *HSSE* di setiap sekolah maka isu-isu ini sepatutnya tidak akan berlaku.

Soalan seterusnya mengenai dengan...

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:** Dapat dipohonkan untuk menjawab sekarang Yang Berhormat Pengerusi?.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya juga bersetuju begitu Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Dayang FDr. Dr. Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman yang telah pun mengutarakan soalan-soalan tersebut.

Bagi menjawab soalan pertama tadi mengenai ikat janji biasiswa kerajaan, seperti yang dinyatakan tadi jua perkara ini akan diteliti kembali dan juga diharapkan akan memberikan satu solusi yang akan memberikan *win-win situation* bagi pihak kerajaan yang telah pun berbelanja dengan banyak untuk membiayai pelajar-pelajar kitani belajar di luar negara.

Perkara-perkara yang patut difikirkan nanti ialah bagaimana untuk menentukan ada imbal balik kerajaan apabila mereka telah pun bekerja di luar negara dan bila mereka akan kembali ke tanah air. Itu satu cabarannya. Harus difikirkan macam mana kitani dapat satu ketentuan yang pelajar akan kembali ke Negara Brunei Darussalam dan berkhidmat setelah menikmati kehidupan dan kemakmuran bekerja di negara luar.

Itu satu cabaran yang harus kitani tangani sebelum sebarang keputusan dapat diberikan mengenai perkara ini. Ia akan diharapkan jua akan dapat memberikan satu solusi yang baik untuk kedua-dua pihak.

Ingin juga diutarakan negara kitani masa ini sedang rancak untuk meningkatkan *entrepreneurship* dalam kalangan orang kitani untuk membangun dan mempelbagaikan ekonomi negara. Ini satu wadah yang akan dapat dimaksimumkan oleh penerima-penerima biasiswa kerajaan dalam membantu membangun ekonomi.

Jadinya kalau dapat disalurkan pengetahuan dan tenaga mereka untuk berusaha dengan menggunakan fasiliti yang telah ada di negara ini untuk memajukan ekonomi. Itu salah satu jua cara. Jadinya, bukan saja satu kaedah untuk bekerja di luar negeri tapi juga untuk menjadikan mereka *entrepreneur* yang berpengetahuan dan berkemampuan untuk membangunkan sektor awam kitani.

Itu pun, satu cadangan yang harus dapat difikirkan oleh pelajar-pelajar kitani. Banyak fasiliti kitani dan juga latihan-latihan yang diberikan untuk memelopori bahagian keusahawanan.

Bagi jawapan soalan No. 2 mengenai dengan Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan ini, ingin dikongsikan bahawa bagi Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan, Kementerian Pendidikan hanyalah berperanan dalam aspek persyaratan proses pemilihan dan pemantauan akademik. Bagi pembayaran balik pula ia di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan maklumat lanjut hanya mungkin akan dapat kitani rujuk kepada rakan sejawatan dari Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II mengenai bila ia harus dibayar balik dan bagaimana keadaannya dengan isu yuran pentadbiran yang 3% setiap tahun itu. Itu yang dapat dikongsikan mengenai dengan perkara itu.

Mengenai isu akreditasi pelajar di Australia perkara ini juga akan mungkin dalam bidang kuasa rakan sejawatan dari Jabatan Perdana Menteri sebab ianya berkenaan dengan pelajar-pelajar yang akan berkhidmat dengan kerajaan macam mana ia menjadi impak dalam dari segi ia punya akreditasi ataupun juga dengan pembayaran tadi dalam Skim. Mungkin dapat dijelaskan oleh rakan sejawatan Yang Berhormat Pengerusi.

Mengenai...

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty tadi, akreditasi itu, apabila seorang penuntut lulus dari *United Kingdom* ia *straight forward* mendapat *First Class Honour* kelebihan, jadi apabila ia masuk manakala seorang penuntut lain yang mengikuti kursus di Australia, *First Class Honour* itu kali tiada. Tapi *distinction*nya yang ada.

Adakah dapat diquote *distinction* itu dengan *First Class Honour* yang ada di Britain. Menimbulkan persoalan, apabila mendapat *First Class Honour* ertinya ia tidak perlu membayar jadi bagaimana dengan penuntut yang mendapat kedudukan cemerlang daripada universiti Australia yang dapat menyaingi atau pun menyelarasi dengan *degree* yang diperolehi di university di United Kingdom yang bertaraf *First Class Honour*. Itu barangkali maksudnya.

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Memang itu yang dimaksudkan tadi itu. Iatah mengenai dengan pembayaran balik ataupun pengecualian pembayaran ini dan dalam bidang kuasa Kementerian Kewangan dan Ekonomi. Jadinya dapat dirujuk yang hanya dapat diberikan Kementerian Pendidikan akan memberikan pandangannya mengenai ini, yang akan membuat penyelarasan mengenai dengan akreditasi *distinction* di institusi-institusi Australia adakah ia akan sama dengan *First Class Honour* di institusi di *United Kingdom* Yang Berhormat

Pengerusi. Itulah yang dapat dikongsikan pada pagi ini.

Seterusnya mengenai jika dibenarkan oleh Yang Berhormat Pengerusi mengenai Perintah Keselamatan dan Kebakaran. Untuk makluman bersama, semua sekolah yang dimaksudkan Yang Berhormat tadi telah pun diambil tindakan. Peruntukan telah pun disediakan dan tindakan telah pun dibuat untuk mereka memenuhi Perintah Keselamatan dan Kebakaran ini. Hanya mungkin perkaranya ianya mengambil masa kerana proses-proses birokrasi kitani dalam meluluskan pembaikan semua perkara-perkara untuk memenuhi Perintah Keselamatan dan Kebakaran itu.

Jadinya, mungkin perkara itu yang masih lagi menunggu ia punya proses agar segala pembaikan dapat dilaksanakan. Untuk makluman jua perkara ini telah pun ditangani dan ia telah pun melalui proses kerajaan macam mana perkara-perkara yang perlu diperbaiki di sekolah-sekolah itu dapat diperbaiki dengan mengikut kitani punya *financial regulation* dan pelaksanaan projek.

Untuk pengetahuan bersama semua sekolah ini telah pun ditangani dan ianya telah pun dibuat dalam tahun kewangan tahun ini Yang Berhormat, mungkin pelaksanaannya itu yang lambat kali.

Setakat ini, untuk cadangan mengenai diadakan pegawai *HSSE* di setiap sekolah, memang perkara ini telah pun difikirkan dan ia adalah salah satu inisiatif yang akan dibuat kepada semua sekolah

iaitu pegawai-pegawai atau kakitangan akan diberikan atau telah pun diberikan latihan mengenai dengan *HSSE* agar ia dapat memberikan keselesaan dan keselamatan kepada pelajar-pelajar dan guru-guru dan kakitangan yang berkhidmat di sekolah-sekolah tersebut.

Perkara ini telah dan akan ditangani oleh Bahagian *HSSE* di bahagian kementerian yang telah pun wujud Yang Berhormat Pengerusi. Sekian.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman suka untuk meneruskan.

**Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Soalan seterusnya adalah mengenai Institut Teknikal Pendidikan. Melihat kepada keperluan untuk mempelbagaikan bidang pendidikan dan pekerjaan untuk menghadapi cabaran era digital dan Revolusi Industri 4.0.

Saya ingin menyarankan kepada Kementerian Pendidikan untuk memberi perhatian yang tinggi terhadap perlunya pengukuhan Pendidikan Teknikal dan Vokasional di samping bidang akademik yang lain. Semakin kita menghadapi era digital yang meluas semakin tinggi keperluan kita untuk mempunyai anak-anak tempatan yang berkemahiran bukan sahaja dalam bidang profesional malahan dalam bidang Teknikal dan Vokasional seperti bidang *more specialist*

dalam pembinaan seperti bidang elektrik, pendawaian (*wiring*), sistem paip (*plumbing*) dan kimpalan (*welding*).

Yang Berhormat Pengerusi, Yang Berhormat Dato. *I' m sitting in the both of government for 3 institutional Technical Education* di Brunei Darussalam. Saya ingin mencadangkan dan berharap Kementerian Pendidikan dapat mempertimbangkan untuk menerapkan *dual system* iaitu pembelajaran teori dan praktikal *hands on* diintegrasikan dengan suasana persekitaran kerja yang sebenar dan berkolaborasi dengan pihak-pihak industri. *Strengthen your academia, partner with industries, teach them current relevant course programme. So much potential* dalam pelajar-pelajar politeknik dan *IBTE*. Walaupun mereka hanya berkelulusan *HNTec* dan *NTec*. Kita perlu mengukuhkan dan *invest* Pendidikan Teknikal dengan mengukuhkan akademik, serta kolaborasi dengan industri serta mengajar mereka program kursus terbaharu dan relevan ianya selaras dengan tema tahun kewangan tahun ini "*Invest in our future*". Pelajar ini adalah aset tenaga kerja mahir kita di masa hadapan, saya yakin dan percaya kepada potensi para pelajar dan institusi-institusi ini.

Pada masa ini majoriti pekerja asing berkhidmat di bawah sektor pembinaan. Dengan adanya rancangan dan latihan awal *إِنْ شَاءَ اللهُ* kita akan dapat mengurangkan kadar pekerja asing di sektor pembinaan ini dengan

mempunyai *job ready graduates* dan *market relevant* yang tersedia.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Sekolah Rendah Nakhoda Abdul Rashid Kampung Menunggol kerana berjaya meraih 100% dalam Peperiksaan PSR yang salah seorang daripada pelajar sekolah itu telah mendapat keputusan cemerlang '5A'. Walaupun jumlah penduduk di Kampung itu kurang daripada 500 orang dan juga terpisah dari bandar tetapi ia akan dijadikan sebagai penanda aras (*benchmark*) kepada semua sekolah untuk meningkatkan komitmen dan dedikasi yang berterusan agar dapat merubah kehidupan pelajar-pelajar negara kita.

Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Pendidikan atas usaha-usaha dan inisiatif yang telah dilaksanakan selama ini. Kita dapat melihat pentingnya intervensi dan dedikasi yang telah dilaksanakan selama ini. Kita dapat melihat pentingnya inisiatif dan dedikasi yang dipamerkan oleh guru besar, guru-guru dan juga ibu-bapa. Hasil ini akan membawa dalam penghasilan guru-guru besar yang cemerlang serta guru-guru yang berpotensi.

Saya faham perubahan memerlukan masa untuk dilaksanakan tetapi saya telah melihat ianya memberi kesan positif dalam mengubah kehidupan seseorang dan percaya bahawa anak tempatan kita boleh menjadi seorang yang berguna dan menyumbang kepada negara.

Sekian, Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:** Terima Kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Bagi menjawab soalan mengenai *IBTE* dikongsikan bahawa ianya adalah salah satu inisiatif yang sedang dan akan dilaksanakan mengenai meningkatkan kolaborasi dengan industri. Mengenai cadangan *dual-system* ia memerlukan lagi penyelidikan sebagaimana peramba, koala, saya, telah maklumi mengenai lawatan peramba, koala, saya, di Jerman yang mempraktikkan *dual-system* ini. Ianya *actually* memerlukan satu undang-undang kalau ia akan berkesan secara mandatori kepada pihak industri untuk menerima dan memberikan pekerjaan kepada pelajar-pelajar vokasional, teknikal, tetapi ia akan bukan satu *penshare* untuk pengangguran.

Dimaklumkan juga di negara tersebut mempunyai sistem vokasional dan teknikal seperti kitani, disebabkan kekurangan pihak industri seperti kompeni-kompeni yang ada untuk menampung semua jumlah pelajar yang ada. Ini juga satu cabaran untuk kitani di Brunei untuk memberikan semua pelajar kitani *exposure* kepada industri. Ia memerlukan kompeni yang banyak jua. Selalunya ini yang tidak mencukupi kitani punya apa nya urang kompeni yang ada di industri itu *limited*, sedangkan pelajar-pelajar ini banyak, so

iatlah perlukan usaha sama tani dapat membanyakkan jua *kompeni* di industri agar ia dapat menampung keperluan pelajar-pelajar kitani dalam bidang teknikal dan vokasional.

Perkara ini bukan saja di peringkat atu jua, di peringkat *Universiti* (UBD) ada *discovery year* jua. Ini adalah salah satu cabarannya, kitani in da cukup apa nya orang kompeni-kompeni yang bersedia untuk menerima pelajar-pelajar ani. Jadinya *its like a chicken and egg problem*. Jadinya dua-dua harus dilaksanakan dan memerlukan kerjasama seluruh negara melalui *whole of nation approach* macam mana kitani dapat memberikan peluang-peluang yang berguna ini kepada pelajar-pelajar kitani agar mereka lebih mengetahui bagaimana pihak industri beroperasi dan memberikan *competition* yang diperlukan, atu tah cabaran kitani dan ia akan diusahakan yang seboleh-boleh dan semaksimum yang kitani dapat berikan.

Untuk makluman bersama jua, tidak ada halangan untuk pihak *IBTE* dan juga pihak industri untuk bekerjasama mengenai perkara ini. Yang diperlukan masa ini ialah kesungguhan dan juga kerajinan kedua-dua pihak untuk merealisasikan perkara-perkara ini.

Terima kasih kepada Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman kerana telah pun *menghighlightkan* perkara ini dan diharapkan ia mencetuskan lagi satu kemahuan kitani untuk terus lebih berusaha dengan lebih gigih untuk merealisasikan perkara ini.

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya berpandangan ada baiknya kita tangguhkan Mesyuarat Jawatankuasa ini bagi membolehkan kita berhenti berehat selama 15 minit.

**(Mesyuarat Jawatankuasa berehat sebentar)**

**(Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat kita bersidang semula untuk meneruskan perbincangan Rang Undang-Undang (2019) Perbekalan, 2019/2020 pada mesyuarat Jawatankuasa yang kita adakan ini.

Kita masih lagi meneliti dan membahaskan Kementerian Pendidikan. Bersama saya di sini masih terdapat ramai dalam senarai yang terdapat Ahli Yang Berhormat yang suka untuk ikut serta dalam membincangkan Tajuk-Tajuk bagi Kementerian Pendidikan ini.

Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Oleh sebab Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin baru masuk, saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:**  
Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ،  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ،

1. Kaola membawa Tajuk SF01A - Jabatan Kementerian Pendidikan. **الْحَمْدُ لِلَّهِ** sekarang ini, negara sekarang fokus dalam usaha meningkatkan agribisnes. Apakah ada rancangan pihak Kementerian Pendidikan bagi membukakan kursus-kursus bidang pertanian, perikanan dan industri hasil perhutanan ke peringkat Sarjana Muda dan Sarjana, di institusi-institusi pendidikan tinggi khususnya di *IBTE, Wasan?*;
2. Tajuk SF03A - Universiti Islam Sultan Sharif Ali. Sebagai sebuah institusi pengajian tinggi Islam, kaola yakin bermacam-macam program kenegaraan yang dianjurkan oleh pihak UNISSA. Kaola ingin menambah jika pihak UNNISA ingin menyumbangkan sesuatu khususnya semasa negara dalam keadaan defisit, dengan menganjurkan perhimpunan khusus doa dan sebagainya seperti Ratib Al-Attas sebulan sekali dalam setahun *in a whole of nation approach* melalui masjid-masjid. Pihak UNISSA lebih arif bahawa doa itu senjata orang-orang mukmin. Bukan bererti pihak UNISSA akan turun ke setiap masjid tetapi memadai dengan menyediakan

program dan menentukan tarikh pelaksanaan;

3. Tajuk SF01A - Jabatan Kementerian Pendidikan. Terdapat pelajar-pelajar dan yang sudah bekerja di interviu dan dipilih untuk mengikuti Program *M Teach* (Master dalam perguruan) dan mendapat biasiswa dan programnya pula untuk mengajar bahagian sains, ada yang *specialized* untuk mengajar mata pelajaran sains dan matematik tetapi selepas *graduate* tidak diambil untuk berkhidmat malahan mereka yang tidak mengikuti program berkenaan diambil untuk berkhidmat mengajar. Mengapakah perkara ini terjadi?;
4. Tajuk SF06A - Institut Pendidikan Teknikal Brunei. Apakah ada perancangan Kementerian Pendidikan bagi menyediakan kampus kekal Politeknik Brunei kerana kemasukan pelajar-pelajar ke Politeknik Brunei adalah ramai berbanding dengan institusi-institusi yang lain sedangkan kampus Politeknik Brunei masih menumpang dengan pembayaran sewa yang tinggi.

Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan.** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari atas soalan-soalan yang diajukan.

Mengenai kursus Sarjana Muda dalam bidang *agribusiness*, ianya perlu diteliti. Terima kasih atas perhatiannya. Adakah ia memerlukan ianya untuk diadakan di Negara Brunei Darussalam. Buat masa ini kitani ada menghantar pelajar-pelajar ke luar negara untuk menjalani kursus mengenai *agriculture agribusiness* memandangkan ia lebih *cost-effective* secara begitu daripada kitani membuatnya secara *full blown* di Negara Brunei Darussalam yang memakan belanja lebih banyak. Ia telah pun memberikan usaha-usaha kitani untuk memberikan anak tempatan kitani kemahiran dan pengetahuan mengenai perkara ini melalui biasiswa ke luar negara.

Namun perkara ini tetap diteliti dari semasa ke semasa atas keperluannya, jika ia telah pun menepati kriteria-kriteria tertentu ada besar kemungkinan ia akan dapat dilaksanakan dan dibuat dalam negara dalam membangun satu *department agriculture* di salah satu universiti yang kitani ada.

Mengenai UNISSA, disambut baik cadangan itu mungkin rakan sejawatan peramba, kaola, saya akan lebih arif mengenai perkara ini dari Kementerian Hal Ehwal Ugama sebab aktiviti-aktiviti tersebut adalah dalam bidang kuasa kementerian tersebut dan lebih baik diajukan, saya percaya pihak UNISSA akan bekerjasama dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama mengenai cadangan dan perkara yang telah diutarakan itu.



Mengenai Politeknik Brunei memang ada dalam rancangan untuk menyediakan kampus kekal. Tapak telah pun dikenal pasti dan ianya dalam penyediaan kertas cadangan, diharapkan ia akan dapat direalisasikan beberapa tahun akan datang. Ini adalah dalam perancangan strategik Kementerian Pendidikan dan diharap kemampuan kewangan dan segalanya akan dapat membuatkan ini satu kenyataan pada masa akan datang.

Mengenai adanya graduan *M Teach* yang tidak diambil bekerja mengikut bidang masing-masing harus diketahui, ini termasuk dalam sistem pengambilan kitani sebagai guru. Pada masa ini tidak semua yang akan *graduate M teach* itu bekerja. Mengikut peraturan kitani dan juga kepada kekosongan jawatan yang ada melalui proses biasa diiklankan dan lepas itu diinterview dan mana-mana yang berjaya akan dipilih.

Jadi, belum dapat kitani memberikan guarantee siapa yang *graduate M Teach* akan diberikan pekerjaan pada hujung pembelajarannya.

Walau pun dikongsikan Kementerian Pendidikan pada masa ini ada memberikan satu inisiatif untuk memastikan kalau dapat graduan-graduan *M Teach* itu diberikan kerja pada penghujung pengajian, tetapi ini memerlukan perancangan dengan memberikan data-data berapa kekosongan yang ada pada masa mereka yang akan *graduate* dan ini akan memberi impak berapa pelajar-pelajar yang dapat diambil untuk mengikuti *Master of Teaching* ini di *UBD* nanti dan

ini memerlukan perancangan yang rapi dan komprehensif agar tidak banyak yang nanti keciciran melalui program ini.

Inilah usahanya, salah satu yang dilaksanakan mengenai dengan usaha Kementerian Pendidikan dalam pelan strategiknya mengenai *big data* yang akan disatukan, data perjawatan dan keperluan dan juga data pengambilan pelajar-pelajar ke *Programme M-Teach* ini. Itu sahaja yang dapat diberikan jawapannya Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Silakan.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal**

**Ugama:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Yang juga tadi kaola ingin menambah pencerahan yang dibuat oleh rakan sejawatan kaola Yang Berhormat Menteri Pendidikan, respons atau pertanyaan ataupun saranan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari. Minta maaf kaola cuma sempat mendengar semasa di luar dewan tadi kalau betul fahaman kaola ini **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ**. Sebenarnya kitani janganlah terlalu panik bila berhadapan dengan keadaan yang dikatakan apa namanya itu, kerajaan menghadapi defisit hasil negara menurun dan sebagainya.

Kalau kitani berfikiran sedemikian itu sehingga kitani kata orang, tidak tentu rasa gayanya, tapi ini baik kalau tidak tentu rasa itu ada, ubatnya, ubatnya itu kerohanian. Bila kerohanian itu antara doanya sebagaimana Ahli Yang Berhormat tadi cadangkan kepada satu sektor sahaja untuk berdoa ini iaitu

*UNISSA* diminta, yang sebenarnya bukan *UNISSA*, itu sebenarnya tidak tepat.

Kitani telah berdoa mengenai rezeki ini dalam setiap kali dalam sembahyang, doa-doa yang kitani baca itu kalau kitani fahami itu termasuk rezeki. Dalam sembahyang berjemaah, hari Juma'at, tolak bala dan sebagainya termasuk **اللَّهُمَّ يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ يَا مُبْدِيُ يَوْمِ الدِّينِ** untuk rezeki. Yang paling penting khusus berhubung mengenai penghasilan negara ini, kaola ingin menyebutkan secara jelas apa yang dibaca oleh Imam semasa selesai Sembahyang Juma'at.

Adalah dimulakan beberapa tahun dahulu, ketika negara menghadapi krisis kewangan. Majlis Ugama Islam mencadangkan kepada masjid-masjid supaya doa itu dibaca kerana doa itu ma'tsurat. Doa yang terpakai dalam hubungan mengembalikan semula keadaan yang sebelumnya baik yang tiba-tiba berubah menjadi keadaan yang tidak baik untuk berubah semula kepada keadaan yang baik itu. Jadi, doa itu khusus.

Secara umum, Yang Berhormat Pengerusi. Kitani di Brunei ini kaya sudah dengan doa, bahkan dengan amalan kitani. Janji **اللَّهُ تَعَالَى** bagi penduduk-penduduk itu:

**وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىءَاتِ آمَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ**

Ertinya: kalau penduduk sebuah negeri itu beriman dan bertaqwa, kitani sudah dalam keadaan perimeter yang beriman dan bertaqwa itu. **اللَّهُ تَعَالَى** menjanjikan akan memberikan rezeki dari langit dan dari bumi dan itu adalah jaminan-

jaminan daripada **اللَّهُ تَعَالَى**, berpeganglah dengan jaminan tersebut. Sedikit atau sebanyak ia rezeki, baik dan buruknya itu mengikut **اللَّهُ تَعَالَى**, mungkin sedikit tidak mencukupi bagi kitani tetapi bagi **اللَّهُ تَعَالَى** itu ada hikmahnya. Mungkin terlalu banyak bagi kitani mungkin itu **اللَّهُ تَعَالَى** 'mendulur' dan akan melihat sejauh mana kitani menggunakannya.

Jadinya, doa-doa ini sudah ada perkara-perkara yang disebut dalam amalan-amalan kitani dan paling juga kaola ingin menegaskan lagi, hatta doa kitani mengenai Doa Peliharakan Sultan dan Negara. Kalau dibaca doa ini dengan fahaman yang baik bukan sahaja rezeki keamanan yang kita tuntutan adalah juga mengundang rezeki, kesejahteraan bagi hidup sekalian bukan sahaja Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan kerabatnya bahkan juga menyebut di sana bagi pegawai-pegawai dan orang-orang yang dilantik dalam kerajaan bagi rakyat jelata sekalian dan yang penting di hujung ayat doa itu ialah mendoakan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan kitani sendiri akan sentiasa bersepadu dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia menghilangkan segala rasa ragu-ragu, syak wasangka terhadap satu sama lain dan ini hayatilah doa-doa kitani ini **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** kalau kitani akan menambah dari masa ke semasa umpamanya dari setahun yang lalu kita sudah memperkenalkan lagi dengan istighfar, **سَيِّدِ الْإِسْتِغْفَارِ** . **اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ . أَلْحَمْدُ لِلَّهِ** sedang dibaca pada masa ini pun semua ini kita lakukan tetapi mengkhususkan pada *UNISSA* sahaja kaola rasa tidak tepat, ini juga tidak tepat kalau dikatakan bahawa bidang kuasa doa ini Kementerian Hal Ehwal Ugama

sahaja. Mengenai inisiatif dari mana-mana pihak pun boleh melakukan doa-doa bukan sahaja pihak-pihak yang secara *institutional* tapi juga secara perseorangan kita melakukan doa.

Sekian, وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

**Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ada 5 persoalan:

1. Beban tugas guru. Guru-guru seharusnya tidak begitu dilibatkan dalam tugas-tugas perkeranian bagi memberikan mereka ruang untuk menyediakan bahan mengajar dan menyiapkan tugasannya yang berkaitan dengan bidang kerjaya mereka. Sewajarnya guru-guru ini bertanggungjawab dalam *core business* mereka agar dapat memberikan perhatian yang lebih kepada bidang pengajaran dan pembelajaran bukan membuat kerja-kerja yang tidak berkaitan dengan bidang akademik.
2. Kaola mencadangkan supaya pihak yang berkenaan perlu mengkaji semula sistem pencerapan yang dikenakan kepada setiap tenaga pengajar di sekolah-sekolah kerajaan dan swasta. Adakah ia perlu dilaksanakan dengan kerap dalam masa setahun dan adakah dilakukan dengan kerap objektif pengajaran dapat dicapai ataupun masih pada tahap yang sama sahaja? Apakah alternatif lain untuk memberikan guru-guru ini kemahiran yang sewajarnya dalam bidang masing-masing?;
3. Pihak Kementerian Pendidikan juga ada menyatakan kita perlu belajar dari pendidikan luar negara seperti Singapura dan Korea namun sejauh mana ia boleh dilaksanakan di negeri ini? Sekiranya telah dilaksanakan, apakah keberkesanannya? Kaola mencadangkan agar perkara ini perlu dikaji semula supaya kita boleh membangunkan negara yang berpendidikan dan lebih berdaya saing;
4. Isu tekanan mental. Kaola mencadangkan agar golongan belia yang terdedah kepada tekanan mental akan dapat dipantau sedari awal lagi. Salah satu cabaran terkini adalah membendung isu depresi di usia remaja, ini boleh dilihat

Pada ketika ini, tenaga pengajar di sekolah-sekolah kerajaan mahupun swasta dibebankan dengan tugas-tugas yang boleh dijalankan oleh pihak kerani sekolah. Masa yang digunakan untuk memasukkan informasi pelajar ini sebetulnya boleh menjejaskan masa berkualiti antara

melalui percubaan membunuh diri dan juga meragut nyawa mereka sendiri.

Dijangka kadar kematian disebabkan bunuh diri adalah membimbangkan di negara ini. Antara tahun 2014 ke 2018, 46 percubaan membunuh diri dan 15 orang daripadanya melibatkan rakyat tempatan. Sekiranya isu ini tidak dibendung berkemungkinan akan membawa ke tahap bahaya. Antara kesalahan jenayah yang memudaratkan dalam kalangan remaja melibatkan masalah tingkah laku seperti masalah ketagihan, berjudi, mencuri, penglibatan dalam pemanduan yang berbahaya yang kebanyakannya berpunca dari tekanan atau masalah mental.

Oleh itu, untuk membina daya tahan mental yang mantap dalam kalangan remaja dan para belia amnya, satu program khusus perlu dibentuk dari usia muda lagi. Ibu bapa perlu dididik diberikan kesedaran dalam pendidikan seperti ini. Guru pula diharap dapat membantu membina kekuatan mental kanak-kanak dan remaja untuk membantu mereka mengatasi cabaran dalam kehidupan.

Program-program sokongan psikologi dan sosiologi boleh disediakan di sekolah-sekolah dan di peringkat masyarakat bagi mengesan tanda-tanda awal gangguan kesihatan mental sejak di peringkat sekolah rendah lagi; dan

5. Guru-guru perlu diberikan kemahiran khusus bagi memastikan kejayaan dalam kalangan pelajar. Guru-guru yang dilantik perlulah mempunyai kemahiran yang tinggi dalam bidang masing-masing.

Pada masa ini, pelbagai subjek baharu yang telah diperkenalkan dalam peringkat sekolah menengah dan prauniversiti sewajarnya tidak ada istilah 'bidan terjun' dalam kalangan tenaga pengajar. Kerana ini tentunya akan menjejaskan kualiti pengajaran guru dan pembelajaran penuntut. Sewajarnya guru-guru yang terlibat diberikan peluang untuk memajukan diri dengan mengikuti kursus-kursus dan program-program kemahiran dalam bidang masing-masing.

Sebagai contoh, keperluan terhadap kemahiran *agriculture* bagi *BAT (Business Art and Technology)* amat diperlukan. Guru yang berkeupayaan dan berkemahiran dalam pengkhususan tersebut adalah dalam jumlah yang amat sedikit.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin atas soalan-soalan yang diberikan.

1. Mengenai beban tugas guru ini. Perkara ini balik-balik sudah dibangkitkan dan kalau dapat dirujuk jawapan-jawapan yang lepas dan kalau dapat juga dipohonkan bukti-bukti (*evidence*) mengenai beban-beban guru ini.

Kalau dapat kitani tangani bersama kalau benar-benar berlaku. Memandangkan statistik kitani di Negara Brunei Darussalam, nisbah guru-guru dan pelajar di peringkat rendah adalah 1 ke 8 orang. Nisbah di peringkat *form 6* kitani 1 guru ke 6 pelajar. Ia adalah satu nisbah yang terbaik di rantau dan mungkin di dunia. Mungkin ada jua benarnya ada guru-guru yang diberikan kerja perkeranian dan sebagainya. Jadi, perkara ini perlu dilihat juga, ada inisiatif sedang diusahakan dan difikirkan macam mana untuk mengurangkannya juga mengenai mengurangkan kerja-kerja perkeranian ini. Di sekolah-sekolah memang ada sudah kerani-kerani. Jadinya, bagaimana pemimpin sekolah menggunakan kerani-kerani ini dengan secara terbaik. Itulah yang perlu dilihat lagi. Jika perlu nanti ada lagi penambahannya akan dibuat. Masa ini dalam penelitian Kementerian Pendidikan.

Seperti mana juga yang abis peramba, kaola, saya amati di negara-negara lain perkara ini ada juga guru-gurunya memang membuat kerja-kerja pentadbiran dan juga diberikan kelonggaran dari segi masa mengajarnya. Seperti yang

kitani lakukan di Negara Brunei Darussalam ini.

Kalau dapat berunding mengenai bukti-buktinya, data-data yang dapat kitani tangani mengenai perkara ini. Jadinya, perkara ini memerlukan lagi penyelidikan yang lebih rapi sebelum kitani bertindak mengenai perkara ini. Mana-mana yang patut dapat kitani tangani untuk diusahakan solusinya.

2. Mengenai sistem pencerapan dikaji semula itu. Sistem pencerapan itu ialah untuk memastikan guru-guru kitani menepati *standard* guru-guru di Negara Brunei Darussalam yang ada. Hanya satu kaedah untuk membantu sebenarnya atas segala kekurangan yang dihadapi oleh guru-guru dalam mengajar itu. Ia adalah satu sistem untuk menolong membangun guru-guru itu agar ia akan menjadi seorang guru yang baik dan terlatih sebab yang akan untung sebenarnya selain guru-guru itu, ialah anak-anak bangsa kitani yang diajarnya itu juga.

Itu tujuan kitani yang sebenarnya, mengapa. Agar kanak-kanak kitani akan diajar oleh golongan guru-guru yang cekap yang berkemahiran dan diberikan segala bantuan untuk menjadi guru-guru yang baik dan cemerlang. Jadinya, itulah sebab ia dicerap dan sebenarnya untuk perbaikan jika diperlukan.

3. Mengenai isu tekanan mental ini. Memang diadakan pemantauan oleh

guru-guru di sekolah-sekolah kepada pelajar-pelajar. Ada kaunselor di sekolah-sekolah dan guru-guru yang telah pun dilatih untuk menangani perkara-perkara ini. Ia akan lebih diteliti lagi agar ia dapat ditangani bersama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain. Macam mana kitani akan lebih dapat memantaunya dengan lebih rapi dan memberikan bantuan-bantuan kepada pelajar-pelajar yang memerlukan mengenai dengan isu tekanan mental ini.

Juga perlu diseru kepada ibu bapa dan orang sekeliling pelajar-pelajar untuk memberikan perhatian. Perkara ini bukan hanya untuk Kementerian Pendidikan tetapi pada seluruh masyarakat kitani untuk membantu anak-anak kitani yang menghadapi isu tekanan mental ini. Jika ia diadakan, perkara ini dapat dibantu dengan lebih awal lagi. Pihak sekolah dalam Kementerian Pendidikan memang memantau perkara ini. Ada kaunselor-kaunselor sekolah yang disediakan untuk menangani perkara-perkara ini juga.

4. Mengenai sejauh mana *best practices* di negara-negara lain yang dapat kitani buat dan dapat kitani bandingkan dengan yang ada di Brunei ini.

Sebenarnya kitani melihat sistem Pendidikan di negara-negara lain untuk mempelajari *best practices* dan sejauh mana *best practices* dapat kitani ikuti. Itu tertakluk kepada kitani punya kemampuan dan kitani

punya konteks. Dari pandangan Kementerian Pendidikan, perlu ada pembelajaran secara antarabangsa yang terdapat *best practices* mana-mana yang baik difikirkan bertepatan dengan konteks Negara Brunei Darussalam dapat diikuti agar kitani inda ketinggalan dengan kemajuan-kemajuan yang terdapat dalam sistem-sistem pendidikan antarabangsa di luar negara itu.

Bukannya kita inda mahu belajar dari mana-mana *best practices* yang telah pun dilakukan oleh sistem-sistem pendidikan-pendidikan yang lain disebabkan kitani inda mahu belajar. Kitani sebenarnya melihat mereka dan difikirkan mana-mana yang berpatutan ia akan diikuti. Mana-mana yang tidak, tidak akan diikuti dan mungkin diperbaiki lagi untuk menepati kitani punya konteks keperluan budaya dan segalanya itu. Bukannya kitani *copy* sistem-sistem pendidikan lain 'membabi buta', nya orang. Kitani lagi memikirkan mana yang sesuai atau inda.

5. Terakhir ialah mungkin dengan kemahiran guru yang diutarakan tadi memang hasrat Kementerian Pendidikan seperti yang dinyatakan dalam pelan strategik, iaitu dalam pelan strategik utama untuk memberikan kemahiran pengetahuan dan kemampuan kepada seluruh warganya yang akan mendidik dan akan mentadbir sistem pendidikan ini.

Diharapkan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu tadi, akan berkurangan atau kalau dapat dihapuskan sama sekali. Ada guru-guru yang mungkin tidak mempunyai kemahiran dan mengajar dalam bidang yang belum diterokainya ataupun belum dimahirkannya. Itulah sebabnya kenapa Pelan Strategik Kementerian Pendidikan memfokuskan sebagai satu strategik objektif pertama agar kemahiran dan pengetahuan guru-guru itu diberikan sepenuhnya untuk ia mengajar anak-anak bangsa kitani dan perlu dikongsikan untuk mendapatkan bantuan-bantuan ini sudah disediakan *professional development* yang ada yang dianjurkan oleh *Brunei Darussalam Teacher's Academy* kita dan ada masa-masa kita telah pun diberikan kepada guru-guru yang memerlukan itu.

Jadi, peluang-peluang untuk menaik taraf kemahiran dan pengetahuan memang ada dan diharapkan ia akan diambil sepenuhnya oleh para guru dan pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan yang memerlukannya.

Itu sahaja yang dapat dikongsikan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

**Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Saya ingin membawakan 3 perkara kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

1. Tajuk SF01A, Kod Akaun 002/003 - Perkembangan Kurikulum, 2 perkara:
  - i. Merujuk laporan yang diusahakan bersama oleh *UNESCO* dan Kementerian Pendidikan iaitu *Situation Response Analysis of the Education Sectors Response to HIV, Drugs and to Sexual Health in Negara Brunei Darussalam*, terdapat beberapa rekomendasi yang dibuat dengan mengambil kira kesesuaian sosiobudaya negara. Apakah status mengenai rekomendasi ini?;
  - ii. Beberapa isu kesihatan reproduktif melibatkan penduduk berumur dalam kalangan belia seperti kes jangkitan *HIV*, remaja dijangkiti penyakit hubungan kelamin, kehamilan remaja, pengguguran janin yang tidak selamat, membuang 'anak damit' dan lain-lain lagi di mana bahawa statistiknya adalah signifikan dan bolehlah didapati dari Kementerian Kesihatan dan tidaklah perlu disebutkan di sini.

Apakah antara usaha Kementerian Pendidikan dalam membendung isu kesihatan reproduktif dalam kalangan belia ini dalam memberikan pendidikan pengetahuan dan kemahiran bagi pelajar kitani untuk kesihatan reproduktif mereka? Ini termasuklah juga menerokai kepentingan pendidikan

kesihatan reproduktif secara komprehensif dan formal; dan

2. Tajuk SF01A, Kod Akaun 006/002, Universiti Brunei Darussalam. Apakah usaha pihak Kementerian Pendidikan dalam memastikan guru-guru dan tenaga pengajar seluruh negara termasuk juga guru-guru dari Jabatan Pengajian Islam, untuk mempunyai kelulusan pengkhususan atau *specialization*. Maksud saya ialah seperti *early childhood* dan *special education* yang pada masa ini kursus-kursus tersebut adalah terhad.

Apakah ada penyelarasan dalam kursus ini untuk menampung keperluan Komuniti Orang Kelainan Upaya (OKU) serta penjagaan kanak-kanak damit di peringkat sekolah termasuk *centre of excellent, daycare*, penjaga peribadi. institusi pendidikan swasta mahupun *NGOs*?

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad atas soalan-soalan yang telah diberikan.

Untuk menjawab soalan yang pertama mengenai status rekomendasi isi laporan yang diusahakan bersama *UNESCO* bersama Kementerian Pendidikan iaitu *Situation Response Analysis of the Education Sectors Response to HIV, Drugs and to Sexual Health in Brunei*

*Darussalam*, antara status rekomendasi yang dapat dikongsikan di sini ialah:

- i. Mengenai rekomendasi pendidikan kesihatan reproduktif yang komprehensif, Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan telah mereviu sukatan pelajaran dan Bahagian Kurikulum mata pelajaran sains Tahun 7 dan 8 *common curriculum* dengan mengambil kira perkembangan pendidikan kesihatan reproduktif dan input dari Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan dan Majlis *AIDS* Negara Brunei Darussalam;
- ii. Merekomendasi satu *taskforce* atau jawatankuasa ditubuhkan. Dikongsikan bahawa satu jawatankuasa telah dibentuk terdiri daripada pegawai-pegawai Jabatan Perkembangan kurikulum dan Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Persatuan Majlis *AIDS* Negara Brunei Darussalam dengan aktiviti-aktiviti yang telah pun diadakan termasuklah Bengkel Kebangsaan Kesihatan Reproduksi bagi pemimpin-pemimpin sekolah menengah seluruh negara termasuk sekolah Arab dan swasta dan juga program *Training of the Trainers* "Minggu Kesedaran Kesihatan Reproduksi" bagi pelajar-pelajar



sekolah menengah dan Pusat Tingkatan 6; dan

- iii. Merekomendasi penyertaan komuniti pula, Kementerian Pendidikan memang sentiasa bekerjasama dengan Pusat Promosi Kesihatan di bawah Kementerian Kesihatan bagi meningkatkan tahap kesedaran, pengetahuan dan pemahaman tentang perkara-perkara kesihatan terutama penyakit berkaitan dengan gaya hidup dan pencegahan penyakit tidak berjangkit. Di samping itu, Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam telah menganjurkan beberapa program yang berterusan untuk membantu meningkatkan kesedaran mengenai jangkitan hubungan kelamin, kehamilan remaja dan beberapa isu sosial yang lain.

إِنْ شَاءَ اللهُ Kementerian Pendidikan akan terus memainkan peranannya dalam memberikan pendidikan kepada para pelajar dengan menyediakan kurikulum dengan melaksanakan aktiviti dan program yang strategik bersama pihak-pihak berkepentingan agar isu HIV, dadah dan kesihatan reproduktif akan dapat ditangani dengan lebih holistik dan berkesan lagi.

Bagi soalan seterusnya, mengenai kesihatan reproduktif itu mungkin tidak lagi peramba, kaola, saya berpanjang lebar mengenainya, sebab itu telah dijawab tetapi untuk makluman bersama harus diketahui bahawa peranan membendung isu mengenai kesihatan reproduktif ini bukanlah hanya terletak

pada Kementerian Pendidikan dan kementerian-kementerian yang lain tetapi ibu bapa dan segala masyarakat di negara ini perlu memainkan peranannya jua agar kita mengambil *whole of nation approach* agar perkara ini akan dapat dibendung dan ia tidak akan berleluasa demi untuk kebaikan anak bangsa kita jua.; dan

Apakah usaha Kementerian Pendidikan memastikan guru-guru, tenaga pengajar termasuk guru-guru dari Jabatan Pengajian Islam mempunyai *specialization*. Dikongsikan, bahawa pihak Universiti Brunei Darussalam melalui Institut Pendidikan Sultan Haji Hassanal Bolkiah memang ada menyediakan program-program dalam *Master of Teachingnya, Master of Education* yang mempunyai pengkhususan mengenai *early childhood and care special education* itu memang ada disediakan.

Jadinya, dialu-alukan kepada pelajar-pelajar yang berminat untuk mengikutinya dan mendapatkan kemahiran dan kelulusan mengenainya. Perkara ini memang ada dan yang hanya diperlukan diketahui data-data berapa keperluannya agar dapat diberikan *supplynya* dan untuk jua memastikan ia tidak akan berakhir dengan para pelajar yang mengikuti program-program ilmiah ini ataupun kursus-kursus ini tidak bekerja hujungnyanya. Itu yang perlu ditekankan, ini ada *matchingnya* antara *supply* dan *demandnya*.

Itu sahaja yang dapat dikongsikan Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

**Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu kaola merakamkan penghargaan dan terima kasih atas mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman, Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Izinkan kaola menyentuh mengenai dengan Tajuk SF01A - Jabatan Kementerian Pendidikan dengan Anggaran Peruntukan sebanyak \$574,685,530.00.

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ bagi mendukung tema Belanjawan Tahun Kewangan 2019/2020 iaitu "Pelaburan Untuk Masa Depan (*Investing Our Future*)" yang ada 4 fokus utama.

Kaola menyentuh fokus yang ketiga iaitu: Menjana Sumber Tenaga Manusia yang *competent* dan *employable*, iaitu berkenaan mendatangkan tenaga pakar dan pengajar mahir untuk program latihan literasi (*English Language*) dan numerasi (*mathematic*) terus disediakan dengan jumlah perbelanjaan yang begitu besar sebanyak \$10.8 juta.

Perbincangan kaola:

1. Apakah dengan kos yang begitu besar tidak dapat diberikan kepada kebanyakan guru-guru lokal yang boleh berpotensi terutamanya guru-guru cemerlang dan guru-guru yang dianugerahkan *special mission*. Guru-guru berkenaan boleh dijadikan sebagai *coach*. Ini lebih menjimatkan perbelanjaan berbanding dengan mendatangkan pakar-pakar dari luar negeri;
2. Kaola mencadangkan, bolehkah Universiti Brunei Darussalam (UBD) mengambil peranan dalam melatih (*upgrade*) guru-guru lokal dalam perkara ini; dan
3. Adakah sudah Kementerian Pendidikan membuat kajian mengenai impak guru-guru lokal yang dilatih oleh *international coach* berbanding dengan guru-guru yang tidak dilatih.

Seterusnya, kaola ingin menyentuh mengenai perkara yang sama iaitu yang kedua, pada fokus yang sama juga. Fokus ini memberikan penekanan terhadap aspek perancangan pembangunan pendidikan negara di mana untuk melahirkan lebih ramai lagi pakar-pakar profesional dan pemimpin dan usahawan pada masa akan datang.

Sehubungan dengan itu, Menteri Kewangan dan Ekonomi II telah membentangkan projek-projek *FDI* yang telah beroperasi seperti *Syarikat Yamako*

*Pacific, Pure Freeze (Blue Shrimp)* dan lain-lain lagi.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ Negara Brunei Darussalam telah berjaya menarik pelabur-pelabur asing untuk membuat pelaburan di negara ini dengan syarikat-syarikat tersebut.

Bagi pandangan perbahasan kaola, apakah jika sekiranya anak tempatan disediakan atau dibukakan kursus-kursus di sekolah pendidikan tinggi untuk meningkatkan serta diberi kemahiran dalam bidang-bidang yang terdapat di syarikat-syarikat tersebut untuk memberi peluang anak tempatan mendapatkan pengetahuan.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin mencadangkan supaya Kementerian Pendidikan merancang potensi kursus-kursus dapat ditawarkan atau dibukakan kepada institusi-institusi di negara ini supaya menjadi kursus tersebut *marketable* dan *employable*.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman mengenai soalan-soalan tersebut.

Bagi menjawab soalan pertama mengenai Program *LNCP* yang mendatangkan tenaga pakar dan mahir untuk melatih guru-guru kitani yang didatangkan dari luar negeri, perkara ini telah pun dilihat dan dikaji, ini berkaitan dengan soalan mengenai UBD.

Sudah dikaji, jika ada *expertise* kemahirannya itu dalam negeri, Kementerian Pendidikan tidak akan mengambil tenaga pakar dari luar negara.

Ini mamandangkan keperluan kitani dan sudah dilihat dalam negara bahawa ia belum ada dan tidak mencukupi, sebab itulah didatangkan dari luar negara. Perlu juga dikongsikan bahawa program ini adalah untuk melatih orang kitani menjadi pakar dan *coach* dalam literasi dan numerasi dan ianya amatlah baik kerana ia akan memberikan kitani kapasiti secara berpanjangan setelah dilatih orang-orang kitani, guru-guru kitani di peringkat *specialist* sehingga *expert* dan diiktiraf.

Mereka ini akan dapat lagi melatih anak-anak tempatan kitani, guru-guru kitani untuk menjadikan mereka juga *coach* dalam bidang-bidang ini dan kapasiti ini إِنْ شَاءَ اللهُ tidak akan hilang dari sistem pendidikan kitani sepanjang masa jika ia dilakukan secara teratur.

Jadinya itulah kitani berbelanja untuk mendapatkan kemahiran dan kapasiti ini. Diharapkan kapasiti ini akan bertahan lama dalam sistem pendidikan kitani. Sudah dinyatakan tadi, kenapa UBD tidak mengambil notis tetapi perlu diingati juga, pihak UBD pun ada juga melihat bagaimana program ini dilaksanakan.

Mengenai dengan adakah tidak kajian berbanding dengan orang yang dilatih dengan tidak dilatih, memang ada. Untuk pengetahuan bersama, dari sejak ia dimulakan program ini, pihak kementerian

mengadakan *stock-takenya* sendiri setiap 3 ke 4 bulan.

Pada masa ini program ini akan berakhir pada bulan Julai ini dan progres yang telah dibuat amatlah memuaskan dan diharapkan ia akan berjaya setelah kapasiti pemantauan dan juga latihan ini dapat kitani garapi dan dapat kitani laksanakan sendiri nanti. Jadinya, memang banyak kajian yang telah pun diberikan ataupun dibuat untuk memastikan program ini berjaya dan pemantauannya dibuat setiap 3 bulan dengan pemberi latihan dan pelaksana program ini.

Soalan mengenai anak tempatan diberikan kemahiran dan kelulusan yang berpatutan mengenai dengan Rancangan Pembangunan Ekonomi Negara, memang itu tujuan setiap program yang diadakan di institusi pengajian tinggi di Negara Brunei ini.

Hanya yang perlu kita pastikan ia akan lebih dapat dibuat, dirancang dengan lebih rapi dan teratur lagi untuk memastikan keperluan pembangunan negara ini dapat dibuat dan ditangani oleh anak-anak tempatan yang telah pun dilatih dan diberikan pengetahuannya.

Untuk makluman, macam mana pihak-pihak institusi pengajian tinggi membuat anak-anak kitani lebih *marketable* dan *employable*, ada sudah bermacam-macam program telah pun disediakan seperti di UBD *Discovery*. *Discovery* itu tujuannya membuat mereka itu lebih *marketable* dan *employable* diberikan peluang untuk mereka bekerja. Ada

program *e-Village* dengan memberikan pengetahuan mengenai keusahawanan dan juga bagaimana untuk menghadapi interviu, macam mana membuat *cv* dan bagaimana untuk meningkatkan *soft skills* mereka ini. Memang sudah disediakan dan sebenarnya perkara-perkara ini *embedded* dalam kursus-kursus yang mereka hadapi dalam *tutorial*, *lecture*, dalam semua bidang pengajaran itu.

Jadinya, diharapkan pelajar-pelajar kitani akan dapat memanfaatkan segala usaha ini untuk membuatkan mereka *marketable* dan *employable*. Sebenarnya sudah ada disediakan, hanya untuk pelajar-pelajar kitani memanfaatkannya selebih-lebih yang dapat mereka buat dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ mereka akan *marketable* dan *employable* selaras dengan pembangunan ekonomi kitani.

Itu sahaja yang dapat dikongsikan Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

**Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Isu yang kaola ingin bangkitkan ialah mengenai sekolah rendah swasta yang kini popular dalam kalangan ibu bapa. Berdasarkan dari statistik yang diperolehi dari Bahagian Pendidikan Swasta, Kementerian Pendidikan, jumlah peratusan penuntut yang menuntut di sekolah swasta yang mendapat sekurang-kurangnya Gred A hingga Gred

D lebih tinggi iaitu 95.18% berbanding 83.79% dari sekolah kerajaan untuk tahun 2018.

Tahun 2017 juga menunjukkan *trend* yang sama yang jumlah peratusan keputusan sekolah swasta lebih tinggi iaitu 91.51% dibandingkan dengan 83.45% dari sekolah kerajaan.

Soalan kaola:

1. Adakah sebarang kajian pernah dibuat untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada kejayaan sekolah rendah swasta? Adakah disebabkan oleh faktor guru, faktor suasana kelas, faktor cara pembelajaran dan sebagainya? Kaola percaya dengan adanya kajian ini, ia akan dapat membantu pihak kementerian untuk mempertingkatkan lagi mutu pembelajaran penuntut yang belajar di sekolah kerajaan; dan
2. Jika sudah ada kajian, dan hasil kajian tersebut mendapati bahawa faktor guru bukan faktor yang menyumbang kepada kejayaan sekolah rendah swasta, maka adakah kiranya bersesuaian jika Kementerian Pendidikan mengawal dengan mengehadkan jumlah guru warga asing yang mengajar di sekolah rendah swasta, Memandangkan mengikut *Statistic Brunei Darussalam Education 2016*, jumlah tenaga pengajar yang diisi oleh warga asing ialah sebanyak 766 orang iaitu 42.5% daripada jumlah keseluruhan tenaga pengajar di sekolah rendah swasta. Mungkin strategi ini dapat membantu

pihak kerajaan dalam usaha mengurangkan kadar pengangguran khususnya para belia yang berkelayakkan yang sedang mencari pekerjaan.

Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Sama ada Yang Berhormat mahu menjawab soalan. Soalan ini berulang-ulang, tahun-tahun dan sudah dijawab beberapa kali dan barangkali sudah lumrah kita bincangkan pada waktu yang sudah-sudah. Saya tidak mengetahui sama ada Yang Berhormat suka untuk menjawabnya ataupun apa.

Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Pengerusi, perkara ini telah pun dijawab di sesi-sesi yang lalu, abis kaola mengambil keputusan untuk tidak lagi mengulangi jawapan-jawapan ini.

Untuk secara ringkasnya, memang ada sudah kajian yang telah dibuat dan dapatan/kajian itu telah pun diambil kira dan ia telah pun dimasukkan dalam Pelan Strategik Kementerian Pendidikan.

Itu sahaja Yang Berhormat yang dapat dikongsikan.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya kira cukuplah dahulu kita membincangkan dan membahaskan

Rang Undang-Undang (2019)  
Perbekalan, 2019/2020 ini.

Maka saya ingin menangguhkan mesyuarat peringkat Jawatankuasa ini untuk membolehkan kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa  
ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang  
semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**  
Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Maka saya dengan ini, suka untuk menangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini untuk kita berehat sebelah tengah hari. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** kita akan bersidang semula pada petang ini nanti mulai pukul 2.30 petang.

Sekian, **وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته**

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita masih lagi membahaskan dan meneliti Rang Undang-Undang (2019) Perbekalan, 2019/2020. Tadi kita telah pun bersidang di peringkat Jawatankuasa.

Maka, bagi membolehkan kita menyambung semula perbincangan ini dan membahaskan Tajuk-Tajuk di dalam Jadual Rang Undang-Undang Belanjawan ini, saya sukacita untuk menangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat ini dan kita akan bersidang semula di peringkat Jawatankuasa.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)**

**Yang Berhormat Pengerusi:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sekarang bersidang di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbang dan membahaskan Rang Undang-Undang (2019) Perbekalan, 2019/2020. Pada mesyuarat Jawatankuasa yang telah kita adakan pada pagi tadi, kita telah mula membincangkan Kementerian Pendidikan.

Maka, bersama saya ini masih lagi terdapat senarai agak panjang yang mengandungi nama Ahli-Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta

dalam membincangkan dan menimbang Kementerian Pendidikan. Saya mempersilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

**Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Kaola ingin bertanya dalam Tajuk SF01A - Jabatan Kementerian Pendidikan. Jawatan Guru Tempatan Berkontrak. Seramai 107 graduan tempatan yang terpilih untuk menjawat jawatan Guru Tempatan Berkontrak bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Matematik dalam jangka masa panjang. Difahamkan akan lebih ramai lagi diambil bekerja.

Mengikut fasa pertama, 120 orang dari 763 (1,466) yang mendaftar hanya 362 orang berjaya memenuhi syarat-syarat kelayakan. Mereka akan ditempatkan di sekolah-sekolah yang mempunyai bimbingan tempatan dengan hasrat membantu mengurangkan beban mengajar dan kaola juga difahamkan mereka ini bekerja secara berkontrak selama 3 tahun.

1. Adakah inisiatif atau rancangan pihak kementerian terhadap mereka ini setelah menamatkan kontrak 3 tahun diserapkan atau dijadikan sebagai guru tetap atau inisiatif lain yang ditawarkan bagi mengekalkan mereka berkhidmat

dan bekerja di kementerian berkenaan?;

2. Mengenai isu sosial dalam kalangan penuntut dan isu keselamatan sekolah. Isu sosial (buli) seperti buli fizikal dan emosi yang sering kita dengar dari pelbagai media massa, sedikit sebanyak ia boleh menjejaskan pencapaian penuntut dalam jangka masa panjang serta menjatuhkan imej sekolah berkenaan. Jika tidak dibendung akan mendatangkan masalah kepada penuntut itu sendiri dan menjadi bebanan kepada ibu bapa, sekolah dan juga masyarakat.

Soalannya, sejauh manakah usaha-usaha yang telah dibuat oleh pihak sekolah khususnya kaunselor dan juga guru bimbingan serta bahagian kaunseling dalam mengambil penyelesaian bagi menangani isu berkenaan supaya dapat dikurangi atau adakah inisiatif kementerian untuk melihat semula peraturan sedia ada terutamanya bagi penguatkuasaan serta hukuman yang lebih berat diberikan?

Sehubungan dengan itu, pada pandangan kaola peranan dan persatuan ibu bapa, rakan sebaya, pemimpin masyarakat dan sekolah sama-sama turut membantu boleh mengurangkan isu berkenaan dengan mengwujudkan kerjasama secara bersepadu.

Kaola ingin mengetahui juga isu keselamatan sekolah. Sejauh manakah pelaksanaan bagi memastikan keselamatan penuntut terjaga dan terkawal umpama semasa hadir dan

balik dari sekolah? Semasa kanak-kanak menunggu diambil oleh ibu bapa mereka, penyediaan pengawalan keselamatan termasuk juga pengawalan tempat letak kereta bagi guru-guru dan ibu bapa yang mengambil anak-anak mereka. Apakah inisiatif kementerian masa hadapan bagi mengatasi isu yang disebutkan?

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Kementerian Pendidikan:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu atas soalan-soalan yang diutarakan.

Bagi menjawab soalan pertama mengenai Guru Berkontrak dan akan diselajurkan juga Soalan Jawab Mulut daripada Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong.

Dikongsikan bahawa sejak pengambilan pertama Guru-Guru Tempatan Berkontrak pada tahun 2018 dan pengambilan kedua pada tahun 2019, **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** seramai 200 Guru Tempatan Berkontrak Bahasa Inggeris dan Matematik telah pun ditempatkan di sekolah-sekolah menengah dan rendah kerajaan di seluruh negara. Selama penempatan mereka di sekolah-sekolah, para guru tempatan berkontrak ini telah mengikuti pelbagai perkembangan profesional secara berterusan bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran serta



profesionalisme mereka sebagai pendidik.

Adalah dikongsikan dalam usaha memastikan kualiti guru adalah di tahap yang tinggi. Kementerian Pendidikan telah melaksanakan proses pemilihan dan pengambilan Guru Berkontrak Tempatan dengan lebih terperinci dan komprehensif bagi memastikan guru-guru yang terpilih bukan sahaja mempunyai kelulusan dan kelayakan tetapi mereka yang benar-benar berminat menjadi guru. Setiap Guru-Guru Tempatan Berkontrak diambil akan dinilai menggunakan penilaian prestasi guru iaitu *Teacher's Performance Appraisal (TPA)* iaitu tahap *TPA* yang perlu dicapai oleh semua guru sebagai *indicator* seorang guru yang berkualiti.

Sehubungan dengan itu, menyentuh mengenai hala tuju Guru Tempatan Berkontrak ini, setelah kontrak mereka tamat nanti, hanya Guru Tempatan Berkontrak yang memenuhi tahap penilaian *TPA* yang diperlukan akan dipertimbangkan untuk ditawarkan jawatan Guru di Kementerian Pendidikan. Laluan kerjaya bagi mereka yang telah mencapai tahap ini adalah seperti berikut:

1. Bagi Guru Tempatan Berkontrak yang telah mempunyai kelulusan *Teaching Qualification* atau *Initial Teaching Program*, mengisi kekosongan jawatan *established post* yang ada;
2. Dalam pada itu, Kementerian Pendidikan juga menggalakkan para

Guru Tempatan Berkontrak pada masa ini yang mempunyai kelulusan *Teaching Qualification* untuk memohon jawatan-jawatan yang telah diiklankan, walaupun masih dalam tempoh kontrak, tertakluk kepada kekosongan dan syarat-syarat jawatan berkenaan; dan

3. Untuk menyediakan laluan alternatif bagi Guru Tempatan Berkontrak yang tidak mempunyai kelulusan *Teaching Qualification* atau *Initial Teaching Program*, untuk mendapatkan sijil atau *qualification* tersebut, Kementerian Pendidikan akan membolehkan mereka nanti untuk memohon Program *Masters of Teaching* di Universiti Brunei Darussalam.

Jadi, itu yang dapat dikongsikan mengenai Guru-Guru Tempatan Berkontrak pada masa ini.

Mengenai isu sosial, pihak kementerian dengan kerjasama pihak sekolah-sekolah dan juga agensi yang lain telah pun mengadakan berbagai-bagai program untuk meningkatkan *awareness* dalam kalangan anak-anak sekolah dan juga guru-guru mengenai isu buli dan juga perkara ini telah pun dilaratkan kepada ibu bapa dan rakan sebaya dan lainnya.

Terima kasih juga diucapkan kepada Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu dalam memberikan sokongan supaya pihak-pihak yang lain seperti pihak ibu bapa, pihak komuniti sebesarnya akan dapat menolong untuk

membendung atau *minimizekan* perkara buli ini.

Mengenai penguatkuasaan kepada pembuli-pembuli, ia akan dilihat tetapi harus difikirkan juga yang selalu membuli antara sesama kanak-kanak yang masih lagi memerlukan pendidikan dan mengikuti Akta Pendidikan Wajib Negara Brunei Darussalam. Jadi, dalam mempertimbangkan penguatkuasaannya, perkara *angle* dan dimensi itu harus diambil kira.

Mengenai isu keselamatan. Pada masa ini pihak Kementerian Pendidikan telah pun membuat satu *Standard Operating Procedure (SOP)* yang komprehensif untuk menangani isu keselamatan di sekolah-sekolah ini. Ia telah pun diadakan *pilot project* dengan beberapa buah sekolah untuk meneliti dan membina lagi *SOP* itu.

Jika telah tamat nanti tempoh *pilot project* itu, ia akan dilaratkan kepada seluruh sekolah yang ada di negara ini dan buat masa ini ianya masih lagi dalam *pilot project* dan dalam penelitian. Ia adalah untuk meningkatkan lagi keselamatan kanak-kanak, guru-guru kitani dan siapa-siapa saja yang berada dalam lingkungan sekolah-sekolah kerajaan.

Itu saja yang dapat dikongsikan buat masa ini, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola akan mengemukakan Tajuk SF01A - Jabatan Kementerian Pendidikan, Kod Akaun 002/007 iaitu Aktiviti Perancangan dan Pengurusan Estet, dengan Anggaran Perbelanjaan \$14,014.150.00 sahaja. Soalan kaola:

1. Apakah perkembangan perancangan untuk mengadakan sekolah vokasional di Daerah Tutong?

Dalam pemikiran kaola, sekolah vokasional di Daerah Tutong perlu juga dilaksanakan seperti mana di daerah-daerah lain, kerana ia akan dapat memberi peluang kepada pelajar-pelajar 7 buah sekolah menengah di Daerah Tutong iaitu yang hanya mendapat 2 hingga 4 'O' Level dan tidak berpeluang untuk menyambung di mana-mana pengajian tinggi.

Dimaklumi keperluan bidang kemahiran adalah amat tinggi seperti mana terkandung dalam Wawasan Brunei 2035. Bidang vokasional sebenarnya mempunyai kelebihan sendiri. Memang tidak dinafikan, aliran sains menjanjikan peluang yang cerah. Namun, yang bukan aliran sains masih banyak terbuka iaitu bidang kemahiran yang diperolehi dari sekolah-sekolah vokasional.

Pelajar dalam bidang ini didedahkan dengan teori dan praktikal seawal usia 16 tahun iaitu relevan dengan kehendak majikan, industri dan pasaran pekerjaan. Peluang untuk mendapatkan pekerjaan adalah cerah atau membuka perusahaan sendiri dalam bidang pembuatan dengan bantuan modal permulaan dari Bank Usahawan; dan

2. Apakah ada rancangan untuk membaik pulih Kompleks Sukan sekolah-sekolah rendah yang rosak, khususnya padang bola menggunakan rumput tiruan ataupun padang sintetik, yang pada awalnya berwarna hijau dan kini sudah berwarna hitam, keras dan rumputnya tercabut yang mungkin mengundang kecederaan kepada murid-murid yang bermain di padang ini? Keperluan membaik pulih padang ini, kerana ia sentiasa digunakan setiap hari oleh murid-murid berkenaan bagi menjalani aktiviti-aktiviti luar khususnya bola sepak.

Akhirnya, Kod Akaun 003/003 - Pendidikan dan Sumber Operasi (Pendidikan Rendah) dan Kod Akaun 004/003 - Pendidikan dan Sumber Operasi (Pendidikan Menengah).

Pada tahun 2012, telah dilancarkan buat julung kalinya Ekspo Pembangunan Keusahawanan Pelajar (*Students Entrepreneurship Development Expo*), menunjukkan suatu kejayaan pihak guru dan pelajar dalam mencipta pelbagai produk iaitu dari jenis makanan hingga ke pertukangan dan kraf. Kreativiti pelajar sungguh tinggi dan ia

boleh dikembangkan sebagai peringkat awal pengusaha.

Soalan kaola, adakah pemikiran Ekspo Pembangunan Keusahawanan Pelajar ini dapat diteruskan misalannya, setahun sekali atau 2 tahun sekali, sebagai usaha kitani untuk membentuk pengusaha muda? Sekarang ini usia bukan menjadi salah satu *indicator* kejayaan seseorang kerana sekarang banyak pengusaha muda yang pandai menangkap peluang perniagaan sehingga pada umur 20-an sudah boleh sukses. Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit atas soalan-soalan yang telah diberikan.

Mengenai soalan, adakah rancangan untuk diadakan sekolah vokasional di Daerah Tutong? Untuk makluman bersama, memang ada rancangan mungkin di daerah itu, sempadan antara Daerah Tutong dan Daerah Brunei Muara, tapak telah pun dikenal pasti untuk mengadakan satu sekolah vokasional dan juga untuk menjadikannya sebagai *headquarters* sekolah vokasional di Negara Brunei Darussalam. Jadinya, pada masa ini ia dalam perancangan dan diharap ia akan dapat direalisasikan dalam masa yang terdekat.

Mengenai pembaikan pulih kompleks sukan yang rosak di sekolah-sekolah, memang perkara ini dibuat dari semasa

ke semasa untuk membolehkan anak-anak kitani menggunakannya dan memakainya secara selamat dan perkara ini akan sentiasa dibuat agar semua sekolah-sekolah kita mempunyai kompleks sukan ataupun kompleks-kompleks yang baik untuk digunakan. Itu memang ada dan peruntukan yang disediakan tiap-tiap tahun itulah yang digunakannya, mungkin masalahnya ialah sama ada ia cepat ataupun lambat sahaja sebab itu cabaran yang kita hadapi untuk memperbaiki kompleks yang rosak ini.

Mengenai dengan cadangan mengadakan kembali Ekspo Keusahawanan Pelajar ini, memang difikirkan untuk dimulakan kembali pada tahun ini, tetapi untuk makluman bersama, sejak tahun 2014 Kementerian Pendidikan telah pun mengadakan satu agenda *National Entrepreneurship Agenda* dan telah pun mengadakan satu program yang komprehensif dari peringkat sekolah rendah hingga sekolah menengah dalam memupuk minat keusahawanan antara pelajar kita dan ia akan diteruskan dan salah satu nanti aktiviti yang akan keluar daripada rancangan ini ialah mengembalikan kembali Ekspo Keusahawanan Pelajar ini.

Aktiviti yang berkaitan dengan *National Entrepreneurship Agenda* ialah seperti pertandingan *Bees* dan juga pertandingan *Startup* yang telah pun diadakan tiap-tiap tahun selama ini. Jadi, itulah usaha-usaha yang kita adakan *actually* untuk membangun anak bangsa kita yang akan menjadi peniaga atau pun *entrepreneur* di masa

akan datang. Sekian itu sahaja yang dapat dikongsikan Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Kesihatan nampaknya yang suka untuk memberikan *intervention* nya.

**Yang Berhormat Menteri Kesihatan:** Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi. Izinkan kaola untuk menambah sedikit mengenai apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengenai dengan masalah buli.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
dan salam sejahtera.

Mengenai dengan masalah buli ini, Kementerian Kesihatan bekerja rapat dengan Kementerian Pendidikan untuk menangani masalah ini. Berpegang kepada pepatah Melayu "*Melentur buluh biarlah dari rebungnya*" pihak Kementerian Kesihatan juga percaya penerapan kepentingan kesejahteraan dan kedayatahan emosi sepatutnya bermula dari peringkat yang lebih awal lagi.

Justeru, sebagai satu langkah dalam mencapai matlamat itu satu program yang dinamakan Program Brunei Bebas Buli telah diungkayahkan oleh pihak Pusat Promosi Kesihatan yang telah dilancarkan oleh Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad pada 21 Julai 2018 yang lalu.

Program tersebut merupakan kerjasama antara Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pendidikan. Antara aktiviti yang termasuk dalam program ini ialah:

1. Bengkel Latihan Brunei Bebas Buli untuk para guru, para kaunselor sekolah, pelajar-pelajar serta para ibu bapa yang terpilih dari sekolah-sekolah rendah dan sekolah-sekolah menengah seluruh Negara; dan
2. Jerayawara di tempat-tempat awam seperti semasa acara "Bandarku Ceria", acara "Mukim Sihat" dan lain-lainnya juga "diberigakan".  
 إِنَّ شَاءَ اللهُ pihak Kementerian Kesihatan juga akan menganjurkan acara Larian ataupun Walkaton Brunei Bebas Buli untuk "memberigakan" kempen "Brunei Bebas Buli" itu lagi.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ setakat ini 12 buah sekolah dari Daerah Brunei dan Muara iaitu 6 buah sekolah rendah dan 6 buah sekolah menengah telah menyertai Bengkel Program Brunei Bebas Buli pada tahun 2018.

Dengan hasil kerjasama dan إِنَّ شَاءَ اللهُ sokongan kumpulan Projek Assalamualaikum iaitu sekumpulan pegawai muda yang menyertai *Young Executive Programme* di Institut Perkhidmatan Awam, 4 sekolah iaitu 2 buah sekolah rendah dan 2 buah sekolah menengah di Daerah Brunei dan Muara juga telah berjaya mengungkayahkan Hari Kesedaran Bebas Buli di sekolah masing-masing.

إِنَّ شَاءَ اللهُ Pogram Brunei Bebas Buli ini akan dilartkan ke semua sekolah secara berperingkat di daerah-daerah yang lain. Bermula dengan Daerah Tutong pada bulan April depan kemudian Daerah Belait dan Daerah Temburong pada bulan Julai dan September tahun ini. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II untuk membuat kenyataan tambahan.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:** Terima kasih. Kaola ingin merujuk soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat FDr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman tadi pagi mengenai pembayaran balik bantuan pinjaman dalam tempoh 3 bulan selepas tamat pengajian.

Pada menjawabnya, Kementerian Kewangan dan Ekonomi tidak pernah mengarahkan mana-mana peminjam untuk membayar selepas 3 bulan tamat pengajian. Walau bagaimanapun, sebagai satu inisiatif Jabatan Perbendaharaan telah menjemput peminjam-peminjam untuk menggalakkan mereka untuk memulakan pembayaran awal bagi mengelakkan jumlah yuran pentadbiran semakin meningkat.

Kaola juga ingin terus menjelaskan bahawa tempoh pembayaran balik pinjaman tidak melebihi 30 tahun dan pembayaran balik boleh dibuat sekali gus ataupun *lump sum* atau secara ansuran bulanan apabila peminjam telah mendapat pekerjaan termasuk jua jika mereka bekerja sendiri *self-employed*.

Kadar bayaran balik pinjaman setiap bulan hendaklah tidak kurang daripada 15% gaji pokok. Sekian sahaja yang dapat kaola nyatakan. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:**

Sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan tadi, ada antara Ahli Berhormat di sebelah sini yang *involve* dalam kempen untuk *mengurangkan* ataupun meniadakan kes buli ini, kita berpendapat bahawa adalah menjadi harapan kita semua supaya Brunei ini bebas buli atau *zero* buli. Jadi, barangkali Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad suka memberikan pendapatnya tidak salah sekiranya pihak di sebelah sini juga memberikan harapan yang baik kepada pihak di sebelah kanan mereka, bahawa mereka adalah bersama kita untuk membantu kerajaan dalam membuat inisiatif yang sangat berharga ini. Silakan.

**Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Sebenarnya kaola ini tidak menyediakan apa-apa mengenai perkara ini, *it caught me off guard*. Tetapi اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ dengan ini diakui sebenarnya pihak Kementerian Kesihatan

telah mengusahakan Program Anti Buli dan perkara ini ada disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan juga ada dilaksanakan oleh beberapa pihak seperti *Young Executive Programme* dan juga program-program anti buli ini yang dijalankan di kementerian.

Namun, cuma ingin menambah sahaja yang masih kurang adalah di peringkat akar umbi, adakah program ini juga disambut di peringkat kampung atau peringkat-peringkat masyarakat. Kita dapat memikirkan apakah program ini juga dapat dilartakan di peringkat akar umbi dan bagi diri saya sendiri saya merasakan barang ini dapatlah di *emulate* di mana kesesuaiannya, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:**

Saya suka sekiranya dalam soal seperti ini, yang membabitkan anak bangsa kita sendiri. Orang ramai akan bersatu dengan kerajaan mengakui bahawa ini masalah kita dan kita harus bersatu untuk membanterasnya, dan tidaklah hanya bertanya apakah yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan, apakah yang dibuat oleh kerajaan mengenai soal ini. Di sini letaknya saya kira di mana kita harus bersatu, menyatukan pendapat usaha serta semangat kita untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam ini *zero* buli.

Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong.

**Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong:**

Terima

kasih Yang Berhormat Pengerusi.  
Kaola akan bercakap mengenai:-

1. Tajuk SF01A - Kementerian Pendidikan. Baru-baru ini, kaola hadir dalam acara sekolah iaitu berjumpa dengan guru-guru besar dan juga pengerusi-pengerusi. Mengikut keterangan daripada mereka bahawa terdapat sekolah-sekolah kurang tenaga pengajar, Guru Pendidikan Khas. Oleh sebab itu, khidmat Guru *Relief* Pendidikan Khas sangat diperlukan untuk membantu Guru *SENA* untuk membimbing murid-murid yang berkeperluan khas kerana peningkatan jumlah murid yang rata-rata memerlukan bantuan secara individu.

- i. Kaola mencadangkan supaya dibuka semula pengambilan Kursus Pendidikan Khas di Universiti Brunei Darussalam (UBD);
- ii. Mencadangkan supaya Kementerian Pendidikan ataupun Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) untuk memohon bantuan daripada Jabatan Mufti Kerajaan. Apakah Orang Kurang Upaya (OKU) ini termasuk dalam golongan orang yang berhak menerima zakat?; dan

Kementerian Pendidikan ataupun Jabatan Belia dan Sukan mengadakan kerjasama dengan Baitul Mal untuk menyalurkan bantuan khas terutama untuk

membayar gaji Pembantu Guru *SENA* atau OKU ini kerana perkara ini diperhatikan sudah berlaku di negara-negara yang ada zakat iaitu seperti di Malaysia (Johor, Selangor dan juga Terengganu). Kementerian Pendidikan dan JAPEM bekerjasama dengan Baitul Mal dalam menangani isu ataupun membantu Orang-Orang Yang Berkeperluan Khas ini.

2. Tajuk SF06A - Institut Pendidikan Teknikal Brunei. Yang Berhormat Pengerusi, kemahiran dalam teknikal adalah satu daripada kemahiran diperlukan di zaman ini. Selaras dengan Wawasan Brunei 2035 iaitu "Melahirkan rakyat yang berkemahiran tinggi", ramai ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka ke Institut Pendidikan Teknikal Brunei ataupun vokasional kerana mereka sedar kemahiran yang sedemikian mempunyai pasaran pekerjaan yang tinggi.

Oleh sebab kemahiran ini amat diperlukan di negara ini sehingga institusi berkenaan tidak mampu menampung jumlah pelajar yang makin meningkat. Ramai ibu bapa yang terpaksa menghantar anak-anak mereka ke luar negara seperti Malaysia hanya semata-mata untuk menguasai kemahiran sedangkan kemahiran tersebut boleh dikuasai dan dipelajari di negara kita sendiri.

Oleh yang demikian, adakah cadangan daripada Kementerian

Pendidikan untuk membuka ataupun membangun sebuah sekolah teknikal baharu untuk menampung keperluan tersebut. Kalau boleh dicadangkan dibangunkan seperti cadangan rakan saya tadi iaitu dibangunkan di Daerah Tutong.

3. Jika pada masa ini terdapat institusi pengajian tinggi berteraskan Islam dari setiap peringkat sama ada rendah, menengah mahu pun tinggi, diletakkan di bawah pentadbiran Kementerian Hal Ehwal Ugama, sebagai contoh Sekolah Rendah Ugama, Sekolah Menengah Arab, Institut Tahfiz Quran Sultan Haji Hassanah Bolkiah, KUPU SB.

Adakah perancangan pada masa hadapan bagi menempatkan UNISSA selaku institusi pengajian tinggi berteraskan Islam diletakkan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama? Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Ahli Yang Berhormat mengenai soalan-soalan yang telah diajukan.

Untuk menjawab mengenai soalan pertama mengenai Guru *SENA* dan masalah Guru *Relief*, untuk menambah lagi Guru *SENA* memang ada rancangan untuk dibuka Latihan Guru *SENA* di Universiti Brunei Darussalam (UBD). Ia akan dapat memulakannya secepat mungkin dan perkara ini telah pun

dibincangkan pada tahun lepas dengan Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Mengenai Guru *Relief* memang diakui bahawa ada diperlukan tetapi pada masa ini pihak Kementerian Pendidikan mengadakan *pilot project* di Daerah Temburong. Kitani mengenal pasti 2 buah sekolah rendah secara terperinci dan mengumpulkan semua guru termasuk guru *relief* dan juga *resources* dalam 2 buah sekolah tersebut supaya ia dapat dioptimumkan.

Kanak-kanak OKU dapat kitani ajar dan bimbing sepenuhnya dengan *resources* yang cukup. *Program Pilot* ini akan diteliti dikaji dan diperbaiki dan setelah perkara tersebut dibuat ia akan dilaratkan lagi ke daerah-daerah yang lain. Ini untuk mengoptimumkan *resources* kitani secara *cost effective* dan agar perbelanjaan kerajaan akan dapat dibagi secara berpatutan.

Jadinya, proses ini diharapkan akan dapat dilaksanakan pada tahun kewangan akan datang ini dan semua keperluan untuk menjayakan program ini akan diteliti dan dibuat secara terperinci.

Bagi soalan Pendidikan Teknikal memang ada keperluan lagi untuk *match* kitani punya *demand* dengan *supply* dan ada dalam perancangan Kementerian Pendidikan untuk mengembangkan lagi pendidikan teknikal tetapi dengan berbagai-bagai cara:

1. Ia diberikan oleh pihak kerajaan dan kitani akan membesarkan lagi kampus-kampus *IBTE*; dan



2. Untuk menarik pelabur asing ataupun kitani untuk melabur dalam bidang pendidikan terutamanya dalam bidang teknikal ini.

Diharapkan pihak-pihak yang berkenaan dapat membantu dan memberikan sokongan kepada pihak Kementerian Pendidikan agar banyak atau terdapat nanti pelabur-pelabur yang ingin menceburi bidang pendidikan dan memberikan tumpuan kepada sektor pendidikan teknikal dan vokasional.

Mengenai UNISSA, cadangan itu akan diteliti, diambil dan ia juga tertakluk kepada keperluan kitani. Hala tuju yang ingin dicapai institusi pengajian tinggi kitani ini ialah mereka akan berkembang dengan baiknya dengan tujuan yang telah pun diberikan dan mereka akan dapat menjadi satu institusi-institusi yang berautonomi tetapi dalam pemantauan jurisdiksi kedua-dua kementerian. Itu sahaja yang dapat dikongsikan Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin.

**Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
 الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ  
 وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih memberikan keizinan untuk kaola jua mengambil bahagian bagi mengajukan

beberapa soalan yang ringkas-ringkas sahaja.

Yang Berhormat Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan dan Yang Berhormat Ahli-Ahli Yang Dilantik *السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ*.

Yang Berhormat Pengerusi. Dengan hormat, kaola ingin menghadapkan persoalan dalam Tajuk SF01A - Jabatan Kementerian Pendidikan.

Kaola rasa tertarik juga untuk membincangkan mengenai Jabatan Pendidikan Kokurikulum iaitu sebuah jabatan pada dahulunya sebelum ada lahir ialah Unit Latihan Kesenian pada tahun 50-an 60-an. Setelah itu dinaikkan taraf sebagai Bahagian Kegiatan Luar dan ketika itulah semasa Bahagian Kegiatan Luar ini, Jabatan Sekolah-Sekolah telah membuat peraturan-peraturan bagi menjalankan kegiatan-kegiatan melalui Bahagian Kegiatan Luar seperti kegiatan rohani, kegiatan jasmani dan kegiatan akli. Maksudnya seperti bahagian kesenian, muzik, pakaian beruniform dan sebagainya.

Soalan yang ingin diajukan ialah:-

1. Apakah Jabatan Pendidikan Kokurikulum masih lagi menjalankan kegiatan-kegiatan kitani itu di sekolah-sekolah rendah, menengah, peringkat tinggi dan pengajian tinggi. Pada masa yang lalu dibahagi-bahagikan di sekolah-sekolah itu supaya ada kegiatan di sekolah-sekolah dengan jadual-jadual yang tertentu. Selain bahagian akademik, harus juga perkara itu

ditikberatkan. Perkara yang disoal, apakah masih diwujudkan kegiatan-kegiatan seperti itu?

Apakah boleh dalam pilihan wajib dimasukkan dalam kurikulum sekolah ialah bahagian kesenian dan kebudayaan khususnya seni pertahanan dan silat olahraga? Kerajaan ataupun Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mempunyai strategi juga untuk mendapatkan, melahirkan pesilat-pesilat yang boleh diketengahkan dalam sukan silat olahraga. Jika sekiranya dapat ditekankan perkara ini, wajiblah ada di sekolah-sekolah perkara ini yang dapat menaikkan taraf sukan silat olahraga itu nanti untuk negara pada masa akan datang;

2. Menyentuh mengenai Hari Guru. **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ** setiap tahun guru-guru akan dikenang dengan mengadakan Hari Guru. Berbagai-bagai kegiatan dan jadual diadakan. Selain itu, ketika itu gurulah akan diberikan penghormatan, dikenang jasanya, jasa terhadap murid-murid, sekolah, bangsa dan negara.

Walau macam manapun, kita sukacita juga supaya guru-guru ini diberi peluang sempena Hari Guru untuk menubuhkan sebuah badan atau persidangan perwakilan guru-guru setiap tahun supaya guru-guru ini akan dapat mengetengahkan apa-apa juga yang boleh mungkin bermanfaat dalam persidangan perhimpunan guru-guru setiap

tahun. Ia bolehlah dimasukkan dalam jadual Sambutan Hari Guru. Guru-guru juga ingin menyampaikan hasrat dalam persidangan perwakilannya sama ada untuk menaikkan taraf atau kemajuan pendidikan atau kesejahteraannya dan mungkin ada cadangan-cadangan, formula-formula yang boleh membantu Kementerian Pendidikan;

3. Mengenai bangunan Jabatan Pendidikan di Daerah Belait. Sejak tahun 60-an, bangunan-bangunan Jabatan Pendidikan di Daerah Belait ini yang kaola alami dan ketahui berpindah randah sejak dari hujung tahun 60-an sehingga tahun 70-an seperti di bekas Asrama Sekolah Rendah Ahmad Tajuddin sampai menumpang di Sekolah Rendah Muhammad Alam, lepas itu berpindah lagi ke banglo guru-guru di Padang Sekolah Menengah Perdana Wazir. Jadi, nampaknya belum ada lagi satu bangunan yang tetap. Kalau boleh tah bisai juga usulnya di Daerah Belait ada bangunan baharu Jabatan Pendidikan kerana seperti di daerah-daerah lain ada terdapat bangunan. Ingin juga di Daerah Belait akan mempunyai bangunan tetap Jabatan Pendidikan. Bila kiranya lagi akan membuatnya?;
4. Etika Kerja. Biasanya penuntut-penuntut atau pelajar-pelajar ini selepas ia keluar daripada sekolah-sekolah mungkin mereka ini tidak memahami apa etika kerja. Kalaulah

dapat Kementerian Pendidikan akan membuat satu subjek tambahan mengenai etika kerja supaya penuntut ini akan dapat memahami sebelum mereka akan keluar mencari kerja itu nanti sebagai satu cadangan jika sekiranya dapat dibuat.

Rasanya itu sahaja dahulu Yang Berhormat Pengerusi yang dapat kaola sama-sama tanyakan.

Sekian, *وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته*

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Mumin atas soalan-soalan yang telah diutarakan.

Bagi menjawab soalan pertama bagi Jabatan Kokurikulum. Untuk makluman bersama, Jabatan Kokurikulum masih wujud dan masih aktif dalam mengadakan semua aktiviti rohani dan jasmani seperti yang telah pun disebut tadi oleh Yang Berhormat. Ia sebenarnya telah pun menambah aktiviti untuk membantu membangun anak bangsa kitani secara holistik. Perkara ini masih lagi kitani laksanakan. Malahan ia ditambah lagi dengan Kementerian Pendidikan *Science Technology Environmental Programme Centre* untuk menarik minat pelajar-pelajar kitani ke bidang sains, teknologi dan *environment* sebagai salah satu kokurikulum juga.

Untuk makluman bersama Jabatan Kokurikulum memang aktif dan memang

membantu Jabatan Sekolah-Sekolah untuk memberikan pengalaman dan pembelajaran dan pengetahuan secara holistik kepada pelajar-pelajar kitani untuk mereka mendapatkan segala pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk bersaing pada abad ke-21. Itu yang dapat dikongsikan pada masa ini.

Pada Hari Guru, cadangan untuk menubuhkan persatuan satu cadangan yang baik. Mungkin dapat diusahakan sendiri oleh persatuan guru-guru yang bersara atau untuk pengetahuan kitani, kalau tidak salah masa ini kitani ada juga Persatuan Guru-Guru Melayu Brunei (*PGGMB*) yang telah lama wujud dan mungkin mereka juga akan dapat membantu dan memainkan peranannya. Perkara ini, pihak Kementerian Pendidikan akan meneliti dan menerimanya secara terbuka.

Untuk Soalan Ke-3 mengenai Bangunan Kementerian Pendidikan di Kuala Belait memang akan diteliti lagi dan dilihat akan ada keperluan untuk kitani membuat bangunan baharu sedangkan banyak lagi bangunan-bangunan masa ini yang memerlukan pemeliharaan dan mungkin akan dibaik tambah agar dapat ditempatkan secara tetap mungkin pejabat Kementerian Pendidikan di Kuala Belait, perkara ini akan diteliti lagi.

Mengenai etika kerja ini, ia berkait rapat dengan aktiviti-aktiviti yang diadakan oleh Jabatan Kokurikulum seperti memberikan kesedaran kepada anak-anak sekolah kitani, pelajar-pelajar kitani dengan alam pekerjaan. Jadinya ia

dapatlah kita usahakan melalui aktiviti-aktiviti Jabatan Kokurikulum agar ia tidak menambahkan beban pada anak murid kitani untuk ditambah subjek tambahan mengenai etika kerja.

Etika kerja ini selalunya dipelajari secara praktikal dan *you learn it during the job training* itu ini. Tapi untuk usaha meng*expose*kan dan menyedarkan pentingnya etika kerja, itu tah perlunya aktiviti-aktiviti Jabatan Kokurikulum mengenai rohani dan jasmaninya dengan di sana tah kitani terapkan etika kerja yang baik.

Jadinya, harus dilihat segala aktiviti Jabatan Kokurikulum dan Jabatan Sekolah-Sekolah di Kementerian Pendidikan itu tujuannya ialah untuk mendidik anak-anak bangsa kitani secara holistik dan harus diberikan pandangan secara meluas dan holistik. Itu sahaja yang dapat dikongsikan Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته  
 asas kecemerlangan tamadun sesebuah bangsa terletak kepada kecemerlangan ilmu yang mampu melahirkan insan yang ideal berdasarkan sistem pendidikan

holistik. Keberkesanan sesuatu sistem pendidikan itu bergantung pada sejauh mana kejayaan dalam pembinaan ilmu yang dijana melalui proses pendidikan.

Dalam mencapai strategi SPN21 Kementerian Pendidikan telah pun menggariskan beberapa haluan dasar. Salah satu daripadanya ialah pelaburan dan program pendidikan awal kanak-kanak. Sememangnya pada masa ini tidak dapat dinafikan semakin ramai ibu bapa dan penjaga menghantar anak-anak mereka bagi mendapatkan pendidikan pada umur yang masih kecil.

Soalan kaola, apakah perkembangan terkini mengenai dengan program pendidikan awal kanak-kanak (*early childhood program*) di negara ini khususnya dari segi meningkatkan kualiti guru-guru yang mengajar di peringkat pendidikan awal dalam memastikan guru-guru berkenaan mempunyai kelulusan atau kelayakan yang berpatutan dan sesuai untuk mengajar di peringkat berkenaan? Kaola mengambil maklum bahawa dari segi pendidikan awal kanak-kanak jika dilihat dari peringkat umur adalah pendidikan bagi peringkat umur 3 tahun ke atas ataupun lebih awal daripada itu.

Program pendidikan awal kanak-kanak di negara ini kebanyakannya dikendalikan oleh institusi-institusi pendidikan swasta manakala Kementerian Pendidikan pula melaksanakan pendidikan awal kanak-kanak di peringkat prasekolah bagi pelajar-pelajar yang telah mencapai umur 5 tahun selaras dengan Akta

Perintah Pendidikan Wajib yang berkuat kuasa sejak tahun 2007.

Kaola ingin menyentuh mengenai guru-guru dan tenaga-tenaga pengajar kita yang telah pun berjaya melanjutkan pelajaran hingga ke tahap Ijazah Kedoktoran (*PhD*) dalam bidang masing-masing sama ada melalui Skim Latihan Dalam Perkhidmatan, Skim Biasiswa Kerajaan ataupun secara persendirian. **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** difahami bahawa guru-guru dan tenaga-tenaga pengajar berkenaan bukan sahaja ditempatkan di institusi-institusi pengajian tinggi malahan ada yang ditempatkan di institusi-institusi pendidikan teknikal dan vokasional serta di sekolah-sekolah termasuk di pusat-pusat tingkatan enam.

Jika guru-guru dan tenaga pengajar berkenaan hanya terlibat dalam tugas pengajaran semata-mata ataupun turut mengguna pakai pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang didapati untuk melakukan tugas-tugas selain yang bersangkutan paut dengan bidang masing-masing seperti dalam bidang penyelidikan, kajian ataupun kepenghasilan penulisan dan kertas-kertas kerja yang boleh diguna pakai bagi kepentingan dan kegunaan negara.

Pertanyaan kaola, kaola ingin menyentuh mengenai pelaksanaan program *home school link* iaitu satu program bagi membantu pihak sekolah memantau perkembangan pelajar-pelajar di rumah dengan kerjasama ibu bapa ataupun penjaga. Apakah respons dan penglibatan para ibu bapa dan penjaga

pelajar-pelajar ke atas program yang sangat bermanfaat ini?.

Sekian, **وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته**

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu dengan soalan-soalan yang telah diberikan.

Mengenai dengan pendidikan awal kanak-kanak dikongsikan bahawa peranan pada masa ini Kementerian Pendidikan ialah memberikan latihan kepada tenaga pengajar dan menolong sekolah-sekolah ataupun sekolah swasta yang ada mengadakan pendidikan awal kanak-kanak ini dari segi latihan guru-gurunya itu. Perkembangan terkini yang dapat dikongsikan ialah pihak Kementerian Pendidikan sentiasa akan mereviu *standard* dan juga kurikulum latihan yang diadakan bagi pendidik-pendidik dalam sektor pendidikan awal kanak-kanak dan diharapkan ia akan berterusan dan perlu juga ada dimaklumkan mengenai dengan jurisdiksi akta kanak-kanak ini ditangani oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Jadinya, Kementerian Pendidikan selalunya bekerjasama dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengenai perkara-perkara ini. Setakat ini, Kementerian Pendidikan memberikan bantuan bagaimana untuk melatih membuat kurikulum bagi pendidikan awal kanak-kanak ini.

Mengenai *home link* projek diadakan dengan sekolah-sekolah dengan ibu bapa ia berjalan lancar tapi perlu diketahui bahawa kejayaan projek ini tertakluk kepada kerjasama yang rapat diberikan oleh ibu bapa dengan guru-guru di sekolah dan juga pemimpin sekolah.

Jadinya, amatlah diharapkan penglibatan yang tinggi terutama daripada ibu bapa dan juga pemimpin-pemimpin sekolah untuk mengendalikannya dengan terbaik. Selama ini ulasan balasan telah pun diterima oleh Kementerian Pendidikan. Usaha-usaha ini diambil baik oleh pihak ibu bapa, mungkin ada juga keperluan ataupun inisiatif-inisiatif baharu yang perlu untuk memperbaikinya lagi dan diharapkan ia akan mencapai objektifnya untuk meningkatkan lagi pencapaian ataupun kejayaan anak-anak sekolah kita di Brunei ini.

Itu sahaja yang dapat dikongsikan, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ada 2 persoalan dan cadangan:

1. Berhubung dengan usaha memperkasakan bahasa dan sastera Melayu. Kaola mencadangkan supaya diadakan bajet khas atau peruntukan khas bagi menulis dan mencetak buku-buku teks Bahasa Melayu bagi Tahun 9 hingga Tahun 11, yang pada masa ini buku-buku teks tersebut masih digunakan yang lama, cetakan lama yang dihasilkan dan ditulis oleh Profesor Dr. Nik Safiah Karim, kalau tidak silap saya.

Buku itu sudah lama digunakan di sekolah-sekolah kitani di Brunei ini, mungkin lebih sudah 20 tahun. Dicitak kali terakhir seperti yang dimaklumkan oleh sumber saya dapati dari antara 1997-2001. Jadi buku-buku teks itu diperlukan ditulis semula; dan

2. Kaola amat bersetuju dengan pepatah yang digunakan oleh Menteri Kesihatan tadi, yang berbunyi: "Melentur buluh biarlah dari rebungunya". Pepatah ini kaola kaitkan dengan idea ataupun pemikiran untuk memasukkan pendidikan sastera wajib di Sekolah Menengah mulai Tahun 7 hingga 11 iaitu disatukan sebagai satu komponen dalam mata pelajaran sastera Melayu.

Kebaikannya pelajar akan peka terhadap sastera dan budaya, seterusnya memperkasakan Bahasa Melayu itu sendiri kerana mereka mesti menguasai Bahasa Melayu dengan baik untuk mengikuti mata pelajaran sastera.

Peruntukan diperlukan untuk mencetak buku-buku sastera untuk dibaca dan dikaji oleh pelajar. Dalam hubungan ini, kaola pernah membangkitkan beberapa tahun yang lepas supaya buku-buku yang dihasilkan oleh penulis-penulis tanah air dijadikan buku-buku teks dalam mata pelajaran sastera.

Kaola ini bertanya, sejauh manakah saranan kaola itu diambil dan berapa banyakkah sudah buku-buku sastera itu digunakan selain novel-novel ataupun hasil karya orang luar?

Usaha memasukkan mata pelajaran sastera dalam subjek Bahasa Melayu adalah penting bagi memastikan pelajar itu dari peringkat seawalnya Tahun 7 hingga Tahun 11, tahu dan berpengetahuan mengenai sastera Melayu dan kenal akan *genre* yang terdapat dalam bahasa Melayu seperti *genre* pantun, syair, gurindam, seloka dan sebagainya.

Pada masa ini, secara umumnya pada pengamatan kaola masih banyak orang kitani termasuk para pelajar, belia dan juga sebahagiannya dewasa yang masih belum dapat membezakan antara *genre* yang kaola sebutkan tadi. Masih banyak yang *confuse* antara syair, pantun dan sebagainya.

Semasa rehat makan tengah hari tadi kaola berkesempatan bercakap-cakap dengan beberapa orang belia yang di luar sana yang ada di belakang kitani ini, kaola tanyakan

apa 'pantun', tidak tahu. Apa 'syair', tidak tahu. Jadi kaola rasa ini satu kerugian kepada bangsa kitani, khazanah bangsa kitani itu telah dilupakan.

Jadi dengan adanya cadangan kaola ini, untuk memperkasakan lagi bahasa sastera Melayu kitani dengan bajet-bajet yang khas akan dapat lagi menggiatkan usaha itu untuk mempertabatkan bahasa Melayu dan sastera Melayu.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan.** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim atas soalan dan cadangan-cadangan yang diberikan tadi itu mengenai buku teks Bahasa Melayu Tahun 9 hingga Tahun 11 yang lama.

Ingin dikongsikan dalam mukadimah ada juga diberikan kenyataan yang menyatakan kitani akan meng*update* kurikulum subjek Bahasa Melayu termasuk juga dengan buku-buku teksnya. Ia memang diambil kira dalam rancangan Pelan Strategik Kementerian Pendidikan.

Mengenai cadangan pendidikan sastera wajib ini harus diteliti lagi akan *practicality* yang kitanikan mengadakannya. Memang pada masa ini

ada juga pelajar kitani yang belajar sastera terutama yang di Tingkatan 6 dan juga di peringkat universiti.

Mereka inilah yang berminat mengenainya dan seperti yang dinyatakan Yang Berhormat tadi, untuk mengekalkan dan mengembangkan khazanah bangsa kitani. Perkara ini akan diteliti dan diambil kira lagi. Itu sahaja yang dapat dikongsikan.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis.

**Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis:** بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Saya merujuk di bawah Tajuk SF01A – Jabatan Kementerian Pendidikan. Ada beberapa soalan yang akan dikemukakan:

1. Dengan mengambil kira jumlah graduan belum mendapat pekerjaan yang semakin meningkat setiap tahun, adakah sudah dikenal pasti *industry cluster* yang boleh menjana berbagai-bagai jenis pekerjaan dalam tempoh 5 tahun ini?;
2. Adakah sudah kajian dibuat berdasarkan *demographic data* untuk menentukan hala tuju tunjuk jenis-jenis program yang akan ditawarkan berdasarkan kepada *industry cluster* sama ada di sektor pertanian, aktiviti-

industri, sektor awam, pelancongan dan lain-lain?;

3. Memandangkan masalah pengangguran semakin meruncing, adakah pensejajaran telah dibuat antara *public* dan *private educational institutions* yang menawarkan pelbagai jenis program di peringkat ijazah, diploma dan lain-lain semata-mata untuk merapatkan jurang atau *gap*, *demand* dan *supply* kelulusan yang diperlukan dan pekerjaan yang ditawarkan tidak jauh tersasar?;
4. Mengenai ucapan Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengenai Revolusi Industri 4.0 tempoh hari khususnya yang berkaitan dengan *artificial, intelligence robotic digitalisation* apakah sudah terdapat rancangan tindakan Revolusi Industri 4.0 dari segi peruntukan, *infrastructure, program*, pembelajaran *post syllabus* yang diperlukan pakar dan tenaga pengajar yang mahir dan lain-lain.
5. Apakah dasar biasiswa pendidikan yang akan disejajarkan dengan keperluan sumber manusia yang setentunya disandarkan kepada keperluan pembangunan ekonomi?; dan
6. Apakah usaha seterusnya pihak Kementerian Pendidikan dalam membanteras kegiatan pelajar-pelajar muda yang didapati merokok di kawasan persekitaran luar sekolah? Adakah kementerian



menyediakan undang-undang atau akta yang boleh dikenakan kepada pelajar-pelajar berkenaan jika didapati merokok di luar kawasan persekitaran sekolah?

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.  
Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Khamis atas soalan-soalan tadi.

Bagi menjawab soalan pertama mengenai *industry cluster*. Kita telah pun mendengar sama-sama tadi ucapan dari rakan sejawatan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II mengenai 5 *cluster* yang diberikan tekanan dalam pembangunan ekonomi kitani. Salah satu ataupun dua yang termasuk ialah *cluster logistic* dan *cluster* pertanian dan yang lain-lain.

Kitani mengambil iktibar bagaimana untuk menyediakan keperluan tenaga pekerjaannya nanti dan di sanatah bebanan Kementerian Pendidikan dalam memberikan pengetahuan dan latihan yang berkenaan dengan industri *cluster* ini. Banyak juga sudah dilaksanakan di peringkat pendidikan vokasional dan teknikal, di peringkat pendidikan universiti untuk mensejajarkannya.

Mengenai adakah kajian demografik untuk mengadakan program-program ini. Iatah yang tadi itu yang dimaksudkan dari ucapan mukadimah peramba, kaola,

saya mengenai *Strategic Plan* Kementerian Pendidikan mengenai *big data* yang Kementerian Pendidikan akan mengambil kira data-data demografik dan keperluan industri untuk merangka bagaimana untuk memberikan pendidikan yang berkenaan dan relevan kepada anak bangsa kitani.

Ini sama dengan soalan keempat tadi mengenai industri 4.0. Sebab itu masa ini Kementerian Pendidikan mengadakan Pelan Strategik yang baharu untuk menangani cabaran dan gelombang Revolusi Industri 4.0. Ini yang kitani akan berikan bukan sahaja pengetahuan tapi juga kemahiran-kemahiran *soft skill* yang diperlukan oleh anak bangsa kitani apabila mereka akan menghadapi alam pekerjaan.

Seperti kemahiran bekerjasama (*teamwork*), nilai *empathy*, nilai ia dapat merasakan *cultural awareness* dengan yang lain dan juga kemahiran-kemahiran yang diperlukan. Selalunya dikatakan empat *C's*.

Jadinya, iatah diadakan inisiatif-inisiatif seperti mereviu kurikulum, latihan guru-guru dan pemimpin-pemimpin sekolah, menyediakan infrastruktur, menyediakan infrastruktur *ICT*, mewujudkan kolaborasi dengan industri, ibu bapa dan semua komuniti itu.

Ini semua inisiatif yang akan diadakan agar kitani dapat menghadapi dan mengharungi gelombang Industri Keempat ini yang akan dihadapi oleh anak-anak kitani yang masa ini dalam peringkat pendidikan rendah dan

menengah ini. Termasuk juga dengan dasar biasiswa itu dengan yang disejajarkan dengan keperluan pembangunan ekonomi kitani.

Jadinya semua ini diperlukan koordinasi dan kesepaduan dan diharapkan ia akan dapat dilakukan dengan kerjasama yang mantap dari kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan yang lain dan juga pihak swasta dan pihak masyarakat umum kitani akan dapat merancanganya dengan lebih rapi dan lebih *cost effective* agar pembaziran tidak berlaku memandangkan keadaan ekonomi kitani yang mencabar pada masa ini.

Itu yang dapat diberikan secara menyeluruh mengenai soalan-soalan yang diberikan tadi itu Yang Berhormat Pengerusi. Sekian.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput.

**Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola sukacita membangkitkan Kod Akaun 006/004 - Universiti Teknologi Brunei. اَلْحَمْدُ لِلَّهِ Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berusaha membangun negara dalam semua aspeknya. Pembangunan ini berkait

rapat dengan keperluan teknologi yang praktik dan aktif.

Soalannya adakah pihak Kementerian Pendidikan khususnya institusi pengajian tinggi menggubal sistem dan kokurikulumnya untuk keperluan negara yang diperlukan. Contohnya, negara giat membangunkan struktur pertanian.

Adakah UTB mempunyai inisiatif menyediakan alat teknologi seperti alat membajak, menanam, pembaja, pengair dan penuai untuk penanaman padi?

Contoh lain, ialah pembersih jalan raya dan kereta pemotong rumput yang inovatif dan praktikal, mesra pengguna dan mesra alam. Begitu juga dengan aspek struktur perikanan dan kajian alat-alat yang memudahkan aktiviti seharian masyarakat. Perkara ini penting dinilai semula kerana fungsi utama UTB ialah membina secara akademik dan teknik.

Seterusnya kaola membangkitkan Kod Akaun 003/004 – Pemeliharaan Bangunan dan Aset. Atas faktor bilangan murid-murid yang semakin berkurangan, terutamanya di kawasan pedalaman ada beberapa sekolah terpaksa ditutup seperti Sekolah Rendah Rampayoh.

Kaola ingin bertanya kedudukan bangunan tersebut yang sudah lama terbiar. Jika ia masih dikira aset Kementerian Pendidikan dicadangkan supaya kawasan dan bangunan tersebut dipelihara dan dibersihkan sehinggalah ia diserahkan kepada pihak yang berkenaan jika Kementerian Pendidikan berhajat berbuat demikian.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri**

**Pendidikan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput atas soalan-soalan yang diberikan.

Mengenai adakah rancangan untuk menggubal sistem pendidikan dari institusi pendidikan tinggi kepada yang diperlukan seperti di sektor pertanian dan sektor-sektor lain. Untuk menjawabnya, memang ada. Sebenarnya itulah objektif institusi pendidikan tinggi kitani agar ia memberikan pengetahuan, kemahiran dan juga *research and development* yang relevan dengan kehendak negara dan juga industri kitani.

Jadinya, seperti yang dikongsikan di sini UTB memang ada membuat satu *centre of excellence* untuk pertanian. Mengutamakan teknologi pembungkusan dan yang lain-lain berkenaan dengan sektor pertanian. Seperti juga dengan yang lain-lain. Di *IBTE* juga memang ada seperti yang dimaklumi kecenderungan untuk meningkatkan lagi minat belia kitani untuk berkecimpung dalam sektor pertanian.

Ada program-program yang telah pun disediakan kepada mereka yang ingin menjadi petani ataupun peniaga dalam bidang pertanian. Semua usaha-usaha ini memang kitani laksanakan untuk mendukung dan memperkasakan lagi segala objektif negara kitani dalam kitani mempelbagaikan ekonomi negara dan

untuk memberikan juga nanti pekerjaan-pekerjaan yang akan dijana oleh perkembangan ekonomi dalam sektor-sektor tertentu ini.

Mengenai dengan pemuliharaan bangunan dan aset. Memang perkara ini dipantau oleh Kementerian Pendidikan dalam seluruh aset-aset yang terdapat di seluruh negara. Memandangkan di bawah jurisdiksi Kementerian Pendidikan memang banyak aset yang ada dan pada masa ini sedang dipantau dan dibuatkan aset inventornya.

Mana-mana aset yang difikirkan tidak lagi diperlukan akan dirundingkan dengan mana-mana pihak-pihak agensi kerajaan yang memerlukan. Jika ia lebih memberi manfaat kepada agensi-agensi lain mungkin akan dirundingkan untuk diserahkan dan dibangun kembali oleh pihak-pihak yang berminat dan yang berkepentingan lain itu.

Dalam membuat penelitian ini mesti juga diambil kira akan keperluan Kementerian Pendidikan pada masa akan datang sebelum membuat keputusan untuk menyerahkan aset-aset tersebut dan ini tertakluk juga dengan dari segi data demografik dan pembangunan negara agar ia tidak akan memberikan kesusahan kepada Kementerian Pendidikan pada masa akan datang.

Yang Berhormat Pengerusi. Jika diizinkan kaola inginkan menjawab soalan yang *miss* tadi pagi itu untuk dijawab pada petang ini.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingini memberikan jawapan bagi soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari mengenai adakah *MOU*, *MOA* yang ditandatangani oleh Institut Pendidikan Tinggi kitani telah berjaya menarik pelajar-pelajar keluar untuk belajar di institusi di Brunei.

Sukacita dikongsikan di sini bahawa *MOU* dan *MOA* yang telah ditandatangani oleh institusi pengajian tinggi di negara ini telah membawa impak yang diharapkan. Jumlah pelajar-pelajar luar yang datang ke negara ini iaitu *inbound* untuk mengikuti program dan aktiviti seperti *exchange programme*, sama program *Internship* dan sebagainya pada tahun 2018 ialah sebanyak 672 orang pelajar yang terdiri daripada 415 dari *ASEAN* dan 257 dari luar *ASEAN*.

Untuk makluman jua Universiti Brunei Darussalam dalam tempoh 2 tahun kebelakangan ini telah menduduki *ranking* teratas iaitu yang nombor 1 bagi *QS ranking of inbound mobility in ASIA* dan teratas di Asia bagi *out of bound mobility* sejak 5 tahun yang lalu.

Sekian yang dapat dikongsikan Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Silakan Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian.

**Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian:** Terima kasih Yang

Berhormat Pengerusi. Peramba, kaola, saya ingin memberikan keterangan tambahan terhadap soalan Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis tadi mengenai industrial kluster.

Pada menyahut juga titah seranan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, *Industry White Paper* dan *Roadmap* akan dikembangkan lagi oleh Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian dengan pihak-pihak berkepentingan termasuk agensi-agensi kerajaan dan sektor swasta dengan mengamalkan sikap keterbukaan dengan mengadakan *engagement* bagi membuahkannya *plan* yang holistik.

Pada masa ini Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian memberi tumpuan utama kepada sektor-sektor perindustrian seperti mana yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, termasuk sektor hiliran minyak dan gas, sektor permakanan, sektor perkhidmatan dan sektor teknologi dan infokomunikasi.

Di samping itu juga pihak kementerian akan memberi tumpuan kepada sektor pembuatan dan peluang lain yang dapat mengembangkan perusahaan-perusahaan tempatan terutamanya peluang-peluang *spin off* daripada sektor-sektor ini dan daripada sektor minyak dan gas.

Perancangan ini akan diambil kira dalam perancangan sumber tenaga manusia negara agar pembekalan kemahiran tenaga pekerja adalah sepadan dengan keperluan industri.

Salah satu usaha bagi menyediakan pekerja yang *industry ready* menurut perkembangan keperluan industri adalah melalui rangka kerja *National Competency Framework* yang merupakan perkembangan dari *programme energy* dan *Industry Competency framework*.

Rangka kerja ini telah diperkenalkan dengan tujuan mengenal pasti kemahiran *competency* yang diperlukan bagi melaksanakan kerja dan tugas dan juga merapatkan jurang dan menyelaraskan keperluan industri dengan *training providers*.

Bagi mengiringi usaha ini satu *platform* iaitu *Industry Steering Committee* direncanakan oleh kementerian ini yang salah satu objektifnya adalah penyediaan program-program bagi melengkapkan anak-anak tempatan bagi kemahiran keperluan perindustrian. Terutamanya di sektor-sektor yang mempunyai jumlah pekerja asing yang tinggi tadi adalah mustahak. Ini memerlukan kerjasama rapat bersama antara sektor swasta, institut-institut pendidikan dan pihak kerajaan.

Oleh yang demikian, program-program yang memenuhi keperluan industri sedang diteliti oleh Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian. Kementerian Pendidikan,

Institut Pendidikan Teknikal Brunei, *IBTE*, institut-institut pengajian tinggi bersama dengan pihak-pihak yang berkepentingan dan sektor swasta.

Komite ini adalah terdiri daripada pihak kementerian yang relevan. Pihak industri, institusi pendidikan yang relevan serta pengawal selia yang tertentu, kursus-kursus ini termasuk yang bagi memenuhi keperluan *foreign direct investment*, misalnya kursus-kursus yang dijalankan di bawah Pusat Pembangunan Kapasiti. Setakat ini bagi memenuhi keperluan Pembinaan Projek Loji Penapis Minyak dan Petro Kimia, Pulau Muara Besar.

Di samping itu, 31 pelatih telah dihantar melalui *IBTE* untuk menjalani kursus untuk *refinery of operator* melalui latihan di luar negeri dan juga penempatan di loji tersebut. Sebanyak 270 pelatih juga akan terus dirancang menjalani kursus untuk *refinery of operator*.

Pihak kementerian kini sedang memantau peluang-peluang pekerjaan yang terdapat di syarikat-syarikat *FDI* agar membuahkannya kursus yang sepadan dengan keperluannya sama ada di bawah PPK atau institusi lain yang berpatutan kepadanya. Ke arah menuju aspirasi ini 7000 peluang pekerjaan bagi anak tempatan disasarkan di bawah minyak dan gas yang termasuk projek-projek tambahan di samping aset minyak dan gas yang sedia ada.

Di antara projek berkenaan adalah Projek Pulau Muara Besar, *Hengyi Industries Sdn. Bhd.* yang berpotensi untuk

menjana sebanyak 10,000 peluang pekerjaan secara keseluruhan dalam tempoh 5 tahun ke hadapan sehingga tahun 2023 yang dijangkakan sebanyak sekurang-kurangnya 50% daripadanya adalah peluang pekerjaan khusus bagi anak-anak tempatan.

Pada masa yang sama pihak kementerian akan terus menekankan *Bruneianisation Directive* kepada sektor minyak dan gas agar termasuk *FDI* bagi memastikan anak-anak tempatan disalurkan kepada peluang-peluang pekerjaan di semua peringkat sehingga ke peringkat pengurusan.

إن شاء الله *Bruneianisation Directive* ini akan diluaskan kepada sektor-sektor lain pada tahun ini yang akan diterangkan dengan lebih lanjut dalam mukadimah peramba, kaola, saya.

Sekian, Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi kaola kan turut "menyampuk" berhubung dengan soalan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong yang menyarankan supaya Kementerian Pendidikan meminta ketetapan hukum syarak dari Jabatan Mufti Kerajaan berhubung dengan OKU, sama ada ia OKU itu termasuk dalam Asnaf Zakat atau bagaimana. Sementara Kementerian Pendidikan

menimbangkan saranan tersebut, kaola ini menyatakan Yang Berhormat Pengerusi apa yang berjalan pada masa ini Majlis Ugama Islam, tidak melihat OKU itu sebagai OKU semata-mata, kerana zakat yang akan diagihkan kepada orang yang berhak bergantung pada keadaannya.

Kalau ada OKU yang berkeadaan daif dalam erti kata miskin iaitu sudah dewasa, ia mempunyai keluarga, ia miskin maka ia termasuk dalam Asnaf Zakat Orang Miskin untuk menerima agihan zakat. Tapi kalau ia OKU pada masa ini Yang Berhormat Pengerusi, sementara hukum yang belum ada ani, dan hukum-hukum yang lain kalau ia OKU tapi mempunyai keadaan yang baik, mempunyai harta, ibu bapa mempunyai harta kalau ia nya kanak-kanak atau ia sebagai keluarga yang punya harta setahun ani belum ada Yang Berhormat Pengerusi.

Untuk makluman OKU yang sudah mendapat agihan zakat dalam erti kata ia memang orang susah yang berhak menerima agihan zakat pada masa ini, Pada tahun 2017 ada 15 orang dan pada tahun 2018 ada 5 orang.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat Kita telah pun membincangkan mengenai Kementerian Pendidikan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah mengemukakan beberapa pertanyaan, dan banyak pertanyaan

kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang telah pun dijawab olehnya dan juga oleh rakan-rakannya yang lain.

Maka saya kira Tajuk ini sudah cukup kita bincangkan. Perkara-perkara yang telah ditimbulkan sudah diselesaikan. Saya berpendapat sampailah sudah masanya bagi kita untuk meneliti sama ada Tajuk ini kita persetujui atau sebaliknya.

Sekarang akan diundi sama ada Tajuk Kementerian Pendidikan ini, boleh dipersetujui oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)**

Terima kasih nampaknya semua Ahli bersetuju, maka Kementerian Pendidikan diluluskan.

**Yang Dimulihkan Jurutulis:** Kementerian Pendidikan iaitu Tajuk SF01A hingga SF06A dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Tajuk SJ01A – Kementerian Hal Ehwal Ugama.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mesyuarat Jawatankuasa sekarang beralih untuk membahaskan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Sebagaimana lazim, saya sekarang suka untuk memberikan kesempatan kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama untuk memberikan ucapan pendahuluan tentang belanjawan yang disediakan bagi kementerianya.

Silakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
 الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَبِهِ نَسْتَعِينُ  
 عَلَى أُمُورِ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، وَالصَّلَاةِ  
 وَالسَّلَامِ عَلَى أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ،  
 سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ

kaola bersyukur dan mengucapkan **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ**, kerana sempat lagi bersama untuk membentangkan Peruntukan Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama Tahun Kewangan 2019/2020.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, belanjawan biasa Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi Tahun Kewangan 2019/2020 disokong sebanyak \$246,169,950.00. Jumlah tersebut melebihi hampir \$10 juta (\$9,944,370.00) dari peruntukan Tahun Kewangan lepas yang setakat \$236,225,580.00 yang sebahagian besarnya tambahan \$10 juta itu sebahagian besarnya iaitu \$55 juta sahaja adalah tambahan untuk pemakanan bagi Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassan

Bolkiah dan Pelajaran Menengah Sekolah Arab.

Sementara untuk Perbelanjaan Kemajuan disokong sebanyak \$19,327,000.00 dengan harga rancangan sebanyak \$91,790,000.00 yang menjadikan jumlah peruntukan keseluruhan Kementerian Hal Ehwal Ugama yang disokong bagi tahun 2019/2020 sebanyak \$265,496,950.00.

إن شاء الله peruntukan ini akan digunakan secara berhemah bagi menyokong *co-business* iaitu 5 fungsi utama yang ditetapkan termasuk fungsi pengurusan dan pentadbiran. Peruntukan keseluruhan anggaran yang meliputi Gaji Kakitangan dan Perbelanjaan Berulang-ulang adalah seperti berikut:

1. Pendidikan Islam yang meliputi Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanali Bolkiah pengajian menengah dan pengajian rendah diperuntukkan sejumlah \$187,443,270.00.
2. Penyebaran Dakwah dan Syiar Islam yang meliputi pentakmiran masjid, penyebaran dakwah dan Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam diperuntukkan sebanyak \$24,566,820.00.
3. Perundangan Islam iaitu bagi perbelanjaan bidang Perundangan Islam, Pendakwaan penguatkuasaan dan Jabatan Majlis Ugama Islam diperuntukkan sebanyak \$6,251,620.00.

4. Keselamatan Sosial iaitu berkhidmat menyelia pemakanan dan barangan halal, kutipan dan agihan zakat dan khidmat nasihat keluarga, adalah diperuntukkan sebanyak \$6,232,830.00.

5. Pengurusan dan Pentadbiran dengan peruntukan sebanyak \$21,675,410.00

Ternyata bahawa antara 5 teras utama itu, teras Pendidikan Islam diberikan peruntukan yang terbesar iaitu kira-kira 76.14% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan biasa atau 70.6 % jika dikira bersama belanjawan Kemajuan.

Hal ini patut dilihat sebagai petanda yang nyata dan jelas, bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tetap komited meneruskan dan mendukung teras, dasar dan falsafah Pendidikan Nasional kita yang tidak mengesampingkan aspek pelajaran dan pendidikan Islam dalam pembentukan generasi negara yang berilmu, generasi yang beriman pada masa sekarang dan masa yang akan datang.

Oleh itu, Kementerian Hal Ehwal Ugama memikul tanggungjawab yang berat untuk menjayakannya. Tentu sahaja dalam makna menjayakannya ialah memastikan pendidikan Islam itu tetap relevan untuk merespons setepat mungkin keperluan perkembangan dan kemajuan negara di samping juga kejayaan hidup generasi yang mengikuti aliran pendidikan Islam dan tentu sahaja



ini memerlukan pemikiran dan sikap realistik dalam kalangan perkhidmatan agama sendiri dan pihak-pihak yang berkepentingan dalam bidang perancangan pendidikan.

Yang Berhormat Pengerusi, secara ringkas kaola meneruskan dengan membentang 2 perkara berikut:

1. **Gaji Kakitangan** disokong sebanyak \$207,236,700, berdasarkan kepada perkiraan sebenar Gaji, Bonus, Kurnia Elaun Khas, Elaun Sara hidup, Tabung Amanah Pekerja (TAP), dan Persaraan Caruman Tambahan, dengan 197 jawatan kosong diperuntukkan 6 bulan bagi Bahagian 1 dan 3 bulan gaji bagi Bahagian II dan ke bawah mengambil kira proses pengiklanan, temuduga dan pelantikan jawatan-jawatan berkenaan. Sokongan ini juga adalah mengambil kira tambahan dan pengurangan beberapa jawatan.

Dalam hubungan kakitangan ini, kaola ingin menyatakan satu perkembangan yang sangat menggembirakan dan disyukuri ialah dengan berkat perhatian berat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, suatu tambahan khas kakitangan di sektor pendidikan iaitu bagi Sekolah Arab / Ugama, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanah Bolkiah telah diluluskan dan sekarang dalam proses pengisian.

Kaola ingin menyatakan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II berserta pegawai-pegawainya yang memudahkan kelulusan dan pelaksanaan untuk mengisikannya.

Begitu juga kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) kedua-duanya di bawah Jabatan Perdana Menteri yang telah dan sedang memproses ke arah pengisiannya.

2. **Menyokong dasar *fiscal Consolidation***. Kementerian Hal Ehwal Ugama menerusi Program Tabung Dana Pembinaan Masjid dapat jua menyumbang tidak pun banyak setakat 7.5 juta (\$7,503,965.27) telah diperolehi dari kutipan dalam tempoh 3 tahun pertama sejak ia dilancarkan iaitu Jun 2015 hingga Disember 2017 (dalam tempoh 30 bulan). Dari jumlah tersebut sebanyak \$6.56 juta telah digunakan untuk membina 2 buah masjid iaitu Masjid Ar-Rahman di Kampung Tanjung Bunut, Daerah Brunei dan Muara dan Masjid Kampung Bukit Panggal di Daerah Tutong. Selebihnya diperuntukkan bagi:-

i. Membuat tambahan ruang sembahyang Masjid Kampung Sungai Buloh, Daerah Brunei dan Muara (\$450,000);

- ii. Pemeliharaan untuk 3 buah masjid iaitu Masjid Pengiran Muda Abdul Wakeel, Kampung Kiudang, Daerah Tutong, Masjid Sultan Sharif Ali, Kampung Sengkurong, Daerah Brunei dan Muara dan Masjid Kampung Pulaie, Daerah Brunei dan Muara dan Jabatan Kerja Raya Bahagian Pembangunan dipertanggungjawabkan bagi anggaran dan dibukakan tender secara terbuka.

Pemeliharaan masjid iaitu Masjid Pengiran Muda Abdul Wakeel, Kampung Kiudang untuk mengganti atap dan siling sedang dalam proses pembuatannya.

Masjid Sharif Ali Sengkurong untuk memperbaiki *domenya* dan Masjid Kampung Pulaie atap dan silingnya.

Sementara bagi tahun 2018 jumlah kutipan adalah sebanyak \$4,195,516.20 (4.19 juta) yang jumlah ini melebihi anggaran awal sebanyak \$3.6 juta berdasarkan unjuran kutipan bulanan sebanyak \$300 ribu tetapi ternyata melebihi.

Yang Berhormat Pengerusi, semasa membentangkan Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama pada tahun lepas (Belanjawan 2018-2019).

Kaola telah menyebutkan bahawa kementerian sedang memikirkan perancangan 5 tahun untuk membina beberapa buah masjid menggunakan hasil kutipan lima tahun iaitu tahun (2018

- 2022). Tabung Dana Pembinaan Masjid dengan unjuran sejumlah \$18 juta.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ perancangan itu telah diluluskan oleh Majlis Ugama Islam dan telah pun mendapat perkenaan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan pada masa ini pelan masjid pertama yang akan dibina dalam rancangan lima tahun (2018-2022) itu telah pun disediakan oleh Kementerian Pembangunan dan sedang menunggu untuk dimuktamadkan dan akan ditawarkan pembinaannya secara *open tender* iaitu bagi masjid baharu Kampung Junjongan, Daerah Brunei dan Muara.

Masjid Kampung Junjongan bagi menggantikan masjidnya yang ada pada masa ini yang dibina pada tahun 1970. Sukacita kaola memaklumkan bahawa semua pelaksanaan projek-projek menggunakan hasil Program Tabung Dana Masjid. Pembinaan masjid adalah dengan kerjasama penuh bersama Kementerian Pembangunan. Maka ternyata bahawa Program Dana Pembinaan Masjid telah diterima baik oleh masyarakat, orang ramai menyokongnya dengan keyakinan untuk meraih pahala saham akhirat yang mereka turut sama melabur setulus ikhlas dan setulus budi yang masing-masing menyakininya sedemikian.

Oleh itu, apa yang kaola sebutkan bahawa Program Tabung Dana Pembinaan Masjid yang dikendalikan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama telah menyumbang kepada dasar *fiscal*

*consolidation*. Maka sebenarnya yang menyumbang itu ialah orang ramai. Orang ramai telah menyumbang mengukuhkan perbelanjaan kerajaan. Mereka mahu berbuat demikian kerana yakin kepada faedah pahala dan akhirat yang akan diraih daripada saham yang mereka laburkan itu melalui derma mereka.

Maka tugas dan tanggungjawab kementerian sekarang dan pada masa yang akan datang melalui Majlis Ugama Islam Brunei dan Jabatan Hal Ehwal Masjid ialah bukan sahaja menghargai kemurahan hati mereka bahkan yang terpenting lagi ialah menyampaikan hajat mereka dalam menderma sedemikian itu.

Demikianlah ringkasnya kaola bentangkan butir-butir sokongan Belanjawan Kewangan 2019/2020 bagi Kementerian Hal Ehwal Ugama dapat dirujuk dan ditunduki dalam Kertas No.2 Tahun 2019, Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Negara Tahun Kewangan 2019/2020, Lampiran 1.8 boleh dirujuk oleh sekalian Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik dalam kategori-kategorinya.

Kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian.

Sekian, *وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته*

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita baru sahaja mendengar pendahuluan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama

mengenai penyediaan belanjawan kementeriannya.

Maka saya kira cukuplah bagi kita hari ini untuk membincangkan dan membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan ini.

Saya dengan itu sukacita menangguhkan Mesyuarat Jawatankuasa ini bagi kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Peringkat  
Jawatankuasa ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang  
semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara pada petang ini. *إِنْ شَاءَ اللهُ* kita akan bersidang semula pada hari Isnin, 18 Mac 2019. Sebagaimana lazim mulai pukul 9.00 pagi.

Sekian, *وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته*

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

